



[Sidang Dewan pada 12 Mac 2023 – Hari Pertama Persidangan]

Selepas Loceng Dibunyikan

(Yang Berhormat Dato' Speaker masuk ke Dewan Mesyuarat)

JURUACARA

Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian, mengumumkan ketibaan Yang Berhormat Dato' Speaker Dewan Undangan Negeri masuk ke Dewan Mesyuarat. Semua dipohon berdiri.

YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Dipersilakan Tuan Setiausaha untuk bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Bacaan Doa.

YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER

Sukacita saya maklumkan kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah memberi perkenan untuk menyampaikan Titah Ucapan sempena Perasmian Pembukaan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keenam.

Sekarang saya pohon meninggalkan majlis untuk mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah serta Kerabat-Kerabat Diraja yang lain ke majlis ini".

(Yang Berhormat Dato' Speaker dan rombongan keluar menjemput KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah serta Kerabat-Kerabat DiRaja yang lain masuk ke dalam Dewan).



JURUACARA

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Hadirin sekalian dipohon berdiri. Mengumumkan keberangkatan masuk KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah ke Dewan Mesyuarat diiringi bersama Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah serta Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah.

(KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah dan Kerabat-Kerabat DiRaja bersemayam)

JURUACARA

Semua dipersilakan duduk. Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, sembah patik pohon diampun. Ahli-Ahli Yang Berhormat serta hadirin sekalian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah telah perkenan menyampaikan Titah Ucapan Perasmian. Dipersilakan YAB. Menteri Besar Kedah untuk mempersembahkan Titah DiRaja ke hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan.

(Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan persembahkan Naskah Titah Ucapan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bertitah sambil bersemayam)



I. TITAH UCAPAN PERASMIAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SEMPENA PERASMIAN PEMBUKAAN MESYUARAT PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI WISMA DARUL AMAN BAGI MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEENAM PADA 12 MAC 2023.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah s.w.t tuhan sekalian alam.

Selawat dan salam kepada baginda Rasulullah s.a.w penghulu segala nabi serta kerabat dan para sahabat baginda.

Syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia- Nya, maka dapatlah Beta dan Tuanku Sultanah berangkat hadir ke Majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-14 tahun 2023.

Alhamdulillah, setelah dua tahun Beta menyampaikan titah diraja secara maya kepada ahli dewan ini, namun pada kali ini Beta diberi kesempatan oleh Allah s.w.t untuk bertitah secara bersemuka.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Baru-baru ini pada 6 Februari 2023, dunia dikejutkan dengan kejadian gempa bumi di Turkiye dan Syria. Kejadian tersebut telah meragut lebih 50,000 nyawa dan mengakibatkan ratusan ribu mengalami kecederaan dan kehilangan tempat tinggal.

Beta dan Tuanku Sultanah ingin menzahirkan rasa simpati serta mendoakan kepada seluruh rakyat Turkiye dan Syria agar tabah dan cekal mengharungi dugaan yang menimpa.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta mengambil berat perihal kerajaan Beta. Beta berpuas hati dengan pentadbiran di bawah pimpinan mamanda Menteri Besar yang telah memperolehi banyak pencapaian membanggakan seperti berjaya menarik masuk pelaburan yang tinggi ke Negeri Kedah.



Pada tahun 2022, Negeri Kedah telah berjaya mencatat jumlah keseluruhan pelaburan masuk sebanyak RM13.1 bilion. Manakala, khusus bagi sektor pembuatan adalah berjumlah RM12 bilion yang merupakan antara tertinggi dalam negara.

Pelaburan yang masuk ini bukan sahaja meningkatkan hasil negeri malah turut menyediakan sebanyak 6,072 peluang pekerjaan. Ini adalah satu bukti bahawa kerajaan negeri bersungguh-sungguh dalam menjalankan usaha meningkatkan taraf ekonomi negeri dan rakyat.

Beta melihat usaha giat kerajaan negeri dalam melaksanakan transformasi digital dalam penyampaian perkhidmatan kerajaan adalah satu langkah yang tepat. Program transformasi digital kerajaan bakal menyokong kemasukan pelaburan melalui birokrasi yang cekap dan efisien.

Sistem E-10 atau Permit Pembinaan Ekspres yang dirintis oleh Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) kini mula dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan lain di Negeri Kedah.

Sistem E-10 dapat mempercepatkan tempoh kelulusan kebenaran merancang bagi pembinaan bangunan dan kilang menjadi 10 bulan berbanding 24 hingga 36 bulan sebelum ini.

Birokrasi yang efisien ini secara tidak langsung telah menjadi satu insentif berbentuk bukan fiskal kepada pelabur ke Negeri Kedah.

Selain menyokong kemasukan pelaburan, transformasi digital perkhidmatan kerajaan turut memberi manfaat kepada rakyat secara amnya.

Melalui program Kedah Cashless, rakyat kini mempunyai pilihan untuk melakukan transaksi pembayaran perkhidmatan kerajaan secara tanpa tunai dan secara atas talian.

Beta difahamkan bagi rakyat yang tidak mempunyai akses kepada internet dan peranti mudah alih, kerajaan telah menyediakan kiosk pembayaran digital di beberapa lokasi dan tempat yang strategik terutamanya di luar bandar sebagai kemudahan kepada rakyat secara menyeluruh.

Program transformasi digital seumpama ini wajar diperkasakan kepada seluruh pentadbiran kerajaan negeri seperti pentadbiran tanah, pihak berkuasa tempatan dan lain-lain agensi yang berurusan secara langsung dengan rakyat.



Perkhidmatan kerajaan yang mudah dan pantas akan mencerminkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat jelata.

Beta memuji keprihatinan kerajaan pimpinan mamanda Menteri Besar kepada rakyat Negeri Kedah khususnya dalam menyegerakan proses pemberimilikan tanah kepada rakyat yang memohon.

Beta telah dimaklumkan bahawa sejak bulan Mei tahun 2020 hingga kini sebanyak 2,075 permohonan mendapatkan hak milik tanah dan lesen pendudukan sementara telah berjaya diluluskan.

Tindakan ini secara langsung telah memberi nafas lega kepada rakyat yang menanti mendapatkan hak milik dan lesen pendudukan sementara bagi menduduki tanah secara sah di sisi undang-undang.

Usaha ini bukan sahaja menyelesaikan permasalahan rakyat bahkan juga membantu meningkatkan hasil negeri melalui bayaran premium dan penambahan hasil kutipan cukai tanah berulang.

Beta sukacita melihat pentadbiran mamanda Menteri Besar yang begitu komited dalam melaksanakan agenda Pelan Pembangunan Kedah 2035 atau KEDAH2035 secara berterusan.

Beta dimaklumkan pada tahun ini, Kajian Separuh Penggal bagi KEDAH2035 akan dilaksanakan untuk menilai semula keberkesanan 3 tahun pertama pelaksanaan KEDAH2035. Beta berharap semua pihak akan memberi kerjasama dalam menjayakan Kajian Separuh Penggal tersebut.

Di atas segala pencapaian dan usaha yang Beta sebutkan tadi tahniah diucapkan kepada mamanda Menteri Besar dan seluruh jentera pentadbiran kerajaan negeri.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta menyambut baik komitmen kerajaan negeri dalam melaksanakan Projek Impak Tinggi di bawah KEDAH2035 yang bakal merancakkan lagi landskap pembangunan dan ekonomi negeri. Pembangunan DELAPAN SBEZ yang dahulunya dikenali sebagai Kota Perdana SBEZ kini giat dilaksanakan. Beta dimaklumkan bahawa pembangunan tersebut telah pun menerima beberapa pelaburan yang komited dalam segmen infrastruktur digital dan pembuatan.



Komponen Hab Logistik Darat iaitu Depoh Lori dan Pelepasan Dalamannya bakal memangkin jaringan perkhidmatan logistik rentas sempadan telah pun mula dilaksanakan dan dijangka beroperasi pada suku ketiga tahun 2024 nanti.

Beta percaya dengan perancangan yang teratur dan kerjasama yang jitu daripada semua pihak, matlamat untuk menjadikan Bukit Kayu Hitam sebagai Hab Logistik dan Digital dapat dijayakan. Usaha kerajaan negeri melaksana projek Kedah Rubber City (KRC) di Padang Terap adalah bertepatan dengan prinsip pembangunan negeri bagi menggalakkan limpahan pembangunan ke kawasan kurang membangun. Pembangunan kerja-kerja tanah dan infrastruktur asas dalam KRC Fasa 1 yang merangkumi keluasan seluas 496 ekar telah pun siap.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Di dalam sektor pembuatan, Kulim Hi-Tech Park (KHTP) yang menjadi Hab Elektrik dan Elektronik adalah permata pelaburan negeri. Hampir lebih 90 peratus pelaburan yang masuk ke Negeri Kedah adalah tertumpu di kawasan tersebut. Oleh yang demikian, perancangan kerajaan bagi memperbesarkan KHTP kepada fasa berikutnya adalah bertepatan dengan permintaan pasaran pelaburan semasa.

Beta difahamkan proses pengambilan tanah bagi pembesaran KHTP sedang dilaksanakan.

Beta menyarankan semua pihak berkepentingan memberi kerjasama dalam menyelesaikan proses pengambilan tanah tersebut dan lain-lain perancangan melibatkan pembesaran KHTP agar hasrat kerajaan dalam memperkasakan landskap ekonomi dan pelaburan negeri dapat dicapai.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pada 24 Februari 2023, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan Belanjawan 2023 di Parlimen. Berdasarkan kepada pembentangan tersebut, cadangan pembangunan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) yang menjadi salah satu projek berimpak tinggi negeri tidak diberi keutamaan. Dalam usaha untuk merencanakan pembangunan ekonomi Negeri Kedah dan wilayah utara, Beta berpandangan projek KXP wajar diberi pertimbangan. Perancangan untuk membangunkan projek KXP telah bermula sejak tahun 2013. Dalam tempoh tersebut sebanyak 5 kajian kebolehlaksanaan telah dijalankan.



Berdasarkan kepada kajian-kajian tersebut, pembangunan KXP bakal menjadi “Economic Game Changer” kepada Negeri Kedah dan berfungsi sebagai pelengkap kepada lapangan terbang sedia ada di utara tanah air melalui penyediaan perkhidmatan kargo yang lebih komprehensif dan disokong dengan pembangunan hub Maintenance, Repair & Operation (MRO).

Selain itu, projek KXP yang dilaksanakan secara kaedah pembiayaan swasta (PFI) adalah berperanan sebagai enabler kepada keseluruhan pembangunan Kedah Aerotropolis yang turut merangkumi komponen lain seperti Sidam Logistics, Aerospace & Manufacturing Hub, Business Park dan pembangunan Airport City.

Justeru itu, Beta menyeru agar Kerajaan Persekutuan dapat menyokong dan memberi pertimbangan bagi pelaksanaan pembangunan projek KXP demi manfaat menyeluruh kepada negara dan Negeri Kedah khususnya.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Pulau Langkawi adalah merupakan sebuah daerah pelancongan di Negeri Kedah yang menjadi tumpuan para pelancong. Walaupun menerima impak semasa tempoh COVID-19, kemasukan pelancong kini mulai pulih. Selain daripada peranan mempromosikan pelancongan Pulau Langkawi, pihak kerajaan juga perlu memikirkan kaedah untuk melancarkan pergerakan pelancong keluar masuk ke Pulau Langkawi.

Pengangkutan utama ke Pulau Langkawi adalah melalui perkhidmatan feri. Namun begitu, sejak akhir ini perkhidmatan feri penumpang kian mengalami kemerosotan dari segi kekerapan jadual pergerakan feri.

Amatlah rugi kepada negeri sekiranya permintaan tinggi untuk melancong ke Pulau Langkawi tidak dapat dipenuhi hanya semata-mata kekerapan perkhidmatan feri penumpang tidak ditambah baik secukupnya.

Beta menyarankan agar pihak berkaitan memikirkan langkah penyelesaian untuk mengatasi masalah tersebut.

Dalam hal itu juga, diharapkan projek menaik taraf terminal penumpang di Kuala Kedah dapat disegerakan demi keselesaan rakyat Negeri Kedah dan pelancong ke negeri ini.



Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dalam membangunkan sektor pelancongan khususnya di Tanah Besar Kedah, kerajaan negeri wajar memikirkan tema pelancongan bersesuaian yang boleh dipasarkan kepada pelancong.

Antara tema pelancongan yang boleh dipertimbangkan adalah warisan sejarah dan budaya negeri. Warisan budaya seperti wayang kulit, tarian tradisional, permainan rakyat, makanan tradisional serta buah-buahan eksotik seperti buah nam-nam, buah keranda, buah seralat dan lain-lain boleh diketengahkan kembali dalam penampilan yang lebih moden dan menepati citarasa semasa.

Bangunan warisan seperti istana lama, bangunan kerajaan dan bangunan komersial juga perlu diberi perhatian untuk dibaik pulih dan dijaga nilai sejarahnya. Bangunan lama yang dijaga baik bukan sahaja menjadikan bandar indah dan berseri, malah turut berfungsi sebagai pemberi nilai tambah kepada sektor pelancongan.

Selain itu, Negeri Kedah turut kaya dengan warisan alam semulajadi. Taman Negeri Ulu Muda dan Tasik Pedu yang menjadi habitat kepada pelbagai spesis haiwan seperti gajah asia, harimau kumbang, harimau dahan, tapir, beruang matahari serta burung enggang boleh diketengahkan sebagai satu produk pelancongan eko berkonsepkan penyelidikan.

Begitu juga dengan Jerai Geopark yang sarat dengan tinggalan arkeologi, warisan sejarah dan geologi turut boleh diperkasakan sebagai satu produk pelancongan negeri.

Dalam merencanakan pembangunan pelancongan di Negeri Kedah adalah lebih efektif sekiranya satu usaha yang bersepadu dapat digerakkan memandangkan usaha ini memerlukan penglibatan pelbagai jabatan merentasi pelbagai bidang.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Negeri Kedah mempunyai peranan yang penting dalam memastikan bekalan beras negara mencukupi dan mengurangkan kadar kebergantungan negara kepada import beras luar.

Hal ini telah meletakkan Kedah dalam keadaan dilema, di mana keperluan pembangunan seperti perumahan, komersial, dan industri perlu diseimbangkan dengan keperluan menjamin keselamatan makanan negara.



Untuk itu, bagi menambahkan kadar pengeluaran beras, Negeri Kedah tidak mempunyai pilihan untuk memperbesarkan kawasan penanaman padi melainkan melalui penerokaan kaedah penanaman baharu dan penggunaan teknologi yang lebih moden.

Usaha seperti yang dijalankan oleh pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam memperkenalkan kaedah penanaman padi secara berskala besar boleh diperluaskan ke kawasan-kawasan lain.

Selain itu, penggunaan teknologi pertanian seperti pengenalan benih padi berkualiti dan penggunaan jentera pertanian yang lebih moden turut boleh dikembangkan kepada lebih ramai petani.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Perubahan iklim dunia yang kini kian tidak menentu menyebabkan kekerapan bencana dan skala bencana yang berlaku bertambah buruk. Pengalaman jabatan berkaitan dalam mengelola pengurusan bencana di Negeri Kedah selama ini adalah amat cekap dan teratur. Walau bagaimanapun, satu usaha jangka panjang bagi mengurangkan kekerapan bencana dan kesannya perlu dirancang dan dilaksanakan.

Beta amat tertarik dengan konsep “Room for the River” yang diperkenalkan oleh Kerajaan Belanda dalam merancang langkah penyelesaian jangka panjang pengurusan bencana banjir dan lembangan sungai utama di Belanda.

Beta berpendapat tidak salah sekiranya konsep yang serupa dilaksanakan bagi menangani risiko banjir berulang.

Beta berharap projek pembangunan Rancangan Tebatan Banjir yang dirancang seperti di Baling, Pendang dan Kota Setar dapat disegerakan bagi memastikan risiko kejadian bencana banjir dielakkan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Kesejahteraan rakyat adalah matlamat utama sesebuah kerajaan. Beta cakna dengan pelbagai isu yang disiarkan di media massa, dan elektronik. Antaranya adalah isu eksploitasi ke atas wanita dan kanak-kanak terutamanya dalam konteks perkahwinan dan rumah tangga.



Di dalam persidangan yang lepas, dewan ini telah meluluskan Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kedah Darul Aman) (Pindaan) 2022 dengan menaikkan had umur perkahwinan bagi wanita daripada 16 tahun kepada 18 tahun dan hukuman denda bagi kesalahan poligami tanpa kebenaran mahkamah telah dinaikkan daripada denda RM1,000 atau 6 bulan penjara kepada denda RM3,000 atau setahun penjara atau kedua-duanya.

Beta menyambut baik perkembangan ini dan berharap agar undang-undang berkaitan agama Islam terutamanya melibatkan kaum wanita dan kanak-kanak terus diperhalusi dari semasa ke semasa agar hak kaum wanita dan kanak-kanak sentiasa terjamin dan terpelihara.

Begitu juga dengan enakmen-enakmen lain yang digubal di dalam dewan ini yang mungkin perlu dipinda agar selari dengan perkembangan semasa, maka undang-undang tersebut perlu dipinda sewajarnya. Ini adalah fungsi utama Ahli Yang Berhormat sekalian sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri selain bertindak sebagai semak dan imbang kepada perjalanan kerajaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta percaya peri pentingnya keharmonian hubungan di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Ini adalah agar fokus kerajaan terhadap penyelesaian isu dan permasalahan rakyat tidak terjejas.

Negara, negeri dan rakyat memerlukan kestabilan politik untuk memperolehi manfaat melalui pembangunan projek ekonomi dan program kesejahteraan rakyat yang dirancang.

Tanpa gandingan yang harmoni di antara keduanya, rakyat pasti akan menerima kesannya. Elak berpolitik secara berlebihan dan sentiasa berusaha menjaga hubungan di antara satu sama lain khususnya antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Sepertimana kenyataan Lord Hewart, Bekas Ketua Hakim Mahkamah England dalam satu penghakiman pada tahun 1924, "Justice should not only be done, but should manifestly and undoubtedly be seen to be done", prinsip yang sama turut boleh digunapakai di dalam menjaga hubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Hubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan bukan hanya perlu dijaga malah perlu ditunjukkan bahawa ianya dijaga.



Beta berharap tahap profesionalisme yang tinggi di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan serta perbincangan-perbincangan dalam menjayakan agenda pembangunan digiatkan demi kebaikan bersama.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Beta menyeru agar kerajaan Beta dapat meneliti dan mengkaji semula dasar dan polisi berbentuk fiskal mahupun undang-undang yang telah lapuk. Hal ini adalah supaya perkara tersebut dapat diangkat untuk perhatian Kerajaan Persekutuan melalui platform bersesuaian agar ianya dapat dikaji semula dan dipinda sewajarnya.

Dalam menilai kadar inflasi yang saban tahun menunjukkan peningkatan maka sebahagian daripada kadar pemberian Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri perlu dikaji semula dan ditetapkan dengan satu kadar baharu yang lebih relevan mengikut situasi masa kini.

Sebagai contoh, kadar Pemberian Mengikut Bilangan Orang (Capitation Grant) di bawah Fasal (1)(a) Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan yang kali terakhir dipinda adalah pada 20 tahun yang lepas melalui Akta Pemberian Mengikut Bilangan Orang 2002 [Akta 622].

Oleh itu, kerajaan negeri hendaklah sentiasa peka dan proaktif dalam bertindak demi kepentingan negeri terutamanya yang melibatkan hak sebagaimana yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Persidangan Dewan Undangan Negeri pada kali ini akan menyaksikan pelantikan Ahli Dewan Negara yang baharu bagi Negeri Kedah selaras dengan Fasal (1)(a) Perkara 45 Perlembagaan Persekutuan.

Sekiranya Ahli Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat adalah bagi membawa suara rakyat di Dewan Rakyat, maka Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri adalah bertujuan membawa suara negeri di Dewan Negara.

Beta ingin berpesan kepada Ahli Dewan Negara yang bakal dilantik oleh dewan ini untuk memainkan peranan membawa suara negeri ke Dewan Negara serta memainkan peranan semak dan imbang yang berkesan di Parlimen.



Pelantikan tersebut bukan sekadar bagi mengisi kekosongan semata-mata tetapi mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan isu dasar dan pembangunan negeri didengari di peringkat Kerajaan Persekutuan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Di kesempatan ini, Beta ingin menzahirkan penghargaan di atas taat setia, pengorbanan dan perkhidmatan anggota Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, anggota RELA, barisan petugas kesihatan serta seluruh Pegawai Tadbir Negeri Kedah (KCS) dan penjawat awam di Negeri Kedah yang diketuai oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah di atas komitmen yang diberikan.

Beta ingin berkongsi kata-kata yang menjadi falsafah semasa Beta menjalani latihan ketenteraan di Indian Military Academy, Dehradun, “The safety, honour and welfare of your country come first, always and every time. The honour, welfare and comfort of the men you command come next. Your own ease, comfort and safety come last, always and every time”.

Kata-kata ini adalah satu renungan buat seorang pemimpin. Pemimpin yang berwibawa adalah pemimpin yang sentiasa mengutamakan negara dan negeri melebihi segalanya. Kepentingan diri dan peribadi perlu diletakkan di belakang.

Keberadaan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di dalam dewan ini tidak lain tidak bukan adalah untuk membincangkan kepentingan negeri dan rakyat di Negeri Kedah.

Beta ingin menyarankan kepada semua Ahli Yang Berhormat selaku pemimpin untuk berbahas di dalam dewan ini secara ilmiah berdasarkan fakta dan angka serta secara berbudi bahasa dan penuh tatasusila. Bukan semata-mata bersifat meraih “political mileage” ataupun bagi tujuan “political vendetta”.

Gunalah kesempatan ini untuk menabur bakti dan mencurahkan kebijaksanaan Ahli-ahli Yang Berhormat demi kepentingan negeri dan rakyat di Negeri Kedah.

Beta mendoakan agar perjalanan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam, Dewan Undangan Negeri Kedah ke -14, berjalan dengan sempurna serta dilindungi kesihatan dan keselamatan semua. Semoga persidangan pada kali ini, membawa faedah kepada negeri dan seluruh rakyat di Negeri Kedah.



Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim,

Beta dengan ini merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam, Dewan Undangan Negeri Kedah ke-14, Tahun 2023.

Sekian.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

(Selepas habis bertitah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar akan mengambil semula Titah Ucapan)

JURUACARA

Menjunjung Kasih Tuanku. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah untuk menyambut Kembali naskhah Titah DiRaja.

JURUACARA

Ampun Tuanku. Bacaan Doa Selamat oleh Sohibus Samahah Dato' Paduka Mufti Negeri Kedah Darul Aman.

SOHIBUS SAMAAH DATO' PADUKA MUFTI

Bacaan Doa.

(Selepas Bacaan Doa)

YANG BERHORMAT DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan ditangguhkan sehingga jam 9.00 pagi esok.
(Yang Berhormat Dato' Speaker bangun mengangkat sembah memohon keizinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sutlan Kedah Kedah untuk menangguhkan Sidang Dewan)



JURUACARA

Ampun Tuanku, Ahli-Ahli Yang Berhormat serta Hadirin sekalian.

Mengumumkan KDYMM Tuanku Sultan Kedah dan KDYMM Tuanku Sultanah Kedah berangkat meninggalkan Dewan Mesyuarat. diikuti Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Raja Muda dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Kedah, Duli Yang Amat Mulia Tunku Mahkota Kedah dan Duli Yang Amat Mulia Tunku Puan Mahkota Kedah serta Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman dan Yang Amat Berbahagia Tok Puan meninggalkan Dewan Mesyuarat. Semua dipohon berdiri.



[Sidang Dewan pada 13 Mac 2023 – Hari Kedua Persidangan]

YB. DATO' SPEAKER

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - DOA

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirahim saya ada beberapa pemakluman, itu yang pertama. Sukacita saya umumkan Ketua Pembangkang sekarang ialah YB. Suka Menanti, berkuat kuasa 1 Februari 2023. Yang kedua, saya nak maklumkan kerusi Gurun telah kosong setelah mantan YB. Gurun telah meletak jawatan pada 12 Disember 2022. Kerusi Gurun akan kekal kosong sehingga habis penggal ini. Yang ketiga, berlaku pertukaran tempat duduk YB. Sungai Tiang dan YB. Bandar Baharu dari sebelah kanan bertukar sebelah kiri mulai 20 Februari 2023 (ada di sana). Yang keempat, adalah dimaklumkan ADUN Alor Mengkudu yang dulunya adalah ADUN Amanah dan telah menjadi ADUN Bebas. Mulai 11 Mac 2023, ADUN Alor Mengkudu adalah ADUN PH (Pakatan Harapan) iaitu ahli parti PKR. Saya ada nombor ahlinya apa semua, tak payah cerita. Jadi, YB. Alor Mengkudu bukan calon bebas sekarang dia adalah ADUN PKR. Mana dia taktau YB. ADUN Alor Mengkudu? Haa..Dia lompat sebelum 1 haribulan April, kalau 1 haribulan April, tak boleh lompat! Yang kelima, kita memperuntukkan masa untuk membahaskan titah ucapan Tuanku Sultan, peruntukan masa ini kita beri kepada Ketua Pembangkang dan Ketua 'back benchers' 30 minit.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seorang 15 minit, penggulungan oleh Exco 20 minit, penggulungan oleh MB 45 minit atau sehingga habis dan yang terakhir di atas galeri sana ada rombongan dari Terengganu, kita mengalu-alukanlah kedatangan rombongan dari Terengganu dan yang di hujung sekali tu ADUN lantikan wanita. Rupa-rupanya di Terengganu, selain daripada ADUN yang dipilih ada ADUN lantikan lima enam kerusi. Jadi, Kedah kalau nak fikir-fikirkan dari segi itu, Sabah pun ada, Pahang ada, kalau Kedah nak fikir, fikirkanlah. Tamat bahagian pemakluman.

Urusan seterusnya setiausaha!



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Kertas-kertas Dewan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman.

I. PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS DEWAN OLEH YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, ada apa cerita tentang YAB. Jeneri ni? On the way?!

MB dia cedera main bola, jadi dia lambat sikit. Sampai dah, duk ada di bawah dah.

Bila masa yang kita peruntukkan itu pendek, jadi diminta Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap 'direct to the point', tak perlulah mukadimah yang panjang-panjang sangat ataupun tak perlulah mukadimah, 'direct to the point'.

YAB. Dato' Seri Menteri Besar, saya nak mempersilakan Yang Amat Berhormat untuk membentangkan Kertas-kertas Dewan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato Speaker, saya mohon membentangkan Kertas-kertas Dewan seperti di meja Ahli-ahli Yang Berhormat.

Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 2023

Laporan Ketua Audit Negara
Penyata Kewangan Kerajaan
Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun
2021.

Kertas Dewan Bil. 2 Tahun 2023

Penyata Kewangan Yayasan Islam
Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31
Disember 2021.



Kertas Dewan Bil. 3 Tahun 2023

Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah ke atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Siri 1 Dan Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Kedah Siri 2 Tahun 2018.

Kertas Dewan Bil. 4 Tahun 2023

Penyata Kewangan Perbadanan Pepustakaan Awam Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

Kertas Dewan Bil. 5 Tahun 2023

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kedah Bagi Tahun 2021.

Kertas Dewan Bil. 6 Tahun 2023

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021.

[Majlis Bandaraya Alor Setar, Majlis Perbandaran Sungai Petani, Majlis Perbandaran Langkawi, Majlis Perbandaran Kulim, Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Majlis Daerah Baling, Majlis Daerah Pendang, Majlis Daerah Yan, Majlis Daerah Sik, Majlis Daerah Padang Terap dan Majlis Daerah Bandar Baharu].

Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya.



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sesi Pertanyaan-pertanyaan Mulut.

II. SESI PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT.

YB DATO' SPEAKER

*Setiap pagi menyorok pulut,
Makan bersila di bawah khemah,
Sekarang tiba sesi pertanyaan mulut,
Tanya dan jawab secara berhemah.*

*Selepas menyorok berehat di titi,
Melihat arnab berlari-lari,
Soalan pertama dari Suka menanti,
Harap dijawab oleh Jeneri.*

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Speaker. Saya mohon komitmen kerajaan ke atas mangsa-mangsa bencana kepala air di Yan dan juga Kampung Iboi diberikan penjelasan pada hari ini. Terima kasih.

1. YB. DATO' HJ. ZAMRI BIN YUSUF [ADUN SUKA MENANTI]

Berdasarkan komitmen Kerajaan Negeri dan Persekutuan, berapakah bilangan rumah yang akan dibaiki dan dibina ganti untuk mangsa kepala air di Yan dan Kg Iboi? Apakah status pembinaan? Bilakah tarikh boleh dimasuki?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Lambat sikit nak bangkit YB. Dato' Speaker, pasal 'injured'.

YB. DATO' SPEAKER

'Take your time'!



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Main bola! Terima kasih ADUN Suka Menanti, tahniah kerana telah dilantik sebagai Ketua Pembangkang DUN Kedah (kena tepuk meja sikit). Berdasarkan komitmen kerajaan negeri dan Persekutuan berapakah bilangan rumah yang akan dibaiki dan dibina ganti untuk mangsa banjir kepala air di Yan dan Kampung Iboi, status pembinaan dan tarikh dimasuki. Berdasarkan kelulusan peruntukan Persekutuan yang direkodkan oleh Pejabat Pembangunan Negeri Kedah yang telah dikemas kini pada 16 Februari 2023, status bantuan bina baharu dan baik pulih rumah kepada mangsa bencana kepala air di Yan tahun 2021 dan Kampung Iboi, Baling pada tahun 2022 dan Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah adalah seperti berikut.

Di Yan, baik pulih 55 unit rumah, status pelaksanaan 100% siap, semua rumah telah diduduki. Peruntukan Kerajaan Persekutuan agensi pelaksana Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah yang dikemas kini pada 16 Februari 2023 di Kampung Iboi, Kupang, bina baharu, 8 unit rumah melalui surat arahan pelaksanaan, baik pulih 50 unit melalui surat arahan pelaksanaan PPRT, KKW. Status pelaksanaan bina baharu 4 unit siap 100% dan telah diduduki. Peruntukan Kerajaan Persekutuan status pelaksanaan ada lagi 4 unit dalam pelaksanaan 70% siap, tarikh dijangka siap 28 Februari. Baik pulih rumah 34 unit siap 100%, 16 unit dalam pelaksanaan tarikh jangka siap 16 Mac.

Kampung Iboi, Kupang Fasa 1, 12 unit rumah ganti bagi Fasa 1, 43% sehingga 30 Januari. Fasa 2, 17 unit pembinaan rumah baharu. Proses pengambilan tanah oleh pihak kerajaan negeri di Bukit Batu Kawi, Mukim Kupang Baling, peruntukan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan berjumlah RM3 juta, agensi pelaksana Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato Speaker untuk peluang yang kedua dan terima kasih kepada YA. Jeneri dengan komitmen kerajaan negeri bagi yang dah siap. Cuma, bagi saya ialah saya ingin mohon komitmen lagi kepada baki yang sedang dalam proses melibatkan pengambilan tanah selepas sudah lebih setahun kepada penduduk ini bila pula yang dijangka mereka boleh duduki?



Bahagian kedua ialah saya mohon supaya diberikan satu perbincangan dengan pihak Kesihatan dan sebagainya kerana Klinik Desa Kampung Iboi masih lagi ditutup, jadi klinik desa tak terlibat mungkin pada masa itu dianggap tak selamat dan sebagainya tapi sampai sekarang tak terlibat dalam banjir ni. Tapi Klinik Desa Kampung Iboi masih ditutup dan ibu-ibu dan anak-anak yang mendapatkan imunisasi masih kena pergi ke klinik yang terdekat. Yang terdekat tu bukan dekatlah, tetapi klinik seterusnya iaitu klinik di Kampung Hangus dan Klinik Kuala Kuang. Jadi, mohon supaya diadakan satu komitmen supaya dapat dibincangkan balik dan dipulihkan balik Klinik Desa Kampung Iboi.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Suka Menanti, dia prihatin pasal klinik ibu. Untuk 17 unit yang diputuskan untuk dibina bagi mangsa-mangsa yang berada di dalam zon kuning, dia ada zon merah. Zon merah ni kerajaan negeri bina 12 unit, 4 unit telah siap ada lagi 8 yang dalam pembinaan, KEDA bina 8 unit rumah dalam Rumah KEDA Kampung Sadek, yang tu telah siap. Untuk para mangsa dalam zon kuning kita dah senaraikan 17 rumah tapi kita buat pengambilan lebih sikit, kemungkinan ada insiden-insiden lain yang perlu kepada penempatan ataupun pemindahan, kita akan tempatkan di tempat yang sama. Jangka masa siap belum diketahui lagi kerana proses pengambilan tanah sedang dilakukan. Untuk klinik, sekejap lagi saya harap Exco Kesihatan boleh jawablah. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan tambahan di sebelah sana dulu!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar. Selain daripada komitmen kerajaan negeri untuk menyiapkan rumah-rumah kepada mangsa puing Iboi ini, boleh YAB. Dato' Seri kongsi dalam Dewan ini sumbangan kerajaan negeri kepada mangsa-mangsa yang terlibat di Iboi termasuklah nak mendalamkan sungai.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih YB. Kuala Ketil. YB. Dato' Speaker, banyak sekali yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri antaranya ialah sampai sekarang kita masih memberi bantuan sewa rumah bagi penduduk yang terpaksa berpindah dan rumah mereka belum siap.



Jadi, kerajaan negeri memutuskan untuk meneruskan bayaran sewa rumah dan utiliti kepada penduduk-penduduk yang terlibat.

Yang kedua ialah pembaikan rumah yang rosak, kerosakan kecil juga dibuat baik pulih. Sampai hari ini pun, untuk pelebaran dan mendalamkan Sungai Iboi masih lagi dilaksanakan oleh PKB, mengeluarkan sisa hanyut termasuklah batu dan pasir, cumanya pasir menjadi hasil negeri. Adalah pendapatan daripada itu untuk menampung kos untuk melurus dan mendalamkan sungai. Masalah yang kita hadapi sikit ni YB. Dato' Speaker ialah sungai itu dia 'qedah' geran, bila airnya laju, dia masuk duk luar geran, geran duk dalam sungai hat asal, pun jadi sungai juga, sungai yang baru jadi pun di dalam geran tanah. Jadi, perkara ini sedang diteliti oleh Pejabat Tanah dan Galian (PTG) dan Pejabat Daerah Baling untuk kita tentukan berdasarkan undang-undang apakah tindakan yang patut diambil, sama ada kalau ikut undang-undang geran tanah yang jadi sungai tu dia 'mantain' sungai atau diganti tanah yang lain. Perkara itu akan dikaji oleh PTG dan Pejabat Tanah Daerah Baling .

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 2!

YB. TUAN HJ. ABD. NASIR BIN IDRIS

Bismillahirrahmanirrahim. YB. Dato' Speaker, mohon penjelasan kepada soalan nombor 2.

2. YB. TUAN HJ. ABD. NASIR BIN IDRIS [ADUN BAYU]

Projek Tebatan Banjir di Daerah Baling

- a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan?
- b) Kawasan-kawasan yang manakah terlibat?
- c) Apakah kemajuan projek tersebut setakat ini?



YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Bismillahirrahmanirrahim YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Bayu atas soalan yang ringkas dan jawapan pun ringkas. Mengenai Projek Tebatan Banjir Daerah Baling (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan? Jawapannya, jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Baling Fasa 1 adalah sebanyak RM15 juta.

Soalan (b) Kawasan-kawasan manakah yang terlibat? Jawapannya kawasan-kawasan terlibat adalah tertumpu di kawasan Sungai Kupang.

Dan yang ketiga (c) Apakah kemajuan projek tersebut setakat ini? Jawapannya ialah projek dalam peringkat penyediaan reka bentuk akhir di mana lantikan perunding reka bentuk telah dibuat dengan harga kontrak sebanyak RM1.2 juta kepada perunding tersebut. Fasa pembinaan dijangka akan bermula pada awal tahun 2024 di mana sekarang ini dalam proses penyediaan tender. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. TUAN HAJI ABD. NASIR BIN IDRIS

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya berhubungan dengan, yang pertamanya tahniah dan terima kasih di atas bantuan segera ataupun projek tempatan banjir yang menjejaskan kawasan tepi sungai di Daerah Baling. Cuma saya nak tanya di sini projek tempatan banjir yang telah diluluskan sebelum ini ada atau tidak ianya dibatalkan ataupun ditangguhkan disebabkan pertukaran kerajaan di peringkat Federal.

Yang kedua berhubung dengan perancangan penyelesaian jangka panjang yang telah dilaksanakan oleh sama ada di peringkat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk mengatasi masalah banjir yang berlaku begitu lama, penyelesaian jangka panjang. Kalau boleh nak sebut sikit tentang yang disebut tadi kawasan-kawasan terlibat, kalau tadi disebut di Sungai Kupang.

Untuk makluman Dewan, YB. Exco kawasan-kawasan lain terutamanya di kawasan Mukim Siung perlu diberikan perhatian, perlu dibuat tindakan segera kerana banjir juga berlaku di kawasan-kawasan yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.



YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Bayu. Berhubung dengan soalan ini, setakat ini projek-projek yang telah diluluskan sama ada oleh kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat tidak ada yang dibatalkan ataupun ditarik balik dan kita berharap tidak ada penarikan. Untuk mengatasi dan juga perancangan masa depan InsyaAllah pemohonan selanjutnya telah pun dimasukkan dalam RM15 billion peruntukan itu....YB. Dato' Speaker menceleh)

YB. DATO' SPEAKER

RM15...

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

RM15 billion yang masuk dalam Fasa 2....

YB. DATO' SPEAKER

M ka B?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Billion! Jadi, kita harap itu juga akan diluluskan dan kita akan terus mendesak supaya diluluskan dan boleh selesai masalah sungai atau banjir ditempat lain selain daripada di Sungai Kupang. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Sebelum itu, saya minta maaf na saya tidak memperkenalkan Exco baru kita dari Kuala Nerang yang menggantikan Exco dari Sungai Tiang. Selepas tu, nak tanya?

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Cuma saya rasa YB. Kuala Nerang sebut RM15 bilion itu salah. Sebenarnya ada satu peruntukan khas yang diturunkan di bawah projek RM15 bilion seluruh negara tetapi sedikit daripadanya adalah RM150 juta diturunkan ke Baling melalui projek khas tebatan banjir.



Tetapi yang saya ketahui, RM150 juta ke Baling itu telah ditunda dan ditarik keluar daripada RM15 bilion tersebut dan dihantar kepada Rancangan Malaysia RP4. Jadi, saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan boleh memohon dan merayu kembali kepada Kerajaan Persekutuan agar RM150 juta peruntukan untuk mengatasi banjir Baling secara keseluruhannya dapat dipohon kembali daripada Rancangan Malaysia RP4 ke Projek Khas Tebatan Banjir dan disegerakan. Terima kasih, itu saja.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Sungai Tiang, terima kasih sekali lagi kerana memberi peluang kepada saya untuk mengisi kekosongan. Terima kasih kepada YAB. Menteri Besar yang memberi kepercayaan, kalau tidak saya tak boleh duduk di sini. Sepatutnya YB. Sungai Tiang boleh terus sahaja ni (sambal ketawa). Untuk penjelasan, RM15 bilion yang saya maksudkan ialah yang diluluskan oleh kerajaan pusat RM15 bilion itu untuk Rancangan Tebatan Banjir dan saya tidak maksudkan RM15 bilion itu untuk diberikan kepada Kupang ataupun Baling. Betul yang disebut oleh YB. Sungai Tiang tadi RM15 juta dan itu telah dimasukkan dalam 'rolling plan' yang ke 4 untuk dibuat Projek Tempatan Banjir dan saya bersama-sama dengan JPS memang tengah berusaha keras dan baru-baru ini kita pergi ke Kuala Lumpur berjumpa dengan YB. Menteri NRECC (Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim) dan Alhamdulillah sambutan yang baik dan kita berharap mudah-mudahan projek itu diluluskan dan usaha kita berterusan untuk rakyat di Kupang dan Baling. Terima kasih YB. Sungai Tiang.

YB. DATO' SPEAKER

Sekali sekala YB. Kuala Nerang jemputlah pi ke bilik sembang-sembang, minum kopi.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Boleh! Boleh! InsyaAllah.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 3!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Dari Yan ke Tanjung Jaga, pohon jawapan soalan nombor 3.



**3. YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH
[ADUN ANAK BUKIT]**

Mohon dinyatakan kejayaan baru yang ditempa oleh UniSHAMS setelah dinaiktaraf dari Kolej Universiti ke Universiti (penuh)?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, terima kasih bertanya daripada Anak Bukit iaitu mohon dinyatakan kejayaan baru yang ditempa oleh UniSHAMS setelah dinaik taraf dari Kolej Universiti kepada Universiti (penuh). Betul ka tu? Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) telah menerima kelulusan naik taraf sebagai sebuah Universiti (penuh) pada 5 Februari 2018. UniSHAMS telah mengharungi tempoh lima (5) tahun, iaitu Fasa Pertama sebagai sebuah Universiti dengan beberapa pencapaian yang sangat positif. Klasifikasi kejayaan baru bagi UniSHAMS adalah berkenaan pemerkasaan pengurusan dan pentadbiran dalam aspek-aspek seperti yang berikut:

Yang pertama ialah Governan UniSHAMS. Pencapaian terbesar UniSHAMS adalah dengan memperolehi kelulusan pembaharuan Perakuan Pendaftaran untuk tempoh lima (5) tahun bermula 5 Februari 2023 hingga 4 Februari 2028. Ini juga telah membuktikan bahawa, UniSHAMS berjaya memenuhi kriteria-kriteria penting dalam Audit Universiti yang telah ditetapkan oleh pihak KPT (Kementerian Pengajian Tinggi) demi memastikan kelangsungan pentadbiran dan operasi berada pada piawaian terbaik sebagai sebuah Universiti (penuh). UniSHAMS telah berjaya membuat semakan semula terhadap keperluan untuk memenuhi isu governan Universiti berdasarkan Perlembagaan yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) serta Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Akta 555) dan Kriteria Naik Taraf IPTS Bertaraf Kolej Universiti kepada Universiti.

Proses ini dilihat amat penting dalam peringkat transisi naik taraf Kolej Universiti INSANIAH (KUIN) kepada UniSHAMS untuk memenuhi kriteria seperti yang telah ditetapkan oleh pihak KPT serta menjamin kelangsungan operasi UniSHAMS secara lebih sistematik. Proses pengukuhan governan ini melibatkan perkara-perkara seperti; penyelesaian penemuan audit oleh Jabatan Audit Negara, pengukuhan Unit Perundangan & Integriti, mewujudkan pengasingan kuasa Lembaga Pengelola Universiti & Lembaga Pengarah Syarikat, penyusunan semula fungsi dan keahlian jawatankuasa-jawatankuasa utama UniSHAMS, melengkapkan *Key Performance Indicator (KPI)* untuk MyRA dan SETARA, penstrukturan semula *Centre of Excellent (CoE)*.



Dalam **Perundangan**, selain itu, UniSHAMS juga telah memperkenalkan *Limit of Authority (LoA)* yang lebih jelas demi memastikan perjalanan pentadbiran dan operasi berjalan dengan lancar. UniSHAMS juga telah membangunkan Deklarasi Korupsi (*Anti Corruption Declaration melalui* Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah (OACP).

Dalam Pemerkasaan Hal Ehwal Akademik, UniSHAMS telah mencatatkan peningkatan Geran Industri yang mendadak pada tahun 2022, di mana terdapat sebanyak 17 Geran Industri berjaya dijana dengan nilai terkumpul berjumlah RM265,000.00. Peningkatan ini jauh jika dibandingkan pada 2019 dengan hanya 1 Geran Industri (RM5,600.00), 2020 tiada Geran Industri, dan 2021 dengan 3 Geran Industri (RM142,972.00). Selain itu juga, UniSHAMS turut merekodkan 45 Geran Universiti dan 2 Geran KPT dengan jumlah geran terkumpul berjumlah RM537,420.00 pada tahun 2022.

Selain itu, UniSHAMS juga telah berjaya menyediakan garis panduan dan membetulkan inisiatif Pegawai Akademik terhadap penerbitan jurnal dalam bidang berkaitan sahaja. Ini antara usaha untuk mengurangkan penerbitan jurnal luar bidang dan jurnal-jurnal palsu (*predatory journal*). Berdasarkan rekod, jurnal palsu (*predatory journal*) telah berjaya dikurangkan pada tahun 2021 dengan hanya 20 jurnal palsu dan pada tahun 2022, telah berjaya dikurangkan kepada 1 jurnal palsu.

UniSHAMS juga telah menerima kelulusan sijil profesional *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* yang bakal memberikan nilai tambah terhadap program perakaunan yang ditawarkan. Sehingga kini, UniSHAMS menawarkan Diploma Perakaunan dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan.

Sistem Pintar sedang dalam peringkat akhir yang akan digunakan untuk tujuan permohonan kemasukan pelajar baru ke UniSHAMS. Sistem yang bersifat mesra pelanggan ini adalah sistem yang dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat, UniSHAMS dijangka akan memudahkan urusan permohonan, penapisan serta penawaran kepada pelajar baru untuk sesi ambilan yang seterusnya. Mengenai Pemerkasaan Hal Ehwal Pelajar, UniSHAMS juga telah berjaya menduduki tempat ke-16 terbaik dari kalangan IPTS bertaraf Universiti apabila mencatatkan 94.1% Tahap Kebolehpasaran Graduan pada tahun 2021. Untuk tahun 2022, UniSHAMS berjaya mencatatkan 90.3% Tahap Kebolehpasaran Graduan, berdasarkan data yang telah dikeluarkan oleh pihak KPT sehingga tarikh 16 Februari 2023.



YB. Dato' Speaker, apa yang telah dijelaskan adalah merupakan satu petunjuk positif di mana UniSHAMS berjaya mengekalkan kualiti penawaran program yang mampu untuk memenuhi permintaan dan keperluan pasaran kerja hari ini. Untuk makluman, pihak KPT juga telah menetapkan bahawa, Tahap Kebolehpasaran Graduan bagi sesebuah IPTS bertaraf Universiti hendaklah melebihi 85% setiap tahun sebagai satu kriteria pemantauan terhadap kualiti penawaran program. Sehingga tahun 2022, UniSHAMS telah pun berjaya mengeluarkan kira-kira 18,183 orang graduan dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Kupang di atas jawapan yang diberikan. Di samping perkara-perkara yang disebutkan sebagai pencapaian oleh YB. Kupang tadi ialah isu governan dan sebahagiannya ini adalah merupakan perkara-perkara dalaman yang saya kira sangat penting untuk kita lihat dan yang lebih penting ialah untuk kita lihat apakah ianya kemudian menyebabkan UNISHAMS ini menjadi universiti pilihan ramai. Soalan saya ialah, setelah dinaik taraf kepada universiti penuh pada 5 Februari 2018, pada tahun 2018 jumlah 'enrolment' pelajar sekitar 4,500 lebih, 2023 tahun semasa 'enrolment' telah turun kepada lebih kurang 3,000 sahaja.

Jadi, apakah yang menyebabkan ini berlaku, adakah kerana UniSHAMS tidak lagi mendapat tempat dikalangan mereka yang ingin meneruskan pengajian di universiti ataupun bagaimana? Dan juga kita lihat dari segi infrastruktur di kampus tetap di Kuala Ketil itu asrama siswa siswi yang kita bersembang sejak tahun 2013 hari tu masih tidak kelihatan saya kira. Begitu juga masjid masih belum lagi dibina, jadi saya mohon penjelasan dan satu lagi apakah kursus yang menjadi 'niche' (relung) yang mana ini menjadi jurusan pilihan di luar kerana kecemerlangan UniSHAMS dalam mempromosikan jurusan-jurusan berkenaan.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih kepada YB. Anak Bukit. Sebenarnya kalau kita lihat bahawa penurunan pelajar daripada 4,500 tahun 2018 dan kini lebih kurang 3,000 lebih pada 2023 ini adalah disebabkan oleh antaranya, apa yang saya bincangkan dengan pihak universiti ialah kebimbangan ataupun pihak ibu bapa yang ingin memilih UniSHAMS ini melihat kepada infrastruktur terutamanya masalah asrama. Jadi, inilah yang dapat dikenal pasti bahawa mengapa kekurangan ini berlaku dan saya kira bahawa projek untuk membangun asrama dan masih dalam rundingan sekarang di mana kita bercadang untuk membuat secara



PFI dengan pihak-pihak yang menawarkan projek ini dan sekarang ini dalam proses rundingan dan juga untuk tindakan-tindakan selanjutnya, InsyaAllah. Jadi, itulah di antara penyebab kekurangan ini berlaku dan selain daripada itu apa yang disebutkan bahawa soal masjid ini adalah merupakan satu projek dan juga termasuk di dalam pihak PFI dan masih lagi dalam pihak perundingan.

Selain daripada itu, bagi soalan yang seterusnya ialah kursus yang menjadi tarikan ini pihak universiti sedang mengambil tindakan untuk memperkasakan Fakulti Perubatan. Tahun 2022 dan 2023, bilangan pelajar telah penuh kuota yang ditetapkan iaitu 50 orang setahun. Ini di fakulti perubatan. Dan ini kita rasakan bahawa ia dapat memberi satu tarikan pada UniSHAMS dalam meneruskan dan menawarkan kursus-kursus ataupun program-program yang ditawarkan InsyaAllah. Bagi merancang membina asrama secara Build Operate Transfer (BOT), penelitian sedang dijadualkan. Jadi, saya kira bahawa 2023 ini dapat memacu tindakan-tindakan bagi menyempurnakan hasrat pihak ibu bapa dan juga pihak pentadbir universiti sendiri di dalam memperkasakan dan menarik supaya universiti UniSHAMS ini menjadi pilihan utama pada masa-masa akan datang, InsyaAllah. Sekian, terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Soalan tambahan, tadi juga disebut oleh YB. Kupang tentang geran-geran. Adakah UniSHAMS ini sebagai aset pendidikan kerajaan negeri? Jadi, untuk kita memanfaatkan aset yang ada khususnya dari sudut kajian akademik bagi membantu pihak kerajaan, kajian-kajian mungkin di peringkat barisan Exco ataupun usaha-usaha yang sedang dilaksanakan kerajaan untuk mensejahterakan rakyat Negeri Kedah ini geran-geran yang boleh kita berikan kepada pensyarah-pensyarah dan juga kepada mereka yang membuatkan peperiksaan di peringkat Phd dan Master untuk kita angkat ia sebagai satu kajian dan juga kajian akademik membantu kerajaan negeri.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih YB. Sungai Limau. Sebenarnya apa yang telah dibangkitkan itu memang menjadi rancangan pihak UniSHAMS di dalam memperkasakan dengan cara yang berbagai-bagai antaranya ialah seperti membangkitkan iaitu mengeluarkan geran-geran dalam meningkatkan, apa yang yang disebutkan sebagai pencapaian yang lebih tinggi dalam memberi galakan kepada pensyarah-pensyarah supaya mereka berada dalam zon yang selesa dan memperkemaskan kaedah pengajaran dan sebagainya.



Sebenarnya YB. Dato' Speaker, usaha telah disiapkan kajian di mana ia terbantut sedikit dengan covid-19, jadi kewangan kerajaan negeri di mana geran kerajaan sebanyak RM50,000 telah diberikan pada tahun 2022 dan ini akan dikaji dari semasa ke semasa bagi memperkasakan lagi apa yang telah dirancang itu. Sekian, terima kasih.

YB. DATO SPEAKER

Soalan nombor 4!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

UniSHAMS, soalan tambahan!

YB. DATO SPEAKER

Silakan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Alhamdulillah!!! Terima kasih YB. Dato' Speaker yang kusayangi...

YB. DATO SPEAKER

Tu yang bagi tu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Kupang, saya memang (YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO SPEAKER

Ringkas dan padat!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

UniSHAMS ini memang mercu tanda lah pendidikan bagi Negeri Kedah dan ianya merupakan satu IPTS yang saya jangkakan ianya 'profit oriented'. Sekiranya tidak ada keuntungan, tidak ada 'environment', tidak ada 'intake' pelajar yang ramai, jadi kita tidak dapat menampung perbelanjaan pengurusan dan juga segala operasi UniSHAMS.



Jadi, yang pertamanya saya ingin bertanya, satu adakah infrastruktur seperti asrama, masjid dan sebagainya tidak boleh dibuat kerana kekangan kewangan daripada geran kerajaan dan juga perolehan daripada luar dan juga bermasalah daripada pendapatan daripada UniSHAMS itu sendiri. Yang keduanya, adakah ini berpunca daripada masalah urus tadbir UniSHAMS itu sendiri seperti yang ada dalam laporan audit dan yang ketiga adakah benar belanja mengurus UniSHAMS ini, gaji-gaji dan sebagainya lebih daripada 85% daripada pendapatan yang diperolehi oleh UniSHAMS? Terima kasih.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih YB. Bandar Baharu, banyak soalan dia. Yang pertama ialah mengenai punca....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO SPEAKER

YB. Kupang! Kupang 3 kali dah bercakap tak 'adress' kat Speaker.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Mintak maaf YB. Dato' Speaker. Musim-musim la ni kena maaf banyak-banyak la.

YB. DATO SPEAKER

Speaker bilang tu....

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Dato' Speaker, jadi adakah punca urus tadbir menyebabkan kemerosotan yang berlaku kepada UniSHAMS ini? Sebenarnya nak dikatakan sepenuh 100% kita 'perfect' dalam pengurusan memang tak dapat walaupun di universiti mana sekali pun. Namun ada sedikit sebanyak tetapi itu bukan punca utama, punca utama ialah persaingan yang hebat dengan universiti-universiti yang lain di mana mereka juga mempunyai program kursus yang sama dan seterusnya juga kita lihat bahawa pihak-pihak yang menawarkan selain kursus dengan pembiayaan dari pihak-pihak tertentu. Jadi, ini di antara halangannya iaitu persaingan. Selain daripada itu ialah apa yang saya sebutkan tadi lah dari segi infrastruktur itu adalah antara punca kekangan yang berlaku kepada kemerosotan itu.



Mengenai adakah benar belanja mengurus lebih 85% daripada pendapatan? Nanti saya jawab dalam pergulungan, InsyaAllah. Mengenai dengan perkara –perkara lain yang dibangkitkan, saya lihat bahawa Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim (UniSHAMS) ini ialah sebuah universiti swasta masuk di dalam kategori IPTS. Jadi, ia ditadbirkan oleh anak syarikat kerajaan negeri. Maka pihak kerajaan sentiasa menggalakkan supaya UniSHAMS bergerak sendiri, berdikari di mana kita hanya ‘sapport’ geran RM10 juta setahun dan bagi tempoh 2028, kita telah memberi insyarat kepada UniSHAMS bahawa selepas daripada tempoh itu kerajaan tidak akan memberi lagi geran sebanyak RM10 juta itu dan sekarang ini pun kita buat pengurangan sedikit demi sedikit untuk memastikan pengurusan di UniSHAMS itu lebih mantap dan sebagainya. Jadi inilah langkah-langkah yang kita buat, maknanya dalam tempoh yang kita beri itu InsyaAllah selepas dari 2025 atau 2028 UniSHAMS akan bergerak sendiri InsyaAllah, tanpa bergantung kepada geran kerajaan. Sekian, terima kasih.

YB. DATO SPEAKER

Soalan nombor 4!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Dato’ Speaker, mohon jawapan soalan nombor 4.

4. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM [ADUN AYER HITAM]

Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Pohon dinyatakan:-

- a) Sejauh manakah projek ini telah mengoptimumkan penggunaan infrastuktur yang sedia ada?
- b) Berapakah menara telekomunikasi baharu yang telah dibina sepanjang tahun 2022?
- c) Berapa dan di kawasan manakah akan dibina menara telekomunikasi baharu pada tahun 2023?



YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

YB. Dato' Speaker,

*Dari Bukit Kayu Hitam singgah di Bukit Pinang,
Kalau Ayer Hitam dan Bukit Kayu Hitam ke Langkawi,
Singgah ke Bukit Pinang,
Kalau Ayer Hitam ke Langkawi InsyaAllah saya akan jawab dengan tenang.*

YB. DATO SPEAKER

Tu pantun ka?

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

(Sambil ketawa) Pasal mukadimah YB. Dato' Speaker pantun, saya pun pantun jugak lah...

YB. DATO SPEAKER

Ya lah! Pantun Bukit Pinang hat tu orang panggil.

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Jadi, soalan Ayer Hitam ada 3 soalan (a), (b) dan (c). Soalan (a) Sejauh manakah projek ini telah mengoptimumkan penggunaan infrastuktur yang sedia ada? (b) Berapakah menara telekomunikasi baharu yang telah dibina sepanjang tahun 2022?

(c) Berapa dan di kawasan manakah akan dibina menara telekomunikasi baharu pada tahun 2023? Saya akan merangkumkan ketiga soalan itu ke dalam satu jawapan.

Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) memahami keperluan internet untuk semua rakyat dan ini telah mendorong Kerajaan untuk membuat menaik taraf pelan jalur lebar di seluruh negara termasuklah di Negeri Kedah merangkumi kawasan luar bandar dan pedalaman yang sedang diperluaskan secara berperingkat melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 (2020-2022) dan Fasa 2 (2023-2025).



Antara inisiatif-inisiatif yang telah disedia dan sedang dijalankan di bawah pelan JENDELA bagi Fasa 1 di Negeri Kedah adalah seperti berikut iaitu perancangan menara keseluruhannya 158 yang telah siap 75 dan perancangan seluruh menara yang berada di seluruh Kedah iaitu 2,098. Bagi suku tahun 2022 sebanyak 2,098 yang saya sebut tadi, alat-alat pemancar komunikasi distrukture komunikasi sedia ada telah siap dinaik taraf kepada teknologi 4G manakala sebanyak 75 buah menara telah siap beroperasi bagi sebanyak 83 dalam peringkat pelaksanaan daripada jumlah keseluruhannya 153 menara kita dalam pelan jendela. Pecahannya saya boleh sebut satu per satu, Daerah Baling 12 Menara, Bandar Baru 3 Menara, Kota Setar 1 Menara, Kuala Muda 8 Menara, Kubang Pasu 3 Menara, Kulim 7, Langkawi 1, Padang Terap 17, Pendang 5, Pokok Sena 5 (kawasan saya pun lekeh juga), Sik 20, Yan 1. Jumlah semua sedang dibina iaitu 83. Sekian, YB. Dato' Speaker.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Soalan tambahan. YB. Dato' Speaker, terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh pihak Exco. Kita nampak ada perkembangan yang sihat, InsyaAllah hasrat kita untuk meliputi seluruh Kedah ini dengan liputan internet akan berjaya InsyaAllah. Saya suka kata-kata YAB. Perdana Menteri dalam ucapan Perbentangan Budget 2023 sebelum ini disebut, apa yang mustahak adalah untuk mencapai liputan 5G yang menyeluruh dan pada harga yang berpatutan untuk rakyat. Soalan saya, adakah dengan siapnya binaan menara seluruh negeri ini akan memungkinkan peningkatan harga ataupun 'charge' kepada pengguna? Terima kasih.

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Ayer Hitam. Untuk memberi impak kepada rakyat itulah hasrat kerajaan negeri dan pada 28 Februari yang lepas saya telah turun berjumpa dengan syarikat telco-telco untuk memastikan kita memberi pengurangan harga unifi bagi seluruh Negeri Kedah, InsyaAllah. Tapi Fasa pertama kita akan lancar, mungkin YAB. Menteri Besar akan lancarkan di 5 kawasan, Kota Setar, Sungai Petani, Alor Setar dan Kubang Pasu. 5 kawasan ini kebanyakan boleh dikata 'percent' tinggi telah dilengkapi dengan 'fiber optic'. Jadi, pihak telco telah diberi POP pihak Kementerian, di mana satu telco kita akan dapat, kita akan lancarkan bagi seluruh Negeri Kedah bagi 4 kawasan saya sebutkan tadi, harga unifi akan diturunkan dari RM89 30mgb akan turunkan kepada harga RM45. Insyallah akan dilancarkan oleh YAB. Menteri Besar dalam masa terdekat ini dengan 10 ribu pelanggan seluruh Kedah bagi fasa pertama. Sekian, terima kasih.



YB. DATO SPEAKER

Silakan!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan YB. Bukit Pinang. Soalan tambahan saya, seperti yang kita tahu jendela ini adalah untuk melaksanakan satu gentian optik atau peluasan jalur lebar untuk kita masuk ke fasa 5G, pelan jalur lebar ini dan daripada tadi YB. Bukit Pinang bagitahu semuanya adalah menara, 83 menara dan kalau boleh apakah status gentian optik itu sebab kita tak akan dapat capaian, sebab baru-baru ini banyak sangat gangguan. Kalau tengok Celcom, Maxis banyak sangat gangguan sampai tak boleh telefon perlu 'whatsapp call' maksudnya menggunakan data dan bagaimana progress gentian optik ini untuk menghubungkan antara menara ke menara supaya baru kita boleh dapat masuk ke 4G dan 5G. Bagaimana progress dan pelaksanaannya di Negeri Kedah dan juga bagaimana sekarang ini senergi MCMC sebagai pelaksana ataupun 'owner' jendela ni bagaimana senergi dia dengan Kerajaan Perpaduan dan Kerajaan Negeri Kedah sekarang ini. Adakah masih sama, jawatankuasa tetap yang sama, masih lagi ada dalam jendela dan bagaimana untuk 'working commity' tersebut (dengan izin) YB. Dato' Speaker. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Sikit saja!

YB. DATO' SPEAKER

Haa... Silakan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Cuma saya ingin bertanya sedikit tambahan iaitu 'structure' dia, ia masih menara ataupun sekarang ini di bawah jendela digital Negara 'structure' ataupun dia pergi dah 'advanced' macam di negara-negara lain macam Liverpool dan sebagainya. Itu sahaja, terima kasih.



YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

YB. Dato' Speaker, Bandar Baharu kawasan berbukit, ia selalu tak 'cashless' lah, saya harap Anak Bukit jangan 'jealous'.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Masuk kursus buat pantun dulu lah kot selepas ni...

YB. DATO' SPEAKER

Kita akan buat satu kursus berpantun nanti!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Syair Arab apa semua tu!

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

YB. Dato' Speaker, memang hasrat kita kalau 'upgrade' kepada 4G dia mesti 'fully hundred percent fiber optic' dan sekarang kita memang telah 'upgrade'kan 1,295 kepada fiber optic dan Alhamdulillah, hasrat Kedah kita nak melaksanakan 5G awal Januari tetapi pada 14/11/2022 saya telah pergi ke Kulim Hi-Tech dan merasmikan 7 menara 5G yang enam lagi memang secara 'sharing'lah cuma satu sahaja menara 5G. Itu perkembangan yang terbaik dan saya haraplah Menteri Komunikasi & Multimedia sekarang ini mesti bersikap professional, janganlah walaupun kerajaan Pusat tak sama pentadbiran dengan kerajaan negeri, kalau dia tidak bersikap professional, nak kata tak cerdik pun tak tau lah. Walau bagaimanapun, hasrat saya dan harapan kitalah, supaya biarlah sikap yang terbaik untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Walaupun bagaimanapun, saya mendengar desas-desus di bawah kementerian dan agensi saya termasuklah Kementerian Komunikasi, Penerangan RTM telah bertemu dengan menteri dan menteri sebut, "cool down". Tapi InsyaAllah saya akan utus surat kepada Menteri Komunikasi untuk berjumpa bagi memastikan kita bergerak antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri mestilah, pertamanya perkhidmatan kita kepada rakyat. Menara di Kedah sepertimana YB. Kubang Rotan sebut sebab 5G memang menara rendah dan dekat, ia berbeza dengan 4G, lagi "G" banyak, lagi menara kena dekat. Itu kelemahan-kelemahan yang ada dan menjadi masalahnya.



Tetapi Alhamdulillah saya ucap syabas untuk pelancaran LIMA di Langkawi, 'fully fiber optic' dan semasa saya turun ke Kuala Lumpur kita berbincang bagaimana untuk memastikan PIOC di belakang Pejabat Daerah Langkawi tu, pihak telco telah melabur RM50 juta, kita tak mau projek tu sebagai projek gajah putih untuk memberi servis kepada rakyat 5G di Langkawi ini.

Sepatutnya di Langkawi boleh lancar 5G ke seluruh agensi, tetapi ada kekangan kekangan di situ oleh kerana kerajaan negeri tidak mampu untuk biayai keseluruhan. Saya berjumpa dengan telco untuk memastikan banyakkkan untuk gunakan 5G di Langkawi itu terlibat dengan agensi Pusat contohnya PDRM, Angkatan Tentera, Angkatan Pertahanan Awam, Merin dan juga LADA. Dia mesti mahukan 5G, kerajaan negeri mungkin Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan lain-lain. Tapi kalaulah pihak agensi-agensi di Pusat tak akan biayai pusat di belakang Pejabat Daerah Langkawi itu tentulah tak dapat beroperasi dengan baik. Sebab itu saya minta supaya telco untuk memastikan berapa kos keseluruhan untuk penyelenggaraan 5G disitu, baru kita boleh agihkan kepada keseluruhan agensi. Ada lagi? Sila-sila YB. Bandar Baharu.

YB. DATO' SPEAKER

Speaker tak mau bagi dah, yang duk kata sila pulak!

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Dak! Kalau saya tak bagi sat gi dia balik tak lena!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, terima kasih banyak YB. Bukit Pinang sebab satu silaturrahim yang hebat bersama Kerajaan Persekutuan setakat ini tapi kemuskilan saya itu YB. Dato' Speaker dan YB. Bukit Pinang, soalan saya ni menara kita tau, kita bina menara yang 60 meter atas yang besar-besar tu, yang macam YB. Kubang Rotan kata tu tetapi kita sekarang teknologi 5G bukan menara bertambah dekat bertambah dekat ka tidak sekarang ni nanti penuh keliling Kedah dengan menara-menara ni memang tak elok. Tapi gentian optic ni adalah solusi untuk kita capai capaian internet tu supaya 'inter connection' dari menara ke menara dengan fiber optic tu. Samalah dia punya 'solution' daripada Langkawi yang kita pernah buat Kerajaan Persekutuan 'spend' RM200 juta untuk 156km gentian optic orang kata dah 'cover' Pulau Langkawi tu.



Jadi saya nak Tanya, gentian optic di dalam 'main land' Negeri Kedah dah berapa kilometer dan di mana pelaksanaanya 83 menara yang bina dah ada ka belum 'fiberrazation' tu antara menara ke menara, menara ke menara. Jadi tak perlu dah menara dekat-dekat, jenuh nanti banyak menara daripada rumah orang. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Bandar Baru secara 'detail' sebab menara kita memang fiber optic itu pilihan pertama untuk memastikan 'signal' yang baik. Kalau tak guna fiber optic signal kurang baik seperti kita menggunakan microve dan measat, sekejap ada sekejap putus. Yang pentingnya untuk perkhidmatan yang terbaik mestilah fiber optic tapi InsyaAllah saya berkeyakinan apabila menara itu siap keseluruhannya fiber optic akan disiapkan tetapi menjadi kekangan-kekangan kita sekarang ni ada dua tiga daerah ada kekangan sebab masing-masing daerah kadang dia 'charge' terlalu tinggi kepada telco. Telco pun kalau duit sampai dua tiga ratus ribu nak 'burn', ia pun bermasalah juga. Saya bimbang kalau pihak PPT ambil tindakan yang tak selaras bagi seluruh Kedah, saya bimbang pihak telco ni tarik balik menara di Kedah ini dia bawa ke negeri lain.

Contoh saya nak sebut baru-baru ini iaitu menara USP dia nak dirikan di satu Kem Kenari Di Yan, dia tiada pilihan lain Kem Kenari di Yan telah ada jalan masuk tapi dia nak dirikan menara di kawasan paling tinggi di kawasan itu untuk 'coverge' semua kesuluruhan Sekolah Agama Maktab Mahmud, Yan. Tapi oleh kerana tidak mendapat kebenaran PBT ia tidak dapat diluluskan. Saya pergi berjumpa tuan tanah, saya rasa kesal sangat sebab tanah itu ditinggal oleh mak bapak 30, 40 tahun dahulu, sekarang anak-anak duk berebut harta sikit sahaja 2 relong lebih. Sedangkan laluan nak ke Kem Kenari tak jauh mana. Saya sebut kepada dia, "malanglah mak bapak kita telah mati, anak-anak berebut harta, mak bapa duk dalam kubur pun tak tenang".

Jadi, oleh kerana tak dapat kebenaran tuan tanah PBT tak bagi kelulusan inilah, inilah kekangan-kekangan untuk mendirikan menara keseluruhan Negeri Kedah ni yang terbantut. Saya bimbang kalau terbantut kerana telco tak boleh dibiarkan, dia akan bawa kelulusan menara keluar dari Negeri Kedah, yang rugi rakyat Negeri Kedah. Sebab itu kerajaan negeri komited untuk memberi servis kepada rakyat dan berusaha kesuluruhan biarlah keselarasan PBT itu mengikut apa yang ditetapkan oleh OSP. InsyaAllah, sekian terima kasih.



YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 5!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Dato' Speaker, mohon jawapan nombor 5. Semangat!

**5. YB. DR. SALMEE BINTI SAID
[ADUN KOTA SIPUTEH]**

Bidang STEM memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah Negara.

Pohon dinyatakan:-

- a) Bagaimanakah penglibatan pelajar-pelajar di Kedah dalam bidang ini?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri untuk memberi galakan kepada pelajar yang minat dalam bidang ini?
- c) Apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan pelajar kita memilih bidang STEM?

YB. DATO' SPEAKER

Bersemangat nak jawab tu, haa.... Ka di Parlimen macam tu ka...takdan tanya jawab dulu?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Dak! Dak! Di Parlimen dia baca. Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada Kota Siputeh yang bertanya soalan ni. Soalan dia mengenai STEM, saya nak sentuh yang pertama dulu iaitu bagaimanakah penglibatan pelajar-pelajar Kedah dalam bidang STEM ini. YB. Dato' Speaker, pembelajaran STEM khususnya pemilihan sains tulen kimia fizik biologi dan matematik tambahan di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah tingkatan 4 dan 5 berkait rapat dengan hasrat kerajaan negeri untuk mentransformasikan Kedah menjadi negeri industri yang berteknologi tinggi dan rakyatnya berpendapatan tinggi selaras dengan Pelan Pembangunan Kedah 2035. Untuk itu, kita perlukan ramai jurutera dan saintis.



Seterusnya jawapan kepada soalan (a) itu, penglibatan pelajar-pelajar Negeri Kedah dalam bidang sains atau bidang STEM secara umum masih rendah iaitu 33.2%, ini 'enrollment' tingkatan 4 dan tingkatan 5 pun sama juga. Tetapi bila kita ambil kira STEM A dan Stem B, STEM A ni buat sains tulen sepenuhnya. Jika subjek sains tulen biologi, chemistry, fizik dan matematik tambahan, dicampur dengan B, B ni matematik tambahan ada tetapi sains tulen 2 subjek, tetapi kita kira yang tu mereka akan 'qualified' seterusnya pergi buat degree dalam engineering dan sebagainya, kita hanya mencapai 23%.

Yang ni dia memang kita jauhlah daripada dasar Pelan Pembangunan Pendidikan Negara 2013/2025 yang mensasarkan mata pelajaran sains ini 60% berbanding dengan sastera 40%, jadi kita ketinggalan jauh. Kerajaan negeri kita ada banyak perancangan dan langkah tindakan yang kita laksanakan dan untuk itu saya nak menjawab soalan (b) dengan (c) bersekali sebab dia berkait rapat YB. Kota Siputeh.

Kerajaan melalui Jawatankuasa Tetap Sains Teknologi dan Inovasi bersama Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi telah menggariskan beberapa strategi dan tindakan untuk memberikan galakan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah supaya mereka berminat dalam bidang sains ataupun STEM dan sekaligus meningkatkan peratusan pelajar memilih aliran sains khususnya di peringkat tingkatan 4. Jawatankuasa Sains Teknologi Maklumat dan Inovasi telah menganjurkan "STEM Fair 2023" pada Januari yang lalu 8 hingga 10 dan "Kedah STEM Fair" ini ialah bertemakan "Natureing Future Scientists and Engineers" yang diadakan di Taman Teknologi Tinggi Kulim Sport Complex dan telah menerima ramai pengunjung, murid-murid sekolah dan juga budak sekolah yang terlibat dalam pertandingan iaitu 4,000 pengunjung termasuk 3,000 pelajar sekolah daripada 50 buah sekolah dan sekolah ini memang kita 'sponsor' dan saya sebagai Exco yang menjaga Sains dan Teknologi, saya menggunakan peruntukan portfolio saya untuk sponsor projek ini. Dan STEM Fair juga akan kita adakan sebab STEM Fair yang kita laksanakan baru-baru ini mendapat sambutan yang begitu memberangsangkan dan dia mendapat kerjasama yang cukup baik daripada kilang-kilang, syarikat-syarikat di Kulim Teknologi Tinggi dan kita akan adakan sekali lagi InshaAllah pada bulan Jun atau Julai yang bertemakan "Chemical". Kita hendak anak-anak kita balik dari sekolah faham pasal chemical, apa kepentingan chemical, apa kepentingan chemical, kita mengaji supaya menjadi sebuah negara maju. Seterusnya kita juga menganjurkan STEM Fair, Grooming Camp 2022, yang ini kerjasama dibuat dengan Jabatan Pendidikan kemudian STEM Grooming Camp kedua dan seterusnya kita juga mewujudkan Pelan Penasihat STEM Kedah bagi memantau serta memastikan kesinambungan ini secara berterusan.



Panel nasihat ini terdiri daripada pakar-pakar industri yang bertapak di Negeri Kedah First Solar, Osram, Selterra, ATNS, Stereotipe Infineon Technologies dan sebagainya. Di samping itu, KISMEC juga memainkan peranan dalam hal ini.

Seterusnya Pusat Sains Negara Wilayah Utara, ini adalah satu-satunya pusat sains yang ada di negara kita, negeri lain tak dak lagi ya. Kita kena ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tun Dr. Mahathir semasa beliau menjadi Perdana Menteri. Beliau lah yang membina Pusat Sains Negara di ialah penganjuran Bengkel Inovasi dan sepanjang tahun 2022 ia menganjurkan 16 bengkel yang berkenaan melibatkan 958 orang peserta. Seterusnya mereka juga melaksanakan program 'outreach' sebab Pusat Sains yang ada di Negeri Kedah ni dia duk jauh sikit di Gunung Keriang.

Jadi, tempat-tempat lain seperti orang Baling, Sik tak dapat tapi nak pi tapi depa turun ke bawah untuk laksanakan program 'outreach' ini. Pada tahun 2023, sebanyak 9 program 'outreach' telah dilaksanakan dengan penglibatan 19,129 pelajar sekolah. Seterusnya mereka juga mengadakan ruangan pameran sains dan fasiliti yang kondusif. Ini cukup hebat, di Pusat Sains Wilayah Utara ini dan saya ingin menyarankan supaya kita bawa anak-anak, cucu-cucu kita dan sekolah menganjurkan program di sana. Di sini kita mempunyai 254 bahan pameran interaktif dan secara purata Pusat Sains ini menerima 150,000 pelawat setiap tahun dan setakat bulan Disember 2022, seramai 175,134 pelawat.

Seterusnya pembangunan galeri pameran terbaru iaitu "Galeri Cybernatic" iaitu membangunkan galeri pameran terbaru berkonsepkan robotic dan industri pintar. Galeri ini menempatkan sebanyak 16 bahan pameran interaktif terbaru dan bahan pameran dan persekitaran galeri ini direka bentuk bagi membolehkan pelawat, pelajar, khususnya murid-murid sekolah sambil bermain di samping dapat mempelajari konsep sains dan inovasi yang diketengahkan.

Itulah beberapa langkah tindakan yang kita lasanakan dan seterusnya ada satu lagi, pembangunan ruang 'thinking station' bagi membudayakan masyarakat supaya lebih berinovasi dan berkeaktiviti. Pusat Sains ini telah mewujudkan sebuah ruangan khas di premis Pusat Sains iaitu ruang thinking station. Modul-modul pembelajaran khas juga telah dirangka oleh Pusat Sains ini bagi tujuan menggalakkan program inovasi dan berkeaktiviti. Itu saja YB. Dato' Speaker, terima kasih.



YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Guar Cempedak dan YB. Dato' Speaker. Soalan tambahan saya, dengan pelbagai program outreach galeri dan macam-macam yang sedang dan akan dibuat, ini sepatutnya memberikan galakan lagilah kepada pelajar-pelajar kita untuk menceburi bidang STEM ini. Jadi soalan saya, apakah ada inisiatif daripada pihak kerajaan sama ada biasiswa dan sebagainya untuk membantu pelajar-pelajar kita terutama yang B40 lah untuk mereka mengambil bidang STEM. Berapa banyakkah peluang-peluang pekerjaan yang perlu diisi di Negeri Kedah ini sendiri yang berkait dengan bidang STEM supaya ada 'mix match' di antara industri dan pendidikan IPT untuk memastikan industri-industri kita diisi oleh pelajar-pelajar kita, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Dato' Speaker, mengenai peluang-peluang pekerjaan ini sememangnya kalau pelajar-pelajar sekolah masuk bidang STEM peluang mereka untuk mendapat pekerjaan adalah amat tinggi. Sebab, kita hari ini ada masalah dari segi untuk mendapatkan tenaga kerja yang teknikal terutama di Taman Teknologi Tinggi Kulim, sebenarnya kita ada shortage dan bidang STEM ini membantu, dia banyak peringkat YB. Dato' Speaker. Di peringkat atas kita memerlukan jurutera-jurutera, jadi kita perlukan pelajar-pelajar kita di peringkat tingkatan 4 untuk ambil bidang sains tulen dan STEM B, yang sains tulen 2 subjek campur matematik tambahan, itu dia boleh pergi buat engineering dan kita kalau nak jadi negeri pencipta negara pencipta buat kereta sendiri tanpa kita hanya memasang saja, kita kena tumpukan STEM A dan STEM B supaya kita boleh mengeluarkan ramai jurutera. Kemudian di bawah, kita ada STEM C1, C2, depa ni dia campur-campur. Jadi, mereka ini boleh pi buat diploma di politeknik dalam bidang-bidang elektrik, elektronik, mecatronik dan juga mekanikal. Mereka boleh buat diploma dan boleh menjadi 'technical assistance' (technition). Hari ini kilang-kilang yang berteknologi tinggi ini depa perlukan tenaga kerja di peringkat bawah sekali pun yang 'very skill' tenaga kerja yang ada asas yang kukuh dalam bidang STEM yang saya sebutkan tadi.

Dari segi program outreach memang kita memberikan tumpuan yang lebih kepada pelajar-pelajar daripada keluarga B40 dan saya nak sarankan supaya wakil-wakil rakyat Negeri Kedah boleh 'sponsor' pelajar-pelajar sekolah ini untuk pergi kepada Pusat Sains kita di Gunung Keriang, saya pun buat banyak juga untuk orang Yan ke situ, sebab ini akan membuka mata bukan hanya pelajar malah ibu bapa yang pergi mengiringi mereka. InsyaAllah dengan cara ini Kedah satu hari nanti akan menjadi sebuah negeri yang berjaya dalam bidang ni.



Sebenarnya kita punya peratus dari segi sains tulen ni kita hanya sampai 'national average'. National average yang buat sains tulen hanya 18%, kalau campur dengan dengan yang B tu kita capai hanya 20% hingga 23% tapi yang kita perlu 60% by 2025 masa dah tak banyak, tinggal lagi dua tiga tahun sebab itu kita perlu memperkasakan program ini untuk kita capai matlamat itu. Sekian, Assalamualaikum.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan, Alhamdulillah saya melihat apa yang dikemukakan oleh YB. Guar Chempedak tadi berkenaan dengan inisiatif-inisiatif yang dilakukan untuk bagi semangat kepada pelajar-pelajar kita minat dalam bidang STEM dan saya melihat di Negeri Kedah ini pun banyak sekolah-sekolah rakyat yang sudah buka lama dah, Tahfiz-tahfiz Sains yang ada di Yayasan Khairiah, kemudian di ABIM, kemudian yang kita punya di Tahfiz Kulim kemudian beberapa buah lagi sekolah yang buka aliran sains di sekolah. Saya melihat di peringkat sekolah ni apa yang kekurangan yang ada pada mereka ialah dari segi nak menyediakan bahan-bahan, alat-alat dan sebagainya. Apakah inisiatif yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk bantu sekolah- sekolah ini?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Dato' Speaker, menjawab kepada soalan itu, saya percaya kita boleh membuat perancangan yang rapi supaya sekolah-sekolah ini diberi perhatian seperti mana juga dengan sekolah-sekolah lain. Sebenarnya dalam program kita STEM Fair tu pun kita ada bawa pelajar daripada sekolah-sekolah yang berkenaan. InsyaAllah, ini akan kita ambil perhatian yang serius dan kita tentukan iadapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Sekian.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kepada semua pihak kerana kita dapat menyelesaikan soalan mulut sebanyak 5 soalan dan kita masuk ke agenda seterusnya. Tuan Setiausaha!



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pemilihan Ahli Dewan Negara yang dilantik oleh Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman.

III. PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA YANG DILANTIK OLEH DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, suka saya maklumkan di sini bahawa saya telah menerima surat daripada Pejabat kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah bertarikh 28 Februari 2023 berkenaan pelepasan dua orang Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Kedah pada 25 Ogos 2020 yang lalu. Kedua-dua Ahli Dewan Negara melepaskan keahlian mereka pada 1 November 2022 dan menyebabkan kekosongan keahlian Dewan Negara bagi Negeri Kedah di bawah perkara 54 perlembagaan persekutuan. Oleh yang demikian, pemilihan baru hendaklah dijalankan oleh Dewan Undangan Negeri Kedah mengikut kehendak kehendak perlembagaan untuk mengisi kekosongan tersebut dalam Dewan Negara. Oleh yang demikian, hari ini saya mohon cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian berkenaan cadangan dua nama yang perlu dilantik oleh Dewan yang mulia ini. Dipersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat cadangan

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya membuat cadangan bagi pemilihan Ahli Dewan Negara untuk mengisi kekosongan-kekosongan tersebut, saya mewakili rakyat Negeri Kedah Darul Aman yang tercinta mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Dewan Negara atas khidmat yang telah diberikan kepada Kedah Darul Aman.

Dengan ini YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan kepada Dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya mencadangkan dan memilih yang terhormat Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris, Ahli Dewan Undangan Negeri Kedah bagi kawasan Bayu menjadi Ahli Dewan Negara yang baharu untuk menggantikan tempat YB. Datuk Ahmad Yahya yang telah meletakkan jawatan pada 1 November 2022.



YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

YB. Dato' Speaker, saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya telah menerima surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh YB. Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris. Dengan segala hormatnya saya mempersilakan YB. Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris untuk memperkenalkan diri kepada Dewan. Bangun... Tuan-tuan, di sana tu Adun Bayu dicadangkan sebagai calon Senator. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya hanya menerima satu cadangan untuk pemilihan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya telah mengesahkan bahawa mengikut Kehendak Jadual Ketujuh Kebangsaan Malaysia Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih YB. Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris menjadi Ahli Dewan Negara mulai 20 Mac 2023.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, bagi mengisi kekosongan yang berlaku disebabkan tamat tempoh perkhidmatan YB. Datuk Wira Othman bin Aziz sebagai Ahli Dewan Negara yang telah meletak jawatan pada 1 November 2022 saya pohon mendengar cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan itu saya mempersilakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar membuat cadangan.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon mencadangkan pada Dewan yang bersidang pada hari ini dengan sukacitanya mencadangkan dan memilih Yang Bahagia Encik Musadad bin Haji Ahmad menjadi Ahli Dewan Negara yang baru menggantikan YB. Dato' Wira Othman Aziz yang telah meletakkan jawatan pada 1 November 2022. Terima kasih.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDIN

YB. Dato' Speaker, saya menyokong cadangan tersebut.



YB. DATO SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang telah menerima surat persetujuan yang telah ditandatangani oleh Yang Berbahagia Encik Musaddad bin Haji Ahmad. Dengan hormatnya dipersilakan Yang Berbahagia Encik Musaddad bin Haji Ahmad untuk memperkenalkan diri kepada Dewan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya hanya menerima satu cadangan untuk pemilihan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya dengan rasminya mengesahkan bahawa mengikut kehendak Jadual Ketujuh Perlembagaan Malaysia Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang bersidang pada hari ini bersetuju memilih Yang Berbahagia Encik Musaddad bin Haji Ahmad menjadi Ahli Dewan Negara mulai 20 Mac 2023.

Bagi pihak Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas pemilihan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Nasir Bin Idris dan Yang Berbahagia Encik Musaddok bin Haji Ahmad sebagai Ahli Dewan Negara bagi Negeri Kedah Darul Aman mulai 20 Mac 2023. Semoga mereka akan berada dalam keadaan sihat untuk terus berkhidmat bagi membangunkan Negara Malaysia dan Negeri Kedah Darul Aman tercinta ini. Dewan yang mulia ini dan seluruh rakyat negeri menaruh harapan yang tinggi kepada Yang Berhormat berdua. Sekian, terima kasih. Urusan seterusnya setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah

IV. USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH

YB. DATO SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk memberi usul tersebut.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya mencadangkan usul ini saya ingin memberi ingatan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menjaga tutur katalah berkaitan dengan ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang dizahirkan di Dewan ini. Semalam, sebelum kita bercakap di media sosial tapi janganlah kita membuat tuduhan-tuduhan seolah-olah titah yang dizahirkan oleh Tuanku itu telah disediakan oleh pihak kerajaan.

Perkara yang sedemikian itu merendahkan institusi sultan. Saya tengok di tiktok semalam YB. Kubang Rotan ada menyebutkan perkara tersebut dan pagi ini saya tengok sebab perkara ini telah dibangkitkan di Parlimen baru-baru ini, menjadi perbincangan yang panas kerana ada bekas menteri yang menyebutkan titah perasmian oleh Yang Dipertuan Agong itu adalah ditulis oleh kerajaan tetapi diulang lagi di peringkat DUN. Saya melahirkan rasa kecewa di atas kurang cermat YB. Kubang Rotan dalam tiktok semalam. Mintak beringat lain kali ya?

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi seperti berikut,

“Bahawa Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman persembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah ucapan yang berbunyi patik-patik sekalian, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenannya Tuanku menyampaikan titah ucapan Sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-14.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Dato Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Setiausaha!



TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Perbahasan di atas usul ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Secara Dasar.

V. PERBAHASAN DI ATAS USUL UCAPAN MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, perbahasan di atas Usul Ucapan Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah, saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat agar menumpukan ucapan-ucapan Yang Berhormat kepada perkara-perkara yang menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Kedah sahaja. Saya juga berharap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak mengulangi perkara-perkara yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, kita tak mau berulang-ulang. Dengan itu kita nak mulakan dengan menjemput Ketua Pembangkang untuk menggunakan 30 minit. Dipersilakan!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. Dato' Speaker dan seluruh Ahli Dewan yang dikasihi sekalian. Alhamdulillah, saya ucapkan terima kasih diberikan ruang untuk mengambil bahagian pada hari ini bagi menjunjung kasih di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang hadir dan menyampaikan titah Perasmian Sidang Dewan Undangan pada kali ini.

Saya harap, kita di Dewan Undangan Negeri mengambil iktibar di atas teguran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang secara serius perhubungan Alor Setar dan Putrajaya mesti dieratkan bagi memastikan pembangunan dapat berjalan dengan lancar, hubungan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Saya mengambil pengalaman ini YB. Dato' Speaker ialah ketika pengalaman saya duduk di sini dalam tahun 2018 hingga tahun 2020 bila kita ada kerjasama yang erat bersama dengan Kerajaan Persekutuan, kita dapat berunding banyak perkara, dapat berbincang banyak perkara.



Di antara yang boleh saya nukilkan beberapa point sini antaranya ialah pada ketika itu kita sedang menanggung hutang bekalan air sebanyak RM1.8 bilion untuk projek-projek bekalan air sebelumnya dan hasil rundingan setelah dibahagikan, diperhalusi dan dibincangkan maka Alhamdulillah, dapat dihapus kira sebahagian daripada hutang tersebut sekitar RM700 juta itu menjadikan bakinya hanya RM1.1 bilion. Bukan hanyalah masih banyaklah RM1.1 bilion, harapnya boleh diteruskan perbincangan.

Rundingan pada ketika itu juga berjaya menghasilkan satu usaha supaya mendapat pakej lengkap urusan bekalan air di Kedah ni dan juga sumber air yang sebelumnya kita bercadang untuk berhutang lagi RM1 bilion bagi membina 5 loji air tapi hasil rundingan yang dibincangkan secara bersama secara telus dan berkali-kali membolehkan kita mendapat geran pembinaan untuk beberapa projek bekalan air di Kedah ini sebanyak RM1.2 billion. Ini antara kerjasama yang perlu kita giatkan dan di mana hasilnya kalau sebelum itu 5 loji bekalan air semuanya hutang, hasil rundingan tersebut 4 loji bekalan air menjadi geran ditambah dengan 2 projek NRW, 1 di Langkawi dan 1 di 'mainland' pun dijadikan geran dan kita berjaya juga mendapat satu komitmen bagi membina bekalan air untuk Langkawi sekitar RM600 juta.

Hasil perbincangan tersebut juga dapat menyelesaikan masalah migrasi bekalan air Kedah dan juga yang bagusnye dalam projek NRW tadi termasuklah dimasukkan 120 ribu meter air bagi menggantikan meter-meter yang telah pun agak usang di Negeri Kedah. Jadi saya harap, urusan kerjasama baik di antara Alor Setar dan Putrajaya ini diteruskan sama ada dalam bentuk kerjasama politik ataupun yang lebih-lebih lagi bagi pihak kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan kita yang sememangnya mempunyai kebolehan diplomatik yang cukup tinggi.

Yang keduanya saya ingin menyebut tentang bekalan air ni YB. Dato' Speaker, saya ingin bangkitkan tentang keluhan daripada masyarakat akhir-akhir ini lebih kurang dalam setahun dua ini selepas PKP bila banyak menggunakan air balik. Rakyat Kedah sedang mengeluh dengan keadaan bekalan air yang mula banyak mendapat notis gangguan bekalan air dan juga setengah-setengah notis itu disebut tentang tidak dapat ditentukan jangka waktu pemulihan. Jadi saya harap, ini perkara-perkara yang perlu ditangani segera kerana kita akan menghadapi banyak perkara khususnya di Langkawi akan berdepan dengan LIMA pada tahun ini. Yang keduanya ialah saya ingin bangkitkan juga berkenaan dengan status pembinaan, tadi saya dapat jawapan tentang status pembinaan Loji Rawatan Air yang disebut dalam Dewan ini berkali-kali.



Kalau dulunya diserang saya pada akhir 2020 kerana banyak perkara tersebut dan saya nak sebut di sini bahawa sejak kita buka tender pada 9 Januari 2020, keempat-empat Loji Rawatan Air ni projek tersebut telah pun dilantik namun sampai ke hari ini selepas sekitar 3 tahun ini projek ini berjalan agak sangat perlahan dari segi kemajuannya. Tetapi belum lagi dia disenaraikan sebagai projek sakit namun bagi orang yang biasa dengan kejuteraan projek ini yang telah pun diubah tarikh siapnya tu sebenarnya bolehlah dikategorikan projek yang perlu perhatian serius kerana kalau tidak, kita titak boleh menjangkakan bila akan siap dan bila boleh beroperasi keempat-empat loji yang dibuka sebagai tender terbuka.

Satu lagi loji yang disebut loji ke 5 iaitu Logi Pelubang adalah loji yang telah diputuskan pada awal Januari 2020 lagi supaya diberikan secara rundingan terus kepada GLC kita, Bina Darulaman Berhad (BDB) untuk membolehkan kita mengawal 3 perkara. Pertamanya mengawal kos silingnya, kedua mengawal kualiti pembinaan dan ketiga boleh mengawalkan tempoh pembinaan kerana 'direct' perbincangan dan kita meletakkan beberapa perkara penting dalam projek tersebut, itu sejak Januari 2020. Jadi sayangnya sampai ke hari ini bila kita lihat di seluruh Negeri Kedah walaupun 'signboard'nya banyak, namun pemasangan paip utama daripada Peubang ke Kuala Kedah masih lagi sangat perlahan walaupun boleh nampaklah paip-paip ada di tepi lebuh raya tapi saya dapat banyak maklumat tentang tak mungkin boleh berjalan dengan lancar kerana banyak lagi gangguan dan juga halangan termasuklah pengambilan tanah berapa lot persendirian. Begitu juga paip dari Pelubang ke Jerlun, itu lebih rendah prestasinya, paip Pelubang ke Bukit Kayu Hitam lebih rendah lagi dan keseluruhannya menjadikan keempat-empat projek ini yang prestasinya setakat ini hanyalah kalau Pelubang tu baru 9% untuk tempoh ini untuk siapkan lagi 90% kita tak dapat menjangkakan bila tarikh siapnya walaupun dah dipinda tarikh siap asal. Bagi Jenun Baru, 24% juga dah dipinda tarikh siap asalnya, Lubuk Buntar pun dah dipinda siap asalnya dan Bukit Selambau juga telah dipinda tarikh siap asalnya. Jadi, pindaan telah pun berlaku, kemajuan hanya di bawah 10% dan kita harapkan komitmen yang lebih jelas lah. Saya minta kerjasama pihak Pegawai Tadbir juga tolong berikan perhatian kerana masih terdapat beberapa tempat yang tidak boleh diteruskan kerana memerlukan urusan pengambilan tanah. Jadi, saya harap ini berikan satu kerjasama yang baik supaya dapat kita selesaikan, dapat kita berikan satu tempoh bila boleh siap bila boleh siap dan bila boleh mula beroperasi loji-loji air ini.

Walaupun ini bukanlah keperluan sekarang tetapi pemasangan tiga batang paip tadi sangat kritikal, sangat penting untuk kegunaan sekarang berdasarkan kapasiti yang memang dah tinggi pun. Kapasiti di Kedah telah pun lebih daripada 1,500 milion liter yang ada sekarang ni.



Seterusnya YB. Dato' Speaker, saya ingin menyebut juga tentang rungutan daripada pihak pengendali restoran dan juga industri kecil dan sederhana yang mengatakan bil air mereka pada bulan Januari ini lebih tinggi daripada bulan Disember dan bil bulan Februari lebih tinggi daripada Januari. Jadi saya nak tau, dalam kes ini apakah pihak kerajaan telah pun menaikkan tarif air bagi pengguna komersial di Kedah. Jika berlakulah, jika tak berlaku kita akan jumpa balik restoran ni mungkin dia yang pakai banyak. Tetapi rungutan yang kita terima seolah-olah macam berlakunya kenaikan tarif air sejak Januari 2023. Apakah benar atau tidak?

Saya tidak mahu perkara ini disebut ataupun jika dinaikkan hanya kerana kononnya untuk menampung kerugian kepada operator air Kedah iaitu SADA Sendirian Berhad kerana sejak tahun 2020 YB. Dato' Speaker, Kedah telah pun terlepas ikatan dua konsensi yang sebelum ini terikat sepanjang 30 tahun dengan tanggungan sekitar RM30 juta kepada konsensi ini. Kita dapat lihat dalam jawapan nombor 17 Sidang Dewan yang lepas, disebut bagaimana selepas tamatnya dua konsensi ini syarikat SADA dapat menjana keuntungan sekitar RM29.9 juta pada tahun selepas daripada tamatnya konsensi. Jadi kita harap, tidak dijadikan alasan sekiranya nak dinaikkan tarif lebih baik saya harap jawapan itu nanti kata, "tidak ada naik tarif", lagi 'best' tak payah jawab kepada pihak restoran. Maknanya saya akan bagitahu bahawa depa yang guna banyak.

Seterusnya berkaitan tajuk air dia juga, saya ingin sebut sikit tentang Rancangan Tebatan Banjir yang menarik minat ramai bila berlaku banjir. Sekarang ini di Johor Melaka dan juga Pahang, sebelum ini beberapa negeri lain ialah projek-projek ini sedang berada di Kedah dan diletakkan dalam peruntukan yang begitu tinggi untuk Belanjawan 2023 tetapi projek-projek ini masih berjalan dalam keadaan yang tidak dapat ditentukan tarikh siap yang mungkin akan berlaku nanti. Contohnya saya sebut di sini adalah RTB Sungai Kedah, Anak Bukit. Pakej 3 ini yang sekarang telah mencapai 52% berbanding jadual 48% tetapi sebenarnya sebab kita telah pun ubah tarikh siap sudah empat kali dari tarikh siap pertama, kedua dan ketiga dan akhirnya kita dah tolak daripada bulan Mac 2023 kepada akhir tahun 2024. Sebab tu kita boleh dapat satu kemajuan yang masih nampak macam elok tapi tidak disedari secara senyap-senyap ia merupakan projek yang perlu perhatian sebagai projek sakit.

Kalau dah projek RTB Pendang memang itu yang pakej satu sangat seriuslah keadaan yang ada pada hari ini yang kalau ubah tarikh siap pun tak mungkin boleh capai, RTB 2 Sungai Pendang 2, agak di atas landasan namun telah pun dialih tarikh siap yang dijangka nanti, begitu juga RTB Jitra Selatan.



Yang saya sebut di sini bukan kerana projek itu lewat, projek lewat boleh kita lewatkan, projek tu boleh kita tangguh tapi kerana kelewatan itu dikaitkan dengan 'land acquisition' ataupun pengalihan utiliti. Jadi, yang ini melibatkan pihak kerajaan, kalau lambat salah kepada kontraktor kita boleh 'blame' kita boleh 'charge' dia kita boleh kenakan LED dan sebagainya. Tapi kalau kelewatan kepada pihak kerajaan itu memalukanlah. Jadi, kalau kita tengok di Jitra Selatan masih ada lagi 2 lot dalam kolam, 27 lot dalam sungai yang masih lagi perlukan tindakan segera dari segi pengambilan. Kita harapkan satu komitmen yang lebih tegas, lebih serius dan penglibatan langsung pihak kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini kerana kalau tengok RTB Sungai Kedah, Anak Bukit yang melibatkan melintasi jalan tu FT3007 dan juga Jalan Gunung, tidak boleh diselesaikan kerana tak boleh disiapkan jalan lencongan.

Kalau boleh buat jalan lencongan pun tak boleh disiapkan bina jambatan hanya kerana ada satu struktur yang tidak layak dibayar pampasan tetapi layak untuk menghalang pembinaan. Jadi, saya harap ini kita ambil perhatian serius dan kita tengok balik apa tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan supaya tidak menjadikan alasan kepada penangguhan projek yang mendapat perhatian umum daripada terus tergendala. Projek-projek seperti ini kerana bila projek tidak dapat ditetapkan tarikh siap ini YB. Dato' Speaker, masalahnya ialah untuk kita berunding dengan Federal bagi mendapatkan projek baru. Projek baru tidak boleh dilancarkan kerana projek lama masih lagi 'drag', masih lagi berlanjutan, masih lagi perlu dibuat bayaran dan masih lagi tidak boleh ditetapkan tarikh siap projek sedia ada.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, sedikit saya ingin menyentuh tentang tuntutan hak ke atas Pulau Pinang yang selalu disebutkan oleh YAB. Menteri Besar dalam beberapa hal. Jadi saya harap, perkara ini diperhatikan betul-betul kerana kita boleh bercakap menuntut dalam banyak perkara sebelum ni menuntut tentang bekalan air, penggunaan air dan sebagainya tetapi bila kita bila kita sebut sampai tajuk isu-isu melibatkan asas-asas kepada undang-undang ni yang mungkin kita tidak ada 'local standard' dalam dalam hal yang kita disebutkan ini ia boleh menyebabkan satu penghinaan kepada Perlembagaan Malaysia kerana ia terlibat secara langsung terletak dalam pPerlembagaan kewujudan Pulau Pinang yang kita harus tangannya dengan cara lebih lebih teratur dan tidak sampailah melibatkan perkara itu melibatkan undang-undang. Kalau kita ada hak, biarlah undang-undang itu dipihak kita dan kita yang bawa kes itu ke mahkamah jangan sampai orang bawa kita ke mahkamah kerana kita mempertikaikan satu perkara yang telah pun termaktub dalam Perlembagaan.



Kerana dalam urusan Sungai Muda ini YB. Dato' Speaker, ialah Sungai Muda ataupun Ulu Muda Sekitar 380,000 hektar itu sebenarnya kepentingannya banyak, kepentingan kita sendiri kepentingan untuk Negeri Kedah bukan sekadar kepentingan Pulau Pinang kerana saya melihat kajian yang telah dibuat oleh pihak konsultan kepada JPS, Sungai Muda itu sendiri mengandungi kandungan kapasitinya lebih daripada 6,000 juta liter sehari daripada segi kapasitinya. Kita duk guna pakai termasuk pertanian dan juga air hanya sekitar 2,000, lagi 4,000 tu sebenarnya dah jadi 'overflow' sama ada banjir ataupun 'overflow' ke laut dengan Jeniang Transfer pun boleh ambil lagi 1,000 yang lebihnya hanyalah air 'overflow'. Setakat hari ni boleh kata senang kiranya, Pulau Pinang tu pakai air lebihan yang hanyut daripada kita, yang memang kita pun tak tahan ataupun tak sekat dalam penggunaan. Jadi saya harap, teguran saya ni bukan pasali air tapi teguran saya pasal bila kita mengambil bahagian dalam perbincangan yang melibatkan Perlembagaan ini bahayanya takut kita sendiri diseret ke mahkamah.

YB. Dato' Spekaer, yang keduanya ialah saya ingin sebut dalam urusan menangani kos sara hidup di peringkat Federal pada kali ini banyak diperkenalkan beberapa perkara di bawah payung Rahmah itu termasuk salah satunya "Menu Rahmah" yang disebut dalam banyak hal menjadi tarikan ramai orang menyebabkan ramai orang nak bercakap. Jadi saya harap, sepertimana tadi kalau ditegur oleh YAB. Jeneri di sini jangan kita bangkitkan isu tenang benda yang telah pun berulang yang dah berlaku di Parlimen yang perlu teguran di sini pun janganlah sampai ada nanti orang yang menghina Menu Rahmah di Kedah ni. Pakat makan pi lah, tak lalu makan kalau dah duit banyak pun pi makanlah di tempat yang mahal tapi jangan jadikan benda tu olok-olok kerana saya faham sebagai kita orang kampung, kita asalnya orang susah, kita tahu kita nak tahu sekali kenyang tu berapa duit, kita nak tentukan harga dan lama dah kita buat konsep supaya barang di pasaran tu ada harga dia, jadi senang kita nak merancang.

Dalam kes ini, walaupun Menu Rahmah di Kedah ni tak banyak sangat pun sebab memang di Kedah kita boleh dapat banyak lagi makanan yang di bawah RM5 kut tepi jalan, nasi tomato RM4 pun ada, nasi goreng kunyit RM4.50 pun ada, jadi tak perlu sampai yang RM5 tapi yang saya nak sebut ialah kita janganlah sampai kenyataan-kenyataan kita terutamanya Ahli-ahli Dewan dalam keadaan nampak seolah-olah macam menghina makanan itu yang secara langsung menghina sajian dan juga rezeki yang sesuai kepada golongan masyarakat berpendapatan rendah.



Point yang keempat ialah saya nak sebut tentang pengawalan kawasan pembalakan di Kedah. Mengikut jawapan yang saya dapat daripada soalan yang telah saya kemukakan, ialah tahun 2021 masih berlaku pembalakan untuk kawasan sekitar 10,000 ekar ataupun 4,000 hektar yang berlaku di Kedah dan tahun 2022 juga hampir sama kawasan tu, jadi saya hanya nak ingatkan pastikan supaya lesen membalak yang diberikan kepada kawasan-kawasan yang sesuai tidak boleh menyebabkan banyak gangguan kepada urusan-urusan alam sekitar dan sebagainya. Namun, sebagai secara ringkas saya nak sebut di sini ada beza kelulusan kawasan membalak dengan kelulusan lesen mengeluarkan balak. Jadi saya harap kita boleh jelas di sini Ahli-ahli Dewan dan juga pegawai-pegawai yang terlibat, kelulusan kawasan membalak boleh dikeluarkan sepanjang masa oleh pelbagai Menteri Besar yang mungkin berhimpun dah sampai 15,000 ke 20,000 hektar yang dalam kelulusan kawasan membalak namun lesen mengeluarkan balak hanya boleh dikeluarkan oleh Menteri Besar pada tahun semasa. Jadi, janganlah kita sebut, “ini semua kelulusan zaman dulu, kelulusan zaman dulu, yang kelulusna kawasan balak hanya mendapat premium sekitar 10% tapi kelulusan untuk lesen mengeluarkan balak kita boleh mengutip sekitar 90% lagi premium. Jadi saya harap, ini satu benda yang saya nak minta ialah supaya pastikan kawasan yang terlibat itu betul-betul kawasan di bawah kawalan lah bukan kawasan yang boleh menjejaskan alam sekitar.

Seterusnya ialah sedikit tentang sukan yang diminati paling ramai di Kedah iaitu sukan bola sepak yang Menteri Besar kita sangat aktif dan pagi ni pun dia jalan terhenjut ‘injur’ pasal bola sepak. Saya nak tanya ialah apakah sasaran kita pada tahun ini sebab peminat-peminat duk tanya juga, jadi saya pun tak tahu nak jawab apa sasaran kita nak capai pada tahun ini kerana kalau tahun lepas kita kata seolah-olah kita macam tak boleh mengalahkan JDT kerana JDT belanja besar belanja mewah jadi dia kuat kita mungkin tak boleh kalahkan dia tapi. Tapi keputusan tahun lepas bukan kita hanya belakang dia tapi kita di belakang daripada 6 pasukan yang lain lagi, kita duduk nombor 8. Saya harap tahun ni kita ada satu sasaran baru, apa sasaran kita untuk tahun 2023.

Seterusnya dibangkitkan juga disebut oleh kawan-kawan kita tentang “Beras Sejahtera”. Tak kisahlah Beras Sejahtera ni bukan pasal urusan Beras Sejahtera tu sangat tetapi sebab urusan ini kita telah membincangkan dan diluluskan di Dewan ini satu belanjawan, satu jumlah kewangan dan diperuntukkan untuk sediakan Beras Sejahtera untuk diedarkan kepada semua Pusat Khidmat termasuk ADUN-ADUN daripada pembangkang. Jadi yang ini saya mehonkan penjelasan apa status sebenarnya? Bila kita dah luluskan di sini tetapi terdapat ura-ura katanya ia tak boleh diteruskan kerana memang diberhentikan, jadi kita pun pohon penjelasan ke atas perkara ini.



YB. Dato' Speaker, seterusnya juga saya ingin mengucapkan penghargaan kepada pihak MIDA (Malaysian Investment Development Authority) atau Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia yang bekerja rapat dengan YB. Guar Chempedak ni kerana mengikut rekod Approve Investment untuk 2022 bernilai RM264,000 bilion untuk seluruh Malaysia bagi approved investment untuk 2022 mereka bekerja kuat dan China menyumbang 33%, USA menyumbang 18%, Belanda menyumbang 12%, Singapore menyumbang 8% dan Jepun menyumbang 7% dengan temanya "sustainable investment for grows". Jadi saya sebut terima kasih di sini kerana dalam ucapan Tuanku juga mengucapkan tentang pelaburan yang masuk ke Negeri Kedah jadi saya ucapkan penghargaan di atas kerja kuat ini dan saya lihat di situ melibatkan 4,454 projek dan peluang pekerjaan kepada 140,370 individu bagi seluruh Malaysia. Penerima terbesar pelaburan ia adalah Johor 70.6 billion, Selangor 60.1 billion, Sarawak 28.2 bilion, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 25 billion, Penang 16.3 bilion yang kelima dan Alhamdulillah, Kedah seperti disebut oleh Tuanku dalam Dewan dalam ucapan Tuanku 13.1 billion. Jadi kita ucap penghargaan dalam hal ini khususnya dalam MIDA mempromosi dan menggalakkan pelaburan dari luar negara ke Malaysia termasuk Negeri Kedah dan Kulim Hi-Tech menjadi lokasi pilihan dan lebih daripada 90% pelaburan masuk ke Kedah adalah untuk kawasan Kulim Hi-Tech.

YB. Dato' Speaker, isu yang seterusnya adalah tentang KXP Aerotropolis ataupun Lapangan Terbang Kulim yang saya rasa nanti kita mungkin akan mendengar huraian lebih panjang dalam jawapan nanti kerana kita nak dengar ialah sepanjang tempoh KXP ini mula disebut di Kedah ini sampai ke Pusat, beberapa perbincangan teknikal telah pun dijalankan. Beberapa perbincangan itu melibatkan urusan-urusan memenuhi prasyarat kepada pembinaan KXP. Jadi kita nak tahu juga sampai sekarang ni apakah status aasih di peringkat prasyarat sehingga membolehkan rundingan seterusnya ataupun apakah projek di bawah PFI ini dan halangannya kepada KXP bagi membolehkan ianya dilancarkan berbanding dengan apa yang disebut di dalam Dewan Rakyat, kita nak tahu juga di sini penjelasan sebab kita di sini rata-rata hampir keseluruhan 36 ADUN ini antara yang menyokong pelaksanaan KXP sebelum ini sampai ke hari ini saya rasa tidak ada yang tidak sokong tapi kita nak tengok apa lagi yang menjadi halangan kepada pelancaran projek yang dikendalikan secara PFI ini.

YB. Dato' Speaker, sedikit juga saya ingin menyentuh tentang "Membina Malaysia Madani" di Negeri Kedah ini. Saya rasa ini terkait rapat dengan titah Tuanku yang menjaga keharmonian, menghormati semua pihak di antara kita, menjaga nilai hubungan antara kita Alor Setar dan Putrajaya, nilai sesama kita.



Saya harap nilai-nilai yang dibawa oleh Malaysia Madani ini tidak menjadi satu perkara yang samping dan kita sepatutnya seiring dengan Malaysia Madani ini agar tidak terus ketinggalan dan mendapat tempat dalam perbelanjaan yang disediakan oleh pihak Persekutuan. Berhubung dengan Belanjawan 2023 yang disediakan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang sedang dibahaskan di Parlimen pada ketika ini, kita melihat Belanjawan 2023 memperuntukkan RM97 bilion untuk pembangunan dan setakat ini kita nampak Kedah diperuntukkan RN1.5 billion sahaja untuk 2023, jadi saya rasa kita masih berpeluang untuk mendapat lebih ruang bagi menyenaraikan pembangunan baru andai mampu mengurus projek sedia ada tadi. Projek-projek sedia ada yang saya sebutkan tadi eloklah dalam masa segera setingkat boleh kita uruskan projek ini supaya kita dapat tetapkan tarikh siap projek-projek tersebut supaya kita layak untuk memohon projek-projek baru bagi mendapatkan projek itu sampai ke Negeri Kedah dalam masa 2023 seperti yang dijangkakan sekarang.

Jadi, saya cadang supaya wakil-wakil Negeri Kedah yang ada dalam Dewan Rakyat mengambil peluang untuk membangkitkan projek-projek yang perlu dibawa ke pengetahuan Kerajaan Persekutuan untuk dijadikan keutamaan untuk Negeri Kedah dan juga kedua-dua Ahli Dewan Negara yang kita cadangkan tadi yang akan mula masuk ke Dewan Negara ini, saya ada pengalaman pernah berada di Dewan Negara memang di situ tidak ada pembangkang yang ada dalam tu semua kerajaan sama kerajaan negeri atau Kerajaan Persekutuan, boleh bincang banyak perkara, boleh bangkit banyak perkara dan biasanya Menteri ataupun Timbalan Menteri yang hadir di Dewan Negara tersebut memberikan kerjasama sepenuhnya kerana dia datang dengan satu minda yang bersedia untuk mendengar sebab semua yang ada dalam Dewan Negara adalah wakil-wakil Federal ataupun negeri. Jadi kita boleh bincang banyak perkara, maka kita harapkan dua wakil kita yang akan kita hantar itu.... (YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Suka Menanti ada lagi 5 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Suka Menanti. Di hujung-hujung bagi peluang YB. Suka Menanti minum air, 20 minit pucat tu! Disebut oleh YB. Suka Menanti wakil-wakil kerajaan perlu untuk tampil sekali lagi buat permohonan kepada kerajaan yang baru, cuma kita duk bincang lama dah YB. Dato' Speaker tentang budaya "scrape off", yang mana hat perancangan dulu tinggai, hampa nak nak, mai semula.



Jadi, adakah budaya ini kita nak teruskan dalam Kerajaan Madani yang disebut oleh YB. Suka Menanti dan peruntukan bangunan Kedah RM1.1 bilion lebih daripada RM97 bilion, negeri kita negeri yang disebut negeri yang termiskin, tiba-tiba Kerajaan Persekutuan yang ada tak memberikan peruntukan untuk negeri kita berdiri seiring dengan negeri-negeri lain yang telah pun terkehadapan. Adakah ini satu bentuk kezaliman baru yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan kerana perbezaan parti memerintah?

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan. Terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang baru dilantik. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan Malaysia Madani yang dikemukakan oleh PM ke 8 ini. Saya melihat ada beberapa perkara, yang pertama berkenaan dengan isu peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Parlimen. Kalau dulu RM3.8 juta sekarang ini RM1.3 juta sahaja dan kemudian diberikan kepada ADUN-ADUN, di bawah ADUN-ADUN pun juga diberikan peruntukan pada masa dahulu. Jadi saya mengharapkan kalau boleh peruntukan-peruntukan itu diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen yang sepatutnya diberikan, kalau tak diberikan kepada pembangkang di negeri beri kepada pihak kerajaan tapi saluran itu mesti diberikan kepada rakyat. Kalau dulu RM3.8 juta dan sekarang RM1.3 juta sangatlah, kalau peruntukan itu tidak dapat. Jadi, saya mengharapkan pihak pembangkang Negeri Kedah ini menjadi kerajaan di Pusat itu boleh memberi pandangan kepada pihak Pusat.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih yang pertama kepada YB. Dato' Speaker, YB. Sungai Limau dan YB. Bukit Lada atas pandangan mereka. Saya menyentuh tentang.....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Suka menanti, boleh 'landing'!



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Dalam melaksanakan membina Malaysia Madani ni memang harus diteruskan dengan penuh sifat-sifat ehsan dan sifat hormat, berkayakinan dan sebagainya. Jadi, sebab itu saya rasa memang peruntukan itu saya sebut supaya dibangkitkan dan kita harus teruskan dan setakat 'contact' yang kami ada pun akan cuba berhubung berbincang banyak perkara melibatkan program-program sukan, program-program remaja, program seperti isu-isu di bawah payung rahmah ini perlu dikembangkan kerana Kedah *(rakaman suara tidak memuaskan di minit 2.14.14 hingga 2.17.01).*

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Suka Menanti. Sekarang saya menjemput YB. Sungai Limau, 30 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillah robbil 'alamin wassala tuwassala muala asyrofil anbiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Subha nakala 'ilmalana illa ma 'allamtana innakaan tassami 'ul'alim. La haulawala quwatailla billa hil 'ali yilazim. Ammabaq. Kholallahu ta'ala kitabil karim, Auzubillhiminassyaitonirrojim;

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا
وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ وَمَنْ يَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ
فَهُوَ حَسْبُهُ إِنَّ اللَّهَ
بَلِغُ أَمْرِهِ قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لِكُلِّ شَيْءٍ قَدْرًا

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang untuk saya turut serta dalam ucapan menjunjung kasih atas Kebawah Duli Tuanku Sultan Kedah Negeri Kedah di atas perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku menyampaikan titah ucapan bersempena Pembukaan DUN setelah dua kali kita mendengar ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku hanya melalui alam maya. Jadi, patik-patik sekalian menjunjung kasih atas limpah perkenan Tuanku dan Tuanku Sultanah mencemar duli bersama dengan Tuanku Raja Muda dan isteri Putera Mahkota dan isteri sudah pasti menyuntik semangat kepada kepimpinan negeri dan pegawai kerajaan baginda Tuanku Sultan. Kita doakan semoga Allah kurniakan kesihatan dan kebaikan kepada Tuanku Sultan dan Tuanku Sultanah serta seluruh keluarga Diraja dan terus dipelihara Allah di singgahsana memerintah Negeri Kedah yang tercinta.



YB. Dato' Speaker, dalam ucapan menjunjung kasih ini juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kami barisan 'back benchers' kerajaan daripada YB. Sungai Tiang dan YB. Bandar Baru yang seketika lamalah juga YB. Sungai Tiang itu, 2 tahun jugalah, 2 tahun lebih bersama-sama dengan kami di sebelah sini, tau-tau mai minggu ni beralih sebelah sana. Kita doakanlah semoga kebenaran yang dicari akan ditemui sepertimana yang sering kali kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala "Allahumma arinal haqqa haqqa warzuqnat tiba'ah waa arinal bathila bathila warzuqna tjanabah".

Jadi, doa yang kita mohon supaya Allah Subhanahu Wa Ta'ala sentiasa memberikan kepada kita berada bersama-sama dengan kebenaran dan kita akan mengikut kebenaran tersebut. Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada YB. Kuala Nerang yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah selepas Persidangan Bajet kita yang lepas lebih kurang bulan November yang lalu dan kita doakan semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala akan membantu dan mempermudah segala urusan beliau untuk melaksanakan tugas membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat serta semua yang dilaksanakan akan menjadi bekalan akhirat InsyaAllah. Dan tak dilupakan juga kepada YB. Suka Menanti yang telah pun menjadi Ketua Pembangkang menggantikan ADUN Gurun yang telah pun meletak jawatan. Rasanya ADUN Gurun takdan nak bahas sebagai Ketua Pembangkang tapi moga-moga ADUN Gurun yang sekarang ni kita tahu telah pun melaksanakan suatu tugas baru sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat, sudah pasti juga tanggungjawab yang lebih mencabar di Dewan Rakyat. Jadi tahniah kepada semua yang telah pun kita sebutkan tadi.

YB. Dato' Speaker, YAB. Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua hadirin hadirat sekalian, titah ucapan Tuanku Sultan telah menunjukkan keprihatinan baginda dan ambil berat kepada pembangunan negeri serta kesejahteraan rakyat serta baginda mengikuti secara dekat pentadbiran YAB. Besar Jeneri. Kita juga tahu setiap minggu YAB. Menteri Besar akan mengadap Tuanku Sultan untuk 'update' (dengan izin) memaklumkan pembangunan dan apa yang telah pun dilaksanakan oleh kerajaan negeri yang baginda merupakan ketua pemerintah. Tahniah juga kita rakamkan kepada YAB. Jeneri yang telah berusaha gigih bersama-sama dengan seluruh ketua-ketua jabatan dan pegawai kerajaan sehingga banyak kejayaan, banyak isu-isu yang telah lama dapat diselesaikan malahan nama Kedah sering diingati disebut-sebut. Bila orang sebut nama kita sama ada secara baik ataupun ada yang secara iri hati ataupun sebagainya menunjukkan kita telah pun berada di depan mereka, InsyaAllah.



Antaranya yang dititahkan oleh Tuanku Sultan, pelaburan Kedah tahun 2022 berjumlah RM13.1 bilion dan kita juga masih ingati rekod yang telah pun kita berjaya capai iaitu RM68.3 bilion pelaburan pada tahun 2021. Tuan-tuan, RM13.1 bilion ini masih lagi berada dalam kerangka pencapaian yang telah pun diletakkan dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang telah pun menetapkan bahawa untuk setiap tahun pelaburan yang akan kita capai adalah berjumlah RM10 bilion pelaburan masuk. Jadi usaha gigih seluruh kepimpinan negeri dan pegawai-pegawai, kita amat hargai dan InsyaAllah kita yakin usaha bersungguh-sungguh ini akan dipermudahkan Allah Subhanahu Wa Taala. Yang kedua, peluang pekerjaan daripada pelaburan yang masuk.....(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Sungai Limau, minta laluan sikit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yaa....Takdan... baru nak...

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Masih nak bertanya tentang pelaburan takut tertinggal, lepas ni ubah topik lain. YB. Dato' Speaker, soalan saya adalah kita ucap tahniahlah kerana 2021, 2022 pelaburan yang masuk tu agak luar biasa. Saya nak tanya macam ni, dalam ucapan semalam Tuanku menyebut bahawa 90% lebih yang masuk itu adalah di Kulim Hi-tech Park. Maksudnya hanya sedikit sahaja di luar daripada Kulim Hi-Tech Park. Jadi soalan saya, sepanjang pihak kerajaan yang ada sekarang ni, berapa peratus peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan yang membawa masuk pelaburan sebab Kulim Hi-Tech Park itu siapa yang memerintah pun dia berada di situ. Maknanya infranya telah berada di situ, siapa yang memerintah pun dia akan masuk di situ. Jadi, berapa peratus daripada keseluruhan pelabur masuk 2021, 2022 yang disumbang oleh kerajaan yang ada sekarang? Itu soalan.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik. Terima kasih kepada Pengkalan Kundor. Saya yakin perkara itu akan dapat dijawab oleh YB. Guar Chempedak yang kita difahamkan beliau memang bersungguh-sungguh untuk bertemu dengan para pelabur sehingga ke luar negara dan juga pelabur yang sedia ada mungkin InsyaAllah akan dijawab oleh beliau tapi YB. Pengkalan Kundur jangan lupa



walaupun Kulim Hi-Tech tu sedia ada, dah pun ada pelaburan tapi dengan sistem E-10 yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk proses nak bina bangunan kilang mengambil tempoh hanya 10 bulan berbanding 24 bulan, 36 bulan sebelum daripada ini, itu juga merupakan salah satu perkara yang menggamit pelabur-pelabur untuk masuk ke Negeri Kedah khususnya di Kulim Hi-Tech dan tempat-tempat yang lain, InsyaAllah dan kita yakin usaha oleh pegawai-pegawai kerajaan kita ni kita patut berikan kredit kepada mereka. Ya, YB. Bandar Baharu. Sila!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, YB. Sungai Limau, betul kita sangat faham dan sangat berterima kasih kepada MPKK (Majlis Perbandaran Kulim, Kedah) dengan kejayaan E-TEN tersebut di mana saya ambil satu contoh dalam Sidang DUN sebelum ni kita meraikan kejayaan E-TEN dengan Aspen Glove iaitu pelabur kita yang berjaya kita cepatkan dengan proses 9 bulan ke 10 bulan siap dia punya kilang dan juga operasi. Tetapi kualiti pelabur tersebut, saya bagi contoh Aspen Glove ini kerana bila dia beroperasi berapa bulan tiba-tiba tutup kilang. Jadi, bagaimana kita kerajaan negeri dan juga pihak Kulim Hi-Tech Park memilih dan melihat kualiti pelabur-pelabur yang masuk untuk menyumbang dalam Kedah ini. Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih kepada YB. Bandar Baharu. InsyaAllah saya yakin perkara itu akan dijawab nanti oleh YB. Exco. YB. Dato' Speaker.... Haa... ada lagi YB. Jitra? Sila! Sila!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih. Saya cuma perlu kepastian sebab kalau kita mendengar titah Tuanku semalam bahawa pelaburan ni bernilai RM 13.1 billion dan memang betul saya semak dalam portal MIDA mengesahkan perkara tersebut. Tetapi pada 23 haribulan Ogos tahun lepas telah diumumkan oleh kerajaan negeri bahawa Kedah telah berjaya menarik pelaburan sebanyak RM20 bilion dalam tempoh hanya dua suku pertama tahun lepas iaitu sampai pertengahan tahun lepas, jumlah pelaburannya RM20 bilion. Jadi, saya cuma nak minta pengesahan angka mana yang sebenarnya tepat. Kalau nak ikutkan tu pelaburan yang dilaporkan oleh MIDA cuma RM13.1 bilion sepertimana yang telah dititahkan oleh Tuanku semalam.



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih kepada YB. Jitra. Kita tunggu pengesahan daripada pihak kerajaan. Saya lanjutkan, kalau daripada pelaburan-pelaburan yang masuk akan menjana peluang pekerjaan kepada rakyat. Disebut kelmarin tahun 2022 daripada pelaburan masuk telah menyediakan 6,072 peluang pekerjaan dan kita juga ingat pelaburan yang masuk tahun 2021 telah pun menyediakan 11 ribu peluang pekerjaan di KHTP saja dan rekod-rekod ni sebenarnya peluang pekerjaan daripada pelaburan ini kita dapat sediakan khususnya untuk rakyat di Negeri Kedah. Sebab itulah apabila kerajaan negeri dengan memberi penekanan kepada projek-projek berimpak tinggi, projek-projek baru yang telah pun dan sedang dirancang oleh kerajaan sepertimana disebut Delapan SBEZ dahulunya dikenali sbagai Kota Perdana, kemudian KRC Fasa 1 berkeluasan 496 ekar yang telah pun siap dan menggalakkan limpahan pembangunan luar bandar, kemudian perancangan untuk KXP dan juga Kedah Aerotropolis yang ada dalamnya merangkumi perkhidmatan kargo yang lebih komprehensif yang disokong dengan pembangunan hub Maintenance, Repair and Operation (MRO) (dengan izin) merangkumi komponen Sidam Logistic Aerospace dan Manufacturing Hub (SLAM), Business Park dan Pembangunan Airport City. Jika semua ini dapat dilaksanakan, sudah pasti ia akan mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak kepada rakyat Negeri Kedah.

Sebagai contoh, saya ambil daripada yang kita ada, Kedah Rubber City dalam tempoh sehingga menjelang 2030 mampu menyediakan peluang pekerjaan 15,000 kepada rakyat Kedah khusus dan pada rakyat Malaysia amnya, Kota Perdana FBZ dalam tempoh 20 tahun mampu menyediakan peluang pekerjaan 21,000 dan KXP secara khusus apabila ia mampu dilaksanakan dapat menyediakan peluang pekerjaan 18,000 tak termasuk lagi dengan kargo, tak masuk lagi dengan SLIM, Business Park dan Airport City.

Ini menunjukkan bahawa keprihatinan kerajaan projek-projek ini demi untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat yang semuanya PFI, daripada swasta yang akan melabur sepatutnya. Sebab itulah kita mengharapkan Kerajaan Persekutuan memberikan pertimbangan kelulusan. Silakan YB. Derga.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Sungai Limau. YB. Dato' Speaker, saya mohon YB. Sungai Limau kalau boleh perelaskan peluang-peluang pekerjaan yang disebut itu sebegitu banyak. Berapakah sebenarnya anak Kedah yang betul-betul bekerja di situ khususnya seperti yang dikatakan oleh Bandar Baharu, OSRAM.



Contoh berapa ramai di situ dan bagaimana pula peluang pekerjaan dan pelaburan ni menambahkan nilai hasil kerajaan seperti yang dititahkan oleh Tuanku dan juga menaikkan pendapatan perkapita setiap rakyat yang hidup di Negeri Kedah. Saya pohon data tersebut, terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, nak tanya sekali boleh?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya, sila!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tadi dengar tentang peluang pekerjaan yang diwujudkan oleh kerajaan..... (YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Kota Darul Aman haaa.....!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, terima kasih. Saya ingin bertanya tentang peluang pekerjaan yang diwujudkan melalui pelaburan asing. Persoalan saya ialah, bagaimana kita 'mix and match' dengan tumpuan dekat Kulim Hi-Tech Park (KHTP) dan adakah peluang pekerjaan ni melimpah ke semua daerah ataupun tempat lain sebab kalau kita cuma tumpu kepada KHTP yang saya tahu banyak yang di Alor Setar semua dah berhijrah ke Pulau Pinang ataupun ke Singapura dan tidak kembali. Jadi, dengan peluang pekerjaan yang begitu banyak, adakah rakyat kita betul-betul mendapat limpahan ekonomi tersebut? Terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih kepada YB. Kota Darul Aman. Banyak sangat YB. Dato' Speaker, celahan-celahan ni, tak layan kawan-kawan belaka, tapi banyak benda. Dia tak boleh lebih dari Ketua Pembangkang, kalau nak tambah masa tak dak masalah YB. Speaker, Insyallah.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Boleeehh...!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Dari sudut data saya yakin pihak kerajaan ada dan untuk YB. Kota Darul Aman tentang tumpuan ke KHTP. Kalau Kota Darul Aman amati titah ucapan Tuanku dan perbahasan saya tadi kita ada 8 SBEZ di Bukit Kayu Hitam, kita ada KRC (Kedah Rubber City) di Padang Terap, kita ada KXP dan Kedah Aerotropolis di Sidam berdekatan dengan Sungai Petani. Itu juga menunjukkan usaha kerajaan bukan hanya tertumpu kepada KHTP semata-mata tetapi untuk kita lebar luaskan, yang penting sokongan daripada semua pihak untuk kita jayakan perkara ini kerana yang kita fikirkan adalah hasil dinikmati oleh rakyat dari sudut peluang pekerjaan, dari sudut limpahan ekonomi. Sudah pasti bila ada orang kerja akan ada perumahan, rakyat setempat mungkin boleh dapat limpahan ekonomi, kedai, gerai-gerai dan sebagainya. Semua itu sebenarnya penting untuk kita membangunkan Negeri Kedah dan juga memberikan nilai tambah ataupun pendapatan tambahan kepada rakyat di Negeri Kedah.

Jadi, kita di peringkat Tuanku Sultan juga kita yakin baginda Tuanku amat mengambil berat tentang projek-projek berimpak tinggi yang telah pun dirancang dan sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri termasuklah, walaupun tak disebut, tadi disebut oleh YB. Suka Menanti tentang naiktaraf LRA, 5 Loji Rawatan Air dan juga untuk mengatasi NRW dengan penggantian paip-paip. Semua itu dilaksanakan secara serentak oleh pihak kerajaan dan juga kalau kita lihat tadi semua YB. Suka Menanti sebut pada zaman dia buat, tapi dulu YB. Sungai Tiang... tak dak dah! YB. Sungai Tiang sebut ditangguhkan pada masa tu 2018, tangguh 2018, buat kajian balik kemudian barulah dimulakan balik. Selepas daripada tu 2020 dan dilaksanakan 2021 maknanya kalau 2018 buat, siap dah tu YB. Suka Menanti. Kalau kita dah buat dah daripada perancangan 2017 permohonan daripada Kerajaan Persekutuan, maknanya isu air ni kita tak bincang dah, YB. Kuala Nerang tak payah dah jawab. Tapi kalau itu berlanjutan kerana berlaku 'drag', buat kajian semula daripada 2018 sehinggalah kita hanya mampu laksanakan pada 2021. Semua YB. Suka Menanti kata dia buat belaka. Silakan YB. Suka menanti.



YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Speaker, sikit saja. Saya cuma nak sebut 2018, 5 logi tu dalam permohonan dan dia punya jumlah loan pun belum diluluskan dan kajian pada masa tu hanya persiapan 'design' oleh pihak konsultan pun hanya separuh jalan yang dilantik oleh SADA sendiri pada ketika itu. Jadi, apa yang kita perbetulkan keadaan sehingga boleh dilaksanakan dilantik agensi pelaksana dan akhirnya semua siap dan boleh ditender pada Januari 2020. Itu kedudukan yang ada pada ketika itu, bukan tangguh pun. Tapi siapa yang nak laksana? Melainkan buat cara lama lah iaitu buat sendiri-sendiri, bayar sendiri-sendiri.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik. Yang ni kita tunggu sungai tiang cerita. Tang mana dah ni nak jadi maknanya usaha-usaha untuk kita menambah baik infra juga diberikan pertimbangan perhatian oleh kerajaan negeri dan tadi kita bincang tentang LRA, naik taraf, 'drag' masa (dengan izin) YB. Speaker, sehingga 2021 baru boleh mula buat. Kemudian bila berubah kerajaan pula pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk nak batalkan tebatan banjir peringkat awal tadi, kita pun bimbang. Adakah budaya 'scrape off' saya tanya tadi tu akan kembali berulang sedangkan kajian-kajian telah pun dilaksanakan laporan telah pun dibuat, permohonan yang lama, perancangan-perancangan tu bukannya hanya masa, bukan hanya melibatkan pegawai-pegawai tapi juga melibatkan duit rakyat daripada kajian-kajian yang dilaksanakan kalau tak diteruskan sudah pasti ia akan merugikan dan sudah pasti masalah yang ingin kita atasi itu akan berlanjutan sepertimana yang telah pun kita lalui pada hari ini, Kedah sepatutnya kita dah boleh selesai isu air ni tapi berlanjutan sampai ke hari ini dan InsyaAllah kita yakin dengan apa yang sedang diusahakan mampu untuk melaksanakan 2024 untuk kita selesaikan masalah ni. Tunggu! Tunggu sat YB. Pengkalan Kudor, banyak lagi ni....

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Masih isu yang sama, isu air tadi...

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Yaa... Yaa...



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Tuan Speaker, tadi YB. Sungai Limau menyebut tentang LRA, NRW dan satu lagi adalah servis operator tu sendiri (SADA). Saya nak bangkitkan sekarang ini, masa sekarang ini di beberapa kampung di DUN saya, DUN kita berjiran di Kampung Padang Raja dan juga Tepi Laut. Sehingga sekarang saya ingat dah 3 minggu tidak ada langsung bekalan air bersih ke lebih daripada 100 buah rumah di kampung-kampung yang disebutkan tadi ni. Jadi, isunya adalah, saya telah telefon YB. Kuala Nerang sekali tetapi tidak berjawab pada masa tu, saya berada di lokasi beberapa kali dan lori SADA masuk, keluar, masuk, keluar, masuk. Apabila saya tanyakan terus, dia kata dihantar kepada rumah-rumah tertentu yang secara tidak sistematik yang akhirnya ada yang dapat, ada yang tak dapat. Jadi soalan saya adalah, servis yang saya rasa amat lemah, dihantar tidak sama rata dan sampai hari ini ada rumah yang lebih dari 2 minggu tak dapat langsung pun daripada lori-lori SADA tadi. Cuma mereka dapat daripada rumah jiran-jiran, keluarga dan sebagainya. Jadi, soalan saya adalah kalau projek-projek tadi ada sebab-sebabnya tapi yang ni servis. Apakah servis yang jadi begitu, bukan baru dari dulu sampai sekarang.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih kepada YB. Pengkalan Kundor. Tadi pun YB. Pengkalan Kundor sebut ada lori SADA hantar air, maksudnya ada sampai lah, mungkin yang hat tak sampai tu YB. Pengkalan Kundur boleh bagi senarai nama-nama yang mungkin tercicir atau sebagainya. Tapi tulah YB. Suka Menanti, hat kita duk sembang tu kalau terus dulu boleh dah elok dah, jadi kita beralih kepada hat lain pula. Kita tahu projek ini dah dirancang lama tapi bila berlaku perubahan pimpinan kerajaan tu, 'drag' masa menyebabkan isu, masalah itu berlanjutan, tebatan banjir pun macam tu. Jadi, kita tak mahu berlaku isu yang sama, kita minta perhatian daripada Kerajaan Persekutuan dan perancangan-perancangan itu sebenarnya dibuat oleh pegawai-pegawai, pegawai-pegawai ni tak berubah dan kajian-kajian tu. Jadi, perancangan yang sedia ada projek untuk mengatasi isu-isu masalah rakyat ini mesti diteruskan supaya kita dapat memberikan bukan hanya kepuasan sebenarnya kepada rakyat tetapi membela nasib mereka yang ditimpa dengan pelbagai musibah. Contoh Tebatan Banjir, kalau kita hentikan Tebatan Banjir di Baling macam kita sebut, kalau nak kena mohon pula nak kena ambil masa pula, berhenti, masalah akan berlaku banjir selepas ni.



Di Pendang juga, walaupun sebut Tebatan Banjir Pendang tapi masuk juga dalam DUN Sungai Limau, hampir 500 orang, 100 relong yang terlibat bila menyebabkan Tebatan Banjir tu tak berlangsung dengan elok, sungai jadi cetek, air daripada bendang tak boleh nak pergi ke sungai, sawah sentiasa tenggelam. Kita dah bincang dah, ada kaedah daripada JPS (Jabatan Paritt dan Saliran) dan sebagainya supaya perkara ini dapat diatasi. Kemudian di Dulang, begitu juga fasa 2. Kalaulah projek-projek ni dihentikan, biar macam tu saja, sudah pasti ia bukan hanya memberikan impak kepada masalah banjir tapi juga kesan kepada pesawah-pesawah yang menyebabkan sawah mereka itu tak boleh untuk nak menghasilkan ataupun mereka tak boleh nak usahakan secara yang lebih tertip.

Jadi, sebab itulah kita mohon supaya pihak Kerajaan Persekutuan, disebut oleh Tunku “lebih profesional” dalam menangani isu-isu ini. Apa yang telah pun dirancang kita teruskan kerana ia memberikan impak yang besar kepada rakyat. Sudah pasti, Tuanku Sultan menyeru supaya Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan kelulusan untuk pelaksanaan projek KXP, ini juga kita dah sebut PFI. Projek ni projek yang swasta yang akan laburkan dana daripada swasta tak, Kerajaan Persekutuan hanya perlu berikan kelulusan kepada pihak kerajaan, kajian-kajian telah pun dibuat. YB. Jitra tentu bersetuju dengan saya, sejak dari 2013 disebut oleh YB. Jitra dan beberapa kajian, 5 kajian telah pun dilaksanakan dan telah pun disebut oleh YAB. Jeneri dalam Mesyuarat Majlis Fizikal Negara untuk dibentangkan bulan Ogos tak dapat bentangkan bulan Oktober 2020, ada rekod di peringkat MOT.

Kemudian, tiba-tiba bila berubah kerajaan kata tak ada permohonan. Itu yang menyebabkan kita rasa...Aih!? Saya rasa YB. Suka Menanti, Pengkalan Kundur, Derga, semua kita tau perkara ini dan kita telah pun berbahas berulang kali, tiba-tiba Menteri kata tiada permohonan. Ini merupakan apa yang yang kita bimbang, “political vendetta” ada sebut juga tu, politik dendam, politik kebencian kerana berlainan parti menyebabkan apa yang sedang diusahakan oleh pihak kerajaan negeri untuk membangunkan negeri disekat. Kita dah nak naik keluar daripada kemiskinan tiba-tiba ada orang tarik pula. Jadi, bila masa kita akan mampu untuk bersaing ataupun memastikan Kedah ini maju dan membangun.

YB. DATO’ DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sikit laluan YB. Sungai Limau.



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, sebelum tu saya nak ingatkan YB. Sungai Limau ada 2 minit saja lagi.
YB. Sungai Limau terlalu pemurah jadi....

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya...Ya! Ya! Tak pa YB. Pengkalan Kundor, tinggal 2 minit lagi. Saya ni memang pemurah, tadi pun banyka kali tanya dah. Tak pa, banyak lagi benda, hat kawasan tak masuk lagi ni...

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Last! Last! KXP! Terima kasih YB. Speaker.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Makan masa banyak dak? Kalau panjang tanya YAB. Menteri Besar.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terus kepada soalan YB. Pengkalan Kundor!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan saya simple, adalah saya memetik laporan oleh Wee Ka Siong iaitu Datuk Seri yang menjadi Menteri Pengangkutan sebelum ni. Beliau masih menunggu kepada satu laporan Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara. Jadi, selepas 'study' itu dibuat, selepas itulah dia akan melihat kepada KXP. Jadi, bukan isu kerajaan yang ada sekarang yang baru 3 bulan tapi isunya adalah pelan strategik yang dibuat oleh Menteri Pengangkutan pada masa itu masih tak lengkap.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ok, baik. Maknanya Menteri Pengangkutan la ni kena baca jugalah laporan-laporan yang lama tu supaya dia lebih tahu, jangan dia kata tak tahu apa hat perancangan negeri ni. YB. Speaker, tuanku itu juga menyebut tentang pelancongan.... (YB. Timbalan Speaker mencelah)



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Sungai Limau, masa sebenar sudah cukup!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Tambah sikit lagi.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat perlu berapa minit lagi agak-agak yang sesuai?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Saya atak mau mintak banyak, 10 minit boleh kut, InsyaAllah. (seluruh hadirin ketawa). Tak pa lah, ikut, satgi saya berhenti. Kalau YB. Speaker kata berhenti, InsyaAllah saya berhenti.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Bagi 6 minit!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik. Terim aksih YB. Speaker. Biasa 40 minit, tu yang kita rai sahabat-sahabat tu kan? Pelancongan juga telah disebut dalam titah ucapan dan banyak benda yang disebut oleh Tuanku Sultan. Jadi, saya tak mau pi yang lain lah, Langkawi, tentang feri dan sebagainya. Nak masuk dalam Daerah Yan, takut takdan. Pegawai Daerah saya pun duk bincang bagaimana kita nak majukan Daerah Yan. Jadi, secara lebih khusus saya ingin memohon agar Daerah Yan juga mendapat perhatian kerajaan negeri selain daripada Langkawi dengan tema, “Yan Daerah Pelancongan Desa, Yan Lestari”.

Sudah pasti banyak aset yang terdapat di Yan yang boleh kita angkat untuk menjadi tarikan pelancong, Gunung Jerai kita ada, Terusan Wan Mat Saman kita ada, satu terusan yang menjadi sejarah bagaimana dengan memajukan teknologi khususnya sawah pada masa itu, korek secara manual dan sebagainya. Kemudian kawasan air terjun dan rekreasi yang cantik, sawah yang terbentang luas mata memandang, jeti-jeti nelayan, kami ada lebih kurang 10 jeti dalam Daerah Yan.



Alhamdulillah, YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri pun bila permohonan untuk naik taraf, Alhamdulillah ada berapa jeti yang diluluskan. Jeti ni kalau kita pi YB. Speaker, petang-petang Allah...!! 'Sunset'nya cukup lawa. Jadi, kita cadang kalau boleh kerajaan negeri pilih salah satu daripada jeti-jeti ini untuk kita majukan sebagai tarikan pelancong, orang nak mai makan ka di situ, rekreasi keluarga kat situ sebelah petang sebab dengan suasana yang ada, angin mendayu-dayu, Allah....!!! Kalau pi duduk di situ boleh lena di situ.

Jadi, kesemuanya ini dengan makanan yang dihidangkan air nira, makanan-makanan yang lain, semua kita yakin mampu untuk menjadi tarikan. Cuma kita harap, sudah pasti bila kita sebut perkara ini aset yang kita ada tapi kalau tak di'polish' (dengan izin) takdak bajet untuk kita nak angkat perkara ini, kita ada Jerai Geopark tetapi sejauh mana Jerai Geopark ini mampu untuk memelihara kawasan persekitaran dan juga dimajukan untuk kita tarik pelancong-pelancong mai ke Yan. Kita juga mencadangkan supaya di peringkat kerajaan negeri adakan semula Kalendar Pelancongan selama setahun supaya pelancong-pelancong daripada luar negeri, luar daripada Kedah ataupun luar negara dia tahu apa 'event-event' yang akan kita adakan supaya mereka juga boleh buat jadual yang nak mai Kedah musim ni pasal, apa kerana ada jerami gulung, orang nak mai waktu ni pasal apa.

Jadi, semua itu perlu kita berikan perhatian dan juga perhatian juga boleh diberikan kalau tadi tarikan kepada tempat, tarikan kepada jenis makanan, tarikan kepada 'event' hiburan keluarga, saya rasa 'event' baru yang Alhamdulillah dalam dua tiga bulan ini malah dua tiga hari ini, keagamaan, ceramah daripada Yang Bahagia Ustaz Azhar Idrus yang mampu menarik puluhan ribu untuk berkampung berada di hadapan Masjid Zahir. Kemudian Alhamdulillah, Festival Sunnah yang berlangsung 3 hari dapat sambutan, hari terakhir tu saya difahamkan jem sehingga beberapa kilometer. Ini juga perkara yang perlu untuk kita angkat, kita semarakkan majlis-majlis ilmu bahkan "Pelancongan Pondok", kita pernah cadangkan perkara tersebut sebelum ni. Kesemuanya ini menjadi aset yang ada pada Negeri Kedah untuk kita adakan kalendar tahunan supaya kita dapat menarik minat pelancong hadir ke Kedah mereka boleh berbelanja dan rakyat kita boleh mendapat manfaat daripada perbelanjaan tersebut.

YB. Speaker dan Ahli Sidang sekalian, baginda Tuanku juga meminta agar pihak kerajaan negeri, ini penting meneliti dan mengkaji semula dasar dan polisi berbentuk fiskal mahupun undang-undang yang telah lapuk untuk diangkat ke pengetahuan Kerajaan Persekutuan. Baginda mengambil contoh tentang pemberian mengikut bilangan orang iaitu pemberian Persekutuan kepada negeri di bawah Fasa 1A Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan yang dipinda 20 tahun yang lepas.



Ada lagi yang telah pun diangkat oleh kerajaan, hari ini disebut dan bukan hanya kerajaan kali ini, saya yakin sebelum ni YB. Jitra pun pernah sebut, Datuk Seri Almarhum Ustaz Azizan pun pernah sebut iaitu tentang royalti pemberian yang kerajaan patut bagi kepada Kedah pertamanya kerana menjaga kawasan tadahan air. Kita pelihara hutan yang banyak Negeri Kedah dan kawasan tadahan air itu tuan-tuan bukan hanya untuk Kedah tapi kita juga berikan jaga untuk negeri-negeri jiran. Pemohonan daripada kerajaan RM100 juta, jadi negeri-negeri jiran hat guna air tu pun faham-faham jugalah. Bila tuntutan yang telah pun surat dihantar untuk balas balik berikan kerjasama, sebab sumber air tu kita jaga, depa boleh jana untung macam tu saja dan kita minta pun kepada negeri yang untung, bukan negeri yang rugi. Menjana keuntungan berkongsi bersama hasil air sumbernya yang dijaga oleh kerajaan Negeri Kedah. Kita mohon daripada Pulau Pinang kemudian kita juga mohon daripada Kerajaan Persekutuan untuk Pemberian Khas Kedah kita jaga kawasan sawah padi sebagai kawasan 'Jelapang Padi Malaysia'. 130,000 ekar lebih yang kita jaga kawasan sawah padi ni sebab kita nak jaga sumber padi yang berasnya menjadi makanan ruji rakyat Malaysia.

Jadi, pemberian sepatutnya kalau kos lepas daripada kita jaga kawasan padi itu menyebabkan kita tak boleh membangun kawasan tu, menyebabkan kita boleh dapat hasil cukai yang tinggi kalau kita 'convert' kepada tanah yang lebih komersial, tapi oleh kerana tanah hanya tanah bendang cukai paling murah di dunia berbanding dengan tanah-tanah komersial yang lain. Jadi, itu yang dipohon oleh pihak kerajaan termasuklah saya yakin kalau kajian-kajian yang perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri balik untuk lihat balik perjanjian-perjanjian lama kalau kita ada, pajakan Pulau Pinang, dulu bayar RM10,000 kemudian ditingkatkan zaman YAB. Tun Mahathir menjadi Perdana Menteri kepada RM10 juta kerana ada pajakan. Takkan RM10 juta untuk dinilai kembali dan kalau ada penemuan-penemuan terbaru sebab ada dibangkitkan dalam Sidang Parlimen dan mungkin ada penulisan-penulisan kata tak sah perjanjian itu dan sebagainya tapi kita minta pihak kerajaan negeri lah, pihak Pegawai Undang-Undang untuk buat kajian. Mungkin kalau tak sah, kita boleh ambil balik Pulau Pinang sebagai Negeri Kedah, kedaulatan Negeri Kedah, kajian yang boleh dibuat. Jadi, penemuan-penemuan ini penting kajian-kajian ini untuk kita memastikan bahawa hasil Kedah dapat kita manfaatkan dan kita angkat untuk manfaat rakyat Negeri Kedah secara seluruhnya. Isu kawasan YB. Speaker tentang sawah padi. Dua tiga musim ni pesawah padi kita merungut hasil yang kurang, kemudian belanjaan lain juga meningkat, kos untuk upah kos mesin padi pun dia kata kos nak nak tukar 'sparepart' tu pun semakin tinggi. Jadi dengan hasil ataupun harga RM1,200 untuk 1 tan padi tu perlu kita angkat kepada perhatian pihak Kerajaan Persekutuan untuk dikaji semula supaya kita dapat memberikan yang lebih kepada rakyat kita dan juga mengawal kenaikan barangan-barangan yang lain.



Isu nelayan, jeti nelayan yang tadi pun saya sebut perlu kita tambah baik di samping lesen bot. Kalau sekarang ni bot nelayan nak kata bot, sampan lah sebelum ni hanya dibenarkan satu sampan dua orang tapi dibenarkan pula untuk sampan diperbesarkan. Kita juga harap agensi-agensi yang terlibat untuk kaji semula supaya awak-awak ataupun yang berada dalam bot untuk pergi ke laut tu boleh ditingkatkan, ditambah di samping kita boleh menyediakan peluang untuk sama-sama cari makan dan juga aduan penguatkuasaan. Kuatkuasa ni kadang-kadang hat duk mai ni duk tepi persisir pantai, nelayan-nelayan kecil. Nelayan besar yang masuk dalam kawasan yang dia tak sepatutnya masuk ni kadang-kadang nelayan-nelayan kita kata tak diambil apa-apa tindakan. Jadi kita harap khususnya tindakan penguatkuasaan yang lebih fokus kepada nelayan-nelayan atau bot-bot besar yang mencerooboh ini dan kita berilah secara ehsan dan nelayan-nelayan pantai ini supaya mereka juga dapat mencari makan waktu-waktu yang tertentu supaya mereka boleh beroperasi untuk mencari sesuap nasi nak menyara keluarga dan sebagainya.

Seterusnya tentang projek-projek yang dilaksanakan di Yan tadi saya dah sebut Tebatan Banjir Pendang yang merangkumi Daerah Yan, kemudian projek Pulau Bunting yang juga Ship to Ship Transfer kemudian Gas yang akan dibangunkan di situ supaya dapat dilaksanakan dan tidak ada apa-apa tegahan daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan selagi mana ia dapat memberikan kebaikan dan manfaat dan juga menjaga keselamatan rakyat, kita harap projek-projek yang dirancang dapat kita teruskan.

YB. Speaker, saya juga nak mencadangkan, kami dulu ada 10 orang sekarang tinggal 8 orang 'back benchers' tapi kerajaan kita masih lagi kuat dengan 21 orang. Bila YB. Sungai Tiang dengan YB. Bandar Baharu pi sebelah sana kami kurang tinggal 8 orang saja. Jadi, untuk nak imbangi supaya ada perbahasan daripada kerajaan dan pembangkang di kedua-dua hari perbahasan ini supaya kita jadual ataupun giliran tu selepas daripada ini dua orang pembangkang, seorang daripada kerajaan, dua orang pembangkang seorang kerajaan supaya kita dapat imbangi jumlah pembahas itu bagi kedua-dua hari kita berbahas. Jadi, itulah cadangan dan seterusnya usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Tuanku atas titah ucapan untuk Perasmian Sidang Dun yang berlaku kelmarin maka kita menyokong usul titah ucapan tersebut. Sekian, terima kasih mohon maaf jika ada terkasar bahasa. Akholu lihaza astaqfirullahalazim hiwalakum.

Haa....ada satu lagi, hat ni kena sebut juga lah sebab saya dah minta hat ni. Tak jadi 'landing' lagi, ni 'landing'. Maklumat untuk ketelusan kerajaan bila kita buat cabutan undi untuk projek-projek. Kita pun dah sebut sebelum ni bahawa projek-projek kerajaan untuk infra ni kita tak kira kawasan kerajaan, kawasan pembangkang, semua kita agih, kerajaan negeri agih secara yang yang adil dan laporan-laporan pun boleh tengok daripada



soalan-soalan daripada Yang Berhormat Pembangkang, projek-projek dibuat kawasan masing-masing. Kalau kita tengok projek-projek yang dilaksanakan khususnya Jalan Negeri untuk 2018 perbelanjaan RM191.8 juta lebih, 2019 RM214.38 juta lebih, 2020 kerana covid turun jadi RM186.1 juta, 2021 peningkatan meningkat secara menyeluruh RM245.2 juta, tahun 2022, RM255 juta. Kita melihat 'trend' yang sebegini jalan-jalan yang diselenggara Jalan Kampung, Jalan Pertanian, Jalan perhubungan, Jalan PBT dan Jalan JKR ini menunjukkan bahawa kesungguhan pihak kerajaan negeri untuk menyediakan infra yang terbaik kepada rakyat dan peningkatan setiap tahun tanpa kita mengira kawasan-kawasan kerajaan atau pembangkang sebab saya difahamkan kontraktor lantik secara undi kemudian kita juga melihat bahawa agihan mengikut mukim. Peruntukan ini peruntukan Persekutuan, memang kita akui.

Jadi, sebab itulah kita nak supaya Kerajaan Persekutuan walaupun berbeza, kerajaan negeri berbelanja betul-betul untuk manfaat rakyat walaupun berbeza bendera tapi peruntukan-peruntukan ini perlu sampai supaya kita dapat membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat. YB. Sungai Tiang tentu setuju dengan saya. Baik, terima kasih. Setakat itu, saya 'landing' betul-betul. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Walaikumsalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih kepada YB. Sungai Limau yang mengambil masa 46 minit, melebihi peruntukan masa yang sepatutnya diperuntukkan kepada YAB. Menteri Besar. Cadangan yang dikemukakan oleh YB. Sungai Limau akan dilaksanakan sekarang, InsyaAllah. Itu daripada sudut pergiliran berbahas. Dua di sebelah sini satu di sebelah sini, 2 di sebelah bukan kerajaan 1 di pihak kerajaan. Seterusnya saya persilakan YB. Derga. Sila!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Speaker, salam muhibbah, salam perpaduan, Salam Malaysia Madani. YAB. Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, hadirin dan hadirat sekalian. Saya ingin merakamkan ucapan menjunjung kasih di atas kemangkatan hadir Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Tuanku Sultanah Negeri Kedah ke Istiadat Perasmian Pembukaan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah Bagi Mesyuarat Pertama Penggal Ke-6 ini dan juga menyampaikan titah Diraja kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini.



Pada 5 hari yang lepas kita dikejutkan dengan berita pemergian seorang tokoh iaitu Mantan Menteri Besar Kedah yang ke 8, sorang yang peramah, berjiwa rakyat dan juga sentiasa mendekati rakyat. Beliau ialah Dato' Seri Syed Razak bin Syed Zain Barakbah. Sebagai mengenang khidmat bakti beliau, saya mohon YB. Speaker supaya kita sama-sama merakamkan takziah dan menghadihkan bacaan Al-Fatihah bagi yang muslim dan bagi yang bukan muslim kita bertafakur sebentar. Terima kasih kepada YB. Tuan Speaker.

*Melati kuntum tumbuh melata,
Sarang merbah di pohon cemara,
Salam Muhibbah pembuka kata,
Izinkan saya berbahas titah Diraja.*

Saya nampak mungkin ni adat mengatakan kita ni persidangan terakhir sebab Sidang DUN ini akan dibubarkan kerana tamat tempohnya untuk diadakan pilihan raya yang akan datang. Saya ingat dalam penggal ini nak mengambil peluang untuk mencatatkan beberapa peristiwa di mana Kerajaan Pakatan Harapan pilihan rakyat pada pilihan raya 5 tahun yang lalu telah diambil oleh kerajaan semasa tanpa melalui pilihanraya demokrasi selepas 23 bulan pentadbiran Pakatan Harapan. Seperti yang YB. Sungai Limau katakan banyak berlakulah yang ni tak selari, yang tu tak tentu sebab sudah berubah, kerusi pun sudah berubah. Setiap kali Sidang baru, pasti ada pindaan kerusi juga.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Derga, kita bincang lama dah hat tu. La ni pun kita tengok Sungai Tiang, Bandar Baharu pi belah nu kami tak kata apa pun.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ya, ya, ya. Itu yang masalah. Jadi kita berharap kerajaan yang dipilih ini biar bagi tetap 5 tahun, jangan pergi kacau untuk menstabilkan politik. Kestabilan politik untuk kita memastikan pembangunan ekonomi, tarikan pelabur dan juga untuk pastikan rakyat betul-betul hidup aman dan damai dan sejahtera. Jadi, saya nak simpulkan selepas melihat titah Tuanku Sultan, ada satu kepujian tapi ada 12 teguran yang saya rasa kita perlu bincangkan di sini. Bila kita tengok balik, kerajaan yang “tebuk atap” atau kerajaan yang mentadbir negeri yang baru ini seolah-olah mungkin tidak ada satu amanah atau tanggungjawab.....(YB. Sungai Limau mencelah)



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Derga, kerajaan ini kerajaan yang sah. Task payah lah sebut tebuk atau atau pun apa, kerajaan yang sah. Perlembagaan ada, hormat Tuanku. Tuanku pun mai titah, takkan kerajaan....

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Kerajaan semasa lah, kita pun tak kata tak sah. Cara tu...cara ambil tu lain, kaedah pengambilan tu lain tapi kita tak mau berlaku pada masa akan datang.... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, sila teruskan perbahasan dengan kemukakan cadangan-cadangan yang bernas.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Kerajaan semasa ni kita nampak mereka seperti tidak mengikut prinsip rukun negara dan juga menjaga kesejahteraan rakyat, keharmonian masyarakat dan juga kemakmuran negeri. Apa yang kita nampak, pemimpin kerajaan semasa ni selalu mengeluarkan kata-kata yang menyakitkan hati rakyat di luar sana, mengeluarkan isu-isu dengan lantang, sembang deras tanpa data dan fakta, menyebabkan rasa tak puas hati, menyusahkan rakyat dan juga mencari gaduh dengan negeri jiran ini, yang berlaku di luar. Itulah teguran Tuanku dalam itatah untuk mengelak politik yang berlebih-lebihan, buatlah kerja kita.

Adakah semua ini dilakukan YB. Speaker untuk mengalihkan perhatian rakyat terhadap kelemahan dan kegagalan pentadbiran negeri ini? Di manakah kemajuan negeri ini dalam 3 tahun ni? Apakah kesejahteraan yang dinikmati semua yang saya rasa memang tidak ada. Permainan sentimen dan emosi sebegini untuk mengalihkan fokus rakyat dari kelemahan pengurusan dan pentadbiran seperti ini tidak akan kekal lama dan taktik politik murahan sebegini hanya akan menyemarakkan api kebencian dan permusuhan sesama rakyat. Masalah rakyat tidak akan selesai malah rakyat akan terus di kepompong dengan angan-angan yang tidak ada kesudahannya. Kita Negeri Kedah Darul Aman.... (YB. Sungai Limau minta laluan)



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Derga, YB. Speaker, bila YB. Derga sebut tak dak kemajuan, kita pun duk bentang banyak, kesian juga kepada pegawai-pegawai kerajaan yang duk buat kerja ni, seolah-olah kita tidak tak dak pengiktirafan apa yang telah mereka lakukan. Jadi, minta YB. Derga bercakap tu hati-hati sikitlah supaya kita tidak menimbulkan suasana yang tak elok seperti YB. Derga sebut di luar sana. Jadi, kena jaga bahasa dan adab tu. Terima kasih YB. Speaker.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih. Biar saya ulang sekali yang ni, di luar tu memang berlaku begitu, kan? Jadi, apa yang kita nak minta, nak peringatkan bahawa Kedah ini negeri majmuk, Malaysia pun negara majmuk, ini kita semua faham. Saya nak ingatkan, cukuplah, jangan timbulkan isu-isu perkauman dan keagamaan di di luar sana. Saya rasa sakit hati sebab saya anak Kedah khususnya di PRU, itu yang tak patut berlaku tapi apa yang telah berlaku kepada pemimpin kita? Jadi kebangkitan ini merosakkan keamanan kita oleh itu, di dalam Dewan mulia ini saya nak sebut di sini supaya kita bersama-sama mengingatkan seperti yang dititahkan oleh Tuanku.... (YB. Kuala Ketil minta laluan)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Speaker dan YB. Derga. Saya tengok daripada mula tadi YB. Derga bangun hanya bagi kenyataan-kenyataan dan mungkin 'hearsay'. Boleh buktikan tak, bagi bukti, dalam Dewan ni, bercakap tentang benda-benda yang mungkin tak sepatutnya. Yang Tuanku titah semalam saya ingat 100% kepada kerajaan ini baik tapi YB. Derga lebih daripada Tuanku pulak, kata semua tak bagus. Jadi, saya nak YB. Derga kena bagi bukti, jangan cakap 'hearsay' dalam Dewan. Terima kasih YB. Speaker. Panas sikit no?

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tuanku kata elakkan berpolitik keterlaluan, itu memang satu politik keterlaluan yang dibuat oleh pihak kerajaan, itu satu teguran la bagi saya....(YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Bukti! Bukti! YB. Derga buktikan apa benda yang...



YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, kita baca teguran Tuanku, jadi titah Tuanku ini bagi saya teguran untuk memperingatkan kita untuk sama membangunkan negeri. Kita berharap supaya kita boleh seiring dengan Kerajaan Persekutuan supaya kita boleh membawa kemajuan dan membuat 'progressive' kepada Negeri Kedah ni. Saya dibesarkan di kampung, guru saya, Kak Timah mengajar saya, mungkin bila kita berjumpa kita kena minta ataupun kita kena sembang, adakah YAB. Menteri Besar kita berjumpa dengan Dato' Seri Perdana Menteri untuk bincangkan semua tersebut untuk fahamkan. Saya ingat satu proses yang selalu kita lihat bila kita nakkan satu projek kita kena ada satu 'follow up', itu biasa. Jadi bila isu KXP ini sama juga, kita perlu untuk pastikan kita 'follow up'. Jadi mungkin kita selalu dibanggakan dengan kemasukan pelaburan, saya nak tegaskan lagi mengikut data yang disebutkan tadi 2022 mengikut laporan MIDA memang kita terkeluar dalam Top 5. Yang pertama adalah Johor RM70.6 bilion, Selangor RM60.1 billion, Sarawak RM28.2 billion, Kuala Lumpur RM25 billion dan Pulau Pinang RM16.3 billion, jadi kita sebenarnya terkeluar daripada Top 5 tu. Apa-apa pun yang kita dapat tu saya ucapkan tahniah dan persoalannya adalah apa-apa hasil yang dibawa kepada Negeri Kedah ni, itu yang penting. Bagaimana ia meningkatkan KDNK Negeri Kedah sebab kita bukan lagi terletak jauh di bawah nombor 2 nombor 3 seperti yang tertulis dalam Kedah 2035 kita meningkatkan dan juga peluang pekerjaan dihasilkan. Adakah itu betul-betul memanfaatkan anak muda kita, anak Kedah kita?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Derga. Adakah YB. Derga bersetuju sebab kita tengok sikap kita punya YAB. Jeneri kita, kadang-kadang sikap kita, sebabnya saya tengok negeri jiran kita Perlis pergi berjumpa dengan Perdana Menteri, akhirnya ada perbincangan yang baik, diplomasik, diplomatik.

Jadi saya rasa itulah G to G sama ada kita berbeza mungkin kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan tetapi oleh kerana kita pergi mengadap jumpa orang, kita kalau bersikap sedemikian rupa saya rasa orang akan membantu. Sebagai contoh tentang KXP punya projek, tadi kita dibangkitkan isu KXP, adakah YB. Derga bersetuju sebabnya kadang-kadang kita nak pergi bincang nak minta tolong orang kadang-kadang kita bersikap hentam orang tu dulu, hentam, hentam, lepas tu kita tak nak pi minta tolong orang. Saya rasa adakah sikap sedemikian?



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Saya akan masukkan kita pun ditegur oleh tuanku supaya kita lebih bersopan santun dan menyatakan fakta untuk kita berunding dan berbincang. Ini yang patut kita belajar dari situ jangan perli-perli, jika perli-perli siapa lagi nak dengar. Berbalik kepada projek-projek yang diagung-agungkan oleh YAB. Menteri Besar, beliau pernah berkata Projek Litar Lumba Sungai Petani akan siap sepenuhnya dalam masa 6 bulan. Saya hanya nak tanya bagaimana progres tersebut sebab saya difahamkan mungkin YB. Bukit Kayu Hitam ataupun YB. Kubang Pasu pun nak bina satu lagi litar lumba di Langkawi. Jadi, bagaimana progress tersebut dan satu lagi Projek Langkasuka di langkawi.

Isu seperti sungai, kita kena berbalik kepada sejarah. Sejarah tetap sejarah tetapi sejarah mengikut perkembangan. Dari dulu sebelum ni sampai tahun 1957 kita sudah tubuhkan Persekutuan Malaysia dan di bawah tu ada perlembagaan. Apa yang termaktub dalam perlembagaan adalah kita kena meluhurkan itu rukun negara kita, prinsip tu. Jika kita sendiri pun tak nak meluhurkan perlembagaan, tak nak luhurkan kedaulatan undang-undang apa kita kena buat? Jadi, sebagai pihak kerajaan yang selalu tuduh DAP tak ikut perlembagaan, sebenarnya DAP meluhurkan perlembagaan dan kita rasa ini penting sebab memang dalam perlembagaan tersebut jelas Perkara 1 Fasal 2. Pulau Pinang satu buah negeri, negeri Kedah satu buah negeri sama adil pun adil, kenapa kita nak kacau? Sebenarnya kita boleh mendapat pendapatan lebih lagi jika ikut laporan di sini.... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, saya nak ingatkan masa ada 2 minit!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Hah! 20 minit?

YB. TIMBALAN SPEAKER

2 minit!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Hah! Berapa? 2 Minit? Mana 2 minit, tadi....



YB. TIMBALAN SPEAKER

Ya! Peruntukan sebenar yang diberikan kepada Yang Berhormat adalah 15 minit.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Tadi kita mula 11.55 kan?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Kita mulakan 11.50!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Saya nak ingatkan di sini, ini laporan Ketua Audit Negara mengatakan bahawa hanya 50.1% sahaja peruntukan digunakan untuk pembangunan Negeri Kedah ni. Jadi, ini adalah satu urus tadbir yang kurang bagus jika kita boleh gunakan semua maka ia akan membantu membawa limpahan ekonomi ke Negeri Kedah, ini yang berlaku. Di samping, dalam jurnal audit ini ada 3 perkara yang telah diusulkan. Antaranya yang pertama ialah pihak audit mendapati pelaburan Unit Amanah Saham berjumlah RM50 juta ini adalah bertentangan dengan perenggan 6.25 PPK6 83b(4) Akta 61. Pelaburan ini tidak mendapat kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia.

Jadi, saya mohon penjelasan terhadap isu ini. Audit ini ada 3 perkara yang penting yang telah disebut di sini dan saya pohon lah jika boleh kerajaan menjelaskan kenapa berlaku isu-isu seperti ini. Bagaimana kita nak pastikan urus tadbir yang bagus untuk membawa peningkatan pembangunan ekonomi di Negeri Kedah. Kita tak perlu pergi kacau orang. Sebenarnya kita mempunyai.....(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Derga, masa bebahas sudah habis, saya bagi 2 minit. Sebab itu saya minta supaya fokus dan memberikan tumpuan kepada perbahasan yang boleh memberikan suasana yang harmoni dan berhemah.



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Ok, saya faham. Jadi, apa sebenarnya yang kita nak fokus sebab selain mempunyai kawasan yang luas kita mempunyai sumber-sumber alam semulajadi yang banyak dan kita boleh perembangkan seperti titah Tuanku kita mempunyai pelancongan yang boleh kita fokuskan dari segi alam sekitar. Jadi, untuk kita menjaga 'catchment area', menjaga tadahan air ni bukan untuk kebaikan Pulau Pinang, sebenarnya lebih kepada kebaikan Negeri Kedah. Jadi, kenapa kita nak cari pasal? Fokus balik dan kita ada juga Kedah Tamadun Tua di Sungai Batu yang boleh kita perembangkan menjadi satu tempat pelancongan yang boleh menarik lebih ramai pengunjung bukan sahaja 'local' malah antarabangsa ke sini. Kedah Tamadun Tua ini lebih tua daripada Angkor Wat untuk makluman YB. Tuan Speaker.

Selain daripada itu saya ingat sebuah negeri yang membangun dan maju saya rasa muzium menjadi satu tempat utama untuk kita membawa, menunjukkan dan memaparkan sejarah, budaya Negeri Kedah ni kepada orang ramai kerana kita mempunyai budaya yang unik. Jadi, saya nak mencadangkan untuk memastikan rakyat lebih faham daripada segi Islam dan bukan Islam kita boleh adakan satu institusi atau muzium yang memaparkan Tamadun Islam. Kita tengok Turkiye, dengan Masjid Birunya yang kita boleh lawat dan kita hayati nilai-nilai tersebut. Jadi, bila kita letakkan Islam yang sederhana ni yang selalu mengajar yang bagus dan bukan Islam untuk membawa kita bersama-sama mencatat titik persamaan di dalam Negeri Kedah ni.

Selain daripada itu, untuk menambahkan ilmu, saya rasa kita juga perlu menambah perpustakaan awam. Kita tidak ada perpustakaan yang bagus, kita hanya siap 'digital library', selepas ni ada apa lagi. Walaupun mungkin semua pakai e-book tapi saya nampak kita masih perlukan perpustakaan awam ini untuk menggalakkan rakyat kita lebih membaca untuk mendapatkan ilmu sebab ilmu ini "jambatan" untuk kita bergerak ke hadapan. Itu untuk memenuhi hasrat kita bersama-sama mendidik modal insan yang bagus sebab masalah di Negeri Kedah, antaranya satu laporan mengatakan kita mempunyai kes AADK (Agensi Anti Dadah Kebangsaan) yang paling tinggi di Malaysia. Jadi ini yang patut kita cuba selesaikan mungkin melalui modal insan yang lebih meluas supaya mereka mempunyai pandangan lebih bagus.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang terakhir ya YB. Derga. Saya dah bagi tambahan masa 3 minit lebih!



YB. ENCIK TAN KOK YEW

Yang terakhir sekali. Ini adalah laporan dari akhbar Utusan Malaysia di mana warga asing kuasai ekonomi di bawah PBT. Kita terkejut bila difahamkan bahawa banyak kedai-kedai milik PBT di Sungai Petani dikuasai dan diniaga oleh orang asing. Bukan kita nak tolak orang asing tetapi kenapa peluang ini diberikan kepada orang lain. Juga yang diagungkan oleh e-Ten ni adakah e-Ten juga dipraktiskan di semua PBT untuk membantu peniaga atau pengusaha tempatan selain daripada beri kemudahan kepada yang dikatakan pelabur asing saja.

Saya ingat itu saja, saya mengambil peluang ni dan juga saya nak minta sama-sama kita menyokong Perdana Menteri dalam soal untuk membanteras rasuah, ini usaha kita. Akhir sekali saya ingin mengucapkan penghargaan kepada YAB. Perdana Menteri di atas peruntukan pembangunan sebanyak RM1.5 bilion kepada Negeri Kedah. Saya berharap duit ini dapat digunakan dengan bagus dan serius untuk pastikan tiada ketirisan berlaku supaya kita boleh memanfaatkan rakyat. Akhir sekali saya ingin mohon maaf kalau ada salah silap untuk tempoh 5 tahun ni dan saya ambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pegawai jabatan, KCS dengan kerjasama yang diberikan kepada saya semasa tempoh 5 tahun saya menjadi ADUN. Akhir sekali saya minta undur diri dan patik memohon menyokong titah ucapan Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Derga yang mengambil masa 20 minit , lebih masa 5 minit lebih. Saya cuba untuk luaskan ataupun selesaikan YB.-YB. supaya banyak cadangan-cadangan dan syor dapat dimanfaatkan oleh semua yang berkaitan.

Seterusnya saya persilakan YB. Kulim!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Terima YB. Tuan Speaker. Selamat tengahari dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membahaskan usul menjunjung kasih ke atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena Pembukaan Rasmi Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-14. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku kerana sudi menyampaikan titah baginda kepada Dewan yang mulia ini pada 12 Mac 2023.



YB. Tuan Speaker, sejak kepimpinan yang ada sekarang mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Negeri Kedah pada bulan Mei 2008, krisis bekalan air di Negeri Kedah didapati semakin meruncing malah tidak mendapatkan sebarang penyelesaian jangka panjang. Hampir setiap hari kita ada mendengar dan melihat keluhan dan kekecewaan daripada rakyat jelata mengenai kekerapan bekalan air terputus di kawasan-kawasan kediaman mereka. Laporan akhbar minggu lepas bertarikh 6 Mac 2023, “kami penat menunggu air”, alami gangguan bekalan air sejak 2 tahun lepas. Kira-kira 600 penduduk Fasa 2A Taman Universiti Jaya, Semeling dekat sini mengeluh kerana sudah penat menunggu bekalan air yang sering terputus tidak kira musim hujan atau kemarau sejak Februari lalu.

Jika bukan berlakunya kekerapan keputusan bekalan air maka akan juga berlaku tekanan air ke kawasan-kawasan kediaman menjadi semakin rendah atau pun kalau ada bekalan air rakyat terpaksa berhadapan dengan kualiti air yang begitu rendah akibat dari kadar kekeruhan air yang begitu membimbangkan. Apakah yang menyebabkan kekerapan bekalan air terputus, tekanan air yang rendah dan kadar kekeruhan air yang tinggi selama ini? Kononnya penyelenggaraan loji-loji rawatan air yang semakin kerap. Selain daripada itu kerosakan dan paip-paip bekalan air bawah tanah yang pecah juga dilaporkan sering berlaku di sekitar kawasan-kawasan kediaman serta kerja-kerja pembaikan kerosakan dan paip-paip pecah dilihat lembap dan kurang efisien. Perkara ini juga telah mengakibatkan kadar air tidak terhasil atau ‘Non Revenue Water’ kini telah mencecah lebih 51%.

YB. Tuan Speaker, sebelum ni Kerajaan Negeri Kedah juga telah mengumumkan projek-p projek pembinaan Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) akan dilaksanakan bagi menampung peningkatan penduduk yang padat, pembangunan sektor perumahan dan pembangunan sektor perindustrian khususnya di kawasan-kawasan dalam Kedah Selatan. Persoalannya, adakah pembinaan TAPS ini benar-benar dapat menampung keperluan para penduduk yang sedang meningkat dan pembangunan sektor perindustrian serta pertambahan kawasan-kawasan perumahan? Apakah kapasiti dan saiz yang sebenarnya TAPS tersebut sehingga ke hari ini projek pembinaan TAPS yang dicadangkan oleh kerajaan negeri sebelum ni belum mendapatkan sebarang hasil mahupun laporan perkembangan projek tersebut serta jumlah peruntukan khas yang sebenarnya telah diperolehi daripada Kementerian Alam Sekitar dan Air pada tahun 2021 yang lalu.



YB. Tuan Speaker, selain daripada krisis bekalan air di Negeri Kedah, kegiatan pembalakan yang semakin berleluasa di negeri ini juga telah menyebabkan berlakunya malapetaka alam di beberapa kawasan. Ya, kegiatan pembalakan ini telah banyak membawa keuntungan kepada pihak-pihak tertentu tetapi apakah keuntungan lumayan ini mengatasi segala-galanya sehingga nyawa manusia tidak diendahkan lagi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa pembalakan berleluasa ini telah banyak mengakibatkan berlaku banjir besar di hampir seluruh Negeri Kedah apabila tibanya musim hujan. Akibat banjir, rumah dihanyutkan, mangsa-mangsa pula mati lemas, kemusnahan dan kehilangan harta benda awam yang menjangkau jutaan ringgit. Kerosakan infrastruktur, terputusnya bekalan air elektrik dan lebih membimbangkan mungkin akan menyebabkan jangkitan penyakit dan wabak denggi. Pembalakan yang berterusan ini juga mencemarkan air sungai, membantut arah aliran sungai, kerosakan ekologi dan kawasan tadahan air yang semakin kurang. Kemusnahan habitat flora and fauna ini juga telah menyebabkan peningkatan suhu kerana tumbuh-tumbuhan dan pokok-pokok yang berperanan menyerap gas karbon dioksida sudah ditebang akibat kegiatan pembalakan yang berterusan.

Peningkatan suhu ini akan menyebabkan kemarau yang berpanjangan dan juga mengakibatkan air sungai dan kolam susut dengan mendadak. Oleh itu, kerajaan negeri perlu menjawab beberapa soalan mengenai tindak balas akibat daripada pembalakan berterusannya iaitu bagaimana kerajaan negeri akan menghadapi masalah tekanan haba (heat stress) dan strok haba (heat stroke) yang mungkin akan berlaku sekiranya musim kemarau berpanjangan benar-benar berlaku. Bagaimana pula dengan kesediaan kerajaan negeri mengenai rancangan adaptasi dan mitigasi perubahan iklim bagi menghadapi bahaya sering banjir dan musim kemarau yang dibimbangi akan mengancam dan menjejaskan kesejahteraan, keselamatan dan nyawa rakyat jelata serta pembangunan ekonomi di negeri ini.

YB. Tuan Speaker, saya juga ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri Kedah mengenai pembangunan tidak seimbang khususnya di kawasan-kawasan di Kedah Selatan di mana ianya banyak bertumpu di sebelah barat manakala kawasan-kawasan di sebelah timur iaitu kawasan pedalaman didapati agak terpinggir daripada arus pembangunan. Saya juga telah memerhati dan mengkaji beberapa kawasan di bawah DUN Kulim khususnya di pemukiman Karangan, Sedim, Terap dan Mahang yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan tarikan ekopelancongan bagi meningkatkan purata pendapatan para penduduk di kawasan tersebut.



Untuk ini, saya ingin menggesa Kerajaan Negeri Kedah agar memberi tumpuan yang seimbang terhadap kawasan-kawasan tersebut dengan menyediakan menyediakan pelbagai kemudahan dan insentif kepada para peniaga dan pengusaha kecil yang berkaitan dengan ekopelancongan. Di samping itu, mempermudah proses-proses perlesenan, pembinaan, kemudahan penginapan dan lain-lain kemudahan agar pendapatan para penduduk di kawasan tersebut dapat dipertingkatkan.

YB. Tuan Speaker, di sini saya juga mengalu-alukan pihak pentadbiran kerajaan negeri yang telah mengambil langkah yang sepatutnya dalam pembentangan enakmen untuk meminda Undang-undang Tubuh Kerajaan Kedah agar kegiatan melompat parti dapat dibendung dengan lebih berkesan. Ini adalah kerana kegiatan melompat dari satu parti ke parti yang lain dalam masa yang singkat boleh mengakibatkan ketidakstabilan politik dan pentadbiran. Ini akan mengganggu pelaksanaan dasar dan kepentingan rakyat. Kesannya semestinya usaha membela rakyat akan terbentut, akhirnya yang rugi adalah juga rakyat dan negara pada keseluruhannya. YB. Tuan Speaker, jika kita lihat Pelan Pembangunan Kedah 2035..... (YB. Kuala Ketil minta laluan)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Kulim, mohon mencelah sikit boleh?

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Nanti selepas ini.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Hat tadi, pasal hat enakmen tadi tu.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Pelan Pembangunan Kedah 2035 mencapai sasarannya, kepimpinan kerajaan Negeri Kedah pada hari ini harus berubah sikap berani menghadapi teguran, persaingan sihat dan cabaran seterusnya agar dapat membawa negeri ini ke arah kemakmuran ekonomi, kecemerlangan infra, keterangkuman sosial dan budaya, keseimbangan modal insan dan barat, kompetensi tadbir urus dan kemampanan alam sekitar.



YB. Tuan Speaker, sekiranya YB. Kulim tak sentuh “Buah Kulim” memang Dewan akan senyap. YB. Tuan Speaker, memang sejak 5 tahun dulu 2018 saya angkat buah ni kita tunjuk kepada semua Ahli Dewan. Selepas 5 tahun, dulu dijual sebiji RM1, sekarang 3 biji boleh jual RM10. Saya banyak kali memohon geran untuk kaji selidik buah kulim untuk pemakanan bagi rawatan anti diabetic (kencing manis) dan kidney dialysis. Sedihnya pihak PH (Pakatan Harapan) tak sokong, pihak sana pun tak sokong saya. Sampai sekarang kaji selidik belum dibuat. Sekiranya Exco Kesihatan, ambillah kesempatan ini buatlah kajian, jadikan buah kulim identiti produk Negeri Kedah. Saya nak minta YB. Belantik, ini kisar benar-benar berlaku dalam Sidang Dewan ini saya dimaklumkan oleh YB. Belantik tentang buah kulim boleh ubati kidney dialysis. Saya nak jemput YB. Belantik kongsi sikit pengalaman..... (YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Saya minta dulu tak bagi pun!

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Orang tua dulu, orang tua dulu! Ok YB. Belantik tentang kisah benar berlaku tentang buah kulim.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kulim....

YB. DATO' USTAZ HAJI MOHD ISA BIN SHAFIE

Boleh YB. Tuan Speaker? Saya rasa tak berapa sesuailah dalam Dewan. Kalau nak tau apa khasiatnya InsyaAllah, berjumpa di luar lah. Sekian.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya rasa YB. Kulim, untuk penambahan daripada YB. Belantik, beliau akan masukkan dalam ucapan beliau. Itu yang lebih baik kerana masa ada lagi 3 minit.



YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Ok, tak pa. Memang saya berasa bangga sebab YB. Belantek sendiri yang cakap dengan saya, sakit pinggang dia baik setelah mengambil minum air buah kulim. Ini saintifik saya tak dapat tapi dari orang tua, dari seorang Ustaz cakap benda ni. Saya nak masukkan perkara ini dalam ucapan saya. Daripada segi Sedim dan Gunung Bintang, pasti ada dalam ucapan saya. Untuk makluman, biasanya pada hujung minggu saya dimaklumkan sekurang-kurangnya 500 biji kereta masuk ke Sedim. Sekiranya sebiji kereta dia belanja RM100, hari tu RM50 ribu sudah masuk ke Sedim, saya berasa bangga. Walaupun tidak mendapat sokongan daripada kerajaan negeri, memang YB. Kulim terus mempromosi Sedim, Gunung bintang.

Seterusnya bina empangan takungan air di Kedah Selatan. Kerajaan Negeri Kedah harus peka, proaktif dalam merancang pelan tindakan bekalan air di negeri dengan lebih efisien dan memenuhi keperluan jangka panjang. Inilah adalah kerana krisis air di negeri telah berlarutan sejak dua dekad yang lalu dan sehingga pada hari ini masih belum mendapatkan sebarang penyelesaian yang menyeluruh. Sebaliknya terus bertelagah dengan negeri jiran dalam isu pengambilan air dari Sungai Muda. Kerajaan negeri juga tidak seharusnya lupa bahawa air merupakan aset kehidupan manusia dan jika aset ini berkurangan atau tidak dapat dibekalkan sudah pasti manusia tidak akan dapat melangsungkan hidupnya. Kesimpulannya, adakah hat ke atas bekalan air bersih adalah hak asasi manusia yang juga termasuk di dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang juga telah diiktirafkan dan dimeterai oleh negara kita ini. Dalam Al-Quran juga menyatakan bahawa air merupakan sumber penting bagi kelangsungan..... (YB. Kuala Ketil mencelah)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Kulim, masa nak habis dah ni. Bila nak bagi?

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Nanti, nanti, saya nak baca ini.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Erm! Habis, habis teruslah!



YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Bagi kelangsungan hidup semua umat manusia dan lain-lain. Makhluk di muka.... Salah baca, saya baca lagi. Dalam Al-Quran juga menyatakan bahawa air merupakan sumber penting bagi kelangsungan hidup semua umat manusia dan lain-lain makhluk di muka bumi ini. Dalam Surah Al-Aqla 1665 memetik, *“Allah menurunkan air dari langit dan dengannya menghidupkan bumi setelah dia mati. Sesungguhnya pada yang demikian itu adalah satu ayat bagi kaum yang mendengar”*. Dipersilakan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Hilang idea dah YB. Kulim. YB. Tuan Speaker dan YB. Kulim, saya nak mencelah sikit apa yang YB. Kulim sentuh tadi tu 3 perkara, yang pertama pasal pembangunan yang rakus tentang hutan contohnya balak di Kulim. YB. Kulim ada merungut pasal hal tu kan? YB. Kulim juga mencadangkan pembangunan di kawasan Kulim Selatan, Kulim Selatan tu di kawasan Sedim. Sedar atau tidak YB. Kulim bahawa Sedim itu adalah kawasan hutan simpan di bawah Jabatan Perhutanan yang telah digazetkan untuk ekopelancongan ataupun pelancongan dalam hutan, menggunakan arus deras dan sebagainya. Tidak boleh dibangunkan, mungkin YB. Kulim mintak untuk pembangunan yang lain, tidak boleh, memang dikhaskan untuk projek itu sahaja.

Yang ketiganya ialah YB. Kulim kata tiada peruntukan kerajaan untuk bantu kawasan tersebut. Sedar tak YB. Kulim bahawa ‘tree talk walk’ itu projek kerajaan dan juga sukan arus deras tu yang digunakan oleh orang Malaysia pi ke di situ pun adalah projek kerajaan yang dibuat di situ untuk membangunkan kawasan Sedim. Bermakna ada lah program-program kerajaan di situ na? Buah kulim pun kalau kita buat pembangunan di Kulim sekali pokok kulim pun kita tebang jugak. Ok, boleh? Terima kasih YB. Tuan Speaker.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Ok, terima kasih. Memang dalam kawasan perhutanan kita tak kacau, cuma jalan masuk ke ke Sedeim kita mesti lebarkan, lampu awam mesti dipasang. Sekarang sesat tau dak, memang sesat. Saya minta kerajaan negeri buat sesuatu lebarkan jalan, tambahkan lampu jalan. Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun....(YB. Kuala Ketil minta laluan)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Satu lagi! Satu lagi YB. Kulim, tertinggal. Pasal enakmen.... YB. Speaker, boleh bagi?



YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Ok!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Pasal Enakmen Lompat Parti tadi tu ada disertakan dalam buku kita ini untuk dibentangkan.

YB. ENCIK YEO KENG CHUAN

Ya, saya mengalu-alukan... Saya akhiri ucapan saya dengan 2 rangkap pantun;

*Pagi-pagi makan roti,
Makan bersama Pak Ali,
Rukun Negara wajar dipatuhi,
Meningkatkan kecintaan kepada negeri.*

*Masuk ke hutan mencari rotan,
Untuk dijual di pekan sehari,
Saling memahami jadikan amalan,
Agar negara makmur dan harmoni.*

YB. Tuan Speaker, saya ucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan dan saya turut menyokong sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kulim. Saya menghargai ucapan terutamanya pada penghujung ucapan YB. Kulim kerana mengambil sistem nilai yang diperakukan secara universal oleh masyarakat. Sebab itu saya selesa ataupun kita boleh menerima sebab pembudayaan YB.-YB. sama ada di pihak bukan kerajaan atau pihak kerajaan mengambil sistem nilai yang diiktiraf bersifat universal kepada Islam dan sebab tu saya tidak teragak-agak tadi apabila YB. Derga minta supaya kita baca Al-Fatihah tadi kita meraikan ataupun kita terimalah cadangan ataupun syor supaya baca Al-Fatihah.



Saya nak sebutkan bahawa inilah merupakan keunikan dan juga kebaikan dalam DUN Kedah ni jadi saya ucapkan tahniah kepada YB. Kulim dan juga YB. Derga kerana mengambil inisiatif yang sangat baik dan harmoni untuk kita sama-sama bermuafakat secara yang memang betul, muafakat dengan cara yang betul, mengambil sistem nilai yang cukup universal. Seterusnya saya persilakan YB. Bayu!

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh, selawat dan salam kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian. Terima kasih kepada YB. Speaker yang memberikan ruang dan peluang untuk saya sama-sama menjunjung kasih membahaskan titah ucapan Tuanku sempena majlis Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah.

YB. Tuan Speaker, memulakan bicara, menyusun kata-kata melahirkan apa yang dirasa, saya ingin mengambil kesempatan ini ingin merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih atas kepercayaan Dewan yang mulia ini khususnya Yang Amat Berhormat Jeneri yang mencalonkan dan seterusnya melantik saya sebagai Ahli Dewan Negara untuk memainkan peranan membawa suara Negeri Kedah ke Dewan Negara sebagai Senator bagi mewakili salah seorang Ahli Dewan Negara mewakili Kedah ke Dewan Negara kelak. Patik menjunjung kasih atas titah dan saranan serta harapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku supaya peranan Senator membawa suara Negeri kedah ke Dewan Negara serta memainkan peranan semak dan imbang yang berkesan di Parlimen nanti. Insyallah, saya akan berusaha sebaik mungkin sedaya upaya saya menunaikan tanggungjawab besar ini dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dengan bimbingan YAB. Menteri Besar, rakan-rakan Ahli Yang Berhormat serta sokongan dan dokongan daripada semua pihak bagi merealisasikan peranan, tugas dan tanggungjawab sebagai Senator dapat diperkasakan.

YB. Tuan Speaker, sebenarnya banyak isu-isu besar yang melibatkan hubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat dan mungkin negeri-negeri jiran. Perjuangan ini perjuangan yang dibawa iaitu perjuangan rakyat Kedah khususnya perjuangan seluruh rakyat Kedah seharusnya mendapat dokongan daripada semua pihak sama ada kita di peringkat kerajaan mahupun peringkat pembangkang, kita melihat kepentingan negeri, kita melihat kepentingan rakyat Negeri Kedah secara menyeluruh. Banyak isu-isu, saya nak timbulkan beberapa isu yang boleh kita ketengahkan dan bawa ke peringkat yang lebih atas.



Umpamanya isu tuntutan nilai pajakan Pulau Pinang yang menjadi tuntutan Kedah ke atas Pulau Pinang sejak 2018 lagi. Tuntutan RM100 juta setahun adalah sangat munasabah dan perlu ia dipertimbangkan di peringkat Pusat.

Yang kedua, bayaran bagi Kerajaan Negeri Kedah sebagai kos melepas atas komitmen kerajaan memelihara lebih 341,000 hektar hutan simpan sebagai kawasan tadahan air yang mengairi kawasan pertanian dan bekalan air mentah kepada seluruh rakyat Kedah dan negeri-negeri yang berjiran seperti Perlis dan Pulau Pinang. Yang ketiga, Kedah berkorban untuk mengekalkan 130,000 hektar tanah sawah bagi menjamin bekalan yang menyumbang 43 % bekalan beras negara yang menjadi makanan asasi 34 juta penduduk negara ini. Yang keempat, penyelesaian segera di antara Kerajaan Persekutuan dan negeri berhubung dengan pembinaan projek-projek besar yang berimpak tinggi bagi merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri, menjana pendapatan kepada rakyat, membuka peluang dan pekerjaan kepada rakyat, umpamanya projek KXP (Kedah Aerotropolis) merangkumi komponen Sidam Logistics Aerospace and Manufacturing hub, pembangunan Airport City. Ianya disebut dengan jelas dalam titah ucapan Tuanku Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan ketika merasmikan Sidang DUN kita pada kali ini.

YB. Tuan Speaker, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan mengingatkan supaya konsep federalisme yang menjadi amalan dan persetujuan bagi pembentukan kerajaan supaya ianya dihormati dan cadangan pemberian peruntukan kepada negeri-negeri mengikut bilangan orang dikaji semula setelah ianya tidak pernah sejak tahun 2002 lagi seperti yang termaktub dalam Akta 622 dan kita mengharapkan penyelesaian segera. Kebawah Duli Tuanku menyarankan supaya kita mengelakkan 'politicking' yang berlebihan di dalam hubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat supaya tahap profesionalisme di antara kedua-dua pihak dapat diperbaiki, dapat diteruskan demi kebaikan semua, demi kebaikan kerajaan negeri, demi kebaikan Kerajaan Pusat dan akhirnya demi kebaikan rakyat seluruhnya.

YB. Tuan Speaker, Alhamdulillah usaha berterusan kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Jeneri terus disokong bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat seperti yang digariskan dalam Strategi 2 Pelan Pembangunan Kedah 2035 melalui program-program kebajikan yang telah kita laksanakan seperti Khairat Kematian, Bantuan Beras Sejahtera, Bantuan Anakku Sejahtera, Bantuan Sakit Terlantar dan lain-lain program yang boleh membantu meningkatkan kesejahteraan dan kehidupan rakyat.



Semua ini bagi merealisasikan ‘tagline’ “Kedah Sejatera Nikmat Untuk Semua” menepati konsep Negeri Kedah sebagai tempat “Orang Miskin Berteduh Dan Orang Kaya Berbakti”. YB. Tuan Speaker, usaha bersungguh-sungguh dari kerajaan negeri bagi pemberian tanah hak milik kepada penduduk Kedah yang layak seharusnya diberikan pujian, seharusnya diberikan sokongan. Terima kasih kepada kerajaan negeri di atas pemberian hak milik tanah kepada 77 orang penerima di Daerah Baling pada 29 haribulan Julai 2021 yang lalu. Juga pada tarikh 30 Jun 2022 yang lalu seramai 119 menerima hak milik kekal tanah telah disampaikan pada hari tersebut. Ianya amat bermakna kepada peneroka tanah terbabit yang telah mengusahakan tanah-tanah mereka sejak 30, 40 tahun yang lalu dan pada hari kejadian kita dapati ganerasi pertama pun dah dah meninggal, penerokaan tanah, yang datang generasi kedua generasi ketiga. Kesempatan ini saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tuan Pengarah Tanah dan Galian Negeri Kedah, Datuk Suhaimi dan Tuan Pegawai Daerah Baling yang banyak membantu dan mempermudah urusan kerja-kerja pemberian milikan tanah. Inilah yang menjadi hasrat dan disebut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dalam perbahasan semalam. Mudah-mudahan.....(YB. Pengkalan Kundor minta laluan)

YB. DATO’ DR. ISMAIL BIN SALLEH

Pencelahan YB. Bayu, Pengkalan Kundor ingin mencelah. Terima kasih YB. Tuan Speaker, ada dua yang ingin saya dapatkan kepastian lah. Yang pertama bantuan kepada pesakit terlantar melalui JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) yang saya dapat maklum daripada pesakit sendiri telah ditangguh ataupun dihentikan, itu satu. Yang kedua, saya dimaklumkan juga bahawa di antara geran-geran yang telah diberi itu adalah geran-geran yang terlibat dengan Jeniang Transfer, laluan untuk membina sebahagian daripada Jeniang Transfer itu tanah kerajaan yang gerannya telah diberi di situ. Saya kira kalau ini bentuk pemberian maka ia akan membantut usaha untuk projek Jeniang Transfer. Jadi, saya ingin kepastian itu. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Yang pertamanya ialah peruntukan untuk pesakit terlantar. Peruntukan itu saya difahamkan diturunkan di bawah YB. Exco kita, InsyaAllah kita ADUN-ADUN pun dapat peruntukan secara sumbangan daripada YB. Exco kita. Kepada soalan yang kedua berhubung dengan.... Saya tak berapa jelas tadi. Haaa...nanti pemberian tanah kita kena orang yang berautoriti untuk jawab saya takut nak jawab takut tak kena dari segi peraturan akta tanah, kanun tanah dan sebagainya, pihak yang berkenaan akan jawab.



YB. Tuan Speaker, sepanjang tempoh YAB. Menteri Besar, ADUN Jeneri memimpin Kerajaan Negeri Kedah, kalau kita tengok dari segi rakyat merasai nikmat perubahan walaupun tempoh 3 bulan kita mengambil alih tentang program-program yang saya sebutkan tadi di samping kalau boleh kita tengok dari segi sistem pengurusan kewangan negeri yang saya nampak telus, berhemah dan berakauntabiliti. Bila sistem ini berhemah, berakauntabiliti, telus dan sebagainya sudah pasti ia memberikan impak hasil 'reserve' tunai kepada kerajaan bertambah baik dari tahun ke tahun. Kalau mengikut rekod yang kita ada daripada jawapan yang kita dapat pada tahun 2020, 'reserve'..... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bayu, masa berbahas sudah tamat. Saya bagi masa 2 minit lagi.

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

YB. Tuan Speaker, 3 minit boleh kot no?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Boleh! Boleh!

YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

'Reserve' tunai kerajaan negeri bertambah dari setahun ke setahun. Suka saya sebutkan di sini, pada tahun 2020, RM324.3 juta, tahun 2021 meningkat kepada RM464.34 juta, tahun 2022, RM549.3 juta sehingga September 2022 dan InsyaAllah saya yakin dan kita percaya pada tahun 2023 unjuran yang boleh kita buat hampir kepada RM700 juta. YB. Tuan Speaker, apabila Daerah Baling dinobatkan sebagai daerah ekopelancongan, sudah ada sedikit kemajuan dan peningkatan kepada penggiat-penggiat industri pelancongan di situ. Terima kasih kepada agensi-agensi kerajaan berkaitan yang banyak membantu dan menyalurkan peruntukan melalui Pejabat Daerah Baling, Majlis Daerah Baling, Kedah Tourism, NCER (*Northern Corridor Economic Region*) dan Kementerian Desa dan Wilayah dan lain-lain. Usaha kita ini memajukan menaik taraf produk pelancongan yang melibatkan gua-gua di sepanjang Gunung Baling dan juga Gunung Pulau sudah di peringkat Pelan Malaysia untuk dilaksanakan. Begitu juga dengan Galeri Rundangan Baling sudah di peringkat terakhir untuk dilaksanakan.



YB. Tuan Speaker, kesempatan ini juga saya mencadangkan pembangunan produk pelancongan baru di Jajaran Sungai Ketil dan Sungai Siuang supaya ia diperkembangkan dan lebih teratur. Peraturan daripada segi 'legal' tanah-tanah kerajaan ataupun 'reserve' sungai boleh diberikan kepada penduduk-penduduk yang berminat mungkin secara pajakan, sewaan ataupun bayaran tol supaya ianya dapat didaftarkan memenuhi peraturan perniagaan di samping aspek keselamatan yang tidak kita abaikan. Pihak JPS, pejabat daerah, pejabat tanah, pemilik-pemilik tanah boleh berkolaborasi bagi meningkatkan produk berkenaan untuk menyediakan kemudahan infra ke arah menyediakan tempat pelancongan yang lebih menarik dan terbaik serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan boleh memberikan bantuan dalam bentuk pinjaman mudah kepada pemain-pemain industri berkenaan.

YB. Tuan Speaker, ada seminit lagi. Di hujung perbahasan saya ini, di hujung perkhidmatan saya sebagai wakil rakyat di DUN Bayu untuk kali ini, suka saya menzahirkan rasa terharu dan terima kasih kepada semua pihak daripada Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, pejabat daerah dan agensi-agensi kerajaan yang begitu banyak, tak mampu nak sebut satu-satu, juga JPKK, penduduk di ADUN saya yang selama ini sentiasa menyokong dan membantu saya untuk melaksanakan tanggungjawab saya. Tak sedih puuunnn..... Nak juga memohon ampun dan maaf khususnya penduduk-penduduk di DUN saya, sudah pasti banyak kelemahan, kealpaan, kecuaiannya sepanjang tempoh 5 tahun saya berkhidmat sebagai wakil rakyat mungkin tidak dapat memuaskan hati semua pihak. Sesungguhnya saya sudah cuba melaksanakan tanggungjawab ini sebaik mungkin sehabis daya upaya saya. Demi Allah, sesungguhnya saya takut saudara-saudara menuntut keadilan di hadapan Allah Subhanahu Wa Ta'ala pada suatu hari nanti di atas kegagalan saya menunaikan tanggungjawab ini, menunaikan amanah ini.

Dengan ini saya menyokong menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan di atas Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah pada kali ini.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Bayu. Silakan!



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya bersetuju dengan usul yang dicadangkan oleh YAB. Menteri Besar tersebut. Seterusnya kita ada baki 9 minit, jadi untuk YB. Bukit Selambau ada 9 minit nanti kita sambung pada sesi petang.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Speaker. Assalam, Salam Malaysia Madani, salam sejatera, ta cha hao, vanakam. Sebagai menyahut titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, saya ada beberapa perkara penting untuk dibahaskan pada tengahari ini untuk kepentingan bersama rakyat di Negeri Kedah bab 17 hingga 19 titah Tuanku menyatakan peri pentingnya persahabatan, silaturahim di antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Perpaduan supaya peruntukan-peruntukan dari Kerajaan Pusat sampai kepada kerajaan negeri mengikut kadar yang ditetapkan.

Pada bajet yang lalu, bajet tahun ini jumlah hasil negeri yang di anggarkan adalah RM735 juta dan anggaran perbelanjaan adalah RM839 juta, maksudnya defisit RM104 juta. Pada masa yang serupa Negeri Kedah Darul Aman perlukan banyak dana untuk kita melaksanakan kerja-kerja pembangunan khususnya pembangunan yang utama yang melibatkan krisis air di Negeri Kedah. Semua maklum bahawa semenjak 33 bulan yang lalu krisis air tak dapat ditangani dengan berkesan. Mungkin ada banyak sebab, salah satu sebab yang penting mungkin adalah sebab dana ataupun masalah-masalah teknikal atau masalah-masalah ketiadaan pekerja dan sebagainya.



Tuan-tuan maklum 20 tahun yang lalu di benua kecil Negeri India ada sebuah negeri, nama negeri tersebut Tamil Nadu. Negeri tu tumbang kerana krisis air tuan-tuan, kerajaan negeri Tamil Nadu dekat mana pada ketika itu tumbang kerana rakyat memberontak, kerana rakyat tidak ada hasil ataupun tidak ada satu benda yang boleh menyelesaikan masalah air di negeri itu. Rakyat memberontak dan menunjukkan kekuatan rakyat melalui peti undi mereka. Jadi, mereka menumbangkan kerajaan Tamil Nadu pada ketika itu. Tuan-tuan yang saya hormati sekalian, kita tidak boleh sombong, kita tidak boleh angkuh, kita tidak boleh degil bila bermasalah dengan rakyat. Masalah rakyat adalah masalah yang sangat penting untuk setiap orang terutamanya pemimpin-pemimpin negeri yang ada di sini. Semangat toleransi, semangat 'give and take' itu adalah sangat penting supaya kita dapat memajukan negeri ini, supaya rakyat hidup dalam keadaan harmoni, rakyat hidup dalam keadaan sejahtera, kedaulatan dipertahankan, kesenangan dan sebagainya, itu yang penting.

Saya melihat sedikit laporan SADA iaitu Buletin SADA. Loji Rawatan Air Bukit Selambau seperti diberitahu oleh YAB. Menteri Besar pada Sidang DUN yang lalu dijangka siap pada bulan September tahun ini tetapi tidak mustahil dapat dilaksanakan pada tahun ini kerana kekangan-kekangan seperti yang dimaklumkan oleh Ahli-ahli Dewan sebentar tadi. Tapi apakah langkah yang harus kita buat untuk memastikan masalah krisis air ini dapat ditangani khasnya di Kuala Muda dan di DUN Bukit Selambau? Taman Bandar Baru di mana mempunyai penduduk lebih kurang 12,500 orang tiap-tiap hari telefon saya dan ada yang kata, "kami mau buat protes secara besar-besaran di hadapan Pejabat SADA". Saya kata, "jangan buat macam ini, apa saja kita boleh berunding". "Kalau YB. tak bagi kami boleh pergi ke Pejabat MB, mau protes". Ini cerita betul. Baru-baru ini saya menghantar satu surat kepada Ketua Pegawai Eksekutif SADA yang menyatakan mereka memberi cadangan, idea, Ustaz Masjid Muhajirin Taman Bandar Baru datang bersama rombongan ke 'office' saya yang terletak hampir 5KM. Ustaz kata, "YB. senang ceritanya, 'we go to basic'". Saya tanya, "apa itu basicnya?" Dia kata, "YB., dulu ada jalan besar masuk ke Tamana Bandar Baru, kenapa pihak SADA tidak dapat gunakan?" Saya tanya, "apa cadangan?" Cadangannya adalah kita buat 'section pump'. 10 orang, 20 orang beri cadangan yang serupa. Di sana ada satu 'section pump', di dalam surat ini saya ada sisipkan kepada YAB. Jeneri dan menghantar kepada Ketua Pegawai Eksekutif SADA. Jadi, Loji Rawatan Air tak dapat siap. Macam mana kita menangani masalah projek terutamanya Taman Bandar Baru dan taman yang berdekatnya. Oleh kerana ada section pup ini, Taman Lembah Permai tak ada masalah, Taman Lembah Permai adalah berhampiran dengan Taman Bandar Baru.



Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, tamadun manusia bermula di tempat yang ada air. Lembangan Ganges, Hwang Ho dan sebagainya adalah bermula dengan air. Kalau tak ada api boleh hidup, kalau tak ada air susah tuan-tuan dan puan-puan, itu yang penting.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, ada 1 minit saja!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Jadi saya pohon supaya kerajaan negeri dapat menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat seperti yang saya tukis dalam surat ini. Point yang berikutnya Ahli-ahli Yang Berhormat, pelancongan..... (YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bukit Selambau, point tu sambung selepas jam 2.30 petang.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Ok, saya akan sambung selepas itu. Jadi, saya mohon yang penting tolong selesaikan krisis air khasnya di Daerah Kuala Muda dimana mempunyai 173,000 pemegang akaun SADA dengan kadar segera walaupun Loji Rawatan Air Bukit Selambau tidak dapat disiapkan buat masa ini tetapi mesti ada kaedah dan alternatif lain untuk selesaikan masalah ini lebih-lebih lagi sekarang ini menjelang bulan Ramadhan. Sekian, terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Selambau, Dewan ditangguhkan dan akan disambung pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]



[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang – 13 Mac 2023]

YB. DATO' SPEAKER

Dewan disambung semula. YB. Bukit Selambau, berapa minit lagi YB. Bukit Selambau? Berapa minit lagi 'balance'? Semua 15 minit, pakai 9 minit sudah, ada lagi 6 minit. Silakan!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Kita rujuk kepada titah ucapan Tuanku muka surat 13, Tapak Arkeologi warisan sejarah geologi turut boleh diperkasakan sebagai satu produk pelancongan negeri. Ahli-ahli Dewan, Lembah Bujang, Sungai Batu dan kawasan sekitarnya bolehlah dijadikan sebagai produk pelancongan iaitu ecotourism, archeological tourism dan historical tourism. Baru-baru ni saya melawat ke negara India di mana saya pergi ke satu tempat yang diiktiraf sebagai Warisan Dunia UNESCO iaitu Taj Mahal dan juga Karajo tempat-tempat itu adalah tempat yang mempunyai monumen-monumen dan candi-candi yang lebih dari 1,000 tahun. Kalau kita melawat ke jogjakarta dijawab bodoh bodoh menjadi tempat mereka menjadi satu produk pelancongan terkenal di dunia dan juga dijawab juga Jawa Tengah iaitu Jalan Suluk ke Jogjakarta, di Jawa, Borobodur menjadi satu produk pelancongan yang terkenal di dunia dan juga di Jawa Tengah iaitu jalan Solo ke Jogjakarta kita nampak satu Candi Prambanan yang telah didirikan pada tahun 1850 sebelum Masihi dan kalau kita pergi ke Angkor Wat, Kampuchea, ia juga mempunyai monumen-monumen, candi-candi yang menjadi produk utama menarik pelancongan dari seluruh dunia di mana banyak peluang pekerjaan diwujudkan, peluang pekerjaan dari segi penerbangan, peluang-peluang business dan sebagainya.

Jadi, kita mempunyai warisan yang begitu kukuh dan lama iaitu sejarah tamadun kerajaan kita di Lembah Bujang dan juga Sungai Batu di mana pada kurun ke-9 banyak pedagang-pedagang dari India dan juga dari Negara Arab dan China datang ke sana untuk membuat urusan niaga perdagangan mereka seperti rempah ratus dan sebagainya. Candi-candi tu memang ada di sana, jadi saya mohon kepada kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat supaya memastikan Lembah Bujang dijadikan produk pelancongan yang terkenal di mana mempunyai potensi yang luar biasa untuk menjana pekerjaan dan pendapatan khasnya kepada penduduk-penduduk di sekitar Daerah Kuala Muda, Semeling Merbok dan sebagainya, itu adalah sangat penting.



Pada bulan lalu juga saya pergi ke India dan memberi satu ucapan khas di Jawaharlal Nehru University kerana dengan Lembah Bujang. Saya hanya menyentuh berkenaan dengan perspektif politik iaitu negeri kita dan juga negara mesti mempunyai 'political will' untuk menjadikan Lembah Bujang, Sungai Batu sebagai United Nations UNESCO punya produk atau 'heritage'. Jadi, 'finding' kita boleh dapat dari luar negara, cuma kita boleh uruskan saja. Kita mesti mempunyai 'political will' untuk mempertahankan 'heritage' kita iaitu di Lembah Bujang dan juga Sungai Batu, itu adalah sangat penting dan juga laut dari Sungai Merbuk mempunyai banyak potensi untuk ecotourism dan di sana juga saya lihat sekarang ini Satay Smeling menjadi paling terkenal dan banyak orang, ramai pengunjung dari luar datang untuk makan satay dan sebagainya. Ini adalah sangat penting Ahli Yang Berhormat sekalian.

YB. Dato' Speaker, seterusnya saya telah menulis surat pada tahun lalu iaitu ada satu jambatan yang lama di mana menghubungkan Selambau Vision dengan Bukit Selambau iaitu jalan pintas lebih kurang 20km. Jawapan yang saya dapat adalah serupa macam jawapan pada Sidang yang lalu. Pembinaan jambatan yang sudah runtuh untuk penduduk-penduduk luar bandar yang menggunakan dari Selambau Vision Kongsi 14 ke Bukit Selambau dan juga ke Kuala Ketil. Ini adalah kepentingan rakyat, kepentingan penduduk di luar bandar khususnya di sana haruslah diperbaiki dengan segera. Sudah 9 bulan tak ada apa-apa perkembangan malah dalam jawapan yang ditulis, dikatakan Pejabat Daerah Kuala Muda sudah hantar surat bertarikh 4 Julai tahun lalu ke Pejabat Pembangunan Negeri Kedah tetapi setakat ni tidak ada apa-apa perkembangan. Perkara ini tidak wajar berlaku kerana ini kepentingan perhubungan, sangat penting.

Seterusnya pada 2019, MPSPK (Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah) membuat satu projek kedai-kedai kecil, gerai di Taman Bandar Baru sebanyak 10 unit. Pada ketika itu Datuk Syed Khairul adalah YDP di sana dan beliau bersetuju untuk memberikan 3 lot kepada peniaga-peniaga kecil yang ada di sana yang memang asal dari Taman Bandar Baru bukan orang luar. Dukacita saya maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini 3 orang tersebut yang menjalankan perniagaan sendiri tidak mendapat gerai tersebut. Ini satu perkara yang serius sebab ketegangan berlaku di Taman Bandar Baru di mana mereka yang telah menjalankan secara kecil-kecilan lebih dari 10 tahun tapi hak mereka dinafikan. Ini satu perkara yang harus diambil kira dan mesti diambil perhatian yang segera supaya mereka mendapat keadilan yang sepatutnya.

Berbalik kepada soalan saya tadi, Dewan kita ini mempunyai 3 orang yang penting iaitu Setiausaha Politik kepada YB. Dato' Azalina Othman Said iaitu ADUN Sungai Tiang, YB. Encik Simon Ooi (ADUN Bakar Arang) iaitu Setiausaha Politik kepada Menteri Sains,



Teknologi dan Inovasi dan seterusnya bekas ADUN Gurun adalah Speaker Dewan. Mereka mempunyai satu silaturrahim yang begitu rapat dengan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan sebagainya. Saya pohon kepada kerajaan negeri agar membuat satu rombongan kunjungan hormat kepada Perdana Menteri dan 'Cabinet Minister' berbincang hal-hal yang berlaku, keperluan yang kita sebab kita punya peruntukan RM150 juta. Mungkin kalau kita jumpa, YAB. Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan mungkin akan beri RM10 bilion untuk negeri kita ini. Ini untuk kepentingan rakyat! Silakan YB. Sungai Limau, saya bagi ruang.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Tidakkah YB. Bukit Selambau menyedari YAB. Menteri Besar dan juga BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) telah menghantar surat untuk bertemu dengan YAB. Perdana Menteri pada awal pemerintahan tetapi sehingga ke hari ini surat tersebut masih lagi belum dijawab.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

Saya pohon YAB. Jeneri kena 'follow up'. Sekarang sidang untuk perbincangan Bajet sedang berlaku mungkin kena 'follow up', 'follow up', kita punya wakil tadi sila hubungi YB. Dato' Johari Abdul (Speaker), senang cerita kerana ini untuk kepentingan negeri kita ini. Kita mungkin dapat RM10 bilion untuk perbelanjaan pembangunan luar bandar, untuk penoreh getah, nelayan dan peniaga-peniaga kecil kita boleh dapat. Jadi, manfaatkan kemudahan ini, kita 'join together' kita jumpa Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan untuk dapatkan dana, itu sangat penting. Itu yang saya cakapkan, kita ada peluang di sini, YB. Bakar Arang ada, YB. Sungai Tiang ada, YB. Gurun ada, jadi gunakan persahabatan mereka, silaturrahim mereka untuk memastikan kita dapat dana yang mencukupi. Inisiatif ini mesti datang daripada Yang Amat Berhormat Jeneri, itu adalah sangat-sangat penting buat masa ini.

Saya juga dalam Dewan yang mulia ini memohon kepada semua, budaya tiktok kalau boleh stopkan saja dengan serta merta sebab ini takkan membawa apa-apa kebaikan kepada sesiapa saja. Mungkin kepentingan itu mendapat faedah dalam masa singkat sahaja tetap dalam masa panjang boleh memecahbelahkan rakyat, boleh menjadikan ketegangan kaum dan agama di negeri ini. Kita hidup dah aman damai dan harmoni dalam 100 tahun lebih dah, kita mesti kekalkan mantapkan silaturrahim perpaduan antara kaum. Itu adalah sangat penting, kita mahu hidup dalam keadaan aman, harmoni, damai, sejahtera dan sebagainya.



Melalui budaya tiktok ini kita tidak boleh pergi ke mana-mana, cuma tegang antara kita lama-lama porak-peranda. Malaysia adalah salah satu negara di dunia yang rakyatnya berbilang kaum, majmuk agama berlainan, budaya berlainan tetapi hidup bersama-sama. Satu keluarga, keluarga besar di bawah naungan Tuanku Sultan di negeri ini. Itu adalah sangat penting tuan-tuan .

Sebelum saya tamatkan ucapan saya ini saya ada satu slogan yang penting untuk kita renungkan bersama. YB. Dato' Speaker, pohon saya bacakan, slogan kata-kata keramat ini adalah yang diucapkan halal haram iaitu seorang negarawan, seorang saintis angkasa lepas yang pernah menjadi, beliau bukan dari mana-mana parti politik, pernah menjadi Presiden Benua Kecil India. Nama beliau adalah Avul Pakir Jainulabdeen Abdul Kalam. Beliau menyatakan, *"where there is righteousness in the heart, there is beauty in the character. When there is beauty in the character, there is harmony in the home. When there is harmony in the home, there is order in the nation. When there is order in the nation, there is peace in the world."* ini kata-kata yang diberikan oleh Allahyarham Abdul Kalam sebagai seorang pemikir, seorang presiden dan tokoh yang tak pernah Benua Kecil India dapat. Saya kongsi bersama-sama kerana ini adalah sangat penting, beliau menyatakan harmoni, 'characters', 'peace' dan sebagainya. Dengan ini saya menyokong titah ucapan Tuanku Sultan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Selambau yang saya kira dari pagi hingga sekarang ini merupakan pembahas terbaik lah sehinggakan Speaker pun terpukau, terlajak bagi masa sampai 12 minit. Saya menjemput YB. Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh, salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah rabbi 'alamin wassalatu wassala mu'ala asyrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasahbihi ajma'in. YB. Dato' Speaker, saya turut membahaskan usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang telah menyampaikan titah ucapan perasmian bagi Sidang DUN kali ini, kelmarin. Di antara banyak-banyak perkara yang Tuanku telah titahkan, yang paling saya tertarik ialah berkenaan dengan hubungan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan Persekutuan. Tentunya mana-mana kerajaan pun mestilah mempunyai hubungan yang baik ini supaya kita dapat memanfaatkan bagi rakyat.



Kita lihat bukan kebelakangan ini saja tapi agak lama dah hubungan antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri itu bagi kita yang melihat dari kaca mata negeri mungkin terlihat seolah-olah berat sebelah, memihak kepada Kerajaan Pusat. Saya lihat cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan tentulah datang daripada rakyat yang berada di negeri-negeri, tetapi setiap tahun kita lihat negeri-negeri ini terpaksa bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan geran ataupun pemberian daripada Kerajaan Pusat. Kadang-kadang tu sampai tahap macam kita ni terpaksa mengemis meminta peruntukan yang secukupnya dan saya juga melihat seolah-olah ada ketidakadilan di antara negeri-negeri yang sudah jauh maju ke hadapan berbanding dengan negeri-negeri yang jauh ketinggalan di belakang.

Saya bagi satu contoh, apabila Kerajaan Pusat bersetuju dengan kerajaan negeri untuk melabur sejumlah wang kalau tak silap saya lebih kurang RM600 juta untuk membangunkan Taman Teknologi Tinggi Kulim pada tahun 1996, ianya dianggap sebagai satu pinjaman daripada Kerajaan Pusat kepada kerajaan negeri. Kita membangun KHTP (Kulim Hi-Tech Park) sehinggakan lebih RM31 bilion telah dilaburkan oleh pelabur-pelabur asing dan tempatan, begitu banyak sekali peluang pekerjaan kalau tak silap lebih kurang 26,000 peluang pekerjaan di sediakan di Kulim Hi-Tech Park itu dan kadar gajinya agak lumayan. Maka sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi bukan hanya bagi Negeri Kedah sahaja tetapi Wilayah Utara ini sangat besar dan lebih penting daripada itu ialah syarikat-syarikat ini membayar cukai.

Saya faham bahawa ada juga syarikat asing yang datang melabur dan mendapat pengecualian cukai yang diberikan oleh MIDA. Tetapi setelah mereka beroperasi beberapa tahun, pengecualian itu akan berkurangan dan akhirnya mereka terpaksa juga membayar cukai kepada Kerajaan Pusat. Selain itu, pekerja-pekerja membayar cukai pendapatan dan sebagainya.

Jadi, saya menganggarkan bahawa dengan RM600 juta yang dibelanjakan oleh Kerajaan Pusat itu, Kerajaan Pusat telah mengutip cukai yang jauh lebih besar sehinggakan pelaburan awal mereka di Kedah itu sangat berdaya maju iaitu berbaloi. Kenapa tidak Kerajaan Pusat memperuntukkan bajet seperti itu kepada negeri-negeri yang agak tercorot ke belakang seperti Kedah ni kerana kita mempunyai potensi yang begitu besar untuk menjana pendapatan sendiri, merancakkan ekonomi dan akhirnya dengan pertumbuhan ekonomi itu cukai dapat dikutip oleh Kerajaan Pusat. Saya lihat, contohnya apa yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku semalam berkenaan dengan 'capitation grant' kita istilah "pemberian ikut kepala", itu satu.



Yang keduanya pemberian penyenggaraan jalan negeri iaitu MARRIS, ada juga pemberian dari Kumpulan Wang Rizab Negeri dan macam-macam pemberian yang lain, pemberian bagi membiayai perbelanjaan mengurus bagi jabatan di bawah senarai bersama khususnya agensi Kerajaan Pusat. Soal 'capitation grant' ia tentulah mengikut satu formula berkaitan dengan jumlah penduduk yang ada dalam negeri tersebut. Bayangkan negeri macam Kedah ni di mana mungkin peluang pekerjaannya tidaklah sebanyak negeri-negeri yang jauh lebih maju daripada kita seperti Pulau Pinang, Johor, Selangor, maka berlakulah penghijrahan penduduk dari Kedah ke negeri-negeri yang maju itu yang menawarkan peluang pekerjaan. Saya tak pasti tapi anggaran saya tadi pun sudah bincang dengan YB. Anak Bukit, duk rasa-rasa macam pengiraan jumlah penduduk itu berdasarkan kepada banciaan yang dibuat dan bukannya berdasarkan kepada angka 02 dalam nombor kad pengenalan itu.

Maka kalaulah anak Kedah ni banyak berhijrah ke Pulau Pinang, Selangor, Johor contohnya untuk mencari pekerjaan dan banciaan dibuat di negeri-negeri itu sudah tentulah mereka mempunyai penduduk yang ramai dan mendapat manfaat yang lebih daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan kepada 'capitation grant' yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Bagi saya ini satu ketidakadilan. Kenapa tidak diberikan peruntukan yang lebih kepada negeri-negeri yang kerana kurang maju atas sebab-sebab tertentu maka jumlah penduduknya berkurangan kerana penghijrahan yang berlaku. Janganlah atas sebab itu kita dihukum dengan pemberian yang kurang berbanding dengan negeri-negeri yang maju berbanding dengan kita. Jadi saya mohon supaya satu perbincangan diadakan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Zaman saya menjadi Menteri besar kali pertama dulu, saya telah berusaha untuk berbincang dengan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri yang lain supaya sekurang-kurangnya kita boleh berpakat sebelum kita menghadiri Mesyuarat Majlis Kewangan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Saya mengharapkan di dalam mesyuarat itulah kerajaan-kerajaan negeri ini boleh menekankan kepada Kerajaan Pusat untuk lihat semula formula-formula yang dipakai entah dari zaman merdeka lagi, ada yang sepatutnya diubah suai kerana kenaikan inflasi dan dengan formula itu bersikap adil terhadap negeri-negeri yang miskin. Kalau betul tafsiran saya, itulah yang telah dititahkan oleh Tuanku Sultan kelmarin.

Seterusnya saya nak sentuh sedikit berkenaan dengan projek. Daripada pengalaman saya sendiri, memang mudah untuk kita bersikap sedikit ghairah untuk melancarkan projek demi projek dalam satu-satu negeri itu. Saya sendiri sewaktu membentangkan Bajet 2015 mengumumkan sampai 6 projek ikonik termasuk KXP, Rubber City dan sebagainya dengan harapan semua projek-projek ni akan betul-betul terlancah dan berjalan maju dan memberi manfaat secara langsung kepada penduduk Negeri Kedah



kita dan sekelilingnya. Rupa-rupanya projek-projek ini tak mudah untuk dilaksanakan walaupun kita mempunyai azam politik yang kuat. Antara lain perkara-perkara yang luar kawalan kerajaan negeri khususnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan dan kalau Kerajaan Pusat itu tidak bersetuju ataupun tidak memberi prioriti kepada projek-projek yang nak dilakukan oleh kerajaan negeri itu maka ia susah nak jalan. Daripada 6 projek ikonik yang saya lancarkan tahun 2015 iaitu lebih 8 tahun yang lepas, hanya satu saja, Kedah Rubber City yang nampaknya berjalan sikit, itupun yang dilaporkan dalam laporan kerajaan negeri berkenaan dengan infrastruktur, yang lain ni sangkut semuanya. Itu bermakna bahawa kita nak kena kerjasama lebih erat dengan kerajaan-kerajaan yang ada, Kerajaan Persekutuan dan khususnya agensi kerajaan untuk menjayakan satu-satu projek itu. Tidak cukup sekadar kita berazam sahaja, keinginan tu sangat tinggi tetapi nak melaksanakannya suatu perkara yang susah.

Mungkin ada kesilapan yang telah saya lakukan sewaktu dulu lagi kerana ada azam itu, tapi kalau ikut 'pragmatisme'nya ataupun kita nak lebih realistik mungkin lebih baik kalau kita mengenal pasti satu dua projek, kemudian memberi tumpuan kepada keberhasilan (outcome). Melancar adalah satu perkara yang mudah nak dibuat tetapi nak memastikan semua 'pieces of the puzzle' (dengan izin) semuanya cantik untuk menjayakan satu-satu projek itu bukan satu perkara yang boleh diambil remeh dan perlu diberi perhatian sehinggalah benda tu menjadi. Saya menyarankan kerajaan negeri pilihlah satu dua projek yang kita rasa sangat penting untuk dilaksanakan boleh memberi manfaat secara langsung kepada rakyat, mungkin ada ruang yang kita nampak di peringkat Kerajaan Pusat dan kita fokus saja untuk projek-projek tersebut. Salah satu perkara tentulah berkenaan dengan KXP. Walaupun ada komen-komen yang agak mengecewakan kita datang daripada Kerajaan Pusat tetapi saya kira ini satu perkara yang perlu kita pertahankan juga bagi menyokong titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku kelmarin.

Satu perkara juga yang telah dititahkan oleh Tuanku ialah berkenaan dengan peringatan supaya kerajaan negeri teliti dan kaji semula dasar dan polisi berbentuk fizikal mahupun undang-undang yang lapuk, ini telah dititahkan oleh Tuanku Sultan. Saya ingin bangkitkan berkenaan dengan satu perjanjian yang telah dimeterai di peringkat Kerajaan Pusat yang bersifat antarabangsa yang nama singkatannya CPTPP (Comprehensive And Progressive Agreement For Trans-Pacific Partnership). Perjanjian ini kononnya satu perjanjian perdagangan melibatkan kalau tak silap saya lebih 12 negara. Malaysia antara negara yang menandatangani, ianya diratifikasi dan katanya diluluskan di Parlimen tetapi waktu darurat sebenarnya.



Saya ingin bertanya, adakah kerajaan negeri sudah bersedia untuk menghadapi CPTPP ni? Soalan ini telah saya kemukakan sebelum ini, kalau tak silap saya ada tak kurang daripada 7 undang-undang negeri yang perlu dipinda kalau kita betul-betul nak mematuhi semua perkara yang diperuntukkan dalam CPTPP. Antara lain ialah berkenaan dengan perolehan kerajaan. Bila kerajaan negeri nak buat sebarang perolehan contohnya kalaulah kita nak buat tender terbuka untuk projek Loji Rawatan Air, maka kita terpaksa membuka tender itu untuk syarikat-syarikat luar negara, bukan hanya yang dalam Negara. Dan kalau kita tidak melakukannya dan kalau ada syarikat di luar negara itu yang mengadu, yang 'complain' kepada sekretariat CPTPP ini, silap-silap kerajaan negeri boleh didapati bersalah dan ditekan untuk membuka ruang ataupun disaman oleh syarikat asing itu. Ini telah pun berlaku di beberapa negara seperti Pakistan, Australia pun dah kena, kalau tak silap New Zealand pun kena. Jadi, ini satu perkara yang saya ingat perlu kita ambil perhatian. Kalau ikut pandangan saya sendiri, kita tidak sepatutnya meratifikasikan perjanjian CPTPP. Kami antara orang yang kuat membantah berkenaan CPTPP ini dan kalau ada ruang kerajaan negeri juga menolak CPTPP itu lebih baik. Ada masa berapa banyak lagi YB. Dato' Speaker?

YB. DATO' SPEAKER

Masa sebenar dah habis, kita bagi 2 minit lagi.

YB. DATO' SERI HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

2 minit, ok 2 minit. Terima kasih banyak-banyak. Akhir sekali YB. Dato' Speaker saya nak bertanya berkenaan dengan apa yang saya dapati mungkin ada sedikit perbezaan angka ataupun saya nak minta sedikit penjelasan berkenaan dengan permohonan untuk hak milik tanah yang telah diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan kelmarin iaitu, kalau menurut jawapan yang telah diberikan secara bertulis kepada soalan yang dikemukakan oleh YB. Bayu, kalau ikut muka surat 25 dalam buku jawapan soalan tulis ini. Pemberian hak milik tanah bagi tahun 2020 - 2022 di mana 120 pemberian diluluskan pada tahun 2020, tiada kelulusan pada tahun 2021, tak disebut sebab apa dan 465 pada tahun 2022. Kalau ikut apa yang telah dititahkan oleh Tuanku kelmarin, jumlah antara tahun 2020 - 2022 tu ialah 2,075 permohonan hak milik tanah dan lesen pendudukan sementara atau LPS. Jadi soalan saya, adakah boleh saya rumuskan bahawa LPS di antara tahun 2020 hingga 2022 ini berjumlah 1,490? Maksudnya yang betul-betul pemberian hak milik tanah ni hanyalah lebih kurang 585 sahaja di antara 3 tahun itu

Akhir sekali berkenaan dengan Langkawi. Perkara ni memang banyak kali sudah dibangkitkan oleh beberapa pihak berkenaan dengan tapak pelupusan sampah di di



Kilim. Jadi, saya ingat YB. Dato' Speaker pun lebih tahu perkara ini. Kalau sesuatu tidak dibuat untuk menyelesaikan masalah pelupusan sampah di Langkawi ini kita mungkin akan menghadapi masalah dengan status Geopark Langkawi yang menjadi satu tarikan bagi pelancongan Langkawi. Jadi saya tahu daripada dulu lagi kita bermasalah dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk selesaikan masalah ini daripada zaman-zaman YB. Zuraida lagi, kemudian Datuk Reezal Merican dan sekarang ni YB. Encik Nga Kor Ming, menteri yang berkenaan. Jadi, saya ingin tahu apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri untuk meyakinkan Kerajaan Pusat ataupun mendesak Kerajaan Pusat untuk melakukan sesuatu selesaikan masalah ini segera kerana bayangkanlah kalau longgokan sampah di tapak pelupusan sampah di Kilim itu tak ditangani dengan baik maka kita ada masalah kebocoran '*leachate*' masuklah ke dalam Sungai Kilim dan tentunya ini akan menjejaskan status Langkawi sebagai Geopark. Dengan itu, saya ucapkan terima kasih banyak-banyak dan menyokong usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah yang telah menyampaikan titah Pperasmian Sidang Dewan kelmarin. Terima kasih, Assalamualaikum.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. YB. Ayer Hitam!

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassala Mu'ala Asyrofil Ambiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in Robbisrohli Sodri Wayasirli Amri Wahlul Uqdatan Millisani Yafqahu Qauli. 'Ammabaq.

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, YB. Ahli-ahli Dewan Negeri, Yang Berusaha, Yang Berbahagia ketua-ketua jabatan, agensi kerajaan pusat dan negeri seterusnya para petugas Dewan dan juga pemerhati sama ada secara bersemuka ataupun atas talian. Terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dalam ucapan perbahasan titah ucapan Tuanku semalam. Tuanku menyentuh beberapa perkara yang agak besar dan juga penting dalam ucapan Baginda kurang lebih 42 minit semalam dan berapa pujian diberikan kepada YAB. Menteri Besar di atas kejayaan YAB. Menteri Besar pemimpin kerajaan dalam masa kurang lebih 3 tahun dengan penuh cemerlang.



Saya bersetuju dengan titah Tuanku dan kita rasa dan percaya di antara sebab kemenangan besar PN (Perikatan nasional) dalam PRU-15 di negeri-negeri, Kedah terutamanya merupakan 'andikator' yang besar daripada rakyat terhadap kebolehan, kecemerlangan Menteri Besar dalam mentadbir negeri pada masa kini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan YB. Suka Menanti sebagai Ketua Pembangkang yang baru menggantikan YB. Gurun yang tak sempat untuk berucap sebagai Ketua Pembangkang yang sebelum itu didahului YB. Alor Mengkudu dan YAB. Jeneri. Bermaksud kita sudah ada 4 Ketua Pembangkang dalam tempoh 5 tahun kerajaan di Negeri Kedah ini. Ini melambangkan betapa dinamikanya politik semasa selepas PRU-14 yang melihat tumbanganya Barisan Nasional (BN) sebagai parti yang memerintah di peringkat Persekutuan dan juga negeri.

Kedinamikan politik ini harus kita jaga supaya ia terus mencorak kedudukan kita di dalam negeri dan negara ini supaya kita boleh bangkit sebagai sebuah negeri yang maju Insya Allah menjelang tahun 2035 dan menjadi negara yang kembali 'mengaum' yang dikatakan sebagai "Harimau Asia" sekitar tahun 1990an dahulu. Kita haraplah seperti yang dititahkan oleh Tuanku tidak akan ada *political vendetta* sama ada pihak Kerajaan Persekutuan yang baharu ini melalui PMX ataupun PM Ke-10 yang kita lihat ada berapa perkara yang disebut oleh beliau dalam konteks Negeri Kedah ni nampak macam ada unsur-unsur begitu. Cuma kita harap perkara ini bila disebut oleh Tuanku hal-hal yang sebegitu dapat dikurangkan dan InsyaAllah kita berharaplah kerajaan Madani di peringkat Persekutuan itu akan dapat memberi peluang dan ruang kepada kerajaan negeri mencorak pembangunan kerajaan negeri seiring ataupun selaras dengan kehendak rakyat di negeri ini dengan memberikan peluang kepada perancangan yang telah dibuat untuk diluluskan peringkat Pusat yang bersangkutan dengan peruntukan di peringkat Pusat.

Tahniah juga kepada YB. Bayu, Tuan Haji Abdul Nasir bin Idris dan YBhg. Senator Encik Musaddaq bin Haji Ahmad atas pelantikan sebagai Ahli Dewan Negara yang mewakili Negeri Kedah yang baharu. Saya yakin dan percaya kedua-dua mereka mampu untuk mewakili Negeri Kedah selaras dengan kehendak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk membawa suara Kedah di peringkat Persekutuan InsyaAllah di Dewan Negara. YB. Bayu seorang yang 'cool', seorang yang terkenal dengan 'gajahnya' InsyaAllah akan meneruskan kebolehan, kemahiran beliau di sana dan saudara Encik Musaddaq pun seorang yang pada sayalah lahir dalam keluarga politik, 2 orang abangnya merupakan Ahli Parlimen (mantan), 2 orang abangnya juga merupakan Ahli Dewan Negeri, mantan dan sekarang serta beliau orang yang kelima dalam keluarga Haji Ahmad menjadi ahli ataupun Yang Berhormat, InsyaAllah keluarga mereka ni keluarga yang hebat dan sudah tentulah warisan atau legasi mereka InsyaAllah akan memberi sedikit sebanyak sumbangan kepada Negeri Kedah di peringkat Dewan Negara.



YB. Dato' Speaker, saya suka menyentuh dua tiga perkara yang disentuh oleh Tuanku yang hampir dengan Ayer Hitam. Pertama tentang penanaman padi berskala besar. Walaupun Tuanku sebut contoh kepada Lembaga Zakat yang sekarang ini sedang membuat SmartSBB ini bersama dengan MADA di Yan, kurang lebih 200 hektar. Tetapi kita boleh kembangkan lagi ke kawasan-kawasan lain diseluruh Negeri Kedah ini untuk kita menjamin food security dan juga meningkatkan hasil dan kualiti padi sebagai jaminan kepada adanya makanan ruji kita yang cukup untuk rakyat Malaysia umumnya. 200 hektar yang dilaksanakan di Yan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah itu kita boleh terikat sebagai satu kayu ukur untuk kembangkan lagi berdasarkan kepada kehendak ataupun keperluan setempat. Cuma ada kerisauan di peringkat bawah lah peringkat rakyat, peringkat petani-petani di bawah sana jika dijalankan Smart SBB ni kerisauan kepada petani-petani kecil atau petani muda baru yang mengusahakan sawah padi. Mereka risau bila mana dikembangkan atau diadakan Smart SBB ini syarikat atau korporat yang besar akan menelan mereka. Pasti nya petani-petani kecil yang baru-baru ni akan terkesan dengan syarikat yang mengambil alih usaha untuk penanaman padi ini.

Kita perlu adakan satu perbincangan ataupun satu tindakan yang boleh menguntungkan kedua-dua pihak. Saya suka mencadangkan supaya syarikat ataupun pihak yang akan mengambil peranan memainkan peranan yang besar dalam Smart SBB ini memberi diberi peluang kepada PPK (Pertubuhan Peladang Kawasan) atau Koperasi Pesawah ataupun pihak-pihak lain yang ada kepentingan dengan pesawah yang tidak memikirkan, mementingkan keuntungan semata-mata. Syarikat-syarikat perniagaan ataupun syarikat-syarikat yang mementingkan keuntungan yang besar mungkin mereka berjaya untuk menawarkan harga sewa yang banyak, yang besar kepada petani-petani yang ada sawah.

Dengan itu, petani-petani ini akan berlumba-lumba ataupun akan memberi sawah mereka untuk diurus oleh syarikat yang besar ini. Sudah tentulah syarikat yang mementingkan perniagaan akan memikirkan keuntungan tidak kepada kebajikan yang besar. Dengan petani-petani yang kecil, petani-petani yang muda yang ada di pedalaman dan kampung-kampung tentulah akan berasa terkesan dan berasa mereka dipinggirkan oleh syarikat yang besar.

Kita memberi peluang kepada PPK ataupun kepada Koperasi dan sebagainya InsyaAllah, perkara ini akan dapat memberikan keuntungan kepada kedua-dua pihak sama ada pihak Koperasi ataupun syarikat itu dan juga pihak petani-petani yang mengusahakan pertanian.



YB. Dato' Speaker, saya juga terkesan dengan ucapan Tuanku menyentuh tentang kekerapan feri ke Langkawi yang dikurangkan, kian merosot. Dua minggu dan seminggu lepas saya ada ke Langkawi, pada awal 23 dan 24 bulan Februari saya ke Langkawi melalui Kuala Perlis yang mengambil masa kurang lebih 2 jam perjalanan, berbeza dengan sebelum ini yang kita pergi ke Langkawi melalui Kuala Perlis kurang lebih 45 minit ke sejam sahaja. Mengikut alasan ataupun sebab yang diberikan oleh kapten feri itu, laluan mereka agak sukar kerana kecetekan laluan itu menyebabkan mereka tak boleh laju, mereka bawa secara perlahan. Kemudian pada 1 hingga 3 Mac, dibatalkan dan ditangguhkan feri ke Langkawi melalui Kuala Perlis dan semuanya berbalik ke Kuala Kedah dan saya pergi kali kedua pada 2 dan 4 haribulan Mac melalui Kuala Kedah walaupun masanya sama kurang lebih sejam lebih tetapi jadualnya, kekerapannya dikurangkan. Sepatutnyalah bila kita tutup di Kuala Perlis, ada penambahan jadual di Kuala Kedah untuk menampung kekurangan di Kuala Perlis itu. Perkara ini tetap berlaku menyebabkan ramai yang tak boleh pi dan saya pun 'booking' tiket secara online dapat malam saja yang 'free', siang dah penuh.

Seperti yang saya sebutkan di sini supaya kita mengambil satu pendekatan ataupun peluang ini untuk kita meningkatkan lagi jadual ataupun perjalanan feri dari Kuala Kedah ke Langkawi selaras dengan titah Tuanku dan juga InsyaAllah jika kita diberi peluang untuk kita memikirkan untuk melaksanakan atau membina sebuah ataupun dua buah lagi jeti baharu di Kedah ini untuk menampung keperluan ini. Saya ada terbaca satu cadangan dibuat oleh YB. Menteri, Dr. Wee Ka Siong tahun lepas tentang cadangan dan kajian yang dibuat oleh pihak Institut Maritim Malaysia dan Jabatan Laut Malaysia berbincang untuk mengadakan sebuah lagi Jeti baharu di Kedah ini ataupun di Perlis. Saya suka mencadangkan supaya kita lobi supaya diadakan di Kedah dan saya menawarkan kawasan Ayer Hitam, Kuala Jerlun atau Kuala Kerpan sebagai destinasi yang baru untuk dibina jeti baru bagi menampung keperluan pengangkutan daripada tanah darat ini ke Langkawi. Kuala Jerlun merupakan tempat yang sesuai pada pandangan saya, disokong oleh infra yang lain kita sedang membina atau menaik taraf Jalan Putra daripada Simpang Kuala akan berakhir di Kemboja. Kemboja tu satu tempat yang sangat dekat dengan Kuala Jerlun. Jadi dengan itu, infra untuk jalan raya dah ada, cuma kita lobi untuk buat pelabuhan ataupun jeti di Kuala Jerlun, InsyaAllah dengan itu mungkin boleh memberi ruang ataupun hujah kita yang besar kepada Kerajaan Pusat untuk membina jati baharu di Kedah, bukan di Perlis sebab kita nak pi Langkawi, Kedah bukan nak pi Langkawi, Perlis supaya pulangannya akan dapat kepada Negeri Kedah, InsyaAllah. Juga di Kuala Jerlun ataupun Kuala Kerpan jika difikirkan sesuai dan merupakan kuala-kuala yang dalam airnya, InsyaAllah yang tak perlu dilakukan proses pengerukan lagi dah.



Sekarang ini kita perlu keruk 2 tahun sekali, perlu koreklah atau mendalamkan kuala itu 2 tahun sekali, belanja RM50 juta. Belanja untuk korek keruk Kuala Perlis dan Kuala Kedah, kalau kita guna duit itu untuk buat Jeti di Kuala Jerlun atau Kuala Kerpan, sudah tentulah diselamatkan RM50 juta dibangunkan kawasan Kuala Jerlun dan Kuala Kerpan dengan lebih maju.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

YB. Ayer Hitam, minta laluan sikit boleh tak? terima kasih YB. Ayer Hitam, terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya orang kuala, orang Kuala Kedah. Setuju atau tidak YB. Ayer Hitam, ya, betul duk habis RM50 juta duk nyah enap keruk apa tadi tu, kalau kita buat pemilihan tapak jeti ni daripada duk belah dalam yang kena duk buat nyah enap tiap-tiap dua tahun sekali ni kita buat Jeti kita tu keluar pi di luar ,dia pun nampak cantik daripada luar apa semua tu dan kita tidak ada lagi masalah nyah enap setiap 2 tahun sekali dan ia tetap kekal di Kuala Kedah dan tak pi Kuala Jerlun.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Saya bersetuju, cuma perlu ke Kuala Jerlun lah. Kita perbanyakkan jeti, Kuala Kedah pun dah tepu dah, kita perbanyakkan jeti itu lagi baik, pilihan untuk rakyat untuk pilih yang mana yang memberikan perkhidmatan yang terbaik, InsyaAllah ada saingan di situ. Terima kasih YB. Anak Bukit....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Ayer Hitam ada tanah di Kuala Jerlun tu?

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Tak dak! Tak dak! Tapi kalau setuju nak buat tu kita boleh beli sikit-sikit kot tu kan sebagai persediaan....

YB. DATO' SPEAKER

Ada 2 minit lagi!



YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Seterusnya saya ingin menyentuh tentang Pelan Bangunan Kedah 2035 seperti disebutkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dalam muka surat 6. Kajian yang dijalankan dalam masa terdekat ini terhadap tempoh 3 tahun perjalananny, saya harap memberikan impak yang baik lah InsyaAllah, jika ada kekurangan kita betulkan kita tambahkan jika ada kebaikan kita teruskan perkara itu. Cuma saya berharaplah pihak-pihak yang berkepentingan ini terutamanya di peringkat daerah untuk menyediakan satu pelan, pelan bangunan peringkat daerah masing-masing. Terima kasih dan tahniah kepada DO saya lah, DO Kubang Pasu yang telah memulakan dan merangka Pelan Pembangunan Daerah Kubang Pasu 2035 yang juga dia menjemput kami sebagai rakyat dan juga pihak-pihak berkepentingan di Daerah Kubang Pasu untuk memberikan input-input yang perlu untuk dimasukkan dalam Pelan Bangunan itu. Dengan itu kita rasa Pelan Pembangunan Kedah 2035 akan lebih berjaya untuk dilaksanakan di mana peringkat bawah membuat perancangan menepati ataupun menuruti dasar ataupun perancangan di peringkat negeri. Saya yakin yang lain pun akan ada, InsyaAllah merupakan satu tindakan yang elok, yang baik untuk kita menjayakan Kedah 2035 supaya kita dapat merealisasikan hasrat kita meletakkan Negeri Kedah sebagai negeri maju setanding negeri-negeri lain di Malaysia ini.

Sikit lagi YB. Dato' Speaker berkenaan dengan tempat sayalah. Terima kasih kepada pihak SADA melalui BDB yang telah mula melaksanakan pakej "Skim Pida" iaitu memasang paip-paip yang besar jugalah yang panjang, sekarang dah korek dan pasang, siap dah. Ada Pida 3 Tunjang sehingga Pida 3 Manggol Bongor, InsyaAllah akan diteruskan lagi dari Pida 3 Tunjang ke Pida 3 sebelah Sungai Korok, untuk melengkapkan Skim Pida dengan itu pakej LRA Pelubang yang dijadualkan siap pada tahun hadapan, jika ada perubahan sedikit sebanyak mungkin sedikit sebanyak ada perubahan anjakan daripada tarikh itu akan mengatasi masalah tekanan air rendah di kawasan Kubang Pasu, Jerlun dan juga kawasan saya, Ayer Hitam. Dengan itu InsyaAllah rakyat yang selama ini dan sekarang musim panas ini memang agak sedikit kritikal, di mana setiap hari adalah rakyat yang telefon kita tolong sampaikan kepada SADA untuk mereka hantar air ke rumah. Jangka panjang kita dah buat, jangka pendek kita harap pihak SADA dapat menangani masalah ini dengan lebih berhemah dan dapat menyantuni rakyat yang berkehendakkan air dihantar ke rumah bila keputusan dan sebagainya supaya mereka dapat hidup dengan lebih ceria lebih-lebih lagi menjelang bulan Ramadhan dan Syawal yang akan datang merupakan kemuncak ramai yang balik kampung untuk berhari raya di mana keperluan semakin meningkat.



Terima kasih, saya mohon untuk menyokong penuh ucapan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada Pembukaan Sidang DUN pagi semalam. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam.

*Atap genting si atap bertam,
Minum kopi bersama bertih,
Selepas ucapan ADUN Ayer Hitam,
Dijemput pula ADUN Kota Sipteh.*

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Sedap! Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Bismillahirrahmanirrahim, Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala muala asyrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uqdatan millisani yafkhohu khauli. Terima kasih kerana membenarkan Kota Sipteh untuk berbahas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah pada Sidang DUN pada kali ini. Saya memulakan perbahasan saya pada kali ini dengan mengambil ucapan titah Tuanku. Tuanku ada menyebut tentang peri pentingnya keharmonian hubungan di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Ini agar fokus kerajaan terhadap penyelesaian isu dan permasalahan rakyat tidak terjejas. Kiita lihat Perdana Menteri kita pada kali ini sangat menekankan tentang Malaysia Madani, Masyarakat Madani.

Jadi, saya nak bawa ucapan titah Tuanku ini dalam isu pendidikan kerana isu pendidikan ni sangat penting untuk membentuk peribadi mulia di kalangan kanak-kanak, pelajar-pelajar kita. Merekalah yang akan mencorakkan masa depan negara terutama apabila kita menyahut seruan Perdana Menteri untuk menuntut sebuah Negara Madani yang kita cita-citakan. Matlamat Malaysia Madani adalah untuk merubah Malaysia menjadi sebuah negara yang mampan, sejahtera, berdaya cipta, saling menghormati serta bersikap ehsan berdasarkan keyakinan antara satu sama lain. Tentunya ianya bermula dengan pendidikan awal kanak-kanak di bangku sekolah lagi untuk memahami kehendak Perdana Menteri kita dan peranan yang perlu dilaksanakan oleh pihak KPM, JPN, PPD, guru-guru, PIBG dan pelajar-pelajar. Apa yang membimbangkan kita semasa Pilihan raya Parlimen baru-baru ini, kita dapati pengundi muda terpengaruh dengan hasutan fitnah di dalam media sosial malah kita dapati ada penglibatan sebahagian guru yang menghasut anak murid sehingga timbul kepada "kalau undi Pakatan Harapan nanti kamu



kena pakai 'skirt', isu perkauman, isu masuk neraka dan banyak lagi isu-isu fitnah yang sepatutnya tidak berlaku di dalam dunia pendidikan dan dalam minda anak-anak kita. Sepatutnya mereka ini perlu dididik dengan sifat "rahmah", kasih sayang sesama insan yang berlainan agama dan bangsa bukan membenci bangsa yang lain yang tidak seagama dengan kita, saling menghormati, fahami sistem Demokrasi Berpelembagaan negara mereka, perlu diberi kephahaman yang jelas tentang pilihan raya dan lain-lain yang berkaitan, bukan dengan budaya fitnah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Boleh YB. Kota Siputeh? YB. Dato' Speaker, iaitu berkenaan dengan sikap anak-anak muda yang YB. Kota Siputeh sebutkan tadi iaitu tidak menyokong kepada pihak pembangkang dan sebagainya. Saya merasakan bahawa bukan ada hasutan daripada sesiapa kerana kita ingat lagi waktu dahulu, waktu anak muda menyokong PH, semua nak minta supaya anak muda ni mengundi, tiba-tiba anak muda mengubah dan mengalih kita pula menyalahkan pihak lain pula. Sebenarnya ini adalah rakyat lebih faham, rakyat lebih tahu. Apa pandangan YB. Kota Siputeh sebenarnya semua ini terletak kepada rakyat, rakyat tahu siapa yang "hoi ya hoi" sebenarnya.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Kota Siputeh, boleh mencelah sikit?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Habis masa saya sat gi. Kena tambah lagi.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Kota Siputeh. YB. Dato' Speaker, kita ni bahas titah ucapan Tuanku berkisarkan tentang negeri Kedah tetapi cerita tentang pilihan raya ni pasal apa? Saya rasa dah lari daripada tajuk dia dah YB. Dato' Speaker.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Dato' Speaker, sebab perkara ini beredar di media sosial kan, banyak perkara yang bukan-bukan, fitnah dan kita nak sebuah masyarakat yang kita inginkan, sebuah masyarakat Madani sebagaimana yang dikehendaki oleh Perdana Menteri kita, jadi saya fokus kepada pendidikan.



Pendidikan daripada peringkat awal kanak-kanak, sekolah rendah, sekolah menengah dan IPT. Mereka inilah yang akan membentuk masyarakat kita, saya nak sebutkan peranan guru dan saya bagi contoh apa yang berlaku baru-baru ini dan benda-benda ini berlegar di media sosial ia tak boleh tolak perkara itu. Jadi, pentingnya peranan guru ini, kita berharap perkara ini tidak berlaku untuk pilihan raya- pilihan raya seterusnya PRN yang akan datang. Perlunya guru-guru ini diberi kursus profesionalisme dan juga anak-anak murid pula diberikan kem bina insan untuk pelajar-pelajar ini memahami yang kita nak bentuk Masyarakat Madani tu bagaimana yang kita inginkan. Jadi, apakah cadangan pelaksanaan yang akan diambil oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan pendidikan ini daripada pihak kerajaan sendiri untuk mencapai hasrat Perdana Menteri kita untuk menjadikan Malaysia ni sebagai sebuah Negara Madani.

Seterusnya saya masuk kepada isu pekerjaan dan juga pendidikan. Kita tahu bahawa kita sedang membangunkan pelbagai industri di Negeri Kedah ini dan peluang-peluang pekerjaan yang banyak. Pada tahun 2021 sahaja terdapat 12,733 pekerjaan yang belum lagi diisi yang berkaitan dengan pelaburan RM66.2 bilion. Belum lagi termasuk dengan projek-projek berimpak tinggi di bawah kerajaan negeri seperti KRC, KXP, SBEZ dan lain-lain dan jumlah keseluruhannya hampir 80,000 peluang pekerjaan yang perlu diisi untuk tahun-tahun yang akan datang.

Diharapkan peluang-peluang pekerjaan ini diisi oleh anak-anak Kedah itu sendiri, setiap tahun hampir 30,000 pelajar kita yang menduduki peperiksaan SPM dan mereka sebahagiannya akan keluar melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi kemahiran, peringkat yang lebih tinggi. Jadi, mereka inilah yang kita harapkan untuk mengisi peluang-peluang pekerjaan ini. Jadi, saya mencadangkan supaya ada kerjasama di antara JPN dengan pihak industri untuk mengenal pasti keperluan bidang-bidang pekerjaan tertentu yang perlu dipelajari oleh anak-anak kita yang berkaitan dengan keperluan industri dan diberi galakan kepada mereka untuk mengambil pengajian ini, menyambung pengajian yang berkaitan dengan industri industri daripada mereka sekolah menengah lagi supaya bila mereka keluar nanti mereka boleh mengisi peluang-peluang pekerjaan tersebut. Diharapkan pusat pengajian perkaitan TVET menjadi pilihan anak-anak kita serta dibantu oleh kerajaan terutama anak-anak yang daripada golongan B40 untuk membolehkan mereka dapat mengisi peluang-peluang pekerjaan yang berkaitan.

YB. Dato' Speaker, seterusnya saya pergi kepada keciciran pelajar. Saya masukkan isu pelajar yang tidak ke sekolah, banyak ya pelajar yang tidak dapat ke sekolah. Masalah pengenalan diri, masalah tidak ada surat beranak, ramai yang tidak dapat belajar tidak boleh masuk sekolah.



Jadi, apakah penyelesaian daripada pihak kerajaan dan keciciran pelajar juga banyak sekolah yang menghadapi masalah pelajar yang tidak pergi ke sekolah, ada yang bekerja, memilih untuk bekerja sebelum habis mereka mengambil peperiksaan SPM. Walaupun pihak sekolah mengambil pendekatan ziarah cakna, turun dari rumah ke rumah tapi masalah masih ini masih berlarutan. Jadi mungkin pihak sekolah menghadapi pelbagai kekangan masa, kewangan, tenaga kerja dan lain-lain.

Jadi, apa cadangan pihak kerajaan lah untuk berhadapan dengan masalah ini supaya tiada pelajar yang tercicir daripada pendidikan di sekolah kita di Kedah ini. Mereka perlu belajar sekurang-kurangnya sehingga ke peringkat mendapat Sijil Pelajaran Malaysia. Saya mencadangkan supaya pihak kerajaan memperuntukkan peruntukan yang mencukupi untuk membantu pihak sekolah berhadapan dengan pelajar-pelajar yang tercicir daripada pendidikan di sekolah dan melibatkan semua sekolah di Negeri Kedah. Kita boleh tengok data lah, data keciciran pelajar kita, kita boleh dapatkan senarai ini daripada JPN, Data Keciciran Pelajar di Negeri Kedah itu sendiri. Saya mencadangkan juga pihak institusi Pengajian Tinggi untuk turut memainkan peranan dengan membantu pihak sekolah dengan bekerjasama dengan pihak institusi Pengajian Tinggi untuk turun ziarah rumah ke rumah untuk mendekati ibu bapa yang berhadapan dengan pelbagai masalah hidup dalam mendidik anak-anak mereka. Saya juga ingin tahu sejauh manakah peranan yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam program Komitmen Kedah Mendidik Pelajar Sukses (KOMPaS). Berapa sekolah yang terlibat? Berapa pelajar yang telah disantuni dan adakah kejayaan yang dicapai melalui program ini? Pihak NGO juga perlu berperanan untuk membantu pihak sekolah tapi peruntukan kewangan perlu diberikan kepada pihak NGO ini untuk mereka bergerak menyantuni masyarakat, untuk kita hadapan dengan masalah keciciran pelajaran ini supaya perkara ini tidak berlaku untuk tahun-tahun yang seterusnya supaya kita boleh mengurangkan masalah keciciran pelajar ini.

YB. Dato' Speaker, saya masuk kepada isu wanita dan kanak-kanak. Ucapan Tuanku ada menyebut, "kesejahteraan rakyat adalah matlamat utama sesebuah kerajaan dan Tuanku sentiasa cakna dengan pelbagai isu di media sosial". Antaranya adalah isu eksploitasi ke atas wanita dan kanak-kanak terutamanya dalam konteks perkahwinan dan rumahtangga. Dalam Malaysiakini 22 Julai 2022 ada disebut, Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) mengakui Kedah telah mengambil langkah tepat menaikkan umur sah untuk berkahwin bagi orang Islam daripada umur 16 ke 18 tahun melalui pindaan terhadap Enakmen Keluarga Islam Negeri. Dalam isu ini, kehamilan awal dan melahirkan anak boleh membawa kepada risiko kesihatan yang serius dan keganasan rumah tangga serta eksploitasi seksual lebih berkemungkinan terjadi dalam perkahwinan awal kanak-kanak.



Kita mengharapkan data perceraian yang berlaku di Kedah ni dapat dikurangkan sekiranya ada kaitan dengan perkahwinan di bawah umur ini selepas enakmen ini diluluskan. Mengikut statistik kadar perceraian di Kedah pada bulan Mac 2020 hingga Ogos 2021, Kedah berada di tempat kedua tertinggi di Malaysia iaitu lebih kurang 5,985 kes, ini menunjukkan kadar perceraian yang sangat tinggi. Pada tahun 2022, ada sedikit penurunan iaitu 3,873 kes perceraian. Antara punca utama yang dikenal pasti adalah tiada persefahaman antara pasangan, faktor kewangan, gagal menunaikan tanggungjawab memberi nafkah, pasangan curang, campur keluarga, terdapat juga faktor keganasan, penderaan fizikal, emosi dan perkahwinan awal kanak-kanak.

Saya mencadangkan supaya pelajar sekolah menengah lagi diberikan silibus khas yang berkaitan dengan kehidupan berumahtangga supaya mereka ini benar-benar faham tanggungjawab kehidupan dalam alam rumahtangga sebelum mereka merancang untuk berkahwin apabila keluar daripada alam persekolahan nanti. Kursus-kursus dan seminar yang berkaitan dengan rumahtangga, kehidupan suami isteri perlu sentiasa diadakan dan diperbanyakkan terutama kepada penjawat awam, tempat-tempat mereka bekerja, di kilang-kilang kerana kebahagiaan rumahtangga akan melahirkan anak-anak yang berjaya dalam hidup mereka dan ini penting untuk mencapai hasrat Perdana Menteri kita untuk membentuk sebuah Negara Madani. Keperluan kepada sebuah rumahtangga bahagia amat-amat diperlukan, daripada sebuah keluarga yang bahagia inilah yang akan melahirkan individu-individu yang akan membina sebuah Negara Madani yang kita impikan.

YB. Dato' Speaker, saya masuk kepada isu rumah mampu milik. Masih banyak lagi rakyat Kedah terutama anak-anak muda yang baru berkahwin belum memiliki rumah sendiri dan kerajaan kena fikirkanlah untuk mengadakan rumah-rumah kos rendah ni bagi setiap Parlimen, sekurang-kurangnya dapat membantu mereka ini memiliki rumah sendiri sebab dalam sebuah rumah tu ada yang tinggal beberapa keluarga kerana tiada kemampuan untuk memiliki rumah sendiri, terpaksa menumpang dengan keluarga. Jadi, apakah cadangan kerajaan dalam perkara ini bagi mengatasi masalah ini untuk membantu anak-anak muda kita yang baru mendirikan rumahtangga supaya mereka juga dapat memiliki rumah sendiri? Di kawasan saya sendiri, DUN Kota Siputeh juga memerlukan rumah mampu milik ini. Diharapkan pihak kerajaan dapat membantu untuk buat satu program Perumahan Rakyat PPR rumah mampu milik di Kota Siputeh daripada mereka sewa rumah baiklah mereka beli dan bayar setiap bulan akhirnya akan menjadi milik mereka sendiri.



Isu penoreh getah. Pada musim kemarau ni ramai di antara penoreh yang tidak dapat menoreh kerana pokok tidak dapat mengeluarkan susu kerana kekurangan air, daun kering, luruh dan ini memberi kesan kepada penoreh, kehilangan sumber pendapatan mereka bukan sahaja di musim tengkujuh tetapi juga di musim kemarau ini. Pada waktu ini juga mereka sebenarnya perlu dibantu dan baru-baru ini kerajaan ada memberi “Beras Sejahtera” jadi sempatlah saya bantu penoreh getah dalam 100 keluarga dengan 100 bungkusan beras dan barang runcit yang diberikan. Setakat itu sajalah, katanya nak bagi selama 6 bulan tetapi tidak sambung. Jadi, soalan saya, kenapakah sumbangan yang janjikan oleh pihak kerajaan ini tiba-tiba dihentikan? Kalau boleh saya nak bantu lagi lah penoreh-penoreh getah ini.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Kota Siputeh, minta laluan sikit. YB. Speaker, terima kasih. Kadang-kadang YB. Kota Siputeh selalu diberitahu keadilan, keadilan dalam peruntukan kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Kalau di Parlimen disebut oleh Ahli Parlimen Kuala Kedah kalau tak silap saya dan juga Parlimen Jerlun berkenaan dengan keadilan dan juga peruntukan di peringkat Persekutuan mesti sama rata di antara pembangkang dan juga kerajaan. Tapi saya tanya, adakah di Negeri Kedah macam tu yang kita tahu bahawa Negeri Kedah RM200 ribu kepada pihak kerajaan hanya RM50 ribu kepada pihak pembangkang, begitu juga Beras Sejahtera, sebulan saja 5 bulan lagi pakai “lup” belaka. Saya nak tanya YB. Kota Siputeh, tolong beri penjelasan sedikit.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Haa... tu kita tengok keadilan di mana? Sepatutnya pemberian tu mestilah pihak ADUN Pembangkang pun dapat ADUN Kerajaan pun dapat. Bukanlah sebelah ADUN Kerajaan sahaja, nak Kerajaan Persekutuan bagi kepada kita tetapi kita sendiri pun tak nak bagi kepada ADUN Pembangkang. Jadi, fikir-fikirkanlah ya.

YB. DATO' SPEAKER

Banyak lagi ka YB. Kota Siputeh?



YB. DR. SALMEE BINTI SAID

YB. Dato' Speaker, saya masuk ke kawasan saya... surat ni program bantuan Beras Sejahtera Negeri Kedah Darul Aman kepada ADUN Pembangkang, kata nak bagi sampai 6 bulan kan, tapi tulah memanglah kita semua dapat surat ini tapi tiba-tiba dihentikan. Jadi kita mohonlah jawapan. Masalah di Kota Siputeh, biasalah masalah jalan, banyak sebab di situ kawasan pida. Saya mengharapkan jalan tar baru lah, bagi jalan Pida 4 Lama pula sebab sebelum ni buat masjid baru jadi tidak dibaiki jalan tersebut tapi sekarang masjid tu dah siap, kita harap jalan tar baru di jalan Pida 4 Lama sebab jalan tu dah sangat teruk. Begitu juga dengan Jalan Kuala Kerpan teruk juga, berlopak dan baru-baru ni saya bantu dengan bagi beberapa lori tanah untuk tampung lopak-lopak di situ sebab berlaku kes kemalangan motor eksiden. Jadi, diharapkan pihak kerajaan dapat membantu.

Tentang jalan-jalan yang rosak teruk ni kita dapati tidak ada peruntukan daripada pihak kerajaan untuk bantu buat sementara bagi selesaikan masalah tampung jalan-jalan yang rosak ni dengan batu-batu kerikil, batu-batu reput ka supaya kita nak mengelakkan daripada berlaku kemalangan. Kita nak ambil peruntukan daripada RM50 ribu tu pun tak dapat, tidak disenaraikan untuk beli batu-batu kasaran untuk tutup lubang-lubang yang berlopak ini, kita terpaksa keluarkan duit sendiri untuk tampung jalan-jalan yang berlopak ini. Mohonlah pihak kerajaan untuk mengambil maklum tentang perkara ini supaya ada peruntukan untuk beli batu-batu sementara nak dapat tar kos tinggi dan lambat. Kadang-kadang penduduk terpaksa keluar duit sendiri untuk tampung jalan-jalan yang berlopak ini, kadang-kadang sampai beribu-ribu, jadi tak mampulah sebenarnya. Ini untuk makluman kerajaan bagaimana cara untuk memudahkan peruntukan diberikan kepada ADUN-ADUN untuk berhadapan dengan masalah ini.

Masalah air, biasalah di kawasan-kawasan yang tinggi di kawasan-kawasan pida, Kampung Guar Batu Hitam, dah lama sebenarnya, tak ada air, bila waktu tengah malam baru datang, kadang-kadang tengah malam sampai ke pagi pun tak dak, ada rumah tu sampai dah bertahun dah tak dak, di Kampung Guar Batu Hitam. Tetapi aduan diajukan kepada pihak SADA tapi tidak ada jalan penyelesaian. Jadi, kita haraplah ada jalan penyelesaian daripada YB. Exco.....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Speaker duk ketuk ni..



YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Duk cari jugak, ingat siapa dia. Penyelesaian jangka pendek dan jangka panjang bagaimana untuk berhadapan dengan masalah yang ni, kesianlah dengan rakyat di bawah.

Kemudian tentang gerai peniaga. Saya juga ingin bertanya tentang gerai peniaga di mana kerajaan pada Sidang yang lalu pernah menyebut tentang nak bina gerai kepada peniaga-peniaga di tepi jalan ni. Jadi saya nak tahu lah, sudah berapa tempat yang telah dibuat gerai-gerai ini untuk peniaga-peniaga kecil ni untuk meniaga di tepi jalan. Saya juga memohon supaya ada juga peruntukanlah untuk bina kedai-kedai di tepi jalan di Kota Siputeh.

YB. DATO' SPEAKER

Sekian, terima kasih!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Akhir sekali patik dengan ini menyokong dan menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan pada Sidang kali ini. Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Walaikumsalam. Silakan YB. Anak Bukit. Hat ni janganlah lama sangat....

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Dak aih! Dak aih! Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah solatu wassalamu ala rasulillah. Terima kasih YB. Dato' Speaker seterusnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan dan semua yang mengikuti lah Sidang DUN kita kali ini. Terima kasih kerana saya juga diberi peluang untuk turut berbahas bagi menyokong usul menjunjung kasih atas titah Tuanku pada Perasmian Persidangan Dewan kali ini dan saya duk 'go through' titah ucapan Tuanku tu memang saaangat banyak 'point' pada kali ini, bukan nak 'habaq' nak minta panjang, dak! Point sangat banyak mungkin Tuanku pun dah 2 tahun tak mai ke Dewan, tahun 3 mai 'pedqaih' banyak pointlah yang ada. Ya, semuanya sangat 'relevent'.



Saya juga dalam kesempatan ini Wallahu'alam, mungkin setelah 22 tahun duduk dalam Dewan ni mungkin juga yang ni perbahasan titah ucapan yang terakhir ka apa ka kan? Ia sangat-sangat sentimental lah, sangat sentimental kerana di Dewan yang mulia kita ni di Kedah ni, saya mula masuk pun Dewan ni dah, awal sikitlah daripada Sungai Tiang. Jadi, cara kita di Negeri Kedah ni memang sedikit berbeza daripada negeri lain. Ya, kita berbahas, kita ada benda yang kita bangkitkan yang kita tak setuju apa tapi, decorum kita tu saya rasa di Kedah ni sangat-sangat kita jaga dan hormati.

Semoga InsyaAllah apa yang kita bangkitkan itu yang pentingnya kita dapat ketengahkan point yang kita nak bawa itu dan diberi perhatian oleh pihak kerajaan untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi memberi manfaat kepada suruh rakyat Kedah.

YB. Dato' Speaker, saya mulanya nak nak pilih point yang ketiga yang saya catat yang Tuanku titah iaitu tentang pemberimilikan tanah dan TOL yang rakan saya daripada Jitra juga sentuh. Ia lah, kalau saya bangkit ni nak tanya pasal pemilikan tanah atau TOL ni ingat rasanya tau dah kut nak tanya hat mana, apa perkembangannya iaitu di Wang Tepus lah. Alhamdulillah katanya dah ada cara macam mana untuk benda tu diselesaikan, dulunya adalah merupakan 'reserve' Padang Ragut katanya nak bagi kepada KEDA dulu dan kemudian KEDA akan uruskan. Apa-apa pun, pohon jawapan dan setakat ni proses tu sampai tang mana dah? Kesian dekat orang kampung kita ni, itulah tanah "sekangkang kera" yang depa nak dapat pun bukan besaq teqa mana YB. Dato' Speaker dan bila diberikan depa pun kena bayar premium dan selepas itu kerajaan negeri pun boleh kutip cukai tanah berulang. 'It's a win-win situation' untuk semua orang. Kemudian saya nak sentuh tentang pembangunan DELAPAN SBEZ, saya dengar Tuanku bertitah semalam, saya ingat apadia ni, rupa-rupanya ooo.... ada signifikan di sebalik "LAPAN" itu yang dikatakan merupakan Kota Darul Qiyam itu diasaskan di atas 8 paksi dan sebagainya. Maka nak tukar nama daripada Kota Perdana kita tukar kepada DELAPAN SBEZ.

Yang saya nak tanya ni bukan hat di SBEZ tetapi yang dimajukan oleh pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah iaitu KSTP Halal Hub dan Logistics Centre iaitu Fasa 1A kalau tak silap saya yang telah pun disiapkan yang menempatkan 34 lot SME dan 30 lot industri. Jadi, saya nak tanya apa perkembangannya di dalam hal ini dari segi membawa masuk pelabur ke situ dan sebagainya sebab kalau kita tengok sejarah kawasan industri di Bukit Kayu Hitam ni, hat ada sebelum ni yang pernah ada dulu dipanggil Pana Homes ka apa yang pernah berada di situ kebanyakannya "bungkus" dan yang mengambil tempat tu ialah pemain-pemain logistik yang berada di situ.



Ya, kalau dinamakan KSTP Halal Hub dan Logistics Centre, syarikat logistics ni mungkin DELAPAN SBEZ ataupun SBEZ ni memang dah pun memainkan peranan itu. Jadi, bagi KSTP Fasa 1 yang dimajukan oleh PKNK ini industri yang seumpama mana disebut Halal Hub jadi industri yang seumpama mana. Sebab kalau kita tengok di Sungai Petani pun PKNK sebelum pernah memajukan kawasan dipanggil Halal Park yang suatu ketika nampak macam nak ok, kemudian tak taulah saya rasa tak seberapa mana. Jadi, mohon penjelasan bagaimana KSTP Halal Hub ini akan dapat dengan 30 lot industri dan 30 lot SME ini akan dapat dimajukan dengan sebaik mungkin. Dan kita harap Hartalega lepas ni lega lah kut bila permintaan kepada 'glove' di situ semakin meningkat.

Tapi yang kita nak tekankan adalah data centre dan internet 'exchange' itu, harap-harap dapat kita 'push' untuk segera dimajukan dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat Kedah yang berada di situ. Kemudian tentang KHTP. Alhamdulillah permintaan semakin baik dan kebanyakannya kalau disebutkan FDI yang masuk RM13.1 billion pada 2022, manufacturing saja daripada RM13.1 bilion itu adalah RM12 bilion yang kita jangka majoritinya adalah di Kulim Hi-Tech Park. Kawasan yang nak ditambah ini adakah kita boleh sebab kita duk nampak macam kita duk ambil "module of four hundred to five hundred acres" dan kita tahu semakin kita tambah tu harga hat kemudian tu koi duk naik. Jadi, kalau dapat dibuat unjuran yang lebih panjang dan mungkin dapat kita buat pengambilan dengan harga yang jauh lebih rendah dan bila dipasarkan kemudian margin untuk pemaju iaitu KTPC akan menjadi lebih baik dan bukan saja itu maknanya kita sudah tersedia dengan kawasan yang dapat kita bawa masuk dan seterusnya sudah tentulah yang selalu kita duk bincang dan YB. Guar Chempedak pun selalu duk sebut benda ni, ya lah, kita nak pastikan kita nak "go one step further" nak pastikan bahawa biarlah anak-anak Kedah yang dapat mengisikan pekerjaan yang memberikan pulangan yang sangat baik ini di Kulim itu dengan kita mengadakan usahasama dengan apa IPT, IPTA dan sebagainya untuk mengisi mereka itu di tempat tersebut.

Kemudian, juga sikitlah saya pun rasa nak sebut jugalah tentang KXP ini. Saya ingat ini salah satu projek yang saya rasa unik, saya rasa 36 orang ADUN hak duk ada dalam Dewan ini saya rasa semuanya guna istilah dah 'menyerit' terpacak menyokong projek ini kerana ia dimulakan ketika hat sebelah saya jadi Menteri Besar, saya jadi Ketua Pembangkang, kemudian diteruskan apabila Dato' Bashah ambil alih, kemudian sambung balik dengan ADUN Jitra jadi Menteri Besar, kemudian sambung balik apabila YAB. Jeneri jadi Menteri Besar. Maknanya kita semua sepakat di sini bahawa projek ini sememangnya "an economic game changer" bagi Negeri Kedah.



Dan kita nampak sebenarnya tak berlaku pun maknanya usaha untuk nak kita berlawan dengan International Airport Bayan Lepas kerana hak ni dia lebih kepada logistik dan juga MRO dan kita tahu bahawa kita Malaysia ni kita pernah berada di 'tier one' untuk MRO ni suatu ketika sebelum adalah masalah sikit yang dia 'melorot' turun tapi kita memerlukan infrastruktur yang contohnya lapangan terbang yang nak buat MRO ni dia nak kena membolehkan kapal terbang yang kapasiti besar boleh turun, dia nak kena ada kawasan parkir yang luas, yang sewa dia tak berapa mahal pasal bila buat MRO ni memang dia mai letak kereta kita pun kalau buat 'overhaul' kurang sikit dari 'overhaul' orang Kedah panggil "grandbal (grind-valve)". Kalau 'overhaul' ni memang ambil masa lama, tambah-tambah kapal terbang. Jadi, dia nak parkir di situ mestilah tempat itu tak berapa mahal.

Contohnya kalau ada di Singapura mereka antara kawasan MRO yang cekap tetapi masih ada orang duk pertimbang lagi pasal dia punya sewaan dia tu mahal, jadi kita perlukan benda-benda yang macam tu dan kita nampak KXP sekiranya ia berlaku akan menjadi suatu yang dapat memenuhi perkara ini. Subang yang ketika ini merupakan pusat MRO kita yang ada kriteria-kriteria yang kita sebutkan tadi tapi 'position' Subang tu pun dia sangat terhad dah, tak boleh nak "expand" lagi dah. Jadi, kalau berlakulah KXP ini dan kita mohonlah sepertimana dititahkan oleh Tuanku supaya Kerajaan Pusat memberi pertimbangan semula terhadap perkara ini kerana ia adalah suatu yang kita nak bawa bukan saja untuk Negeri Kedah tetapi menjadikan ia sebagai 'aviation hub' untuk MRO bagi kawasan sini yang MIDA pun di dalam kajian dia meletakkan bahawa kita nak ambil 'fifty percent' daripada kerja-kerja MRO untuk rantau Asia ini supaya datang ke Malaysia dan dia punya 'spin off' tu YB. Dato' Speaker, tak palah kena sebut sikit takut dia boleh bagi masa lebih sikit.

YB. Dato' Speaker, bila ada spin off dia yang lain tu ialah ia akan ada contohnya beberapa syarikat Malaysia, Sapura dan yang lain kalau kita pergi ke Subang tu, ini adalah syarikat-syarikat yang 'support' dan kita ada syarikat-syarikat bumiputera, Nadicorp contohnya yang juga dalam bidang ini, MIAT sebuah universiti di bawah UniKL juga sangat spesifik di dalam bidang ini dan ini semua akan dapat memberi sokongan ke arah mewujudkan sebuah MRO yang akan menjadi di kawasan ini.

YB. Dato' Speaker, saya nak beralih kepada apa juga yang telah dititahkan oleh Tuanku iaitu tentang pelancongan Tanah Besar Kedah. Saya baca jawapan kepada soalan yang saya tanya dan sebagainya, kita rasa kita perlu lebih agresiflah untuk 'promote' pelancongan di Tanah Besar Kedah ni. Saya ingat produk kita tak kurang, banyak maksudnya, tetapi kita perlu 'package in such a way'. Macam ni lah YB. Dato' Speaker, contoh macam kita selalu duk sebut River Cruise ni, Melaka punya River Cruise ni "with all due respect" kat kawan-kawan kita di Melaka "they have done a good job".



Kalau River Cruise di Melaka tu waktu siang tu kita bayar kalau tak silap RM15 River Cruise tu, saya ingat sudah habis River Cruise tu kita menyumpah tak kira lah pasal tak dak apa. Ya lah, lalu kut Sungai tu lah, habis kuat dia akan sebut tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kalau kita bernasib baik kita akan melihat di sini adanya sepasang biawak. Biawak? Saya jogging waktu pagi, bukan jogging, 'brisk walk' orang tua-tua ni, saya dapat rakam bukan sepasang, saya ingat 4 atau 5 ekor, kebetulan depa 'cross' dan berenang apa semua duk ada dalam kamera ni, tak dak apa tapi depa boleh buat waktu malam lah orang pi situ waktu malam, Kampung Morten itu yang dinyalakan lampu apa semua boleh menarik pelancong. Dan Melaka ni, ni orang yang duk dalam negeri Melaka sendiri kata, "depa sangat 'fedup' bila 'weekend' sebab depa sendiri akan terperangkap dalam trafik yang sangat teruk.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Anak Bukit, tak apa saya bagi masa tapi berhenti tepat pukul 4.00 sat gi.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ya! Ya! 4.00 jam saya atau 4.00 jam yang tu? Ingat jam saya, kalau jam saya ada lagi 10 minit. Kita nak kena buat bagi..... saya pun tak tahulah, saya bukan nak kata hangat hati, tapi tak berapa nak seronok, contohnya di Gunung Keriang tu, Kompleks Gunung Keriang tu, kalau kita pi di Selangor, kampung di belakang Batu Caves, Batu Caves di depan, dia di belakang tu, 'weekend' ni YB. Dato' Speaker pelancong luar negara, tempatan duk pi 'abseiling, rock climbing' apa semua ni dan saya tengok dari segi cantik, elok apa semua, jauh lebih elok hat kita di Gunung Keriang ini. Tapi kita ada cubalah buat dulu lift zaman saya ingat Ng Yen Yen menjadi Menteri Pelancongan dulu. Lift pun naik elok apa semua sampai 'sut' orang Kedah kata, sampai la ni masih tak boleh diguna tapi katanya ada usahalah sedang dilihat untuk nak baiki dan sebagainya.

Saya ingat di situ kita boleh bawa cara hidup orang Kedah ni dan dipamerkan kepada orang ramai dari segi 'a day in the life of paddy planter', ha... cakap orang putih sikit (dengan izin). Kita dah ada dah Keriang Hill Resort di situ, kita ada muzium dah depan tu dan di dalam Keriang Hill Resort tu sendiri YB. Dato' Speaker, ada kawasan yang memang dibiarkan sebagai bendang. Maknanya pelancong yang mai 'this is a real homestay' duduk di situ dia boleh merasai tanam padi pakai kuku kambing apalah semua ni boleh kita buat belaka dan ada penduduk berdekatan di kampung besar dekat situ yang buat di rumah dia yang kemudiannya dia boleh bawa daripada France daripada apa semua ni untuk menikmati cara hidup orang kampung dan sebagainya.



Jadi kita boleh buat 'abseiling' di situ, kita boleh buat 'rock climbing'. Jadi, saya ingat sangat banyak aktiviti-aktiviti yang boleh kita buat di situ cumanya kita perlu satu master plan, saya tengok Majlis Bandaraya Alor Setar pun katanya ada master plan, saya pun nak duduk nak tengoklah dengan apa Datuk Bandar kut-kut ia melibatkan semua ataupun hanya kawasan rekreasi dalam tu sahaja. Ok baik, terima kasih.

Jadi YB. Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasihlah banyak-banyak walaupun ada perkara-perkara lain lagi yang perlu nak disebutkan di sini tetapi masa tidak mengizinkan. Jadi, saya mengucapkan terima kasihlah kepada YB. Dato' Speaker yang telah memerikan ruang dan juga terima kasih kepada semua rakan-rakan dalam sesi ini dapat kita duduk bersama berbahas dengan satu niat dan tujuan kita untuk membawa Kedah ke suatu tahap yang jauh lebih baik yang bukan sahaja dari segi ekonomi kerana nak duduk di suatu tempat tu bukan hanya ekonomi itu sahaja walaupun ia penting tetapi maknanya kesejahteraan kita itu akan lebih dapat kita rasai apabila kita berada dalam suasana masyarakat yang penyayang, saling tolong-menolong, toleransi dalam perkara-perkara yang dibenarkan dan sebagainya dan ini akan menyebabkan bahawa Kedah ini akan menjadi suatu tempat untuk orang datang menikmati keadaan persekitarannya dan ia juga akan dapat menjadi suatu tempat bagi 2.2 juta rakyat Kedah merasai kebahagiaan berada di sini. Jadi saya turut menyokong usul menjunjung kasih di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumsalam. Berasa sebak pula dengan nada YB. Anak Bukit berucap ni, jadi saya pun tak tahu nak komen lah. Saya menjemput YB. Bukit Lada!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Rasulil Amin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in. Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, YAB. Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, serta pegawai-pegawai kerajaan, tuan-tuan yang dirahmati Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Alhamdulillah, saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala pada petang ini dapat bersama-sama membahas titah ucapan Tuanku yang menyebutkan tentang kepuasan hati dengan pentadbiran di bawah kepimpinan YAB. Jeneri dan kepuasan ini bukanlah dizahirkan dengan ucapan sahaja bahkan kerjasama daripada semua pihak walaupun ada di sana yang menyatakan bahawa yang ditegurkan oleh YAB. Jeneri tadi bahawa



ucapan teks ini dibuat oleh pegawai kerajaan tetapi yang berucap itu bukan pegawai kerajaan, yang berucap itu adalah Tuanku sendiri yang berucap dan ucapan itu atas kesedaran Tuanku sendiri bahawa itulah ucapan yang diungkapkan untuk menggambarkan kegembiraan apabila pentadbiran itu ditadbir dan dipimpin oleh pemimpin yang memberi keuntungan kepada rakyat. Apa yang disebutkan oleh Tuanku sendiri iaitu berkenaan dengan beberapa perkara yang menjadi kegembiraannya ialah pelaburan-pelaburan yang masuk ke dalam Negeri Kedah bermula daripada dulu 2021, 2022, RM68.3 bilion, kemudian RM13.1 bilion. Ini menunjukkan bahawa kesungguhan untuk mencari kewangan untuk membawa, memajukan Negeri Kedah. Sebenarnya kejayaan ini adalah kejayaan daripada pihak kita sebagai wakil rakyat dan pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerajaan kemudian daripada pegawai-pegawai kerajaan yang bertungkus-lumus memberikan komitmen untuk membawa pelaburan dan sebagainya.

Begitulah juga kerjasama daripada “payung kuning” daripada pihak Sultan dan sebagainya. Daripada tiga inilah yang menyebabkan kita membawa kepada kejayaan. Saya nak sebutkan kepada kita semua bahawa kejayaan adalah hasil daripada kerjasama kita semua. Bagi kami di peringkat Pokok Sena kita bekerjasama dengan semua pihak termasuklah yang paling baik yang kita bekerjasama ialah dengan pihak pegawai pejabat daerah, dengan DO, daripada semua agensi-agensi. Kalau berlaku bencana maka kita akan bagi kerjasama dengan Zakat, kerjasama dengan JKM.

Baru-baru ini ada 4 buah rumah yang terbakar, maka kita bincang macam mana nak selesaikan isu rumah yang terbakar. Alhamdulillah bincang-bincang, pihak MBAS bagitau ada yang mereka boleh bantu, JKM boleh bantu, maka Alhamdulillah kita boleh bantu. Jadi, saya pun hairan jugalah di peringkat sahabat-sahabat kita di sebelah sana yang menyatakan bahawa mereka terpaksa guna duit sendiri. Tak perlu, kita tak perlu guna duit kita, kita sebutkan saja, walaupun saya pernah jadi pembangkang, kita pernah jadi pembangkang dan kita pergi ‘hemoi’ jumpa DO bincang supaya kita tak perlu guna duit kita, kerajaan nak bantu semua rakyat. Jadi lebih baik kita jumpa dan kita bincang macam mana DO kami di satu tempat ada satu, bulan 11 lagi ada satu rumah bulan 11 lagi kena dan perlukan kos sampai RM20 ribu lebih, bincang macam mana nak selesaikan isu rumah ni dan Alhamdulillah kita dah bawa perkara ini kepada YB. Dato’ Pegawai Kewangan, tunggu dia lulus sajalah. Dia dengar kut no? Dari bulan 11 lagi rumah tu, kawan tu duduk dalam keadaan hujan. Jadi, InsyaAllah saya rasa dah pun lulus dah sebab BQ sudah pun diberikan kepada Pejabat Kewangan Negeri.



Kemudian saya nak sebutkan juga ingin mengucapkan terima kasih atas kerjasama yang baik, Alhamdulillah Pokok Sena ni 2009 sampai hari ini 2022 baru dapat dewan, Alhamdulillah baru dapat masuk dewan dan InsyaAllah kalau ada pilihan raya yang akan datang mungkin akan diguna dewan itu, kata DO. Alhamdulillah, 2009 jadi daerah, 2022 baru dapat dewan. Tiap-tiap tahun kalau ada Sidang kita akan sebut dan saya pun jumpa dengan pihak polis, pihak bomba, jadi mereka pun sebut kepada saya supaya mereka kalau boleh 'upgrade' bomba ni depa gred D lagi, kalau boleh 'upgrade' jadi gred C, pegawai boleh ramai sebab Pokok Sena ni dia besar, bukan kecil no, Bukit Lada tu adalah Pokok Sena sebenarnya, tinggal sikit saja di bawah Bukit Pinang, yang lain semua adalah di bawah Bukit Lada. Nama sajalah Bukit Lada tapi sebenarnya satu Pokok Sena itu dan penduduknya 60,000 dah, polis ada 13 orang. Saya jumpa Ketua Balai baru ni dan dia bukan daerah lagi, Ketua Balai saja. Jadi, kalau boleh 'upgrade'lah. Bayangkan nak jumpa orang 60,000 hat dadah sana, hat dadah sini, Ketua Balai tu pening kepala, 13 orang yang ada pegawai Balai Polis Pokok Sena.

Yang seterusnya iaitu berkenaan dengan krisis air, SADA. Saya sangat baik dengan SADA dan saya akan telefon dan kami Pokok Sena ni antara kawasan yang ada masalah. Ada beberapa kawasan yang daripada dulu lagi memang tak ada air, di Kuala Lanjut, Gulau, ni kawasan yang memang tak ada air dan kita pun jumpa, bincang dengan pihak SADA yang pentingnya pihak SADA kena hantar air. Saya habaq derang orang kampung, "hampa kalau depa tak hantaq air hampa habaq". Alhamdulillah, paling kurang dua hari sekali pihak SADA hantar air, hantar air pergi ke rumah sebab masalah dia ialah masalah lama, bukan masalah baru. Kalau hampa tukar kerajaan manapun duk teqa tulah LRA tak siap, sampai bila pun takkan siap. Jangan main isulah kata kalau mai PRU ni ooo..... nak bawa keluar isu kata kerajaan lemah, air tak dak. Kalau siapa naik pun lepas ni mesti air tak dak. Nu, bagi contoh sampai India jatuh kerajaan la apa semua kan?

Sebenarnya isu lama dan pihak SADA mengambil tindakan. Bagi kami, kami saya masakan bawa kerja yang dilakukan oleh pihak SADA siang malam tak tidur, yang sebelah sana kira duk hentam SADA saja. Saya tau geng-geng SADA lori ni, tahun ni saja 5, 6 juta bayar duit lori saja, duit lori hantar air dan mereka memang hantar air di tempat-tempat kami ada dua, tiga tempat iaitu di Empa. Di Empa, Alhamdulillah bila saya adukan kepada mereka ada berapa kampung yang tak ada air, depa kata, "tak pa ustaz, kami akan pi pasang 2 biji 'vave' berserta dengan 2 kotak 'chamber heavy duty'. Saya pun tak tengok menatang apa pun tak taulah.



Jadi, depa kata depa akan buat dan Alhamdulillah depa dah pi buat dan depa dah pasang. Di Kuala Lanjut di kawasan Tobiar ini iaitu mereka akan membina rumah pam di Tobiar yang menyebabkan boleh di kawasan Gulau dan kawasan-kawasan Kuala Lanjut yang tak ada air ni. Lepas tu depa tanya, “bila ustaz?” Kita pun tanya, tanya-tanya dia kata 7 haribulan 5 baru siap, hampa jenuh tunggu. 7 haribulan 5 baru nak siap rumah pam tu, jadi dari la ni sampai bulan 5 tu memang kena tunggu air SADA lah hantar air, jadi yang itulah yang kita harap. Saya ucap terima kasih kepada pihak saja yang siang malam bantu rakyat di kawasan saya dan di seluruh kawasan untuk berikan air kepada rakyat kita. Kalau kita nak main isu politik pakat-pakat boleh main semua.

Kemudian, yang seterusnya iaitu berkenaan dengan bantuan “Beras Sejahtera”. Bantuan Beras Sejahtera Alhamdulillah, saya tengok ada jawapan yang diberikan iaitu hampir RM3.03 juta yang turun kepada 59,400 yang mendapat bantuan Beras Sejahtera. Daripada RM100 kerajaan naik beri RM150 kerajaan naik pula jadi RM200. Saya tiap-tiap minggu hari Rabu saya akan turun di setiap cawangan, di Bukit Lada kita ada 103 kampung, setiap minggu kita turun kita beri 50, 50, 50 pek yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada rakyat. Alhamdulillah, kita turun dan berikan bantuan tersebut dan begitulah juga dengan saya nak sebut tentang Khairat Kematian.

Saya ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang memberikan bantuan RM3 juta pada tahun lepas tapi kami sedihlah, bulan 10 habis dah, orang mati ramai. Dulu bagi RM300, la ni bagi RM500, orang orang pakat seronok, dapat RM500. Jadi, menyebabkan bulan 10 habis RM3 juta tu. Saya harap YB. Dato’ Pegawai Kewangan boleh tambah lagilah supaya kami ni bila orang mai mintak daripada bulan 1 sampai bulan 3 ni tak dapat lagi duit. Yang puak-puak tu kata, “hang sembang kemaih, duit mana duit Khairat Kematian?” Haa... Jenuh! Harap YB. Dato boleh bagi segerakan, kalau boleh macam Beras Sejahtera tiap-tiap bulan tu berjalan sebab bagi kami di Bukit Lada ni sebulan lebih kurang 40 orang akan meninggal. Ya! Dia punya purata dia purata dia sebulan 40 orang maknanya sebulan 20,000 purata kematian. Kalau dulu kurang sikit, mungkin pasal covid dan sebagainya, wallahu’alam.

Kemudian berkenaan dengan.....Habis dah ka? Habis dah ka?

YB. DATO’ SPEAKER

2 minit lagi. Nu ada seorang lagi duk tunggu tu!



YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Allahuakbar! Saya nak sebut banyak juga ni.

YB. DATO' SPEAKER

Sebut yang terakhir!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Seterusnya sikit saja! Sikit saja iaitu satulah kalau boleh iaitu berkenaan dengan satu sifat yang saya lihat dalam Sidang DUN pada kali ini nampak Ketua Pembangkang yang baru ni lain sikit cara ucapan dia, jadi Alhamdulillah cara-cara ucapan. Saya tulis apa yang dia sebut tu dia sebut dia kata, RM1.8 bilion isu air, kemudian dapat RM700 juta hasil daripada kerjasama yang baik di anantara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Semua, saya tengok YB.-YB. daripada peringkat Madani ini semua cakap tajuk yang sama, kerjasama yang baik. Jadi, saya mengharapkan kerjasama yang baik ini iaitu atas dasar keKedahan ataupun 'ansobiah' orang Kedah.

Saya mengharapkan kerjasama ini walaupun duduk di peringkat pembangkang dan sebagainya di sebelah sana, jadi bila isu Kedah kita kena naik angin tu bagi kita orang Kedah tak kira orang kerajaan ka hang pembangkang. Bila sebut KXP saja semua kita ni kena setuju dan Alhamdulillah, Ketua Pembangkang kata, "kami setuju". Betul kan? Ketua Pembangkang sebut tadi, saya tulis ni, kalau dia kata dak, dia nafi sat gi. Begitu juga dengan YB. Jitra, semuanya menyebut tentang perkara ini dan saya mengharapkan sifat keKedahan ini perlu ada kepada kita untuk semangat apa yang memberikan keuntungan kepada Kedah kita kena tengok. Kemudian iaitu berkenaan dengan KXP tadi ni, kalau boleh semua kita setuju dan kalau boleh ada resolusi daripada kita semua setuju supaya KXP ini diteruskan dan minta pihak Kerajaan Madani ini akan membantu kita.

Seterusnya, tuntutan. Tuntutan kita berkenaan dengan pajakan Pulau Pinang. Bukan isu kita perkauman atau isu apa, dak! Dak! Kita orang Kedah bila orang sebut pajak, orang pajak bendang kita, bukan benang dia, hang pajak bendang aku saja. Haa...nampak dak? Bila sebut pajak tu maksud dia kita ni milik cuma kita bagi dia pajak saja. Kalaulah ada apa-apa bukti dan sebagainya yang boleh kita bincang untuk kita nak ambil balik ka, kalau tak ambil balik pun hang bayarlah lebih sikit.



Mana ada orang bagi RM10,000, pajak bendang pun orang tak pernah bagi RM10,000 aih 10 relong. Itu 10 relong, ni negeri kaya, nampak macam dia bukan pajak lagi negeri kita bahkan dia sudah menjadi pemilik. Pelik lah tuan-tuan. Sebenarnya saya nak ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang berani menyebut perkara ini dan InsyaAllah kalau tak setahun, 10 tahun mungkin bila-bila dan kita harap ia akan menjadi kenyataan. Sekarang ini kita tuntutan RM100 juta dulu kalau boleh bagi kepada kita. Terima kasih, banyak lagi nak bercakap ni, dan saya menjunjung kasih ucapan titah Tuanku Sultan. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam. YB. Sungai Tiang, silakan dan kita akan berhenti ukul 4.33 petang.

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Bismillahirrahmanirrahim, segala puji bagi Allah tuhan Yang Maha Esa Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad s.a.w utusan Allah yang membawa kasih sayang bagi setiap umat manusia. Terima kasih YB. Dato' Speaker, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. YB. Dato' Speaker, saya ingin memulakan ucapan perbahasan saya dengan menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah atas kesudian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku berangkat untuk bertitah di Istiadat Pembukaan Penggal Keenam Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 Tahun 2023. Titah nasihat serta keprihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku terhadap kesejahteraan ekonomi dan rakyat Negeri Kedah amatlah dihargai oleh rakyat. Sesungguhnya rakyat keseluruhannya menyanjung tinggi keprihatinan Kebawah Duli Tuanku.

YB. Dato' Speaker, saya tertarik dengan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku berkenaan harapan yang tinggi diletakkan terhadap Kerajaan Negeri Kedah dalam usaha melaksanakan projek berimpak tinggi di bawah agenda Pelan Pembangunan Kedah 2035. Begitu banyak projek berimpak tinggi termasuklah Delapan SBEZ, Kota Perdana SBEZ, Hab Logistik Darat, Bukit Kayu Hitam, Kedah Rubber City yang kesemuanya akhirnya akan memerlukan peningkatan permintaan terhadap bekalan air dan tenaga di tempat yang strategik berikutan ketibaan pelaburan asing untuk melabur di kesemua tempat-tempat seperti KHTP, SBEZ, KXP, Kedah Rubber City dan sebagainya. Akan tetapi mengikut perkhabaran yang menyedihkan adalah antara kadar kemajuan pembinaan dan naik taraf projek Loji Rawatan Air Sungai Limau dan Loji Rawatan Air Bukit Selambau.



Kalau diikutkan rekod Bukit Selambau 9.98% dan Sungai Limau 7.41%, sepatutnya kedua-dua ini melangkaui 20% dan kalau dibandingkan dengan satu loji yang lain yang menaik taraf sahaja adalah 50%. Ini sangat rendah dan berhubung perkara tersebut dikesempatan ini saya ingin mendapatkan kepastian tentang kadar kemajuan projek sebenar pembinaan dan naik taraf Loji Rawatan Air yang masih perlahan ini. Saya juga ingin mendapat kepastian adakah kemajuan pembinaan dan loji naik taraf rawatan air tersebut adalah disebabkan keterbatasan kemampuan Syarikat Widad yang telah mendapat sebegitu banyak projek di dalam Negeri Kedah? Ini kerana seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa selain daripada projek LRA Bukit Selambau dan LRA Sungai Limau, saya juga diberitahu bahawa Syarikat Widad dikurniakan Projek Langkasuka RM40 bilion yang juga terbaru Syarikat Widad juga melalui anak syarikat telah dianugerahkan sebuah projek penukaran paip enap di bawah program LRA yang mencecah RM1 bilion.

YB. Dato' Speaker, saya ingin menjelaskan bahawa kekusaran ini bukanlah terhadap Syarikat Widad, akan tetapi apabila melihat kembali kepada prestasi kadar kemajuan projek yang terlalu perlahan seperti LRA Bukit Selambau, LRA Sungai Limau menampakkan kerisauan itu benarlah belaka. Saya ingin mendapatkan jawapan daripada pihak Kerajaan Negeri Kedah, adakah kadar kemajuan pembinaan Loji Rawatan Air yang perlahan ini disebabkan oleh kerana terlalu banyak projek yang telah dipertanggungjawabkan kepada Widad.

Bukan itu sahaja, malah juga difahamkan bahawa projek pertukaran air paip di bawah program air tanpa hasil ataupun NRW sedang menderita akan masalah yang sama iaitu kadar kemajuan yang sangat perlahan. Projek NRW yang dijadualkan bermula 20 Januari 2023 masih belum dapat diukur secara jelas kadar kemajuannya walaupun telah masuk operasi bulan yang ketiga. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan jawapan daripada pihak kerajaan secara terperinci tentang kadar kemajuan projek NRW di bawah SADA ini.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin merujuk satu teori, "jangan meletakkan semua telur di dalam satu bakul". Mungkin dalam situasi ini lebih tepat jika kita sebut jangan kita letakkan terlalu banyak projek kepada satu syarikat. Tambahan pula ianya adalah projek-projek yang kritikal berkaitan dengan perbekalan air terawat. Jika syarikat Widad mengalami masalah, pastinya ia akan merisikokan seluruh pelan pembangunan aset air Negeri Kedah yang melibatkan pengguna domestik dan juga industri dan juga pelaburan-pelaburan yang akan datang.



Bagaimanapun, saya berharap pihak Kerajaan Negeri Kedah dapat mencari jalan penyelesaian bagi merungkaikan permasalahan ini secepat mungkin bagi memenuhi keperluan industri dan rakyat Negeri Kedah sehingga tahun 2040. Kalau disebutkan mengenai banyak kelewatan LRA ataupun projek-projek ini mungkin disebut mengenai pengambilan tanah yang lambat mungkin dengan kemajuan e-10 ataupun kejayaan e-10 kita boleh kembangkan seperti e-10 dalam program-program ataupun projek-projek kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Mungkin dinamakan e-4, maksudnya untuk empat bulan sahaja untuk disesuaikan pengambilan-pengambilan tanah. Saya kira kerajaan negeri perlu mengambil langkah proaktif untuk mempercepatkan proses-proses pengambilan tanah di Negeri Kedah.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menjunjung titah nasihat serta keprihatinan Kebawah Duli Tuanku terhadap aspek pembangunan industri padi di Kedah. Negeri Kedah mempunyai peranan yang penting dalam memastikan bekalan beras negara mencukupi serta mengurangkan kadar kebergantungan negara terhadap import beras luar. Sehubungan itu, saya ingin mendapatkan kepastian daripada kerajaan negeri tentang sejauh manakah kadar kemajuan kajian berkenaan cadangan penanaman padi 5 kali dalam 2 tahun sebagaimana yang disebut oleh kerajaan negeri. Sidang Dewan dan Ahli Yang Berhormat sekalian telah dimaklumkan sebelum ini bahawa sebuah lawatan ke Vietnam telah dilakukan pada tahun lepas bagi melihat sendiri teknik penanaman padi 3 kali setahun yang dilakukan di negara terbabit. Selain itu, kita juga telah dimaklumkan tentang usaha baik kerajaan negeri dalam memulakan tanaman padi 5 kali dalam tempoh 2 tahun pada musim penanaman November atau Disember 2022 yang melibatkan keluasan sebanyak 1,240 hentar sawah, projek rintis di bawah MADA.

Saya juga ingin mendapat maklum tentang adakah sudah dikenal pasti varien benih padi tertentu yang dikatakan dapat dituai dalam masa 100 hari yang telah dipilih untuk dibuat kajian. Apakah pihak kerajaan telah mengenal pasti secara spesifik jenis dan saiz infrastruktur yang perlu dinaik taraf dan teknologi IOT (artificial intelligence) yang tertentu dipilih dalam projek rintis tersebut. YB. Dato' Speaker, bagi tujuan menambahkan kadar pengeluaran beras, Negeri Kedah tidak mempunyai pilihan untuk memperbesarkan kawasan penanaman padi melainkan melalui penerokaan kaedah penanaman baru dan penggunaan teknologi yang lebih moden. Selain daripada kita mahu memastikan jaminan keselamatan makanan negara, jika pengeluaran padi dapat ditingkatkan hasilnya lumayan kita juga berharap ianya dapat menarik penyertaan golongan muda Negeri Kedah untuk berkecimpung dalam sektor pertanian serta membantu petani sedia ada meningkatkan padi.



YB. Dato' Speaker, selain itu saya ingin mendapat kepastian tentang adakah kajian sudah dilakukan terhadap ketiga-tiga empangan sama ada mampu atau tidak untuk terus menyalurkan air sekiranya padi hendak ditanam sebanyak 5 kali dalam tempoh 2 tahun tersebut. Berkaitan dengan perbincangan tentang bekalan air sumber air mentah yang hendak diproses untuk kegunaan domestik dan juga pertanian, saya juga ingin mendapat maklumat terperinci tentang projek skim pemindahan air Jeniang ataupun Jeniang Transfer sama ada ia masih dalam radar bajet yang sedang diluluskan di Parlimen. Setahu saya, Jeniang Transfer tersebut hanya akan diberi pertimbangan sekiranya geran-geran ataupun tanah-tanah kerajaan itu tidak diberi milik kepada mereka yang memohon di kawasan tersebut.

Tetapi baru-baru ini Yang Amat Berhormat Janeri telah meluluskan dan mengeluarkan geran-geran hakmilik kepada pemilik-pemilik yang memohon dana. Saya kira ini merupakan satu perkara yang perlu dirujuk kembali kepada Kerajaan Persekutuan untuk memastikan Skim Jeniang Transfer Fasa 2 dapat kita teruskan. Kalau tidak Fasa 1 akan jadi satu projek RM1,001 juta gajah putih terbesar di Negeri Kedah lah, ia akan duduk satu struktur tanpa apa-apa dapat digunakan struktur tersebut. Bekalan air Jeniang Transfer mengairi selatan kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda seluas 39,000 hektar melalui terusan sepanjang 19.8 km. Projek ini sangat kritikal kerana kajian Sumber Air National Water Resources 2005 hingga 2050 merumuskan kawasan utara Semenanjung Malaysia akan mengalami kekurangan air ketara menjelang 2050 dan penduduk-penduduk yang akan menghadapi air kritikal ini berada di Bukit Raya semuanya di dalam kawasan Pendang.

Selain daripada menyebutkan mengenai padi saya ingin menyebut apa yang disebut oleh YB. Sungai Limau mengenai tuntutan kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan kerana kita menanam ataupun menyimpan kawasan padi sebanyak 130,000 hektar dan perkiraan kita, kita tidak majukan tanah-tanah tersebut dan Kerajaan Persekutuan perlu membayar ganti rugi kerana kita tidak majukan tanah-tanah tersebut.

Yang saya tahu, Kerajaan Persekutuan tidak mahu menimbangkan, kalau itulah cara perkiraan kita sebab tanah-tanah tersebut ialah tanah-tanah individu yang sebenarnya individu-individu sendiri tidak disekat pun untuk memajukan tanah mereka. Kalau mereka mohon, kerajaan terpaksa beri, sebab itu mereka punya. MADA walaupun dia tulis tidak disokong, Majlis Tindakan akan terus sokong, 'ignore' saja ataupun biarkan saja MADA yang tidak menyokong pembangunan dibuat di tanah-tanah kawasan bendang ini. Perkara yang perlu diambil pengikirafan ataupun pengiraan adalah berapa Kerajaan Persekutuan jimat sebab kita tanam padi 130,000 hektar itu.



Betul tak? Berapa Kerajaan Persekutuan tidak perlu import sebab rakyat Kedah tanam padi di Negeri Kedah, itu perkiraan sebenar. Bukan perkiraan kalau kita buat kawasan industri di kawasan 130,000 hektar, kita dapat teks yang lebih tinggi, teks itu kita letakkan kepada Kerajaan Persekutuan, memang tidak akan dapat kelulusan sampai bila-bila. Ia mesti berdasarkan kepada apa yang ddilepaskan oleh Kerajaan Persekutuan kerana memberi sesuatu kepada kerajaan negeri. Perkiraan tersebut masih belum dapat dicapai kerana belum dapat pun jumlah macam mana kita boleh buat perkiraan tersebut untuk dapatkan jumlah yang sesuai daripada Kerajaan Persekutuan dan saya kira ia bukan sesuatu yang akan ditolak 'hundred percent', ia boleh dibincangkan. Perkara yang kedua adalah berapa banyak hutan yang kita simpan kerana kita buat takungan air, itu adalah 'carbon credit' yang perlu diambil kira dalam perkiraan bersama dengan kawasan-kawasan. Saya ingat tahun lepas, tahun ini ada dalam 'carbon credit' yang diberikan walaupun tidak banyak dan tidak mengikut perkiraan yang diberikan.

YB. Dato' Speaker, saya menyanjung tinggi titah ucapan dan saya amat bangga lah kerajaan negeri telah meluluskan Akta Keluarga dan Kanak-Kanak yang meningkatkan umur seorang wanita daripada 16 tahun ke 18 tahun. Kelulusan tersebut merupakan kelulusan oleh negeri yang kedua di dalam negara selepas Selangor dan kemudiannya Kedah dan ini merupakan satu pengiktirafan kepada semua wanita-wanita muda kerana diberikan sedikit halangan untuk mereka mudah berkahwin pada usia yang begitu muda. Tetapi pada masa yang sama kerajaan negeri perlu juga melihat mengenai satu lagi isu yang sangat penting dalam membina satu masyarakat yang sihat.

Dari tahun 2017 hingga tahun 2022 terdapat 304 kes jenayah seksual kepada kanak-kanak dan kebanyakan kes-kes ini masih belum dapat diselesaikan di mahkamah-mahkamah kerana berlaku begitu banyak 'postponement' (dengan izin) dan mahkamah di Kedah tidak ada pun mahkamah yang bersesuaian untuk kanak-kanak saksi, kanak-kanak yang didera ataupun yang menjadi 'victim' ini tidak ada bilik mahkamah yang bersesuaian. Jadi, kita memohon kepada kerajaan negeri untuk memohon kepada Kerajaan Persekutuan untuk dibina satu mahkamah kanak-kanak yang memungkinkan testimoni kanak-kanak ini diberikan 'in camera' dan digunakan sebagai saksi dan juga digunakan oleh mahkamah sebagai 'evidence'. Kita belum ada, sekarang ini kalau kanak-kanak itu berumur 10 tahun dia perlu berikan testimoni tersebut 'openly', maksudnya kita semua boleh dengar apa yang sedang diperlakukan oleh dia ataupun pernah diperlakukan kepada seorang kanak-kanak. Jadi, ini yang melambatkan kes-kes dan saya mohon kerajaan negeri untuk memohon secara spesifik kerana ada peruntukan yang agak besar untuk pembinaan mahkamah-mahkamah khas kepada kanak-kanak ini. Selain daripada itu saya ingat kita telah bercakap mengenainya..... (YB. Dato' Speaker mencelah).



YB. DATO' SPEAKER

YB. Sungai Tiang, semua orang duk tengok jam dah!

YB. DATO' SURAYA BINTI YAACOB

Habis dah? Tapi ada cerita lebih menarik selepas ini (sambil ketawa). Sikit lagi! Sikit lagi! Saya ingin menyeru kepada kerajaan negeri untuk mempertimbangkan proses mengenai menentu sah perkahwinan-perkahwinan di sempadan. Kalau didengar, saya pun tak tahu sama ada tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-ahli Yang Berhormat pernah mempunyai adik, keluarga yang terpaksa bernikah di sempadan, sama ada mereka mengetahui akibat daripada perkahwinan tersebut dan kemudian ingin mengesahkan perkahwinan tersebut kerana ia melalui proses yang sangat rumit dan sangat susah. Kalau pun ia didenda beribu-ribu ringgit saya rasa duit tu bukan masalahnya. Masalahnya proses yang sangat susah yang kemudiannya akan melibatkan anak-anak yang tidak sah taraf kewarganegaraannya.

Jadi dalam pertikaian kita, saya mohonlah selama ini sama ada ia diberikan satu 'education' kepada orang umum perkahwinan itu mudah, pendaftarannya agak susah, ataupun diberikan cara untuk kita mendaftarkan. Kita tolak orang Bukit Malut, kita tengok orang-orang di Tanah Besar ini dulu, saya rasa kita bercakap begitu lama tapi tidak dapat melaksanakan cara untuk mengesahkan anak-anak ini supaya mereka dapat bersekolah dan kemudiannya masuk ke universiti dengan baik tanpa membebankan rakyat dan juga negara pada akhirnya.

Selain daripada itu, saya masuk ke kawasan saya adalah mengenai Kedah 2035, saya menyanjung tinggi program Kedah 2035 tetapi pada masa yang sama dalam Kedah 2035 ini meletakkan Pendang Keusahawanan. Jadi, saya tak berapa nak nampak KPI apa, KPI usahawan yang bertambah ka? Saya ingat selepas ini dalam proses memperhalusi Kedah dan kejayaan 2035 ini kita lihat kembali apa yang ingin kita isikan, berapa bajet diberikan, kalau keusahawanan mungkin bagi lebih peruntukan untuk rumah-rumah kedai, saya tak nampak kriteria nak diletakkan di dalam mencapai keusahawanan di dalam satu Daerah Pendang lah. Saya tak tahu apa lagi nak cakap, tak pa lah, dah jadi kelam kabut dah. YB. Dato' Speaker, saya dengan ini menyokong titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, terima kasih.



YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya tangguhkan mesyuarat pada hari ini sehingga pukul 9 besok. Sekian, terima kasih.

[Dewan ditangguhkan pada jam 4.33 minit petang]



[Sidang Dewan pada 14 Mac 2023 – Hari Ketiga Persidangan]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Dewan disambung semula. Kita mulakan dengan bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN – DOA

YB. DATO' SPEAKER

Saya mendapat maklum daripada YB. Sungai Tiang yang beliau tidak hadir pada hari ini kerana ada urusan di Selatan Malaysia. Yang lain saya tak dapat makluman. Urusan seterusnya

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya.

I. SAMBUNGAN KEPADA PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan kepada pertanyaan-pertanyaan mulut.

Kita mulakan dengan pantun juga lah.

*Tuanku bertitah makan kuih lama,
Jangan dilupakan makan buah nam nam,
Kelmarin berhenti soalan nombor lima,
Pagi ini kita mula soalan keenam.*

Dipersilakan! Kalau boleh dimulakan dengan pantun lagi baik.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Allah! Lupa dah YB. Dato' Speaker. YB. Dato' Speaker, mohon menjawab soalan nombor 6.



**6. YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA
[ADUN KUALA KETIL]**

Kerajaan Negeri telah mengetengahkan pelaksanaan Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi industri tanaman padi.

Pohon dinyatakan:-

- a) Jumlah keluasan kawasan yang terlibat dengan SMART SBB.
- b) Jumlah pendapatan hasil sekarang berbanding sebelum SMART SBB.
- c) Permasalahan yang berlaku.
- d) Penentangan dari beberapa NGO sebelum ini.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Dato' Speaker, buah kulim buah nam nam, ini jawapan saya nombor 6.

YB. DATO' SPEAKER

Bagus! Bagus!

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Kerajaan Negeri telah mengetengahkan pelaksanaan Smart Sawah Berskala Besar (SMART SBB) bagi industri penanaman padi. Jawapan bagi a, jumlah keluasan kawasan yang terlibat dengan SMART SBB. Agensi yang terlibat Lembaga Zakat Negeri Kedah, luas 185 hektar, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda MADA Kawasan Mada 166.49 hektar. Jumlah keseluruhan sehingga hari ini 351.9 hektar.

Jumlah hasil bagi pelaksanaan sebelum dan selepas projek adalah seperti berikut, Syarikat Peneraju Bernas - Projek di SMART SBB Tok Jering, purata hasil sebelum projek 95.48, jumlah pendapatan 8,548.80 selepas projek SMART SBB purata hasil selepas 6.02 metrik tan, jumlah pendapatan 9,391 dan peratus peningkatan ialah 9.9%.



Syarikat Peneraju Bernas di SMART SBB Selarong Batang, purata sebelum 4.28 hektar per tan. Purata selepas 4.57 tan. Peratus peningkatan 6.8%. SMART SBB Bukit Besar juga Syarikat Peneraju Bernas, purata sebelum projek 4.23 selepas projek 4.90 peningkatan 15.8%. Syarikat peneraju kedua Advansia Sdn. Bhd. SMART SBB Sungai Baru tengah, purata hasil sebelum 5.50 tan per hektar dan SMART SBB Tempayan Pecah 5.40 jadi, selepas projek sebab projek ini baru bermula pada musim 2 tahun 2022.

Yang ketiga, syarikat peneraju Lembaga Zakat Negeri Kedah, SMART SBB Asnaf Padang Lumat Yan, purata hasil sebelum projek tiada data kerana tanah sebelum ini disewakan kepada pelbagai individu, tapi selepas projek purata hasil 5.44 dan jumlah pendapatan RM8,486.

Isu dan kekangan yang berlaku dalam pelaksanaan program SMART SBB adalah seperti berikut iaitu yang pertama kurang sambutan daripada pesawah, Cadangan penyelesaian memperbanyakkan hebahan berkenaan projek kepada pesawah bagi menarik penyertaan pesawah. Syarikat peneraju juga hendaklah menawarkan pakej-pakej menarik yang akan memberikan kelebihan ataupun situasi menang-menang di kalangan pihak yang terlibat.

Yang kedua, kurang keyakinan bersawah ke atas penglibatan syarikat swasta, menonjolkan pencapaian kisah-kisah kejayaan bagi projek yang telah dilaksanakan. Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) juga boleh menawarkan diri sebagai salah satu syarikat peneraju memandangkan kelebihan sebagai organisasi peladang yang hampir dan lebih memahami keperluan pesawah.

Kekangan yang ketiga kekurangan tanah bagi meluaskan projek SMART SBB. Cadangan penyelesaian mengadakan perjumpaan serta melakukan rundingan bersama pemilik-pemilik tanah sawah yang terbiar antaranya di Daerah Sik sebagai salah satu projek rintis bagi mengambil alih tanah-tanah tersebut dan dibangunkan sebagai tapak padi organik untuk manfaat asnaf tempatan dalam satu eko-sistem SMART SBB yang sama. Penentangan daripada beberapa NGO sebelum ini iaitu kumpulan berkepentingan telah bertemu dengan Lembaga Zakat Negeri Kedah bagi memohon penjelasan sebelum ini dan cadangan penyelesaian telah pun mendapat jawapan serta taklimat yang menyeluruh daripada pihak Lembaga Zakat termasuk pembentangan berkaitan Smart SBB ini kepada 27 orang Pengerusi Pertubuhan Peladang PPK Mada seluruh Negeri Kedah pada 20 Februari 2022 dan juga kepada semua Ahli Majlis Daerah Yan pada 27 Oktober 2022. Melakukan rundingan bersama penyewa-penyewa tanah sawah dan tapak rumah milik Lembaga Zakat Negeri Kedah sebelum ini untuk mereka menyerahkan semula tanah tanah yang disewa bagi tujuan pelaksanaan SMART SBB ini.



Yang ketiganya, sekiranya penyewa tersebut tergolong dalam kategori asnaf fakir dan miskin setelah dibuat proses penilaian maka pihak Lembaga Zakat menawarkan untuk mereka didaftarkan sebagai peserta SMART SBB Lembaga Zakat.

Yang keempat bagi penyewa tanah sawah yang bukan di dalam kategori fakir dan miskin pihak Lembaga Zakat telah berunding supaya mereka menyerahkan semula semua tanah yang disewa kepada Lembaga Zakat dalam satu tempoh notis yang sesuai. Dengan penyerahan ini para penyewa tersebut juga telah mendapat pengecualian dari membayar sewa untuk musim terakhir iaitu percuma kepada Lembaga Zakat. Perubahan status tanah ataupun tanah milik pesawah akan dibuat oleh syarikat peneraju.

Ini antara perkara dibangkitkan oleh NGO. Konsep sebenar pelaksanaan program ini tidak melibatkan perubahan hak milik sebaliknya hanya melibatkan penyatuan pengurusan tanah secara perladangan kontrak dengan menyerahkan pengurusan tanah kepada syarikat peneraju untuk diusahakan dan boleh turut melibatkan diri sebagai operator bagi aktiviti-aktiviti penanaman padi. Terima kasih Dato' Speaker.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Dato' Speaker seperti mana yang dititahkan oleh Tuanku Sultan pada 12hb baru ini, usaha seperti yang dijalankan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam memperkenalkan kaedah pertanian padi berskala besar boleh diperluaskan ke kawasan-kawasan lain.

Soalan tambahan saya YB. Lunas, adakah SBB ini dirancang untuk ke kawasan-kawasan luar skim yang mungkin berada di kawasan Baling, Sungai Petani mungkin di Kuala Muda untuk diperluaskan skim tersebut.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Terima kasih YB. Kuala Ketil. YB Dato' Speaker, seperti yang saya sebut tadi memang syarikat-syarikat peneraju memilih kawasan-kawasan yang mempunyai sistem pengairan yang lengkap dan cekap tapi macam saya sebut tadi telah pun dibuat perjumpaan serta melakukan rundingan bersama pemilik-pemilik tanah sawah yang terbiar antaranya di Daerah Sik sebagai salah satu projek rintis bagi mengambil alih tanah-tanah tersebut dan dibangunkan sebagai tapak padi organik untuk manfaat asnaf tempatan dalam suatu ekosistem SMART SBB yang sama.



Jadi, memang kawasan parcel padi di Kawasan Muda ada 80 ribu hektar, kawasan bertanam dan ini juga adalah satu kawasan yang menjadi tumpuan syarikat peneraju. Syarikat-syarikat peneraju sentiasa memainkan peranan untuk berjumpa dengan pihak petani bagi menjelaskan konsep sebenar. Memang ada tentangan, sebelum ni daripada NGO dan sebagainya, mungkin mereka tidak faham dan sebagainya.

Alhamdulillah daripada kerajaan yang lalu yang memperkenalkan SMART SBB kerajaan yang ada pada hari ini Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan berjanji projek ini akan diteruskan dan seperti yang diminta oleh Kuala Ketil tadi supaya juga diperluaskan di kawasan Luar Mada bermakna luar skim, usaha-usaha itu juga akan dijalankan sebab sudah tentu syarikat-syarikat Melayu ni akan memilih kawasan-kawasan yang mempunyai skim pengairan yang lebih baik supaya hasil yang nak didapati itu lebih baik bila diusahakan secara penyatuan tanah SMART SBB ini akan lebih baik.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan tambahan Dato' Speaker. Ada dua Yang Berhormat Lunas. Yang pertama berkait dengan syarikat peneraju tadi, beberapa syarikat peneraju sebagai 'pioneer', saya cadang supaya cadangan yang diberi tadi itu PPK untuk diberi peranan yang lebih besar untuk menjadi syarikat peneraju kerana merekalah orang yang secara langsung direct berada di lapangan utama.

Yang kedua, SMART SBB ini bertujuan untuk meningkatkan hasil tetapi ada mekanisme dan kaedah lain selain SMART SBB ini adalah dengan cara tidak ada modal pun iaitu menjadualkan secara ikut jadual, contohnya baja disampaikan pada jadual yang betul, racun. Jadi, saya kira jadual ini sangat penting sebab sekarang apabila jadual yang tidak sampai pada waktu yang diperlukan, racun contohnya, masa diperlukan racun rumput tak sampai, baja masa baja kacang yang diperlukan itu patut sampai tak sampai. Inilah apabila saya turun di Dun saya, mereka kata hari ini dia faham konsep apa yang disebut pertanian itu sebahagian daripada perniagaan. Rupa-rupanya contoh baja kacang tadi apabila sampai dah lewat dia beli baja lain dan dah boh baja tu sendiri dan apabila padi itu dah berbuah baja itu dan pada masa tu dia jual. Dia kata dia faham inilah konsep sebenar pertanian itu sebahagian daripada perniagaan. Jadi 2 soalan tambahan, terima kasih.



YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Terima kasih Pengkalan Kundor, seperti yang Pengkalan Kundor sebut tadi tentang PPK itu memainkan peranan. Sepatutnya PPK ini telah pun berperanan lama untuk melibatkan diri, benar-benar membantu petani-petani di sekeliling PPK tersebut bagi mengusahakan sawah padi ini secara penyatuan tanah supaya dapat dijalankan secara cekap dan sebagainya. Dan projek SMART SBB ini bermula dengan 9 syarikat peneraju sekarang ini dah lebih daripada 12, saya kira dan PPK juga antara syarikat-syarikat yang dipelawa untuk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kementerian untuk menjalankan projek SMART SBB ini.

SMART SBB ini antara KPI nya ialah dalam masa 3 tahun pendapatan ataupun hasil per hektar itu mesti mencapai 7 tan per hektar. Baru dalam peringkat setahun dua seperti yang saya sebut tadi. Jadi, itu antara perkara-perkara yang menjadi KPI. Jadi, kalau PPK boleh melaksanakan program SMART SBB ini yang diperkenalkan oleh kerajaan yang lalu dan diteruskan oleh kerajaan yang pada hari ini, kita sangat-sangat mengalukan.

Yang kedua tentang jadual membaja. Memang tahun lepas memang ada masalah baja, Syarikat Pengedar Baja NAFAS sudah memaklumkan kepada kita ada masalah "raw material" dan saya ketika tahun lepas telah pun bermesyuarat dengan MPB supaya jadual-jadual benih dan baja itu mesti sampai tepat pada masanya, sebab itu selain daripada PPK, syarikat-syarikat lain juga, PPK adalah agensi yang mengedarkan baja.

Jadi, yang mana yang order melalui PPK insya-allah kita minta disampaikan baja itu tepat pada jadual bila sampai musim nak padi tu nak besar dan sebagainya mesti ikut jadual. Saya setuju dengan Pengkalan Kundor, itu sahaja. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Dato' Speaker soalan tambahan boleh? Satu ja? Boleh?

YB. DATO' SPEAKER

Ok, boleh!



YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Dato' Speaker saya cuma ingin bertanya Lunas tadi berkenaan dengan 12 syarikat di bawah Program SMART SBB ini oleh kerana kita tahu rata-rata petani padi di Kedah, petani orang bumiputera bukanlah saya nak bangkitkan bukan perkara yang lebih kepada bumiputera dan bukan bumiputera tapi saya ingin tahu di kalangan 12 syarikat ini berapa banyak yang syarikat bumiputera dan berapa yang bukan bumiputera?

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Untuk makluman Jitra, kalau di Kedah ini yang terlibat Lembaga Zakat yang sedang mengusahakanlah Lembaga Zakat dan juga BERNAS ini syarikat bumiputera. Ada satu lagi tu syarikat Advansia daripada Sarawak, ada 12 dan saya tidak ada maklumat yang lengkap tentang mana bumiputera dan bukan bumiputera tetapi untuk makluman Jitra dan semua ahli dewan ini syarikat- syarikat peneraju SMART SBB ini yang mahu mengusahakan SMART SBB mengadakan kerjasama dengan petani- petani tidak ada pengalihan milik tanah itu tidak ada, yang penting adalah saya maklum syarikat peneraju itu akan mengeluarkan semua modal penanaman dan modal tuaian dan subsidi itu dipulang. Petani tetap dapat subsidi yang diberikan oleh kerajaan. Jadi maklumat tentang berapa bumiputera dan berapa bukan bumiputera saya akan dapatkan jawapan bertulis daripada MADA.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 7.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Kota Darulaman mohon jawapan soalan nombor 7.



**7. YB. ENCIK TEH SWEE LEONG
[ADUN KOTA DARUL AMAN]**

Anggaran perbelanjaan mengurus bagi pengoperasian Rumah Transit 6 pintu di Changlun adalah berjumlah RM130,000.00 setahun dan hanya menempatkan 20 orang dari Januari 2022 hingga Oktober 2022 manakala purata perbelanjaan adalah sebanyak RM6,500.00 seorang.

Pohon dinyatakan:-

- a) Adakah perbelanjaan RTNK tersebut wajar?
- b) Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menjimatkan perbelanjaan tersebut?

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih YB. Kota Darulaman,

*Main bola sampai jatuh,
Ini soalan nombor 7.*

Terima kasih YB. Dato' Speaker, anggaran perbelanjaan mengurus bagi pengoperasian Rumah Transit 6 pintu di Changlun adalah berjumlah RM130 ribu setahun dan hanya mendapatkan 20 buah daripada Januari 2022 hingga Oktober 2023 manakala purata perbelanjaan adalah sebanyak RM6,500 seorang.

Pohon dinyatakan a) Adakah perbelanjaan RTNK tersebut wajar? b) Apakah tindakan kerajaan negeri dalam menjimatkan perbelanjaan tersebut?

Jawapannya ialah di Negeri Kedah, terdapat sebuah Rumah Transit Negeri Kedah yang beralamat di No 340 hingga No 345, Jalan Pulasan 6, Taman Pulasan 06000 Jitra, Kedah telah beroperasi pada Januari 2020 yang diurus tadbir oleh Majlis Kebajikan Negeri Kedah. Rumah Transit ini bertujuan untuk memberi perlindungan sementara kepada gelandangan, pengemis, kanak-kanak jalanan, kes-kes keganasan rumah tangga, tersisih daripada keluarga, pengemis dan kutu rayau. Tempoh intervensi di Rumah Transit adalah selama dua (2) minggu bagi setiap penghuni.



Perbelanjaan bagi menguruskan pengoperasian tersebut adalah sangat wajar memandangkan peruntukan yang diterima pada setiap tahun tersebut selain daripada perbelanjaan menguruskan penghuni, ianya turut melibatkan peruntukan setiap bulan untuk perbelanjaan berikut iaitu peruntukan tahunan RTNK adalah sebanyak RM150 ribu setahun dan anggaran peruntukan setahun bagi RTNK berjumlah RM157,851.00 adalah wajar. Anggaran perbelanjaan Rumah Transit terutamanya belanja mengurus, elaun saguhati pekerja untuk 12 bulan, penyelia kita bayar RM1,500 x 12 bulan iaitu RM18,000. Penolong Penyelia - RM1,200 x 12 = RM 14,400.00. Sewaan dan Utiliti (12 bulan) iaitu Sewa Premis (6 buah) - RM 6,000.00 x 12 = RM 72,000.00, Bil Elektrik - RM 300.00 x 12 = RM 3,600.00, Bil Air - RM 200.00 x 12 = RM 2,400.00 dan Bil Telefon - RM 100.00 x 12 = RM 1,200.00.

Untuk makan minum penghuni iaitu sarapan pagi - RM3.00 x 30 orang x 30 hari = RM2,700.00, Makan Tengahari - RM6.00x30 orangx 30 hari = RM5,400.00, Minum Petang - RM3.00 x 30 orang x 30 hari = RM 2,700.00, Makan Malam - RM 6.00 x 30 orang x 30 hari = RM 5,400.00. Belanja Pelbagai pula iaitu Bayaran Pengawal Keselamatan - RM9,900.00, Perbelanjaan pembelian peralatan - RM14,861.00, Perbelanjaan minyak kenderaan - RM1,290.00 dan Perbelanjaan runcit - RM4,000.00 Peruntukan untuk pengoperasian Pusat Jagaan Rumah Transit Negeri Kedah (PJRTNK) perlu diteruskan seperti biasa bagi memastikan perkhidmatan kepada golongan gelandangan dapat dilaksanakan di dalam proses untuk membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan, kemudahan tempat tinggal sementara dan perkhidmatan kaunseling serta pusat intervensi awal bagi mereka yang perlu ditempatkan di institusi pemulihan.

PJRTNK ini juga dijadikan sebagai pusat transit bagi mereka yang memerlukan dan memantapkan proses intervensi, kemudahan tempat tinggal dan makan minum disediakan untuk tempoh satu (1) hingga dua (2) minggu sebelum tindakan lanjut di ambil untuk membantu mereka supaya dapat berdikari dan ditempatkan di institusi pemulihan. Langkah-langkah penjimatan juga di ambil maklum oleh pihak pengurusan dan ahli jawatankuasa PJRTNK dari segi pengurusan pelaksanaan program-program, penggunaan utiliti serta lain-lain keperluan yang dirasakan bersesuaian untuk penjimatan. Kalau boleh sidang dewan lulus banyak lagi bukan RM150 ribu sahaja YB. Terima kasih.



YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Terima kasih YB. Dato' Speaker, soalan saya kenapa saya tanya soalan ni disebabkan apabila kita kira dari segi perbelanjaan dari kerajaan dengan kemasukan 20 orang jadi kos itu sangat tinggi dan ada ramai yang komen kata kenapa dalam daerah Kota Setar tak ada rumah transit dan kena pergi jauh ke Jitra baru dapat tinggal dekat rumah transit. Jadi, adakah kerajaan berhasrat untuk memindahkan semula ke rumah transit yang sebelum ini ada di Kota Setar dan pindah ke Jitra untuk pindah balik ke Daerah Kota Setar, terima kasih.

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih soalan tambahan Kota Darulaman. Untuk makluman Kota Darulaman saya telah pun memperincikan perbelanjaan Rumah Transit RM150 ribu yang diberikan bukan hanya mengurus penghuni sahaja, kita bayar sewa rumah. Kalau dulu di rumah transit di di Alor Setar, satu buah rumah RM6,000 YB Kota Darulaman. Jadi, keadaan rumah itu pun tidak memenuhi syarat, bila kita dapatkan rumah di Taman Pulasan, 6 biji dengan harga RM6,000 adalah sangat wajar. Untuk makluman YB. Kota Darulaman, InsyaaAllah kita pun nak panjangkan juga kepada pihak kerajaan supaya kalau boleh tiap-tiap daerah ada Rumah Transit ini supaya mudah untuk kita ada proses intervensi tapi memandangkan dengan peruntukan yang diberikan kepada MKMK adalah sedikit yang mana MKMK merupakan payung kepada Rumah Transit ini. Jadi, kita akan mohon dalam mesyuarat bersama Pihak JKM, adakah wajar kita wujudkan ia bukan di Kota Darulaman saja, bukan di Alor Setar saja tapi di tiap-tiap daerah Insya-Allah.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan Ayer Hitam

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Exco, saya cuma nak dapatkan pandangan daripada Exco, adakah kita perlu perkuatkan lagi penggunaan pusat transit ini supaya taklah hanya cuma untuk tidak tentu saja ia dibuka kepada yang lebih luas seperti mangsa kebakaran, mangsa banjir dan sebagainya yang mana rumah mereka mungkin hilang ataupun terbakar sepenuhnya sementara nak buat rumah baru, kita mungkin boleh buka perkara ini dan juga apakah perancangan kerajaan untuk digunakan rumah transit ini sepenuhnya tidak hanya kepada hal-hal tertentu sahaja? Terima kasih.



YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Terima kasih Ayer Hitam. Dalam mesyuarat baru-baru ini kita pun telah mencadangkan beberapa perancangan-perancangan yang akan diambil yang disandarkan oleh Majlis Kebajikan Negeri Kedah, yang bekerjasama dengan pihak JKM memastikan penggunaannya dapat dilaksanakan secara optimum. Di antara perancangan-perancangan yang kita cadangkan iaitu kita akan perbanyakkan operasi bersepadu dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti PDRM, Imigresen dan juga Pihak Berkuasa Tempatan untuk menangani dan membanteras gelandangan dan pengemis-pengemis di seluruh Negeri Kedah. Penempatan gelandangan dan pengemis warganegara Malaysia diletakkan di rumah transit ini tapi kalau lain tu kita tak bolehlah kita tangkap teruslah bagi pihak imigrisen. Untuk itu juga Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah akan bekerjasama dengan Pejabat Agama di setiap daerah untuk mengenal pasti kes-kes keganasan rumah tangga yang memerlukan perlindungan bagi tujuan penempatan segera di rumah transit ini. Kita juga akan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah bagi mengenalpasti kanak-kanak jalanan yang tidak bersekolah dan diabaikan oleh keluarga sendiri untuk mereka mendapat perlindungan di rumah transit ini seterusnya dirujuk dengan kes mereka kepada agensi berkaitan untuk tindakan seterusnya.

Untuk makluman semua, Pejabat Daerah dan juga Pejabat Penghulu Mukim di Negeri Kedah ini juga boleh merujuk ataupun kes-kes atau mangsa bencana alam ataupun yang seperti yang kata tadi kebakaran ke untuk tinggal di penempatan rumah transit ini. Insyaallah yang itu kita akan sama-sama bermesyuarat nanti untuk kita mendapatkan keputusan untuk penambahbaikan penggunaan Rumah Transit ini. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 8

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

YB. Dato' Speaker, Bolehkah kita pertikai titah Tuanku Sultan, pohon jawapan soalan nombor 8.



**8. YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD
[ADUN BUKIT LADA]**

Adakah ada usaha dari pihak kerajaan untuk memartabatkan semula sukan sepak takraw dan basikal yg pernah menjadi antara sukan nombor satu Negeri Kedah disamping sukan-sukan yang lain?

YB. ENCIK MOHD. FIRDAUS BIN AHMAD

Pantun pun sakit dah. YB. Dato' Speaker, Jem terus nak jawab pantun ini. Anak kuda anak lipan, ini jawapan nombor 8.

Untuk memartabatkan semula sukan sepak takraw dan basikal yang pernah menjadi antara sukan nombor satu Negeri Kedah yang ditanyakan oleh YB. Bukit Lada.

Untuk kita memartabatkan lagi sukan berbasikal di Negeri Kedah, dan juga sepak takraw, beberapa siri program Klinik Sukan Berbasikal telah dijalankan di beberapa daerah utama di Negeri Kedah. Tujuan utama Klinik Sukan Berbasikal ini adalah untuk mempromosikan sukan berbasikal diperingkat akar umbi dimana untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam usaha menyediakan satu pasukan pelapis untuk Negeri Kedah bagi memperkuat pasukan sedia ada. Majlis Sukan Negeri Kedah telah membelanjakan sejumlah peruntukan sebanyak RM1 Juta untuk pembayaran gaji jurulatih sepenuh masa dan separuh masa, penyediaan peralatan sukan berbasikal, penyertaan ke kejohanan-kejohanan dalam dan luar negara dan untuk perbelanjaan latihan pasukan. Hasilnya, di mana pasukan berbasikal Negeri Kedah telah pun berjaya meraih dan menyumbangkan 5 Emas, 1 Perak dan 4 Gangsa di Temasya Sukan Malaysia 2022 yang lalu.

Untuk sukan sepak takraw pula di mana ianya adalah salah satu sukan pilihan yang dipertandingkan di Sukan Malaysia. Namun, prestasi sukan sepak takraw di SUKMA 2022 adalah kurang memberangsangkan.

Dimana kita mengambil beberapa inisiatif dan usaha-usaha untuk memartabatkan semula sukan sepak takraw dimana kita melantik seorang jurulatih daripada Thailand untuk sepenuh masa dan Persatuan Sepak Takraw Negeri bersama Majlis Sukan Negeri Kedah akan membayar gaji untuk jurulatih tersebut. Jurulatih tersebut akan bertanggungjawab bagi melatih pasukan senior dan Pasukan SUKMA Kedah. Selain itu juga, MSNK akan turut melantik 2 orang jurulatih separuh masa bagi melatih pasukan sepak takraw lelaki dan 2 orang jurulatih lagi untuk sepak takraw wanita.



Bagi penyediaan pasukan pelapis, kita membariskan satu pasukan elit untuk menghadapi SUKMA 2024. Dan yang terakhirnya, pihak persatuan dan juga Majlis Sukan Negeri Kedah bercadang untuk menganjurkan beberapa program ataupun kejohanan iaitu di peringkat negeri iaitu pertama Piala YAB Menteri Besar (Tertutup Kedah). Kejohanan ini adalah platform bagi mengenalpasti pemain-pemain yang akan mewakili Kedah ke Kejohanan Sepak Takraw League (STL) dan Piala Emas Khir Johari. Kedua, Piala Presiden Persatuan Sepak Takraw Negeri Kedah (Bawah 20 tahun Tertutup Kedah). Kejohanan ini adalah platform bagi mengenal pasti pemain yang akan mewakili Negeri Kedah di SUKMA 2024. Dan yang terakhirnya Piala SUK (Antara Jabatan). Kejohanan ini adalah platform bagi mengaktifkan kembali permainan sepak takraw di dalam jabatan-jabatan kerajaan dan seterusnya merencanakan kembali sukan sepak takraw ini di Negeri Kedah. Terima kasih.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Soalan tambahan YB. Dato' speaker. Alhamdulillah saya ucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan di atas tindakan yang telah diambil sehingga kita berjaya mendapat 5 emas dalam basikal. Kita ada atlet-atlet yang berprestasi tinggi untuk menuju ke tahap professional. Jadi, apakah ada tindakan daripada kita untuk menuju kepada profesional ini daripada prestasi tinggi kepada profesional.

YB. ENCIK MOHD. FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Dato' Speaker, beberapa perancangan untuk kita mengangkat sukan ini ke tahap profesional di antaranya kita melakukan program-program pembangunan atlet yang perlu kita beri nafas baru dan kerajaan melalui Jabatan Belia dan Sukan dan juga MSN perlu menyediakan peruntukan yang agak besar sikit untuk kita melaksanakan semua program ini dan para atlet yang berprestasi tinggi ataupun yang mempunyai bakat ataupun apa skill yang tinggi, kita perlu dedahkan dengan perlawanan-perlawanan yang agak luas di antaranya perlawanan antarabangsa yang lebih kerap dan yang paling penting YB. Dato' Speaker, adalah pemilihan-pemilihan atlet yang kita kenal pasti dalam SUKMA yang lepas. Kita buat pilihan atlet yang yang agak kurang baik di mana ada yang atlet ataupun ada yang player-player yang memenangi pertandingan di peringkat daerah ataupun yang lebih mempunyai skill yang tinggi namun tak dipilih ke SUKMA kerana ini adalah tanggungjawab Persatuan. Jadi, apa yang kita lakukan untuk SUKMA yang akan datang nanti, kita menilai dan kita memilih atlet-atlet yang lebih mempunyai skill ataupun yang menang di peringkat daerah untuk kita bawa ke SUKMA 2024. Terima kasih



YB. DATO' SPEAKER

Saya duk agak dah mesti kubang rotan tanya punya. Silakan.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Dato' Speaker dari segi sukan sepak takraw saya lihat bahawa ada kemunduran dalam sepak takraw di Negeri Kedah cuma saya nak tanya YB Kuah berkenaan dengan kita sebenarnya di Negeri Kedah ni ada Raja Libas' Dunia, Adnan Saidin tapi kita tidak pernah pun mengangkat ataupun bagi pengiktirafan kepada beliau, apa-apa pengiktirafan sebabnya dia dilupakan dan saya harap pemain-pemain sepak takraw Kedah dahulu yang kebanyakannya berjaya di peringkat dunia, peringkat asia mahupun peringkat Malaysia sudah tentu daripada Negeri Kedah. Jadi, kita mohon supaya kerajaan negeri melihat dan buat perbincangan dengan lagenda-lagenda sepak takraw. Untuk sukan basikal itu semenjak-menjak Anak Bukit jadi presiden kut boleh kut, itu yang boleh banyak emas. Saya mengucapkan tahniah kepada YB. Anak Bukit. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan YB. Anak Bukit!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Dato' speaker, pertamanya saya rasa agak musykil sama ada jawapan RM1 juta diperuntukkan untuk sukan berbasikal sahaja pengurusan dan sebagainya itu untuk setahun tu sejak berbincang dengan mereka ini saya rasa peruntukan tu agak tinggi dah tak sampai banyak tu tapi yang yang saya nak tanya ini ialah sementara mereka yang yang ada potensi untuk kita ketengahkan yang kita kenal pasti daripada daerah-daerah dan sebagainya. Kemudian MSN ambil alih mereka ditempatkan di Pusat Latihan yang berpusat yang saya nak tanya ini ialah ada sebahagian dan tahniah kerana program ini kita berjaya melahirkan Nurul Izzah Izati, pelumba basikal wanita kita yang bukan sahaja baru-baru ini di SUKMA memenangi, saya ingat dia seorang sahaja tiga pingat emas dan dia juga telah berjaya satu-satunya atlet wanita Malaysia yang memenangi pingat emas di Kejohanan di New Delhi dan beliau juga bersaing di Sukan Komanwel di Birmingham baru-baru ni cuma dia habaq dia kata, saya dah kayuh di Birmingham, dia kata main dengan hat lain semua badan – badan jenis shendo-shendo ni, kena angin depa pun saya dah terpelanting keluar dalam acara kirin.



YB. DATO' SPEAKER

Direct to the point, please?

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Tak pa! Tak pa! Terima kasih! Terima kasih! Thank you very much (dengan izin). Yang saya nak tanya ini ialah mereka yang late bloomer (dengan izin) semasa bawah MSN dia 21 tahun ke bawah lah SUKMA cuma masa itu dia tak menyerah lagi dan biasanya yang berlaku Dato' Speaker, lepas 21 mereka ni dah tak tak ke mana lagi dah! Mak ayah sebahagiannya tu kata 'now it's time for you to concentrate to your studies', sebahagiannya. Dan sebahagiannya dah tak dak apa! Lepas itu, hilang macam tu saja padahal mereka mungkin 'late bloomer' (dengan izin). Kami di persatuan tak mampu untuk nak terus bawa mereka ini. Jadi, apa cadangan yang boleh kerajaan negeri bantu pihak persatuan dalam kita nak memastikan bahawa 'the late bloomer' (dengan izin). Kita di persatuan ada coach yang bertauliah, yang 'late bloomer' (dengan izin) ini kita akan bloom dan kita dapat kita ketengahkan di peringkat elit dan juga senior nanti. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD. FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Dato' Speaker, bila dengar soalan daripada Anak Bukit, lupa soalan Kubang Rotan panjang sangat dia punya ni tak tahu kat mana point. YB. Dato' Speaker berkenaan dengan Kubang Rotan untuk kita memperkasakan kembali. Sukan sepak takraw ni bukannya sekarang ini saja mundur ataupun yang suram juga. Jadi, perbincangan di peringkat daripada dulu lagi zaman yang berhormat Kubang Rotan jadi Exco pun suram juga jadi perbincangan untuk sepak takraw ini untuk...(YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Yang Berhormat lompat!

YB. ENCIK MOHD. FIRDAUS BIN AHMAD

Cara Yang Berhormat cakap itu boleh bangun! Silakan!

YB. DATO' SPEAKER

Teruskan YB. Kuah!



YB. ENCIK MOHD. FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Dato' Speaker, saya dalam Parlimen Belia dulu aturan untuk bercakap ini tekan tunggu speaker bercakap, itu adab untuk bercakap dalam Dewan lah! Jadi, untuk kita memperkasakan Kembali, kita berbincang, Pihak MSN berjumpa dengan persatuan dan berbincang dengan orang-orang yang berpengalaman sebab itu saya katakan tadi untuk kita kembali memberi nafas baru, kita akan lakukan beberapa program ataupun untuk memperkasakan kembali sepak takraw ini dalam Negeri Kedah.

Untuk soalan berkenaan RM1 juta itu peruntukan yang diberikan kepada MSN untuk keseluruhan bukan spesifik untuk berbasikal dalam RM1 juta tu ada pecahan-pecahan, peralatan dan sebagainya. Yang saya boleh detailkan mungkin dalam penggulungan ataupun dalam bertulis nak detailkan RM1 juta terlalu banyaklah. Dan juga untuk mana-mana atlet ataupun yang mempunyai bakat selepas umur 21 baru kita nampak bakat dia, sebelum itu kita tak nampak sebab itu kita lakukan beberapa siri mengenalpasti bakat-bakat baru ini. Kalau kita tengok sekarang ini pun kita dah lakukan di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah untuk kita mencari bakat-bakat ini. Kalau kita tengok di MSN dia lakukan minggu lepas, kita turun ke sekolah sukan di mana kita buat apa Program Mencari Bakat dan daripada situ kita dapatkan dan kenalpasti kita mungkin dahulunya selepas umur 21 tu nampak bakat baru dan tak bolehlah duduk di bawah MSN tapi sekarang ni kita lakukan pencarian bakat dari peringkat sekolah rendah lagi. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 9.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Terima kasih YB. Dato' Speaker, pergi Bukit Kayu Hitam berjalan-jalan, pohon jawapan soalan nombor 9.



**9. YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS
[ADUN KUBANG ROTAN]**

Sampah terlalu padat dan berselerak di tepi tong sampah menyebabkan anjing-anjing berkeliaran mengotorkan di semua kawasan Dun Kubang Rotan dan Pekan Kuala Kedah.

Pohon dinyatakan berapa kali sampah dikutip setiap minggu dan kenapa tidak disediakan tong yang lebih besar?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih Kubang Rotan.

*Sorong papan tarik papan,
Kubang Rotan ni jawapan.*

Kubang Rotan tanya berapa kali kutip sampah setiap minggu terutama di Dun Kubang Rotan dan Pekan Kuala Kedah. Frekuensi bagi kutipan sisa pepejal bagi kawasan perumahan adalah dua (2) kali bagi sisa domestik dan satu (1) kali bagi kutipan sisa pukal, manakala bagi kutipan di tong-tong berpusat, di jalan-jalan utama adalah tujuh (7) kali seminggu iaitu dikutip secara harian. Berkenaan isu janaan sisa yang melebihi tong yang disediakan, janaan terbabit adalah merupakan sisa-sisa yang dijana oleh penduduk sekitar dan ditambah dengan janaan daripada penjaja-penjaja kecil yang menjalankan perniagaan di tepi jalan.

Peningkatan kehadiran penjaja-penjaja kecil selepas pembukaan sektor ekonomi sebaik saja tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sedikit sebanyak menyebabkan peningkatan janaan sisa pepejal di tong-tong berpusat ini. Bagi penjaja kecil di pinggir jalan, perkhidmatan kutipan sisa pepejal tidak diberikan secara khusus dan penjaja menjadikan pusat tong di pinggir jalan utama sebagai lokasi melupuskan sisa pepejal yang dijana oleh perniagaan mereka tersebut.

Penetapan saiz tong yang diletakkan di pinggir jalan adalah berdasarkan kepada penetapan asal bersama pihak Majlis Bandaraya Alor Setar. Bagi pusat-pusat tong di jalan-jalan utama, tong bersaiz 1,100 Liter dibekalkan dengan bilangan yang dipersetujui oleh Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS).



Walau bagaimanapun, peningkatan janaan dari semasa ke semasa akan menyebabkan limpahan sisa pepejal hingga sampai ke luar tong. Saya juga ingin menyeru kepada penduduk sekitar supaya jangan kita lempar sampah di luar tong, kalau tong tu masih kosong. Kita lihat banyak tempat dia naik motor baling macam itu saja, naik kereta dia sua kut tingkap, baling macam tu saja walhal tong tu masih kosong. Jadi, kita nasihatkan supaya benda ini tidak berlaku. Menyedari berlakunya kerancakan sektor ekonomi di kalangan penjaja kecil di pinggir jalan, SWCorp telah mula melaksanakan kajian ke atas pusat-pusat tong yang dikenalpasti mampu berlaku limpahan bermula 1 Februari 2023 hingga 28 Februari 2023. Kajian ini meliputi 60 pusat tong yang dikenalpasti berkemungkinan menjadi tumpuan lambakan sisa pepejal yang dijana peniaga dan penduduk sekitar. Melalui kajian tersebut, pihak SWCorp akan menilai semula kapasiti pembekalan tong bagi kawasan terbabit bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat akan mencapai sasaran yang lebih efektif. Terima kasih Kubang Rotan dan YB. Dato' Speaker.

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Soalan tambahan, terima kasih YB.Dato' Speaker, kadang-kadang saya bila saya lihat di kepadatan populasi di Kuala Kedah tu ramai orang dengan kapisiti tong tu tak baik tong tu sekadar berkata sebab tu dia kalau betul tong kecil sampah tu melimpah-limpah dia akan turun ke bawah yang sikap tu untuk baling tu lain ceritalah YB Tokai, saya pun tak setuju dengan sikap tersebut tetapi oleh kerana kepadatan di pekan Kuala Kedah tambahkan orang nak pi Langkawi dan sebagainya. Selain pada masyarakat itu yang hampir dekat 20 ribu orang di kawasan Kuala Kedah. Jadi satu saya minta YB. Tokai mungkin boleh tengok kembali saiz-saiz tong yang berada di kawasan perkampungan dan juga di taman-taman.

Yang kedua, tentang tong-tong sampah yang berada di sepanjang jalan Kuala Kedah tu dia letak di bahu jalan selalu berlaku kemalangan jiwa. Saya sendiri yang melihat apabila hujan lebat, hujan lebat malam hari kadang-kadang tong sampah tu dia duduk masuk sikit dalam jalan lepas tu kebanyakannya langgar tong sampah menyebabkan mati ramai, tiga orang ke atas. Saya sendiri tengok 2,3 kemalangan jiwa saya harap ambil perhatian. Terima kasih YB Tokai.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh tambah sikit YB. Dato' Speaker?



YB. DATO' SPEAKER

Ya..ya..silakan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Dato' Speaker, masalah sampah ni saya pernah bangkitkan isu masalah sampah ini pada sidang dun yang lepas dan saya dapati seperti di Pekan Jitra lah yang saya selalu dok pi sebab klinik saya dekat situ, masih sama Pekan tu memang tak bersihlah, sampah macam dulu juga itu satu. Dan satu lagi di kawasan pida-pida kita dapati penduduk masih lagi melongokkan sampah di tepi-tepi perparitan mada di kawasan muda lah jadi apa cadangan kerajaan untuk membantu orang kampung ni kan mungkin korek lubang kau satu tempat ni di kampung kat mana-mana untuk mereka buang sampah kat situ daripada mereka longgok di nampak pun tak cantik dan bila air memenuhi apa tepi perparitan sampah termasuk dalam perparitan Mada dah tu soalan saya. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Dato' speaker, terima kasih Kubang Rotan dan juga Kota Siputeh. Berhubung dengan isu tong tadi saya dah bagi jawab, kajian telah dibuat oleh SWCorp kita berhubung dengan keperluan-keperluan tong yang lebih besar dan juga lebih banyaklah. Jadi, tong ni dia ada saiz dia kalau besar dengan lori angkut tu mungkin masalah pada tong tersebut ya ia boleh pecah ka mungkin akan berlaku pertambahan tong-tong dan tempat letak.

Yang keduanya, tentang tong yang letak tepi jalan ni hari ini merupakan salah satu daripada yang termasuk dalam kajian inilah kita akan cari tempat-tempat yang lebih cerah dan juga mungkin lebih tepi sedikit kalau ada ruang-ruang dan ada setengah tempat yang di buat simen khusus untuk letak tong -tong sampah ini dan mungkin masa berlalu jadi simen tu kadang kala pecah menyebabkan tong tu bila hujan lebat dia akan berlaku pergerakan dan juga sampah-sampah yang dibuang di luar tu akan masuk ke jalan raya dan ini menyebabkan kemalangan seperti yang disebut oleh Kubang Rotan. Terima kasih di atas keprihatinan Kubang Rotan dalam isu ini.

Yang keduanya, tentang Kota Siputeh walaupun dalam sidang yang lepas kita pun dengar MB kata jangan jadi mata lalat no! Diluar kawasan PBT memang kita tidak dapat mengadakan servis macam kawasan PBT lah tetapi kita memberikan CSR juga meletakkan tong- tong sampah yang besar di tempat luar bidang kuasa PBT.



Ini hasil daripada perbincangan kita dengan SWCorp tapi mereka terpaksa menggunakan dana yang lain untuk kes-kes yang sebegini ya Kota Siputeh. Walau macam mana pun nasihat-nasihat kita kepada penduduk-penduduk di kawasan yang luar PBT ni dia ada kaedah-kaedah yang tu kan tok wan kita duk guna dululah boleh buat lubang sendiri dia nak harapkan PBT nak pi buat lubang tu kalau ada program gotong-royong tu mungkin kita boleh pergilah kalau tak ada tu mereka kena buat sendirilah itu harapan kita. Tapi Insya-Allah benda ini masa akan berlalu kita sentiasa berbincang dalam Mesyuarat MNKT di peringkat pusat untuk menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan oleh Kota Siputeh terutama di luar kawasan PBT. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Soalan no 10. Silakan!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih YB. Dato' Speaker, dulu 'back benchers' ada 10 tapi tinggal 8, soalan nombor 10 saya tunggu jawapan

**10. YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT
[ADUN SUNGAI LIMAU]**

Pohon dinyatakan:-

- a) Apakah usaha kerajaan negeri untuk membangunkan rakyat yang sejahtera dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek sesuai dengan tema Kedah Sejahtera?
- b) Apakah perancangan kerajaan untuk program pembangunan insan bagi tahun 2023 dan bagaimanakah kejayaan pencapaian ini diukur?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Mari makan putu buluh, ini jawapan nombor 10. Terima kasih Sungai Limau dan YB. Dato' Speaker. Soalan ini agak panjang jawapan kerana soalan dia merangkumi kehidupan seorang insan atas muka bumi ini. Jawapan yang saya berikan untuk soalan (a) dan (b) sekalilah.



Pihak kerajaan negeri melalui Pelan Strategik Pembangunan Insan Negeri Kedah telah menggariskan pelbagai usaha dan inisiatif untuk membangunkan rakyat sejahtera yang bersifat holistik dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek dengan berteraskan 9 teras utama, pelbagai inisiatif bakal dan yang telah dilaksanakan bagi tujuan pembangunan insan sesuai dengan tema Kedah Sejahtera. Melalui teras 4 kewibawaan, pendidik dan pendakwah sebuah buku telah diterbitkan dan diedarkan kepada masyarakat awam. Buku yang digariskan 40 hadis bertemakan pembangunan insan, banyak telah digunapakai di tempat kuliah-kuliah yang telah dilaksanakan di seluruh Negeri Kedah.

Yang kedua program merentas Qowiy untuk remaja yang berumur 19 hingga 25 tahun kita telah mengadakan program bersama dengan mereka mewakili parlimen. Seramai 75 orang peserta yang telah mengikuti program yang kita telah laksanakan ini. Program sebegini bagi mendapat membangunkan rakyat sejahtera dan juga sudut sosial ekonomi dan intelek dan mereka boleh turun ke Parlimen dan membantu anak-anak di Parlimen bagaimana untuk mengadakan program-program yang berunsurkan pembangunan insan ini.

Ketiga, Program Semarak Ar-Rayyan sudah masuk ke fasa ketiga, pada tahun ini setelah kita bermula pada 2021, 2022 dan 2023 pada kali ini dan program ini kita menjurus ke arah penafsiran ayat Al Quran di bulan Ramadhan dengan surah yang tahun yang pertama kita gunakan surah Al Hujurat tahun yang kedua kita gunakan surah As-Saff dan pada tahun ini kita akan gunakan surah Al-Mukminun dalam Program Semarak Rayyan ini di beri kerjasama pihak Pejabat Agama dan juga NGO yang terlibat di kawasan-kawasan, di daerah-daerah yang akan mengendalikan Program Semarak Rayyan ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat, dari sudut emosi dan rohani Program Pembangunan Jatidiri bersama warga KEDA pun kita laksanakan juga bagi tujuan membangunkan jati diri dan spritual dan memberi kemahiran pengurusan disiplin diri dan perancangan masa depan. Kita juga ada Slot Femina di Radio Kedah FM yang sebelum ini pada hari Jumaat bermula 12.15 hingga 12.45 tengah hari tetapi sekarang kita tidak tahulah adakah program itu telah dilaksanakan tetapi program ini telah kita laksanakan sebelum ini. Dari sudut intelek Program Pembangunan Insan melalui Program Techno Usahawan Tahfiz untuk Pusat Pengajian Maahad Tahfiz Daerah Sik yang telah mengadakan kolaborasi dengan IKM dan kita mengambil pelajar tahfiz untuk belajar dari segi kemahiran untuk mereka keluar daripada Maahad Tahfiz mereka ada kemahiran teknikal dan Vokasional.

Selain itu, semasa negara sedang berjuang dengan wabak covid, Program Webinar Vaksin Rohani juga diadakan secara online. Seterusnya program pada tahun 2023 ini kita telah menampilkan beberapa tokoh dan ilmuwan agama tersohor diadakan untuk membangunkan rakyat dari sudut intelek.



Ia juga menggalakkan rakyat Kedah untuk berlumba-lumba menuntut ilmu dari para pendakwah Serampang Dua Mata, program sebegini turut menyediakan peluang perniagaan kepada para peniaga kecil serta mampu merancakkan ekonomi di sekitar kawasan terlibat meskipun hanya dilaksanakan dalam tempoh masa terdekat.

Pihak Kerajaan Negeri memberi fokus kepada penjawat awam selaku tulang belakang pentadbiran negeri dengan berteraskan teras satu kesiagaan tadbir urus. Pelbagai inisiatif diambil bagi memperkasakan urus tadbir penjawat awam Program Perkongsian Ilmu dan Bual Bicara seperti Bicara Nur Ala' Nur yang telah dimulakan pada tahun 2021 merupakan platform bagi sesi perkongsian ilmu melalui para asatizah yang bertauliah kepada para penjawat awam di seluruh Negeri Kedah.

Program yang berteraskan pembangunan rohani ini diperlukan supaya kehidupan seseorang itu lebih seimbang dari segi rohani dan duniawi. Program ini juga boleh diakses oleh masyarakat umum melalui siaran langsung di beberapa halaman milik kerajaan negeri serta pimpinan negeri. Jadi, program khairiah Ramadhan juga telah kita laksanakan dah dua tahun berturut-turut dan program ini juga untuk sampai Program Qaryah Ramadhan kita ada Program Istiqbal Ramadhan yang diadakan iaitu Adakah Ramadhan Terakhir Bagiku bersama dengan seorang yang hebat daripada luar negara yang telah kita laksanakan baru-baru ini.

Yang kedua juga untuk melahirkan kecintaan kita kepada Rasulullah kita adakan juga Program Bingkisan Nota Cinta juga daripada seorang selebriti yang jauh daripada luar negara yang datang memberi pandangan dan beberapa perkara yang telah diucapkan supaya memberi keseimbangan kehidupan kita mencintai Rasulullah dan Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan untuk seterusnya program-program tahun 2023 juga kita telah meletakkan Program Pembangunan insan belia berumur 16 hingga 18 tahun akan kita laksanakan di semua daerah dan juga Program Rentas Minda untuk anak-anak berusia 9 hingga 12 tahun juga akan diadakan di semua daerah termasuk program yang ketiga Kem Bina Insan untuk golongan remaja ini bakal memberi pendedahan mengenai pembangunan remaja-remaja awal, selain itu dapat memberi kesedaran kepada anak-anak mengenai pengalaman pengurusan kehidupan harian serta bakal membina sifat ihsan dalam diri kanak-kanak melalui hubungan sosial dan masyarakat sekeliling, sekian terima kasih.



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD SAMAT

Terima kasih pada YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada Merbau Pulas buat pula dengan jawapan yang diberikan dan dari kita lihat pelaksanaan program-program yang dilaksanakan dalam portfolio. Jadi, sudah pasti pembangunan insan ni dia akan merentas bukannya portfolio bawah Merbau Pulas. Jadi, apakah secara menyeluruh agenda negeri ini untuk membangunkan insan sejahtera Rakyat Negeri Kedah itu yang pertama.

Keduanya tadi juga ada jawapan ada sebut tentang penghasilan buku 40 hadis iaitu insan sejahtera 40 hadis yang berkaitan dengan hadis-hadis nabi, pembentukan manusia insan yang sejahtera. Jadi, apakah usaha kerajaan bukan hanya menjadikan buku ini sebagai cenderamata, buku ini didiskusikan, di bengkelkan sampaikan kepada rakyat seluruhnya kandungan hadis-hadis tersebut dah adakah akan ada siri yang seterusnya. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih kepada soalan tambahan. Saya jawab soalan nombor dua dulu iaitu buku Hadis 40 . Buku Hadis 40 ni kita telah melancarkan di tiga daerah Daerah Kota Setar dan Daerah Kulim termasuk Daerah Sik. Jadi, buku ini kita lancarkan dan kita beri kepada pengkuliah- pengkuliah di peringkat masjid dan juga pengkuliah wanita, kita bagi buku ini sebagai bahan kuliah mereka. Bagaimana hasrat kerajaan untuk melahirkan insan sejahtera seperti mana disebutkan dalam Buku Kedah Sejahtera itu.

Soalan yang kedua itu, iaitu kita juga berhasrat untuk mencetak buku 40 ayat-ayat Al-Quran yang membicarakan soal pembangunan insan. Seterusnya, mengenai program yang holistiknya, kerajaan negeri melaksanakan pelbagai program yang bersifat menyeluruh dalam membangun insan sejahtera ini bukan terletak kepada portfolio pembangunan insan sahaja sebenarnya kepada menyeluruh kepada seluruh semua portfolio yang terlibat.

Pelaksanaan program ini oleh pelbagai portfolio Exco dan Jabatan secara tersusun kita adakan. Berikut adalah inisiatif utama yang dilaksanakan. Pertama kita memperkasakan institusi Pendidikan, UNISHAMS, IQDAR, Maktab Mahmud Sekolah-Sekolah Agama Rakyat. Ini juga membantu kita untuk membangunkan pembangunan insan di peringkat Negeri Kedah ini secara tidak langsungnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengkuliah-pengkuliah di masjid, para guru-guru pondok yang telah mengorbankan masa mereka memberi kuliah, memberi kefahaman tentang Islam ini setiap malam kita boleh lihat beratus-ratus kuliah seluruh Negeri Kedah ini di masjid dan



di surau-surau. Itu ada juga adalah untuk membangun pembangunan insan di peringkat masyarakat di bawah. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengkuliah ustaz dan ustazah yang telah beri kuliah di masjid-masjid kerana membantu kerajaan untuk mendidik masyarakat supaya mengenal, i mendekatkan diri dengan Allah dan mengenali bagaimana kita sebagai insan yang perlu melihat SOP Allah dalam urusan pentadbiran, urusan harian kita di Negeri Kedah ini dan juga kita di sini juga kita adakan melalui penyaluran bantuan-bantuan kewangan setiap tahun dan kerajaan negeri dan Lembaga Zakat meningkatkan tadbir urus setiap institusi ini mengadakan pelbagai program seperti kerohanian, sukan, kurikulum di kalangan pelajar. Pemberi pinjaman kepada siswa, dermasiswa kepada pelajar, sekolah menengah bagi memastikan pembangunan jasmani rakyat Kedah, kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM3.3 juta bagi bantuan beras sejahtera kepada keluarga miskin, ini juga jasmani untuk mereka dapat bahan makanan. Kerajaan negeri melalui peruntukan khas Pejabat YAB. Menteri Besar juga memberi pelbagai bantuan tunai kepada ahli masyarakat kita yang kesempitan sama ada untuk melanjutkan pelajaran, rawatan perubatan, bantuan modal memulakan perniagaan kecil dan lain-lain. Itu sebahagian daripada program yang telah dijalankan di pihak kerajaan.

YB. DATO' SPEAKER

Kalau dah ketua pembangkang bangun takkan bagi orang lain!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' speaker, terima kasih kepada Merbau Pulas. Saya cukup tertarik dah dengan soalan yang dibawa oleh Sungai Limau ni. YB. Dato' Speaker, saya nak tengok depa sedar ka dok ralit. Nampak gaya ok lah! Jadi, alhamdulillah Dato' Speaker, saya tengok jawapan tadi, saya menantikan jawapan yang ditanya oleh Sungai Limau sebab ini pembangunan insan memang merentasi portfolio. Program kalau nak senarai mungkin 3,4 slides pun tak habis. Jadi, kita tengok jawapan yang kedua ialah bagaimana kita nak ukur pencapaiannya. Jadi, saya minta supaya selain kita senaraikan program-program alhamdulillah banyak program tapi kita kena sukat akhirnya pencapaian kita teramana selepas kita laksanakan 1 hingga 3 tahun dan apa yang kita jangkaan 3 hingga 5 tahun dalam kita menangani gejala-gejala negatif di Kedah ini. Antara gejala anti dadah yang laporan yang merata-rata berada di mata mata dan walaupun tak banyak tapi terlibat juga dalam beberapa kategori dan beberapa jabatan dan agensi .



Kemudian, tentang anti rempit, tentang gejala negatif lain tentang ketagihan ketum modified, ketum yang mereka modified macam-macam, ketum original kita bincang di luar.

Yang ketiga tentang gejala bunuh diri ataupun cubaan bunuh, ini antara sama kemurungan yang berlaku akibat kurangnya pembangunan insan. Jadi, saya minta supaya diadakan kayu ukur supaya akhirnya ada meter untuk kita sukat, berapa meter kita capai dalam pembangunan modal insan ini. Terima kasih.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Speaker sikit tambah lagi!

YB. DATO' SPEAKER

Rigkaskan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ringkas iaitu dari segi dat. Tahun 2021 data penagihan dadah di Kedah ni jadi nombor satu dalam Malaysia. Nombor satu penduduk sudah tentu akan lebih jauh lebih tinggi daripada Johor sebab Johor nombor dua. Penduduk dia ramai, penduduk dia sikit itu nombor satu dari segi data! Yang kedua, dari segi data perceraian ini Kedah juga merekodkan di antara yang tertinggi jadi soalan saya menyokong soalan ketua pembangkang tadi ukuran. Apakah keberkesanan ini diukurnya bagaimana? Terima kasih.

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Boleh sikit!

YB. DATO' SPEAKER

Bubuh lah!



YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Terima kasih YB. Dato' Speaker, dana untuk biro modal insan ini, adakah RM300 ribu sahaja setahun, adakah cukup dengan kita tahu banyak masalah sosial rakyat ni dan siapakah yang turut sama membantu dan berperanan untuk main peranan sama dan adakah mereka juga diberi peruntukan lah untuk bantu Biro. Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih kepada Suka Menanti, pencapaian untuk kita ukur apakah hasil kepada pembangunan modal insan. Ramai orang baik itu, pencapaian kita, ramai orang baik maknanya masjidnya penuh, suraunya yang penuh, program-program yang penuh, kalau di dataran baru ini kita buat Karnival Kedah Sejahtera, kehadiran yang ramai bermakna kita telah memulakan bagaimana kehadiran yang ramai ini membuktikan apa yang kerajaan buat itu telah menghasilkan orang yang ramai boleh hadir mendengar program-program agama. Itu pencapaian kita yang kita dapat dan kita akan cuba ukur dan program-program kita Program Bersama Anak-Anak Muda dan perancangan kita ke depan setiap anak-anak yang ikut program kita, kita akan buat sekali, kita akan bermalam dan kita akan buat sampai 3 kali. Kita akan keluarkan buku kepada warisnya supaya dia mencatat apa yang dilaksanakan oleh pihak pengurusan, adakah anak-anak dilaksanakan contohnya solat lima waktu, tinggal tak tinggal kita minta ibu bapa itu catit dan kemudian ada program kemudian lepas pada tu dia kena cerita dia kena buku tu nak sampai kepada kita untuk kita tengok pencapaian ini berlaku ini kita yang kita hasrat yang kita akan buat pada masa depan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Data yang saya beri tadi tu macam mana pula?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Data dadah ini kita akan serahkan kepada Exco Kesihatan sebab beliau adalah PEMADAM dan Bahagian Penagihan Dadah dan kita akan cuba untuk kita laksanakan tapi kita nak laksanakan proses penagihan dadah ini bukan proses modal insan yang kecil yang bermula daripada awal. Sekarang kita cuba mendidik anak-anak muda yang awal untuk mereka cuba menjauhi perkara-perkara yang menyalahi kepada peraturan hidup manusia ini.



Itu kita sedang dilaksanakan dan dana RM300 ribu ini memang tak cukup tapi kami ada kolaborasi dengan masjid dengan pelbagai NGO yang mereka sendiri berkorban dengan program yang tak perlu banyak yang belanja kurang RM5,000 kita boleh buat program yang besar. Ini sebahagian yang telah kita keluarkan dan kerjasama yang baik dan sokongan daripada pihak masyarakat kepada program ini. Sekian wassalamualaikum.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Tamatlah sesi pertanyaan mulut. Mungkin orang hairan juga kenapa Speaker tak bagi orang nu bercakap, orang ni bercakap! Tak boleh kita ada terhad 1 jam saja untuk pertanyaan mulut dan kita tak bolehlah nak ambil satu soalan ja bercakap sampai habis satu jam. Jadi kita nak masuk tajuk yang lebih banyak, hari ini kita dapat lima soalan, kemarin kita dapat lima. Jadi, kalau kita tak control boleh jadi kita dapat dua soalan sahaja. Jadi Itulah constraint Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan Perbahasan Usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar

II. SAMBUNGAN PERBAHASAN USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR

YB. DATO' SPEAKER

Dalam ucapan bahas ini pun bila kita peruntukkan masa, kita bagi seorang 15 minit. Kalau lajak jadi 16 minit tu tak pa lah, ni lajak sampai 22 minit. Jadi, bila kita termakan masa, 'timing' yang kita susun tu dia lari, lari sikit, lari sikit, jadi hat kita nak balik pukul 1.00 tu kena balik pukul 5.00. Teruskan dengan YB. Kota Darul Aman. 15 minit!



YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Akan laju! Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker kerana memberi ruang kepada Kota Darul Aman untuk berbahas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Sebelum berbahas, izinkan saya mulakan dengan serangkap pantun.

*Salam perpaduan Malaysia Madani,
Pembuka kata lidah bicara.
Negeri Kedah sahabat Kerajaan Perpaduan,
Elak bertengkar peruntukan mesti ada.*

Pada pagi yang mulia ini Kota Darul Aman akan membawa isu-isu yang perlu diberi perhatian dan penambahbaikan. Yang Berhormat Dato' Speaker, pada bulan lepas kawasan Kota Darul Aman dikejutkan dengan hamper 60 kes kecurian meter air di hadapan premis kedai di sekitar Alor Setar. Mangsa kecurian terpaksa ganti meter air yang baru dengan 'charge' RM109.40 iaitu RM69.40 dan RM40.00 untuk pemasangan semula.

Ada mangsa kecurian yang mengadu bahawa semasa tukar meter air yang baru, tukang paip minta bayaran tambahan RM50.00 untuk kos pemasangan. Persoalan saya ialah, adakah tindakan kecurian ini berunsurkan sabotaj dan semata-mata untuk mencari rezeki tambahan kepada tukang paip berlesen seperti apa yang berlaku di Selangor. Kenapa mangsa kecurian perlu menanggung kos pemasangan meter air baru sedangkan SADA juga berkewajipan dalam kejadian ini? Adakah siasatan kes dibuka dan penangkapan pencuri meter air dibuat? Sehubungan dengan itu, saya mohon penjelasan berhubung perkara ini.

YB. Dato' Speaker, Kota Darul Aman ingin menarik perhatian kerajaan negeri untuk menambahkan peruntukan tambahan kepada SUK Perumahan untuk menampung kos-kos penyelenggaraan rumah perumahan awam di Negeri Kedah. Dalam tempoh seminggu ini krisis air telah berlaku melibatkan 8 blok dan lebih 1,000 penghuni di Rumang Pangsa Simpang Kuala. Kerja-kerja penyelenggaraan rumah pam dan pelampong air yang hanya memerlukan RM10,000 sahaja tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan kewangan pihak SUK Bahagian Perumahan. Telefon Tanya, jumpa pegawai akan beri jawapan yang sama iaitu peruntukan telah habis YB. Kami tunggu, tunggu dan tunggu, sampai hari ini kerja pembaikan masih belum siap dan ada penghuni yang berumur lebih kurang 70 tahun masih lagi tunggu air untuk datang dan perlu naik tangga 5 tingkat setiap hari untuk angkut air.



Jadi, ada yang terpaksa “mandi kerbau” tepi rumah pum sebab tak daka air kan, semua kena tunggu dekat sana. Penduduk minta perumahan hantar air, air juga tidak ada. Selain itu, ada juga aduan bumbung zink yang telah hamper terbang tetapi apabila aduan dibuat juga jawapan yang sama, “peruntukan tak dak YB., bila ada peruntukan baru boleh buat”. Jadi, ini perkara serius. Jaka bumbung itu jatuh dan terbang dan meragut nyawa, siapa yang harus dipersalahkan? Saya berharap kerajaan negeri mengambil serius perkara ini dan dapat mengambil tindakan segera menyelesaikan isu ini.

YB. Dato’ Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, berkenaan penempatan polisi atau garis panduan pemantauan papan iklan di seluruh Negeri Kedah. Pada 14 Oktober 2020, pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah dalam perkara-perkara berbangkit 7.16 Kertas No. 7F386/2020 yang bersidang telah melantik Menteri Besar Kedah Incorporated sebagai ‘one stop agency’ bagi tujuan bagi tujuan menguruskan pembinaan papan iklan luar ‘billboard’ dan MBI pula lantik syarikat luar Darul Aman Media & Event Sdn. Bhd. Untuk urusan tersebut dan surat lantikan ada di sini.

Persoalan yang timbul bagi pelantikan ini ialah, yang pertama, kenapa semua pihak Kerajaan Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Kedah perlu serahkan kuasa penetapan polisi, garis panduan serta pemantauan kepada satu syarikat GLC yang baru ditubuhkan pada tahun 2021.

Apakah manfaat yang PBT dapat dengan penyerahan kuasa tersebut dan kenapa perlu wujudkan satu entiti tambahan ataupun badan perhubungan antara pemohon dengan PBT untuk urusan permohonan ‘billboard’? Kami difahamkan jika ‘billboard’ dipasang, pihak swasta atau pemohon perlu membuat bayaran beribu-ribu untuk kos siasatan keselamatan dan pemantauan ‘billboard’ kepada Syarikat Darul Aman Media & Event setiap tahun dengan kos-kos yang meningkat selepas penswastan. Ianya bakal menghadkan pihak swasta untuk membuat iklan luar, untuk buat ‘billboard’. Semakan dalam web Syarikat Darul Aman Media & Event Sdn. Bhd. tersebut, billboard yang dikawal selia sekarang di Alor Setar, Kubang Pasu, Pendang, Sungai Petani, Kulim dan Yan cuma ada nampak billboard YAB. Jeneri dengan Exco dan Ahli Parlimen Pas sahaja, Mohon penjelasan daripada pihak kerajaan tentang penswastan ini.

YB. Dato’ Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kota Darul Amana mat tertarik dengan titah ucapan Tuanku berkaitan dengan pendigitalan perkhidmatan kerajaan secara tanpa tunai ataupun secara atas talian. Kita semua sedia maklum bahawa semua parker tempat letak kereta di Daerah Kota Setar dan Pokok Sena akan beralih sepenuhnya ke aplikasi teksi parkir berkuatkuasa pada 1 April 2023. Kota Darul Aman



ingin membangkitkan kebimbangan pelaksanaan tranformasi ini bagi rakyat yang tidak mempunyai akses kepada internet dan peranti mudah alih khasnya golongan warga emas yang tidak fasih teknologi. Adakah penggunaan kupon masih sah pada 1 April 2023 dan berapakah tempoh yang sah penggunaan kupon diberi kepada rakyat yang memiliki kupon parkir? Adakah mereka akan dibayar pampasan ataupun ganti rugi jika kaedah penggunaan kupon dimansuhkan sama sekali. Berkaitan parker tempat letak kereta juga, saya ingin membangkitkan isu penutupan sebahagian jalan pintu utama di City Plaza Alor Setar iaitu 'Star Walk' Jalan Tuanku Ibrahim.

Penutupan sebahagian jalan dalam tempoh 3 bulan ini telah menyebabkan ratusan peniaga dalam City Plaza dan sekelilingnya mengalami pendapatannya terjejas teruk dan mengalami kerugian. Ruang penutupan jalan yang besar tersebut telah menyebabkan tempat parkir sangat terhad, jalan menjadi sempit dan pengunjung tidak lagi membeli belah dikawasan berkenaan.

Semalam saya telah menghadiri tanyangan skrin besar perlawanan bola sepak antara Kedah dengan Kelantan dan 'kot-kot' kita nak bagi sokongan untuk 'team' Kedah tetapi kehadiran tidak memberangsangkan dan hanya sebahagian ruang kecil digunakan di Dataran 'Star Walk'. Kota Darul Aman mohon Majlis Bandaraya Alor Setar untuk mempertimbangkan kaedah penutupan jalan secara berjadual di mana kita boleh ikut macam 'Jonker Walk', pada jam 6.00 petang baru tutup jalan dan pada hari kebiasaan jalan itu tidak ditutup dan dibuka untuk kegunaan 'public'. Saya percaya zon perniagaan tersebut akan kembali meriah dan dinamik jika dibuka semula dengan kawalan berjadual.

YB. Dato' Speaker, baru-baru ini juga Kota Darul Aman menerima aduan daripada peniaga-peniaga di hadapan premis Star Walk bahawa warden MBAS membuat rondaan sepenuh masa menghalang orang ramai meletakkan kenderaan dan mengunci kenderaan yang diletakkan di sepanjang jalan tersebut. Juga dimaklumkan tempat letak kereta sewaan akan tamat pada bulan April 2023. Ini merupakan gambar di mana kita nampak warden MBAS mengambil tindakan sepanjang masa untuk jaga Star Walk sebab tidak mahubagi orang parkir (sambal menunjukkan sekeping kertas). Kota Darul Aman telah turun dan membuat siasatan dan mendapati kebanyakan kenderaan yang terletak di sepanjang Star Walk 70% adalah kenderaan staf MBAS, semua ada pelekat MBAS. Jadi, mereka akan meletakkan kenderaan dari awal pagi iaitu jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang. Ini menyebabkan peniaga-peniaga di hadapan premis tersebut tiada tempat meletak kereta untuk 'customer'. Jadi, bagaimana peniaga boleh berniaga apabila sebahagian tempat letak kereta ini dipenuhi oleh staf MBAS.



Selain itu, Kota Darul Aman difahamkan semua tempat letak kereta di sekitar pasar Teluk Wanjah telah diswastakan dengan 'charge per entry' RM2.00 dan minggu lepas semasa saya turun untuk beri bunga kepada wanita, dimaklumkan semua peniaga sangat terjejas dengan kadar RM2.00 tersebut. Dengan ekonomi yang begitu lembab sekarang dengan kos barangan begitu tinggi, kenapa PBT sanggup swastakan semua tempat TLK di pasar kepada satu syarikat swasta? Kenapa tidak kawal harga tersebut dengan parkir kupon ataupun dengan harga contohnya RM1.00 bagi membolehkan lebih ramai orang mengunjungi pasar awam tersebut. Jadi, saya minta supaya MBAS kaji semula 'charge' tambang tersebut dan parkir tersebut.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Yang Berhormat, boleh?

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak bagi celah sebab nak habis 15 minit!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Janganlah zalim sangat tak bagi celah...

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Tak! Tak! Tak bagi celah. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti yang dibahas oleh YB. Kota Seputih, "keciciran pelajar satu kerugian besar kepada Negeri Kedah". Sepanjang tempoh pandemik Covid-19 melanda, kajian di lapangan mendapati semakin ramai pelajar sekolah tercicir dalam system pendidikan dan ia realiti yang amat membimbangkan. Statistik Kementerian Pendidikan Malaysia menunjukkan sebanyak 40,000 murid cicir setiap dan mereka tidak layak masuk memohon 86.8% pekerjaan di Malaysia dan ini mencenderung mereka kepada jenayah, kemiskinan, penyakit kronik, kehamilan remaja dan juga kematian. Apakah usaha kerajaan dalam membantu golongan belia ini apabila mereka dapat menyumbang kepada sektor-sektor ekonomi negeri khususnya dalam projek berimpak tinggi. YB. Dato' Speaker, perubahan iklim dunia yang kini kian tidak menentu menyebabkan kekerapan bencana alam dan segala bencana berlaku bertambah teruk seperti yang dititahkan dalam titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Penebangan hutan penyumbang utama perubahan iklim. Rekod CTT (Catuan Tahunan) dari tahun 2005 hingga tahun 2022 merekodkan seluas 40,961 hektar kawasan hutan di Negeri Kedah telah ditebang. Jadi, bagaimanakah kerajaan negeri menghidupkan semula hutan-hutan yang telah dibalak.



Yang kedua, bagaimanakah kerajaan negeri mempertahankan eset semulajadi anugerah tuhan serta melindunginya agar khazanah ini dapat menjana sumber pendapatan ekonomi melalui permintaan 'credit carbon' yang tinggi di dunia sekarang. Dan yang sangat penting dalam ucapan saya, saya ingin masukkan satu perkara yang sangat penting iaitu statistik penyalahgunaan dan penagih dadah serta bahan mengikut daerah pentadbiran Negeri Kedah dan pecahan kes jenayah bagi tahun 2022, Kuala Muda mencatatkan 1,756 kes yang paling tinggi, yang kedua Kota Setar dan Pokok Sena 3,356 kes. Kota Setar dan Pokok Sena paling tinggi dalam kes penyalahgunaan dadah dan Kuala Muda yang kedua iaitu 1,756, Kubang Pasu nombor 3,616 dan seterusnya sampai ke Daerah Yan.

Semua kes semakin bertambah dan bila kes penyalahgunaan dadah meningkat, kes jenayah juga meningkat. Dicapatkan lain-lain kecurian sebanyak 1,358 kes pecah rumah 1,128 kes, curi motorsikal 1,065 kes dan banyak lagi seperti kes rompakan, mencederakan, curi motokar, rogol, curi van/lori/jentera berat, bunuh juga ada, 16 kes tahun lepas. Jadi, kita nampak statistik ini semakin meningkat, contohnya bagi statistik tangkapan Polis Diraja Malaysia bagi umur di bawah 18 tahun mencatatkan 146 kes tahun lepas yang merangkumi 7.2% melibatkan golongan remaja dan umur 19 hingga 30 tahun 686 kes melibatkan 34%. Jadi, keseluruhannya yang melibatkan golongan di bawah 30 tahun sebanyak 41.2% kes.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kota Darul Aman, sila buat penutup!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ok! Kita minta supaya pihak kerajaan perhalusi bagaimana solusi untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah dan juga mengurangkan kes jenayah. 'Last'! Kota Darul Aman ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan, YAB. Dato' Seri Anwar Ibrahim dan barisan kabinet yang prihatin menambah pemberian dan bantuan Kerajaan Persekutuan kepada negeri pembangkang dalam Belanjawan 2023 berbanding ketika pentadbiran yang terdahulu. Kedah dapat RM1.5 billion, Kelantan RM2.5 billion, Perlis RM570 juta. Yang mengatakan Kerajaan Perpaduan ini zalim dan mengamalkan "political vendetta" adalah tidak berasas dan merupakan satu pertuduhan yang tidak berasaskan fakta dan angka seperti yang disaran dalam titah ucapan Tuanku.



Jadi, bacalah buku Belanjawan 2023 dan jangan temberang sana sini. Elakkan berpolitik secara berlebihan dan sentiasa berusaha untuk menjaga perhubungan antara kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan. Sudah tentu limpahan rezeki akan datang ke Kedah. Sebelum mengakhiri perbahasan saya, izinkan saya sampaikan hubungan Negeri Kedah dan juga Pulau Pinang dengan serangkap pantun pendek,

*Kedah besar, Pulau Pinang kecil,
Rezeki Kedah berlambak-lambak,
Bua tapa buli negeri kecil,
Stabil negara kerana Perlembagaan Malaysia.*

Akhir sekali, saya ingin merakamkan ribuan terima kasih dan menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Kota Darul Aman. Silakan YB. Belantek! Ha! Nak lawan, lawan waktu ni semasa orang bagi berucap, nak berhujah balaskah, silakanlah!

YB. DATO' HAJI MOHD ISA BIN SHAFIE

Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana benarkan saya bercakap. Auzubillahiminassyaitonirraim, Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah Robbil A'lamî Wassola Tuwassala Mu'ala Asyrofil Anbiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in. Robbishrohli Sodri Wayarsirli Amri Wahlul 'Uddatan Millisani Yafkhohu Khauli.

YB. Dato' Speaker, yang dihormati keseluruhan ahli-ahli yang berada dalam Dewan semua peringkat pengurusan pentadbiran dan adun-adun keseluruhan. Alhamdulillah, kali ini bangkit bukan nak bercakap tentang hal buah kulim ini. Minta maafah apa yang saya ingin sampaikan sedikit tentang kedudukan titah ucapan Tuanku sempena dengan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam yang mana saya rasakan dalam pentadbiran kerajaan dah 3 tahun kali ketiga yang dinyatakan dalam perasmian oleh baginda Tuanku yang kita rasakan bahawa satu penekanan yang perlu disedari oleh semua rakyat tentang apa yang berlaku hari ini dan juga apa yang akan berlaku. Maka kita sebagai orang yang dipertanggungjawabkan dalam tugas sebagai pimpinan pengurus dan pentadbiran mesti peka dengan keadaan. Mesti peka dengan suasana dan apa tindakan yang perlu kita buat. Kalau hanya sekadar bangkit kita mendapatkan isu yang negatif sahaja dan tidak nampak hal-hal yang positif di dalam pentadbiran selama ini maknanya kita tak ke mana. Kemarin banyak yang dicakap, Alhamdulillah saya ucapkan tahniah kepada



Anak Bukit dan juga Jitra yang menyampaikan dan membahaskan tentang kedudukan apa yang disebut oleh baginda Tuanku dan mengajak bersama keseluruhan kita ini berperanan untuk menentukan hasrat yang disampaikan oleh Tuanku itu dijayakan. Kita berbahas dan mencari kaedah apa yang perlu sama dalam bentuk untuk menokok tambah yang terbaik apa yang disebut supaya kita jangan mudah dapat melaksanakan kejayaan tersebut dengan lebih.

Saya nak sebut, apabila disebut di dalam peringkat awal selepas muqaddimah. Yang mana Baginda Tuanku telah berpuas hati dengan pentadbiran di bawah pimpinan Mamanda Menteri Besar yang telah memperolehi banyak pencapaian membanggakan seperti berjaya menarik masuk pelaburan yang tinggi ke Negeri Kedah.

Apabila ditetapkan satu tempat yang awal di dalam titah ucapan, ini satu penekanan bahawa yang wujud yang berlaku satu realiti, satu keadaan sebenar hari ini. Kita tidak boleh menafikan apa yang disebut oleh Baginda Tuanku, iaitu kalau nak dibandingkan saya duduk bekerja di bawah 4 orang Menteri Besar di dalam Dewan bermula dari tahun 1999 tetapi catatan sejarah dalam menentukan kedudukan pembangunan Negeri. Begitu juga dalam keadaan hari ini apa yang telah terbentuk dengan tindakan dan perancangan-perancangan yang akan buat dan sedang dibuat sekarang, menandakan itu satu kejayaan mutlak yang tak boleh dinafikan. Dan kita tidak boleh meremehkan apa yang kita lakukan kita nampak apa yang positif hari ini kita bandingkan. Inilah saya rasakan bahawa satu tindakan kerja kita yang cukup berat. Kalau kita masih menampakkan nilai yang negatif dalam kedudukan apa yang sedang dan akan dibuat, maka itu tidak salah satu unsur seolah-olah yang boleh memberikan kegagalan ataupun lewat ataupun lambat untuk mencapai kejayaan dan sebagainya.

Oleh yang demikian, saya mengucapkan tahniah dan terima kasih di atas ucapan yang diberikan bahawa di dalam keadaan nilai pelaburan hari ini pun dalam tahun 2022 yang dijangkakan kita boleh dapat nak dapat RM10 billion pun telah diberikan Allah eh RM13.1 billion dan ditambahkan dengan RM12 billion lagi. Yang mana ini wang untuk meletakkan permudahkan usaha kita dan membangunkan Negeri. Alhamdulillah kita dengan ikhlasnya sadar bahawa hari ini satu bentuk sumbangan ataupun apa yang diberikan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah yang tidak sebelum ini ada hikmahnya yang cukup besar yang harus kita sadar. Hikmah yang pertama sekali apabila Kerajaan Negeri telah membatalkan ataupun mengharamkan premis-premis perjudian kita tutup. Ini satu kebanggaan yang cukup besar, kalau kita orang Islam dan tidak kira bangsa lain yang mana satu kemungkaran atau satu kedudukan yang merosakkan masyarakat dan umat kita berusaha untuk menghentikan Masya-Allah satu benda yang akan dinikmati oleh Allah dengan begitu hebat sekali.



Nyatalah hari dengan kedudukan kita sampai mendapatkan hasil atau pelaburan tertinggi dalam negara tak pernah berlaku dalam sejarah, kita tak pernah dapat mengatasi Pulau Pinang, Selangor mahupun Sarawak tetapi dalam melaksanakan penghayatan pentadbiran kita ini, kita diberikan satu bentuk nilai yang cukup tinggi sehingga kita mendapat apa yang telah diberikan oleh Baginda Tuanku ataupun disebut di dalam penyampaian terakhir ucapan perasmian Baginda.

Yang keduanya, saya ingin sebutkan sedikit, Baginda Tuanku juga menyebut bahawa keprihatinan beliau keprihatinan terhadap Mamanda Menteri, kepada rakyat Negeri Kedah khususnya dan menyentuh dan menyegerakan proses pemberian hak milik kepada rakyat yang tidak ada tanah misalnya, rakyat yang tidak ada rumah dan baru bulan lepas kita beri kepada 100 dekat 150 orang di Sik, geran.

Kampung Sejahtera, kampung tu yang boleh letak sejahtera bukan pasaipa dulu dinamakan Kampung Dacing lepas tu PAS menang dia mai Kampung Bulan. Umno menang dia ubah balik, kita hari ni letak balik Kampung Sejahtera. 150 orang yang diberikan dengan usaha Pejabat Daerah untuk menentukan kedudukan keseluruhan itu walaupun bertahun.

Zaman saya wakil rakyat pada tahun 1999, mereka datang ke rumah untuk mendapatkannya. Tapi hari ini Alhamdulillah dan saya minta usaha-usaha begini yang disebut juga oleh Tuanku Titah Baginda mestilah diteruskan, diteruskan kepada keseluruhan rakyat hari ini yang mana ada ruang untuk dimasukkan atau dibenarkan dalam keadaan-keadaan tertentu. Kita bukan boleh pi redah ikut dan macam tu saja tapi usaha kerajaan untuk menentukan mereka-mereka yang tidak ada tanah dan rumah ini di bela lebih utama.

Syabas dan tahniah dengan apa yang dibuat dan mungkin berterusan yang kita hajatkan dalam kedudukan kita pada hari ini yang mana buat kemampuan boleh dengan cabaran-cabaran yang hari ini saya rasakan bahawa Kedah 2035 Insya-Allah akan berjaya. Insya-Allah akan berjaya Kedah 2035, kalau setiap orang dalam dewan ini tidak ada rasa apa itu kepentingan 2035 maka program atau hasrat 2035 itu tidak akan bergerak. Maka seluruh kita hari ini disentuh oleh baginda Tuanku tentang program tersebut persediaan yang menentukan kejayaannya adalah kita, adalah kita semua bermula daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar sampai kepada keseluruhan pentadbiran pengurusan, daripada SUK dan sebagainya bertanggungjawab untuk menentukan hasrat yang telah diletakkan oleh baginda ini dijayakan.



Kemampuan saya rasakan Insya Allah, tetapi kalau kita tidak ada satu bentuk yang khusus untuk menjayakan hasrat itu mungkin tujuan tadi dia akan jadi lemah. Inilah satu penekanan yang saya rasakan 2035 yang mana 100 hari pun kita buat matlamat mari peringkat setahun kita buat hasrat sampai 2035. Jangkaan kita untuk memastikan bahawa Kedah ini tidak dicengkam dengan kemiskinan dan sebagainya. Insya-Allah kita akan berada dalam suasana memperjuangkan hak tersebut.

Saya hanya sekadar bercakap, kalau sekadar tenaga tu memang tak berapa nak larat dah, tetapi hati dan keikhlasan kita walaupun kita tidak hulur tangan sebagai tenaga untuk membentuk kebangkitan atau bermasyarakat atau membangunkan Kedah. Jiwa dan hati menetapkan doa dan Hasrat, bermunajat untuk menentukan kebahagiaan. Ini berperanan. Sebab itu peranan kita, peranan kita inilah yang harus kita sedarkan. Kita tidak boleh meletakkan satu perkara apabila satu pihak pentadbir habis dipandangkan secaranya ialah negative.

Yang positif bagaimana sekalipun tidak dirasakan oleh kita amat malanglah dalam menentukan keadaan pengurusan dan pentadbiran Negeri Kedah. Sebab itulah dalam titah-titah Baginda, saya mengharapkan bahawa benda ini kalau diikhlasakan kita akan berjaya. Kita berjaya melaksanakan projek tersebut dan kita berjaya dalam menentukan kebahagiaan untuk rakyat keseluruhan.

Bukannya nak cari untung sebagai pengundi-pengundi tetapi ialah membangunkan peranan tersebut adalah kerja yang kita laksanakan tanggungjawab kerana diletakkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala. Saya pernah sebut dalam dewan ini, kita diletakkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta'ala sebagai ADUN, sebagai jawatan lain dalam menentukan urusan pentadbiran ini, kita diberi rezeki dalam bentuk begitu, rezeki yang dilimpahkan kerana jawatan kita. Kalau kita meninggal pun hari ini kita diberi pencen dapat dekat isteri pencen, diberi lagi dengan keadaan gaji dan elaun kita beli tanah, beli rumah dan harta dan sebagainya. Maka kita menjawat jawatan ini dan kita duduk sebagai seorang pemimpin ataupun pengurus. “*Kullukum Ra'in Wa Kullukum Mas'ulun An Ra'yyatihi*” Makna setiap pemimpin itu akan dipersoalkan oleh kita ni apa yang kita uruskan ataupun tidak, kita akan disoal jawab oleh Allah SWT. Jadi inilah tujuan dan matlamat penekanan-penekanan yang diberikan untuk melaksanakan tanggungjawab adalah benda yang cukup berat dan cukup penting dalam memastikan kejayaan itu matlamat atau nawaitu kita insya-Allah. Dan saya ingin disebutkan sedikit dalam masalah KXP.



YB. DATO' SPEAKER

Belantek, ada 1 minit lagi!

YB. DATO' HAJI MOHD ISA BIN SHAFIE

1 minit! Kalau orang lain lajak sampai 20 minit, ni last ni! Mungkin habis bercakap tak mai dah dewan ini.

YB. DATO' SPEAKER

Orang lain pun tak tentu lagi tu!

YB. DATO' HAJI MOHD ISA BIN SHAFIE

Saya nak cakap dalam masalah KXP sekalian, dalam usaha untuk membangunkan KXP hari ini jadi agak dalam keadaan yang agak kelam-kabut tapi saya rasa ia satu kekuatan yang memberikan kita untuk menjayakan. Ini harus kita ingat. Seruan daripada Jitra, seruan daripada Anak Bukit kemarin untuk semua peringkat bersepadu menjayakan matlamat ini kerana dia cukup penting dalam membangunkan ekonomi Negeri Kedah. Kita jangan pandang remeh sehingga dibekukan, bukan dibekukan tapi tidak diluluskan. Perdana Menteri pun tak luluskan, orang tanya pasal apa tak lulus? Dia kata kerana dia kata kerana ia dibuat oleh syarikat swasta tak ke bohong sampai tahap macam tu! Mai seorang Menteri lagi, dia sebut dia kata tak ada permohonan.

Isu KXP ini bermula daripada zaman UMNO dulu lagi. Telah diluluskan mai seorang-seorang sampai kita bila benda tu kita usaha untuk menjayakannya. Kalau ada yang gagal kita usaha cari kaedah macam mana nak menjayakan, baru betul! Kalau dia memberikan satu keuntungan yang cukup hebat. Makna kata dalam 26 tahun duk kerja tu, sampai tak dapat bonus pun ada tapi dalam Covid yang lalu MAB bayar dekat kakitangannya 4 peringkat, satu dia bagi 6 bulan gaji, kedua, dia bagi 4 bulan setengah, 3 bulan gaji dan 2 bulan gaji. Anak saya dapat 4 bulan setengah. Masa duk kerja askar maknanya bila dia buat kita tak boleh fokus kepada Airline sahaja tetapi kawasan yang luas 6,000 hektar saya rasa kita jadikan satu bandar raya lapangan terbang. Saya sebut dulu, hasrat dia supaya rakyat dapat tahu apa dia bukan tujuan hanya sekadar untuk naik kapal terbang saja tapi dia boleh santai di situ dia boleh pergi bawa keluarga dan sebagainya. Kita wujudkan pusat perniagaan besar-besar apa yang kita nak buat masa sampailah orang jual laksa kita bagi, beribu gerai. Kalau di Turkiye ada satu bazar 4,000 gerai kita cuba tiru Turkiye.



YB. DATO' SPEAKER

Belantek, masa dah habis!

YB. DATO' HAJI MOHD ISA BIN SHAFIE

Kita minta seminit saja lagi! Hat tambah extra!

YB. DATO' SPEAKER

Seminit tu kita bagi lah!

YB. DATO' HAJI MOHD ISA BIN SHAFIE

Kita jangan jadi dalang pula untuk menggagalkan kedudukan yang menguntungkan Negeri. Kita berusaha dan berdoa dan inshaa- Allah sehari dua akan berjaya. Saya mengharapkan bahawa dalam melaksanakan tanggungjawab, saya diberi kuasa bagi DUN Belantek apabila disebutkan dari Baginda Tuanku supaya mewujudkan ke pelancongan di kawasan-kawasan tertentu disebut nama Beris, Tasik Beris, Tasik Gubir saya pun walaupun saya sebut dalam Dewan yang lalu, yang nak wujudkan satu pusat pelancongan itu dah ada aset pelancongan cukup hebat dah ada sedia ada! Hanya kita nak promote kan jalan itu sampai Durian Burung. Dari Gurun orang nampak ke Durian Burung, Thailand. Orang akan masuk melalui Sik, melalui tiga buah tasik, Tasik Beris Tasik Gubir dan Tasik Pedu dan bukit sekeliling itu cukup hebat dan boleh dibuat kat RNR, tempat berkelah tempat rekreasi dan sebagainya. Aset dah ada cuma tambah sikit dimana semoga orang Kampung Belantek ni belah atas nu orang susah belaka kalau ada ruang dia boleh letak meja untuk jual jagung ka jual kacang ka untuk jual buatan asli daripada kampung. Jadi tidaklah laluan tadi akan terbuka rezeki.

Saya meletakkan hasrat yang disebut oleh Baginda Tuanku ini akan dilaksanakan secepat mungkin. Inilah harapan saya yang terakhir dalam Dewan ini dan begitu juga saya ucap terima kasih kepada Dato' Kewangan kita yang telah hadir bersama turun ke Belantek tunjuk yang tak nampak sampai 4 buah titi, satu titi tu tak sempat buat apa, titi pun ada bekas saja, hat nak runtuh lagi tu 3. Disebutkan ini ialah untuk kawasan Belantek dan telah pun membuat lawatan saya hanya harapkan bahawa itu diluluskan segeralah dalam bentuk untuk menyiapkan titi dan sebagainya.



Dengan itulah terima kasih harap maaf jika tinggi nada tu tak larat dah kalau slow tak boleh dan saya sebagai muntakhirnya kemungkinan ucapkan mohon maaf kepada semualah kalau ada tersilap marah. Memanglah dalam Dewan ini bergaduh macam ini lah lepastu keluar dia tepuk bahu. Saya mohon maaf atas kesilapan tertinggi nada suara dan sebagainya sekadar itulah saya dengan ini menyokong apa yang dihasratkan dalam ucapan titah Baginda Tuanku bagi perasmian dan juga untuk kita sama-sama tentukan nilai untuk meletakkan apa yang dihasratkan.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih Belantek sekarang saya jemput Bakar Arang.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih YB. Dato' speaker kerana memberi peluang kepada Bakar Arang untuk membahaskan usul menjunjung kasih atas titah ucapan Tuanku Sultan.

*Sembang santai di halaman,
Kopi cicah bahu sebagai sarapan,
Bakar Arang tampil berkongsi pandangan,
Menjunjung Kasih Titah Tuanku Sultan.*

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Tuanku Sultan kerana sudi menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Penggal Keenam dan Salam Sejahtera dan Selamat Pagi kepada semua ahli-ahli yang berhormat juga dan juga semua yang berada dalam dewan yang mulia ini.

YB. Dato' speaker kita tahu dalam zaman sekarang adalah kita sudah dua tahun dalam pendemik covid dan satu tahun dalam pemulihan ataupun post pendemik covid ini dan saya rasa sekarang adalah satu keadaan dimana dunia berubah dengan cepat dan sekarang juga satu peluang yang sangat bagus untuk seluruh dunia bersaing untuk majukan negara, mereka majukan ekonomi kita dan juga pasaran yang baru untuk sesiapa saja yang sudah bersiap sedia, berkebolehan untuk menggerak peluang ini untuk menjadi lebih majulah.



Semua negara selepas covid ini banyak perubahan telah berlaku, banyak benda semua pergi kepada apa digitalization ataupun information dan tapi pada masa yang sama juga kita mempunyai cabaran pelbagai cabaran termasuk cabaran perubahan iklim yang telah pun dibangkitkan oleh banyak pihak. Disebabkan perubahan iklim juga kita mempunyai cabaran tentang menghadapi bencana, kita juga menghadapi jaminan makanan ataupun food security yang akan kita menghadapi risiko mungkin satu hari nanti kita tidak mempunyai bekalan makanan yang mencukupi.

Akan tetapi walau bagaimanapun kita di Negeri Kedah, satu negeri yang bagus, satu negeri yang mempunyai potensi yang baik sebagaimana kita bersama-sama untuk bukan sahaja meneruskan segala usaha daripada pelbagai kerajaan yang sebelum ini untuk kita nak menjadi rakyat di Negeri Kedah ini lebih sejahtera sebab saya rasa hasrat rakyat itu sangat mudah ataupun simple sahaja. Mereka nak satu kehidupan yang baik kalau boleh kita nak membasmi kemiskinan kita nak pendapatan rakyat menjadi lebih baik dan lebih kepada kesejahteraan dan juga persekitaran yang lebih baik.

Saya rasa apa yang telah pun dititahkannya oleh Tuanku dalam ucapan perasmian sangat tepat sangat 'spot on the point' di mana banyak isi kandungan ataupun cadangan ataupun teguran itu sangat tepat pada masa tepat pada isunya. Salah satu yang telah pun dibangkitkan oleh Tuanku adalah tentang pelancongan bukan sahaja isu feri di Langkawi tetapi juga isu pelancongan tarikan di Tanah Besar termasuk bangunan lama dan juga tempat-tempat dalam persekitaran ataupun tempat semula jadi. Apa yang saya nak bangkitkan di sini ialah sebenarnya kita dalam dewan ini dalam perbahasan yang satu tahun yang lalu 2 tahun yang lalu ataupun 3 tahun yang lalu dalam khususnya pandemik ini kita telah pun berkali-kali menyebut bahawa walaupun dalam pandemik tak boleh nak melancong tetapi persiapan untuk bersiap sedia infrastruktur ataupun bersiap sedia untuk tempat-tempat pelancongan itu sangat penting tu sebab selepas pembukaan selepas ada pergerakan selepas PKP ini semua orang bukan saja orang Malaysia tetapi seluruh dunia akan datang, semua orang akan pergi melancong dan kalau pada tiga tahun yang ini dua tahun yang lepas ini kita telah pun membuat persiapan yang mencukupi di Negeri Kedah. Kita akan merasai hasil limpahan ekonomi daripada pelancongan itulah kalau kita sudah pun bersiap sedia ada. Tetapi kadang-kadang kita pun kuatir apakah para Exco dan juga MB telah pun melakukan untuk mensiap siagakan benda-benda ini.

Kita kata Ulu Muda, ramai orang sekarang pergi camping dan sebagainya tetapi adakah infrastruktur ataupun persediaan sebagai kemudahan dan juga tarikan kita sebenarnya banyak ruang lagi boleh di 'maximise' kan lagi sebelum tu ada usaha untuk membangunkan Taman Negeri Ulu Muda.



Adakah program-program di sana sebab saya rasa penduduk ataupun usahawan mereka telah pun melakukan apa yang mereka yang terbaik untuk membekalkan suasana untuk pelancong untuk pergi tetapi kerjasama daripada kerajaan juga sangat penting untuk memberi tambah nilai kepada tempat-tempat itu sama juga di Lembah Bujang, di Sungai Batu sebelum ni juga kita nak bangunkan galeri, nak membangunkan pameran di situ. Apakah yang berlaku dalam dua tiga tahun ini? Apakah perkembangan terbarunya untuk kita menyambut lebih ramai pelancong ke tempat itu? So saya rasa eko-pelancongan ni kita sudah banyak kita sebut tetapi kita perlu pelaksanaan yang betul-betul boleh memberi satu tempat yang selesa supaya pelancong boleh datang ke sini dan bila mereka datang ke sini peniaga kecil kita yang berniaga dan sebagainya mereka akan mendapat limpahan ekonomi daripada itu.

Seterusnya, bukan sahaja kerana bukan sahaja pelancongan tetapi untuk menghadapi cabaran ataupun perubahan dunia yang begitu rapid ini, saya rasa pilihan untuk kita mengambil pelabur juga sangat penting. Apabila saya telah meneliti pelaburan yang masuk ke Negeri Kedah ini, saya rasa bersyukurlah juga sebab saya mendapati dalam tahun 2022 RM8 bilion pelaburan di Negeri Kedah out of daripada RM11 bilion pelaburan di Kedah ini RM8 bilion itu adalah di sektor elektrik dan elektronik so saya rasa ini adalah satu benda yang baik lah sebab yang datang ini adalah industri yang berteknologi tinggi dan bukannya industri-industri yang hanya label intensif mean bergantung kepada pekerja buruh ataupun industri-industri yang mencemarkan persekitaran kita sahaja. Kalau terlalu banyak industri yang seperti yang saya bangkitkan dalam sidang yang lepas kalau semua industri untuk kitar semula bahan buangan ataupun sisa tak kiralah plastik apa ataupun kertas yang sebelum ni yang besar-besar yang mungkin Negara China sudah tak mahu tapi semua datang ke Malaysia tapi saya rasa lebih baik kita memilih industri-industri yang berteknologi tinggi yang berasaskan pengetahuan dan juga skill-skill yang lebih tinggi. Jadi, saya rasa ini sangat penting dan kalau kita bukan sahaja tidak bergantung kepada industri sama penting juga sektor pertanian dan juga sektor-sektor ekonomi yang lain yang di mana kita boleh menarik balik anak-anak Kedah ini yang bekerja di tempat lain untuk balik ke Kedah untuk kerja di sini.

Saya rasa ini sangat penting dan juga rasa sama penting juga kerajaan boleh fokus untuk mengadakan training center kerana banyak cakap tentang TVET, kemahiran TVET so saya rasa boleh mengadakan program-program yang boleh matching dengan keperluan pekerjaan yang berada di Kedah terutamanya di pertanian kita perlu pertanian yang berteknologi tinggi iaitu Agrotek kita ada industri EnE. Saya rasa TVET juga boleh membekalkan program latihan yang berkait dengan hala tuju ekonomi di Negeri Kedah supaya kita boleh melahirkan talent ataupun tenaga kerja yang boleh matching dengan keperluan pasaran inilah.



Saya rasa kita perlu lakukan dengan cepat sebab kita mempunyai segala apa, strategik perniagaan, dari segi geographically ataupun ada apa-apa apa asas yang kita telah pun bina sebelum ini apa yang penting ialah kita perlu buat benda yang betul dan juga ada pelaksanaan yang lebih lebih baik.

YB. Dato' Speaker, seterusnya saya ingin bangkitkan sedikit tentang isu di kawasan saya di Bakar Arang dan Sungai Petani. Ada beberapa isu dalam isu yang lama tetapi sehingga sekarang masih lagi sama, tidak ada perubahan yang banyak termasuk masalah air, masalah kesesakan lalu lintas, tapi satu lagi isu yang baru-baru ini penduduk mengadu kepada saya adalah lebih spesifik mengenai satu tempat iaitu Taman Sinar Intan 3, 1 Taman yang baru yang dibina atas tanah bendang, tanah sawah padi lah sebelum tu sawah padi tapi itu telah pun menjadi satu taman kediaman.

So, penduduk di sana mengadu bahawa tanah di sana telah pun runtuh ataupun mendap semakin hari semakin mendap so dia telah pun menjejaskan struktur-struktur rumah itu dan menjadi risiko untuk mereka terus menduduki sebab dinding mula 'cracking' dan juga dan sangat jelas dan seluruh tanah di situ semakin hari semakin mendap so mereka sebenarnya telah pun membuat aduan kepada MPSP (Majlis Perbandaran Sungai Petani) dan juga ada pelbagai apa Consultant, Engineer ataupun pihak untuk pergi turun ke padang untuk membuat semakan dan juga kajian tetapi sehingga kini pemaju masih enggan untuk melakukan apa satu penyelesaian kepada mereka. Walaupun pada masa itu sudah ada dua buah rumah pemaju telah pun robohkan rumah dua buah rumah itu disebabkan dikatakan tidak selamat. Tapi sekarang rumah-rumah yang lain, penduduk-penduduk yang lain masih dapat berurusan dengan dengan pemaju dan juga in MPSPK tetapi mereka masih tidak menerima satu penyelesaian yang yang baiklah di mana ada ganti rugi ataupun roboh dan bina semula.

Saya rasa itu satu aduan daripada penduduk di Taman Sinar Intan 3, satu perumahan yang baru I think dalam 4 tahun macam itu, mereka menghadapi satu risiko ke atas keselamatan mereka untuk terus menduduki satu tempat, rumah baru mereka sebab di bawah tanah itu ada 'movement' ada pergerakan sebab dulu ialah bendang dan mungkin apa ataupun tak cukup kukuh. Speaker telah tengok saya!

YB. DATO' SPEAKER

Tak, you ada lagi 2 minit!



YB. ENCIK OOI TZE MIN

Oh..ada lagi 2 minit. Oklah, so saya rasa tak banyak lagi yang saya nak cakap. Saya sangat menghargai dapat peluang untuk berada di sini, sudah 10 tahun saya menjadi ADUN, Ya..sekejap saja masa berlalu sangat berterima kasih kepada yang mengundi saya di Bakar Arang dan juga semua kawan-kawan di sini. Sama-sama saya belajar dengan semua rakan-rakan di sini termasuk penjawat-penjawat awam, saya banyak belajar dan menjadi saya lebih handal dalam semua sektor. Tahniah juga kepada Dato' Ketua Pembangkang kita..ya..silakan! (YB. Suka Menanti mencelah)

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSOF

YB. Dato' Speaker, saya mohon pandangan daripada Bakar Arang saya mohon sekiranya Bakar Arang berpeluang berada di Putrajaya harap boleh bantu Kedah ni supaya hubungan kita jauh lebih baik daripada semasa ini yang saya lihat waktu ini kita agak tegang sikit Kerajaan Kedah bersama dengan Perdana Menteri pun agak tegang juga hubungannya, masih lagi ada isu kes mahkamah dan sebagainya. Kemudian dengan Menteri Ekonomi pun ada banyak masalah, itu satu lagi aspek yang cukup penting dalam kerajaan. Kemudian Menteri Pengangkutan pun dah mula ada ketegangan Jadi, saya harap Menteri MOSTI ni akan jadi satu benchmark kalau sampai MOSTI pun jadi masalah kalau dah habis semua masalah. Jadi saya harap Bakar Arang yang berada di Putrajaya tu boleh membantu hubungan hubungan menjadi lebih baik dengan Kerajaan Persekutuan. Terima kasih.

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Terima kasih suka menanti dan tahniah atas perlantikan sebagai Ketua Pembangkang Negeri Kedah. Ya..kita pun mengambil berat tentang titah ucapan daripada Tuanku Sultan mengenai hubungan yang baik antara negeri dan juga Persekutuan dan saya rasa ini usaha sama-sama kita untuk mengeratkan lagi tujuannya hanya adalah untuk kebaikan Negeri Kedah supaya Kerajaan Persekutuan juga ni kita sama-sama berusaha untuk membawa pembangunan di Negeri Kedah. Sudah tentu saya akan berusaha di mana apa yang saya boleh lakukan dengan peranan yang saya ada, saya akan usaha untuk kita mengadakan satu jalinan hubungan yang baik dan khususnya dalam Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi serta juga akan menitik berat tentang Kedah untuk supaya membawa lebih banyak kemajuan dalam sektor ini di Negeri Kedah so itu sahaja daripada saya Dato' Speaker, Saya menyokong penuh dan juga Menjunjung Kasih Titah Ucapan Tuanku Sultan sebentar perasmian Dewan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah. Terima kasih.



YB. DATO' SPEAKER

Terima Kasih Bakar Arang, seterusnya Kubang Rotan

YB. USTAZ HJ. HANIF BIN HJ. GHAZALI

YB. Dato' Speaker, saya ingin bertanya Dato' Speaker, kelayakan Kubang Rotan untuk berbahas Titah Tuanku dengan apa yang diucapkan dalam Tik Tok dalam dua hari lepas.

YB. DATO' SPEAKER

Saya tak baca Tik Tok, silakan YB. Kubang Rotan!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Alhamdulillah Rabbil Alamin Wassalatu Wassalamu Ala Asrofil Ambiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajmain Amma' Baq. Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih kerana tiada juga dan mengambil bahagian dalam Menjunjung Kasih kepada Titah Ucapan Diraja Tuanku Sultan Kedah dalam Pembukaan Sidang DUN kelmarin. Ucapan petikan daripada Bacharuddin Jusuf. Mutiara kata daripada BJ Habibie *"Demokrasi pada dasarnya berkaitan dengan kualitas sumber daya manusia. Semakin baik kualitas sumber daya manusia, semakin terbuka untuk menyebarluaskan dan mempraktikkan gagasan demokrasi"* – Bacharuddin Jusuf Habibie.

YB. Dato' Speaker, sebelum itu saya ingin mengucapkan tahniah masukkan dalam ucapan saya tahniah kepada Yang Berhormat Suka Menanti Ketua Pembangkang yang baru dan juga sahabat saya YB Senator, Ustaz Mussodak Ahmad dan YB Bayu sebagai Senator dan juga saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Polis Negeri Kedah dan juga anggota PDRM, IPK dan IPD yang mana telah pun melakukan serbuan OPS Khas dalam 'House Storming' pada hujung tahun lepas 86 buah rumah premis, 253 individu diperiksa berkaitan dengan isu dadah di Kuala Kedah. Terima kasih dan kedua dalam ucapan saya juga saya mengucapkan terima kasih kepada Datuk Bandar yang begitu prihatin dan juga berjaya menyelesaikan isu penjaja dan peniaga kecil di pasar - pasar Billion terima kasih banyak.



YB. Dato' Speaker, saya ingin masukkan sikit dalam isu pertanian apa yang disentuh oleh Tuanku Sultan menyedari Negeri Kedah adalah negeri pertanian, kerajaan negeri perlulah menumpukan perhatian ke arah membuka tanah-tanah terbiar untuk diusahakan agar kita mampu mengekalkan negeri jelapang padi negara ini untuk apa yang telah diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah berhubung dengan padi lima kali dalam tempoh dua tahun berkisar kekerapan pengeluaran padi. Namun, sedarkah kita bahawa kemampuan untuk melaksanakan amat terhad berdasarkan kos dan faktor alam sekitar terutamanya apabila bercakap mengenai 'follow period' ataupun tanah jerlus. Negara yang maju seperti Jepun memerlukan waktu rehat bagi tanah setelah dua musim melakukan penanaman sebelum melaksanakan pertanian yang musim yang ketiga ataupun musim yang keempat.

Cadangan daripada pihak kita menebus tanah yang terbiar di kawasan pedalaman rumahnya di Pendang, di Padang Terap, Sik, Baling ada lebih munasabah berbanding dengan saranan menggunakan tanah seliaan Mada untuk menghasilkan padi lima kali dalam masa dua tahun. Ini lebih praktikal serta produktif selaku negeri pertanian supaya bersesuaian dengan kawasan berkenaan benih yang bersesuaian hendaklah dicari serta diperkenalkan oleh pihak Mardi atau mana-mana agensi yang dipertanggungjawabkan agar bersesuaian dengan tanah di kawasan pedalaman berbanding dengan benih yang digunakan di kawasan Mada berbanding benih yang digunakan oleh kawasan mada. Mungkin jumlah penggunaan padi di kawasan pedalaman adalah kurang berbanding daripada kawasan bandar namun jumlah pengeluaran berkadar langsung dalam jumlah tanah akan menokok-tambah jualan secara langsung.

YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan kediaman orang miskin sepatutnya Kerajaan Negeri haruslah berusaha untuk memperjuangkan perumahan mampu milik rakyat negeri ini. Dasar dan polisi saya tidak nampak hampir 3 tahun ini yang berlaku kami selaku penduduk di kawasan Kuala Kedah yang mana penduduk miskin terpaksa tinggal di kawasan setinggan ini bukan Rohingya, bukan isu Burma dan sebagainya ini anak-anak orang-orang tempatan dan juga generasi kita. Saya menyarankan agar kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah dana bagi membaik pulih rumah setinggan di Kuala Kedah dan kawasan yang seumpamanya ekoran kegagalan negeri yang membina perumahan untuk orang miskin.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan hutan simpan Ulu Muda yang telah pun disentuh dalam titah Tuanku Sultan. Untuk maklumat Hutan Simpan Ulu Muda membekalkan kira-kira 96% air mentah untuk Kedah 70% untuk Perlis 80% untuk Pulau Pinang bagi tujuan kegunaan domestik pertanian dan juga perindustrian.



Dan ia juga melibatkan 27 pertubuhan PPK dan hasil tanaman padi berjumlah RM1.4 bilion pendapatan sawah di seluruh Kedah dan Perlis. Penghasilan 40% daripada beras negara daripada jumlah tersebut 70% dari pihak mana yang harus diambil kira, sawah bendang boleh terancam kerana sumber air dari hutan ini kini digunakan bagi pengairan 96,558 hektar sawah di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda atau MADA. Jika sumber air dari Hutan Sungai Ulu muda tergugat bagaimana kita mahu memastikan pengairan sawah tidak terganggu pada masa depan sedangkan kita tahu peranan Ulu Muda dan menyumbang kepada jaminan keselamatan makanan melalui industri padi. Kita telah pun pernah mensarankanewartakan keseluruhan Hutan Hutan Simpan Ulu muda yang menempatkan empat Empangan penting iaitu Empangan Pedu, Muda, Ahning, dan Beris sebagai Taman Negara atau Taman Negeri bersifat kekal dan tiada siapa pun boleh menyentuh kawasan itu meskipun berlaku pertukaran kepimpinan ataupun kerajaan negeri.

Sepertimana yang disarankan oleh Ke Bawah Duli Tuanku Sultan juga iaitu mempromosikan hutan simpan Ulu Muda dalam bidang pelancongan seperti di Borneo tempat pelancongan dan research center, kajian flora dan fauna di dalam hutan, di peta dunia contoh Danum Valley di Sabah, Maliau Basin di Sabah, United Nations Development Program (UNDP), World Life Fun (WWF), Malaysia Nature Society (MNS) terlibat dengan agensi kerajaan untuk usaha alam sekitar serta khususnya di Hutan Ulu Muda yang mana pernah didokumentarikan di dalam National Geographic. Perancangan jangka panjang dalam bidang pelancongan dan kajian hutan menjadikan Ulu Muda sebagai Wild Life dan National Park atau State Park untuk digazetkan dalam enakmen kerajaan negeri di masa hadapan. Hutan Simpan Ulu muda merangkumi kawasan 100 ribu hektar di kawasan Ulu Muda dan kaya dengan hidupan flora dan fauna dan lebih 100 spesies mamalia, 50 spesies reptilia. Kesemuanya apa yang saya perkatakan di atas adalah tertakluk kepada Hutan Simpan Ulu muda malah melibatkan hutan simpan di seluruh Negeri Kedah.

YB.Dato' Speaker, saya ingin sentuh tentang sedikit pandangan saya amat bersetuju dan seikhlas hati dan sependapat dengan titah Diraja yang menekankan tentang pentingnya keharmonian hubungan di antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Baginda juga bertitah supaya di elakkan politik secara berlebihan dan sentiasa berusaha menjaga hubungan di antara satu sama lain khususnya antara kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan. Ini adalah fokus kerajaan terhadap penyelesaian isu dan permasalahan rakyat. Rakyat tidak terjejas.



Sebagai contoh, kita membangkitkan isu pertikaian pajakan Negeri Pulau Pinang Negeri Kedah dengan menyebut beberapa surat dan dokumen di antara Sultan Abdullah dengan Francis Light. YB. Dato' Speaker, sesungguhnya isu yang berbeza sepatutnya dibangkitkan di dalam gelanggang yang berbeza. Saya ingin membawa sidang ada Ahli Yang Berhormat sekalian untuk merujuk kepada pindaan perkara 1(2) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa negeri-negeri Persekutuan terdiri daripada Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang Pulau Pinang Perak, Perlis, Sabah, Sarawak, Selangor dan Terengganu manakala perkara 71 memperuntukkan jaminan Persekutuan terhadap Perlembagaan Negeri. Ketatanegaraan Malaysia yang perlu difahami ialah sebuah pemersekutuan 9 kerajaan Melayu berdaulat dengan 2 negeri selat yang diikat melalui Perjanjian Persekutuan pada 21 Januari 1948. Kemudian, diikat pula dengan Persekutuan Tanah Melayu Sabah dan Sarawak melalui Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Saya merujuk kepada senarai Persekutuan dan senarai bersama yang menyatakan tentang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan serta hak kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan seperti diperuntukkan dalam fasa satu Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan. Sudah semestinya terdapat banyak ruang kita berhujah tentang sejarah perjanjian Negeri Kedah dan pihak Inggeris yang sudah kita tahu ianya kaya dengan pelbagai rahsia dan terbuka kepada pelbagai kupasan dan juga tafsiran. Walaupun apa jua hujahan masing-masing, ianya terbatal selepas terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu melalui perjanjian dan perlembagaan yang saya sebutkan sebentar tadi dia yang menjadi counter productive kepada usaha kita.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, untuk membahaskan yang lebih mendesak iaitu berkaitan Pelan Pembangunan Kebajikan Rakyat Negeri Kedah yang harus kita perjuangkan, yang kita cintai dan kita sayangi. YB. Dato' Speaker di dalam usaha kita untuk merangka pelan penurunan yang bersaiz Mega seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, (KXP), Kedah Rubber City (KRC) mahupun Hub Logistik Special Border Economic Zone (SBEZ) yang telah disentuh dalam titah ucapan Tuanku sudah tentunya kita memerlukan gandingan yang harmoni di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan dengan mengekalkan tahap profesionalisme yang tinggi dan mengurangkan kegiatan politik yang berlebihan harap ianya akan menurun suhu yang panas di antara Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan lantas dapat usaha-usaha kerajaan negeri dapat diteruskan serta perbincangan dalam menjayakan agenda pembangunan dapat digiatkan demi kebaikan bersama seluruh rakyat negeri Kedah.



Sikit saya nak sentuh tentang sejarah! Tuanku Sultan amat cintakan sejarah Negeri Kedah terutamanya di Kota Kuala Kedah. Saya ingin menceritakan sedikit sejarah untuk perhatian sebab Tuanku pernah titah kepada saya dulu pergi belajar tentang sejarah. Kita pun dalam bidang finance dan kewangan tak pandai. Satu sejarah apabila pintu kacapuri terbuka, jarang didapati pintu ini terbuka melainkan pada saat-saat tertentu malah pintu kacapuri ini akan sentiasa tertutup satu benteng pertahanan ampuh Negeri Kedah. Pintu akan buka ketika menerima kedatangan Sultan dan pembesar. Pada tarikh 12 November 1821 ia pernah terbuka hingga mengundang padah dalam catatan sejarah nama Raja Ligor, Nakhon Si Thammarat sekarang ini nama wilayah dia. Phya Buri Sakhmuton adalah helah mencari bantuan beras kerana sedang berperang dengan Bruma telah memperdayakan Datuk Bendahara. Inilah di antara saat-saat kecewa apabila pintu kacapuri terbuka, isu pengkhianatan.

Kedah berperang dengan Siam dan British bermula tahun 1821 dan 1842 melalui Perang Musuh Bisik. 21 tahun kita berperang di Kedah, di Kota Kuala Kedah sepatutnya kita angkat Kota Kuala Kedah sebagai Dataran Pahlawan yang mengorbankan ramai pejuang-pejuang Fisabilillah. Selama 21 tahun tanpa jemu Sultan Ahmad Tajuddin berjuang akhirnya mendapat kembali kedaulatan Negeri Kedah sehingga kini salah silah keturunan Diraja Kedah tidak pernah putus dan yang paling lama dalam dunia. Kota Kuala Kedah, hasil seni reka pada ketika itu memegang jawatan Datuk Maharaja Khadi selaku anak tempatan berbanding dengan Kota A Famosa, hasil ciptaan perbuatan Portugis. Jadi, beri perhatian kepada Kota Kuala Kedah di dalam bidang pelancongan. Panglima Perang Kedah mengambil contoh nama Tengku Kudin, Tengku Muhammad Saad, Datuk Laksamana Wan Muhammad Ali, Syeikh Abdul Samad al-Falimbani dan lain-lainnya tercatat dalam tulisan masyarakat antarabangsa. Ia diiktiraf kewujudannya dalam bentuk dokumen lengkap melalui catatan British mahupun Thailand. Ini termasuklah dalam buku At-Tarikh Salasilah tulisan tempatan oleh Datuk kerani Muhammad Hassan iaitu Muhammad Arsyad berbanding dengan cerita panglima perang Melaka seperti Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir lebih bersifat legend dan tidak boleh disahihkan dalam bentuk dokumen dan kita sejarah Negeri Kedah ini memang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

YB. DATO' SPEAKER

Kubang Rotan, sila buat penutup!



YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Baik...Mana-mana catatan pengenalan Antarabangsa seperti nama Alfonso de Albuquerque dan Diogo Lopes de Sequiera, kisah mereka tercatat dalam tulisan Sulalatus Salatin oleh Tun Sri Lanang. Terlalu banyak persoalan berkenaan nama-nama panglima-panglima Melaka.

Sebelum saya landing Dato' Speaker, untuk maklumat isu di dalam kawasan saya yang telah dibangkitkan dan dihantar kepada saya. Sistem perparitan di sepanjang jalan Kuala Kedah yang gagal diselenggarakan oleh pihak agensi, saya minta perhatian menyebabkan masalah banjir kilat dan aliran masuk ke dalam rumah air yang banjir kilat ini di kawasan area Taman Seri Marina.

Yang kedua adalah Kampung Laksamana isu air yang masih lagi berlaku sampai sekarang ni yang kadang kita kita dah selesai kan banyak itu tapi itu isu masih berlaku sentiasa berlaku di Kampung Tengku Laksamana, Kampung Tepi Laut, Kampung Tok Pasai, Lorong 3, Lorong 8, Lorong 9, Taman Selat, Taman Desarina, Taman Sri Putra Kampung Tengah dan isu kerajaan negeri untuk memberikan yang terakhir masuk dalam ucapan saya kerajaan negeri sepatutnya memberi sumbangan one-off kepada Petani pesawah di negeri. Dan yang terakhir masuk dalam ucapan saya, Kerajaan Negeri sepatutnya memberi sumbangan one off kepada petani dan pesawah di negeri ini seperti Pulau Pinang yang mana telah diberi RM500 kepada setiap ahli petani, (YB. Bukit Lada mencelah)

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Boleh sikit kut! Sikit Kubang Rotan?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tak pa saya tak bagi, duduklah tak payah berdiri, letih tu!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Tadi kata nak bagi, janji macam mana ni?



YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Jadi saya mohon supaya Kerajaan Negeri Kedah juga mengikuti kerajaan Pulau Pinang yang memberi one-off sebanyak RM500 walaupun ada duit sumbangan daripada kerajaan persekutuan baru-baru ini termasuk dalam bajet tetapi kita lebih prihatin kepada Negeri Kedah dan negeri jelapang padi. Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker saya dengan ini menjunjung kasih dan menyokong titah ucapan tuanku sultan sekian terima kasih dan Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih Kubang Rotan, Ahli-Ahli Yang Berhormat dia kalau nak mencelah pun kita celah di tengah-tengah Janganlah kawan tu nak turun bas sangat dah kita pun nak pergi percu kot itu juga dia duk reling mata speaker pun kena tengok juga! Tengok masa yang sesuai nak celah, kita celah. Kalau ending orang kita nak p celah tu tak sesuailah silakan Pedu.

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Rahmanir Rahim Alhamdulillah Rabbil Alamin Washolatu Wassalamu Ala Asrofil Ambiya Iwal Mursalin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in. Terima kasih YB. Dato' Speaker yang telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan titah ucapan Tuanku pada hari pembukaan. Yang Dihormati YAB Jeneri, Yang Dihormati Barisan Exco, Adun-Adun, Ketua-Ketua Jabatan, Muslimin Muslimat yang dirahmati Allah sekalian. Jadi, pada hari ini peluang untuk saya berucap untuk bahasa usul ini, jadi banyakkah Adun-Adun telah berucap dengan apa yang telah diterjemahkan oleh ucapan titah Tuanku Sultan cumanya pada tengah hari ini saya nak ambil sedikit lah apa yang telah dititah oleh Tuanku mengenai warisan budaya seperti wayang kulit, tarian tradisional, permainan rakyat, makanan tradisional. macam YB. Dato' Speaker sebut tadi buah nam-nam, makanan eksotik buah keranda lagi, buah seralat. Jadi, nama-nama buah ni dah lama tak timbul cumanya kalau kita lihat la ni buah nam-nam tu masih banyak lagi ada di kampung-kampung. Kalau buah seralat tu ada juga tapi budak-budak la tak teringin nak makan dah, nak buang bulu dia tak reti dah jadi dia busuk bawah pokok. Di sini saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kedah ambil sedikit saranan daripada tuanku untuk kita bermula projek perintis di tempat arwah ustaz Azizan buat dulu ni di Carok Kaki Bunga, masih lagi ada tapak yang boleh buat projek perintis untuk menanam pokok-pokok yang telah dititahkan oleh Tuanku Sultan.



Jadi, apabila kita tanam di Carok Kaki Bunga ini bolehlah teruskan dengan projek pelancongan yang telah di titah oleh Sultan diteruskan apabila disebutkan di Tasik Pedu dengan ada gajah dia, dengan ada harimau, dengan ada macam-macam binatang di Tasik Pedu itu. Jadi, disekalikan dengan satu tempat untuk dijadikan satu projek pelancongan di Tasik Pedu. Di Tasik Pedu sekarang ni ada beberapa pegawai daerah bertukar 5 tahun ini 4 orang dah, setiap pegawai daerah merancang untuk buat pusat pelancongan di Tasik Pedu, elok nak jadi sikit tukar DO lain pulak, elok nak jadi sikit tukar,

Alhamdulillah walaupun bertukar orang tapi perancangan itu masih lagi bergerak untuk menuju ke cadangan yang telah dirancang pada awal dulu. Jadi sedikit lah buah mula untuk pelancongan. Jadi, buah nam-nam tu takpalah lepas ini kita buat cicah dengan dengan garam belacan. Jadi, sampai sana sat gi kita bolehlah jumpa untuk projek-projek ini.

Yang keduanya, saya nampak apabila Tuanku sebut benda-benda tradisional. Saya nampak di Padang Terap ini ada projek apa, orang sana panggil tajuk padi huma. Kalau orang nak tau tanam dak padi huma ini dia tak guna benih dia mengajuk, Bahasa buku panggil apa tak tau, kita tak mengaji Bahasa buku ini. Bukan menabur! Padi huma ini dia tajamkan kayu, dia pacak dia bubuh biji dalam lubang itu. Lani, di Padang Terap khususnya di Kg. Kubang Bemban, Kg. Bogas dan Kg. Bukit Buluh sedang rancak musim menanam padi huma. Jadi, ada potensi untuk membangun sektor ekonomi masyarakat khasnya di Padang Terap. Jadi, di sana ada banyak kebun getah yang buat semula, jadi pada hari ini saya nak mcencadangkan supaya jabatan-jabatan berkenaan contohnya RISDA. RISDA ini dia ada projek penanaman semula getah berkelompok. Kalau sorang-sorang tu payah nak jaga tapi kalau kelompok tu kita jadikan padi huma ni sebagai projek perintis untuk menambah pendapatan ahli-ahli pekebun kecil di Daerah Padang Terap.

Jadi, padi huma ni dia kos rendah pasai dia tak tengah duk tunggu air masuk tak kena meracun, banyak benda yang tak perlu cuma rumput dan racun serangga. Jadi, yang buat lepas dah ni kalau satu relung tu dia lebih kurang pendapatan dia tinggi juga, pendapatan dia kalau kasarnya 200 kilo beras, sekarang ni harga dia RM18 ke RM20, 1 kilo kalau RM20 satu kilo, kalau 200 kilo satu relung RM4,000 pendapatan dia. Jadi, tanah semula ni selalunya 3 ke 5 relung habis sikit kalau maknanya 5 relung serelung dapat RM4,000 satu musim dapat pendapatan RM20,000 pekebun kecil yang buat apa padi huma ini cuma sekarang ini yang orang tak berusaha dengan cara besar-besaran kerana kerumitan dia untuk mendapatkan menjadikan beras tu....(YB. Pengkalan Kundor mencelah)



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, padi huma satulah tetapi Padang Terap juga terkenal dengan padi wangi. Saya duk nampak padi wangi ini sekarang ini tak berapa nak wangi nak dia jadi makin merosot ataupun macam mana? Keluasannya adakah semakin berkurang hasilnya macam mana? Walaupun apakah usaha-usaha tambahan yang telah diberikan dalam usaha untuk memastikan bahawa padi wangi di Kuala Nerang itu dapat diteruskan dengan cara yang baik?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih hat tu cerita padi wangi saya dok cerita padi huma jadi cerita wangi tak wangi ni sat gi sampai tang wangi dia, lambat sikit nak wangi ini. Jadi, cerita padi huma ini orang tak berapa nak buat kerana cara untuk mendapatkan dan nak proses mendapatkan hasil dia tu susah dan lambat dan menggunakan banyak tenaga. Jadi boleh ceritalah takut tak faham tapi kena cerita juga proses membuat padi huma.

Jadi, padi huma ini dia nak kena selepas dapat buah, kita kena mengetam, kena mengirik lepas mengirik, kena mengurui, lepas mengurui, kena jemur selepas jemur kena tumbuk. Jadi, proses tradisional dia tu lambat. Jadi orang-orang yang nak buat ni dia mungkin dia rasa keberatan tu jadi benda tu tak tak dikomersialkan untuk semua cuma la orang duk buat ni orang yang paling rajin kalau malas tak boleh! Dia nak mengetam, nak balik mengirik, mengurui dia lambat proses dia! Tapi apabila saya mencadangkan ada jabatan yang ambil inisiatif ini supaya kita dapat proses pengambilan dia ada mesin untuk pukul padi ka, la mesin proses beras itu ada dah, cuma daripada mengirik nak kepada memukul itu, kalau proses itu kita dapat memberi kepada masyarakat insya-allah projek padi huma ini akan dapat diperluaskan. Tadi kita kira Smart SBB yang ni SBK pula secara kecil untuk memproses makanan tradisional yang telah dititahkan oleh Tuanku.

Jadi, padi huma yang nak wangi, dia kena tempat pembakaran pokok-pokok, tempat bakar tu lepas tu dia akan menjadikan proses mewangikan beras tu. Kalau tanah tu tanah rang dia tak akan timbul wangi tu dia, dia kena tanah pembakaran sebab tu beras dulu dia wangi sebab apa pasal proses bakar hutan, tanah macam tu dia akan jadi wangi kepada beras itu tapi apabila tanah ini dah di gunakan baja-baja kimia, dia hilang asli dia tu, cerita asli tradisional tu. Yang tu sikit bab padi huma itu.



Yang keduanya saya nak masuk mengenai masalah tanah wakaf. Jadi, tanah wakaf ini di mana-mana pun banyak tanah wakaf, masjid dan surau. Jadi apabila tanah wakaf masjid dan surau ini tidak ada geran, tidak ada pagar, tidak ada pengusaha. Jadi apabila berlakunya tanah wakaf ini banyak hak masjid, hak surau, hak kubur macam-macam hak! Apabila tanah ini tak dak geran, dan tak dak pengusaha tadi ini apabila orang masuk contohnya buat dangau tak pa lagi boleh usung dangau tu. Tapi apabila orang itu tanam pokok getah, tanam sawit, buat rumah, rumah tu harga ratus ribu selepas itu akan berlaku perpindahan antara tanah wakaf dan tuan yang masuk pengusaha di situ. Jadi, sini saya mengharap kepada Jabatan Agama untuk ambil tindakan untuk mempercepatkan proses tanah wakaf ini.

Cerita tanah wakaf ni macam-macam ada tanah wakaf asal, ada tanah wakaf mulut daripada Tok, Tok Wan ada dulu. Jadi duk bunyi wakaf-wakaf tapi geran tak ada tiba-tiba anak dia duk ingat tanah pak dia, dia pergi buat rumah lepas tu dia jadi lah sedikit pertelingkahan apabila berlaku tidak ada geran untuk menandakan bahawa tanah yang telah diwakafkan oleh keluarga dia kepada surau, masjid ataupun kubur...(YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Dato' Speaker mungkin boleh dicadangkan jika setuju pada Majlis Agama untuk mengeluarkan arahan kepada pihak masjid seluruh Kedah supaya pastikan masjid dan khususnya tanah perkuburan yang sedia ada tu ada pemilikan pada masjid mungkin kalau tunggu masjid nak mohon mungkin jawatankuasa tu rajin bertukar, orang dok harap ada kan. Jadi, satu arahan supaya semua masjid dah dapat alert dan pastikan benda itu berlaku, kalau tak ada geran buat permohonan dalam tempoh yang segeralah untuk diproses. Adakah Yang Berhormat Pedu setuju?

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terima kasih kepada Sungai Limau. Saya setuju dengan cadangan yang telah diberikan Seterusnya saya mencadangkanlah kepada semua tanah-tanah wakaf yang masih kosong terbiar sahaja. Jadi, di situ ada kadang-kadang sampai 5 relung 10 relung 20 relung lebih pun ada tanah-tanah wakaf. tanah kubur yang lama-lama jadi ambillah inisiatif daripada tak kiralah jabatan mana-mana pun buat program asnaf jadi dalam kawasan tu takkan tak dak langsung asnaf, ada asnaf kita ambil dia, kita tanamlah apa-apa benda yang boleh mendapat pendapatan, pendapatan yang mudah dan tak kalut, jagung dia rajin gak.



Kalau hat mula, buah mula kita tanam labu, tanam kundur hat tu kita tanam tak payah kawin bunga, kalau tembikai kena kawin bunga, pukul 7 nak kena kawin bunga dah takut nanti tak besar, tapi kalau labu dan kundur jadi bolehlah untuk bagi pendapatan kepada asnaf yang berada di kawasan tu. Jadi, kalau selepas itu kita adalah kita lantik kepala untuk jaga satu-satu daerah untuk memberi panduan dan perkhidmatan kepada asnaf ini untuk mencari makan di tanah-tanah yang diwakafkan itu untuk menjadi dana, kita sewa ka ikutlah yang mana kedah diluluskan oleh syarak. Yang itu, biar Pejabat Agama lah yang fikir.

Jadi, iniah satu-satu tapak yang kita rasa kena ambil satu pendekatan apabila duduk dalam hutan tak ada manfaat jadi rugilah kepada tanah yang tidak diusahakan itu. Jadi Kalau dah berebut dengan adik-beradik lagi apa semua ia akan jadi masalah sehingga bila-bila.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pedu, masa dah lebih dah!

YB. ENCIK MOHD RADZI BIN MD AMIN

Terlebih dah! Kata tak mau cakap banyak! Yang kawasan tak cerita lagi. Jadi, nak mintak sikit di kawasan cumanya nak sebut masalah titi di Kampung Padang Setoi dulu di bawah KPLB laa di bawah KKDW. Jadi, titi tu dah bergoyang 4 5 tahun jadi masa la ni pun dah tiang ditengah dah jadi tapak terapung, terhakis dibawah cuma la nih kalau benda berat lalu sikit dia akan bergoyang. Kita takut jadi macam titi Kampung Nahan. Titi Kampung Nahan dulu pun semasa kita mohon tiang tengah tu dah goyang tapi apabila tersilap langkah lori lalu lani runtuh terus. Jadi, dua titi inilah yang perlu dipercepatkan proses pembinaan. Yang lain-lain tu insya-allah semua dah ada dapat dilaksanakan.

kasih kepada pegawai kewangan negeri dan Kerajaan Negeri Kedah yang telah memberi dan meluluskan projek-projek kritikal yang tertinggal 10 ke 20 tahun dulu. Alhamdulillah semua telah selesai dan insya-allah kita akan usaha yang ke depan- kedepan ini untuk membantu orang panggil apa nikmat untuk masyarakat di Pedu khasnya. Jadi, setakat itulah yang saya sampaikan hari ini. Jadi, saya menyokong penuh ucapan perasmian KDYMM Tuanku Sultan. Sekian. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Pedu seterusnya silakan Yang Berhormat Bandar Baru.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, YB. Dato' Speaker, YAB. Datuk Seri jener, rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua jabatan, pentadbiran kerajaan negeri serta persekutuan, pihak media dan seterusnya kepada semua sidang hadirin yang saya hormati sekalian.

*Ke Kuala Ketil Membeli Baja,
Singgah Sebentar Di Kampung Jeneri,
Tiba Giliran Bahas Titah Diraja,
Bersama Kita Berpakat Membantu Negeri Insya-Allah.*

YB. Dato' Speaker, terima kasih kerana memberi ruang kepada Bandar Baru yang juga akan membahaskan usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Sidang Dun kita yang ke-14 ini. Dan saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan perpaduan, Kerajaan Persekutuan kerana dalam Bajet Negara 2023 baru-baru ini telah memperuntukkan RM1.5 bilion kepada Negeri Kedah bagi pembangunan negeri dan kita pun bersyukur atas peruntukkan itu kerana sektor pendidikan juga dan kesihatan ditambah lebih 35% oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Kedah kerana nampak kita memang memerlukan fasiliti dalam dua sektor ini yang maknanya daripada bajet terdahulu memang kita akan dapat limpahan kepada sekolah, kepada klinik kepada hospital di seluruh Negeri Kedah ini akan pertambahan fasiliti dan juga infrastruktur tapi bagai duk katalah 10 tahun dalam Dewan ni Hospital Bandar Baru tak ada lagi insya-allah kerajaan perpaduan kena buatlah lepas ini dan kita pun tau kita pun tahu hubungan kita untuk membantu negeri dalam pembangunan ini mestilah ada kebergantungan yang penting kepada kerajaan persekutuan tak boleh dinafikan! Federal and State relations should compliments each other not compete one another dengan izin YB. Dato' Speaker

Dalam amalan federalisme Malaysia kita pun memang kita perlukan Kerajaan Persekutuan tak kira siapa kerajaan negeri itu untuk membantu dalam pembangunan dan juga membangunkan negeri.



Lantas kepentingan kerajaan persekutuan dalam menjayakan projek-projek mega kita terutamanya dalam Negeri Kedah ini sangatlah penting dan melihat kepada apa yang dititahkan berkenaan dengan politik vendetta. Jadi, janganlah kita amalkan politik vendetta ini yang mana hanya mencetuskan kontroversi yang mana untuk mencapai political mileage dengan izin YB. Dato' Speaker di mana pembangunan kita gagal kemajuan kita tak tercapai tetapi akhirnya kita hanya menang sorak saja. Itu saya juga ingin berbahas berkenaan dengan pembangunan dan juga pembesaran Kulim Hi-Tech Park yang mana kita tahu sejak 1996 Kulim Hi-Tech Park pada master plan yang pertama dan kini dah masuk master plan yang kedua daripada kajian JAIKA lagi, pembesaran Kulim Hi-Tech Park ni sebenarnya sampai ke 12 ribu ekar patutnya dan sekarang ini dah sampai ke fasa keempat yang saya anggarkan dalam lebih kurang 4,800 ekar dah dibangunkan dan perlu lagi keluasan untuk pembangunan yang lebih hebat lagi dalam teknologi pelaburan-pelaburan yang berteknologi tinggi ini dan kita tahu sejak dulunya Kerajaan Persekutuan memang memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan Kulim Hi-Tech Park lebih 60% lebih 70% inisiatif di Kulim Hi-Tech Park itu ada adalah daripada Kerajaan Persekutuan dari segi promosi dari segi pemasaran mendapatkan pelabur dan infrastruktur geran dan sebagainya adalah daripada Kerajaan Persekutuan.

Jadi, jangan kita tersangat bangga dengan Kulim Hi-Tech Park ini atas inisiatif kita. Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan berapakah belanja, berapakah usaha kerajaan negeri untuk menarik pelabur yang banyak di Kulim Hi-Tech Park setakat ini. Saya anggarkan lebih kurang ada 41 MNC, syarikat pelabur yang besar dah ada di Kulim Hi-Tech Park dan lebih pada 74 pelabur-pelabur yang sokongan yang ada dan lebih 34,000 pekerja yang dah bekerja di Kulim Hi-Tech Park itu mungkin dah ada penambahan sekarang ini dan di mana nilai saya anggarkan setakat kuartar ketiga 2022 ini sebanyak RM126.4 bilion pelaburan nilainya dah ada di Kulim Hi-Tech Park.

Jadi, setakat ini berapakah perbelanjaan dan usaha kerajaan negeri yang telah ditaburkan di Kulim Hi-Tech Park itu yang mana saya sangat kuatir ke atas pelan pembesaran Kulim Hi-Tech Park ini kerana kita sekarang ini menghadapi beberapa masalah di Kulim Hi -Tech Park, tanah pun dah tak cukup dah, pengambilan tanah pun ada masalah mungkin kerajaan boleh kongsi apakah status yang sekarang pasal ke 4A fasa ke 5 sepatutnya dah siap, sepatutnya dah mulakan infrastruktur tetapi pengambilan tanah lagi masih belum selesai. Bagaimana nak jual dari masa ke depan ini? Macam mana nak lebih besar dan lebih ramai lagi pelabur-pelabur akan datang kalau tak ada tanah di Kulim Hi-Tech Park tersebut?



Ke mana pembesaran, ke mana master plan kedua, ke mana Kulim Hi-Tech Park, the greater Kulim Hi-Tech Park ke yang dalam masa yang akan datang bukan kita tengok dalam masa sekarang saja ini di masa yang 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun yang akan datang ini di mana Kulim Hi-Tech Park dan apakah perancangan kerajaan?

Saya juga sangat berterima kasih kepada MPKK dan tahniah kepada MPKK kerana benchmark E-10 yang telah dijalankan dan telah berjaya membantu pelabur-pelabur mewujudkan fasiliti, mewujudkan kilang-kilang dengan cepat di mana semua pelan-pelan pembangunan dicepatkan dalam proses E-10 ini tetapi sedihnya saya bila proses cepat, tanah pula tak cukup! Bila proses cepat, kualiti pelabur pun tak berapa nak bagus! Saya bagi satu contoh Aspen Glove, saya rasa saya memang bagi benchmark Aspen Glove ini sebagai satu syarikat pelabur yang hebat di mana berjaya dalam proses E-10 tetapi tiba-tiba dah tutup dah, tinggal sign board saja, tinggal hutang saja kepada KTPC. Apakah yang dibuat oleh kerajaan dan bagaimana kerajaan membuat pemilihan terhadap pelabur ini? Ini yang saya kata kita perlukan pelaburan yang berkualiti! Jangan kita ligan kuantiti, berapa pelabur nak mai di Kedah, berapa pelaburan nak mai di Kedah tetapi kualiti pelabur itu kita tak tengok! Kulim Hi-tech Park ini adalah hanya untuk 'targeted' industri sahaja, 13 target sektor sahaja yang dibenarkan masuk dalam Kulim Hi-Tech Park yang lain tu pi lah tempat perindustrian yang lain.

Contoh kalau semua pakat lalu kot Simpang 4 Kulim Hi-Tech Park tu signboard Kulim Hi-Tech Park tiba-tiba ada sign board besar EB Frozen Food mana teknologi tinggi sangat EB Frozen Food ni tapi saya sangat bangga lah bila saya pergi ke Jaya Jusco, AEON Big saya pergi ke tempat frozen.

YB. Dato' Speaker saya dengan anak-anak tiba-tiba anak saya tegur dah ada produk baru di AEON yang itu EB Frozen. Baru saya perasan mungkin ini dan adalah dikeluarkan oleh produk Kulim Hi-Tech Park. Adakah lebih kita bangga sekiranya frozen food ini diletakkan di Halal Park kita, satu signature pendustrian yang mengeluarkan produk-produk makanan halal, ubatan halal dan sebagainya di Sungai Petani. Dah masuk fasa kedua tetapi diletakkan di Kulim Hi-Tech Park mana relevennya kan dan saya juga melihat kepada kualiti-kualiti pelabur yang saya rasa perlu dilihat semula, dibuat pemetaan semula, kerana kita ada banyak lagi kawasan industri yang baru dan lama di dalam Kedah ini. Saya takut nanti semua akan caca marba KHTP nya SBEZ nya semuanya akan bercampur aduk Kedah Rubber City nya dan dan saya juga mohonlah Kulim Hi-Tech Park ini di buat 'realignment', 'segmentation' semula' pemetaan semula tentang 13 target industri tu YB. Dato' Speaker.



Kita perlukan 'wafer fab, advanced technology, medical, proses automation, optical industry, auto-electronic industry, bio-technology industry, advanced material, aerospace yang duk masuk pelaburan di Kulim Hi-Tech Park bukan yang biasa-biasa ada di Kulim Hi-Tech Park.

Kemudiannya YB. Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian berkenaan dengan pelancongan yang saya rasa dulu kita bagi alasan pelancongan ini suram, malap disebabkan oleh pandemik PKP dan sebagainya tetapi sampai la ni pun duk suram juga! Orang ramai pelancong tapi duk suram juga! Peniaga duk merungut juga tak tingkat-tingkat pun pendapatan! Di manakah silapnya dan inilah puncanya titah Tuanku supaya kita wujudkan Signature Kedah tersebut.

Saya ambil contoh di Bandar Baharu saya tak nak pergi jauh yang mana Pelan Pembangunan 2035 Kedah yang mana telah bagi penjenamaan 'branding' kepada bandar baru ini ada durian, saya bangga dengan durian sampai orang tengok saya pun macam berduri-duri dah kan nampak saja , bila musim durian? nampak saja bila nak makan durian kan tapi durian yang premium lah dekat Bandar Baharu kan! Kalau kat Jeneri mungkin durian yang best di kampung yang pahit-pahit tu kan. Jadi, penjenamaan daerah ini untuk durian yang mana saya tak nampak apakah usaha kerajaan untuk membantu kami durian ni? Tak ada lagi kawasan yang memang orang kata dibangunkan betul-betul apa dia nak buat industri durian dekat Bandar Baharu ni!

Semuanya inisiatif swasta yang dah sedia ada! Inisiatif baru, pelabur baru tak ada pun, masih belum ada lagi! Kalau boleh mailah bawa tanah-tanah KEDA tu buat IKS, pusat pemprosesan Produk hiliran durian ke kan? Memanglah ada satu kilang yang sedang dibangunkan tetapi belum cukup di mana di Bandar Baharulah dan signature Bandar Baharu juga contohnya udang galah, ikan baung, tapi pengkalan pengkalan masih teruk lagi kepada nelayan-nelayan darat! Nelayan-nelayan darat, signature saya udang galah ini pun sampai orang nak beli pun saya tak tahu nak habaq nak beli di mana? Merata nak kena cari udang galah ini, tak ada tempat spesifik pusat jualan yang mana Jsaya memang duduk selalu mengadu kepada Pegawai Daerah sekarang ini...(YB. Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Bandar Baharu, saya nak ingatkan ada 2 minit lagi!



YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Baru topik kedua! Saya ingin berterima kasih kepada Dato' Pegawai Daerah yang saya selalu duk buat aduan pasal Bandar Baharu. Macam mana kita nak bangun ni? Ramai yang bertanya macam mana nak membangunkan Bandar Baharu ni? Bila Bandar Baharu nak maju? Bila Bandar Baharu ni nak dibangunkankan? Saya mohon supaya pegawai-pegawai daerah yang mai ke Bandar Baharu tu, dia akan menjadi satu driver pembangunan kepada daerah tersebut dan janganlah pinjamkan sat-sat saja pegawai-pegawai daerah ni dan saya berharap Dato' Pegawai Daerah yang saya ni akan lebih lama lah! Sebab saya nampak usaha tu hebat dia akan berdiri teguh di belakang saya duduk lah bukan berdiri duduk-duduk! Terima kasih Dato' Pegawai Daerah sebab saya nampak banyak yang kerajaan boleh buat untuk membangunkan negeri bila ada signature -signature itu boleh dikomersilkan, diketengahkan dan yang penting akan menambah pendapatan rakyat. Kuih dangai cara kuih dangai, cucur peneram cara cucur peneram, dan di Bandar Baharu saya harap lebih banyak eko pelancongan, Islamic Tourism, 'package durian stay' yang mana 'local content' inilah yang patut kita bangun dan kita komersialkan di setiap negeri supaya pendapatan negeri juga akan ditambah. Saya nak cerita sikit pasal Kedah Aerotropolis boleh tambah sikit tak masa?

YB. TIMBALAN SPEAKER

1 minit!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Kedah Aerotropolis! Kita jangan duk sebut dan fokus KXP tolonglah! Kita habaq satu perancangan yang sangat besar dalam Negeri Kedah ini ada Kedah Aerotropolis, besar perancangan kita jangan fokuskan kepada yang kecil tu KXP, tak! Jangan! Jadi, untuk Kedah Aerotropolis ini saya tengok semua statement, Titah Tuanku, statement daripada kerajaan, semua sama sahaja ditulis economic game changer' dengan izin 'economic game changer' dengan izin, yang tu kita tahu dah kan sampai sekarang ni kita dah kena game dah pun kan sampai sekarang 'the game has been change' sudah pun kan sebab kita dah banyak kali dah bentang! Dah dekat beberapa Perdana Menteri bentang, berapa Menteri kita dah bentang dah kan! So 'the game has been change now' dengan izin so sekarang ini saya berharap macam Anak Bukit kata kita ni sokong menyerit nih, terpacak! Betul tak Anak Bukit?



Kita sokong Kedah Aerotropolis ni, satu orang kata katalist, pembangunan ekonomi bagi Negeri Kedah dalaman Negeri Kedah dan seluruh Wilayah Utara ini akan berubah dengan Kedah Aerotropolis ini Insya-allah tapi perlulah yang tu yang saya kata tadi tu nak kena ubah game sikit! Kita perlu baliklah buat sebab kita tahu kajian kebolehlaksanaan Kedah Aerotropolis ini dah dibuat banyak sejak 2014 sampai sekarang dan kita tahu keputusan kajian kebolehlaksanaan itu adalah sangat positif!

Memang boleh jadi katalis Kedah Aerotropolis ini tetapi ada dua komponen dialah teknikal dan kewangan. Kebolehpayaan kewangan, bab teknikal semua dah KXP Airport City Holding dah buat dah! Dh terbaik jawatankuasa teknikal tersebut! Dia dah bentang! Dia dah buat libat urus semua kita tahu dah kajian-kajian itu tetapi lani keupayaan kewangan tu kita kena tahu, kita kena tengok kita kena buktikan kepada Kerajaan Persekutuan di samping kita nak kena full fill dan kita kena bantu untuk kajian pelan strategik Lapangan Terbang Kebangsaan tu! Itu yang NASP itu! Jadi, kita ni berharap kita akan bersama-sama lah berganding bahu tak kisah pihak belah sini atau belah sana untuk sama-sama pastikan! Kalau boleh belah sini duduk belah sana rasanya lagi cepat Kedah Aerotropolis ni akan dibangunkan dalam Negeri Kedah ini Insya-Allah! The game has been changed Insya-Allah!

Akhir sekali, YB. Dato' Speaker berkenaan dengan digitalization! Saya punya ucapan ni sebenarnya berlandaskan prospek Kedah yang dalam dunia digitalisasi dan demokrasi!.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat Bandar Baharu, saya dah bagi ruang yang lama dah!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Last! Last! ICT! ICT! Kalau saya tak sebut ICT ini dia macam lain sikitlah! So ICT ni saya mohon YB. Dato' Speaker, terima kasih banyak-banyak! Kedah Digital saya cukup terima kasihlah kepada bahagian IT Kerajaan Negeri Kedah sampaikan kita punya buku soalan bertulis dan jawapan bertulis kita punya Titah Tuanku pun semua dah guna QR code dah 'paperless' ini sangat baiklah untuk Kedah Digital ini dan untuk merealisasikan 'cashless' ka Kedah Digital ke apa semua ni last YB. Dato' Speaker, kita perlukan infrastruktur ICT kita! Saya cadangkan supaya kita betul-betul guna OSA, kita gunakan untuk dia menjadi One Stop center betul-betul One Stop Agency betul-betul untuk pastikan semua telco, semua penyedia perkhidmatan, semua infra ni jendela kah apa, apa yang nak mai pun melalui OSA ini! Satu kerajaan negeri akan dapat pendapatan! Yang kedua, kita boleh mapping infra tu ikut kehendak kita!



Jadi, kerajaan negeri, semua agensi, semua badan, semua kampung, semua tempat yang kita nakkan coverage, kita nakkan jalur lebar, kita nakkan liputan dan capaian Internet, kita yang tentukan bukan depa yang tentukan! Kalau kat situ kampung tu yang perlukan Internet ramai orang, jadi kita cepatkan di situ! Jangan biar penyedia perkhidmatan tu yang tentukan! Kita melalui OSA akan tentukan keperluan kita di mana untuk capaian internet dan yang akhir sekali saya nak tanya kerajaan bagaimana pelan gentian optik dan kesalinghubungan negara NSCP? Sebab melalui fiber optik punya 'Fibration interconnection' ini sangatlah penting untuk kita capai 4G dan 5G di luar bandar atau pun di mana sahaja yang kita berada di seluruh Negeri Kedah.

Kalau boleh 'networking' itu digabungkan dengan 'networking backbone' yang sedia ada kita iaitu Kedah Net supaya semua kawasan daerah kita mendapat liputan. Jadi, saya rasa terima kasih banyak YB. Dato' Speaker kerana memberi masa kepada saya dan saya juga turut berterima kasih kepada semua pimpinan kerajaan negeri, semua pentadbir-pentadbir kerajaan negeri kerana membantu Kerajaan Negeri Kedah dalam feasibility agar Kedah dihormati dan yang terakhir sekali dua pantun daripada saya :

*Terbangun Pesat KHTP,
Tempat Industri Teknologi Bermutu,
Majukan Negeri Satu Yang Pasti,
Perlukan Tindakan Pemikiran Yang Jitu.*

Duri Hitam di Bandar Baharu,
Rasanya Enak Jadi Buruan,
Kedah Perlukan Lembaran Baru,
Agar Kembali Gema Kemajuan.

YB. Dato' Speaker, Bandar Baharu mahu menyokong Menjunjung Kasih Ke Atas Titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Sekian Wabillahi Taufik Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih yang berhormat Bandar Baharu! Seterusnya dipersilakan yang Berhormat Alor Mengkudu. Silakan!



YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Robbil 'Alamin Wabihi Nasta'in Wassola Tuwassala Mualla Saidin Mursalin Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajma'in. YB. Dato' Speaker, YAB. Menteri Besar, Exco-Exco, ADUN –ADUN, ketua-ketua jabatan, seluruh pegawai kerajaan, hadirin dan hadirat yang dikasihi sekalian.

Pertama saya ucap terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian dalam ucapan membahas usul menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada kelmarin dulu. Oleh kerana masa pun agak terhad memandangkan Sidang DUN ini saya kira sidang yang terakhir untuk penggal ini. Mungkin bagi setengah orang tu mungkin terakhir sungguh, bukan setakat terakhir. Jadi saya sendiri pun telah pun gitu lama berada di DUN ini dan berasa macam nak 'compile' balik seluruh ucapan saya tu, daripada mula dulu 1999 berada dalam DUN dekat 20 tahun lebih. Kalau boleh 'compile' balik saya ingat jadi satu buku ucapan ni.

Tidak lama lagi kita akan adakan Pilihan Raya Negeri (PRN) dan ini kali pertama dalam sejarah PRN dan PRU ni tak sekali. Jadi, kalau kita lihat Pilihan Raya Umum 15 (PRU-15) yang lepas adalah pada 19 November 2018, sementara Sidang DUN pada 4 Julai 2018, ertinya mandatori DUN ini akan tamat saya kira kena 5 tahun, pada 3 Julai ini tamat. Ertinya kalau tak dibubarkan pun dia akan bubar dengan sendiri, DUN kita akan bubar dengan sendiri. Rasa cepat na 5 tahun, ertinya masing-masing akan tak menjadi lagi ADUN selepas daripada inilah, kecuali menang dalam pilihan raya.

Saya difahamkan akan dibubarkan pada Jun, jangkaan. Kalau bubar pada Jun itu mungkin akan berlaku selepas daripada Raya Haji lah, selepas Hari Raya Haji mungkin akan diadakan dibubarkan DUN jadi, kita akan hadapi pilihan raya. Dalam pengalaman saya, selepas sesuatu bubar DUN ni kita 70% akan berubah dalam DUN ni, 70% tak ada lagi, muka baru nak tinggalkan dalam 30% 40% tu pun cukup banyak, dia berubah, ia akan berlaku perubahan, itu perkara biasalah. Akan ada yang tak ada di sini, akan ada lagi akan sambung, mungkin dia tak sambung kerana dia tak dicalonkan oleh parti dia, boleh jadi. Macam YB. Guar Chempedak tu dah jadi Ahli Parlimen ni tak masuklah kut, dah jadi Ahli Parlimen... Jadi, ini dia berlaku.

Yang kedua mungkin dia masuk, mungkin dia kalah, tak dak juga. Jadi, kebiasaan perubahan dalam DUN ini memang berlaku. Kalah dan menang macam dalam Al-Quran kata, *'watilka ayyamu nuda wiluha bai nannas'*. Surah 'Ali Imran Ayat 140 sebahagian daripada ayat iaitu demikian, *"pada hari itu dalam dunia ni peristiwa-peristiwa kemenangan atau kekalahan kami gilirkan di antara sesama manusia"*. Ada masa



menang, ada masa kalah, itu satu perkara biasa dan tidak boleh ada satu jaminan dan dia berlaku perubahan sebenarnya, adangkala kita tak boleh jangka satu-satu tu. Macam pilihan raya yang lepas, hat Parlimen lepas. Sebenarnya semua orang terperanjat dengan putusan pilihan raya, orang yang menang sendiri pun terkejut, Aish! Dasyat kemenangan ni, tetapi dia tak boleh kekal, dia tak mungkin kekal, ia boleh berlaku perubahan dalam politik. Kecenderungan rakyat seperti angin dan rebut, siapa pun tak boleh kawal, itu Allah s.w.t yang boleh kawal. Jadi, itulah yang berlaku.

Dalam politik yang disebut oleh Tuanku adalah perlu kepada kestabilan politik. Politik ni sebenarnya nak stabil tak stabil terletak kepada ahli-ahli politik lah, kalau dah menang, duduk cara menang, kalau dah kalah, duduk cara kalah. Kalau dah duduk menang sebagai kerajaan duduklah sebagai kerajaan, duduk pembangkang duduk sebagai pembangkang yang masalah dia duduk tak senang. Dia nak duduk jadi kerajaan dia tak mahu jadi pembangkang itu pun satu masalah, bila dia jadi pembangkang dia kacau kawan yang menang tu. Bila dia kacau duk pi hinggut, ia jadi tak stabil. Tapi kalau kita menghormati satu keputusan, kalau dah mana-mana pihak jadi kerajaan bagi dia selesai jadi kerajaan satu penggal, lepas tu nilailah semula, tak payahlah kita duk hinggut, kacau kami tak mahu terima. Itulah demokrasi. Esok kita akan bahas satu Bil. Rang Undang-undang mengenai Anti Lompat, tak dibenarkan lompat lagi, isu tu, isu pasal dia tak bersedia untuk menerima kekalahan, dia tak bersedia untuk menerima dia jadi pembangkang, dia tak boleh nak duduk macam tu, dia bila-bila pun dia nak jadi duduk sebelah pihak yang menang, itu tak boleh berlaku. Kalau itu boleh diterima sebagai satu perkara atau keputusan kehendak rakyat, kita terima lah kehendak rakyat maka politik pun menjadi stabil. Yang kerajaan jalankan tugas sebagai kerajaan, pembangkang 'check and balance' sebagai pembangkang, semak dan imbang, masing-masing ada tugas masing-masing. Jadi, saya rasa selepas ada Bil. itu untuk sesi akan datang tidak berulang lagi penggal yang sekarang ni, yang sebelum ini Parlimen lah, tak jadi lagi huru-hara politik InsyaAllah, supaya ahli-ahli politik ini lebih menghormati satu keputusan rakyat.

Ini berkaitan dengan pilihan raya nak bagi negeri dengan Pusat selaras, senang memerintah ni sebenarnya rakyat buat keputusan lagi senang, kalau rakyat nak lah rakyat faham, ubah saja kerajaan negeri ini sama macam Kerajaan Pusat, pilihan raya empat lima bulan lagi senang. Tapi orang sana kata, "tak boleh lah". Jadi, rakyat buat keputusan ubah, sebab pilihan raya terdekat ini bagi sama, bagi sama selesai masalah, tapi itu rakyat kan, terpulang kepada rakyat nak buat.



Saya nak sebut satu lagi pasal 'reform'. Saya tengok sejak dari dulu DUN kita tak berlaku satu 'reform', sama walaupun saya dah 20 tahun lebih berada di DUN. Sebenarnya kita ni Dewan Undangan Negeri ialah 'lagislative body' (badan perundangan) sementara ada pihak nu adalah 'executive'. 'Lagislative' ni sebenarnya ia perlu diberi satu peranan yang lebih luas sepertimana di Parlimen sudah dibuka peranan. Kita kurang ada 'selective committee' iaitu jawatankuasa khas. Kalau kita nak jadikan betul-betul kita tak boleh saja bergantung kepada mari masa ni lah baru nak berucap, jadi kita mempunyai peluang yang sangat terhad untuk kita berucap. Yang kedua, kita berucap tanpa satu maklumat yang lengkap. 'Why not' selain daripada kita ada PAC, kita ada satu jawatankuasa-jawatankuasa 'selective committee' (Jawatankuasa Khas Yang Dipilih), pertanian, ada ADUN yang bukan menjadi eksekutif, Exco sudah ada pertanian, ada yang bahagian pelaburan, ada yang bahagian lain, 'selective committee', jadi barulah mula peranan 'check and balance' tu bukan saja nak tunggu dalam Dewan tetapi ADUN-ADUN semua mempunyai maklumat bercakap pasal KHTP contohnya, tak apalah macam YB. Bandar Baharu dia pernah terlibat di situ tetapi kita semua kita bukan tahu duk sebut saja lah. Ada lawatan untuk ADUN-ADUN dibuat? Ada taklimat diberi kepada semua ADUN mengenai KHTP? Tak da kita tak tahu apa, apa yang berlaku di KHTP, apa masalah. Ada kita ada maklumat pasal mengenai pertanian MADA buat macam mana dan sebagainya, isu-isu yang berkaitan, tak dak.

Walaupun kita tak perlu tahu semua, tapi ADUN tu mengikut bahagian masing-masing boleh diberi, dimaklumkan. Jadi, barulah pandangan itu boleh diberi dengan begitu baik oleh oleh ADUN-ADUN. mIni berlaku di Amerika Amerika, negara yang maju. Mereka ada 'committee' di peringkat sana, dasar luar, satu 'commette', pembangkang pun ada, kerajaan pun ada, ada dalam satu dasar luar. Ada dasar mengenai sekian-sekian, ada dalam tu 'selective committee', ini 'reform' yang perlu dibuat. Sekarang ni di Parlimen kita sudah mula dibuat 'reform', committee-committee yang akan memanggil kementerian-kementerian untuk bentang kepada mereka untuk semua Ahli Parlimen tanpa mengira latar belakang. Ada kadangkala pihak pembangkang jadi pengerusi 'sellective committee' ada tu kerajaan jadi barulah ADUN yang dibayar dengan gaji yang agak baik itu ada tugas. Apa tugas KPI wakil rakyat? KPI saya, saya makan kenduri, banyak setiap bulan saya ada kenduri. Takkan itu KPI, makan kenduri bukan KPI, pi ziarah orang mati bukan KPI, itu sampingan sosial saja. Tetapi yang berkaitan dengan kerajaan, itu sebenarnya pengetahuan kita tentang perjalanan negeri, itu KPI. Pandangan-pandangan yang diberi oleh kita KPI, tapi setengah ADUN nak cakap apa kita pun tak ada maklumat, akhirnya tanya soalan, jawab, habis, selesai.



Jadi, kalau kita nak pergi lebih jauh, saya berbalik kepada kita punya Dewan ini, Dewan ini kita mula pindah di sini 15 April 1993, dekat 30 tahun dah duk guna Dewan ini. Pada ketika saya masuk tahun 1999 Dewan ni dah ada dah di sini, lama. Sekarang kita sudah kembang, keperluan kita sudah mula berkembang. Dulu ada dengar ura-ura nak buat satu kompleks dewan yang baru, ada dengar! Ada dengar! Tapi sekarang ni sampai masa perlu difikir oleh kerajaan akan datang dan juga pentadbir walaupun kita tak boleh nak guna lagi bukan macam kita, kita dah besara mungkin.

Sekarang nak kena fikir bahawa kita perlu ada satu Dewan Undangan, Kompleks Dewan Undangan sepertimana di Sarawak dan juga di Sabah, negeri lain saya tak pasti. MMK (Majlis Mesyuarat Kerajaan) tu sebenarnya dah kecil tu, dah kecil MMK, perlu ada satu kompleks yang tersendiri yang mana keperluan-keperluan yang ada untuk urusan ini sudah boleh diperluaskan lagi. Pertama, kerusi-kerusi atau kawasan pilihan raya akan bertambah, dah cukup masa dah. Kita 36, negeri-negeri lain berapa puluh dah, kita perlu pergi ke 48 dah DUN ni baru boleh sebab sorang DUN ini lah nak ahli 50, 60 ribu orang dah tak boleh. Ertinya kalau sekiranya kita lihat sikit ke hadapan, DUN akan bertambah, pegawai-pegawai juga nak kena ada dalam DUN, Dewan ni dah perlu jadi lebih besar sekarang dengan pertambahan kawasan Dewan Undangan Negeri dan kita perlu bilik-bilik mesyuarat yang yang tersendiri. Sekarang yang ada di MMK tu kecil, nak buat aktiviti apa pun tak boleh. Kita perlu 'library', kita perlu kakitangan yang yang boleh membantu, bahkan ADUN-ADUN ni kalau boleh sampai peringkat boleh ada 'room' ka untuk 'share', ni duk lepak rata.

Jadi, ini yang saya rasa keperluan yang perlu difikir sekarang sebab kalau kita fikir sekarang sebenarnya 10 tahun lagi baru boleh kita masuk. Itu biasa dah 'development' kita ni. Sekarang kita mula 'start' berfikir tentang keputusan untuk kata ok, kita ada satu kompleks baru. Sebenarnya yang akan berlaku adalah lagi 10 tahun, baru boleh masuk. Nak rancang, nak bina, nak itu ini, cari duit dan sebagainya, 8 ke 10 tahun lagi. Tapi kalau sekarang ni kita tak bercakap, 20 tahun lagi kita tak dak lagi. Itu yang saya nak sebut di sini supaya kita boleh fikirkan bersama.

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Alor Mengkudu, masa sebenar telah tamat!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Aih! Baru.....



YB. TIMBALAN SPEAKER

Jadi, saya bagi 2 minit!

YB. DATO' IR. HAJI PHAHROLRAZI BIN HAJI ZAWAWI

Ok, tak pa. Saya nak ambil sikit-sikit saja. Baru-baru ini di Malaysia di peringkat Persekutuan, Malaysia Madani. Di negeri ni terima tak terima saya tak tahu lah ada sesetengah tu, jadi 'straight forward point' ya. Baru-baru ni saya lalu dekat kuil Hindu tu tengok naik satu 'signboard' Malaysia Madani, sebelah gambar Perdana Menteri, sebelah gambar Ketua Pembangkang, 23 Februari 2023. Mari 26 Februari 2023 depa kata buang. Aih! Adakah Malaysia Madani diharamkan di Kedah ni? Ada perang dingin ka antara Kerajaan Negeri Kedah dengan Kerajaan Persekutuan ini? Ini menimbulkan satu persepsi, pasang naik Malaysia Madani dengan gambar Perdana Menteri, duk 3 hari pi buang! 'Whats wrong with the our' pentadbiran, sapa yang pasang, saya pun tak tau, minta kebenaran ka, tak minta kebenaran ka, apa yang tak kena? Itu satu tanda tanya kepada saya. jadi itu diantara yang saya nak tanya di sini lah.

Kemudian saya sentuh juga pasal nak tanya juga sebab masa dah habis. Apa jadi dengan kes isu tuntutan air ke Pulau Pinang? Dengar kata tubuh panel peguam. Panel peguam tu dah mula ka, apa dia punya statusnya? Bagi saya wajar Pulau Pinang bayar duit kat kita sebab hutan nak kena jaga, sungai nak kena di'maintain', ia melibatkan kos, tapi saya tahu dari segi perundangan tu tak dak. Patut kena bayar sebab kita belanja hutan tu, kita belanja jaga sungai, bukan 'free'. Rakyat kita yang nak ambil air pun kena bayar, rakyat kita, SADA nak ambil air kena bayar, tiba-tiba ada pihak tak bayar. Jadi, apa jadi dengan panel yang cerita air ni?

Seterusnya saya nak tambah sikit saja, nak sentuh sikit pasal isu tekanan rendah. Isu tekanan rendah SADA ni, bila kita tidak ada 'elevated tank', semua air yang diambil 'direct' daripada 'main pipe' utama, tekanan tak boleh dia kena ada 'elevated tank' dan masing-masing pasang pam. Bila pasang pam dia sedut, kalau semua orang pasang pam, dia sedut apa YB.YB., YB. Speaker? Dia sedut anginlah. Bila dia sedut angin, bil lektrik dia mahal, meter dia naik kerana angina, jadi ini masalah yang menyebabkan mungkin bil itu naik. Jadi, saya rasa ini perlu dibaiki.



Satu lagi cadangan, ini cerita cadangan saja, tak mau cakap banyak. Kita hadapi masalah kepupusan pokok-pokok ni, tadi YB. Pedu ada sebut sikit. Kita hadapi masalah pokok-pokok yang sudah pupus. Pokok keranda, anak kita tak kenai, pokok goncaq, anak kita tak kenai, pokok cenerai, anak kita tak kenai, pokok ketapang, dah tak dak, pokok qeyang, tak dak. Saya nak cadang supaya PBT ini ambil sat inisiatif tu buat semaian, buat 'nursery park' tanam pokok, buh nama, semua menghilang tak dak, ini kepupusan yang berlaku dan jadi produk pelancongan juga buh nama, ini pokok ketapang, ni pokok qeyang yang kita duk makan dulu semasa budak-budak, la bukan ada. Pokok goqah, siapa kenal pokok goqah? Tak dak pokok goqah ni, di mana pun tak tau, pokok pukul lima pun dah tak dak, dah pupus. Jadi, saya harap ini di antara perkara yang saya ingat hat tu cadangan-cadangan lah.

Satu lagi bab sampah, saya tambah saja hat duk sebut tadi. Sampah ni di antara masalah yang perlu nak tengok, kadang kala orang buh sampah dalam tong tu elok dah YB. Speaker, tapi kawan hat duk kutip sampah tu, 'private' ni, dia pi 'kecaq' sampah tu, dia duk pi cari kutip sampah, dia susah, dia pi 'kecaq' sampah bukan dia buh balik, dia biar sekeliling. Hat ni pun nk kena tengok, kadang-kadang duk dalam raga elok, dia mai kutip hat persendirian ni. Ini satu masalah yang perlu dilihat.

Akhir sekali, tak dah dah, YB. Speaker pun duk 'jegey' kat saya tu. Pertama saya nak ucapkan terima kasih kepada semua kakitangan kerajaan, kita dah nak penghujung ni, yang telah memberi khidmat yang baik sepertimana Tuanku titah, keselamatan tentera, polis, bomba, semua pegawai-pegawai tadbir, khusus pasal kita ni berurusan dengan MMK, khususnya kakitangan MMK ni di bawah Setiausaha iaitu Setiausaha ini memberi khidmat bagi saya agak baik, cemerlang lah, dalam menjalankan tugas, semasa menjalankan Sidang, tak ada kecacatan, kita boleh menjalankan Sidang dengan baik. Saya dengan ini menyokong usul menjunjung kasih kepada titah ucapan Tuanku Sultan sempena merasmikan Pembukaan Mesyuarat penggal ini. Sekian, Wabillahitaufik, Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Alor Mengkudu. Saya bagi ruang tu nampak macam nak beralah nak berundur dah. Jadi saya bagi laluan dengan cadangan-cadangan yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak lah. YB Tanjung Dawai bisik kat saya tadi 15 minit tanpa celahan. Saya persilakan!



YB. USTAZ HJ. HANIF BIN HJ. GHAZALI

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. YB. Speaker, YAB. Menteri besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai kerajaan yang dikasihi sekalian. Terima kasih kerana membenarkan saya untuk turut terlibat membahaskan titah ucapan Tuanku dan dengan berbesar hati kerana Tuanku Sultan sudi untuk berangkat hadir menyampaikan ucapan di Dewan yang mulia ini sempena Perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Yang Keenam di Dewan Undangan Negeri Kedah ini. Ramai Ahli Yang Amat Berhormat sebut seolah-olah ini adalah mesyuarat kali terakhir dan kita pun tak pasti adakah dapat bertemu selepas daripada PRN. Tapi walaupun kita berada di dalam Dewan ini ataupun tidak selepas ini, seseorang yang pernah menjadi pemimpin kepada masyarakat, dia perlu untuk meneruskan kerja khidmat dia kerana seorang sahabat Nabi pernah bertanya kepada Baginda, “*Aayunnas ahabbu ilallah*”. Siapakah orang yang paling Allah Ta'ala suka? Lalu Nabi menyatakan, “*anfa'uhum linnas*”, orang yang boleh bagi manfaat kepada orang. Berkhidmat bukan ketika mana ada ‘title’ sebagai YB. sebagai wakil rakyat, sebagai Exco ataupun Menteri Besar. Bila-bila masa sahaja kita boleh untuk menambah kebaikan sebagai bekal untuk kehidupan di akhirat nanti.

YB. Speaker, melalui titah ucapan Tuanku, bagaimana Tuanku telah membuka ucapan titah baginda Tuanku dengan simpati dan juga doa untuk rakyat Turkiye dan juga Syria. Suatu keprihatinan yang tinggi daripada pihak Tuanku Sultan dan juga membanggakan kita NGO yang pertama sampai di bumi Turkiye untuk menyalurkan bantuan kepada mangsa gempa bumi adalah daripada Yayasan Amal cawangan Negeri Kedah. Hari kelima daripada peristiwa itu berlaku, di ketika pengangkutan tidak dapat untuk menyampaikan mereka ke tempat kejadian, mereka mampu untuk sampai ke Wilayah Kateya pada hari yang kelima bagi menyalurkan bantuan yang disalurkan oleh rakyat Kedah melalui mereka. YB. Speaker, ucapan saya berkaitan dengan pujian dan juga puas hati Tuanku terhadap pentadbiran YAB. Menteri Besar dan juga kerajaan negeri kerana pelaburan yang tinggi sebanyak RM13.1 billion pada tahun yang lalu dan juga menyediakan peluang pekerjaan sebanyak 6,072 peluang adalah suatu pencapaian yang boleh untuk dibanggakan walaupun ada pengurangan berbanding dengan 2021 tetapi ia masih dalam sasaran berdasarkan kepada Pelan Pembangunan Kedah 2035 yang mensasarkan jumlah pelaburan setahun sebanyak RM10 billion.

Walaupun begitu, saya ingin menyatakan kebimbangan saya dengan perkembangan ekonomi negara kita ini walaupun bertukar kerajaan, walaupun bertukar Perdana Menteri, lagu Oh! Azizah itu rupanya tidak mampu untuk menarik pelabur datang bahkan mengeluarkan pelabur-pelabur dari negara ini sebagaimana yang telah pun kita maklumi kelmarin seperti yang disiarkan dalam media bahawa jualan bersih, pelabur yang buat



jualan bersih makna keluar daripada Malaysia pada kelmarin adalah RM556.8 juta dan itu lebih tinggi sebanyak 64% berbanding minggu lepas di mana jualan bersih pelabur asing meninggalkan Malaysia ini pada hari Isnin minggu lepas sebanyak RM183 juta. Ini perkembangan yang membimbangkan ekonomi kita yang tentunya akan memberi kesan langsung kepada Negeri Kedah yang perlu kita berikan perhatian. Jadi, saya merasakan apa yang sedang dihadapi dan akan dihadapi melibatkan semua pihak rakyat termasuklah di Kedah ini dan kita sama-sama membantu untuk menanganinya InsyaAllah.

Yang ketiga berkaitan dengan apa yang juga disebutkan oleh Tuanku dengan pujian kepada YAB. Menteri Besar dan juga kerajaan negeri dengan sebab telah pun mempermudah permohonan tanah kepada rakyat Kedah sehinggakan 2,075 permohonan telah pun diluluskan dan diberikan geran dan juga lesen pendudukan sementara. Jadi, saya rasa ini antara perkara yang baik setelah puluhan tahun ada orang kampung yang duduk rumah pusaka tapi tanah tak dimiliki lagi, tak dak pemilikan lagi. Dengan usaha yang kerajaan lakukan ini mempermudah bahkan di pihak pejabat daerah sendiri mereka bertungkus-lumus untuk meluluskan ataupun permudahkan urusan pemberian hak milik ini patut untuk diberi pujian dan diteruskan oleh mana-mana kerajaan sekali pun. Jadi, bila kita bagi satu jengkal tanah saya yakin tak kiralah siapa sekali pun pegawai ataupun pihak kerajaan akan mendapat saham yang amat berguna di akhirat nanti. Tapi kalau sejengkal tanah dizalimi, diambil dengan cara yang tak betul dengan sebab kuasa yang ada pada kita, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam pernah menyatakan “***man zholama qidash syibrin thohithohush min sab'i aroddhin***”. Siapa yang mengambil sejengkal saja daripada tanah hat orang dengan cara zalim, ambil secara zalim, sejengkal sahaja bukan banyak mana pun buat pagar atas tanah orang, atas tanah kebun orang, sejengkal saja... tapi kesannya akan dipikulkan tujuh lapis bumi di akhirat nanti. Hadis riwayat Imam Bukhari dan muslim.

Yang keempat Kedah Aerotropolis. Saya berminat dengan apa yang dibicarakan oleh Ahli-ahli Dewan berkaitan dengan tajuk ini bagaimana ianya adalah suatu projek perancangan yang begitu lama sejak daripada 2013 dan Tuanku menyentuh bahawa projek ini wajar dipertimbangkan setelah lima kajian kebolehlaksanaan telah pun dibuat. Satu perkara yang tak patut dibuat oleh pihak Kerajaan Pusat seolah-olah Kerajaan Kedah ini tidak ada perancangan yang teliti macam seolah halai balai yang dibuat dengan kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam Dewan Parlimen sendiri ada sesuatu yang tidak wajar dibuat. Saya ulang tuan-tuan, tidak wajar untuk dibuat sebegitu terhadap Negeri Kedah yang kita yakin projek ini akan memberikan impak bukan sekadar di Negeri Kedah bahkan di kawasan utara ni untuk masa depan.



Walaupun mungkin ketika mana projek ini telah berjaya dilaksanakan nanti ketika itu mungkin bertukar kerajaan, mungkin bertukar pegawai-pegawai tapi kesannya ataupun positifnya adalah untuk rakyat di masa depan untuk anak-anak kita generasi yang ke depan nanti, InsyaAllah.

Yang seterusnya SADA dan air. SADA dan air pun disentuh banyak dan saya di kawasan yang sering menghadapi masalah air, DUN Tanjung Dawai. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan dan juga pihak SADA yang telah pun memulakan pemasangan paip di DUN Tanjung Dawai di mana projek sejauh 57.7 +kilometer daripada Bukit Selambau menuju ke Tanjung Dawai telah pun dimulakan pemasangan paip-paip yang paling kecil 300mm, paling besar, besar kereta kancil. Saya tak boleh nak bayangkan projek pemasangan paip itu yang akan bermula daripada Sungai Lalang nanti sebesar kereta kancil paip tu yang akan melintas landasan kereta api, yang akan melintas Lebuhraya Utara Selatan, satu perkara yang patut untuk kita kita renungkan. Kalau kritikan yang diberikan tidak akan menyelesaikan masalah, kita kena tolong sekurang-kurangnya meringankan apa yang sedang dihadapi. Saya rasa masalah air di DUN Tanjung Dawai ini puncanya adalah seperti dimaklumi, sumber air maka projek LRA di Bukit Selambau telah pun dimulakan setelah daripada tidak dapat dilaksanakan awal sebelum ini. Kalaupun dibuat saya yakin, kalau dibuat 2018 ataupun 2020, saya rasa tak boleh selesai juga sampai sekarang dengan masalah covid dan macam-macam masalah. Saya kadang duk lepak pi tengok depa pasang paip saya tanya kontraktor, apa masalah? Masalah kerana ada kabel Telekom, kabel Maxis, ada paip lama, jumpa pokok besar, tuan-tuan pun tahu pokok besar, besar pemeluk ke atas tak boleh terbang sembarangan sekarang ni.

Tuan-tuan, permasalahan-permasalahan yang berlaku tu tak kira lagi dengan rumah orang yang dibina atas rezab jalan, ada kontraktor kata kat saya, “siap projek ni Ustaz suruh tuan rumah ni buat kenduri kambing”. Pasal apa? “Kami pindahkan pemasangan paip daripada sebelah rumah dia mai ke sebelah lain. Kalau kami nak ikut apa yang dirancang awai, kami belah tengah-tengah rumah dia, pasai rizab bahu jalan. Tapi kita pertimbangkan banyak perkara untuk memastikan projek ini berjalan”. Saya ingin menarik perhatian, ‘Secretariat’ Pas Wakil Rakyat Kedah dengan kutipan duit tiap-tiap bulan sejak 2018, kami kutip tiap-tiap bulan ratus ringgit dan kami sewa lori hantar air SADA kepada orang yang memerlukan, yang telefon SADA, SADA bagitau di mana nak perlu dihantar lori dihantar.



Saya mengalu-ngalukan dan saya minta SADA juga menyokong, kalaulah Bukit Selambau contoh, ataupun bahagian pembangkang di sebelah sana berkongsi untuk sewa lori, air tetap ambil air SADA, contoh hantar air di Bukit Selambau, nak boh banner boh la kot, YB. Bukit Selambau na, boh gambar YB. Bukit Selambau besar-besar, boh lambing parti pun saya rasa tak dak masalah, “INGAT AIR, INGAT YB.”. Boleh dak YB. Bukit Selambau? Ni dekat pilihan raya ni. Saya fikir, yang masalah utamanya menyelesaikan masalah rakyat, rakyat nak air, sapa hantar dia tak peduli walaupun parti-parti. Saya rasa pilihan raya dah dekat ni, parti-parti sewa lori hantar air lah, tak kira, hantar! Kalau dekat pilihan raya nanti jampi air tu pun boleh aih, bagi lembut pengundi, untuk sokong dia. Yang penting air mesti sampai kepada orang yang minta, yang menghadapi masalah.

Mai macam-macam.... “Ustaz.... masalah ni... mandi junub tak boleh....” Hat tu perkara pertama sekali disebut hat tu, Allah... Itu masalah-masalah yang berlaku. Nak buka sekolah minggu depan, saya tak boleh bayangkan, dekat raya, bulan puasa, raya, anak-anak berkira-kira dah nak balik tak balik raya nanti dengan air tak. Jadi, bagi saya tak perlu berkira. Saya di Tanjung Dawai dalam tempoh 5 tahun ni kita korek telaga tiub, 30 telaga tiub dengan kerjasama orang kampung, dengan bentuk bentuk wakaf dan sebagainya, ada yang masih digunakan, ada yang tak diguna, tapi kita usaha untuk biar ada sumber air walaupun tak keluar melalui paip di rumah dia. Jadi, saya rasa kalaulah ada menyatakan ketidakprihatinan SADA, mengikut rekod SADA dari 2018 sampai 2022, kos hantar air SADA ni ke rumah-rumah kawasan-kawasan terjejas ni YB. Speaker, “I have the numbers”, saya ada nombor. 2018 RM580,000, 2019 RM1.9 juta, 2020 RM3.8 juta, 2021 RM5.2 juta, 2022 RM6.6 juta dibelanjakan oleh SADA, kos sewa lori dan hantar air kepada rumah-rumah yang berkaitan. YB. Speaker dan Ahli Dewan, saya tak dibayar, sekarang ni air masih ada cumanya sumber perlu untuk dicari dan juga disampaikan air tu.

Masa depan anak-anak kita, tuan-tuan Ahli Sidang sekalian, kita orang Islam terutamanya mengaji berkaitan dengan dajjal. Dajjal bila mari nanti hujan tak turun bertahun, air tak dak, makanan tak dak, minuman tak dak, hari ini masa air pun kita tak boleh nak bayangkan orang marah kepada kita, bayangkan ketika dajjal mari air tak dak, makanan tak dak, ketika tu mak, ketika tu suami ataupun ayah akan berusaha bukan fikir bab makan, nak pertahankan iman anak-anak dan juga isterinya. Seorang pemimpin ketika itu bukan fikir bab makan minum air dah kepada rakyat, nak bekal iman rakyat dia ketika itu kerana siapa beriman dengan dajjal hujan turun mencurah-curah, makanan menggunung, tapi yang menentangnyanya akan kenyang hanya dengan zikir sepertimana disebutkan oleh Nabi.



Seterusnya hubungan kerajaan negeri dengan Kerajaan Pusat. Saya rasa apa yang disebut oleh YB. Bukit Selambau kita berurusan dengan Pusat jangan ego, kena sopan apa semua. Saya rasalah bila kita nak menuntut hak kita, ada tahap-tahap dalam membuat tuntutan, ada ketika tuntutan tu dengan cara yang lembut, cara yang baik, ada sampai satu peringkat bila dia tak layan, hak kita dia buat macam hak dia, kita berkorban tapi dia tak hargai, ada ketika kita kena bertegas kerana kita nak hidup berjiran dalam keadaan yang baik. Seolah-olah sepertimana peribahasa menyebut, “memekik di padang yang luas”, teriakan kita, apa yang kita minta tu tak dilayan. Saya nak bagi contoh sepertimana dalam Dewan ini juga saya pernah bagi contoh dulu, bila Kerajaan Pulau Pinang merayu kepada Kerajaan Perak untuk beli air, Kerajaan perak tak layan dengan sebab keperluan di sana pun terjejas dah. Kalaulah mereka boleh dapat air selama ini di Kedah, tiba-tiba kita minta sedikit bayaran mereka tak layan, itu tak sepatutnya berlaku. Sepertimana yang YB. Alor Mengkudu sebut, apa yang kita perjuangkan hari ini untuk generasi ke depan. Hari ini di Pulau Pinang mereka jual air, jual di pelabuhan harga lain, mereka kaut keuntungan tapi kita guna apa yang kita dapat untuk memastikan sumber air itu terpelihara dan dapat untuk memenuhi keperluan hidup.

Saya ingin menarik perhatian sepertimana disebutkan bahawa Kerajaan Pusat telah membuat satu tindakan yang positif terhadap Kedah dengan memperuntukkan projek-projek sebanyak 443 projek dengan nilai RM1.45 billion di Kedah tahun. Tapi kita kena sedar, bila Menteri Ekonomi mengumumkan dalam Sidang Parlimen baru-baru ini baru 50% daripada projek pembangunan untuk 6 negeri pembangkang, rupa-rupanya pembangkang itu disebut sekali dengan Sabah dan Sarawak. Bila ditengok daripada apa yang disebutkan oleh Menteri Ekonomi itu mendapati Kedah hanya dapat 4% saja, Kelantan 7%, Terengganu dapat 4% dan juga Perlis 2%, Sabah dapat 18%, Sarawak dapat 15% daripada projek pembangunan. Kita bangga kata kita dapat RM1.45 bilion, tapi nilainya hanya 4% sahaja, satu jumlah yang sedikit, tak patut yang berlaku bagi saya. Jadi, saya juga berharap dengan apa yang dibuat sekarang ni tuan-tuan. Mungkin tuan-tuan di Sidang belum mengetahui, Radio Kedah telah pun menyekat beberapa orang pengkuliah, sekitar 10 orang daripada berkuliah di radio. Saya tak pasti, ni Kerajaan Madani. Moga-moga dapat untuk membuat satu keputusan yang waras, InsyaAllah.

Yang seterusnya saya rasa apa yang disebutkan oleh YB. Kota Siputeh berkaitan dengan pemuda yang katanya terdedah dengan fitnah dan sebagainya setelah daripada Perdana Menteri PMX dan juga Menteri KDN baru-baru ini yang berkunjung ke Kedah memperkatakan sesuatu tentang anak muda, tentang anak muda yang tak wajar disebut, beberapa bulan sebelum ni disebut anak muda yang mak, ayah beli seluar dalam lagi untuk depa, tak matang, tak boleh fikir lagi. Lepas tu disebut tentang pendidikan anak-anak muda yang kurang berpendidikan, kurang pendapatan menyebabkan tak dapat sokongan.



Saya rasa Jitra, Anak Bukit, Sungai Tiang, adakah anak-anak muda di kawasan Yang Berhormat kurang matang, kurang cerdik sepertimana yang didakwakan itu, saya rasa tak patut. Jadi, saya melihat di kawasan DUN Tanjung Dawai, 150 meter dari rumah saya ada Masjid Al-Busyra yang “meletop”, tok imam dia lompat, lari. YB. Menteri Besar kita pun lompat, lari, terjun, rugby dan macam-macam, dia pun macam tu juga, meletup Masjid Al-Busyra ni. Bila buat pagi Jumaat, makan pagi percuma, saya melihat dalam tempoh cuti ini, hari Jumaat sembahyang Subuh macam sembahyang Jumaat tuan-tuan. Cerita niat mai nak sembahyang Subuh ka nak makan percuma tu, hat tu kita letak ke tepi lah, tapi tarikan yang dibuat itu, anak muda. Saya melihat bila saya pi sembahyang Subuh nak tengok, pi tu kena duk saf belakang sekali pasal ramai, muslimat duduk dia ruang lain pula pasal ramai. Hat mai sembahyang tu naik bas, mai dari negeri lain nak tengok Masjid Al-Busyra ini. Tapi yang ramai dalam majlis ilmu dan juga sembahyang-sembahyang terutama Subuh bila pagi Jumaat adalah anak muda. Adakah anak muda sebegitu tak berfikiran waras lagi ataupun kurang cerdik? Saya rasa dalam menghadapi anak muda ni kita jangan koyak lah, kita kena terima mereka sekarang ni di era mereka, di zaman mereka, bukan macam kita dulu, mereka tak boleh terima bila Facebook mereka disekat, tiktok mereka dihalang, maka mereka akan buat tindakan-tindakan yang tak yang lebih keras sepatutnya terhadap orang bertindak demikian terhadap mereka.

Akhir sekali isu Dun Tanjung Dawai. Ada berapa minit lagi YB. Speaker?

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ada 3 minit lagi!

YB. USTAZ HJ. HANIF BIN HJ. GHAZALI

Saya ingin memohon kepada pihak Pejabat Tanah dan Galian berkaitan dengan Masjid Fatimah, Sungai Pial yang bercadang untuk membina masjid baru, majid dah lama dah dan ada masalah berkaitan dengan status tanah. Jadi, mereka mengharapkan moga-moga dapat diselesaikan dengan segera bagi memulakan proses mencari dana dan sebagainya untuk pembinaan masjid baru Fatimah di Sungai Pial.

Yang kedua, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada mantan- mantan Pegawai Daerah Kuala Muda dan juga Pegawai Daerah yang sekarang ini atas keprihatinan sehinggakan Projek Pemecah Ombak di Kampung Huma yang kita sebut dalam persidangan sebelum ni sedang dilaksanakan dan saya rasa mungkin dalam 80% sudah pun hampir siap, InsyaAllah yang akan menyelamatkan rumah-rumah yang berada di tepi pantai di Kampung Huma tu yang terjejas sehinggakan ombak sampai dua tiga meter sahaja daripada rumah tapi Alhamdulillah, projek itu telah pun dimulakan hampir siap.



Juga terima kasih kerana projek titi baru yang juga kita bangkitkan dalam Dewan ini iaitu di Kampung Pengkalan Kakap depan Masjid Pengkalan Kakap dan saya rasa 80% dah pun siap. Moga-moga kalau tak sempat siap waktu nak sambut Ramadhan ini raya moga-moga siap untuk senang jalan sebagai perhubungan. Ucapan terima kasih juga kepada Pejabat Daerah, MPSP, SADA dan sebagainya, agensi-agensi yang terlibat dengan penempatan semula rumah kediaman penduduk di Pantai Rhu ke Kampung Bagan Belat baru-baru ni yang telah pun diserahkan kunci dan saya rasa benda ni saya alami sendiri dan banyak disebut dan kelmarin pun ada sebut semasa dDuk makan di kafe kelamrin iaitu suka pihak kami mencadangkan agar pihak JKR untuk melihat adakah sesuai lampu lampu isyarat di jalan raya itu, di simpang itu, laluan yang sama ada hijau sebelah lagi merah, maknanya biarlah, kalau berjalan, berjalan semua line, hat hijau, hijau, tak dak yang tunggu sebelah. Boleh faham kut no? Saya pernah dalam beberapa bulan lepas hampir dilanggar dengan kereta yang cukup lajulah. Saya rasa lah, kalau saya kena hari tu, saya bukan lagi Yang Berhormat, Yang Berhormat Almarhum saya rasa. Pasal jalan 'traffic light' dekat UITM tu dah pun merah tapi menuju ke MRSM itu hijau. Jadi, kereta yang datang daripada arah bertentangan dia nampak yang hijau yang patut nak pi MRSM, jadi saya nak menuju ke UITM, sikit lagi, kalau kena saya rasa Innalillah dengan kelajuan kereta tu dia mengajar lampu hijau yang bukan lampu dia pun.

Yang terakhir sekali, kepada pegawai-pegawai terutama YB. Pegawai Kewangan Negeri dan pegawai-pegawai yang mungkin akan menamatkan perkhidmatan dalam tempoh ini, saya mengucapkan jutaan terima kasih atas jasa-jasa yang telah pun diberikan khususnya di DUN Tanjung Dawai dan juga pegawai-pegawai yang mungkin juga akan mengikut jejak yang sama mengakhiri perkhidmatan dalam Kerajaan Kedah ini. Moga-moga apa yang dilakukan, disumbangkan itu diterima oleh Allah Ta'ala sebagai amal yang bermanfaat, boleh dibawa sampai akhirat, InsyaAllah. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan oleh YB. Speaker dan akhir sekali saya menyokong titah ucapan Tuanku. Wallahu'alam, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Tanjung Dawai.

YB. DATO' SERI MENTERI BESAR

YB. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a) Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang Dewan pada pagi ini disambung semula pada jam 2.30 petang selepas ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari.



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB, Tuan Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih. Saya bersetuju dengan usul yang dikemukakan. Kita ada baki 6 minit lagi, jadi YB. Pengkalan Kundor ada 6 minit sekarang dan akan sambung selepas jam 2.30. Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Salam Rahmah. Yang saya muliakan YB. Tuan Speaker, YAB. Jeneri, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, rakan-rakan ADUN, pegawai-pegawai kerajaan, pemerhati, para media, tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah sekalian. Pertama saya ucap terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker dan juga memberi laluan kepada saya sebagai pembahas yang terakhir. Saya kira tidak mudah untuk menjadi pembahas yang terakhir sebab semua point orang ambil dah. Jadi, saya nak cakap apa kan?

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih di atas titah ucapan perasmian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku pada dua hari yang lepas. Jadi, saya kira banyak titah Tuanku di awal-awal ucapan memberi pujian kepada kerajaan negeri termasuklah yang telah disebut oleh ramai pembahas iaitu daripada segi pelaburan yang masuk dalam Negeri Kedah, RM13.1 billion pada tahun 2021, 2022 dan pada tahun sebelum itu lebih banyak iaitu RM68.3 billion. Tuanku juga menyebut bahawa 90% daripada jumlah itu adalah di tapak yang telah sedia ada iaitu di Kulim Hi-Tech Park. Jadi, soalan saya kepada kerajaan yang juga kelmarin saya sebut, berapakah jumlah pelaburan yang diusahakan atas inisiatif kerajaan negeri untuk menarik pelaburan dan daripada jumlah itu berapa yang sebenarnya atas usaha inisiatif kerajaan negeri? Pasal apa, dengan mengetahui jumlah itu usaha-usaha yang lebih gigih perlu dilakukan untuk menjadikan Kedah ini sebagai tempat yang menjaga kepada pelaburan. Walaupun pelaburan kalau 2021 itu paling tinggi RM68.3 billion tidak pernah berlaku dalam Negeri Kedah tapi saya melihat kepada jumlah KDNK kepada perkapita, Kedah masih lagi berada di bawah, dengan Perlis pun kita kalah, kita berada nombor dua di bawah iaitu selepas Kelantan. Saya kira mungkin ada benda yang tidak 'tally', pelaburan masuk banyak tetapi hasil yang diperolehi tidak sebagaimana pelaburan yang masuk.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD.SAMAT

YB. Pengkalan Kundor!



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya harap YB. Timbalan Speaker kita akan bagi banyak masa selepas...

YB. TIMBALAN SPEAKER

Bergantung kepada YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ya, saya bagi sebab masa ada 3 minit lagi, jadi selepas itu saya sambung selepas 2.30 nanti. Bagi masa yang lebih sikit.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD.SAMAT

Nak tanya sikit, pendek saja. Saya tak tanya panjang-panjang macam YB. Pengkalan Kundor tanya. Adakah YB. Pengkalan Kundor bila kita sebut KDNK ia juga bergantung pada hasil-hasil Kedah dan sebenarnya tujuan pembinaan Kedah Aerotropolis untuk kargo dan sebagainya bagi memastikan hasil-hasil kilang-kilang di Kedah ni berdaftar di Kedah Kastamnya supaya ia menjadi hasil negeri, kalau sebelum ni Penang yang akan dapat nama. Jadi, itu merupakan antara kaedah kerajaan berfikir untuk meningkatkan KDNK.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya faham tu, tetapi saya banding dengan negeri-negeri yang tak dak lapangan terbang, tak dak pelabuhan pun, Perlis contohnya lebih tinggi daripada kita. Jadi, di mana tak kenanya angka tu, adakah angka tu tak kena ataupun bagaimana?

Saya terus pergi kepada beberapa teguran yang dititah oleh Tuanku. Antaranya adalah teguran bagaimana Tuanku nak supaya hubungan yang harmoni di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Saya kira titah Tuanku itu adalah sangat 'relevan' berdasarkan kepada kalau ikut kronologi bagaimana hubungan yang tidak harmoni ini bermula sebelum pilihan raya lagi. Dalam kempen pilihan raya lagi kita melihat bagaimana, betullah YAB. Jeneri sebagai individu tetapi apabila dia membawa institusi Menteri Besar itu menjadikan seolah-olah hubungan yang tak harmoni yang bermula sebelum pilihan raya dan saya tak nak ulas apa yang diperkatakan sebab ia telah menjadi kes mahkamah. Jadi, saya kira tidak ada dalam negara kita sekarang ini seorang Menteri Besar yang disaman oleh PM, satu-satunya Kedah kita. Jadi menunjukkan bagaimana tidak harmoninya hubungan itu sebelum pilihan raya dan....(YB. Timbalan Speaker mencelah)



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, kita sudah sampai kepada jam 1.00, nanti sambung.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ok, terima kasih YB. Timbalan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dewan ditangguhkan sementara dan akan bersambung pada jam 2.30 petang ini. Terima kasih

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengahari]



[Dewan disambung semula pada jam 2.30 petang – 14 Mac 2023]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat petang. Dewan disambung semula, silakan YB. Pengkalan Kundor.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Tadi point saya adalah menasihati supaya hubungan harmoni di antara kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Saya menyebut tadi bagaimana hubungan ini yang sebenarnya sebelum pilihan raya lagi, sebelum PRU telah bermula bagaimana dalam kempen di Tambun, YAB. Jeneri bukan sebagai individu semata-mata tetapi sebagai institusi Menteri Besar telah membuat tuduhan fitnah kepada Yang Amat Berhormat pada masa itu belum lagi menjadi Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Tuduhan yang sama telah masuk ke mahkamah beberapa orang dan telah diputuskan di mahkamah bahawa itu adalah fitnah. Jadi, saya kira tuduhan yang sama dan keputusan yang sama juga akan dibuat oleh mahkamah dalam konteks pertuduhan yang sama itu. Selepas itu... saya tidak benarkan YB. Sungai Limau sebab banyak lagi ni.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Kira YB. Pengkalan Kundor bagi keputusan awal sangat sebelum mahkamah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Selepas PRU kita tengok bagaimana selepas itu pun dalam beberapa ucapan, di Sik contohnya..... (YB. Bukit Lada mencelah)

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Peraturan... Peraturan Dewan. YB. Dato' Speaker, 8(c).

YB. DATO' SPEAKER

Peraturan berapa tu?



YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Peraturan 9(c) Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati dan bermusuhan-musuhan. Jadi, saya harap tidak ada wujud tuduh menuduh sebab ini perkara mahkamah, jadi tak perlulah kita nak pi tuduh kawan ni betul siapa betul siapa salah lagi kan? Agak-agak boleh terus!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Rolling! Saya akan terus. Bukan saja sebelum pilihan raya tetapi selepas pilihan raya pun beberapa ucapan di Sik contohnya bagaimana YAB. Jeneri kondem Kerajaan Madani secara 'destructive', yang saya tidak perlu ungkapkan di sini, saya akan berikan selepas ini kalau mahu. Pada masa yang sama dalam ucapan lain pula bagaimana suatu mesyuarat bersama dengan Perdana Menteri dibocorkan juga. Jadi keseluruhan peristiwa itu menampakkan, mewajarkan bagaimana hubungan yang sangat tegang di antara individu sama individu tetapi membawa institusi Menteri Besar tu sendiri, bermakna juga mengheret 2.2 juta orang rakyat Kedah. Jadi, atas alasan itu saya kira Tuanku telah menegur.

Yang kedua, hubungan yang tidak harmoni juga dengan Perlembagaan Persekutuan. Bagaimana YAB. Dato' Seri MB telah kondem ataupun membuat provokasi kepada perlembagaan itu sendiri, Perlembagaan Persekutuan negara kita Malaysia dengan cara mempertikaikan kedaulatan Pulau Pinang. Mempertikaikan kedaulatan itu adalah sesuatu yang seolah-olah mempertikaikan perlembagaan itu sendiri sebab Perlembagaan Persekutuan sebagaimana disebut oleh YB. Sungai Limau tadi telah memberi hak, telah memberi 'right', telah memberi..... (YB. Sungai Limau mencelah)

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Peraturan Dewan. Peraturan berbahas muka surat 31, 8(6) Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat... muka surat 31. 36(6). Jadi, minta YB. Pengkalan Kundor yang menuduh YAB. Jeneri mempertikai Perlembagaan Persekutuan. Yang kita tuntutan daripada Pulau Pinang, Pulau Pinang perlu bayar....



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya nampak bahawa itu suatu sangkaan jahat kerana memang beliau mempertikaikan kedaulatan Pulau Pinang dan kewujudan Pulau Pinang itu adalah mengikut Perlembagaan Persekutuan yang telah diberi hak dalam perlembagaan itu sebagaimana perlembagaan itu juga memberi 'right' kepada Negeri Kedah, Johor dan seumpamanya. Tiba-tiba ada manusia pertikai perlembagaan itu. Jadi, kita nak kata apa? Pertikai perlembagaan itu kita nak kata apa?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

YB. Pengkalan Kundor, YB. Dato' Speaker, tak dak siapa yang mempertikaikan perlembagaan. Kita dengan Pulau Pinang kita menuntut bayaran.....(YB. Pengkalan Kundor mencelah)

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Nak suruh saya pasang ni ka, video ka?

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Menuntut bayaran tentang air, kita jaga air dan kita minta daripada Kerajaan Persekutuan untuk bayaran macam royalty lah pajakan dipertingkatkan. Itu yang berkaitan dengan apa yang telah pun kita tuntutan.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Itu point saya yang ketiga. Saya ada video di mana YAB. Jeneri mempertikaikan kedaulatan Pulau Pinang.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Jadi, kalau ada benda yang dipertikai itu ia bergantung kepada siasatan di luar dan sebagainya. Bukan kita bersangka jahat di dalam Dewan ini, peraturan sedia ada. Itu suatu tuduhan.



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya nak 'rolling' daripada Speaker. Saya tidak pernah bermaksud membuat tuduhan ataupun berniat jahat, ini adalah ucapan daripada beliau yang saya rasa rakyat Kedah mesti pertahan kedaulatan kita dan juga negeri-negeri lain.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Ya, kita pertahankan!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

YB. Pengkalan Kundor, rasanya itu kenyataan daripada YAB. Jeneri pun bukan dia berniat jahat, sekarang ni YB. Pengkalan Kundor yang berniat jahat....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kuala Ketil... address kat Speaker dulu!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Minta maaf YB. Dato' Speaker.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Jadi kita minta YB. Pengkalan Kundor tarik balik kata YAB. Jeneri mempertikaikan perlembagaan sebab perkara itu bukan sepertimana yang telah pun kita bahas dalam Dewan ini tentang Pulau Pinang dan sebagainya. Tuntutan kita kepada Pulau Pinang berkaitan dengan air, khusus kepada Pulau Pinang dan juga tentang pajakan itu kepada Kerajaan Persekutuan.

YB. DATO' SPEAKER

Tak pa, YB. Pengkalan Kundor dah bawa keluar isunya, masanya akan sampai bila YAB. Jeneri akan memberikan jawapan nanti. Tak pa, point itu sudah difahami boleh masuk point lain pula.



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Jadi saya kira inilah sikap harmoni yang disebut oleh Tuanku Sultan supaya dengan perlembagaan mesti dihormati, dengan Perdana Menteri Persekutuan mesti dihormati. Perkara yang ketiga adalah berkait dengan tuntutan tadi yang kita sebut 'riparian right'. Ini juga saya kira bukan perkara yang berkait dengan politik semata-mata tapi berkait dengan undang-undang.

Jadi, kita nak supaya Penasihat Undang-undang dan lain-lain yang berkait dengan undang-undang memberi nasihat yang betul. 'Riparian right' ni sejauh mana sejauh mana? Apakah yang telah dibuat itu maksudnya mengira sampai 'catchment area'. 'Catchment area' Kedah katanya 90%, 'catchment area' Pulau Pinang 10%. Apakah itu benda yang betul, sesuatu yang betul? Saya kira ini tidak perlu politikkan. 'Riparian right' ini seluruh dunia memahami 'right' ini, 'right' untuk guna air di kawasan lembangan masing-masing. Jadi kita harap ini juga perlu diselesaikan melalui undang-undang jadi kita rasa tidak perlu dipolitikkan.

Yang seterusnya adalah nasihat Tuanku adalah supaya mengelak daripada berpolitik secara berlebihan, ini juga nasihat Tuanku. Saya 'refer' kepada satu Muzakarah Ulama Kedah pada 17 haribulan November 2022, dua hari sebelum pilihan raya dan ianya dibaca, ianya disebut sehari sebelum pilihan raya di hari Jumaat itu resolusi yang ke 6 menyebut bahawa "mesti, pengundi-pengundi ini mesti menyokong Pekatan Nasional, mesti" dan di antara ahli-ahli yang membuat resolusi itu adalah 2 daripada Ahli Majlis Fatwa. Lalu berhubung dengan itu kami telah berjumpa dengan Dato' Mufti dan secara verbal Dato' Mufti memberi pandangan beliau kepada kami bahawa apabila wujud beberapa pilihan, parti ini memilih, ada PN ada PH ada lain-lain. Bila wujud banyak pilihan Mufti kata apa, "yang terbaik adalah sembahyang istiqarah". Jadi, tak timbul perkataan mesti yang ada di dalam resolusi tu. Jadi kita nak supaya Pejabat Agama, Pejabat Mufti untuk mengambil ini kerana ini merupakan fatwa politik yang mempengaruhi pengundi-pengundi dan ianya akan berterusan. Ianya akan berterusan..... (YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Pengkalan Kundor, ada seminit lagi! Lebih dah! Lebih 3 minit dah!

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

Dia bukan fakta Majlis Fatwa...



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Fatwa politik? Fatwa politik?

YB. DATO' SPEAKER

Tak pa YB. Pengkalan Kundor, buat penutup!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Habis dah?

YB. DATO' SPEAKER

Ha, lebih 3 minit dah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tak syok la!

YB. DATO' SPEAKER

Tak syok, memang tak syok.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Saya menghormati YB. Dato' Speaker lalu saya 'landing' saya sebut macam ni. Saya ajak semua kita untuk mewujudkan suatu bentuk kerajaan yang sangat harmoni yang diungkapkan sebagai konsep Malaysia Madani. Malaysia Madani adalah suatu konsep yang diambil namanya daripada Madinah di mana pembentukan Negara Madinah berasaskan kepada suatu Ppiagam Madinah. Dalam piagam itu ada 47 fasal, 23 fasal berkaitan dengan hal ehwal orang Islam sesama orang Islam, Ansar dan Muhajirin. Manakala 24 lagi lebih satu adalah berkaitan dengan antara orang Islam dengan orang non-muslim.

Jadi saya ajak untuk kita sama-sama membina Masyarakat Madani ini, sama-sama kita menghormati antara satu sama lain, sama-sama membina suatu suasana harmoni, rahmah, rahmah untuk semua dan kita juga harus bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menokhtahkan kemiskinan tegar dalam negeri kita dan seterusnya



menyusun semula pembahagian agihan kekayaan kepada semua rakyat dalam negara kita yang akhirnya untuk kita melihat Negeri Kedah negeri yang bukan berada pada tahap hari ini, dalam masa dua tiga tahun yang akan datang InsyaAllah kita akan melihat Negeri Kedah ini jauh lebih maju daripada apa yang kita ada sekarang.

Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada YB. Dato' Speaker, semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat sebab ini mungkin yang terakhir, saya juga tak tahu lepas ni ada di mana. Kalau nampak macam kasar tadi saya minta maaf. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Saya juga menyokong usul yang dititahkan oleh Tuanku dua hari yang lepas.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Pengkalan Kundor. Semua pakat habaq mungkin terakhir, mungkin terakhir. Siapa nak duduk dalam Dewan ni pula tak tau. Silakan yang terakhir YB. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Mungkin terakhir juga kut.

YB. DATO' SPEAKER 18.21

Terakhir jugak? Jangaann...Muda belia lagi tu.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Nak jadi Ahli Parlimen Kuala Ketil pulak lepas ni. Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah rabbil 'alamin wassalatu wassalamu ala asyrofil ambiya iwal mursalin wa'ala alihi wasohbihi ajma'in. YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Pegawai-pegawai kerajaan, ketua-ketua jabatan, tak lupa kepada Tuan Pegawai Daerah saya Baling, 2 hari dah duk sini tengok kita. Seterusnya tak lupa juga kepada sahabat saya Senator YB. Cikgu Nasir mewakili Daerah Baling yang akan membawa.....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Mewakili Negeri Kedah!



YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ok, tarik balik mewakili Negeri Kedah dan Daerah Baling untuk menyuarakan suara-suara di peringkat negara dan juga tak lupa kepada Senator YB. Ustaz Musoddak bin Ahmad yang juga dilantik sebagai Senator bagi penggal ini dan tidak lupa juga kepada sahabat YB. Sungai Tiang dan YB. Bandar Baharu yang baru saja berhijrah ke sebelah sana, tak jauh la, baru 2 hari. Tapi tak dak pula petang ni, nak hentam depa ni. Terima kasih di atas pelantikan YB. Suka Menani sebagai Ketua Pembangkang pada sesi kali. Seterusnya Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan yang dirahmati Allah sekalian.

Pertama dan selamanya kita panjatkan sepenuhnya kesyukuran kepada Allah s.w.t atas limpah kurnia serta izinnya dan rahmat kasih sayang Allaht dapat kita dipertemukan pada Sidang kali ini walaupun ada yang dah bersungut mungkin Sidang yang terakhir bagi mereka sebab saya jangkakan selepas PRN nanti yang sebelah sana dah tak dak, sebelah sini semua pi sebelah sana dan semua jadi kerajaan, habis dah sana. Tapi saya ada 13 perkara YB. Dato' Speaker, kalau lebih sikit-sikit saya ingat tak pa kut? Yang pertama, "beta mengambil berat perihal kerajaan beta, beta berpuas hati dengan pentadbiran di bawah pimpinan Mamanda Menteri Besar". Ini kenyataan pertama yang dikeluarkan oleh Tuanku sewaktu titah pada 12 Mac 2023. 'Cashless' ini Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan sekalian, besar maknanya, maknanya satu penghargaan daripada Tuanku kepada kepimpinan yang ada pada hari ini, tak perlulah kita nak pertikaikan titah ini ditulis oleh siapa sekalipun. Kalau kita Yang Berhormat pun pi buat ucapan di majlis, yang karang tu kerani, kita tak kata jawapan ni dikarang oleh kerani, tidak! Kita kata jawapan ni daripada kita sendiri, ucapan daripada kita, yang ini adalah lahir daripada diri Tuanku sendiri.

Yang inilah kita kena ambil maklum bahawa Tuanku amnya sangat rapat dengan kerajaan, berpuas hati dengan pelaksanaan apa yang berlaku dalam kerajaan pada hari ini. Tetapi saya pun hairan, semua Yang Berhormat di sana semua duk bersyarah satu benda saja, tajuknya "kerjasama yang baik, hubungan yang baik antara Kerajaan Pusat dengan kerajaan negeri", yang tu saja duk pusing, ada 2 atau 3 Yang Berhormat saja yang bersyarah tentang perkara-perkara lain. Banyak perkara yang dinukilkan oleh Tuanku dalam titah ini yang banyak mendatangkan positif kepada kerajaan hari ini. Jangan ambil yang negatif saja, kita kena mencadang juga. Kalau yang positif kita ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan yang buat kerja ni. Yang Berhormat ni buat kerja saja sebagai dasar dan polisi tetapi yang buat kerja adalah kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan.



Kena bagi “thank you” kepada mereka semua, terima kasih kepada mereka sebab mereka yang buat kerja, buat kertas kerja, bentang, pi taklimat, pergi mesyuarat dan sebagainya. Itulah kejayaan pada hari ini, kena bagi penghargaan.

Yang keduanya adalah sistem E-10 yang diperkenalkan oleh MPKK (Majlis Perbandaran Kulim, Kedah), satu benda yang positif perlu dilaksanakan oleh semua PBT. Saya harap perkara ini boleh dilaksanakan pada semua PBT, paling cepat supaya urusan tanah itu lebih awal, barulah kita dapat laksanakan kepada semua PBT.

Kita lihat, Aspen Glove telh mencapai tahap yang terbaik daripada 24 bulan kepada 10 bulan dan kita nak minta daripada YB. Guar Chempedak mungkin ada lagi industri-industri lain yang telah mencapai tahap ini. Kalau tercapai lagi baik dan kita nak ulas balik apa yang YB. Bandar baharu kata tadi, kita jangan pilih kualiti, nak pilih kualiti, siapa nak pi tanya kilang tu hang buat ni macam mana kualiti, siapa nak nilai dia sebelum dia beroperasi. Dia belum operasi lagi kita nilai kualiti dia macam mana. Orang nak mai melabur di tempat kita, kita panggil mai lah, kita panggil mai melabur, buat produk, kalau dia tak capai, dia pun ada ISO dia, dia boleh buat peningkatan kualiti dia. Siapa kita untuk menentukan kualiti dia dulu, teruklah YB. Exco nak pi tanya hat kualiti dulu. Kita nak alukan sebab kita perlukan pelaburan untuk anak-anak Negeri Kedah khasnya yang bekerja dalam sektor tersebut.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Sedikit pencelahan YB. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Saya tak bagi, tadi pun Yang Berhormat tak bagi kepada saya. Yang ketiga, saya bawa kepada program ‘cashless’, tiada tunai. Program ini kalau Ahli-ahli Yang Berhormat dan tuan-tuan semua tengok, ini adalah hasil pemikiran strategik YAB. Menteri Besar kita, Menteri Besar yang pertama melancarkan program ini, tapi tak dak siapa ulas. Kita buat tanpa tunai, kita mula pada tahun 2020 sebab ada covid, pembayaran ditak boleh di kaunter, kita buat secara online. Kemudian, 2021 kita buat i-bayaq, tambah dia punya peranan. 2022 kita dah pi kepada Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan Pejabat Hutan, Pejabat Agama, Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Vetarinar, JKR, JPS dan Pejabat SUK. Sambutannya amat menggalakkan dan kita kena bersetuju ini menjadi satu mercu tanda ke arah yang lebih baik. Sistem ini bukan kita ‘copyright’, ia di‘design’ orang Kedah sendiri, pegawai kerajaan kita yang ‘design’, buat dan kita laksanakan. oleh negara kita hasil ni yang saya maklumat tentang segala yang boleh kita laksanakan.



Hasilnya dengan sistem ini, 2020 kita dapat RM18.9 juta, 2021 kita dapat RM27.3 juta, 2022 dapat RM54.7 juta dan Februari 2023 saja kita dah dapat RM26.2 juta. Maknanya hari ini dan saat ini, YB. Bukit Lada 'bank in', Pegawai Kewangan dah tau dah 'income' masuk di mana, dah dapat.

Tentang segala sistem ini yang boleh kita laksanakan dengan lebih baik. Kita minta perkhidmatan ini menyeluruh dalam semua sektor, semua jabatan di dalam Negeri Kedah ini supaya lebih baik. Saya ambil pengalaman sewaktu misi di Turkiye bulan lepas, saya baru balik saja.

Maknanya kita pergi di kiosk yang paling atas bukit sekali pun nak beli satu benda dia bagi untuk kita buat secara menggunakan 'debit card' kita. Dalam debit card tu ada ditulis siap-siap dah nak guna lira, nak guna USD atau Euro. Kita tekan semasa itu, kita boleh check Maybank kita boleh keluarkan transaksi, gunakan duit ringgit kita. Kalau 1,000 lira, dia akan keluar dah berapa ratus duit kita dah dikeluarkan. Maksudnya perkhidmatan yang mudah, yang cepat, termasuk inisiatif kerajaan nak buat di masjid-masjid. Orang nak derma, tak perlu buka tabung derma. Buka tabung orang curi, tutup pagar orang tak boleh derma, la buat QR Code bagi orang derma. Bermakna bila dia gunakan sistem, guna kad, derma RM100 pun tak terasa, tapi kalau bawa keluar dari poket, ketaq tangan-tangan nak bagi RM100, banyak ni, sampai tahap itu lah. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan negeri yang buat pelancaran 'cashless' ini dan boleh dilaksanakan kepada semua jabatan dan agensi.

Seterusnya yang keempat ialah tentang tanah, tentang pelaksanaan memberi geran tanah kepada rakyat. Memang sahabat-sahabat dah bahaskan ya. Perkara ini sesuatu yang positif, yang baik yang rakyat sudah berapa lama tunggu untuk dapat geran ini, tiba-tiba hari ini kerajaan har ini boleh buat Yang Amat Berhormat kita atur setiap daerah buat program bagi. Ada makci-makcik tu yang mai teriak. Dia kata, "tanah ini dimohon oleh tok dia, tok dia dah mati, pak dia mati dah, ni saya yang tukang terima, saya pun 3 selenden dah (maksudnya uzur)". Mai, teriak waktu terima. Maksudnya tempoh masanya cukup panjang. Saya nak ucapkan tahniah kepada Pejabat Daerah Baling (Tuan DO kita ada di sini), kita wujudkan Jawatankuasa Tanah untuk selesaikan kes-kes sebegini ternasuklah tanah-tanah penempatan dari Jabatan Hutan, tanah-tanah RV Jabatan Vetarinar dan juga pertanian. Kita wujudkan Jawatankuasa dan banyak kes dapat diselesaikan. Tahniahlah untuk Pejabat Daerah Baling.

YB. DATO' SPEAKER

Jawapan macam YB. Exco saja...pasal apa?



YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Ada harapan kut no? Hilang point dah.

YB. DATO' SPEAKER

Dak! Saya berasa macam Exco yang duk berucap tu.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Macam MB. Bukan no? Seterusnya perkara kelima tentang KXP. Tak palah depa sebut Aerotropolis ka, KXP ka, cerita dia lebih kurang dalam kawasan tu lah. Panjang cerita tak mau, semua dah cerita, semua faham. Tapi saya nak ingatkan janganlah kita kerana nak bagi Pulau Pinang besarkan airport dia, kita sekat peruntukan di Kedah. Nak buat Pulau Pinang saya tau, saya pernah terlibat dalam isu alam sekitar di situ. Nak tambak laut sampai 3 pulau, tambaklah, tak dak masalah nak bagi pun tapi janganlah sekat hat Kedah, bagilah apa salahnya. Kenapa kita bagi alasan utamakan Pulau Pinang dan Subang, kita tangguh sat hat Kedah. Kenapa? Jangan ada perasaan dendam itu, nak bagi, itu duit kerajaan bukan duit PMX, duit kerajaan, bagilah. Sejarah ni dah panjang cerita dah. Kalau PMX nak maklumat lengkap, boleh taip untuk mendapatkan maklumat daripada YAB. Dato' Seri Menteri Besar kita, tak perlu telefon kontraktor dan sebagainya. Saya dengar ini sewaktu YAB. Menteri Besar buat siding media semalam. Ini suatu kekesalanlah apa yang berlaku. Perkara yang keenam adalah bersetuju dengan titah Tuanku tentang meningkatkan taraf Jeti Kuala Kedah untuk lebih efisien pergerakan feri ke Langkawi. Saya pun tak mau hurai panjang tetapi saya bersetuju untuk dikekalkan Kuala Kedah kerana ia adalah satu lambang ikonik kepada kawasan tersebut dan kalau ditinggalkan dan kita bergerak ke tempat lain kemungkinan kawasan Kuala Kedah akan mati. Biarlah di situ, naikkan taraf sebab sekarang ini kalau orang parkir di situ silap-silap haribulan air pasang besar, kereta tenggelam. Jadi, biarlah naik taraf kepada parkir dan sebagainya untuk kemudahan orang ramai pergi ke Langkawi.

Seterusnya perkara ketujuh. Saya bersetuju dengan Tuanku berkenaan warisan budaya seperti wayang kulit, tarian tradisional termasuk Tuanku sebut "buah khanda", buah khanda ni budak-budak kena demam campak boleh guna, nam nam, buah nam nam ni orang makan duk menyicah garam lagutu lah dah buah seqalat, buah seqalat ni kalau orang perempuan duk tengok waktu bulan puasa boleh meleleh 'ayaq lioq', sedap buah dia tapi susah nak tanam. Ini benda-benda yang istimewa termasuk warisan-warisan lama.



Memang ada sebahagian daripada Yang Berhormat mencadangkan supaya dibukukan dan sebagainya. Saya tunjuk kepada Ahli Yang Berhormat semua ada ni buku dia, “Kedah Dulu-dulu”, hasil sumbangan Perpustakaan Negeri kepada saya. Di dalam ni ada semua gambar raja dulu-dulu naik tongkang di pelabuhan dulu, bab Pulau Pinang pun ada dalam ni, semua ada dalam ni.

YB. DATO’ SPEAKER

Pasal nak bercakap petang ni orang bagi buku satu?

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Allahuakbar! Tunjuk dulu, tebal. Semua warisan Kedah ada dalam ni.

YB. DATO’ SPEAKER

Tapi masa dah cukup dah YB. Kuala Ketil!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Sat sikit lagi...last dah. Tak jumpa dah tahun depan. Perkara kelapan, isu SADA. Memang sahabat kita menyentuh tentang isu SADA pasal air dan sebagainya, tempat kita pun ada masalah tetapi kita kena bagi satu penghargaan kepada SADA kerana telah membelanjakan RM175 juta untuk kos pengangkutan air, satu benda yang diusahakan cukup banyak untuk bantu rakyat dan 2022 saja telah mencapai kos RM6.6 juta, kos yang tinggi. Walaupun kita faham mereka ada kekangan dan sebagainya tapi mereka juga telah berusaha bukan duduk diam, tengok saja termasuklah kita daripada sekretariat juga nak bantu rakyat.

Perkara kesepuluh.....(YB. Dato’ Speaker mencelah)

YB. DATO’ SPEAKER

Yang terakhir, yang terakhir!

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Dan perkara yang kesepuluh, isu tuntutan Pulau Pinang panjang! Boleh tak?



YB. DATO' SPEAKER

Tak payahlah, Pulau Pinang tu semua dah selesai dah tu.

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN ZAKARIA

Saya bersama semua ADUN Kerajaan menyatakan sokongan penuh kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam isu tuntutan Pulau Pinang, tuntutan air di Pulau Pinang. Dah YB. Dato' Speaker tak bagi ulas, saya boh tajuk tu saja lah. Boleh?

Yang seterusnya ada dua perkara lagi, mendesak Pulau Pinang jangan campur tangan dalam urusan pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah, termasuk tinjauan mereka dalam kawasan Ulu Muda, ini berlaku. Kita minta mereka jangan campur tangan kerana Negeri Kedah adalah negeri yang berdaulat, ada pemerintahnya. Kalau sebelah sana duk marah kita sebab duk marah Pulau Pinang, kena buka sejarah balik dan kita minta sejarah Pulau Pinang dengan Kedah ini dirungkai semula supaya kalau sekalipun selepas PRN nanti, Pulau Pinang ditadbir oleh PN, isu tuntutan ini tetap akan kita buat juga, kita akan teruskan sama ada Pulau Pinang pajakan ataupun isu air.

Dan yang terakhir. Banyak sebenarnya tapi YB. Dato' Speaker tengok macam sedih saja. Yang terakhir, saya juga ingin menyuarakan untuk isu-isu di Kuala Ketil. Yang pertama ucapan terima kasih kepada kerajaan negeri, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Pegawai Kewangan, JKR dan Pegawai Daerah kerana siapnya Titi Kampung Kuala Sedim, titi yang bernilai hampir RM2 juta, titi kampung yang termahal dalam Negeri Kedah dalam tempoh yang cepat, 6 bulan. Yang kedua, dengan kepadatan penduduk di Kuala Ketil, kemajuan yang cukup besar dengan kawasan industri yang sedang berkembang kita minta dipercepatkan pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat yang sekarang berusaha untuk cukai tanah dan sebagainya, balai polis dinaikkan taraf kerana ada 20 orang anggota sahaja dan Klinik Kesihatan Kuala Ketil juga dinaik taraf kerana kepadatan penduduk yang cukup ramai. Jadi, itulah perkara-perkara yang sempat saya rungaikan dalam perbahasan bagi saya pada petang ini. Cuma terkilannya YB. Bandar Baharu tak dak, sepatutnya saya nak ulas YB. Bandar Baharu tadi, dia kondem kita tadi tu, dia baru hijrah 2 hari saja, dia kata dekat KHTP buat tak betul, hat ni tak betul, hat nu tak betul. Saya kata, "dulu dia pun duk di situ!" baru 2 hari saja dia hijrah, dah ubah dah. Kena hati-hati, nak berkawan pun kena hati-hati jugalah.

Oleh itu, saya dengan ini menjunjung kasih di atas titah ucapan Tuanku dan menyokong titah ucapan Tuanku pada 12 haribulan Mac 2023 yang lalu. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumsalam. Terima kasih YB. Kuala Ketil. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini saya dimaklumkan oleh YB. Belantik, YB. Bandar Baharu, YB. Kota Darul Aman dan YB. Alor Mengkudu yang mereka tidak dapat hadir kerana ada urusan yang amat penting dan diluluskan.

Urusan seterusnya Setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Penggulungan di atas Usul Menjunjung Kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh Pihak Kerajaan.

III. PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN.

YB. DATO' SPEAKER

Sekarang kita masuk ke acara penggulungan oleh Exco. Kalau ADUN pun 15 minit tak cukup, saya rasa Exco ni lagi la tough kerana perkara soalan itu bertubi-tubi, banyak yang nak kena nak kena jawab balik. Hari ni kita tengoklah Exco nak jawab secara sulung ni Exco yang baru dan saya jemput YB. Kuala Nerang untuk menggunakan 20 minit.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Auzubillahiminasyaitonirrojim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahirrahmanirrohim. Alhamdulillah robbil 'alamin wassola tuwassala muala asyrofil ambiya iwal mursalin saidina muhammad wa'ala ali wasohbihi ajma'in. Subhanaka 'ilmalana ma'allamtana innaka antal 'ali mulhakim. Lahaulawala khuwa tailla billa hil 'ali yilazim. Robbish rohli sodri wayarsirli amri wahlul uqdatan millisani yafkhohu khauli. 'Ammabaq.

YB. Dato' Speaker, terima kasih memberi peluang kepada saya, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan atau wakil dan seterusnya para pemerhati.



Alhamdulillah, pertama sekali saya ambil kesempatan ini untuk merakamkan dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah atas dua sebab, yang pertama kerana telah menyampaikan titah ucapan Perasmian Sidang DUN pada kali ini dengan ucapan yang begitu baik dan yang kedua kerana telah memperkenankan pelantikan patik untuk menjawat amanah yang berat ini. Saya juga merakamkan terima kasih kepada YAB. Menteri Besar kerana telah memberikan kepercayaan kepada saya untuk menggalas tanggungjawab yang saya kira sangat besar yang merangkumi portfolio kerja raya, tenaga, bekalan air, sumber air, pengairan dan saliran yang melibatkan 6 agensi itu JKR, TNB, SADA, Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK) JPS, dan JPP.

YB. Dato' Speaker, saya sebenarnya sangat bimbang dan sangat takut terhadap pesanan Baginda Rasulullah s.a.w yang menyebut yang selalu kita dengar yang rasanya semua orang dah hafal, dah faham.

“Apabila satu urusan itu dikurniakan atau diberikan kepada orang yang bukan ahlinya maka tunggulah saat kehancuran”.

Saya berdoa dan mohon sahabat-sahabat sekalian berdoa moga-moga kita tidak termasuk kalangan orang yang sedemikian. YB. Dato' Speaker, saya telah meneliti, menyemak dan mencatat semua isu-isu yang berkaitan dengan portfolio ini, saya perhatikan tidak kurang daripada 27 point yang dibangkitkan dan ada setengahnya berulang dan saya rasa sangat bimbang tidak dapat mengulas, menjawab kesemua sekali satu persatu sebab seperti jawapan yang disediakan oleh agensi di bawah saya ni memang sangat banyak dan memerlukan masa yang panjang sepertimana yang YB. Speaker sebut tadi. YB. ADUN pun tak sempat dalam masa 15 minit, yang ini lagi tak sempat. Saya harap dan saya mohon tidak ada pencelahan, bukan kerana tak mau nak jawab tapi kerana masalah masa. Saya percaya adil bagi kita kerana ketika mana ADUN berbahas Exco tidak diberi peluang untuk mencelah, (betul kot no, saya baru lagi ni). Jadi, bila Exco menjawab atau menggulung, saya kira tidak perlu pencelahan dan ini menjimatkan masa. Jadi banyak yang saya boleh menjawab dan mudah-mudahan persoalan itu diperhalusi. Saya menjawab berdasarkan kepada apa yang disediakan kepada kita oleh agensi kerajaan dan pegawai yang professional, bukan jawapan politik.

Ahli-ahli Yang Berhormat dan sidang Dewan sekalian, ada 11 ADUN yang membangkitkan, Suka Menanti, Pengkalan Kundor, Kulim, Bukit Selambau, Kota Siputeh, Sungai Tiang, Bukit Lada, Tanjung Dawai, Kota Darul Aman, Kubang Rotan, Alor Mengkudu dan terkini terakhir 12, Kuala Ketil.



Secara keseluruhan, saya juga ambil kesempatan ini untuk memohon supaya sebahagian ucapan yang disebut oleh YB. Bukit Lada dan YB. Tanjung Dawai dimasukkan sebahagian daripada ucapan atau jawapan penggulungan saya. Antara yang disebut oleh Tanjung Dawai bahawa kita sebagai wakil rakyat kita sama-sama kena berperanan setakat mana yang kita boleh. Sebagai ikhtiar telah disediakan lori tangki tambah bantu kepada SADA dan juga telaga boring. Telaga boring Ahli-ahli Yang Berhormat sekalain, disediakan secara percuma walaupun dana dikutip ataupun dana daripada Yang Amat Berhormat sendiri tetapi disediakan untuk rakyat. Demikian juga Lembaga Sumber Air Negeri Kedah juga ada menyediakan, Jabatan Mineral pun ada menyediakan. Jadi kita nak kena guna kesempatan dan peluang ini untuk membantu sebagai satu usaha jalan keluar kepada permasalahan air.

Saya mendapat jawapan daripada JKR berhubung dengan sebutan banyak pihak kelewatan sedikit. Tetapi hakikatnya apabila telah diberikan sedikit lanjutan masa, izinkan saya sebut tentang kemajuan terkini Loji Rawatan Air sebab ini ada kaitan dengan sistem bekalan air kita yang ramai orang sebut sebelum ni kalau disiapkan lebih awal InsyaAllah masalah air sebagian besar boleh selesai. Tapi bilamana projek ini tergendala atas beberapa sebab yang InsyaAllah saya akan sebutkan nanti. Yang pertama Loji Rawatan Air Pelubang naik taraf, kemajuan mengikut jadual adalah 9.88% dan kemajuan semasa setakat ini ialah 10.49% dengan telah diberikan lanjutan masa, lambat lagilah 28 haribulan Mei 2025. Kemudian Loji Rawatan Jenun Baru, yang ni sedikit kelewatan jadual 35.6% dan kemajuan semasa 28.2%, Bukit Selambau 11.82%, semasa 11.42%, ini pun ada EOT (lanjutan masa) sehingga 28.6.2024. Sungai Limau 7.54%, semasa 7.47% lanjutan masa 25.4.2024, Lubuk Buntar, yang ni kelewatan banyak sikit, 98% ikut jadual, semasa 54%. Semua ini antara lain berpunca daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP3) seluruh negara dulu yang mana semua sektor dibenarkan beroperasi semasa pelan pemulihan negara 4.0 bermula 8 November 2021.

Jadi, semasa PKP tu kilang kebanyakan tak buka, kilang buat paip ni pun tak banyak, ada empat lima lebih kurang. Jadi, ketika mana dibuka semula untuk operasi, bekalan paip itu tidak mencukupi menyebabkan kelewatan bahan binaan terutamanya paip tersebut. Lagi satu masalah yang menyebabkan kelewatan ialah kesukaran pihak kontraktor untuk mendapatkan tenaga-tenaga mahir dalam sektor pembinaan 3D ini (Dirty, Dangerous and Difficult).

Kerja pasang paip tu termasuk juga kerja-kerja di loji rawatan tempat-tempat aspek-aspek yang tertentu. Dengan tidak menafikan bahawa pengambilan balik tanah juga menjadi satu isu di peringkat awal. Tapi Alhamdulillah, hari ini sebahagian besar telah dapat diselesaikan.



YB. Dato' Speaker, izinkan saya menyentuh satu persatu setakat mana yang boleh, setakat mana yang sempat yang diizinkan. Yang pertama ADUN Suka Menanti menyebut, keluhan masyarakat yang sering mendapat notis gangguan bekalan air yang mana ada dia hantar notis yang dikeluarkan tidak ditentukan masa sampai bila. Jawapannya ialah notis gangguan ada 2 kategori, 2 jenis. Yang pertama notis kecemasan, kecemasan ni tak ada tempoh masa gangguan akan tamat kerana ia melibatkan waktu pemulihan yang tidak dapat dijangkakan, tak dapatlah jangka kebiasaannya bekalan akan pulih secara berperingkat. Yang kedua notis berjadual, yang ni ada masa yang ditentukan, boleh jadi yang YB. Sua Menanti sebutkan yang tidak dipanggil kecemasan. Hat Suka menanti pun dah tiga empat helai nak jawab ni. Apakah tindakan kerajaan bagi menghadapi LIMA, Langkawi? Tindakan kerajaan dalam menghadapi isu bekalan air semasa program LIMA di Langkawi adalah antaranya pembaikan paip besar dasar laut, 'submarine pipeline' secara berterusan, kedua menambah baik sistem inline booster pump di rumah pam Lanai bagi meningkatkan tekanan ayat di kawasan Hotel Resort World dan sekitar, ketiga operasi LRA Kemboja daripada 10mld kepada 12mld dan pemasangan paip outlet LRA Padang Saga 2 ke LRA Padang Saga 3 pum ping men dan diagih terus ke agihan tangki Kuah, Dundung dan Nibong dan terakhir sektor semula outlet tangki Padang Saga sedia ada ke agihan tangki Dundung dan juga Nibong. Di samping itu, juga SADA akan mengambil bahagian dan langkah yang segera untuk tambah logistik lori tangka, kemudian penempatan awal tangki statik, pembukaan bilik gerakan, hebahan awal kepada pengguna berkenaan untuk jimat air dan mengadakan libat urus dengan sasaran penting seperti hotel dan penganjur.

Satu lagi dibangkitkan berkenaan dengan tarif air. Tarif air ini untuk domestik tidak dinaikkan cuma Kerajaan Persekutuan telah memutuskan supaya pelarasan kadar tarif bekalan ayat dilaksanakan seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Sehubungan itu, pada yang menjalankan kuasa yang diberi di Bawah Seksyen 84, Ceraian 2 Cerai A, dan 179 Ceraian 1, Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, menteri atas syor Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Ringkas ni panjang nak baca, mulai 1 Ogos 2022 sektor yang bukan domestik. Mungkin hat tadi ni dia restoran perniagaan agaknya, memang ada perubahan kadar itu.

Saya langkau ni. YB. Pengkalan Kundor ada bangkit masalah Padang Raja. Padang Raja ni pun jawapannya panjang juga, boleh berjumpa dengan saya selepas ni Insyallah. Masalah gangguan air di bandar Padang Raja, langkah segera ialah penghantaran air lori tangki secara berjadual 2 hingga 3 hari sekali kepada pengguna yang terganggu. Cuma saya juga dapat aduan 'direct' daripada pengguna kadang-kadang sampai 3 hari tak sampai dan terlewat.



Kita harap dapat menghubungi SADA dan berulang kali kita tegaskan supaya dapat dibekalkan. Kemudian kerja agihan segera pemasangan paip secara terus paip utama 600mm telah dijalankan. Pemasangan paip air ini siap pada 28 Februari yang lalu. Tapi kita faham, memang tak dapat mengatasi semua kerana kerja ni dibuat secara berperingkat, berfasa dan antaranya ialah pembinaan Rumah Pump Booster yang telah siap pada 5 Mac yang lalu dan menunggu bekalan elektrik. Jadi kalau dapat bekalan elektrik ini InsyaAllah saya rasa boleh selesai banyak masalah di sana. Sementara langkah jangka panjang, ini ialah berkaitan dengan Loji Pelubang juga, kena siap Loji Pelubang supaya kerja-kerja bekalan air ini dapat disempurnakan dan disampaikan kepada kawasan yang terlibat.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, ADUN Kulim ada bangkitkan berkenaan dengan bekalan air semakin meruncing. YB. Dato' Speaker, mutakhir ini kita sedar bahawa musim kemarau ia menjejaskan bekalan air, sumber air kita kurang, sikit. Sikit inilah yang menyebabkan simpanan tangki air kita pun kurang daripada setengahnya ada 3 meter asal tangki dia turun tinggal 1 meter. Bila air semakin sedikit tekanan pun semakin perlahan-lahan tambah-tambah tempat yang jauh sebelah Tanjung Dawai termasuk juga di Padang Raja dan beberapa tempat yang lain. YB. Kulim bangkitkan ni jawapannya ialah Taman Kulim Utama Fasa 2A mempunyai purata tekanan dalam sistem antara 2 hingga 3 bar yang mana telah melebihi tahap yang ditetapkan oleh SPAN. Program NRW bermula tahun ini akan melihat secara keseluruhan masalah kerosakan paip air termasuk merancang kerja pembaikan. NRW ini Sidang DUN sekalian bahawa projek ini baru dimulakan, 1 Januari yang lepas dan memakan masa yang panjang 15 tahun. Jadi, setakat ini memanglah susah untuk dinilai kejayaannya kerana ia perlukan masa yang panjang untuk melihat kesannya.

YB. Kulim juga membangkitkan tentang projek TAPS (Takungan Air Pinggiran Sungai) bagi menyediakan sumber air di kawasan Kedah Selatan. Jawapan kita ialah berdasar kepada kajian terdahulu untuk meningkatkan kapasiti air mentah cadangan bagi pembangunan kolam Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) ini telah dikenal pasti melibatkan 27 lokasi di Lembangan Sungai Muda dan perkara ini pun telah kita angkat naik dan baru-baru ni pun pada 16 Februari saya telah membuat kunjung hormat kepada Menteri dan YB. Menteri untuk memohon supaya dua projek pembangunan TAPS ini dapat dilaksanakan dan InsyaAllah akan dapat membantu sumber bekalan air kita di Negeri Kedah ini.



Kemudian disebutkan juga apa perancangan dan tindakan jangka masa panjang. Perancangan tindakan jangka masa panjang bagi menangani isu bekalan bekalan air di Negeri Kedah ini ialah pertama pelaksanaan Projek Menaik Taraf Loji Rawatan Air di Negeri Kedah yang disebut tadi, kemudian pelaksanaan projek di bawah peruntukan Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) iaitu menaik taraf LRA Jeniang Baru, projek menaik taraf LRA Jenun Lama dan sebagainya, perancangan projek berimpak besar iaitu pembinaan LRA Sidam, Fasa 1 di Daerah Kuala Muda dan SADA juga sedang dalam pelaksanaan program pengurangan NRW yang saya sebutkan tadi secara holistik di seluruh Negeri Kedah dalam tempoh 15 tahun. ADUN Bukit Selambau juga bangkitkan tadi dan SADA sedang mengambil langkah untuk menangani krisis ini melalui program pengurangan NRW tadi.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kuala Nerang, masa ada 4 minit lagi!

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Baik! Baik! Nak hujung dah ni. YB. Dato' Speaker, saya lompat-lompat ya. YB. Kota Siputeh.... (YB. Anak Bukit minta laluan)

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

YB. Kuala Nerang, minta penjelasan sikit boleh tak? Yang NRW sehingga 15 tahun tu, boleh dapat tahu nama syarikat itu dan bila ianya akan bermula seperti yang disebut oleh YAB. Jeneri semalam maknanya 'profit sharing' depa bawa keluar semua kos itu kemudian ada 'saving' kemudian buat 'profit sharing' itu, nama syarikat dan bila ianya akan bermula. Terima kasih.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Anak Bukit, tadi kata tak mau bagi peluang tapi bagi jugak. Last dah no! Syarikat yang berkenaan ialah RAI Utility Sdn. Bhd., tempoh projek ini ialah 15 tahun dengan kos projek RM967.4 juta. Tarikh siap dijangka pada 31 Disember 2037, Insyallah. Bermula 1 Januari, itu yang saya sebutkan tadi ni, ianya baru mula sangat. Kalau diikuti daripada segi peratusnya yang ditanya oleh YB. Anak Bukit tadi ialah 65.35%. Baik, saya teruskan dengan Kota Siputeh membangkitkan bekalan air di kawasan pida. Bagi memastikan kelangsungan bekalan air ke kawasan yang mengalami gangguan bekalan air di Kota Siputeh, bantuan bekalan air telah digerakkan secara rutin,



ini yang yang disebut tadi dan pemasangan paip yang sedang dibuat yang baru ni pun saya turun, YB. Kota Siputeh pun turun, InsyaAllah akan dapat membantu, cuma nak kena 'sabaq' sat lah sementara paip itu siap dan InsyaAllah akan dapat selesai.

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Dato' Speaker, nak celah sikit.

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Nak celah juga, boleh ka YB. Dato' Speaker?

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Kuala Nerang, saya ada hantar satu surat cadangan kepada Ketua Pegawai Eksekutif SADA untuk pelaksanaannya di Taman Bandar Baru dan juga Taman Sri Bayu. Adakah projek ini dilaksanakan dalam masa yang singkat untuk menangani krisis air di kawasan tersebut?

YB. TUAN HAJI MOHAMAD YUSOFF BIN ZAKARIA

Terima kasih YB. Bukit Selambau. Sebenarnya di sana sudah ada 'suction tank' ataupun dipanggil pam menyedut itu dan tidak semua tempat yang boleh kita bina sepertimana yang dicadangkan oleh YB. Bukit Selambau dalam surat kepada SADA. Walau macam mana pun, ada pilihan atau alternatif lain yang sedang diuruskan dan dibuat untuk mengatasi masalah tekanan air di Bukit Selambau yang disebutkan tadi.

Seterusnya.... jawapan panjang-panjang ni, saya ambil ringkas-ringkas saja. Adun Kubang Rotan juga membangkitkan masalah tekanan air dan isu bekalan ini akan dapat diminimakan InsyaAllah dengan siapnya Projek Naik Taraf LRA Pelubang dan YB. Kubang Rotan juga membangkitkan isu status panel bagi tuntutan 'charge' air kepada Pulau Pinang, InsyaAllah akan dijawab oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. YB. Dato' Speaker, saya kira jawapan saya secara ringkas walaupun mungkin banyak benda lagi yang saya tak sentuh, kalau nak sentuh dia jadi panjang sangat.

Tapi saya ucapkan terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian yang telah memberikan pandangan, teguran dan cadangan dan semua ini InsyaAllah akan diperhalusi dan akan diambil tindakan segera. Mudah-mudahan dapat memberikan kebaikan kepada seluruh rakyat.



Saya juga ambil kesempatan ini untuk merakamkan sekali lagi menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku di atas titah ucapan yang menekankan tentang keharmonian dan menjaga hubungan negeri dengan Kerajaan Pusat.

Sebab itulah antara tindakan yang kita ambil kita membuat kunjung hormat kepada Yang Berhormat Menteri dan dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa Kedah adalah negeri yang pertama buat kunjungan hormat kepada beliau dan kita berharap permohonan yang kita angkat itu akan dipertimbangkan dengan sewajarnya untuk memberikan hasil yang baik kepada Negeri Kedah. Saya juga berharap usaha untuk mewujudkan hubungan yang harmoni ini bukan hanya di satu pihak tetapi juga di kedua-dua pihak sepetimana Yang Amat Berhormat kita sendiri telah pun turun pergi ke Majlis Pelancaran Malaysia Madani yang dijemput beliau hadir dan ini menunjukkan sikap kesediaan untuk kita sama-sama bekerjasama dan beliau pun telah menghantar surat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berjumpa, untuk berbincang, membincangkan masalah rakyat di Negeri Kedah dan juga kita harap mendapat layanan yang sewajarnya. Tapi setakat ini kita belum lagi mendapat, menerima tarikh tersebut dan saya kira amat wajar untuk menjaga hubungan ini. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunjukkan contoh yang baik supaya dapat menarik balik saman yang dikemukakan kepada YAB. Menteri Besar, mudah-mudahan dengan itu hubungan bertambah baik dan InsyaAllah kita sama-sama membina negeri dan negara kita yang dikasihi. Sekian, menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan terima kasih kepada YB. Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Kuala Nerang, kira tepat masa. Tahniahlah kerana tak curi masa. Curi masa ni tak taulah berdosa ka tidak tak taulah. Silakan YB. Sidam!

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Dato' Speaker, YAB. Menteri Besar Kedah, YB. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan negeri dan Persekutuan, terusny sidang hadirin yang dikasihi sekalian. Salam sejahtera dan Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua. Terima kasih kepada YB Dato' Speaker kerana memberikan ruang untuk saya membuat penggulungan pada Sidang Mesyuarat Pertama Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Ke-14. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merafak sembah menjunjung kasih di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Negeri Kedah di atas perkenan Duli Yang Maha Mulia Tunku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Sidang



Dewan Undangan Negeri Kedah serta keprihatinan yang diberi oleh Tuanku Sultan kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri Kedah. Kita doakan semoga Tuanku Sultan dan Tuanku Sultanah serta seluruh kerabat Diraja diberikan kesihatan yang baik oleh Tuhan dan terus memerintah Negeri Kedah yang tercinta.

YB. Dato' Speaker, saya juga ingin mengucapkan ucapan tahniah kepada YB. Kuala Nerang dan yang telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah serta pelantikan dua orang Senator Dewan Negara yang akan membawa suara Negeri Kedah ke Dewan Negara. Kita doakan semoga mereka dipermudahkan segala urusan untuk melaksanakan tugas untuk membangunkan negeri dan mensejahterakan rakyat. Saya juga mengambil kesempatan untuk bertanya kepada YB. Exco, ADUN Guar Chempedak dan ADUN Lunas di atas pelantikan sebagai Ahli Parlimen. Penghargaan juga diucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengemukakan soalan lisan dan bertulis yang turut terlibat dalam perbahasan serta memberikan saranan bernas untuk pertimbangan kerajaan negeri serta menambah baik bagi dasar-dasar negeri untuk jangka panjang terutama untuk melibatkan sektor Perumahan, Aman Sekitar dan Perpaduan Hal Ehwal Masyarakat Cina/Siam di Negeri Kedah.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, di atas titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman sempena Istiadat Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Yang Ke-14 pada 12 Mac 2023 yang lalu. Tunku Sultan menitahkan agar Kerajaan Persekutuan dapat menyokong dan memberikan pertimbangan bagi melaksanakan pembangunan Projek Aerotropolis Sidam memberi manfaat menyeluruh kepada negara dan Negeri Kedah khususnya. Patik menjunjung kasih di atas titah Tuanku tersebut dan patik selaku Wakil Rakyat di kawasan Sidam iaitu kawasan yang akan dibangunkan projek KXP atau Aerotropolis tersebut turut berharap agar projek KXP ini akan diberikan pertimbangan oleh Kerajaan Persekutuan. Ini dapat membantu merencanakan pembangunan dan limpahan ekonomi kepada kawasan tersebut iaitu kawasan patik di DUN Sidam dan Negeri Kedah khususnya.

Patik yakin dengan kepimpinan YAB. Menteri Besar Kedah dalam merancang pembangunan Negeri Kedah untuk ke arah status negeri maju seiring dengan negeri-negeri yang lain. Selain itu, titah Tuanku turut menyentuh mengenai Taman Negeri Ulu Muda dan Jerai Geopark. Pihak kerajaan negeri menyokong penuh hasrat tersebut dan sentiasa mengambil tindakan secara berterusan di atas Pelan Pembangunan Kedah 2035 di bawah Teras 6, kemampuan alam sekitar turut dinyatakan inisiatif pewartaan kawasan Ulu Muda sebagai Taman Negeri dan Persekutuan Pembangunan Geopark Negeri Kedah.



YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, isu yang dibangkitkan oleh YB. Kota Siputeh, isu Rumah Mampu Milik dan Rumah PPRT Kota Siputeh. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Kota Siputeh di atas pertanyaan berkenaan Rumah Mampu Milik dan Rumah PPRT di Kota Siputeh. Soalan nombor 1 adalah Rumah Mampu Milik untuk golongan muda dan nombor 2 adalah PPR di Kota Siputeh. Jawapannya adalah untuk pihak pemaju swasta dan menyediakan perumahan rumah kos rendah swasta. Syarat permohonan rumah kos rendah swasta ia adalah terbuka kepada semua golongan termasuk pemohon yang belum berkahwin. Borang permohonan bolehlah dibeli Bahagian Perumahan dengan harga RM2 sahaja. Bahagian Perumahan yang mengambil maklumat cadangan bagi pihak YB. bagi membangunkan PPRT Kota Siputeh namun begitu maklumat tanah negara atau mana-mana tanah yang bersesuaian masih diperolehi. YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya kongsikan di dalam Dewan yang mulia ini pada 6 Mac 2023 yang lalu saya telah dijemput oleh Menteri KPKT untuk menghadiri Majlis Penyerahan Surat Tawaran Skim Perumahan Secara Sewa untuk milik iaitu RTO, 'rent to own' Program Perumahan Rakyat di Langkawi yang melibatkan 2 PPR iaitu PPR Anggerik Lestari di Kuah dan PPR Indra Mahsuri di Ulu Melaka, Langkawi yang melibatkan seramai 445 orang pemohon yang berjaya di PPR Anggerik Lestari, Kuah dan seramai 422 orang pemohon yang berjaya di PPR Indra Mahsuri Ulu Melaka. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada semua pemohon yang berjaya mendapat surat tawaran untuk memilih rumah kita kedua-dua PPR yang tersebut.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua barisan pengurusan yang bertungkus-lumus untuk menguruskan proses pengisian peserta-peserta yang berjaya di PPR ini terutamanya pihak KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara serta pihak negeri menerusi Bahagian Perumahan dan juga Pejabat Daerah. Saya berharap ada kerjasama yang baik antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dalam memastikan setiap rakyat negeri ini dapat memiliki rumah sendiri.

YB. Dato' Speaker, untuk YB. Kota Darul Aman, isu rumah PPR Simpang Kuala. Untuk maklumat YB. berkenaan isu air longkang yang rosak, pembaikan tersebut tidak boleh dilakukan dalam masa yang segera kerana Bahagian Perumahan perlu melalui proses dan prosedur kewangan kerajaan dan Bahagian Perumahan tetap membaiki serta prihatin dengan kesusahan rakyat. semua aduan kerosakan akan diambil tindakan, cuma cepat atau lambat sahaja. Ia disebabkan oleh prosedur kewangan, kekangan peruntukan, Bahagian Perumahan akan mengutamakan aduan dan masalah yang paling kritikal dan kita mengurus tadbir jumlah peruntukan yang diluluskan kepada Bahagian Perumahan dengan sebaik mungkin.



YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan bumbung yang rosak di PPR Simpang Kuala yang dibangkitkan oleh YB. Kota Darul Aman, Bahagian Perumahan yang mengambil maklumat berkenaan perkara ini maka pihak Bahagian Perumahan akan mengambil tindakan untuk perkara tersebut.

Untuk makluman, kelewatan untuk mengambil tindakan ke atas aduan-aduan ini adalah kerana mengambil masa untuk dibaiki dan proses serta prosedur kewangan kerajaan. Walau bagaimanapun, Bahagian Perumahan tetap akan menyelesaikan aduan-aduan orang yang kita terima dari penduduk cuma cepat atau lambat sahaja kerana prosedur dan kekangan peruntukan pihak Bahagian Perumahan atau utamanya aduan dan masalah yang paling kritikal dan tadbir urus jumlah peruntukan yang diluluskan kepada Bahagian Perumahan.

YB. ENCIK TAN KOK YEW

Boleh tanya sikit Sidam? YB. Dato' Speaker, minta tanya sikit YB. Sidam, jika tak ada air tu ada atau tidak? Itu yang kritikal. Yang ini saya rasa peruntukan jika diperlukan pun tak sampai RM20,000 kut untuk tukar paip saja. Takkan yang itu pun ambil prosedur kewangan yang begitu lama untuk 'sattle' isu yang bagi saya jika tak ada air itu memang kritikal. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok, tak pa, saya akan ambil maklum dan saya akan maklum kepada Setiausaha Bahagian Perumahan untuk menyegerakan apa yang sedia ada lah, untuk mempercepatkan. Saya pun faham juga kalau nak ambil air untuk naik atas pun susah juga. Baik, terima kasih.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, boleh saya celah? Untuk krisis air tu rasa satu peristiwa yang sangat kritikal sebab apabila tak ada air tu dia bukan 1 hari sebab dia lanjut 6 hari. Jadi bila penduduk yang tua-tua nak minta untuk dapatkan sumber air, makluman dari Setiausaha Bahagian Perumahan ialah SADA juga tak boleh hantar air sebab kekangan lori penghantar air. Jadi, 'charge' tu kalau nak SADA hantar akan 'charge' kepada Perumahan. Jadi, yang itu satu isu yang perlu kita selesaikan sebab pada masa akan datang akan berlaku lagi kerana perumahan kita memang dah uzur dan sudah perlu 'maintenance' yang tinggi.



Maka adalah perlu cari satu jalan untuk selesaikan isu ini pada masa akan datang jika berlaku, tak perlu lanjut sampai 6 hari sebab memang nak mandi makcik mandi dekat rumah pam, pakai paip saja, sangat kasihan. Jadi, saya minta supaya kerajaan teliti tentang perkara. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Kota Darul Aman. Saya akan maklumkan apa yang sepatutnya kepada Setiausaha Perumahan. Saya pun faham juga kalau you nak ambil air untuk atas tingkat 3 atau 4 saya rasa susah juga. Selain daripada itu, YB. Kota Darul Aman mencadang untuk memohon tambahan peruntukan kepada Bahagian Perumahan. Bahagian Perumahan akan menyokong dan ingin membantu rakyat namun tidaklah sehingga rakyat menyalah guna kebaikan kerajaan sehingga ada yang tidak menjejaskan bayaran ansuran pula. Bahagian Perumahan akan cuba membentangkan di dalam Bajet 2024 untuk memohon peruntukan yang lebih banyak bagi kerja-kerja penyelenggaraan dan aduan kerosakan. Saya berharaplah dapat peruntukan yang lebih banyak, siapa dekat sini YB. Exco ka atau sesiapa ka mintalah peruntukan yang lebih, memang tak banyak peruntukan yang sedia ada.

YB. Dato' Speaker, untuk YB. Kubang Rotan cadangan kerajaan negeri untuk memperuntukkan dana untuk membaiki pulih rumah setinggan di Kuala Kedah dan kawasan seumpamanya. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Kubang Rotan yang memberikan cadangan untuk kerajaan negeri memperuntukkan dana untuk membaiki pulih rumah-rumah setinggan di Kuala Kedah dan kawasan seumpamanya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Bahagian Perumahan tidak mempunyai peruntukan untuk membaiki rumah setinggan kerana sehingga setinggan tersebut membina rumah dan menduduki rumah di atas tanah kerajaan, tanah rizab kerajaan iaitu sebagai rizab sungai dan rizab laut. Penduduk setinggan sehingga ini adalah secara haram dan sekiranya kerajaan memberikan peruntukan untuk membaiki rumah mereka ianya adalah salah dari segi Kanun Tanah Negara.

Namun, kerajaan telah mengambil tindakan untuk membantu penduduk setinggan dengan memindahkan mereka ke Rancangan Perumahan Awam iaitu RPA Kota Nelayan. Tetapi wujud pula generasi ketua dan generasi ketiga yang kembali memilih untuk menjadi penduduk setinggan dan isu yang tidak akan dapat diselesaikan. Kerajaan tetap merancang untuk membantu rakyat mendapat rumah yang lebih selesa dan sesuai sebagai contoh kerajaan ada Dasar Perumahan untuk menetapkan bahawa pemaju swasta mesti membina rumah mampu milik termasuk rumah kos rendah yang dikenali sebagai nama Rumah Kasih Kedah, Rumah Makmur Kedah dan Rumah Aman Kedah



untuk rakyat Negeri Kedah termasuk penduduk setinggan yang memerlukan. Selain itu, terdapat RPA Kuala Kedawang, Kuala Kedah 1, Kuala Kedah 2 dan Kuala Kedah 3 yang secara keseluruhan berjumlah 1,440 unit rumah.

Jadi YB. ADUN Kubang Rotan, kerajaan telah membantu rakyat sehingga menyebabkan ada yang kerajaan pindahkan dan memberikan wang sagu hati untuk mereka berpindah daripada kawasan tanah rizab sungai milik kerajaan apabila adakan projek tebatan banjir yang dilaksanakan oleh JPS.

YB. Dato' Speaker....Sila! Sila!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Dato' Speaker, daripada data yang YB. Sidam beri itu, itu cerita lama dah RPA Taman Kota Nelayan puluhan tahun. Sekarang ini polisi yang saya maksudkan kita tidak ada polisi perumahan rakyat termiskin ataupun nelayan untuk masa sekarang, itu zaman Dato' Seri Syed Razak bagi semasa menjadi Menteri Besar. Sekarang ini polisi dah kita tak ada, kita mampu jadi kita bantu sikit sebanyak dari segi kemanusiaan. Saya tahu kawasan setinggan ini bukannya orang luar, rakyat Kuala Kedah dah berpuluh tahun dah ada di sana yang tak dapat. Dulu Taman Kota Nelayan sebahagian saja kerajaan dapat membantu, sebab itu saya masukkan supaya dimasukkan dalam ucapan, siapa jadi kerajaan selepas ini kena memikirkan untuk rakyat termiskin untuk kita tengok benda-benda ini kerana terlalu ramai. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih YB. Kubang Rotan. Saya akan ambil maklum dan akan panjangkan kepada Setiausaha Perumahan apa yang patut kita kena bantu. YB. Dato' Speaker, saya ingin menzahirkan setinggi penghargaan saya kepada seluruh pegawai-pegawai Kerajaan Persekutuan dan negeri yang di bawah portfolio saya iaitu Jabatan Alam Sekitar Negeri Kedah, Jabatan Perpaduan Negeri Kedah, Bahagian Perumahan Negeri Kedah dan BPEN (Bahagian Perancang Ekonomi Negeri) di atas komitmen dan kerjasama yang tinggi dalam membantu saya menjalankan tanggungjawab saya sebagai Exco untuk memberikan diperkhidmatan yang terbaik untuk memajukan Negeri Kedah dan menjaga kebajikan rakyat di negeri ini. Jalinan kerjasama yang baik dari semua jabatan dan agensi yang terlibat secara komuniti amatlah diharapkan untuk memakmurkan Negeri Kedah. Akhir sekali saya dengan ini menyokong dan menjunjung kasih titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Terima kasih.



YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih yb. Sidam. Sidam bagi balik dekat saya 2 minit jadi, untung balik lah. Saya menjemput YB. Kuah untuk membuat penggulungan!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, YB. rakan-rakan Exco, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya Sidang Dewan yang dihormati. Di dalam Dewan ini izinkan saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah tahniah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah yang Ke-29 semoga Allah Subhanahu Wa Ta'ala mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan buat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan.

YB. Dato' Speaker, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku bertitah mengenai Pulau Langkawi dalam pucapan ataupun dalam titah Tuanku yang menjadi destinasi pelancongan utama dan berharap agar urusan kemasukan pelancong melalui feri dapat diberi keutamaan oleh kerajaan demi keselesaan rakyat dan pelancong. Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menzahirkan agar produk pelancongan tanah besar di negeri ini diberi keutamaan dan berdasarkan warisan sejarah serta budaya negeri terutamanya bagi Jerai Geopark yang sarat dengan peninggalan arkeologi warisan dan juga geologi. Kerajaan negeri menjunjung kasih titah dan sentiasa memastikan kelestarian khazanah warisan anak cucu ini sentiasa terpelihara dan memberi perhatian khusus dan serius bagi aspek pembangunan ekopelancongan warisan terutamanya di Daerah Yan dan Baling serta laluan kemasukan pelancong melalui feri ke Pulau Langkawi.

YB. Dato' Speaker, ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat menggunakan ucapan atau menggunakan point daripada titah Tuanku berkenaan dengan pelancongan. Oleh itu, dengan masa yang diberikan InsyaAllah saya cuba rangkumkan semuanya dan kalau tidak sempat boleh bertanya di luar ataupun boleh minta secara bertulis. YB. Sungai Limau ada membangkitkan berkenaan dengan pelancongan di Yan di mana Daerah Yan merupakan Daerah Pelancongan Desa yang bertemakan di dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035. Yan merupakan satu daerah yang punyai banyak tempat-tempat pelancongan yang sedang viral dan yang paling penting adalah Daerah Yan ataupun produk-produk pelancongan di Daerah Yan antara yang mendapat 'view' yang tertinggi berbanding daerah-daerah yang lain.



Oleh itu, sudah semestinya kerajaan memberi memberi penumpuan khusus buat Daerah Yan dan InsyaAllah kita boleh berbincang dengan Pegawai Kewangan. Memandangkan Pegawai Kewangan tak ada kat sini tapi InsyaAllah dia dengar untuk kita menambahkan lagi bajet-bajet ataupun peruntukan khusus untuk kelestarian dan juga pembangunan pelancongan di Daerah Yan.

Dimaklumkan juga 10 jeti di Daerah Yan yang boleh dijadikan sebagai produk pelancongan, terdapatnya 'view' yang cantik serta produk makanan yang enak dan sedap. Untuk makluman YB. Dato' Speaker serta YB. Sungai Limau, kita tidak boleh menjadikan keseluruhan jeti tu adalah jeti pelancongan kerana terdapat beberapa jeti ataupun jeti-jeti yang tidak memenuhi kriteria daripada segi aspek kedalaman serta keselamatan. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut lebih mendalam, lebih 'detail' untuk kita mengangkat sesuatu produk pelancongan. Untuk produk-produk pelancongan YB. Dato' Speaker, kita bukannya boleh menganggap semua produk yang kita ada tu adalah produk pelancongan, kita perlu mendapat kajian macam mana kita nak mempromosikan, memasarkan dengan keselamatan, banyak 'angle' yang kita perlu lihat sebelum kita mengangkat produk tersebut menjadi salah satu produk pelancongan untuk Negeri Kedah. Oleh itu, kita akan membuat kajian, cadangan yang baik yang diberikan kepada pihak kerajaan dan kita akan masukkan untuk kita bincangkan dalam Jawatankuasa Pelancongan yang akan kita adakan selepas Dewan ini berakhir.

Berkaitan dengan bajet untuk Jerai Geopark, di mana satu permohonan ataupun perbincangan telah pun kita lakukan bersama dengan Pegawai Kewangan. Namun begitu, belum lagi kita mendapat bajet yang khusus lebih spesifik untuk Jerai Geopark ini.

Walau bagaimanapun, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN), Majlis Daerah Yan dan Majlis Perbandaran Sungai Petani mempunyai bajet namun bajet yang ada bukanlah bajet yang besar yang boleh digunakan dengan skala yang besar, boleh menganjurkan ataupun boleh menggerakkan program-program yang berskala kecil sahaja. Selain daripada agensi kerajaan, agensi Persekutuan juga turut membantu menjalankan aktiviti-aktiviti di kawasan-kawasan yang terbabit.

Dibangkitkan juga berkenaan dengan produk pelancongan ataupun pelancongan pondok yang pernah dibangkitkan dan pernah saya gulung pada Sidang sebelum ni iaitu "Islamic Tourism" di mana perkara itu memang dalam perbincangan, memang kita nak buat cuma untuk kita laksanakan belum lagi sampai ke tahap untuk kita laksanakan sebab seperti saya katakan tadi setiap produk pelancongan kita perlu ada kajian, perlu kita tengok dari banyak 'angle' supaya kita tidak buat perkara-perkara yang sia-sia dan juga merugikan.



YB. Dato' Speaker, YB. Bayu ada juga membangkitkan agar cadangan Sungai Ketil dan juga Sungai Siong dibangunkan sebagai produk pelancongan. Ini seperti yang saya katakan tadi, ya betul cadangan boleh kita ambil, boleh kita (YB. Kuala Ketil minta laluan)

YB. MEJAR (B) MANSOR BIN YAHYA

Boleh mencelah sikit? Terima kasih YB. Kuah, YB. Dato' Speaker. Bila sebut Sungai Ketil dengan kampung saya sebab tu saya nak mencelah sikit tu. Terdapat pakej-pakej yang menarik di sepanjang sungai tersebut, contoh depa buat makan dalam sungai, tebing sungai, atas bukit dan macam-macam. Kebanyakannya adalah mungkin kita boleh katakan buat secara tak sah kerana menggunakan tanah Jabatan Hutan, tanah JPS. Jadi, ada tak perancangan daripada kerajaan negeri untuk memikirkan bagaimana untuk nak buat bagi mereka ini laksana secara sah sebab ini ialah juga sumber kepada tarikan pelancong di kawasan sebut. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Terima kasih YB. Kuala Ketil. YB. Kuala Ketil, sebenarnya ini antara perkara yang paling utama ataupun paling besarlah dalam melaksanakan produk pelancongan. Rata-ratanya produk pelancongan yang dilaksanakan ataupun dibuat akan ada masalah dengan banyak agensi, Jabatan Hutan, sungai dan sebagainya.

Oleh itu, dalam Dewan ini juga saya memohon YB. Dato' Speaker agar untuk kita melaksanakan ataupun kita memajukan pelancongan di negeri kita. Perkara-perkara seperti inilah yang sepatutnya kita lihat supaya kita mempermudah produk-produk 'owner' ataupun usahawan-usahawan di luar sana dapat melaksanakan produk-produk pelancongan kita dengan baik dan juga dengan teratur, tidak dilaksanakan secara haram dan sebagainya.

Saya faham di mana banyak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian membangkitkan berkenaan dengan pelancongan, idea itu, idea ini. Betul semuanya Ahli-ahli Yang Berhormat lontarkan semua idea-idea itu kita ambil, memang dah 'list down'kan semua daripada awal Sidang sampailah hari ini semua idea tu kita ambil. Cuma, untuk melaksanakannya, saya rasa sebelah sana pun faham pernah jadi kerajaan, pernah duduk dalam pentadbiran, kita faham dengan keadaan negeri dan juga kekangan kewangan yang kita hadapi.



Oleh itu, kita akan melaksanakan selepas covid ini seperti yang dikatakan mengambil masa 2 tahun untuk memulihkan tapi bukan pulih sepenuhnya, kita memulihkan keadaan pelancongan secara perlahan. Oleh itu YB. Dato' Speaker, saya teruskan.... Sat lagi sampai kepada YB. Anak Bukit masuk mencelah, sikit saja, saya nak habiskan point saya.

YB. Dato' Speaker, juga dibangkitkan berkenaan dengan kemudahan infra dan pinjaman mudah kepada pemain-pemain industri pelancongan. Untuk makluman, pihak MOTAC (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya) pernah menawarkan pinjaman kepada pemain-pemain industri melalui Bank Pembangunan Malaysia Berhad tetapi memandangkan jumlah yang ditawarkan agak tinggi iaitu RM5 juta menyebabkan pemain-pemain industri yang kecil dan pertengahan tidak yakin untuk membuat pinjaman. Perkara ini saya pernah juga berbincang sebelum ini bersama dengan YB. Menteri Pelancongan untuk kita kurangkan ataupun kita memohon apa saja kaedah yang kita boleh laksanakan. Namun, itulah ketetapan yang telah pun dilakukan dan kita tidak boleh mengubah dan saya juga berharap mungkin rakan-rakan yang di sebelah sana yang boleh berbincang dengan Kementerian Madani yang boleh kita memberi pinjaman kepada produk-produk owner ini InsyaAllah kita bersama-sama ke Putrajaya untuk kita membuat perbincangan. Jadi, kita sama-sama membangunkan pelancongan kita bukan sahaja di pihak kerajaan tetapi semua kita untuk kita bangunkan secara lestari.

YB. Bukit Selambau membangkitkan berkenaan dengan mengangkat Lembah Bujang, Sungai Batu sebagai Pelancongan Warisan. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembah Bujang dan Sungai Batu merupakan salah satu GeoTapak Warisan. Bagi membangunkan kawasan-kawasan ini, pembangunan secara menyeluruh sedang dirangka oleh Pelan Malaysia dan Jabatan Warisan Negara. Bagi pembangunan Lembah Bujang, kerajaan negeri telah pun menerima satu permohonan baru dari sebuah syarikat untuk memajukan Lembah Bujang, Sungai Batu.

Oleh itu, penelitian lebih mendalam sedang dilakukan namun bagi saya yang menjaga pelancongan, hingga kini kita tidak boleh menjual produk tersebut sebab kajian-kajian sedang dilakukan. Kalau ikutkan kajian pernah saya cakapkan sebelum ini, betul kita ada Sungai Batu kita banyak warisan-warisan di situ tetapi tidak ada benda yang kita boleh jual lagi, kita tidak ada benda untuk kita jual lagi. Kalau kita tengok di Thailand semasa saya buat lawatan sebelum ini, mereka ambil satu batu yang tak tahu mai daripada mana tapi mereka bagitau batu ini adalah daripada perut bumi.



Diletakkan dalam satu tempat, dengan kita-kita sekali pi tengok, bayar 10bath pi tengok juga batu itu walaupun batu tersebut bukanlah batu yang yang betul. Tapi di negeri kita di Sungai Batu kita jumpa banyak benda-benda tapi sampai ke hari ini belum lagi kita boleh jual sebagai produk pelancongan. Ini juga kita sedang rangka supaya kita boleh segera menjadikan Sungai Batu dan juga Lembah Bujang sebagai salah satu produk yang baru ataupun 'income' untuk pelancongan yang baru pada masa akan datang.

Dibangkitkan juga oleh YB. Anak Bukit berkenaan dengan pelancongan tanah besar kena lebih agresif. Untuk makluman YB. Anak Bukit, kerajaan negeri sebenarnya dah lama kita fokus kepada tanah besar ini di mana kita mempromosikan banyak berkenaan dengan tanah terbesar. Bagi tahun 2023, penganjuran aktiviti pelancongan lebih tertumpu kepada tanah besar di antaranya Kedah International Marathon yang dijadualkan akan diadakan pada 23 Oktober 2023 di Alor Setar dan kita mensasarkan lebih kurang 6,000 peserta termasuk penyertaan antarabangsa. Yang keduanya "The Macnificent Baling 100" diadakan pada 14 Oktober 2023 yang melibatkan 1,500 orang peserta larian dalam dan luar negara. Yang ketiga acara kayuhan jarak jauh "Kedah Century Ride" (dengan izin) dijadualkan pada 12 ogos 2023 di mana bertempat di Daerah Sik dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh pemain-pemain industri seperti seminar, ekspo dan sebagainya. Dibangkitkan juga berkenaan dengan perlu ada "kalendar", betul cadangan itu memang daripada awal kita ambil dan kita akan dilaksanakan cadangan untuk diadakan "Kalendar Pelancongan Negeri Kedah". Turut dibangkitkan oleh YB. Anak Bukit berkenaan dengan 'River Cruise' di Sungai Kedah.

Kerajaan negeri telah pun menerima kertas cadangan bagi permohonan untuk membangunkan produk pelancongan di Sungai Kedah antaranya termasuk aktiviti menyusuri Sungai Kedah dan kerajaan negeri menyambut baik permohonan tersebut dan diharap pihak pemaju mempunyai kriteria yang lengkap untuk meneruskan projek tersebut sepertimana sebelum ini pernah ada syarikat yang menghantar permohonan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan pelancongan di Sungai Kedah itu namun ianya tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu, pemilihan yang betul, yang baik, perbincangan yang lebih teliti barulah kita boleh adakan supaya tak jadilah macam kita nak umum tapi tak buat tapi kita nak pilih betul-betul InsyaAllah kita boleh laksanakan. YB. Anak Bukit, sila!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Kuah. Tadi saya nak minta respon yang tadi tu Yang Berhormat sebut kata kerajaan negeri mempunyai kekangan kewangan dan sebagainya dan perkara ini seperti juga macam River Cruise tadi yang disebut maknanya kita boleh melibatkan pihak



swasta. Buat RFP dan umumkan supaya siapa yang boleh bagi proposal dan kita boleh nilaikan benda tu. Jangan kita jadikan kita ada kekangan kewangan semua mesti kerajaan nak kena buat baru boleh kita laksanakan. Tengok contoh Sungai Batu, berapa lama dah benda tu duk ada, tadi Yang Berhormat sebut had batu dia 'mohong' pun dia boleh bayar seorang 10bath, hat kita ni nak tunggu apa lagi kan? Dah sudah terlalu lama dan berpusu-pusu orang duk pi ke Perlis, lalu kut Kedah, maknanya Perlis tu menjadi destinasi orang duk pi cari makan dan sebagainya lalu kut Kedah dan kita terlepas. Sangat mendukacitakan, jadi kita harap perkara ini dapat diselesaikan. Saya harap ada juga jawapan pasal Gunung Keriang kut no sat gi. Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Dato' Speaker, untuk YB. Anak Bukit, baru saja saya bagitau tadi bahawa kerajaan negeri menerima kertas kerja bagi permohonan untuk membangunkan produk pelancongan di Sungai Kedah, ini bermakna syarikat swasta yang memohon kepada kerajaan negeri untuk membangunkan Sungai Kedah tersebut. Kita menyambut baik permohonan tersebut dan diharap pihak pemaju mempunyai kriteria yang lengkap, bukan kata kerajaan yang nak kena buat. Sebelum ni betul kerajaan yang buat tapi sekarang ni kita kita bagi kepada syarikat-syarikat swasta. Jadi, janganlah kita nak tengok semua daripada kerajaan, yang saya maklumkan ini kena tengok juga poket kerajaan bukan semua tempat kita boleh bangunkan, kita juga buka kepada syarikat-syarikat luar. Sebab itu kita dapat kertas kerja daripada syarikat luar untuk bangunkan projek tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Sungai Batu yang saya sebutkan tadi, Sungai Batu terletak di bawah Jabatan Warisan jadi Jabatan Warisan sedang merangka pelan untuk buat galeri lah untuk buat itu, buat ini untuk kita dapat produk itu untuk kita jual untuk pelancongan Negeri Kedah. Juga dibangkitkan berkenaan dengan Gunung Keriang. Kompleks Gunung Keriang perlu diadakan pelbagai aktiviti dan perlu 'master plan'. Gunung Keriang akan dibangunkan oleh kerajaan negeri dengan kerjasama MBAS, JBS dan beberapa agensi swasta. Kawasan ini dijadikan sebagai kawasan 'Sport Tourism' dan Majlis Bandaraya Alor Setar telah pun menyediakan master plan bagi kawasan Gunung Keriang dan kawasan sekitarnya. Juga seperti yang saya sebutkan tadi semasa menjawab soalan nombor 8 tadi berkenaan dengan bajet yang diberikan untuk sukan berbasikal. Sukan berbasikal untuk elit, bajet keseluruhan..... (YB. Anak Bukit mencelah)

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Sebelum masuk basikal minta sat Yang Berhormat. Yang Gunung Keriang tadi tu saya pun dah berbincang dengan Majlis Bandaraya Alor Setar. Pelan pembangunan yang mereka nak buat tu hanya tertumpu di kawasan rekreasi di situ saja, tidak melibatkan



kawasan lain yang lebih luas termasuk kawasan tanah yang ditinggalkan oleh Syarikat Ekran sekian lama di situ dan juga macam saya sebutkan seperti lift dan sebagainya. Jadi MBAS hanya 'a small portion of the whole area'. Jadi hat lain macam mana, berapa lama lagi kita nak tunggu? Terima kasih.

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

Baik, terima kasih Anak Bukit.....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Tapi Anak Bukit, Speaker dia jauh hati juga pasal....

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

YB. Dato' Speaker, jadi saya bangkit itu dengan minta maaf!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Dato' Speaker, ya, Gunung Keriang akan kita bangunkan dan kita akan libatkan dengan semua agensi.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kuah! Sat lagi tak tegur depa kata sebab satu pulau tak tegur. Masa cukup dah!

YB. ENCIK MOHD FIRDAUS BIN AHMAD

YB. Dato' Speaker, mohon sikit lagi sebab terlalu banyak isu pelancongan yang disentuh. Oleh itu YB. Bukit Selambau, masa tak cuku nanti kita sembang kat luah lah no?

YB. Dato' Speaker, saya terpaksa lompat-lompat sikit tapi bukan lompat parti no YB. Kubang Rotan, masih lagi dalam Bersatu. YB. Dato' Speaker, YB. Kubang Rotan ada membangkitkan berkenaan Kota Kuala Kedah yang patut diangkat sebagai Dataran Pahlawan sebab perang musuh bisik berlaku di situ dan ramai pahlawan yang terkorban dan cadangan ini akan kita terima, memang kita terima pun dan kita bincangkan dan mungkin YB. Kubang Rotan boleh bersama-sama dengan jawatankuasa untuk membincangkan untuk kita bangunkan di kawasan tersebut. Juga dibangkitkan untuk memberi perhatian supaya dapat tarik lebih ramai pelancong di kawasan Kota Kuala



Kedah. Kota Kuala Kedah menerima ramai pelancong saban hari dan data yang direkodkan oleh Muzium Kota Kuala Kedah bagi tahun 2022 adalah seramai 114,772 dan pada tahun 2023 sehingga 11 Mac adalah seramai 22,919.

Jadi, pihak muzium juga telah pun mengadakan banyak program-program dan juga festival Kota Kuala Kedah bagi memperingati sejarah Perang Musuh Bisik dan pelbagai aktiviti yang dijalankan di kawasan tersebut.

Untuk yang terakhir YB. Dato' Speaker, untuk Bandar Baharu, Bandar Baharu tak dak. YB. Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang memberi pandangan dan juga idea. Saya terima baik cadangan dan idea tersebut serta saya ingin memohon kemaafan sekiranya portfolio ataupun yang telah pun diamanahkan kepada saya tidak dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Oleh itu YB. Dato' Speaker, saya menjunjung kasih titah ucapan Tuanku Sultan pada 12 Mac 2023.

Saya akhiri ucapan penggulungan saya dengan Wabillahitafik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumsalam, terima kasih YB. Kuah. Dipersilakan YB. Bukit Kayu Hitam!

YB. DATO' HJH. HALIMATON SHAADIAH BINTI SAAD

Auzubillahissami hil'ali minasyaitonirrajim, bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah rabbi 'alamin washolatu wassalamu 'ala asyrofil ambiya iwal mursalin sayyidina muhammadin wa'ala alihi wa sohbihi ajma'in. Subhanakala 'lmalana ma 'allamtana innaka antal 'alimul hakim. Robbishrohli Sodri Wayasirli Amri Wahlul 'Uqdatan Milisaani Yafqahu Qauli. Robbi Yassir Wala Tu'assir Rabbi Tammim Bilkhoir. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera, Salam Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua.

Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, pegawai-pegawai daerah, ketua-ketua jabatan dan rakan-rakan media serta hadirin sekalian. Terlebih dahulu marilah sama-sama kita panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala ke atas nikmat dan rahmatnya dapatlah kita berada di Dewan yang mulia ini.



Pertamanya saya ingin mengambil kesempatan ini memberi ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah dan terima kasih yang tak terhingga kepada semua anggota penjawat awam dan anggota-anggota petugas barisan hadapan yang menjadi 'frontliner' yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam tragedi bencana, tragedi banjir yang terjadi di Negeri Kedah ini di mana mereka telah berkorban masa dan tenaga bertungkus-lumus memerah keringat siang dan malam bagi memastikan kebajikan mangsa-mangsa bencana tidak diabaikan. Dan salam takziah diucapkan kepada semua keluarga mangsa yang terkesan dalam bencana ini.

Keduanya saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, ADUN Jeneri yang mana telah menjadi figura kepada semua ribuan, puluhan pengikutnya di media social. Tahniah! Kepada rakan-rakan barisan Exco, YB. Dato' Setiausaha Kerajaan, YB. Dato' Pegawai Kewangan, pegawai-pegawai daerah, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada ADUN kerajaan dan ADUN pembangkang yang bekerja keras memastikan Negeri Kedah dipandang tinggi di mata seluruh rakyat Malaysia. Tahniah juga diucapkan kepada semua kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah yang menjadi hero dan heroin "jeket oren". Hero jeket oren ni bukan Parti Amanah YB. ADUN Pengkalan Kundor. Yang mana mereka membantu golongan sasaran tanpa mengira masa dan tenaga.

YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, berdasarkan soalan yang dilontarkan oleh YB. ADUN Pengkalan Kundor berkenaan dengan peruntukan bantuan keperluan khas pesakit terlantar yang ditangguhkan dan diberhentikan.

Untuk makluman Yang Berhormat, inisiatif Kerajaan Negeri Kedah bagi peruntukan bantuan keperluan khas pesakit terlantar Negeri Kedah ini telah bermula pada tahun 2021 dan sehingga tahun 2023. Inisiatif bantuan ini masih diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM2 juta setahun. Bantuan ini merupakan bantuan tambahan kepada penerima bantuan pesakit terlantar OKU terlantar yang sedia ada. Kadar bantuan ini terbahagi kepada tiga kadar iaitu RM100 untuk bantuan peralatan sokongan, RM200 untuk bantuan pembelian lampin pakai buang dan RM300 untuk bantuan pembelian susu. Pada tahun 2021, bantuan keperluan khas pesakit terlantar Negeri Kedah ini telah diluluskan kepada 5,972 orang penerima. Peruntukan bantuan adalah sebanyak RM1,417,600 setahun.



Manakala pada tahun 2022 pula telah menunjukkan peningkatan di dalam kelulusan permohonan bagi bantuan keperluan khas pesakit terlantar sebanyak 13,323 orang penerima dengan peruntukan bantuan sebanyak RM3,126,700 setahun. Justeru itu, ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Kedah amat prihatin dan mengambil cakna dalam aspek kebajikan bagi membantu untuk meringankan bebanan keluarga ataupun penjaga yang menjaga ahli keluarga yang sakit terlantar dan sentiasa memastikan kebajikan keluarga tidak diabaikan.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan dan hadirin sekalian, berdasarkan soalan yang dilontarkan oleh YB. ADUN Kota Siputeh berkenaan isu eksploitasi ke atas wanita dan kanak-kanak terutamanya dalam konteks perkahwinan dan rumahtangga. Untuk makluman Yang Berhormat, kes penceraian yang berlaku di Negeri Kedah pada tahun 2022 telah menunjukkan peningkatan berbanding 2021.

Pada tahun 2021 seramai 2,586 kes manakala peningkatan pada 2022 sebanyak 3,245 kes. Oleh yang demikian, di bawah Portfolio Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat telah mengadakan program "Raikan Cinta" yang khususnya kepada pasangan yang menghadapi krisis rumah tangga dan mengeratkan semula tautan kasih dan kasih sayang di antara suami dan isteri. Selain itu, program ini dapat memberi pendedahan kepada pasangan tentang ilmu perkahwinan, ilmu keagamaan dan tanggungjawab yang perlu dipikul sebagai seorang suami dan isteri bagi mengekalkan keharmonian dan keutuhan rumahtangga. Program Raikan Cinta ini juga telah dilaksanakan sebanyak dua kali dan akan diteruskan lagi berikutan mendapat sambutan penyertaan yang diterima adalah sangat tinggi. Ini adalah menunjukkan bahawa matlamat program ini telah tercapai bagi membantu pasangan dalam membina keluarga sakinah warahmah dan mawaddah.

Selain daripada itu juga terdapat pelbagai usaha kerajaan yang telah dilaksanakan di mana Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Kedah telah merancang pelbagai program bagi membantu wanita yang terkesan dalam masalah penceraian. Antaranya adalah program meningkatkan daya tahan dan psikologi wanita atau lebih dikenali dengan program "Matahari" yang bertujuan membantu masyarakat khususnya wanita untuk memahami aspek kesihatan mental dan kaedah mengendalinya. Program ini membantu peserta untuk memahami teknik berfikiran positif, bermotivasi dan tahu bagaimana untuk mengatasi cabaran hidup dengan cara yang betul selain tahu bagaimana cara mendapatkan bantuan.



Selain daripada itu, program Lestari Perundangan dan Hak-hak Wanita dikenali dengan Program Iris adalah satu program advokasi bagi meningkatkan pengetahuan para wanita berkenaan hak-hak pembelaan dalam undang-undang. Penambahan ilmu pengetahuan dalam undang-undang dapat menghindarkan individu daripada menjadi mangsa dan menggunakan saluran undang-undang yang betul serta jelas sebagai medium untuk menegakkan keadilan selain menjamin kebajikan dan kesejahteraan wanita.

Di samping itu, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah (JHEAIK) melalui Bahagian Undang-undang Keluarga Islam juga menawarkan khidmat nasihat, sesi kaunseling dan motivasi secara awal untuk membantu wanita yang terkesan di dalam masalah penceraian. Tambahan pula sukarelawan Skwad WAJA (Wanita Anti Jenayah) yang juga merupakan inisiatif oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Masyarakat (KPWKM) bagi memastikan golongan wanita terutamanya dilindungi dan sekaligus mewujudkan komuniti yang prihatin dan peka terhadap persekitaran yang berlaku.

Skuad WAJA juga merupakan agen perkhidmatan psikologi dalam dalam komuniti dalam usaha meningkatkan pengetahuan wanita berkaitan dengan undang-undang serta menjadikan mereka lebih berani untuk melaporkan sebarang bentuk jenayah dan keganasan yang berlaku. Program-program yang dirancang ini melibatkan kerjasama dengan pelbagai pihak dan agensi daripada kerajaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan seperti Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Kedah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Bantuan Guaman, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan Negeri Kedah, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan lain-lain.

YB. Dato' Speaker, tuan-tuan dan puan-puan yang yang dirahmati Allah sekali, akhir sekali saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil cakna dan prihatin di atas segala inisiatif dan keprihatinan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan terutamanya agensi di jabatan di bawah Portfolio Pembangunan Wanita Keluarga Masyarakat Dan Kebajikan Negeri Kedah. Saranan bernas dan pandangan Daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat akan menjadi penambah nilai bagi dasar-dasar negeri jangka panjang terutamanya yang melibatkan portfolio saya. Selain daripada itu, jalinan kerjasama yang baik daripada kesemua jabatan kerajaan, agensi-agensi dan pertubuhan bukan kerajaan terlibat serta komuniti amatlah diharapkan untuk memastikan kesejahteraan Negeri Kedah.

Sebelum mengakhiri ucapan penggulungan ini saya menyokong penuh ke atas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Kalau semua duk pantun, kali ini saya juga nak pantun YB. Dato' Speaker.



*Bunga seroja di atas para,
Jatuh ditimpa buah berangan,
Andai kata tersilap bicara,
Beribu maaf Kak Ton ucapkan.*

*Negeri Kedah indah berseri,
Terbentang luas sawah dan padi,
Selesai sudah kali ini,
Sehingga kita berjumpa lagi.*

Sekali lagi kepada semua perwakilan, Sidang Dewan pada kali ini merupakan Sidang Dewan yang terakhir sebelum kita Pilihan Raya Negeri. Mminta maaf banyak-banyak kalau ada salah dan silap sekali lagi. Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Walaikumsalam. Kita 'reserve' semasa banyaklah kepada YB. Bukit Kayu Hitam, apanya dia berhenti awal. Ustaz Azhar Idrus kata, "balik awal". Masa masih ada lagi 11 minit tak palah, YB. kupang walaupun 11 minit kira 10. Esok kita jawab lagi 10!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya pegawai-pegawai kerajaan dan hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Alhamdulillah pada petang ini dapat kita meneruskan amanah bermusyawarah untuk terus memajukan Kedah Darul Aman di mana kita berusaha untuk menampilkan Kedah sebagai sebuah negeri maju yang berdaya saing menjelang tahun 2035, InsyaAllah. Dan saya ucapkan syabas kepada semua pembahas-pembahas membahaskan di dalam membahaskan ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan saya mengambil kesempatan ini menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang telah menyampaikan satu ucapan yang menjadi sesuatu hikmah untuk kita melaksanakan tugas-tugas kita sebagai wakil rakyat.

Namun demikian, dalam ucapan-ucapan tersebut apa jua yang disebut adakalanya berlaku "telunjuk lurus kelingking berkait" dalam membahaskan dan penghujahan-penghujahan yang telah dikemukakan. Kononnya hendak menjunjung Perlembagaan tapi dalam masa yang sama tidak pun ada semangat untuk menjunjung keluhuran Perlembagaan itu sendiri. Kadang-kadang kita lihat bahawa tujuannya ialah seolah-olah



kata pepatah Melayu, “nak berhujah tetapi nak melindungi apa yang telah dilakukan seolah-olah nak berlindung, berteduh daripada cahaya matahari dengan seurat rambut”, jadi tak akan ke mana. Jadi itulah hakikat yang berlaku dalam perbincangan kita.

YB. Dato’ Speaker, walau apa pun dalam kita nak membangun Kedah, nak membangun negara, hendak meMadanikan negara kita ini, berdasarkan kepada pengalaman Malaysia dan juga situasi dan realiti di Malaysia, ada 3 perkara yang perlu kita jaga yang menjadi asas kepada pengukuhan pembinaan sama ada Madani ka Hadari ka, banyaklah sebelum daripada ini tetapi asas ini kadang-kadang disentuh secara sengaja, kadang-kadang dijadikan sebagai asas untuk nak menimbulkan ketegangan, wallahu’alam iaitu tiga perkara dalam konteks Malaysia iaitu Islam, Melayu, beraja. 3 perkara ni kena ambil perhatian betul-betul oleh semua pihak, Islam jangan disentuh, jangan cuba menggoyakkan keharmonian, jangan cuba melontar batu dalam air yang tenang. Negara ini ialah sebuah negara Islam, kalau kita nak membahaskan Perlembagaan itu pun, Perlembagaan telah memberi peruntukan yang jelas, Perlembagaan telah memberikan satu peruntukan di mana ianya perlu dijaga. Sebab itulah apabila Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melakukan sumpah sebagai pelantikan maka digunakan “wallahi wabillahi watallahi”. Apa makna itu? Ini kena dihayati, kena difahami bahawa kemudian dituruti dengan ‘wording-wording’ di dalam sumpah itu iaitu memelihara agama, itu ketua agama.

Jadi, mana-mana pihak pun dalam membahaskan ataupun membicarakan ataupun mewacanakan perkara ini harus dipelihara dengan sebaik mungkin. Tapi apa yang kita lihat bahawa suara-suara sumbang di dalam, menyindir tentang perkembangan Islam melalui kadang-kadang tindakan undang-undang dan sebagainya berlaku secara berleluasa. Jadi, manakah Madaninya Malaysia ini kalau itulah yang menjadi fokus perbahasan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu. Itulah harus kita jelaskan. Seterusnya ialah bagaimana hak-hak yang telah dijamin oleh Perlembagaan itu cuba disentuh dan dijadikan satu bahan untuk perbahasan yang tidak bermoral kadang-kadang.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah, saya tidaklah berhajat melanjutkan perbincangan dalam isu-isu itu dan sekarang saya cuba nak menyentuh isu-isu yang dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat mengenai portfolio saya. Pertama ialah mengenai dengan perbelanjaan UniSHAMS yang telah dibangkitkan oleh YB. Bandar Baharu yang saya janji dalam jawapan kelmarin untuk perlengkapkan di dalam jawapan penggulungan ini. Pertanyaan yang dibangkitkan ialah adakah perbelanjaan pentadbiran UniSHAMS melebihi 80% daripada pendapatan yang diperolehi. Di sini saya suka memberi sedikit laporan di mana laporan prestasi kewangan UniSHMAS Sdn. Bhd. bagi



tahun 2018 hingga 2022. Pendapatan iaitu yuran bagi 2018 ialah RM28,195,092, 2019 RM31,166,590, 2020 RM35,184,908, 2021 RM35,101,860 dan 2022 RM 38,246,212. Itu ialah yuran pengajian. Hasil sewaan tahun 2018 ialah RM187,046, 2019 RM183,550, tahun 2020 RM69,865, 2021 RM135,428 dan 2022 RM165,757. Saya rasa kalau saya nak sebutkan ini adalah terlalu 'detail' sangat maka InsyaAllah saya akan beri dalam jawapan bertulis. Jadi rumusan daripada apa yang telah disebutkan tadi di mana peratusan belanja pentadbiran UniSHAMS untuk gaji staf terhadap pendapatan UniSHAMS tanpa geran kerajaan bagi tahun 2022 adalah di bawah paras 80% iaitu sebanyak 79.91%.

Pendapatan tersebut adalah termasuk yuran pengajian, aktiviti program francais iaitu UnIPAS dan KIAS serta hasil sewaan. Namun peratusan belanja pentadbiran UniSHAMS iaitu gaji staf berbanding dengan yuran pengajian pada tahun 2022 adalah di bawah paras 85% iaitu 83.33%. Data yang direkodkan daripada tahun 2018 telah menunjukkan bahawa hanya pada tahun 2018 dan 2019 belanja pentadbiran UniSHAMS iaitu gaji staf melebihi paras 85%. Namun sejak 2020 sehingga 2022 belanja pentadbiran UniSHAMS adalah di bawah paras 85% seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Selain itu, data menunjukkan bahawa tahun 2020 UniSHAMS hanya menggunakan di bawah 45% peruntukan geran kerajaan untuk belanja operasi dan kemudahan kecairan manakala baki 45% peruntukan geran kerajaan kebiasaannya digunakan untuk belanja Pembangunan iaitu untuk pembaikan dan penyelenggaraan bangunan yang mencecah usia 10 tahun. Sepertimana kita sedia maklum, bila barang lama ni 'maintenance' dia tinggi sikit, begitulah, kalau kereta pun macam tulah. Kalau isteri pun lama-lama dah tua pun kena masuk hospital lah, begitulah tuan-tuan sekalian. Yang kita sendiri ni pun dalam umur yang 60 tahun ke atas tu faham-faham sajalah, situ tak kena, sini tak kena, buah pinggang la, darah tinggi la, semuanya naik belaka.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kupang nak teruskan ka nak berhenti dulu, esok nak sambung?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Dato' Speaker, kalau YB. Dato' Speaker benarkan saya teruskan saja lah.

YB. DATO' SPEAKER

Berapa minit lagi ada?



YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Banyak juga lah. Tapi tak pa...

YB. DATO' SPEAKER

Haaa.....tak pa, esoklah kalau macam tu.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Cuma nak habiskan satu lagi. Walau bagaimanapun, UniSHAMS sedang memantau kesan pasca pandemik covid-19 terutamanya berkaitan isu pelajar lepasan SPM yang lebih memilih untuk tidak menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ini adalah satu masalah yang besar bukan sahaja untuk Kedah tetapi untuk keseluruhan terutamanya ialah pelajar-pelajar di peringkat lepasan SPM, kemudian mereka sudah tak berminat.

Ada dilaporkan bahawa ada setengah-setengah sekolah terutamanya sekolah menengah agama, tingkatan 6 ditutup kerana tidak ada pelajar disebabkan kurang minat untuk menyambung ke peringkat yang lebih tinggi. Ini ialah antaranya dan termasuk juga ialah daya tarikan gig ekonomi iaitu kecenderungan anak muda menceburi bidang perniagaan secara dalam talian sepertimana grab food, tiktokers, youtubers dan lain-lain. Ini menyebabkan berlaku kemerosotan minat anak-anak muda kita dalam menyambung pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

Jadi, UniSHAMS memandang hadapan hasrat Yang Amat Berhormat Menteri Besar untuk menyegerakan pembinaan asrama pelajar memandangkan pertambahan 1,000 orang pelajar akan memerlukan tidak kurang daripada 100 buah rumah. Sekiranya pelajar tinggal di luar, keadaan ini juga dilihat akan menyumbang kepada peningkatan mendadak kadar sewaan rumah di kawasan Kuala Ketil, Kedah Darul Aman.

Jadi, pihak UniSHAMS yakin dengan pembinaan asrama untuk kapasiti 3,000 pelajar akan dapat menangani isu kemasukan pelajar serta mampu untuk melonjakkan jumlah kemasukan pelajar baru ke UniSHAMS. Sekadar itu saja untuk petang ini, kalau ada masa sambung esok InsyaAllah.

Wabillahaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumusalam. Kalau buka dengan pantun, tutup pun dengan pantun juga.

*Pergi ke Jeneri dengan bas,
Bila sampai berehat diperigi,
Sehari suntuk kita berbahas,
Besok kita berjumpa berbahas lagi.*

Dengan itu saya menangguhkan Sidang hari ini sehingga pukul 9.00 esok pagi.



[Sidang Dewan pada 15 Mac 2023 – Hari Kelima Persidangan]

YB. DATO' SPEAKER

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi. Dewan disambung semula dengan bacaan doa.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

*Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah Rabbusama Wa'tiwal Ardh' Wa Rabbul A'lamin
Washolatu Wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin Sayyidil' Mursalin Wa'ala Alihi
Wa'sohbihi Aj'main.*

Dengan Nama Allah Tuhan Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang. Segala pujian bagi Allah, Tuhan yang memerintah langit dan bumi dan Tuhan sekalian Alam, Selawat dan salam atas Rasul kami, Nabi Muhammad Penghulu sekalian Rasul dan di atas keluarga dan sekalian sahabat-sahabatnya.

Ya Allah Yang Maha Berkuasa engkaulah Tuhan yang maha adil bijaksana dan pemurah Tuhan yang telah mengaturkan kewajipan Sultan pemerintah dan meletakkan tanggungan pertubuhan Dewan untuk keselamatan pemerintah dan kesejahteraan rakyat. Kami hamba-hambamu yang kau telah perkenan meletakkan tanggungjawab bagi menyempurnakan segala pekerjaan di dalam Dewan ini memohon dengan limpah kurniaanmu berkatilah apa jua kiranya amalan-amalan pekerjaan kami di dalam Dewan ini. Sesungguhnya kami menjunjung perintah dan kebesaran mu maka anugerahkanlah kepada kami Taufik dan Hidayat mu yang menyeluruh bagi memimpin kami ketika berunding dan menimbang segala perkara yang didatangkan di hadapan kami dan kekalkanlah di hati kami sifat amanah, jujur dan bertanggungjawab bagi menegakkan syariatMu dan menambahkan kemakmuran dan kesejahteraan Negeri Kedah Darul Aman dan sekalian penduduknya.

*Rabbana A'tina Fiddun'ya Hasanah Wa Fil Akhira'ti Hasanah Waqi'na Azabann'ar Amin
Ya Rabbal Alamin.*

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya setiausaha.



I. SAMBUNGAN KEPADA PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Sambungan Kepada Pertanyaan-Pertanyaan Mulut

YB. DATO' SPEAKER

Mesti kena mula dengan pantun:-

*Makan tengah hari di Restoran Pumpong,
Tersadung gelas baju basah,
Pagi ini kita berkampung,
Petang nanti kita berpisah.*

*Pak tani menebang buluh,
Tolak buluh di tepi jalan,
Kelmarin berhenti nombor 10,
Jitra dijemput kemuka soalan.*

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi YB. Dato' Speaker, saya mohon jawapan untuk soalan nombor 11.

11. YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR [ADUN JITRA]

Pohon dinyatakan:-

- a) Apakah perkembangan terkini pelaburan-pelaburan yang telah diluluskan sejak tahun 2020?
- b) Adakah sudah dibangunkan dan beroperasi?
- c) Berapakah peluang kerja yang telah diisi, dan oleh siapa?
- d) Berapakah jumlah rakyat Kedah yang telah mengisi peluang kerja yang diwujudkan sejak tahun 2020?



YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, jangan panjang sangat!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh YB. Dato' Speaker, untuk soalan nombor 11, mula-mula saya nak jawab a, b dan bersekali. Tentang pelaburan 2020 sehingga 2022, bagi sektor pembuatan 2020 pelaburan yang masuk ialah RM4.06 billion, jumlah semua sekali RM5 billion tahun itu termasuk perkhidmatan. Tahun 2021, RM66.2 billion, pembuatan jumlah keseluruhan RM68.3 billion, Tahun 2022 RM12 billion bagi perkhidmatan, jumlah keseluruhan RM13.1 billion. Mengenai peluang kerja yang telah diisi oleh siapa? Tahun 2020, 7,813-86.1% orang Kedah. Tahun 2021, 11,703 orang Kedah 91.7% ertinya orang Kedah ramai kita kerja kuat untuk masukkan pelaburan. Tahun 2022, 3,158 tapi yang itu setakat Januari hingga September itu pun 90% orang-orang Kedah.

Soalan (b) adakah sudah dibangunkan dan sudah beroperasi. Pada tahun 2020, projek yang telah diluluskan oleh MIDA ialah 75, beroperasi 57 syarikat dan peratusnya ialah 76%. Tahun 2021, projek yang diluluskan ialah 48 beroperasi 33 iaitu 69%, tahun 2022 projek yang diluluskan ialah 31 beroperasi 4 sahaja. Memang kita tengok yang tinggi peratusnya ialah tahun 2020, sebab nak buat kilang bukan macam nak buat kilang beras. Kalau APNS itu dia mula masuk suku pertama bulan Mac dan April buat tapi lani tak siap lagi, dia sampai suku tahun pertama 2024 baru boleh mula beroperasi. Dia tak ada 10 bulan kalau syarikat-syarikat yang besar. Itulah secara keseluruhannya yang tahun 2022 baru masuk kalau 4 beroperasi itu adalah satu pencapaian.

Untuk jawapan soalan (d) Berapakah jumlah rakyat Kedah yang telah mengisi peluang kerja yang diwujudkan sejak tahun 2020? Rakyat Kedah kalau tengok secara keseluruhan Taman Teknologi Park, orang Kedah 82%, saya bagi contoh syarikat-syarikat yang lain yang saya sendiri bertanya orang yang bekerja di situ, ACM 92% orang Kedah daripada jumlah 900 orang. Ada lah orang Perlis sikit di situ sebab orang Perlis tak jauh. Kalau Kulim Hi-Tech Park, ada orang Penang, Bukit Mertajam dan sebagainya. Kemudian, Minebea, syarikat Jepun di Sungai Petani 82% orang Kedah. Syarikat Nichias yang beroperasi di Bandar Darulaman, daripada jumlah 1,037, 95% adalah anak Kedah. Syarikat Inokom yang buat kereta berjenama di Kulim, daripada lebih 2,000 tenaga kerja 90% adalah anak-anak Kedah.



Kita perlu lihat sekarang ialah kita nak lebih ramai anak-anak Kedah ini memegang jawatan di peringkat pertengahan dan atas sebab kalau atas tu banyak expestriated dan orang-orang lain ya! Tapi yang pertengahan dan atas itu kita boleh isi dengan anak Kedah. Macam engineers, jurutera dalam pelbagai disiplin, elektronik, elektrik, mekanikal dan sebagainya. Itu sahaja jawapan saya Dato' Speaker.

YB. DATO' SERI UTAMA HJ. MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Soalan tambahan Dato' Speaker! Apakah perancangan Kerajaan Negeri Kedah untuk memastikan bahawa bekalan pekerja-pekerja daripada Kedah untuk industri yang berteknologi tinggi mencukupi. Kalaulah kita ada satu perancangan jangka masa panjang, apakah jenis industri yang kita nak Tarik? Antara perkara yang mereka akan tanya ialah bekalan tenaga kerja yang mahir. Jadi, adakah pihak kerajaan negeri berbincang ataupun memadankan antara industri dengan Institut Pengajian Tinggi supaya graduan-graduan khususnya daripada Kedah ini memenuhi permintaan yang bakal wujud apabila industri itu mula beroperasi di Kedah.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Dato' Speaker ini adalah salah satu perkara yang penting yang perlu kita lakukan, dia sebenarnya bukan sahaja di peringkat Pengajian Tinggi, Universiti, Politeknik dan juga macam TVET, Kolej ADTEC dan sebagainya tapi dia kena bermula daripada sekolah terutamanya sekolah menengah yang saya sebutkan dalam jawapan soalan nombor 5, dua hari sudah! Kita sekarang menghadapi satu cabaran yang amat besar kerana anak-anak kita di sekolah tak suka buat sains terutama sains tulen, kita perlukan ramai jurutera dalam pelbagai bidang, Dato' Speaker. Nak menjadi jurutera, orang yang buat sains dia tahu lah! Bakar Arang dia tahu! Tingkatan 4 dia kena ambil sains tulen, dia tak boleh buat yang vokasional dan sebagainya. Vokasional itu dia pi direction lain lah! Sekarang seluruh negara, kita hanya mencapai 20% lebih.

Di Kedah pun kita capai dalam percentage yang begitu sikit dan kita perlu pertingkatkan dalam kita buat program STEM ini untuk anak-anak kita yang belajar di sekolah rendah lagi depa suka pada sains, lepas tingkatan 3 dia buat sains tulen. Itu amat penting! Itu peringkat engineer, kalau kita nakkan negara kita menjadi sebuah negara maju, berteknologi tinggi, negara industri kita tak ada pilihan kecuali anak-anak kita kena buat kejuruteraan dan senang dapat kerja! Kalau tanya Syarikat Kulim Hi-Tech Park, senang saja! Kalau you nak senang dapat kerja, you kena belajar tu susah sikit, sains tapi kalau you nak senang belajar tapi susah lah nak dapat kerja.



Di peringkat diploma level, tak sains tulen pun boleh masuk, macam matematik dapat kredit dan sebagainya, yang itu dia cover di peringkat lower middle, technical assistant, kalau kita tengok macam piramid structure, the top engineer, bawah itu ada skill tenaga kerja berkemahiran teknikal yang perlu diisi.

Yang ini kita laksanakan banyak program dengan Politeknik dengan ADTEC, ILP dan juga peringkat KISMEC, K-TECHNO, yang dibawah anak syarikat Kulim Hi-Tech Park ini bukan sahaja mengambil pelatih-pelatih yang tak ada degree, yang ada degree pun dia ambil untuk buat data analytics dan sebagainya di peringkat yang lebih tinggi, ini semua sedang berjalan dan pandangan saya ialah kita tidak mencukupi, kita perlukan satu bilangan yang ramai untuk mengisi jawatan-jawatan yang kita ada dalam Negeri Kedah ini. Kalau diikuti penganjuran kita, daripada sekarang sehingga 2025, Kulim Hi-Tech Park, kita perlukan lebih daripada 24,000 tenaga mahir yang berteknikal ini. Ini perkara-perkara yang sedang dalam pelaksanaan kita YB. Dato' Speaker, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Lambat! Tak apa teruskan YB. Bandar Baharu.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, YB. Guar Chempedak, kita tau segala pelaburan yang masuk memang makan masa untuk dibangunkan dan terus beroperasi terutamanya pelaburan-pelaburan yang berteknologi tinggi masuk 2021 belum tentu lagi 2023 boleh beroperasi tetapi ada juga pelaburan yang ditempatkan di tempat Teknologi Tinggi yang agak kurang berkualiti yang terus beroperasi dan tidak membanggakan kitalah.

Jadi, bolehkah YB. Guar Chempedak memaklumkan kepada kita dan berkongsi di sini, apakah proses pemilihan pelaburan tersebut kerana pemilihan pelabur-pelabur pun bukanlah mudah dia 'due diligence' (dengan izin) technical, financial dan sebagainya bukan saja boleh pilih-pilih yang mudah dan berapa lama duration dia, macam mana kita tempatkan 13 'targeted industry' itu dengan izin Di Kulim Hi-Tech Park dan memastikan kualiti dan kuantiti pada pelabur-pelabur tersebut diteruskan di Kedah. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak tunggu sat, kita teruskan dengan YB. Bayu!



YB. TUAN HAJI ABDUL NASIR BIN IDRIS

YB. Dato' Speaker, kalau kita lihat tadi laporan daripada jaga YB. Exco tadi tentang pencapaian pelaburan kita cukup memberangsangkan, cukup hebat, cukup menggalakkan seperti 2021 RM6.8 billion, tahun 2022 RM13.1 billion, pencapaian yang tinggi, mungkin YB. Exco dapat kongsi dengan kita bersama tentang pencapaian ini, mungkin ada faktor-faktor samada faktor dalaman ataupun faktor luaran yang boleh dikongsi bersama tentang kejayaan pencapaian ini.

Yang kedua, mungkin dalam usaha kita untuk meningkatkan pelaburan ini mungkin ada cabaran, kekangan yang dihadapi oleh khususnya pihak kerajaan untuk menyelesaikan dan untuk meningkatkan lagi dan mungkin ada solution dan kaedah pencapaian yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk mencapai matlamat kita. Satu lagi yang saya sebutkan tadi ialah penyediaan pusat latihan yang kita perlu sangat untuk menyediakan peluang pekerjaan, adakah kerajaan berhasrat untuk meningkatkan industri atau pusat-pusat latihan perindustrian yang sedia ada untuk kita tampung keperluan sumber manusia di kilang-kilang kita yang kita dapat wujudkan sebelum ini? Terima kasih.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya nak menyentuh tentang hang apa yang ditanyakan oleh Bandar Baharu sebenarnya dalam ucapan perbahasan Bandar Baharu pun dia dah sebut benda ni dan saya berhasrat untuk membuat respon kepada persoalan itu dalam penggulangan saya. Kalau kita nak jawab sini dah lama sangat nak guna baru we don't mind (dengan izin).

Tentang soalan yang kedua iaitu berhubung dengan apa yang disebutkan oleh Bayu, pencapaian pelaburan di Kedah khususnya industri pembuatan amat berjaya sekali. Saya nak sebutkan juga bahawa mungkin ada orang yang tertanya-tanya tahun 2021 sampai RM68 billion mai tahun 2022 tinggal RM13.1 billion. Saya nak fokus kepada industri pembuatan even jumlah keseluruhan pun Kedah ni dia tak jatuh, dia hanya 'top five, kita sekarang ini 'top five state' dalam pelaburan. Ini satu pencapaian yang cukup hebat bagi saya, sebuah negeri yang ekonominya berasaskan pertanian masih lagi pertanian kita buat bendang, buat padi bagi orang di negeri Malaysia ini makan beras, makan nasi tapi kita maju dalam industri pembuatan. Ini satu kejayaan yang boleh semua kita di sini dan seluruh rakyat Kedah berasa bangga. Kita ambil industri pembuatan, saya tengok secara detail dia punya nilai pelaburan, industri perubatan kita dapat RM12 billion di atas kita Selangor hanya RM12.2 billion sahaja, RM200 juta saja lari, kalau tidak kita pi nombor 3, sekarang kita nombor 4, kemudian, satu lagi Pulau Pinang, Pulau Pinang



hanya dapat RM13 billion. Jadi, sungguhpun kita nampak kita jatuh dari segi jumlah sebelum ini tetapi sebenarnya pencapaian kita tahun 2022 ini boleh kita banggakan! Macam mana ini berlaku dan pencapaian ini macam mana kita boleh dapat? Banyaklah faktor kalau nak cerita. YB. Bayu, saya akan sebut dalam ucapan penangguhan saya nanti kan dah tulis dah pun tapi tak boleh baca lagi. Kena tunggu giliran saya baru saya boleh baca. Sekian, YB. Dato' Speaker!

YB. DATO' SPEAKER

Soalan nombor 12.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker mohon jawapan untuk soalan nombor 12.

**12. YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM
[ADUN AYER HITAM]**

Pencemaran oleh kilang beras.

Pohon dinyatakan:-

- a) Berapakah aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar berkaitan dengan pencemaran dari kilang beras sepanjang tahun 2022?
- b) Kilang beras Jasmine di Batu 18 Jalan Kodiang dilaporkan sering menyebabkan pencemaran berkaitan dengan habuk/miang. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak JAS mengenainya?

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Terima kasih, YB. Dato' Speaker. Terima kasih Adun Ayer Hitam! Soalan nombor 12 yang ditanya oleh YB. Adun Ayer Hitam Berapakah aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar berkaitan dengan pencemaran dari kilang beras sepanjang tahun 2022?

Berdasarkan rekod Jabatan Alam Sekitar terdapat 5 aduan yang diterima berkaitan dengan pencemaran dari kilang beras sepanjang tahun 2022. Yang pertama adalah nama kilang adalah Kilang Beras Rajan Sdn. Bhd. Alor Setar.



Jenis pencemaran adalah habuk, tarikh aduan 13 Mei 2022 iaitu isu adalah habuk dan debu yang berterbangan ke udara sehingga menyebabkan kekacauan di kawasan perumahan yang terdekat so tindakan JAS adalah bagi notis arahan Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Nombor dua adalah Jabi Rice Mill Sdn. Bhd, Pokok Sena iaitu jenis pencemaran adalah asap hitam bertarikh 6 Februari 2022. Pelepasan asap hitam ke udara notis arahan Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kilang yang nombor tiga adalah Kilang Beras Sukaramai Sdn.Bhd,Yan iaitu pembakaran terbuka dari tarikh 23 Januari 2022. Pembakaran terbuka sekam padi di belakang premis. Notis arahan Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Nombor empat ialah Jasmine Rice Mill Tunjang Kubang Pasu. Jenis pencemaran adalah asap hitam so tarikh aduan 23 Januari 2022, pelepasan asap hitam ke udara notis arahan Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Nombor lima ialah Kilang Beras Mihoda, Pokok Sena. Jenis pencemaran adalah asap hitam, tarikh aduan 9 dan 8 Ogos 202,2 pelepasan asap hitam ke udara. Tindakan JAS - notis arahan Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

So untuk jawapan untuk soalan-soalan (b) Kilang Beras Jasmine di Batu 13 Jalan Kodiang dilaporkan sering menyebabkan pencemaran berkaitan dengan habuk dan miang. Adakah tindakan yang telah diambil oleh Pihak Jabatan Alam Sekitar mengenainya sama ada JAS Kedah telah mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas Kilang Beras Jasmine di Batu 13 berdasarkan peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Tindakan ini pernah diambil oleh JAS Kedah adalah nombor satu notis arahan sebanyak empat kali telah dibuat dari tarikh 4 Jun 2018 dan 19 September 2021.

Nombor 2, kompaun bagi kesalahan di bawah peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling buangan terjadual 2005 berjumlah RM4,000, tarikh 14 Oktober 2020. Nombor 3, penahan operasi kelengkapan iaitu boiler pada 15 Oktober 2020 di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling Udara Bersih 2014 pada tarikh 15 Oktober 2020. Yang ke-4, khidmat nasihat yang berterusan berkaitan dengan pengurusan abu sekam padi dan pemantauan peralatan Smoke Density Meter / Smoke Alarm Recorder pada 24 Januari 2022. So JAS Kedah sentiasa menjalankan penguatkuasaan secara berterusan ke atas kilang tersebut yang mana kilang yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dari semasa ke semasa dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar demi kesejahteraan rakyat di Negeri Kedah.

YB. ENCIK AZHAR BIN IBRAHIM

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YB. Sidam atas jawapan. Saya cuma nak tanya tentang soalan 12 (b) tentang Kilang Beras Jasmine yang ada empat kali notis yang telah dikeluarkan.



Baru-baru ini di awal tahun ini masalah yang sama terus berlaku di mana orang kampunglah, kilang itu kilang yang dibina sejak tahun 1976 bukan baru lama, kilang datang daripada pendebatan orang kampung walaupun masa itu ada bantahan dan sebagainya tapi dah diluluskan tu kita terimalah kilang tu cuma masalah berterusan sehingga sekarang! Habuk hitam dan juga miang. Habuk ini berkaitan Sebabnya ada pembakaran pembakaran sekam dalam kilang tu yang dilepaskan melalui serombong besar tu cuma bila ada masalah serombong tu, kesannya agak tinggi lebih-lebih lagi pada musim kemarau sekarang ini. habuk tu dia berterbangan dalam udara, bila mai masa dia turun dekat rumah-rumah! Kalau musim hujan ok sikit dia boleh serap dengan air dan boleh kurang.

Kemudian, masalah miang yang berlaku sebab lori-lori yang bawa padi mai tuang di tempat terbuka, berbumbung, terbuka, tidak ada dinding. Jadi, miang tu dia terbang masuk ke rumah orang kampung sekeliling tulah. Masalah ini dah lama, tindakan dan bantahan pun dah di buat tapi tindakan agak slow! Bila kita lapor dia ada perubahan, kemudian dia ulang balik masalah tu cuma pihak kilang itu ada juga cuba nak cover dengan bagi bila musim dua tiga kali beras, bila nak raya depa bagi hamper tapi orang kampung bukan nak itu! Dia nak masalah berterusan tu selesai, masalah miang habuk selesai bukan masalah depa nak dapat sikit imbuhan daripada kilang tu! Saya minta pandangan daripada pihak YB. Sidam dalam memastikan benda ini berhenti setakat ini sajalah dan tidak ada timbul lagi masalah tentang habuk dan juga miang di kawasan Kilang Padi Jasmin itu. Terima kasih.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Ok terima kasih YB. Ayer Hitam. Saya rasa yang pertama adalah kita bila dapat aduan macam ini. Yang pertama kita kena nasihatkan kilang-kilang, yang pertama kita kena ada premis yang tertutup terutamanya macam ada jaring atau net untuk menghalang habuk atau miang untuk tiup ke taman-taman yang tersebutlah dan premis yang tertutuplah. Maksud saya tanked!

Kedua, adalah kita kena nasihatkan kilang untuk 1 kolam bila kenderaan ada lori terutamanya bila nak masuk ke kilang tersebut, sekurang-kurangnya dia punya tayar ke kena basahkan! Kalau tak dia akan jadi miang ke habuk ke macam-macam untuk terbang terutamanya semasa musim panas.

Ketiga, saya rasa kita kena cadang kepada kilang apa yang sepatutnya terutamanya dia kena ada jaring ada atau net untuk terlindung. Jangan bagi dia angin dia tu tiup pada miang kepada tempat yang perumahan yang sedia ada dan nasihat saya adalah kita kena buat proses dalam premis yang tertutuplah, itu lebih elok dari apa yang sedia ada, setakat lani!



Kalau you nak moved kilang yang sedia ada untuk pergi ke tempat lain, saya rasa pun tak sesuai juga so tempat macam mana untuk menjaga kilang sendiri, itu saja saya boleh nasihatkan. Itu saja. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Anak bukit, silakan!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Dato' Speaker, Sidam tolong tengok sat Kilang Batu 18 tu tak jauh daripada rumah YB. Ayer Hitam tu kesian nanti prestasi sebagai Adun terganggu dok kena miang selalu kan.

Soalan saya YB. Dato' Speaker ialah apakah pendirian kerajaan negeri sekarang terhadap kilang-kilang yang wujud dah lama dan kilang-kilang yang nak baru wujud ni bolehlah kita kawal tempat dia kena sesuai dan sebagainya. Tapi depa dah wujud lama kemudian rumah mai duk buat dekat pulak dengan depa kan dan kemudiannya menimbulkan kacau ganggu lah. Jadi, saya nak tanyalah pendirian kerajaan negeri sekarang terhadap kes-kes yang seumpama ini, adakah kita nak minta kilang ini keluar pi tempat lain ataupun dia nak kena buat perkara-perkara yang boleh memitigasikan kacau ganggu itu yang menyebabkan dia pun boleh terus beroperasi di situ, rumah-rumah orang kampung yang dok ada keliling tu pun boleh terus duduk di situ! Apakah pendirian kerajaan negeri terhadap kes-kes yang seumpama ini, terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Sekali boleh kut!

YB. DATO' SPEAKER

Silakan YB. Sungai Limau

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Baik, terima kasih YB. Dato' Speaker, di kawasan saya pun ada isu yang macam ni cuma soalan saya dari sudut garis panduan, jarak antara kilang dengan penempatan sudah pasti diambil kira oleh pihak Kementerian ataupun penguatkuasa undang-undang tapi sejauh mana jarak itu dipatuhi untuk bila tindakan laporan dibuat, tindakan diambil tapi langkah susulan mai pula tengok kilang patuh ataupun tidak sebab mungkin dari sudut ada kita katakan kaedah untuk nak halang daripada habuk terbang dan sebagainya tapi dari sudut bau, bau yang kalau dekat tu dia akan ganggulah.



Kalau dalam kawasan saya itu, satu hak yang berkaitan dengan padi tu pun miang tu pun ada! Satu lagi bila proses untuk kilang tu buat baja jadi sisa-sisa yang terbang dn bau yang kurang enak oleh penduduk sekeliling. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DR. ROBERT LING KUI EE

Kalau untuk soalan yang ditanya oleh Anak Bukit, saya rasa kilang yang sediada, saya rasa kita kena nasihat apa yang sepatutnya. Kalau you nak move kilang yang sedia ada saya rasa memang susahlah tapi kita kena nasihat apa yang sepatutnya kena buatlah terutama teknologi dan selepas ini jangan ada habuk ke miang yang sedia adalah dan lori untuk masuk, saya rasa kita kena basahkan tayar-tayar yang sepatutnya.

Untuk jawapan yang nombor 2, garis panduan adalah untuk bersama dengan kilang dengan jarak yang sediada. Kalau you nak you nak pinda yang kilang-kilang yang sedia ada, saya rasa tak ada tempatlah actually dia tak ada tempat untuk kita nak 'move' a kilang padi yang sediada ke satu industry punya area sedia ada.

So pandangan saya adalah sebagai Exco Alam Sekitar dan Pegawai Alam Sekitar, kita kena bagitau kepada pegawai kita, kita kena sentiasa pantau terutamanya semasa musim kemarau, habuk-habuk kita, miang-miang kita, kita kena macam mana untuk menjaga, untuk try to jangan bagi orang ada banyak aduan yang terdapat di taman-taman yang sedia ada. Itu saja saya boleh sampaikan, Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Soalan nombor 13

**13. YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH
[ADUN PENGKALAN KUNDOR]**

Projek Mega Aerotropolis di Sidam dan KXP Kulim.

Pohon dinyatakan:-

- a) Apakah status terkini projek?
- b) Apakah status kelulusan dari Ministry of Transport?
- c) Syarikat Usahasama yang terlibat?



YB. DATO' DR.ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Dato' Speaker

*Bukit enggang pohon Inas,
Pohon jawapan soalan nombor 13*

YB. DATO' SPEAKER

Silakan!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ada signifikan tak dengan pantun itu? Perli ka apa?

YB. DATO' SPEAKER

Pantun sekadar pantun!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Dak, dia peril! Dia peril! Semua orang tau! Memang dia suka siniskan! Dengar jawapan saya. Ini jawapannya sebab kita ada waktu yang singkat, saya akan mengulas panjang tentang KXP di dalam penggulungan! KXP ni dia jadi popular selepas dua pihak iaitu menteri pengangkutan dan perdana menteri mengulas dalam parlimen tetapi kedua-duanya tersasar kerana mereka tidak dapat maklumat yang penuh kepada kerajaan negeri yang menggagaskan projek ini daripada 2013 bukanlah projek zaman Sanusi pun projek ini sejak 2013.

Soalan daripada Pengkalan Kundor, Projek Mega Aerotropolis di Sidam dan KXP. Pertama sekali, Kedah Aerotropolis bukan Projek Aerotropolis. Aerotropolis satu istilah yang bermaksud perbandaran baru di sekitar lapangan terbang. Aerotropolis, jadi yang kita nak buat ini ialah Kedah Aerotropolis bukan Aerotropolis saja.

Untuk makluman Ahli Dewan juga saya difahamkan Aerotropolis juga sedang diusahakan di beberapa negeri lain antaranya Negeri Pahang tapi Kedah Aerotropolis ni jauh berada di depan kerana telah dimulakan lebih awal dan persiapan-persiapan yang telah dibuat oleh Kedah jauh lebih 'advanced' tetapi tetap menjadi satu saingan. Jadi, projek-projek yang macam ini memerlukan kepada perjuangan bersungguh-sungguh untuk mempertahankan apa yang telah kita siapkan dan mempertahankan hala tuju yang kita letak untuk ke depan walaupun apa halangan sekalipun kita kena hadapi. Walaupun orang kata kita ini tak jaga keharmonian.



Tetapi kalau orang bedai kita, orang katuk kita macam kita orang bodoh, kita mesti berdiri untuk bercakap apa yang benar tak kira siapa ada depan kita. YB. Dato' Speaker, boleh tera tu?

YB. DATO' SPEAKER

Kemas lah!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Status terkini projek. Pembangunan Kedah Aerotropolis di Sidam Kiri, daerah Kuala Muda ini ada tiga komponen terutama sekali Airport City, yang kedua Business Park, yang ketiga Sidam Logistik Aerospace & Manufacturing (SLAM) yang akan dibangunkan oleh NCIA, sebuah agensi Persekutuan. Itu saya hairan tu agensi Persekutuan nak bangunkan salah satu komponen dalam Kedah Aerotropolis tapi Kerajaan Persekutuan tak tau dimana SLAM akan dimajukan oleh NCIA, Northern Corridor Implementation Authority dan cadangan pembangunan SLAM telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan untuk pelaksanaan. Ada peruntukan RM700 juta cuma kita suruh dia tunggu kita pasal nak buat pengambilan balik tanah untuk SLAM dan Kedah Aerotropolis ni kalau kita buat berasingan, dia akan memberi kesan kepada pengambilan yang berikutnya. Jadi, kita kata pengambilan perlu dibuat sekali jadi Seksyen 8 tu, dia tunggu sehingga benda yang sedang diuruskan diselesaikan. SLAM dok tunggu sebab tu yang kita nak cepat tu bukan kita kalut tera mana pasal kita nak elak berlaku pengambilan tanah dua kali mengakibatkan harga yang kedua tu dia berlaku peningkatan.

Konsep utama pembangunan adalah membangunkan sebuah pemandaran moden berasaskan penerbangan dengan mensasarkan pasaran untuk Asia Pasifik. Ia adalah pembangunan berteraskan Jelapang Hijau atau 'Greenfield' dengan izin iaitu pembangunan projek yang holistik bersepadu di atas sebidang tanah yang luas. Lapangan Terbang Kulim hanyalah salah satu sub komponen dan berperanan sebagai 'enabler' atau pemboleh kepada keseluruhan pembangunan Kedah Aerotropolis yang akan bermula dengan Integrated Logistics Hub tanpa memerlukan lapangan terbang penumpang di mana ia akan dibangunkan pada masa depan sekiranya terdapat permintaan.

Dari segi perkembangan terkini projek kerajaan negeri melalui KXP Airport City Holding ni nak kena dibezakan KXP Airport City Holding ni anak syarikat PKNK sebuah GLC, syarikat ini ditubuhkan oleh kerajaan terdahulu untuk membangunkan projek ini, telah memeterai perjanjian melalui Memorandum Persefahaman (MOU) dengan pemain-pemain industri di dalam Projek Bangunan Kedah Aerotropolis pada 20 Oktober 2022 yang lalu.



Bagi meneruskan momentum promosi dan pemasaran di Kedah Aerotropolis, KXP Airport City sedang giat melakukan aktiviti-aktiviti promosi dan pemasaran bagi memastikan pembangunan projek ini dapat menarik minat pemain-pemain industri Antarabangsa dan tempatan untuk beroperasi di Kedah Aerotropolis. Beberapa syarikat tempatan telah menunjukkan minat untuk melebarkan sayap ke Kedah Aerotropolis dan akan menandatangani perjanjian persefahaman dalam masa terdekat ini.

Selain itu, KXP Airport City sedang giat mengadakan perbincangan lanjut dengan UUM dan KISMEC serta beberapa institusi pendidikan bagi menjayakan hasrat kerajaan negeri mewujudkan Universiti Teknikal yang menjadikan aeroangkasa sebagai teras di masa depan yang merangkumi bidang pengajian dan kursus-kursus teknikal berkaitan dengan aeroangkasa, penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat bagi memastikan penyediaan tenaga mahir yang mencukupi.

Soalan (b), bagi cadangan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim. Kelulusan daripada Kementerian Pengangkutan (MOT) belum diperolehi berikutan kajian Nasional Airport Strategy Plan NASP masih berjalan dan di jangka siap pada September 2023, ini yang di nyatakan dalam MPFN. Antara 8 nasihat yang diberikan oleh MPFN ialah tunggu NASP siap, untuk lapangan terbang sahaja.

Dalam pada itu, kerajaan negeri melalui KXP Airport City terus melakukan sesi libat urus dengan pelbagai agensi berkaitan susulan daripada kelulusan dasar yang telah diperolehi dalam Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 27 Oktober 2020 yang lalu. Draf laporan akhir Pelan Induk Utama yang disediakan oleh perunding dahulu telah dikemukakan kepada MOT bagi mendapat ulasan-ulasan awal, teknikal pada 8 Julai 2021. Selaras dengan itu, penambahbaikkan draf laporan Pelan Induk Utama telah dilakukan dengan mengambil kira semua ulasan yang telah diberikan. Draf laporan Pelan Induk terkini adalah bagi pelaksanaan konsep pembangunan Kedah Aerotropolis. Laporan disediakan dengan mengambil kira dengan mengadakan sesi libat urus bersama penggiat-penggiat industri berkaitan termasuk di MOT, CAAM, MASSCOM, TUDM dan lain-lain agensi bagi mendapat input yang berkaitan.

Satu sesi bengkel telah diadakan pada 29 Mac 2022 bagi mendapatkan pandangan dan ulasan daripada stakeholder yang terlibat hasil dari libat urus draf laporan akhir Pelan Induk Utama Kedah Aerotropolis ini telah dibentangkan kepada Setiausaha Bahagian Udara MOT bagi mendapat ulasan awal pada 10 Jun 2022 yang lalu. Lanjutan daripada itu, satu sesi libat urus telah diadakan bersama kerajaan negeri KXP Airport City dan perunding NASP pada 6 September 2022 yang lalu seperti mana yang telah ditetapkan oleh Pihak MOT bertujuan untuk perkongsian dapatan dan maklumat berkenaan Pelan Induk Utama dan kajian kebolehlaksanaan yang telah dijalankan terdahulu serta



perkongsian berkenaan evidence-based dengan penggiat-penggiat industri bagi pembangunan projek bagi melengkapkan kajian laporan NASP tersebut.

Setelah membuat semua penambahbaikan dan mengambil kira semua ulasan yang telah diperolehi terdahulu, kerajaan negeri akan mengemukakan versi akhir laporan Pelan Induk Utama Kedah Aerotropolis dalam masa terdekat ini iaitu pembangunan bandar raya baru yang berasaskan penerbangan menggabungkan pengangkutan darat, laut dan udara terutamanya bagi menjadikan Wilayah Utara sebagai Hub Multimodal Logistik dan Kargo dan memfokuskan Pembangunan Industri Aeroangkasa untuk pertimbangan dan ulasan MOT.

Bagi soalan (c), kerajaan negeri melalui KXP Airport City kini dalam proses untuk memuktamadkan pemilihan pelabur atau master developer bagi pembangunan projek Kedah Aerotropolis tetapi salah satu Master Developer yang mengemukakan permohonan melalui RSP dan telah dipanggil untuk sesi temuduga beberapa sesi, dan bersetuju untuk terlibat dalam Kedah Aerotropolis ini, tiba-tiba telah diumumkan di Parlimen bahawa mereka tidak bersetuju. Ini yang mengelirukan orang ramai pasal dia yang submit RSP, tapi dia yang nak terlibat, dia yang hadir interview bersama 20 syarikat yang lain.

Untuk maklumat Ahli Dewan ini, syarikat-syarikat yang berminat untuk membangunkan Kedah Aerotropolis masih menghantar permohonan sampai hari ini dan ada lagi syarikat yang memohon untuk terlibat cuma bila sampai pejabat saya minit pergi KXP Airport City, sila uruskan pasal kita dah tamat tempoh untuk kita panggil RFP dah tamat, tempoh MTP pun dah selesai. Pemilihan akhir pun sudah dibuat dan surat tawaran telah dikeluarkan kepada dua untuk di JV, satu dah jawab, satu lagi orang lain tolong jawab. Saya pun nak gelak ka nak teriak pun saya tak tau! Orang lain mohon, orang lain interview, orang lain berjaya, orang lain tolong jawab! Saya kata ini apa ni, jenis apa ni, memerintah apa lagutu, tak kan lagutu, dia mohon, orang lain mai interview, orang lain setuju, tau-tau orang lain tolong jawab! Apa bentuk kerajaan yang sedang kita ada? Jadi, depa kata kita tak mementingkan keharmonian, tak harmoni tang mana kita ni, kita bukan duk buat apa kat orang? Orang yang duk buat kita, saya rasa ini adalah salah satu daripada trend ataupun keutamaan untuk mencari kelemahan-kelemahan, cari kelemahan orang, cari buruk orang, tang mana hampa lekeh, aku nak dedah! Jadi, bila dedah-dedah, sadung-sadung, kena-kena Kedah. Ha..hang tunggu sat! Lagutu lah jawapan saya untuk soalan nombor 13 ini dan ada lagi dalam sesi penggulungan akan datang.

YB. DATO' SPEAKER

Solan tambahan?



YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Jeneri atas soalan tambahan,

YB. DATO' SPEAKER

Speaker dulu lah!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

YB. Dato' Speaker, terima kasih lah!

YB. DATO' SPEAKER

Sat! Yang saya suruh sebut Speaker ni bukan pasal apa supaya temperature masing-masing di turunkan! Pasal peluru tu mai kat saya, bukan direct! Tembak-tembak saya, jangan tembak direct! Tembak speaker dulu!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Soalan-soalan tambahan saya YAB. Jeneri adalah saya kira projek ini sebagaimana yang kita maklum bermula daripada 2013 sehingga sekarang bermula dengan KXP, selepas tu Kedah Aerotropolis dan kami menjadi sebahagian daripada proses itu. Jadi, sudah tentu kami dengan daya upaya kami juga menyokong projek ini, sangat-sangat bersetuju dan menyokong sepenuhnya cuma dalam isu ini, saya rasa ada dua isu utama lah!

Yang pertama, isu kelulusan tadi daripada 8 nasihat yang telah dikemukakan oleh NASP, MOT, berapa nasihat telah dipenuhi dan apakah halangan dalam memenuhi nasihat itu untuk memastikan bahawa ianya diluluskan? Itu yang pertama.

Yang kedua, saya kira perkara yang asas juga adalah keupayaan kewangan dari segi 'investor' itu sebab pengalaman yang dulu ada investor yang telah sanggup tapi akhirnya apabila diminta satu jumlah duit untuk buat pengambilan tanah maka dia tak mampu memenuhi. Jadi, saya kira kukuhnya kewangan investor itu juga adalah menjadi syarat yang sangat penting untuk memastikan bahawa ianya lulus segera dan dapat dilaksanakan dengan segera. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang paling berat daripada 8 nasihat itu ialah tunggu keputusan NASP (National Airport Strategic Plan) ini pun di luar bidang kuasa ataupun di luar kawalan kita kerana NASP akan dibuat oleh MOT. Pada masa MPFN dijalankan pada Oktober 2020, kemasukan pertama Ogos, oleh kerana MOT tak bersedia pada masa itu untuk membuat ulasan-ulasan, maka saya kata saya perlu kepada kesegeraan kerana Kerajaan Persekutuan



dalam projek yang begitu lama dicadangkan dan diumumkan pada 2019 oleh Menteri MITI, projek berimpak tinggi dan KXP kini telah diluluskan pada 2019, Menteri MITI umum pada masa itu termasuklah komponen pada masa itu ialah Jajaran Highway North Corridor Highway daripada Changkat Jering sampai ke KXP. Lepas tu mai ke Sungai Petani pula ada jajaran highway baru daripada KXP pi Jambatan Kedua Pulau Pinang. Kemudian, ada jajaran landasan kereta api daripada Tasik Gelugor masuk ke KXP. Kemudian telah dislotkan masuk SLAM. Jadi, semua komponen ini telah integrated dan telah diumumkan pada 2019, mai 2023 ini Menteri kata tak dak permohonan, tidakkah ini satu lawak jenaka! Lawak ni YB. Dato' Speaker! Tak ada permohonan, kalau ada permohonan sila bawa investor datang jumpa kita! Mana boleh jawab lagu tu, kita uruskan projek ini ada jabatan teknikal ada maam-maam agensi, mana boleh bawa investor jumpa Menteri. Kena melepasi 8 nasihat ni antaranya menentukan kawasan tanah rizab melayu yang boleh dikekalkan untuk pemilikan kepada orang Melayu dalam mengenai Aerotropolis antara nasihat-nasihat tu! Ini sedang diuruskan dan macam mana nak ganti balik nak 'swapping' tanah begitu luas rizab melayu antaranya kita pertimbangkan kawasan dibangunkan dengan infra, terminal, runway itu tidak menjadi hak milik siapa-siapa! Itu boleh dikekalkan sebagai tanah rizab melayu, jika tanah rizab melayu hendak diteruskan penggantian tanah rizab melayu, tentukan dia sama ciri similar in character, ini pun antara syaratnya menyediakan mekanisme penyelesaian, penempatan semula penduduk. Ini ada dalam akta pengambilan kita akan tentukan. Pekerja-pekerja ladang, ada kuarters pekerja ladang, dalam kawasan yang akan dibuat pengambilan itu, kalau ditentukan penempatan. Memastikan penjajaran semua rentis di dalam tapak cadangan tidak menjejaskan kestabilan bekalan elektrik. Yang ini aspek teknikal yang akan dibuat, menjajarkan semula Sungai Jerung, dia ada sungai di situ, Sungai Jerung ini kampung kawan sayalah! Sungai kena dijajarkan semula dan kos untuk penjajaran sungai ni boleh melibatkan ratusan juta! Hat ni kos yang tersembunyi dalam KXP yang hanya akan diketahui oleh orang yang akan bangunkan! Ada orang minta, minta di Tik Tok saja lah, tapi saya perhati juga media sosial ni pun, dia suruh dedahkan semua kajian-kajian ini untuk pengetahuan umum.

Tuan-tuan sekalian, Ahli-Ahli Dewan, projek ini business oriented, tiap-tiap kajian yang dihasilkan, dibayar upah, semua itu adalah hak cipta kepada syarikat tu! Macam mana kita nak dedahkan kepada orang ramai? Berniaga kedai runcit pun, kita tak habaq kat orang, tahu-tahu buka, takut ada saingan, tak pun orang mencuri maklumat pasal semua maklumat tu dibayar untuk dibangunkan, dibuat kajian tiba-tiba orang suruh dedahkan! Saya rasa nak cakap pun kena ada asas-asas, ilmu sikit Ada orang cakap tak ada asas pengambilan balik tanah bercakap seolah-olah dia alim sangat kan, hurai macam-macam seolah kita tak buat apa, tuan-tuan sekalian, pengambilan balik tanah ini dia ada akta, dia ada dua seksyen yang perlu di dilepasi dan tujuan pengambilan pun kena ditentukan Seksyen 31(a) ka (b) ka (c) ka.



Kita sedang mempertimbangkan oleh kerana akta pengambilan balik tanah Seksyen 4 ini, kita pilih 31 (a) dan dia telah menjadi satu senjata sekarang ini di mahkamah untuk kes di tempat lain kerana dia kata bila kerajaan buat pengambilan untuk pembangunan ekonomi oleh kerana seksyen 31 (a) ini adalah untuk kegunaan awam maka dia kata tujuan pengambilan tu telah tersasar, salah, tak betul patut 31(b). Jadi, ini pun menjadi pertimbangan pihak kerajaan sekarang ini kerana kita takut kalau kita gazetkan di bawah Seksyen 8 31(a), nanti dia buat review dia kata kita nak bangunkan sektor ekonomi kenapa diletakkan untuk kemudahan awam? Jadi, itupun menjadi pertimbangan! Apa dia lagi Pengkalan Kundor?

Tap-tiap syarikat yang mengemukakan proposal mereka dalam RFP yang dipanggil oleh Kedah Airport City ini, kita nak syarat kan dia tunjukkan keupayaan kewangan! Siapakah bank yang akan backing untuk sediakan fasiliti kewangan dia, semua syarikat kemukakan! Ada syarikat yang kalau saya cerita pun mungkin orang gelak, dia kata dia duit banyak, dalam bentuk euro, ada dalam satu bilik kebal, duit tu dok atas pallet. Saya kata hang keluar lah! Ada macam-macam jenis orang dan kita pun tahu, saya mengaji tak pandai sangat tapi saya tengok orang saya boleh tahulah! Hang ni auta yang lebihkan mana ada orang bawa masuk cash bertindan-tindan duk atas bilik, dalam palet bilik kebal! Lani orang pakai digit nombor, digital semua! Duit siap ni orang tak bawa masuk lah! Tapi dia habaq duit dia siap du katas palet, saya kata saya nak satu palet boleh dak? Saya kata tok sah lah, hang keluar lah, hang mengarutlah! Jadi, kita tak maul ah orang mam tu tapi masih lagi ada banyak syarikat yang ada kekuatan masing-masing. Oleh kerana benda ni 'PNC' 'private and confidential' milik syarikat! Dia pun PNC saya pun PNC. Saya tak boleh cakap rata lagu tu! Tak tau macam mana orang boleh cakap di parlimen tak tau! Boleh dedah nama orang, nama syarikat apa semua kan.

YB. DATO' SPEAKER

Jeneri, pasal kawan tu call kut!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya hairan hari itu dia nak gulung, hari itu orang tu call. Hebat betul depa ni chemistry! Saya nak kata hang bohong ka hang cakap betul saya pun tak tau! Hari nak gulung, hari itu orang tu call. Dia memang terkenal dengan call, tengah-tengah PC pun orang call. Saya tak tau siapa, saya tak rujuk sapa-sapa.

Tuan-tuan sekalian, benda-benda macam ni PNC, sekarang ini kawan tu tersipu, dia menyatakan minat, hantar proposal, datang interview, saya kata sanggup tak JV dengan orang ini? Dia ada kepakaran bilang kargo, you ada kepakaran dalam bidang development, dia kata mau sanggup, lagumana pun tak pa!



Saya kata saya ada dua model, you bangun terminal, you bangun kawasan industri, saya kata sanggup? Dia sanggup! Kalau campur dua-dua bangunkan sekali, sanggup! Tau-tau ada orang jawab di parlimen lain, tak sanggup. Kalau dia sanggup sekarang dah ada kesipuan, ada orang lain yang ada kuasa begitu power di negara ini bercakap bagi pihak dia kata, dia tak mampu! Walaupun dia mampu! Kalau dia tak mampu pasaipa dia hantar proposol? Kenapa dia menyertai RFP itu? Yang kita hantar surat tawaran kat dia, kita bagi tempoh untuk dia jawab, model mana hang nak? Berapa ekuiti hang nak masuk dalam SPV ini? Dia kena jawab benda-benda itu. Sebelum dijawab telah dijawab oleh orang lain.

Saya kata naya lah kita. Saya pilih kita ada ciri kriteria untuk buat pemilihan! Nak jawab soalan lain lagi ka? Saya sebut dalam penggugungan insyaallah benda-benda maca mini, oleh kerana semua menyatakan sokongan, kalau ada ruang dengan pihak-pihak yang ada kuasa di Persekutuan, Bolehlah tolong cakap dah ada sokong kan! Semua kata sokong! Yang baru duduk di belah sana pun kata sokong. Kemarin kata KTPC tak bagus, macam-macam tak bagus! Dia Board KTPC. Baru pindah 2 hari, cakap macam lain dah! Saya tahan fee! Tunggu lah!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Kena buang! Kena buang!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Fee tak dapat lagi kan! Saya tahan, kalau nak pi mahkamah!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Board dah kena buang!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Masa jadi board semua elok! Pindah belah sana semua jadi tak elok! Orang lain jangan buat perangai macam tu?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Kita cakap dalam board sebab itu kena buang tu!



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Kita jawab dalam peggulangan lah Pengkalan Kundor! Ada banyak lagi saya nak baca kronologi supaya orang faham, apa yang telah kita buat, bandingkan dengan jawapan yang diberi parlimen. Kalau jawapan diberi parlimen itu salah sama sekali dengan apa yang telah kita lakukan, bertimbun-timbun kerja syarikat kita buat, tau-tau depa kata kita tak mohon! Tentulah kita kena bertegas untuk mempertahankan hak kita, bukan kita menghalang keharmonian, mempertahankan kebenaran tula asas kepada keharmonian. Keharmonian tidak boleh diasaskan kepada kebatilan! Itu palasu semua! Akan runtuh kemudian! Keharmonian hanya boleh diasaskan dengan fakta-fakta dan kebenaran. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB DATO' SPEAKER

Soalan nombor 14.

**14. YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR
[ADUN BANDAR BAHARU]**

Apakah pelan pembangunan modal insan dan sumber manusia Kedah?

- a) Nyatakan perbezaan terma pekerja tetap dan kontrak kerajaan Negeri Kedah.
- b) Adakah pekerja ini tertakhluk dalam pakej insurans, PERKESO atau KWSP?
- c) Bagaimana kerajaan membuat padanan pekerjaan bersama semua institusi pengajian?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

*Pecah kaca pecah gelas,
Mohon jawapan no 14.*

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker dan Sidang Hadirin yang dirahmati Allah sekalian. Bagi jawapan nombor 14. Pertama apakah plan pembangunan modal insan dan sumber manusia Kedah dengan menyentuh nyatakan perbezaan terma pekerja tetap dan kontrak Kerajaan Negeri Kedah. Pekerja kontrak boleh dibahagikan kepada dua (2) iaitu Contract of Service (COS) dan Contract For



Service (CFS). Berikut merupakan jadual perbezaan antara COS & CFS serta penambahbaikan berkaitan kemudahan dan faedah Contract for Service (CFS) yang mula dilaksanakan kepada pekerja kontrak (CFS) di negeri Kedah mulai Ogos 2021

Pertama ialah gaji bagi Contract Of Service, gaji yang sedia ada ialah mengikut gaji pokok. Gaji pokok mengikut skim perkhidmatan 'terms of service'. Bagi Contract For Service (CFS) pula gaji pokok campur dengan elaun dan penambahbaikan yang telah dibuat ialah gaji mengikut skim perkhidmatan, kita samakan balik dengan COS.

Bagi kenaikan gaji tahunan 'contract of service' di mana kenaikan gaji tahunan mengikut skim perkhidmatan setiap tahun manakala 'contract for service' mengikut skim perkhidmatan untuk setiap tempoh kontrak yang diperbaharui.

Jadi, sekarang ini penambahbaikan nya ialah kita mengikut prestasi setiap tahun manakala elaun 'contract of service' yang sedia ada memang ada elaun dan 'contract for service' tiada dikira bersama gaji pokok, takda kerana dia dikira bersama dengan gaji pokok tetapi sekarang ini penambahbaikan memang diadakan sama dengan 'contract of service'. Tuntutan kerja lebih masa bagi 'contract of service' memang ada, yang sedia ada ni memang ada dan 'contract for service' ada jadi penambahbaikan, memang tak ada apalah semua sama saja.

Kemudian, caruman KWSP kalau ikut yang sedia ada bagi contract of service ada. Bagi contract for service tidak ada dan selepas penambahbaikan memang sama dengan COS ada! Caruman Perkeso, COS ada mengikut yang sedia ada contract for service tidak ada dan sekarang ditambah pembaikan memang diadakan sama dengan COS. Bagi cuti rehat memang COS ada! 'Contract For Service' ada tiada perubahan cuti sakit bagi COS 15 hari setahun dan CFS 15 hari setahun dan tidak ada perubahan.

Cuti kuarantin bagi COS ada CFS tidak ada dan sekarang penambahbaikan memang disamakan memang adalah! Cuti bersalin ataupun isteri bersalin. Jangan confius pula cuti bersalin ialah perempuan, isteri bersalin maknanya pekerja lelaki isteri bersalin jadi dia dapat cuti! Jadi, COS memang ada dan CFS tidak ada, ikut yang sekarang ni tidak ada tetapi dalam penambahbaikan kita ada kan. Jadi, banyak lagilah antaranya cuti haji, cuti umrah, cuti tanpa rekod cuti, separuh gaji, cuti tanpa gaji, dan semua ni apa nama ni tidak ada perbezaan banyak sangatlah tentang tu! Itulah di antara perbezaan ataupun penambahbaikan yang telah ada pada servis itu.



Bagi soalan (b), pekerja kontrak tertakluk caruman Perkeso dan KWSP manakala pekerja tetap dibawah skim berpencen dan KWSP. Jadi, sebagai tambahan pekerja yang dikecualikan daripada liputan Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 atau dalam erti kata lain tidak boleh mencarum di bawah akta ini terdiri daripada pertama Penjawat Awam Persekutuan dan Negeri Bertaraf Tetap. Yang kedua, pekerja sendiri dan yang ketiganya pemilik tunggal ataupun perkongsian suatu perusahaan.

Bagi soalan (c) di peringkat negeri, Kerajaan Negeri Kedah telah bekerjasama, agensi seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan dan agensi berkaitan telah melaksanakan beberapa program yang memfokuskan kepada padanan pekerjaan terutama dalam kalangan para graduan.

Antara program yang dilaksanakan adalah Ekspo Pengajian Tinggi dan kerjaya. Konsep program secara tahunan ini adalah menjadi platform kolaborasi antara institusi Pengajian Tinggi, pemain industri dan juga graduan. Program ini bertujuan memberi pendedahan dari segi hala tuju pendidikan serta padanan pekerjaan bersama institusi pengajian yang terlibat kepada para pengunjung iaitu graduan yang hadir. Jadi turut dilaksanakan sesi temuduga langsung bersama syarikat serta agensi yang membuka peluang pekerjaan. Selain itu, program Jom Balik Kedah yang dilaksanakan di bawah Jawatankuasa Industri Pelaburan, Sains dan teknologi dan Inovasi dan Pengajian Tinggi dengan kerjasama agensi seperti Jabatan Pendidikan, Politeknik dan juga Kolej Komuniti merupakan salah satu usaha mengenal pasti para pelajar kelahiran Kedah yang hampir menamatkan pengajian atau sedang menjalani latihan industri untuk pulang berkhidmat di Negeri Kedah sesuai dengan penamatan pengajian. Jadi, dengan mendapatkan dan menghantar senarai nama pelajar ini kepada syarikat-syarikat yang berkolaborasi dengan kerajaan negeri, para pelajar ini akan dipadankan mengikut bidang masing-masing dan ditawarkan bekerja setelah melepasi tapisan temuduga dan sebagainya.

Jadi, kebanyakan mereka adalah merupakan graduan sektor kemahiran. Program ini juga dari segi jangka panjang memfokuskan kepada mewujudkan lebih banyak jurusan atau kursus yang lebih 'high demanding' dalam pasaran pekerjaan Malaysia. Itu antara jawapan yang dapat saya berikan, terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Kupang atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya, berapakah bilangan pekerja yang berstatus sementara dan juga sambilan di dalam Kerajaan Negeri Kedah yang mana adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mencarum dan memperuntukkan belanjawan kepada pekerja-pekerja ini kerana sekiranya dibandingkan untuk kita bayar insuran lebih tinggi daripada Perkeso tetapi manfaat Perkeso kepada pekerja-pekerja ini waima pekerja kontrak



'service of contract', 'service for contract' (dengan izin) sambilan atau sementara manfaatnya sangat banyak dan ini adalah patutnya kontribusi daripada kerajaan kepada semua pekerja-pekerja di dalam Negeri Kedah, apa juga sektor pun saya harap bermulanya di dalam kerajaan negeri tersebut.

Yang keduanya, soalan tambahan saya berkenaan dengan padanan. Saya melihat kita belum dapat capai padanan pekerjaan antara industri dan juga IPT, kolej kemahiran yang ada di seluruh Negeri Kedah. Kalau tidak silap saya, kita ada lebih kurang dalam 26 institusi kolej, kolej kemahiran dan sebagainya, seluruh Negeri Kedah tidak dapat menampung akan pekerjaan-pekerjaan yang ditawarkan di dalam seluruh industri seluruh dari Kedah di mana kita nak dapat tenaga-tenaga mahir, profesional engineer contohnya dengan izin untuk dipadankan dan ditempatkan di Kulim Hi-Tech Park di mana IPT kita, di mana kolej kemahiran kita, yang boleh mengeluarkan talent-talent ini. Jadi, apakah usaha kerajaan terhadap perkara. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Dato' Speaker, yang pertama mengenai dengan jumlah. Saya rasa saya akan bagi jawapan bertulis. Mengenai dengan padanan yang dikira sebelum sampai kepada apa yang telah kita cadangkan dimana saya rasa kita akan mengambil teguran ini dan juga pandangan ini untuk kita selesaikan ataupun untuk kita usahakan supaya padanan ini lebih cepat diadakan dan sekarang ini kita lihat bahawa institusi-institusi pengajian pun menghadapi masalah antaranya seperti mana yang sebut semalam bahawa tidak minatnya pelajar-pelajar kita untuk menyambung kepada pelajaran yang lebih tinggi di mana mereka ada berlaku keciciran disitu disebabkan oleh tawaran kerja grab food dan sebagainya. Ini di antara masalah yang sedang dihadapi. Walau bagaimanapun ,apa yang disuarakan insya-allah kerajaan akan memberi perhatian yang serius InsyaAllah.

YB. USTAZ SALIM BIN MAHMOOD

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan saya adalah pada 2019 kita dapati pekerja-pekerja yang kontrak ini diberhentikan seperti kontrak di sekolah-sekolah dan terdapat pelbagai bentuk perjumpaan-perjumpaan yang dilakukan oleh yang menyokong ataupun yang bersama dengan pekerja-pekerja yang penting ini tapi kita lihat sampai hari ini keadaan itu tidak ada perubahan contohnya di sekolah-sekolah kalau dulu ada lapan orang pekerja itu akan jadi lebih kurang empat orang saja. Kemudian, kita lihat ada berapa dasar-dasar yang baru yang dilakukan oleh pihak kerajaan seolah-olah macam kita tidak melihat kepada kepentingan orang-orang bawah ini contoh kita buat satu bayaran road tax dan secara mudah dan sebagainya.



Akhirnya, kita ada runner-runner orang yang kerja hari ini kerja mereka runner untuk pergi renew road tax dan sebagainya. Akhirnya, mereka ini tidak ada pekerjaan tapi apa yang yang kita boleh fikir untuk bantu mereka-mereka sebegini, mereka tak bercakap, mereka tak boleh menyebut, mereka tak boleh nak sebut macam kita dan sebagainya tapi kita lihat mereka sendiri sudah tidak ada pekerjaan. Jadi, adakah dasar-dasar yang kita buat ini seolah-olah kita tidak mengambil tahu hati perasaan orang-orang bawah, yang jadi guard, orang kampung duk lena di kampung. Saya tanya hang buat apa lani, dia kata tak bua tapa! Bila dia dibuang daripada kerja dia tak dak kerja akhirnya orang-orang kampung yang lemah ini tidak ada pembelaan! Apa yang kita boleh lakukan untuk mereka ini?

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada Bukit Lada. Sebenarnya, soal pekerjaan ini antara yang menjadi masalahnya ialah salah sikap orang ramai tu sendiri. Kalau sekiranya kita melakukan pekerjaan sendiri sama ada dia petani ke ataupun peniaga-peniaga kecil ka dan sebagainya di mana di bawah skim keselamatan sosial pekerjaan sendiri, iaitu di bawah peruntukan akta keselamatan sosial pekerjaan sendiri 2017. Ini bukan di bawah akta keselamatan sosial pekerja 1969 dimana pekerja yang bekerja sendiri ini boleh mencarum dengan Perkeso. Jadi, dengan ada caruman Perkeso ini, mereka lebih terjamin dari segi dalam kehidupan mereka. Jadi, untuk pekerja sendiri ni Perkeso mengenakan caruman ini 0.40 sehari sebulan RM13, mereka akan menerima faedah-faedah dari segi kecacatan dan sebagainya, ada kemalangan dan sebagainya. Dalam bekerja sendiri sama ada dia menoreh ka, dia buat apa pun kalau dicarumkan maka dia akan dapat faedah itu. Ini adalah usaha untuk pembelaan kepada masyarakat yang sedang berhadapan dengan masalah ekonomi terutama B40 dan sebagainya dan saya rasa kalau sekiranya kesedaran ini ada, maka bolehlah terbela sedikit nasib mereka dengan persiapan waktu menghadapi masalah-masalah kecemasan dan sebagainya.

Saya kira kesedaran ini perlu dimainkan oleh semua pihak agensi kerajaan dan juga ketua-ketua kampung, imam-imam memberi kesedaran ini supaya mereka bangun bekerja sendiri maknanya banyak tanah terbiar pun ada, boleh diusahakan dan ini kalau sekiranya dilakukan maka boleh mencarum dengan Perkeso dan saya rasa ini adalah peluang yang perlu diambil pada masa ini, saya rasa itu di antaranya tuan-tuan sekalian. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih Kupang, kita telah tamat sesi jawapan mulut. Urusan Seterusnya Setiausaha



YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang! YB. Kupang kita telah tamat sesi jawapan mulut. Urusan seterusnya, setiausaha!

TUAN SETIAUSAHA

Sambungan Penggulungan Di Atas Usul Menjunjung Kasih Kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah secara dasar oleh pihak kerajaan.

II. SAMBUNGAN PENGGULUNGAN DI ATAS USUL MENJUNJUNG KASIH KEPADA KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SULTAN KEDAH SECARA DASAR OLEH PIHAK KERAJAAN.

YB. DATO' SPEAKER

Bersambung lagi Kupang, Kupang ada lagi 10 minit! Dipersilakan!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk membuat penggulungan sebagai sambungan daripada semalam. Jadi, dalam masa 10 minit insyaallah saya akan memberi penekanan kepada persoalan-persoalan yang dibangkitkan mengenai dengan portfolio saya antaranya ialah dari segi pendidikan. Jadi, saya ingin menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam perbahasan berkaitan dengan portfolio ini iaitu mengenai dengan kompas. Ini ditimbulkan oleh Kota Siputeh.

Pertama ialah Program Penyelidikan Komitmen Kedah Mendidik Pelajar Sukses (KOMPaS) adalah program penyelidikan di Universiti Utara Malaysia bersama rakan strategik iaitu Kerajaan Kedah, Yayasan Sime Darby (YSB) dan juga Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Program ini adalah kajian bagi mengenal pasti punca murid berisiko tercicir daripada persekolahan dalam konteks tempat dan mencari intervensi yang bersesuaian bagi mengurangkan kadar keciciran murid di sekolah menengah di Negeri Kedah. Ini ialah jawapan kepada soal keciciran ya! Jadi, kadar keciciran murid sekiranya tidak ditangani dengan usaha strategik bakal mengakibatkan kerugian jutaan ringgit hasil Kerajaan Negeri Kedah pada masa hadapan.

Jadi, malah boleh merencatkan usaha kerajaan negeri untuk melahirkan generasi intelektual bagi merealisasikan konsep Qordoba Of Kedah iaitu satu konsep baru yang kita perkenalkan dan dalam tindakan Insya-Allah.



Jadi, program ini menggabungkan tiga bidang kepakarannya iaitu psikologi pendidikan, komunikasi dan teknologi pengkomputeran. Jadi, program ini bersifat jangka masa panjang iaitu 3 tahun dan bukan bersifat *touch n go*. Hasil daripada program penyelidikan ini, akan membangunkan satu indeks pengesanan awal, murid berisiko tercicir. Jadi, modul intervensi, penggunaan, komunikasi strategik dan aplikasi teknologi kecerdasan buatan dalam membantu mengesan dan menentukan intervensi terbaik bagi golongan sasar. Jumlah pembiayaan daripada Kerajaan Negeri Kedah adalah sebanyak RM300 ribu meliputi tempoh program selama 3 tahun iaitu Disember 2020 hingga November 2023.

Jadi, program ini menyasarkan murid berisiko tercicir daripada 6 buah sekolah, sekolah menengah kebangsaan dalam tiga daerah yang terpilih iaitu Kubang Pasu, Baling dan Langkawi. Sekolah-sekolah ini adalah dicadangkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Kedah, murid permata KOMPAS atau murid berisiko tercicir dipilih seramai 30 orang daripada setiap sekolah dan membawa jumlah keseluruhan ialah seramai 180 orang murid yang berisiko tercicir yang disantuni bermula daripada mereka tingkatan 3 sehinggalah ke tingkatan 5 antara aktiviti mengikut tahun yang dilaksanakan sepanjang kelangsungan program kompas ini adalah tahun pertama iaitu tahun 2021.

Pertama, kita menganalisa dan punca-punca kawal murid berisiko tercicir daripada pengkalan data jurnal-jurnal ilmiah daripada seluruh dunia. Yang kedua, menganalisa data awal murid berisiko tercicir daripada pengkalan data Jabatan Pendidikan Negeri Kedah bagi tempoh 2017 dan 2019. Yang ketiga, libat urus bersama dengan Pejabat Exco Kerajaan Negeri Kedah Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri Kedah dan Jabatan Pendidikan Negeri Kedah bagi merangka aktiviti penyelidikan. Yang keempat kajian lapangan terhadap 123 orang responden terdiri daripada pentadbir sekolah, guru bimbingan dan kaunseling, guru kelas, murid berisiko tercicir, murid cemerlang, waris murid yang berisiko tercicir serta wakil-wakil komuniti setempat. Jadi, jumlah keseluruhan responden yang terlibat adalah seramai 1,730 orang. Itu aktiviti yang kita laksanakan pada tahun 2021. Bagi tahun 2022, kita teruskan pertama menentusahkan peramal-peramal terhadap tingkah laku murid yang berisiko tercicir berdasarkan kepada instrumen yang telah dibina dan diuji secara sistematik.

Yang kedua, membangunkan modul intervensi iaitu i-Move berdasarkan punca masalah yang dikenalpasti untuk diberi intervensi yang lebih tepat dan yang ketiga membangun kerangka aplikasi 'my buddy' dengan berasaskan teknologi kecedrasan perbuatan. Tahun ketiga iaitu tahun ini, tahun akhir dalam kajian ini iaitu pelaksanaan intervensi untuk murid yang berisiko tercicir menggunakan modul i-Move yang kita bangunkan.



Seterusnya ialah pengujian aplikasi 'my buddy', aktiviti yang dijalankan sehingga ini ialah libat urus bersama semua pemegang taruh iaitu Kerajaan Negeri Kedah, Yayasan Sime Darby, Jabatan Pendidikan Kedah dan semua sekolah yang terlibat. Yang kedua, Wacana Hari Guru 2022 bersama dengan Akademik Profesor Malaysia Yayasan Sime Darby dan juga sekolah terlibat dalam program penyelidikan KOMPas. Yang ketiga ialah Program Building of Rapport bersama murid bersiko tercicir di 6 buah sekolah terlibat. Yang keempat Program Jalinan Harapan Permata KOMPas bersama murid dan guru setiap sekolah yang terlibat dan Program Jalinan Harapan Permata KOMPas 1.0 di Universiti Utara Malaysia pada 20 Ogos 2022. Jadi yang ke-6, Seminar KOMPas 1.0 di Wisma Darul Aman. Pada Disember 2022.

Yang ke-7 ialah train for trainers menggunakan modul i-Move dan yang ke-8 ialah Program Back to School di 6 buah sekolah terlibat dengan sumbangan bernilai RM360,000 daripada Yayasan Sime Darby kepada 1,800 murid daripada kumpulan B40 pada bulan Februari 2023. Town Hall bersama pasukan pengurusan tertinggi Jabatan Pendidikan Negeri Kedah. Itu di antara perkara yang kita lakukan di dalam mengenalpasti sebab-sebab keciciran di mana ini adalah isu yang membimbangkan masyarakat tentang peningkatan keciciran murid daripada arus perdana kepada pembelajaran di sekolah-sekolah.

YB. Dato' Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, selain daripada itu ialah mengenai dengan apa yang dibangkitkan ialah mengenai dengan kedudukan tanah wakaf. Sebenarnya, pihak pentadbiran wakaf mempunyai SOP yang digunakan di peringkat pengurusan bahagian wakaf di setiap pendaftaran tanah wakaf di Negeri Kedah. Jadi, maknanya saya rasa kalau kita ikutkan prosedur ini di mana pihak-pihak yang terlibat terutamanya masjid ya, yang ini dibangkitkan oleh Pedu semalam, saya rasa dengan panduan ini kalau diikuti urutannya maka soal perkara-perkara yang berbangkit di sekolah dapat diselesaikan.

YB. Dato' Speaker, dalam SOP ini banyak yang ditimbulkan ialah mengenai dengan bagaimana pengurusan wakaf ini agak lambat kerana terlibat dengan soal perwarisan jadi berlaku sesuatu kematian sedangkan si mati telah berikrar untuk mewakafkan tanahnya dan apabila berlaku kematian, mereka tidak meneruskan untuk membuat kuasa. Selepas itu, berlaku kematian yang kedua jadi akhirnya bertindih kematian ini menyebabkan tanah yang diwakafkan terpaksa ditentukan kedudukannya dan kadang-kadang terpaksa dibawa ke mahkamah. Ini di antara perkara-perkara yang sering berlaku dan masih berlaku dan saya rasa sikap kesedaran masyarakat kita mengenai dengan pengurusan pembahagian faraid itu kalau tidak diselesaikan dengan segera maka pengurusan tanah-tanah wakaf ini akan berlarutan.



YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Kupang, masa sebenar telah lajak seminit!

YB. BRIGEDIER JENERAL (B) DATO' HAJI NAJMI BIN HAJI AHMAD

Ok, kira dah habis lah no! Jadi, sebagai penutup lah bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya ini, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan pertanyaan dan mengemukakan isu-isu yang berkaitan dengan jawatankuasa tetap agama, pendidikan dan sumber manusia juga ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua ketua-ketua jabatan dan agensi yang banyak membantu dalam menjayakan dasar di bawah portfolio saya khususnya dan Kerajaan Kedah amnya. Saya turut menzahirkan penghargaan atas sumbangan kepada semua penjawat awam di negeri ini tidak kira daripada kerajaan negeri mahupun kerajaan persekutuan. Jadi, perkara-perkara yang telah dibangkitkan akan menjadi pemangkin untuk saya bekerja dengan lebih keras dan gigih! Itu pun kalau ada kalau ada lagilah, kalau lepas ni tak ada tak ada lah! yang lebih keras dan gigih dan menambah nilai dan memperkukuhkan lagi mutu penyampaian di bawah portfolio agama, pendidikan dan sumber manusia agar dapat merealisasikan aspirasi Menteri Besar ke arah Kedah Sejahtera Nikmat Untuk Semua.

Jadi, sebagai mengakhiri terimalah dua rangkap pantun daripada saya

*Bunga Dedap Di Atas Para,
Anak Dusun Pasang Pelita,
Kalau Tersilap Kupang Berbicara,
Jemari Disusun Maaf Dipinta.*

*Tanam Sirih Dalam Taman,
Air Dia Ambil Dari Perigi,
Terima Kasih Ahli Dewan Sekalian,
Insya-Allah Ada Rezeki Bersua Lagi*

Dengan ini saya menyokong Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih YB. Kupang, seterusnya saya persilakan YB. Bukit Pinang.

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah, Wassola Tuwassala Muala Rasulillah Waman Tabi'ahum Bihsani Ila Yaumiddin. Khola robbish rohli sodri Wayarsirli Amri Wahlul 'Uddatan Millisani Yafkhohu Khauli. Firman Allahu Ta'ala,

Auzubillahiminashaitanirrajim

"Al Yauma Akmaltu Lakum Dinakum Wa Akmaltu'Alaikum Nikmati Wardi Tulakumul Islamadina"

Surah Al-Maidah Ayat 3 yang bermaksud; *kata Allah, "pada hari telah Aku sempurnakan agama bagi kamu, Aku cukupkan nikmatku ke atas kamu, aku redho Islam itu sebagai cara hidup ke atas kamu"*

Yang Berhormat Dato' Speaker, YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman, YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, YB. Ketua Pembangkang, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

*Pergi Pantai Merdeka naik sampan,
Oleh seorang anak nyonya,
YB. Speaker orangnya segak dan tampan,
Serta pula manis orangnya.*

YB. Dato' Speaker, saya ingin merakamkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam mengetengahkan soalan lisan dan bertulis. Penghargaan juga saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam mengemukakan saranan yang bernas walaupun sedikit seorang dua yang meyentuh portfolio saya. Tahniah saya ucapkan.

YB. Dato' Speaker, mengenai portfolio Komunikasi Multimedia, walaupun saya pegang 3 portfolio Penerangan, Komunikasi Multimedia dan juga Kementerian Perdagangan Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.



Kedah 2035 telah pun menggariskan kepentingan akses jalur lebar mudah alih, mempunyai dua teras iaitu kecemerlangan infra dan utiliti, strategi 5 perkasa, memperkasakan pencapaian infrastruktur serta jaringan telekomunikasi dan digital bagi membangunkan Negeri Kedah dan budaya huni menjelang tahun 2035.

Merujuk Titah Tuanku Sultan kelmarin itu disebut, muka surat 4, muka surat 7, muka surat 17, mengenai digital disentuh begitu banyak oleh KDYMM Tuanku. Kerajaan Kedah amat komited 'do it something, do it now and tomorrow and tomorrow cannot finish'. Kalau kita nak buat apa, buat sekarang kerana esok tak kan habis, 'tomorrow and tomorrow'. Kerajaan telah menjalankan Program Kedah Cashless yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada 19 Februari 2023. Kerajaan Negeri Kedah telah menyediakan pelbagai platform atau kaedah pembayaran kepada rakyat bagi memudahkan pembayaran hasil kerajaan negeri seperti platform terimaan hasil secara dalam talian iBayaq, Kiosk tanpa tunai 16, dan juga pembayaran tanpa tunai di kaunter melalui kad debit ataupun kredit. Pelaksanaan inisiatif ini telah bermula sejak tahun 2020 di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah. Isu status terkini Plan Jalinan Digital Negara iaitu JENDELA. Pelaksanaan dalam program digital pihak kerajaan memastikan disokong dengan kemudahan infrastruktur yang baik seperti yang dibangkitkan oleh pertanyaan lisan dari Adun Ayer Hitam dan juga perbahasan Adun Bandar Baharu.

Kerajaan Negeri dengan kerjasama erat bersama pihak SKMM telah dan sentiasa memberi tumpuan kepada penambahbaik komunikasi melalui penyediaan liputan jalur lebar kelajuan tinggi untuk membolehkan rakyat khususnya di kawasan luar bandar menikmati akses kepada perkhidmatan jalur lebar yang lebih menyeluruh. Perkara ini merupakan salah satu penghargaan bagi pihak kerajaan dan SKMM dalam JENDELA Fasa 1 iaitu bermula pada tahun 2020 hingga 2022 dan Fasa 2 bermula pada tahun 2023 hingga 2025. Fokus utama menyediakan liputan 4G secara menyeluruh di Negeri Kedah. Infrastruktur komunikasi sedia ada di Negeri Kedah sebelum Projek JENDELA II, jalur lebar mudah alih pada keseluruhannya 1,959 stesen pemancar sedia ada dan jalur lebar tetap 198,807 buah premis mempunyai sokongan dan gantian fiber optic.

Melalui Pelan Jalinan Digital Negara sehingga Disember 2020, sistem jalur lebar mudah alih 4G di kawasan penduduk telah mencapai 98.88%. Selain itu, melalui Pelan Jalinan Digital Negara tambah kepada infra sediaada sehingga Disember 2022 sebanyak 158 buah lokasi yang baru, yang sedang dibina telekomunikasi dengan teknologi 4G dirancang untuk dibina. Daripada jumlah tersebut 75 telah siap dan beroperasi pada tahun 2022 dan bakinya masih ada 83 lagi InsyaAllah akan dibina beroperasi pada hujung tahun 2023.



Sebanyak 2,098 buah stesen pemancar, struktur komunikasi sedia ada telah siap dinaiktaraf kepada 4G untuk meluaskan liputan 4G meningkatkan kelajuan jalur lebar mudah alih, peningkatan sebanyak 139 buah stesen pemancar. Selanjutnya, Adun Bandar Baharu membangkitkan mengenai status gantian fiber optic. Keseluruhannya fiber optic, yang sekarang ini keseluruhannya 321,758 premis yang sedia ada yang telah diganti dengan fiber optic. Sebanyak 1,114 premis di Dun Bandar Baharu sahaja dan sebanyak 1,065 premis masih dalam peringkat pelaksanaan di Dun Bandar Baharu. Banyak Dun Bandar Baharu ini, sebab dia di Kulim Hi-Tech Park, pertama kali kita lancar 5G di Kulim Hi-Tech lah.

Selain itu, sebanyak 598 daripada 1,680, 35.6% struktur komunikasi di Negeri Kedah mengguna pakai kabel gantian fiber optic sebagai rangkaian terus bagi penyediaan perkhidmatan jalur lebar, mudah alih 4G dan 5G. Lebih banyak lagi struktur komunikasi yang akan menggunakan gantian optik sebab rangkaian teras pada masa akan datang menyokong penyediaan perkhidmatan 5G di Negeri Kedah. Di bawah Pelan JENDELA, Kerajaan Persekutuan mensasarkan 7.5 juta premis bagi seluruh negara akan diliputi gantian fiber optic. Sehingga suku ke-4, 2022 sebanyak 7.74 juta premis di seluruh negara dan tersedia dengan gantian fiber optic di bawah Pelan JENDELA.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri mefokuskan sasaran terdapat penggunaan fiber optic di premis-premis di seluruh Negeri Kedah dan penggunaan sebagai gantian teras bagi penyediaan perkhidmatan jalur-lebar mudah-alih 4G dan 5G oleh itu kayu ukurnya adalah impak penggunaan dan gantian optik terhadap ketersediaan gantian optic di premis-premis dan kesediaan struktur komunikasi yang menggunakan gantian optik sebagai rantai teras berbanding jumlah panjang kabel gantian optic itu sendiri.

Seterusnya, Adun Ayer Hitam membangkitkan berkenaan kenaikan kos kepada rakyat apabila beralih kepada 5G. Secara amnya, harga langganan perkhidmatan telekomunikasi kepada pengguna ditentukan berdasarkan persaingan dan kuasa pasaran namun begitu pihak Digital Nasional Berhad selaku penyedia rangkaian borong 4G negara telah menawarkan perkhidmatan borong 5G dengan kadar kurang 20% per gb. Ini jauh lebih rendah berbanding dengan kadar 4G sekitar 1.68 for gb.

Berdasarkan harga borong ini, yang ditawarkan pihak pemberi perkhidmatan mudah alih dijangka boleh menawarkan perkhidmatan 5G kepada pengguna pada kadar yang berpatutan atau menawarkan jumlah data yang lebih tinggi tanpa perubahan harga langganan. Setakat Februari 2023, semua pelan langganan yang menawarkan akses 5G telah mengenakan caj tambahan kepada pengguna dan terdapat juga beberapa pelan langganan yang lebih ditingkatkan kuota data bulanan dan saya nak sentuh sikit la di mana dalam keadaan ini kita telah menaiktarafkan bagi memastikan Titah Tuanku plan



digital ini sebagai tambahan rangkaian Kedah ini telah di intergasi dalam projek rangkaian metro-e iaitu kita akan sasarkan dan telah siapkan 66 jabatan agensi bagi menambahkan sebelum ini pejabat daerah semua dah siap di seluruh Negeri Kedah dan kita tambahkan 66 agensi termasuk Jabatan Kehakiman, Mahkamah Syariah, JKR, Jabatan Agama, JPS Jabatan Pertanian dan keseluruhannya 66 tempat. Selain daripada itu bagi tahun 2023 kerajaan negeri akan meneruskan pemasangan rangkaian internet kelajuan tinggi iaitu metro-e yang tidak ada fiber optic untuk kegunaan pejabat penghulu bagi seluruh Negeri Kedah melibatkan 38 buah Pejabat Penghulu di seluruh Negeri Kedah. Pakej jalur lebar sejahtera seperti yang sedia maklum dalam sesi pertanyaan mulut sebelum ini saya telah mengadakan perbincangan dengan Telco termasuklah Telekom Malaysia, Celcom dan sebagainya. Dengan pihak Telekom untuk mengadakan Pakej Jalur Lebar Sejahtera di mana caj bulanan yang akan dikenakan RM45 sebelum ini RM89 iaitu Unifi kita akan lancarkan bagi 4 daerah iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu dan Kulim bagi melibatkan 10 ribu buah rumah. Ini untuk memperkasakan keadaan yang berlaku di Negeri Kedah, Insya Allah.

Seperti yang dibangkitkan oleh Adun Bandar Baharu, saya mengambil maklum cadangan yang diutarakan oleh Yang Berhormat Kulim, YB. Bandar Baharu berkait memperkasakan OSA. Pada masa kini OSA bertindak sebagai penyelaras kepada semua permohonan kepada PBT memang di sini kita ada kekangan-kekangan permintaan 2, 3 menara yang tertangguh oleh kerana mestilah mendapat kebenaran PBT dan juga caj-caj yang tidak sama bagi seluruh PBT dan insya-allah Pihak OSA akan pastikan dapat dilaksanakan semua telco-telco untuk pasang di Negeri Kedah. Saya bimbang kalaulah keselarasan ini tidak berlaku, jadi menara yang sebelum ini nak diluluskan di Kedah, saya bimbang selepas ini oleh kekangan-kekangan yang sulit bagi mereka dengan caj yang tidak munasabah bagi mereka tapi ikut PBT memang nak caj tinggilah tapi kita bimbang kalau mereka tidak mampu yang ditetapkan Menara di Kedah dan akan dibawa di keluar daripada Negeri Kedah. Inilah yang menjadi kekangan kekangan. Yaa.. silakan YB. Tanjung Dawai.

YB. USTAZ HJ. HANIF BIN HJ. GHAZALI

Terima kasih Yang Berhormat Speaker dan terima kasih YB. Bukit Pinang, nak tanya di Kampung Hutan Gelang, Mukim Merbok ada satu pencawang yang dibina tapi tak siap jadi lama dah nampak projek itu tapi tak siap jadi ada orang tanya saya lah, ka nak buat menara boh tangki air, tak siap, siap separuh sahaja! Kut-kut lah Pihak Exco ada maklumat kenapa projek itu tergendala. Terima kasih.



YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih kepada YB. Tanjung Dawai. Saya ambil maklum semua aduan-aduan bagi seluruh Negeri Kedah, terdapat ada tiga empat tempatlah! Pertama, di Kuala Lanjut, Pokok Sena oleh kerana menara telah didirikan lebih kurang 48% last sekali besi itu dicabut semua tempat ke tempat lain oleh kerana peraturan yang ada mestilah mendapat kebenaran lot sebelah.

Bila lot sebelah ini tak dibenarkan, pihak Telco tak dapat berdiri. Insyaa-Allah, selepas ini bagi Negeri Kedah ada peraturan itu tapi insya-Allah selepas ni saya nak selaraskan, Negeri Kelantan lot kebenaran telah dibuang, di Kedah masih ada kebenaran lot sebelah jadi nak berdiri di situ terpaksa kena bawa dan satu lagi yang saya jadi rasa kesal sangat di Kem Kenari, Yan. Di Kem Kenari, Yan projek USP, menara telah dah minta satu kebenaran tuan tanah sahaja bila mendapat kebenaran tuan tanah menara itu akan disiapkan lebih kurang dalam tiga, empat bulan mungkin disiapkan dengan segera tetapi oleh kerana laluan ke Kem Kenari itu adalah tanah yang ditinggal oleh keluarga, bapaya telah meninggal 30 tahun lebih dah!

Dulu memang duk lalu macam tu saja, duk lalu macam tu, jalan tak besar, bukan jalan mini tapi oleh kerana sekarang ini anak-anak berebut harta sedangkan tanah daripada 2 relung sahaja tapi nak lalu Kem Kenari itu, untuk laluan jalan sahaja tetapi oleh kerana anak ini tak sepakat di antara satu sama lain, semua dalam enam empat ke lima orang saya tak pasti yang jadi bantahan saya jumpa tuan tanah, yang saya amat kesal sekali, bila Telco telah pi jumpa tuan tanah tersebut, tuan tanah angkat senapang nak tembak Telco tu, tak berani pi.

Oleh kerana adik yang kecil ini daripada tuan tanah tersebut tak bersetuju dengan kakak kakak yang lain sedangkan tanah tu saya kata, saya turun jumpa dengan YB. Speaker sekali untuk memastikan dapat kebenaran tuan tanah tapi saya nampak itu bila jumpa dia mai duk depan, sila panggung depan saya nampak susah, saya sebut kat dia sebab kita malanglah mak bapak kita tinggal harta sikit, apabila kita berebut harta, saya sebut kat dia lah, malanglah kalau anak macam ni patutnya kita buat wakaf kepada mak bapa kerana mak bapa kita telah masuk dalam kubur dan tinggal harta sikit, jadi malanglah kita mak bapak kita susah oleh kerana anak yang macam ini! Yang jadi susah punya mak bapak, kesian! Sepatutnya kita wakaf setiap bulan yang nak bagi sewa setiap tahun yang nak bagi sewa wakaflah kepada mak bapa kita apa salahnya.



Tapi oleh kerana bila tak bagi kebenaran kepada tuan tanah, menara itu kalau kata Telco, besard kemungkinan akan dicabut keluar daripada Negeri Kedah tapi saya berjumpa dia kalau bolehlah saya carilah alternatif yang dia lain untuk masuk dapat kebenaran tuan tanah, barulah PBT boleh bagi kelulusan insya-Allah dalam masa terdekat ni berusaha dapat kebenaran tuan tanah, PBT akan memberi kebenaran menara itu dikekalkan di situ sahaja. Mungkin di Merbok itu dalam proses ataupun dalam proses membuat mohon lot berjiran ataupun dalam proses berdiri sebab mendirikan menara ianya mengambil masa sehingga 4,5, 6 bulan baru nak siap satu menara. Silakan YB. Bandar Baharu... (Timbalan Speaker mencelah)

YB. TIMBALAN SPEAKER

Yang Berhormat, sebelum tu Yang Berhormat Bukit Pinang ada baki seminit saja. Ok, ringkaskan YB. Bandar Baharu!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Speaker, terima kasih YB. Bukit Pinang, terima kasih kerana telah membuat pelbagai inisiatif lah berkenaan dengan digital ini. Soalan saya ini pertamanya berkenaan dengan OSA. OSA sebenarnya berperanan boleh menambah pendapatan kerajaan negeri, boleh menambah pendapatan semua PBT di mana OSA, kita berharap boleh menjadi jawatankuasa teknikal dalam memantau, meluluskan serta menguatkuasakan undang-undang untuk segala pembinaan infrastruktur bukan sahaja menara tetapi fiber optic, ampoules dan apa jugalah infrastruktur-insfrastruktur, sekecil-kecil mana atau sebesar-besar mana yang berkaitan dengan telekomunikasi.

Jadi, kita harap perlu ada satu perancangan daripada kerajaan negeri yang lebih besar terhadap peranan OSA ini supaya dapat dibendung masalah pembaziran yang seperti tadilah, bila dah Telco bina tak boleh pakai, tak dapat kebenaran jadi sebenarnya perlu diselaraskan dalam OSA itu sendiri, dah dapat kebenaran tuan tanah ke belum? Jadi, kalau tak dapat tak boleh bina, Telco tak boleh bina, Telco tak boleh bina dulu! Kemudian, pemutihan mana yang tak bayar yang buat terus tak bayar kepada PBT itu adalah kerugian kepada Kerajaan Negeri. Jadi, OSA itu untuk berperanan dan kemudiannya saya nak bertanyakan berkenaan dengan Metro-E tersebut. Adakah Metro-E dibawa bersama dengan Kedah Net yang sedia ada dan siapakah penyedia perkhidmatannya? Terima kasih YB. Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Bukit Pinang, 2 minit!



YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Terima kasih pada YB. Speaker dan YB. Bandar Baharu. Insya-Allah, OSA ini iaitu One Stop Center, untuk menyelaraskan saya pasti semua PBT-PBT yang terbuktinya kita sekarang dalam kebenaran berdiri menara kita telah memberi kerja awalan. Ini mestilah kita telah diluluskan oleh OSA iaitu kerja awalan supaya mempercepatkan menara komunikasi itu, yang pertama sebab itulah ada kekangan-kekangan di seluruh PBT kita akan selaraskan supaya dapat mempercepatkan mendirikan menara ini untuk memberi servis kepada rakyat sebab kerajaan Negeri kita letakkan memberi servis kepada rakyat. Kita sebagai kerajaan negeri memberi servis kepada rakyat, kita sebab kerajaan negeri, kita letakkan memberi servis kepada rakyat itu diberi keutamaanlah. Insya-Allah kita akan selaras, yang lain itu Metro-E dalam proses 66 tempat yang tidak ada fiber optic, kita serah kepada pihak tersebut untuk menentukan tempat-tempat yang di mana kita nak fokus yang utama iaitu I-Bayaq, itulah sebab kita pastikan kiosk ini akan ada di tempat-tempat lokasi yang saya sebutkan.

Yang keduanya, saya amat kesal sikitlah yang saya jadi kekangan-kekangan saya ni agensi-agensi di bawah portfolio saya termasuk penerangan, RTM Kementerian Perdagangan (KPHNEP) sebab di bawah kerajaan madanni ini saya tak pasti macam mana sebab saya amat kesal sangat apabila menterinya turun di Kedah sedikit pun tak dapat maklum pada Exco, tak maklum pada Exco, sedangkan dia buat program bersama-sama dengan Adun-Adun Pembangkang, saya tak kisah nak bersama dengan Adun pembangkang ka, nak bersama dengan Adun tempat itu ka tapi maklum pada Exco, kalau kita jadi menteri madani jangan jadi madanon, kalau betul-betul madani mestilah hubungan kasih sayang itu, syarat dan pra syarat madani ini mestilah hubungan silaturrahim sebab itulah saya minta supaya yang saya amat kesal ialah staff penerangan, RTM mereka jumpa dengan saya, mereka tak seronok, sebelum ini mereka kerja dengan Kerajaan Negeri Kedah mudah pengurusan dengan YAB. Menteri Besar dan juga Exco tambah-tambah mereka suka pada Exco yang duk ada ini, sebab depa kata lawa tu tiada tapi manjs tu ada. Inilah komunikasi-komunikasi mereka dan mereka pun maka rindu sangatlah dengan Exco duk ada ini itu yang saya nak sebut sebab kerajaan yang ada ini bagi profesional lah, kalau nak ada hubungan sebab syarat madani ini Rasullullah saw. Hijrah daripada Mekah ke Madinah, 4 Rasullullah pesan yang pertama hubungan sillaturrahim, yang kedua doa muslimin dan muslimat, yang ketiga iaitu infaq dan yang keempat jaga malam, ini syarat madani. Kalaupun tak patuhi syarat, kasih sayang, hubungan silaturrahim kalau sampai Exco ataupun Menteri turun ke Kedah, sepatah haram tak bagitau Exco, ini madani apa?



YB. TIMBALAN SPEAKER

Boleh perabih dah kut tu?

YB. DATO' ROMANI BIN WAN SALIN

Sikit ja lagi! Saya ingat itu lah yang saya dapat sebut supaya pihak kerajaan dan pihak sahabat saya dari pembangkang bagi tahulah kepada YAB. Perdana Menteri. Perdana Menteri saya nak sebut sikitlah pada tahun 1999, sayalah orang yang pertama sekali bawa isteri beliau dan anak-anak berceramah seluruh Kedah ni! Saya nak sebut masa tu macam mata lebam tu, kalau turun Kedah ini, maka kereta sayalah menjadi dan saya lah tukang bawa depa! Anak PM10 tak tahu cakap apa lagi, bawa naik kereta sayalah, saya driver, sebelah itu isteri PM10 dan belakang adinda saya dan saya lah orang yang bawa mereka untuk berceramah merata di seluruh Kedah ini untuk memastikan reformasi berjaya, mai jadi PM10 janganlah bersikap tak baik ataupun jangan sikap sillaturrahim kita direnggangkan. Ucapan-ucapan beliau saya perhati, sampai sebut sampai boleh kadang-kadang kalau niat kita menghina sunnah Rasullullah saw tersebut, rang pakai serban pakai jubah, ini apa tersebut kalau kita hina orang serban dan jubah, batal syahadah. Kalau kata niat untuk menghina orang pakai serban dan jubah, natal syahadah kita.

Dia sebut, saya nak sebut sikitlah supaya kita sama-sama hubungan kasih sayang dan sillaturrahim kita kena jaga, kadang-kadang percakapan kita boleh merosakkan akidah kita. Batal akidah inji, percakapan, tingkah laku, perbuatan kita dan atikad kita. Salah satu perkataan kita. Perkataan yang boleh kita dengar semua orang, perbuatan dan atikad kita, kita tak tau. Tapi perbuatan kita duk pi sembah sana, sembah sini, boleh batal akidah kita. Setakat ini sajalah untuk makluman YB. Speaker, yang baik daripada Allah swt, yang kurang baik daripada kelemahan diri saya sendiri. Patek dengan menyokong dan menjunjung kasih Titah Ucapan KeBawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Sekian, Wabillahitaufik Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih YB. Bukit Pinang, tak sat saya nampak Pengarah Jabatan Pertanian keluar, saya dapat maklum ada kematian Timbalan Pengarah Pertanian, jadi saya rasa eloklah sebagai menghargai, kita bila kita berkhidmat dengan sektor awam ini, sumbangan yang paling besar kita boleh bagi kepada penjawat-penjawat awam kita yang ada kematian, Timbalan Pengarah Pertanian Negeri Kedah, Puan Hafizah. Saya biasa berurusan dengan beliau dan beliau merupakan pegawai yang sangat berdidikasilah.



Jadi, dengan penuh rasa kecintaan, kita hadiahkan Al Fatihah kepada Almarhumah. Al-Fatihah (dengan bacaan). Seterusnya saya persilakan YB. Merbau Pulas.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Terima kasih YB. Speaker, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Alhamdulillah Robbil 'Alamin Wabihi Nasta'in Wala'udwa Nalailladdholimin. Subhanakala 'Ilmalana Ma 'Allamtana Innakaantal 'Ali Mulhakim. Khola Robbish Rohli Sodri Wayarsirli Amri Wahlul 'Uddatan Millisani Yafkhohu Khauli.

Yang Berhormat Dato' Speaker, rakan- rakan Yang Berhormat daripada Pihak Kerajaan, Barisan Pembangkang, Pegawai-Pegawai Daerah dan Yang Dipertua Majlis Daerah, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan seterusnya Ahli-Ahli Dewan yang dihormati sekalian.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan untuk merafak sembah dan menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah Darul Aman diatas Titah Ucapan Perasmian Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah yang ke-14 pada 12 mac 2023 yang lalu. Semoga Allah SWT mengurniakan kesihatan dan kesejahteraan kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultanah Kedah agar dapat bersemayam di atas takhta Kerajaan Negeri Kedah dengan penuh kebesaran dan kedaulatan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan berhubung isu-isu serta memberi pandangan dan cadangan berkaitan dengan portfolio saya bagi membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Negeri Kedah khususnya. Saya amat menghargai dan mengambil serius setiap perkara yang diusulkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat demi penambahbaikan dalam pentadbiran kerajaan negeri pada masa akan datang. Sekiranya ada lagi lah di sini.

Tidak dilupakan juga, saya ingin memberi penghargaan dan terima kasih kepada pegawai- pegawai kerajaan negeri dan persekutuan yang selama ini banyak membantu dan bertungkus lumus memberi kerjasama dan komitmen yang tinggi demi memastikan rakyat Negeri Kedah mendapat bantuan dan manfaat yang sewajarnya yang disalurkan oleh kerajaan negeri mahu pun kerajaan persekutuan.



Yang Berhormat Dato' Speaker, izinkan saya untuk memberi maklumbalas terhadap pertanyaan, aduan atau cadangan berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli- Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan portfolio saya. Pertamanya saya akan bangkitkan mengenai pembangunan insan. Sepertimana soalan tambahan semalam daripada Adun Ketua Pembangkang, Adun Suka Menanti, Apakah ukuran kejayaan pembangunan insan Negeri Kedah ini? Saya memberi jawapan ukuran kejayaan adalah apabila kita adakan program-program yang membuka ataupun meningkatkan keimanan seseorang itu, kita panggil ukuran kejayaan tetapi beliau telah membuat satu kenyataan akhbar dan yang Kerajaan Negeri buat program syok sendiri. Saya nak sebutkan di sini kita buat Program Karnival Kedah Sejahtera, kehadiran 30 ribu orang, parking kereta berkilometer, orang duduk atas tikar, mai ramai-ramai, bawa anak pinak semua, adakah syok sendiri program itu? Kita habis duit, kita boleh melihat bagaimana orang rasa nak hadir dalam program tu? Boleh dia sebut program syok sendiri, kita buat Program Festival Sunnah kehadiran lebih 50 ribu orang dengan pelbagai agensi membantu kita untuk meningkatkan pembangunan insan ini. Dia kata syok sendiri juga! Adakah ini syok sendiri program kita buat? Inilah program yang membantu bagaimana nak melahirkan Kedah Sejahtera Nikmat Nikmat Untuk Semua. Insan sejahtera kita nak lahirkan, yang ketiga contoh kita bagi ada konvoi dengan Menteri Besar.

Orang mai naik motor konvoi dan saya berjumpa dengan anak muda ini di tepi jalan, saya tanya datang daripada mana? Dia kata kami ni ikut MB, konvoi dengan MB, Saya tanya dengar tak MB cakap? Dia kata dengar, MB pesan apa? Jangan tinggal solat! Itu suatu yang kita lahirkan insan yang Menteri Besar sebut, jangan tinggal solat, nak buat, buatlah apa pun tapi jangan tinggal solat. Itu salah satu program yang besar takkan program ini program syok sendiri juga! Saya rasa ini sesuatu yang tak adillah, yang disebut kerajaan negeri buat program syok sendiri. Kita lihat lagi disebut oleh Tanjung Dawai orang mai sembahyang subuh sampai YB. Tanjung Dawai yang duk pi masjid sekarang ini pun kena duduk sampai luar. Adakan program ini program syok sendiri juga? Saya rasa ini satu yang salah dan tanggapan yang tidak baik kepada Kerajaan Negeri. Saya bagi contoh YAB. Menteri Besar, dia main bola, kebiasaannya orang main bola ada yang pakai seluar atas lutut tapi MB pakai seluar bawah lutut dan orang nampak bagaimana akhlak yang ditunjukkan pemakaian Menteri Besar. Orang lain nak main bola dengan Menteri Besar pun sekurang-kurangnya dia rasa malu dan pakai juga lah di bawah itu. Ini kejayaan-kejayaan yang kita buat.



Bagaimana kita buat konvoi motor anak muda, kita buat selepas selepas zohor, kita berhenti solat Asar di masjid-masjid ini yang kita buat bukan semestinya program pembangunan insan ini kena ada ukuran nak ukur. Saya nak tanya pengukuran kita bagaimana kita nak ukur pembangunan insan ini? Nak ukur macam mana? Kita tak tahu nak ukur yang bagaimana lagi yang kita perlu ukur.

Yang paling besar pengukuran yang saya bagi bagaimana anak-anak muda ini boleh memilih satu kepimpinan mewakili mereka pada pilihanraya yang lalu sampai kita menang 14/15 pada pilihan raya lalu. Keputusan mereka, mereka berani buat keputusan, mereka adalah menilai siapa pemimpin yang mereka nak hantar dalam parlimen dan saya yakin penuh keyakinan 100% dan 120%, mereka akan buat keputusan yang sama pada PRN negeri akan datang insya-allah.

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Celah sikit? Adik beradik ni!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Bila adik beradik? Terengganu kut?

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Terima kasih YB. Merbau Pulas, terima kasih YB. Speaker, Saya ucap Tahniahlah atas apa yang telah diusahakan oleh pembangunan insan, dengan menjadi ukuran angka-angka tadi maknanya dari segi sambutan, dari orang ramai, cuma kita rasa mungkin ada satu benda-benda lain yang menjadi indicator. Contoh macam saya tanya semalam kalaulah dia telah melebar luas kesannya sudah tentu angka-angka dari segi keruntuhan sosial contohnya dapat kita turunkan. Kecurian, penagihan dadah, penceraian contohnya. Jadi, kita nak angka-angka macam itu yang boleh dalam konteks sekarang ini yang boleh diukur. Itu maksud kita adakah indikator-indikator tentu yang boleh diukur untuk menandakan keberkesanan program dalam membentuk pembangunan insan? Itu soalan saya.

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Ok, saya dah faham! Saya dah faham! Kita sedang berusaha kea rah nak menurunkan semua indikator itu, jika saya tak jawab tentang dadah, saya nak bagi jawapan saya ini satu ketika dahulu ada seorang anak orang 'have have' daripada Terengganu, saya



duduk di pondok, saya dibesarkan di pondok. Satu hari dia hantar anak dia ke pondok yang kami duduk ini, ayah dia mai, keluarga diam ai bawa duit hantar bagi kepada keluarga saya, tolong masak untuk anak dia makan. Kami protes masa tu, saya belum kahwin, masih belajar, saya protes kenapa masak untuk budak ini?

Budak ini dihantar ke pondok kerana di sana dah tak mampu nak jaga dah kerana terlibat dengan penagihan ini, 20,30 tahun yang lalu di tempat saya akhirnya kita kepong budak ini, kita jaga budak ini, dia mengaji pondok dia dengar kuliah yang dibuat, kita kahwinkan dia dengan orang Kedah dan baru 2,3 tahun lepas dia meninggal, dia duduk dalam keluarga yang Bahagia. Ini kerjasama semua pihak bukan kerajaan saja, kalau kita dengar rumah itu ada penagih dadah, tunggulah kerajaan buat program, bukan macam tu, kita mengambil tindakan apa yang perlu buat, report polis, hantar ke pusat latihan, perlu ada bagaimanakah nak synchronized kerajaan dengan masyarakat, itu perlu kita buat! Bukan kita kata tunggu kerajaan buat program, nak tengok indicator bagaimana nak turun pembangunan insan, tidak! *Walmukminu Na'wal Mukmina Baqduhum Auliya Ulbaq' Yakmuru Nabil Ma'ruf Wayanhau Nahi Munkar.*

Kalau kita kata kita orang yang beriman, lelaki dan perempuan pertamanya mesti mengajak perkara-perkara yang Makruf dan mencegah perkara kemungkaran kita kalau lihat perkara ini masalah ini adalah masalah negara, bukan masalah Kedah saja masalah seluruh negara tentang dadah ini. Begitu juga dengan apa-apa yang merosakkan. Yang ini, dia kata tak jawab pula tentang penceraian. Penceraian ini kita buat diantaranya kenapa berlaku penceraian adalah kerana kurang kefahaman agama. Kita bantu masyarakat kita di Kedah ini dengan kita tidak menyambung lesen perjudian, kita tutup premis judi, kita tahu itu juga salah satu punca berlaku penceraian.

Yang keduanya, di antara punca penceraian ialah kewangan. Kewangan juga merupakan punca perceraian tak ada duit, bila tak ada duit memanglah berlaku macam-macam. Rakyat minta nak keluar KWSP kita letak cagaran pula, ini salah pula. Rakyat Minta keluar KWAP bagi lah duit depa! Tak kan depa nak cagar duit depa pada bank, nak berhutang pula. Ini satu yang tak kena, kita dah cakap gitu gini, berlaku penceraian. Penceraian ini proses dia panjang, bukan proses dia hari ini, bukan proses dia panjang ada pelbagai unsur-unsur boleh berlaku perceraian itu. Saya mohon kemaafan terpaksa sebutkan benda ini untuk memberi jawapan kepada yang kerajaan yang disebut dalam Sidang Kosmo ini dimana kerajaan buat program syok sendiri.

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Gambar siapa tu? Dak, saya nak tanya macam ni!



YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Dak, dak! Saya tak bagi laluan, saya nak jawab terus. Sudahlah saya dah bagi jawapan dah tadi. Cukuplah! Duduklah, masa pun tinggal 20 minit saja!

Yang Berhormat Suka Menanti dan Kota Siputeh telah membangkitkan isu pemberian bantuan beras sejahtera. Beras sejahtera ini memang kita bagi awal sebulan selepas itu kita tak sambung kepada pembangkang. Beras sejahtera itu ada kepada penyelaras dun. Kalau Dun Pembangkang rasa perlu beras ini boleh berjumpa dengan penyelaras dun. Yang penting rakyat dapat.

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

YB. Dato' Speaker, saya minta laluan!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Saya tak bagi dah, saya nak sambung lagi! Disebut oleh Kubang Rotan, kita perlu ..

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Saya minta laluan Dato' Speaker!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Bergantung kepada YB. Merbau Pulas!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Saya tak bagi! Nanti dulu! Nanti dulu!

YB. ENCIK TEH SWEE LEONG

Ini bukan sebab bajet tapi surat rasmi daripada kerajaan, maklum kata bagi 6 bulan. Jadi, jika jawab macam ini, memang tak tepat memang surat rasmi jawab 6 bulan, dari Disember sampai bulan Mei dalam bajet. Jadi, kenapa bagi kepada penyelaras? Sila jawab!



YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Duduk dulu! Nanti saya bagi jawapan. Peringkat awal, surat pertama kita bagi sampai enam bula,n kami mesyuarat dalam Mesyuarat MMK bersetuju semua ini untuk memberhentikan pada bulan Januari 2023.

Bulan Januari kita berhentikan! Setuju semua. Sepertimana JPKK juga telah kita 'terminated' kan, kita bagi pada peringkat wal memang nak bagi enam bulan tetapi disebabkan tekanan apa yang berlaku sebab beras itu kita kena report kepada kewangan. (YB. Kubang Rotan mencelah)

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Tapi kita cakap bab keadilan, tak kan cakap keadilan macam tu? Kata adil!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Tunggu dulu! Tunggu dulu! Saya nak sebut bab keadilan!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Setuju! Setuju! Kata adil!

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Kata adil! Di federal cakap sama rata, minta sama rata! Digunakan sama rata! Macam mana?

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Kubang Rotan tunggu dulu! Ini flow saya tau! Ini flow saya tau!

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Kita tunggu pusat bagi dulu, baru kita bagi!



YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Kubang Rotan sebut, Bukit Selambau saya tak bagi! Ini flow saya, saya nak jawab dulu, Kubang Rotan sebut kelmarin, dia ada dalam sidang ketika mencelah daripada Kota Siputeh. Kena ada keadilan bagi. Saya jadi pembangkang dari 2013 hingga 2020. Saya tak pernah dapat kategori pembangkang wang selain daripada peruntukan kerajaan negeri. Termasuk kerajaan di situ pada tahun 2020 tapi Kerajaan Kedah sekarang ini bagi untuk pengurusan RM2,000 bagi untuk sumbangan RM50,000. Ada di kalangan Ahli Yang Berhormat kami yang lama jual barang emas, jual tanah (YB. Kota Siputeh mencelah)

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Siapa yang mulakan? PH yang mulakan!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Kita bagi! Kita yang bagi!

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Salah tu! Salah tu!

YB. ENCIK SUMMUGAM A/L RENGASAMY

YB. Speaker, kita kena clarify, let me talk!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Kota Siputeh, YB. Bukit Selambau, sila duduk!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Duduk! Saya tak dapat pun zaman PH bagi. Bila bagi? Tak bagi masa itu?

YB. DR. SALMEE BINTI SAID

Kami yang mulakan!



YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Tak dapat! Cuma ketua pembangkang saja yang dapat! Kena faham, ketua pembangkang saja yang dapat itu pun dia kata dia tak guna! Saya pun tak dapat! Nak sebut keadilan! YB. Speaker, ini flow saya!

YB. TIMBALAN SPEAKER

YB. Merbau Pulas teruskan ucapan! Berbaki 5 minit lagi!

YB. DATO' USTAZAH HJH. SITI ASHAH BINTI HJ. GHAZALI

Saya tak duduk pun! Seterusnya, soal beras minta kepada penyelarasan dun boleh ambil kepada penyelarasan dun. Seterusnya Yang Berhormat Bukit Selambau memaklumkan berkenaan jambatan runtuh di kawasan Bukit Selambau yang telah dikemukakan permohonan ke Pejabat Daerah Kuala Muda.

Seperti yang terhormat sedia maklum, pejabat daerah kuala muda telah mengemukakan permohonan peruntukan ke pejabat pembangunan negeri kedah. Susulan dari permohonan tersebut, lawatan tapak telah dijalankan oleh Pihak Pejabat Pembangunan Negeri Kedah bersama Pejabat Daerah Kuala Muda pada Jun 2022 bagi mengenalpasti status jalan dan pengiraan anggaran permohonan peruntukan. Untuk makluman yang terhormat, saya difahamkan permohonan tersebut telah dipanjangkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri serta Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya untuk perhatian dan tertakluk kepada sebarang pertimbangan.

Seterusnya, Yang Berhormat Kota Siputeh memohon jalan baru di Pida 4 Lama dan Jalan Kuala Kerpan Yang berlokap untuk diturap semula. Untuk makluman Yang Berhormat, Pejabat Daerah Kubang Pasu telah mengambil maklum berkenaan permohonan Jalan Pida 4 Baru dan akan dimasukkan dalam senarai cabutan kerja undi fasa seterusnya dibawah Pegawai Kewangan Negeri Kedah. Manakala jalan kuala kerpan telah diluluskan dan sudah selesai cabutan kerja undi fasa 1 dan akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Seterusnya, Yang Berhormat Pedu telah memohon untuk dipercepatkan peminanaan titi yang uzur di Kampung Nahan dan juga Kampung Padang Setol. Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kemajuan Desa Dan Wilayah (KKDW) telah meluluskan permohonan projek pembinaan jambatan di Kampung Nahan dengan anggaran kos sebanyak RM350,000 melalui Program Ameniti Sosial (Pams) dan akan dilaksanakan pada tahun ini, manakala pembinaan jambatan Kampung Padang Setol dianggarkan



akan melibatkan kos projek berjumlah RM2 juta. Oleh itu, dicadangkan agar projek tersebut dimohon melalui rolling plan oleh Pihak Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) kepada pihak Kementerian.

Bagi mengakhiri ucapan penggulungan saya, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung perkara- perkara yang telah dibangkitkan akan saya berikan sepenuh perhatian bersama tindakan yang sewajarnya bagi menangani setiap permasalahan dan mengambil langkah yang terbaik untuk kesejahteraan dan kemakmuran rakyat Negeri Kedah di bawah kepimpinan YAB. Menteri Besar.

Kerjasama dan sokongan yang ditunjukkan oleh semua Ahli Yang Berhormat terhadap inisiatif kerajaan terutamanya dalam mengendalikan isu- isu berkaitan kesejahteraan rakyat diharap dapat memberikan manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya. Semoga setiap niat dan tugas yang kita laksanakan mendapat keberkatan dan balasan yang baik dari Allah SWT.

Saya dengan ini menjunjung kasih dan menyokong penuh Usul Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sempena Mesyuarat Pertama, Penggal Keenam, Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke 14.

*Sedap Sungguh Minuman Soya
Sedap Lagi Si Air Kelapa
Selesai Sudah Penggulungan Saya
Janganlah Koyak Panas Tak Apa*

*Merdu Bertingkah Alunan Suara
Kadang Tak Sedar Tersilap Kata
Andai Terlanjur Pantas Bicara
Serendah Hati Kemaafan Dipinta*

*Dari Kedah Ke Pekan Sari
Beli Suasa Di Kota Tinggi
Selesai Sudah Tugas Diberi
Di Lain Masa Bersua Lagi*

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh



YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima Kasih Yang Berhormat Merbau Pulas!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Sikit saja YB. Speaker!

YB. TIMBALAN SPEAKER

Ya..silakan!

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

YB. Tuan Speaker, saya mohon sedikit saja cadangan! Nampak gaya kita dengan kekangan masa apa yang kita bangkitkan telah pun disediakan jawapan tapi terpaksa di langkau sebab nak save masa kan, saya mohon jawapan itu diberikan secara bertulis, pegawai dah sediakan dan pas kepada kita secara bertulis. Contoh kelmarin Kuala Nerang, banyak dia langkau jadi kita minta berikan secara bertulis kepada kita. Terima kasih.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Terima kasih. Kepada semua Exco-Exco yang terlibat supaya sampaikan jawapan yang tak sempat diterangkan secara bertulis! Sila Derga!

YB. ENCIK TAN KOK YEW

YB. Speaker, nak tanya apa yang diputuskan di Dewan ini contoh bajet pada sidang Dewan yang dulu, bajet-bajet semasa dalam sidang dewan ini, bila jawab kata bajet ini akan diperuntukan untuk Adun-Adun, boleh tak keputusan di Sidang Dewan ini ditarik balik oleh MMK dan ditukar. Minta pandangan Speaker.

YB. TIMBALAN SPEAKER

Saya persilakan Yang Berhormat Lunas!



YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

*Dari Merbau Pulas Ke Sungai Karangan,
Kini Giliran Saya Membuat Pergulungan.*

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih YB. Dato' Speaker. *Bismillahirrahmanirrahim Alhamdulillah Rabbusama Wa'tiwal Ardh' Wa Rabbul A'lamin Washolatu Wassalamu'ala Sayyidina Muhammadin Sayyidil' Mursalin Wa'ala Alihi Wa'sohbihi Aj'main. Robbishrohli Sodri Wayarsirli Amri Wahlul 'Uqdatan Millisani Yafkhohu Khauli.*

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih YAB. Jeneri, rakan-rakan Exco, ahli-ahli yang berhormat ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan dan Sidang Dewan yang dihormati sekalian. Alhamdulillah saya mengucapkan kesyukuran ke hadrat Allah swt. kerana dengan limpah kurnia dan keizininannya dapat kita bersama-sama berkumpul di dalam dewan yang mulia ini untuk Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14. Saya juga ingin mengambil kesempatan menjunjung kasih dan merafak sembah pada di bawah Duli Yang Maha Mulia Al aminul Karim Sultan sallehuddin Ibni Almarhum Sultan Badlishah atas perkenan Tuanku merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman yang ke-14. Semoga Allah Subhanahu Wa Taala memberkati Tuanku dan mengurniakan kesihatan yang baik untuk terus mentadbir Negeri Kedah yang tercinta.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua agensi dan jabatan kerajaan di bawah Portfolio Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Perlindungan dan Komoditi, Pengangkutan dan Hal Ehwal Masyarakat di Kedah yang memberikan kerjasama yang baik dalam melaksanakan tugas di bawah portfolio-portfolio tersebut.

YB. Dato' Speaker telah dibangkitkan juga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan berkenaan dengan perkhidmatan feri ke Pulau Langkawi yang kurang memuaskan menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan, Pulau Langkawi adalah mercu tanda permata Kedah, destinasi percutian dan destinasi berbulan madu. Kerajaan Negeri sentiasa peka tentang isu dan mengadakan mesyuarat secara berkala bagi mengatasi masalah ini. Antara agensi melibatkan Jabatan Laut dan pengusaha feri. Dengan satu pameran terbesar di Malaysia amnya dan Negeri Kedah khususnya iaitu Pameran Antarabangsa Maritim Dan Aeroangkasa Langkawi atau dikenali sebagai LIMA23 yang akan berlangsung pada bulan Mei ini.



Kerja pengerukan untuk keselamatan pelayaran bagi alur pelayaran Kuala Kedah telah siap sepenuhnya pada 26 Disember 2022 manakala kerja pengerukan untuk keselamatan pelayaran bagi alur pelayaran Kuala Perlis dijadualkan siap pada 15 Mei 2023.

Oleh kerana kerja pengurusan alur pelayaran Kuala Kedah telah siap sepenuhnya akhir tahun lepas, pihak operator dapat memenuhi obligasi minimum mereka untuk menyediakan jadual perjalanan atau trip sebanyak 5 trip sehala sehari di laluan pelayaran Kuala Kedah - Langkawi dan serta sebaliknya.

Bagi jadual perjalanan feri Kuala Kedah Langkawi oleh kerana kerja pengerukan telah siap, jadual perjalanan atau trip mencukupi telah diberikan kepada operator feri sedia ada dengan mengambil kira keupayaan Terminal Feri penumpang Kuala Kedah dalam menerima kemasukan feri dalam satu-satu masa serta keupayaan ruang menunggu di dalam Terminal untuk menampung kemasukan penumpang sebelum dialirkan ke dalam feri.

Berikut adalah jadual yang telah diberikan kepada Konsortium Langkawi Ferry Line Venture Sdn Bhd iaitu 9 trip dari Kuala Kedah ke Langkawi serta 9 trip dari Langkawi ke Kuala Kedah. Masa kini pihak operator feri mempunyai keupayaan feri sebanyak 12 buah feri pelbagai kapasiti yang beroperasi. Jumlah ini mencukupi dan operator feri boleh memohon trip tambahan sehingga maksimum 12 trip sehala berdasarkan permintaan penumpang dan Jabatan Laut Malaysia tiada ketegangan dalam memberi kebenaran bagi merancakkan lagi sektor ekonomi pelancongan di Kuala Kedah dan Langkawi.

Masa kini, tentang permintaan penumpang hanyalah sekadar 5 trip sehala sahaja setiap hari. Sekiranya terdapat permintaan penumpang sepertimana semasa musim perayaan Tahun Baru Cina 2023 iaitu di antara 20 hingga 25 Januari 2023 yang lalu telah ditambah sehingga 9 trip sehala sehari.

Seterusnya, YB. Dato' Speaker saya ingin menyentuh isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Dewan berkaitan portfolio saya, berkenaan isu padi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Limau, Ayer Hitam, Sungai Tiang, Kubang Rotan, Pengkalan Kundor, Jitra dan Kuala Ketil. Saya rangkumkan kesemua isu yang dibangkitkan seperti berikut yang pertama yang seperti bangkitkan tentang itu penanaman padi lima kali dua tahun. Berdasarkan perancangan awal sejumlah 1,220 hektar sawah padi di Kawasan Muda berpotensi menyertai Program Peningkatan Intensiti Tanaman Padi, tanaman padi lima kali dua tahun. Daripada jumlah tersebut sebanyak 952.35 hektar merupakan kawasan sawah di Negeri Kedah.



Sehingga kini, sejumlah 169.12 hektar telah pun memulakan aktiviti awal penanaman padi bagi musim tambahan ini. Bagi kawasan awal penanaman padi ini, variasi yang ditanam oleh pesawah adalah MR220, MR297, dan CL2. Perincian kawasan yang telah melaksanakan projek ini adalah seperti berikut, semuanya 169.12 untuk projek rintis ini.

Bagi pelaksanaan projek di kawasan yang berpotensi ini, bekalan air daripada Empangan dan juga infrastruktur adalah mencukupi memandangkan pemilihan awal kawasan tersebut telah mengambil kira kriteria tersebut. Dalam tempoh jangka panjang yang akan melibatkan keluasan yang lebih besar kajian dan penelitian perlu dilaksanakan untuk memastikan bekalan air, infrastruktur yang menyeluruh, variasi serta teknologi bersesuaian boleh diaplikasikan. Pihak MADA menyedari kepentingan fallow period untuk memastikan kelestarian tanaman padi Kawasan Muda yang meliputi komponen pengurusan 'hard pan', tanah sawah, pengurusan perosak padi, dan penyelenggaraan dan pembaikan infrastruktur.

Walau bagaimanapun dalam konteks perancangan Program Peningkatan Intensity Tanaman Padi MADA ini projek lima kali dua tahun. Penanam padi hanya melibatkan tambahan musim pada tahun pertama sahaja dan tanah mempunyai masa rehat iaitu fallow period pada tahun kedua sebelum memulakan sebelum memulakan musim berikutnya. Kawasan-kawasan yang telah dikenalpasti oleh Mada juga adalah kawasan yang tidak bermasalah, yang kita nak buat tambahan kepada lima kali dua tahun ini. Dalam tempoh jangka panjang, langkah pemulihan tanah menggunakan bahan pemulih serta pembaikan berterusan akan dilaksanakan dari masa ke semasa. Itu dalam kawasan Mada. Kawasan di Luar Mada ada 100 hektar di kawasan Rantau Panjang yang melibatkan 104 hektar di Kuala Muda, itu kawasan Luar Mada.

Kemudian, berkenaan soalan yang dipertanyakan oleh YB. Pedu. Apakah teknologi yang boleh digunakan untuk menuai padi huma kerana petani yang menanam padi Huma masih lagi menuai secara manual. Sehingga kini penuaian padi Huma masih dituai secara kaedah manual. Ini disebabkan penggunaan 'mini harvester' kurang sesuai memandangkan permukaan sawah padi huma ini tidak rata dan lot-lot berskala kecil.

Walau bagaimanapun, sawah padi huma kini sudah boleh menggunakan mesin peleraai padi untuk memudahkan kerja-kerja merelai padi dibuat. Berkenaan dengan keluasan padi wangi di Padang Terap seperti dibangkitkan oleh Pengkalan Kundur. Sehingga tahun 2018, keluasan padi wangi di Daerah Padang Terap adalah seluas 118 hektar dengan penglibatan petani seramai 85 orang di Kampung Padang Balai, Kampung Bukit Andin, Kampung Kuala Pai, Kampung Charok Kecai dan Kampung Sireh.



Walau bagaimanapun, pada tahun 2022 keluasan padi wangi di Daerah Padang Terap telah berkurangan jadi 21 hektar dan melibatkan 25 orang peserta sahaja di Kampung Padang Balai. Pengurangan ini disebabkan oleh penarikan diri kilang beras untuk membeli hasil tuaian padi wangi. Sehubungan itu, Jabatan Pertanian telah mengambil inisiatif membantu pesawah di Kampung Padang Balai untuk membina pusat pemprosesan padi wangi berskala kecil di Kampung Padang Balai yang diuruskan oleh Koperasi Sawah Gemilang Kampung Padang Balai. Bagi mengembangkan semula industri padi waktu ini, perlu ada ke company atau kilang yang bekerjasama untuk memajukan penanaman padi wangi terutamanya dari teknologi pemprosesan serta pemasaran. Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk mengembangkan industri padi wangi walaupun tumpuan kini adalah kepada SSL padi menjelang tahun 2025.

Kemudian, bakar arang membangkitkan tentang pertanian teknologi yang dibangunkan Negeri Kedah. Salah satu pertanian berteknologi tinggi di Kedah adalah penanaman buah rock melon secara vertical farming, vertical farming ini menggunakan sistem Palong Hidroponik yang dikawal pembajaan secara automasi, penggunaan internet of things (IOT) sepenuhnya. Kerajaan negeri merancang untuk menjadikan rock melon sebagai tanaman high value crop di Kedah. Untuk makluman semua kerajaan negeri melalui Jabatan Pertanian telah bekerjasama dengan Special Vehicle Purposed (SVP) dalam membangunkan tanaman ini dan menyasarkan pengeluaran melon sebanyak 1 juta pokok pada penghujung Rancangan Malaysia Ke-12. Pada tahun ini kerajaan negeri juga bercadang untuk melancar melancarkan jenama Melon Kedah dan penumbuhan hak Melon Negeri Kedah. Sehingga tahun 2022, jumlah penanaman rock melon di Negeri Kedah adalah sebanyak 380,00 pokok dan pada tahun ini beberapa kawasan baru untuk penanaman melon's sedang dibuka di daerah Pokok Sena, Kulim dan Padang Terap dengan sasaran penambahan untuk tahun ini sebanyak 100 ribu pokok.

Kemudian, Bandar Baharu tentang Industri Hiliran Durian di Daerah Bandar Baru. Pewujudan kluster durian dibuat untuk memudahkan fokus kepada pembangunan tanaman sesuatu kawasan. Fokus pembangunan durian terbahagi kepada dua iaitu pembangunan durian klon tinggi bernilai seperti Duri Hitam dan Musang King dan pembangunan semula durian kampung premium yang melibatkan penjenamaan durian kampung yang bernilai tinggi. Bagi Daerah Bandar Baharu fokus utama dalam pembangunan durian klon yang bernilai tinggi. Penanaman Klon seperti duri hitam banyak di tanam di sana. Kerajaan melalui Jabatan Pertanian dan FAMA sentiasa bekerjasama dengan syarikat swasta sebagai anker company untuk memasarkan durian bernilai tinggi ke pasaran dalam dan luar negara.



YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Sebelum YB. Lunas masuk tajuk yang lain. Balik pada padi tadi. Jadi, YB Lunas ada sebut berkenaan dengan 5 musim 2 tahun seperti mana yang kita tahu kalau nak buat 5 kali ni maksudnya padi kita ni nak kena berbuah dalam tempoh yang singkat

Jadi, spesies benih yang kita nak pakai tu mestilah paling lama pun 80 hari saja, dia dah kena berisi. Jadi, adakah apa-apa usaha dilakukan bersama dengan MARDI dengan pihak UPM kan siapa ka agaknya universiti yang mengeluarkan benih ini untuk memastikan bahawa jenis benih yang kita gunakan adalah yang cepat berhasil kalau kita benar-benar serius nak melakukan 5 musim dalam 2 tahun.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Terima kasih YB. Jitra, baik berkenaan 'variety' kalau 5 musim ni masih lagi boleh ditanam dengan 'variety' sedia ada. Jadi, MADA mencadangkan variety sedia ada iaitu MR220, CL 2 yang jumlahnya 100 hari dan juga MR297. Tapi untuk makluman Jitra lah seperti yang kita pernah sebut dalam Dewan ini, kerajaan negeri melalui MADA ketika itu telah membuat lawatan ke Jawa untuk melihat benih padi yang kini syarikat Mada Corp telah pun menandatangani MOU dengan pengeluar benih di Jawa Barat itu yang hasilnya 75 hari. Insya-Allah itu sedang dikenal pasti oleh Kementerian dan Mardi supaya kesesuaian benih itu dapat kita laksanakan di Negeri Kedah ini.

Jadi, YB. Dato' Speaker saya nak sebut sikit lagi tentang pengangkutan tadi tentang pelabuhan baru di Sanglang yang telah dicadangkan. MMC Port Holdings Berhad telah merancang untuk membangunkan sebuah pelabuhan baru dengan pengkhususan bagi kargo cecair pukal seperti produk petroleum dan juga Hub bagi tenaga baru berasaskan ammonia dan hidrogen. Kargo pukal, kargo am serta Kargo Land Bridge Gulf Of Thailand. Cadangan pelabuhan di Sanglang yang merupakan pelabuhan laut dalam serta pembinaan Land Bridge yang diantara Sanglang dan Pelabuhan Songkhla Thailand akan memendekkan masa penghantaran kargo dari Selat Melaka ke timur terutamanya ke China, Jepun dan Korea.

Pihak MMC Port telah pun melantik perunding pakar dalam pembangunan pelabuhan iaitu HBC Amber Court Consulting and Terminal Sdn. Bhd. untuk memperhalusi cadangannya. Di sini ada kronologi- kronologi projek yang telah dirancang itu. Hasil kajian yang dibuat oleh perunding yang dilantik oleh MMC Port telah pun siap.



Berdasarkan dapatan kajian yang dikemukakan pada BPEN Kedah, lokasi yang dikenal pasti sesuai adalah berdekatan kawasan Kerpan daerah Kubang Pasu. Bagi isu cadangan membina dua buah jeti baru di Kuala Jerlun dan Kuala Kerpan yang dibangkitkan oleh Ayer Hitam cadangan tersebut masih di peringkat kajian yang melibatkan beberapa faktor yang terpaksa dikaji secara menyeluruh sebelum apa-apa keputusan dibuat di peringkat dasar. Seterusnya,, buat fallow Pengenalan Perladangan dan Komoditi seperti dibangkitkan oleh.....(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

YB. Speaker, saya tidak membantah projek di Sanglang itu kerana tentunya ianya mempunyai banyak kajian yang menunjukkan bahawa sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi kawasan setempat itu tentulah besar. Walaupun begitu adakah penyelidikan impak kepada sektor perikanan dibuat kerana seperti mana yang kita sedia maklum kawasan Kuala ni memang ramai nelayan yang walaupun menghadapi macam-macam masalah pada ketika ini tapi kalau buat projek macam tu tentulah akan lebih menjejaskan mata pencarian mereka.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Terima kasih Jitra, ya.. saya bersetuju dengan pandangan Jitra. Sebab itu kajian sedang dibuat, belum ada keputusan cuma cadangan telah dibuat dan kajian-kajian seperti disebut di Jitra itu akan diambil kira AIA, TIA dan sebagainya sudah tentu akan diambil kira jika ada impak yang mengakibatkan kemerosotan tangkapan kepada nelayan dan sebagainya.

Jadi, YB. Dato' Speaker saya pun dah habis penggulungan saya kalau ada yang belum dijawab nanti boleh minta saya untuk saya bagi jawapan bertulis sebab jawapannya terlalu panjang. YB. Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini, ini adalah sidang terakhir bagi penggal PRU-14. Terima kasih kepada YAB. Menteri Besar yang lalu dan Menteri Besar yang ada pada hari ini yang memberikan peluang untuk saya memikul tanggungjawab bagi Portfolio Perladangan, Pertanian dan Pengangkutan.

YB. Dato' Speake, saya juga kini adalah Alhamdulillah dalam PRU15 yang lalu saya telah diberikan tanggungjawab untuk bertanding di Parlimen Padang Serai dan alhamdulillah dengan izin Allah Perikatan Nasional menang di Parlimen Padang Serai dengan majoriti 16,260.



Walaupun ketika berubah kerajaan itu, saya dan kawan-kawan yang lain di tuduh pelbagai. Jadi, saya nak jawab pada hari ini keputusan 16,260 itu yang mana pada PRU-14 di Lunas saya menang majoriti tertinggi dalam PRU-14 13,000 lebih. Baru ini mengikut keputusan PRU15 di Parlimen Padang Serai untuk kawasan Lunas saya menang di Lunas itu dengan 820 undi. Alhamdulillah, tuan-tuan dan puan-puan sebenarnya dalam kita nak sebut bawa anak muda ini mudah dipengaruhi, anak muda itu, anak muda ini tidak ada ilmu dan sebagainya, anak muda itu, anak muda ini, itu adalah satu tuduhan yang jahat saja.

Jadi, mereka ini orang muda yang telah pun terbuka dengan dunia tanpa sempadan, ada ilmu mereka boleh mendapatkan maklumat di pelbagai tempat. Jadi, alhamdulillah Insya-Allah PRN Negeri pada bulan Julai atau Jun ini Lunas itu Perikatan Nasional akan tawan daripada pihak yang berkenaan.

Jadi, dengan ini saya menyokong ucapan Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sempena Sidang Undangan Negeri Kedah bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keenam ini. Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Waalaikumussalam Lunas. Silakan YB. Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB.Dato' Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk menggulung perbahasan. YAB. Menteri Besar, sahabat-sahabat Exco, sahabat-sahabat Adun yang dihormati sekalian, pegawai kanan Kerajaan Persekutuan dan juga Negeri seterusnya para-para pemerhati dan juga yang mendengar melalui online pada tengah hari ini. Terima kasih diucapkan kepada Dato' Speaker terutamanya serta pengamal-pengamal media yang berada di luar sana. Saya juga ingin merakamkan menjunjung kasih ke atas Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah mencemar duli untuk merasmikan persidangan kita pada 12 hari bulan yang lepas.



YB. Dato' Speaker, saya ingin mengajak kepada kita semua untuk meneliti sebuah firman Allah Subhanahu Wa Taala dari Surah Al-Anfal: Ayat 27

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٢٧

Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui kesalahannya.

YB. Dato' Speaker, Tuanku Sultan telah mengambil berat perihal kerajaan negeri dan baginda telah memberikan suasana senang hatilah dengan apa yang telah dilakukan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan saya juga bila merenung titah ucapan baginda itu terutamanya di muka surat yang kelima berhubung dengan pemberian tanah kepada rakyat terutama di kawasan Pendang lah. Pada ketika kami memberi hak milik tanah kepada 220 orang secara geran dan juga 110 orang secara LPS. Ada seorang makcik umur dah 70 tahun terjumpa dia, saya tanya mak cik sejak bila lagi, dia kata mak cik mai terbang pokok besar pemelok dengan pak cik hang buat sawah sampai lani. Lani masih lagi mengerjakan sawah di Paya Serdang tersebut. Saya mengucapkan tahniah kepada Dato' Fauzi dan juga Dato' Suhaimi yang menjadi Pengarah Tanah dan Galian sekarang ini yang telah menyegerakan proses-proses untuk kita memberikan geran-geran tersebut dan juga LPS tersebut. Begitu juga dengan DO kami, Yang Berbahagia Encik Nasrun yang hadir pada ketika ini dan juga membantu kami banyak untuk menyegerakan pemberian geran kepada mereka-mereka di Paya Serdang yang sudah pun 50 hingga 60 tahun kerjakan sawah tersebut sekarang baru dapat Alhamdulillah mereka datang dengan satu perasaan yang cukup gembira lah apabila kita telah memberikan tanah yang dipugar daripada pokok sebesar pemeluk tersebut menjadi sawah padi. Kalau kita nak halau mereka begitu tanpa pampasan esok rasa sedih jugalah mereka-mereka ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada SFO kami ini Dato' Isahak yang telah banyak membantu saya terutama sekali dalam menyelesaikan masalah titi-titi yang roboh, Titi Titi yang roboh di Dun Tokai 3 titi yang kami telah baiki secara gotong-royong mendapat dana kewangan daripada SFO iaitu Titi di Batu 8, di Kubang Jelai dan di Pekan Kobah. Yang Pekan Kobah ni sedih naik motor titi patah jatuh sekali dengan motor dalam sungai nasib baiklah tuan dia tak meninggal dunia dan juga kepada Pengarah ICU, Puan Zaitun sebelum ni Dr. Megat yang telah juga banyak membantu kami di dalam menyelesaikan masalah di peringkat kawasan dan juga di bawah portfolio saya Kesihatan dan juga Kerajaan Tempatan.



Kerajaan Tempatan ini YB. Dato' Speaker, dia bukan setakat macam portfolio, saya ada macam 12 negeri di bawah saya ini Yang Dipertua dan Datuk Bandar ni macam Menteri Besar di PBT tersebutlah. Depa ada bajet tersendiri jadi, kita kena menyelesaikan masalah di peringkat PBT, bukan PM lah kita sebagai Exco saja. Saya mengucapkan tahniah kepada semua Yang Dipertua-Yang Dipertua Dato' Bandar yang telah menguruskan PBT masing-masing dengan berjaya dan ada juga PBT yang banyak duit ada juga PBT yang banyak hutang, kaya dengan hutang, dan kaya dengan duit. Itulah puncanya kita ada masalah dengan SW Corp iaitu pengurusan sampah setelah kita tandatangani Akta 672 ya.

Saya nak menggulung perbahasan berhubung dengan Portfolio Kesihatan dan juga Kerajaan Tempatan. Sebelum saya nak jawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh para-para sahabat, Ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian saya nak menyusuri kajian yang telah dibuat National Health & Morbidity Survey (NHMS) yang telah dijalankan kali terakhir 2019 dan pada tahun ini merupakan kajian yang akan berlaku 5 tahun sekali. Itu masalah yang sedang kita hadapi di Negeri Kedah ini pada hari ini pada masa sekarang ini adalah masalah denggi. Denggi merupakan penyakit-penyakit yang perlu kita atasi segera iaitu peningkatan kes sebanyak 259.9% berbanding dengan 2022 iaitu pada tahun ini. 5 daerah utama menghadapi masalah denggi ini adalah Kuala Kedah, Kota Setar, Langkawi, Kulim dan juga Kubang Pasu dan kita juga menghadapi 47 episod wabak yang dilaporkan dan alhamdulillah 45 episod adalah terkawal. Jadi, bagi daerah-daerah yang saya sebutkan tadi tu kita kena memberi perhatian yang cukup teliti dan beratlah. Apabila kita buat kajian terhadap punca-punca kepada merebaknya kes-kes nyamuk dan juga virus ini disebabkan oleh masalah kami melibatkan PBT jugalah! Yang DiPertua-Yang DiPertua PBT, rumah-rumah yang lama, pembinaan lebih daripada lima tahun, mempunyai binaan-binaan yang kita kata terbengkalai dan juga kawasan-kawasan takungan air yang tidak mengalir itu perhatian perlu diberikan oleh semua YDP PBT-PBT dan di kawasan-kawasan inilah yang menjadi tempat banyaknya nyamuk yang seterusnya banyaknya kes-kes denggi.

Yang keduanya, masalah penyakit yang tak berjangkit ini iaitu hipertensi ataupun darah tinggi. Kita merupakan negeri yang kelapan 28.3%, satu daripada tiga penduduk berumur lebih daripada 18 tahun mengidap hipertensi ataupun darah tinggi. Jadi, ini juga perlu kita berikan perhatian di dalam kehidupan kita dan punca kepada masalah ini adalah dari segi pemakanan kita dan juga aktiviti harian kita iaitu exercise. Kemudian yang keduanya adalah satu daripada empat penduduk di Negeri Kedah ini menghadapi masalah kencing manis iaitu 24.9% peratus. Ini juga berpunca daripada makanan yang memberikan kesan kepada masalah kencing manis ini.



Yang ketiganya ini adalah berlebihan berat badan obesiti mungkin YB.Dato' Speaker tak ada masalah ini tetapi ada mereka-mereka yang lain menghadapi masalah ini puncanya juga kurang aktiviti dan juga masalah pemakanan. Oleh itu, Kementerian Kesihatan keluar satu panduan iaitu suku-suku setengah, bukan tiga suku, suku suku setengah, suku karbohidrat, suku protein, setengah tu sayur-sayuran dan juga vitamin. Insya-Allah, kalau follow yang tu kita akan diberi satu kesihatan oleh Allah swt. dengan kesihatan yang baik. Dan yang ini, orang kata nak telan mati emak, diluah mati bapa ni. Almarhum Ustaz Azizan dulu kata macam kambing makan buah macang, nak telan takut sangkut nak luah sedap iaitu bilangan perokok yang paling tinggi dalam Malaysia ini adalah Negeri Kedah dapat Johan iaitu 27.8 %. Ini kajian 2019, kita harap kajian pada tahun ini akan berkuranglah kut sebab ini masalah yang juga memberi masalah kesihatan yang cukup hebat pada masa kini.

Kemudian, untuk masalah covid misalnya. Walaupun kita sekarang ini, kes-kes kita single digit di bawah daripada 10 tetapi kita kena juga memberi perhatian kerana kita belum lagi masuk kepada fasa endemik. Kita masih lagi fasa peralihan daripada pandemik ke endemik walaupun ada negara lain sudah masuk ke fasa endemik dan kita jangan lupa kaedah TRIIS yang di war-warkan di dalam media-media ini kena teruskan iaitu test - ujian, inform - maklum, seek - dapatkan rawatan, report - lapor, dan isolate – pengasingan. Ini kena kita lakukan sentiasa untuk kita maintain kes-kes kita ni supaya tidak naik. Kemudian, untuk kesihatan ini saya juga ingin menjelaskan dalam penggulangan ini walaupun ramai yang tak berminat dengan isu kesihatan dalam perbahasan kecuali saya nampak yang saya catit adalah Suka Menanti dengan Kuala Ketil yang ada cakap isu kesihatan dalam perbahasan ini. Berhubung dengan Tabung Bantuan Perubatan Sejahtera Negeri Kedah untuk tahun 2022, tahun lepas kita telah memberi banyak sumbangan kepada masyarakat di luar sana untuk membantu mereka mendapatkan sumbangan perubatan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada rakan saya Pengkalan Kundor dulu duduk Alor Mengkudu yang duduk di sini dan juga kepada Jitra yang telah memulakan inisiatif ini. Terima kasih dan kita meneruskan inisiatif ini dan alhamdulillah antara bantuan-bantuan yang telah kita berikan sepanjang 2022 adalah yang pertamanya implan plat skru dan juga mesin 63 permohonan, glucometer set 40 permohonan, alatan perubatan bermacam-macam lah alatan perubatan ni 30 permohonan, susu khas bukan susu biasa-biasa yang baby minum tu, susu khas iaitu 28 permohonan, kerusi roda 28 suction pump, pump sedut kahak, sedut apa yang mereka 'bed ridden' yang tak boleh bergerak ini, 19. Ripple Mattress, tilam yang bergerak tu yang ada angin tu supaya tidak jadi 'bed sores' 19, blood pressure set 14, bantuan pendengaran 13, lampin pakai buang ini mereka yang benar-benar tidak mampu nak beli lampin pakai buang pun kita terpaksa bantu mereka



13, tambang hospital ke hospital, mereka yang ada penyakit barah, penyakit yang memerlukan rawatan di hospital, tak ada duit YB.Dato' Speaker kita juga terpaksa membantu mereka, kanta untuk mereka yang ada katarak 11, intraocular lens 10, katil hospital 9, desferal infusors pump untuk penyakit talasemia 7, pusat jagaan 6, ini mereka-mereka yang tua, tidak ada penjaga, tidak ada waris, kita terpaksa hantar ke pusat penjagaan, tidak ada wang langsung untuk pi ke pusat penjagaan kita bantu untuk beberapa waktu supaya lepas ini mungkin zakat ataupun institusi lain yang akan membantu mereka, stoma beg yang tebuk perut untuk najis ini 5, cermin mata pun ada minta bantuan daripada kita walaupun harganya kadang-kadang RM200 atau RM300 kita juga memberi bantuan juga ujian darah dan ujian genetik dua pesakit yang tidak mampu untuk membayar kos-kos tersebut terpaksa juga kita membantu mereka ini. Jadi, itu di antara ulasan yang saya beri untuk penggulungan portfolio kesihatan dan saya nak meneruskan..

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Tokai, sikit saja Tokai!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ada masa banyak ka? Kira injury time boleh tambah lepas ini kut!

YB. DATO' SPEAKER

5 minit lagi!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ohh..5 minit lagi, tak pa la! Silakan!

YB. DATO' DR. ISMAIL BIN SALLEH

Ada dua soalan. Pertamanya, daripada peruntukan yang telah diperuntukkan, berapa peratus yang telah digunakan dalam tabung tadi dan apakah di masa-masa akan datang untuk keperluan untuk menambah peruntukan itu?. Yang kedua tadi disebut bahawa peratusan perokok yang paling tinggi di Kedah. Apakah peratusan penagihan itu berkait dengan peratusan dadah yang juga paling tinggi pada tahun 2021.



YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasih Pengkalan Kundor. Setiap penagih yang kita jumpa, depa hisap rokok tapi setiap orang hisap rokok tak semestinya jadi penagih maknanya mungkin ada hubungkait, saya tak mau cakap banyak bab itu bahaya. Kemudian, untuk apa isu-isu yang dibangkitkan Ahli-Ahli Yang Berhormat, untuk Adun Derga, di daerah Sungai Petani premis perniagaan yang dikuasai oleh warga asing. Untuk makluman Yang Berhormat yang membangkitkan isu premis perniagaan yang dikuasai oleh warga asing, gerai milik Majlis Perbandaran Sungai Petani hanya disewakan kepada warganegara dan pemantauan dibuat secara berkala bagi mengelakkan kes sewa atas sewa namun sekiranya berlaku gerai akan ditarik balik mengikut prosedur bagi memberi peluang kepada individu lain yang lebih berminat. Bagi premis perniagaan yang lain mPSPK hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan kepada warga negara sahaja. Lawat siasat berdasarkan 15 aduan orang awam sepanjang 2022 mendapati bahawa premis yang dikatakan beroperasi oleh warga asing adalah kepunyaan warganegara atau dimiliki oleh pasangan warganegara Malaysia. Namun demikian, Yang Berhormat kalau sekiranya ada maklumat terperinci sila lah kemukakan kepada kami ataupun MPSPK.

Yang kedua, E-10 diperluas ke semua PBT di Negeri Kedah. Untuk maklumat pihak Yang Berhormat pelaksanaan E-10 telah diperluas untuk diguna pakai oleh semua PBT Kedah sejak 7/2/2021. Sebagai makluman juga, pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC) telah menganjurkan program sebaran pelaksanaan E-10 kepada semua PBT Negeri Kedah dan Majlis Perbandaran Kulim adalah sebagai fasilitator. Tahniah kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulim, Tuan Nadzman.

Untuk E-10 Daerah Sik, Yang Dipertua Majlis Daerah Sik, projek perintis adalah MRSM Ulul Albab di Caruk Tala, rundingan awal dibuat sebelum permohonan rasmi kepada OSC, permohonan KM - 11/5/2021, KM penuh diberi pada 21/12/2021. MRSM tersebut telah dikeluarkan tender untuk pembinaan. Tahniah MDS.

Soalan Adun Jitra apakah langkah kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah longgokan sampah di Langkawi tu terutamanya kawasan dekat dengan Kilim Geopark. Bermula 1 Mac 2023, tapak pelupusan belanga pecah akan menerima semua sisa pepejal Pulau Langkawi dengan anggaran 120 tan sehari. Tapak pelupusan beroperasi bermula 8 pagi hingga 7 petang pihak JPSPN, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal juga dalam proses membuat pengambilan tanah tambahan di Belanga Pecah untuk tujuan pengurusan sisa pepejal yang lebih sistematik dan cekap di Pulau Langkawi. Isu tapak pelupusan sampah, apakah yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri untuk mengesan?



Memang kerajaan negeri telah beberapa kali membangkitkan isu pelupusan sampah di Pulau Langkawi kepada Kerajaan Persekutuan. YAB. Menteri Besar sendiri telah membangkitkan isu ini kepada Yang Berhormat Menteri KPKT.

Untuk makluman daripada KPKT bahawa pengambilan tanah di kawasan sebelah tapak pelupusan yang ada sekarang di Belanga Pecah itu sedang dalam proses peringkat akhir untuk diselesaikan. Pengambilan ini penting bagi memastikan keluasan tapak pelupusan bertambah bagi menampung sisa pepejal. Pihak Majlis Bandaraya Langkawi Bandaraya Pelancongan mengambil inisiatif daripada 15 Mac 2023. Terima kasih Tengku bagi menjemput semua agensi yang terlibat dengan pengambilan bagi mendapatkan status semasa berhubung proses terkini permohonan Seksyen 8. Adun Kota Siputeh. Untuk makluman Yang Berhormat juga (YB. Jitra mencelah).

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Boleh YB. Tokai?

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Ya...ya..boleh! injury time ya!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Ya..ya..pendek sahaja! YB. Dato' Speaker, sebelum ini memang ada satu usaha untuk menaik taraf dan juga membaiki insinerator yang sepatutnya beroperasi di Kilim itu. Jadi, apa perkembangan terkini kerana sebelum ini perbincangan saya dengan menteri-menteri yang berkaitan sebelum ini, selalu mereka memberi alasan, peralatan dalam perjalanan daripada Korea lah macam-macam lah tapi sampai ke la ni tak sampai-sampai dan tak dibaiki.

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Terima kasihlah Jitra!

YB. DATO' SPEAKER

Ada seminit lagi!



YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Tadi kata nak bagi injury time. 'Insinerator' ini sebenarnya memang saya pun dah dua kali pergi melawat, mula ok dah jalan sekejap lepas itu terbakar, kemudian repair, kemudian terpaksa ditamatkan kontrak tersebut dan akan dibuka tender semula untuk operasi oleh syarikat yang lain. Banyak juta jugalah dicurahkan ke situ!

Untuk YB. Kota Siputeh, 9 Januari 2023 satu mesyuarat penyelesaian peruntukan kemudahan tapak niaga telah diadakan bersama Pegawai Kewangan Negeri di Menara MBAS. Hasil mesyuarat pada 11 Januari 2023 telah memutuskan bersetuju cadangan pembangunan tapak niaga zon bebas niaga di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan MBAS tahun 2023 bersetuju cadangan Fasa 1 bermula di Bandaraya Alor Setar, dua lokasi iaitu Taman Pandan dan Jalan Langgar ini untuk MBAS dululah! Pejabat Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Bahagian Kerajaan Tempatan serta PBT yang terlibat akan menyelaras cadangan pembangunan tapak niaga untuk fasa-fasa tersebut.

Banyak usaha yang telah dilakukan oleh PBT antaranya kita menerima pakai keputusan MMK pada 26 Oktober 2022 dalam hal-hal berhubung dengan gerai-gerai ini dan kita Negeri Kedah masih lagi membenarkan peniaga-peniaga yang berniaga di tepi-tepi jalan untuk meneruskan perniagaan mereka sehingga 31 Disember 2023 yang mana masih berniaga ini teruskan perniagaan mereka dan ada yang diberi lesen sementara untuk meneruskan perniagaan.

Adun Kota Darul Aman, penutupan Jalan Star Walk. Untuk makluman Yang Berhormat Pihak MBAS telah membuat penutupan sementara bagi penganjuran program pada hari itu dan telah dibuka semula. Mengikut perjumpaan MBAS dengan peniaga di Kompleks MBAS pada 5 Mac 2023, mereka mengakui penganjuran program di Star Walk telah menambah bilangan pengunjung ke kompleks berkenaan.

Pada masa yang sama MBAS mempunyai perancangan untuk membuka food truck dan gerai jualan kuih bagi menambah kemeriahan Dataran Star Walk. Antara program yang telah MBAS buat bagi menambahkan kemeriahan adalah seperti berikut Program Food Republic, Tayangan Live Big Screen untuk World Cup AFF Suzuki Cup dan Malaysia Super League, Karnival Usahawanita, Program Weekend Foodtruck, Alor Setar International Half Marathon.



Untuk kupon letak kereta flexiparking akan bermula pada 2/4/2023, kupon lama tidak boleh digunakan lagi tetapi mereka yang ada kupon boleh menukar di Pejabat MBAS untuk mendapat kredit ke dalam telefon bimbit! Kemudian tentang 70% parking digunakan oleh pegawai-pegawai memang pegawai-pegawai ini dia bekerja di situ, letak kereta di situlah. Kita ada di MBAS ini ada 4,000 tempat parking jadi 4,000 tempat parking ni pengunjung Alor Setar ni boleh parking di mana-mana tempat parking yang disediakan. Kemudian, Bakar Arang tadi pun saya dah sembang dengan Bakar Arang dan insya-allah MPSPK akan menyelesaikan isu tanah yang mendap di Taman Sinar Intan ini dan dengan membantu untuk kes ini dimahkamah. Kes ini dah dibuat di mahkamah sebenarnya. MPSPK akan memberi kerjasama penuh membantu peguam-peguam mereka itu.

Alor Mengkudu pokok-pokok nadir saya nak sebut pun tergeliat lidah ini, euginea sulul subtilis, pokok keriang. Bouea macrophylla pokok star, Tamarindus Indica pokok asam jawa, Garcinia atroviridis asam gelugur, pokok-pokok ini dimasukkan contoh-contoh pokok yang projek-projek perumahan kena tanam di kawasan-kawasan lapang di projek-projek mereka. Itu antara perkara yang telah dibincangkan!

YB. DATO' SPEAKER

YB. Tokai, sila berhenti!

YB. DATO' DR. MOHD HAYATI BIN OTHMAN

Untuk Anak Bukit, KHTP. KHTP, kita memang sedang luaskan kawasan KHTP. Oleh kerana YB.Dato' Speaker sudah memberi warning yang keras kepada saya, saya Ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan menjunjung kasih kepada Tuanku sultan yang telah mencemar duli merasmikan persidangan kita dan saya mohon maaf di atas segala kesilapan dan kesalahan kemungkinan berlaku semasa saya memegang portfolio ini dan juga menjadi YB. Tokai dan juga saranan dan juga teguran yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita akan ambil maklum dan Insya-Allah, kita akan perbaiki dimasa akan datang. Sekian Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih banyak YB.Dato' Speaker.

YB. DATO' SPEAKER

Sama-sama tokai, saya jemput Guar Cempedak 20 minit.



YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

YB. Dato' Speaker, sikit saja!

YB. DATO' SPEAKER

Ya..apadia tu?

YB. ENCIK MOHD ASMIRUL ANUAR BIN ARIS

Cuma saya nak minta sikit sebelum pergulungan daripada Yang Amat Berhormat Jeneri nanti sebab kita telah pun buat RUU Perbelanjaan untuk bajet pada baru-baru inilah, yang tahun lepas yang telah diumumkan beras sejahtera dan juga barangan dapur kepada B40 kepada Adun-Adun Pembangkang.

Jadi, saya nak tanya dan minta penjelasan YAB. boleh lebih fokus mungkin boleh tanya Penasihat Undang-Undang Negeri mungkin lah last sekali untuk pergulungan nanti sama ada Peraturan Dewan, kalau kita nak menarik apa-apa membatalkan sesuatu, sama ada MMK yang lebih tinggi ataupun Dewan yang lebih tinggi. Itu saja sebab benda ini kita tak dapat surat dan kita minta 'black and white' lah nak bagi kalau tak bagi nak batal pun tak apa tapi kena bagi ada black and white lah kepada pembangkang tapi kita nak tengok bila ada RUU, perbelanjaan! Minta penjelasan. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Baik dan Insyaallah ianya akan disentuh oleh Jeneri dalam penggulungan. Silakan Guar Cempedak.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, YAB. Jeneri Menteri Besar, rakan-rakan Exco, ni kali terakhir dah saya nak kata, lepas ni tak dak dah, seterusnya Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN di sebelah sini dan di sebelah sana, ketua-ketua jabatan negeri dan Persekutuan khususnya tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Sebelum saya nak memulakan ucapan ini YB. Dato' Speaker, saya mohon Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian termasuk YAB. Menteri Besar dan semua yang berada dalam Dewan yang mulia ini untuk kita bersama-sama sedekahkan surah Al-Fatihah kepada Allahyarham Datuk Seri Syed Razak Bin Zain, bekas Menteri Besar Kedah 1999 sampai 2006, 7 tahun beliau menjadi Menteri Besar. Boleh no sama-sama kita baca Al-Fatihah (Al-Fatihah dibaca sambil bertafakur).



Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Taala kerana saya berpeluang untuk menyampaikan ucapan penggulungan perbahasan titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah. Menjunjung kasih Tuanku. Selepas berita gempa bumi di Turkiye perkara yang disebutkan dalam titah ucapan Tuanku ialah mengenai kejayaan pelaburan Negeri Kedah. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang portfolio ini terutamanya industri dan pelaburan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan ialah Suka Menanti, Anak Bukit, Sungai Limau, Bakar Arang, Pengkalan Kundor, Kuala Ketil, Bandar Baharu, Belantik dan Kota Siputeh. Pertama sekali saya hendak menyentuh tentang pelaburan terutama sekali sektor pembuatan. Sungguhpun pelaburan termasuk juga sektor perkhidmatan dan juga 'primary' tapi saya nak khusus kepada pembuatan. Sejak akhir-akhir ini, khususnya tahun 2021 Kedah mencapai nilai pelaburan yang amat memberangsangkan sekali khususnya dalam sektor pembuatan. Nilai pelaburan industri pembuatan sejumlah RM62.22 bilion adalah yang tertinggi yang pernah dicapai oleh mana-mana negeri. Alhamdulillah syukur, lebih-lebih lagi pencapaian ini berlaku sewaktu negara dan dunia berdepan dengan pandemik covid-19 dan PKP dalam suasana yang sukar dengan pelbagai cabaran.

Ramai Ahli Yang Berhormat yang gembira dan menerima kerajaan ini dengan begitu positif sekali. Rakyat Kedah seluruhnya amat seronok kerana banyak peluang pekerjaan diwujudkan. Namun ada juga di kalangan Ahli Yang Berhormat yang menerima kejayaan ini dengan sinis. Antara yang disebut ialah kejayaan dicapai atas usaha Kerajaan Persekutuan khususnya MIDA bukan kerajaan negeri, macam kita buat apa. Apa usaha dan sumbangan kerajaan negeri? Kerajaan mana pun yang memerintah pencapaiannya pelaburan ni sama saja tak kira negeri mana. Tapi kebetulan kerajaan sekarang ni yang buat. Ingin saya menarik perhatian terhadap insan-insan yang sinis ini bahawa kejayaan ini adalah hasil usaha yang gigih seluruh pemegang taruh (stakeholders). Kita tidak menafikan Kerajaan Persekutuan khususnya MIDA memainkan peranan yang penting dalam menarik pelaburan bukan Malaysia khususnya Negeri Kedah sememangnya MIDA diberi tanggungjawab sedemikian dan mereka dibantu oleh dasar pelaburan yang baik termasuk insentif-insentif dan pejabat-pejabat di luar negara. Apa yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan ini adalah mereka boleh juga kepentingan-kepentingan yang tertentu, termasuk mendapat cukai korporat, cukai individu, mewujudkan pekerjaan yang sememangnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

Namun, bagaimana kuat sekali pun usaha yang dibuat oleh Kerajaan Pusat tapi jika tidak disambut dengan positif oleh kerajaan negeri tak mungkin usaha ini boleh membuahkan hasil yang lumayan. Kalau tepuk sebelah tangan saja dia tak bunyi dia kena kedua-dua belah baru dia bunyi. Kejayaan Kedah hari ini ialah kita mempunyai pemegang taruh pasukan pasukan pelaburan yang cukup cemerlang, daripada Menteri Besar, Exco



Pegawai Tadbir Negeri yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Invest Kedah, KTPC dan juga agensi-agensi Kerajaan Pusat seperti MIDA, JKR, JPS, Bomba dan sebagainya. Antara strategi dan pendekatan yang dibuat ialah pertamanya kita buat 'handholding' (dengan izin). Handholding' ni kita pegang tangan dia, mula-mula dia putus nak buat pelaburan apa juga masalah riripada A sampai Z sampai dia 'start' pengeluaran kita tolong, kita bantu dia, dengan cara ini dia pun seronok lah melabur dan dia akan cerita kepada kawan-kawan dia yang lain nak mai. Itu pertama yang kita buat.

Seterusnya kita ada dasar yang kita buat pendekatan intervensi. Saya sendiri sebagai Exco akan duduk bersama industri dan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan untuk menyelesaikan apa-apa juga masalah yang timbul. Saya boleh bagi contoh ada syarikat dia beli tanah PKNK, YAB. Dato' Seri pun tau dia beli tanah tapi bayar berjuta tinggi, sekali dia tak boleh buat jalan, tanah tinggi tak boleh buat jalan nak masuk. Jadi, saya panggil Pengarah JKR, sebelum tu buatlah cara-cara yang biasa ni. Tak selesai dan tak selesai berbulan-bulan dan saya minta tolong panggil Pengarah JKR dan yang lain termasuk syarikat itu dan juga konsultan macam mana kita nak selesaikan masalah ini, kalau tidak tak boleh buat.

Saya ingat Pengarah JKR pun ada sini atas perasaan yang ingin membantu nak menjayakan pelaburan, masalah ini dapat diselesaikan YB. Dato' Speaker dan ini sudah pun berjalan apa yang akan dilaksanakan oleh Adapt Care. Sama juga dengan Syarikat Jinjing, masalah dengan Jabatan Alam Sekitar contoh ini bukan yang ni saja yang lain-lain pun sama lah. Jabatan Alam Sekitar tak boleh selesai dengan Syarikat Jinjing, dia punya 'design' macam mana, tak boleh setuju. Tulis surat, balas, tulis surat, balas tak selesai, buat macam tu juga. Alhamdulillah, ia dapat diselesaikan. Banyak lagi lah termasuk Risen dan sebagainya. Kita juga sentiasa mengadakan perjumpaan dan berdialog dengan pihak industri bersama agensi kerajaan. Esok petang saya ada perjumpaan dengan semua CEO Taman Teknologi Tinggi Kulim bersama dengan agensi-agensi kerajaan untuk berdialog tentang apa juga masalah mereka hadapi. Petang ni saya balik pi Parlimen patah esok petang balik masuk balik, balik ke Kedah balik. Kalau kita nak buat kerja nak bagi berjaya ni kita kena buat macam tu lah kan, nak buat macam mana kan tak dak cara lain, saya buat, tak dak masalah.

Seterusnya, kita berpegang kepada Negeri Kedah ni sebagai 'investment friendly state', negeri mesra pelabur. Bukan orang kata cakap mesra tapi tak mesra, tak 'fiendly', dengan erti kata, ataupun 'in every sense of the word' (dengan izin) YB. Dato' Speaker, bahasa orang putih sikit. Boleh kut no?

YB. DATO' SPEAKER

Boleh!



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Buat betul-betul orang rasa kita mesra, buat betul-betul bagi depa seronok, syok dan banyak lagi depa buat pembesaran dan juga membawa kilang-kilang yang baru. Saya berharap agar saya dapat menjawab dengan adil terhadap apa yang disuarakan oleh YB. Pengkalan Kundor. Walau bagaimanapun, saya berterima kasih kepada YB. Bakar Arang yang menghargai apa yang dilakukan oleh pasukan pelaburan Negeri Kedah. Terima kasih YB. Bakar Arang, sebab itu dia menjadi Setiausaha Politik Menteri MOSTI (*Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi*) sekarang ini. Tahniah! Nilai pelaburan 2022 sungguh pun nampak macam jatuh berbanding 2021 tetapi pencapaian RM13.1 bilion diluluskan oleh MIDA pada keseluruhannya meletakkan Kedah di tangga ke-6 mengatasi Sabah, mengatasi Melaka yang dulu memang hebat dalam pelaburan, mengatasi Negeri Sembilan, mengatasi Perak dan sudah pasti mengatasi Perlis. Tapi jika dilihat angka pelaburan dalam industri, kita duduk nombor 4, RM12 billion kita berjaya selepas Johor, Pulau Pinang dan Selangor.

Ini negeri-negeri besar, negeri-negeri yang sudah berjaya lama, negeri-negeri yang ekonominya tinggi, kita duk di bawah daripada mereka dengan Selangor pun kita hanya RM200 juta saja kurang, saya sebut tadi. Sebenarnya nilai pelaburan Kedah 2022 adalah melebihi dari sasaran purata kita RM10 bilion yang kita sasarkan setahun dalam Pelan Pembangunan Kedah 2035, kita capai sasaran.

Mengenai KHTP, disebut oleh Bandar Baharu dan juga lain-lain ADUN, KHTP 'is a three the crown jewel of Kedah for investment and manufacturing' dan Langkawi 'is the crown jewel of Kedah dalam pelancongan. Kita ada dua 'crown jewel', kalau kita buat betul-betul kita akan menjadi negeri yang termaju di Malaysia, InsyaAllah. Kulim Hi-Tech Park ini dari tahun 1996 sehingga sekarang jumlah pelaburan dia YB. Dato' Speaker, ialah RM126.6 bilion. Bukan kecil, bukan lama tera mana pun, 20 tahun lebih saja, memang hebat hebat kita mesti terima yang ni dan KHTP menyumbang 15% kepada KDNK Negeri Kedah. Bayangkan 15%, kalau RM100 juta ertinya RM15 bilion dan industri pembuatan menyumbang 30% kepada ekonomi Negeri Kedah.

Cabaran utama sekarang ialah bekalan tanah disentuh oleh YB. Anak Bukit dan Bandar Baharu. Kenapa dia jadi begini saya nak kena cerita sejarah ni. Kenapa ia jadi begini? Saya nak kena cerita sejarah kenapa ia jadi begini, tak patut jadi macam ni. Pertamanya kita terlepas peluang untuk mengambil alih tanah untuk pembesaran KHTP dalam Rancangan Malaysia Ke-11. 5 tahun seekar tanah pun kita tak dapat, selalunya kita dapat peruntukan Kerajaan Pusat sama ada pinjaman ataupun geran. Tak dapat, 5 tahun tak dak apa-apa. Permohonan Pengerusi KTPC pada ketika itu untuk RMK-11, RM 217.8 juta pada tahun 2015 untuk Fasa 5, 500 ekar ditolak oleh MOF (Kementerian Kewangan Malaysia).



Sebab apa tolak saya tak taulah, pi la tanya. Tapi pengurusan sekarang ini saya tau, tolak dia pi balik dengan CEO sekarang ni. Kadang-kadang dia ajak saya sama pi. Haa...itulah sebabnya. Mengambil iktibar dari kegagalan-kegagalan RMK-11, pihak pengurusan KTPC dengan sokongan dan penglibatan lembaga pengarah yang dipengerusikan oleh YAB. Menteri Besar telah berjaya mendapatkan kelulusan MOF dalam RMK-12 dengan pinjaman RM195 juta untuk pembangunan 445 ekar tanah untuk Fasa 5. Kini di peringkat akhir siasatan tanah di mana kerja infrastruktur dijangka akan dimulakan tahun ini, InsyaAllah.

Seterusnya sementara menunggu untuk mendapatkan peruntukan Kerajaan Pusat dalam RMK-12, pihak KTPC dengan kelulusan lembaga pengarah, yang ni YB. Bandar Baharu pun ada pada masa itu, telah mengambil langkah positif menggunakan 'internal fund', tak pernah berlaku KTPC guna 'internal fund'. Nak guna 'internal fund' apa, duit tak dak pada masa itu, tak macam sekarang ini duit banyak. Jadi kita ambil langkah itu, RM250 juta kita nak beli tanah Sime Darby Plantation 425 ekar untuk Fasa 4A.

Setelah proses-proses, duit cengkeram bayar, dia mai hantar, dipanggil 'judicial review' (semakan kehakiman) dan 'court injunction', tak boleh buat apa. Sebenarnya dia nak harga tanah lebih tinggi, bukan dia tak mau bagi. Dia tau tempat tu dah maju. Tempat tu maju bukan kerana Sime Darby, tempat tu maju kerana Kulim Hi-Tech Park, kerana KTPC, kerana Kerajaan Negeri Kedah. 245 ekar pun tak boleh bagi, apa jenis syarikat. Saya dalam Parlimen baru-baru ini semasa ucapan Menteri MITI saya bangun, saya minta YB. Menteri untuk bawa perkara ini, Sime Darby Plantation punya isu ke dalam Mesyuarat Majlis Pelaburan Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. Dia ka, "yes! Saya akan bawa". Kita tak boleh duduk diam, itu cara dia kita duk buat bukan tak dapat RMK-11 senyap. YB. Dato' Speaker, kena bagi panjang lagi masa, saya last ni, kesian kat saya.

YB. DATO' SPEAKER

Ada lagi 6 minit!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YAB. Kata ok. Saya nak perabis ni. KTPC tak berpeluk tubuh...duk saja, tak dapat nak buat macam mana? Tidaaakk...KTPC yang sekarang ini berlainan, dia tak dak berpeluk tubuh mengenangkan nasib, usaha gigih diteruskan. Tanah tersepit tang nu tang ni, 'pocket land' 37 ekar dipajak kepada pelabur, 14 unit kilang berkembar untuk SME Park sedang dalam pembinaan. Dijangka siap dalam masa terdekat.



Untuk KHTP juga saya ingin menyentuh perkara-perkara lain yang disebut oleh Bandar Baharu. Pertamanya mengenai master plan KHTP 2. Cadangan perluasan tambahan 7,299 ekar menjadikan jumlah keseluruhan 12,128 ekar telah diluluskan pada tahun 2017. Tapi lulus saja, duit tak dak. Takkan Kerajaan Pusat nak bagi duit bilion-bilion kat kita, negeri lain pun hendak juga. Tak jadi apa, RMK-11 pun terlepas 500 ekar, tak dapat apa-apa sungguhpun kita dah buat 'master plan'. Usaha dilakukan untuk pengambilan tanah seluas 1,000 ekar, sedang berjalan sekarang ini, pasal kita ada duit kita boleh buatlah benda ni untuk kita beli tanah bukan Sime Darby Plantation tetapi plantation yang lain untuk memastikan KHTP terus berdaya maju.

Mengenai Aspen Glove, pasal apa bawa masuk Aspen Glove ni, dia bukan teknologi tinggi. Aspen Glove ini sebenarnya dia terlibat dalam industri peralatan perubatan, mengeluarkan sarung tangan pembedahan getah nitrile dan getah asli. Ia bukan biasa-biasa punya. Pemilihan aspek adalah kerana ia sektor industri dipromosi ataupun 'promoted industry' bagi peranti perubatan. Ia selaras dengan keperluan dunia ketika itu covid-19. Yang ni pun MIDA bersetuju untuk kita terima mereka. Ada kilang yang bukan hi-tech diterima KHTP contohnya Eva Best Biotech pada tahun 2018.

Sebenarnya ni memanglah kilang buat makanan tapi dia ada biotech teknologi dan ia juga ada kerjasama buat reaserch development dengan USM dalam bidang biotech ni, sebab tu kita bagi. Tapi dia mintak nak sambung beli tanah lagi nak perbesarkan kilang kita tak dak dah tanah. Jadi, dia buat keputusan perge ke Selangor dan melabur di sana RM400 juta. Ahli-ahli YB. Sekalian, KTPC disaran membuat penyusunan semula 'this is an ongoing strategy' YB. Dato' Spekaer (dengan izin). Baru-baru ini perancangan strategik 5 tahun KTPC telah diluluskan oleh lembaga pengarah. Rumusan mengenai KTPC, 'so far the best management team ever' pernah saya lihat. Kalau tak percaya tanya pengerusi dia, Yang Amat Berhormat kita, 'the best'. Tidak pernah KTPC membuat untung sampai RM100 juta 2 tahun berturut-turut. Saya duduk dalam lembaga pengarah tu lama dari tahun 2013, RM20 juta, RM30 juta, kali RM100 juta 2 tahun berturut-turut. Sebab tu kita boleh pi sembang dengan ladang-ladang ni, kita nak beli tanah dengan duit kita sendiri kalau hampa tak mau tolong, tapi dengan Kerajaan Pusat kita mintak juga ia. Bukannya dia rugi, dia pun untung. Setakat ini sedang berjalan KTPC, 11 pelabur sedang membina kilang dengan pelaburan RM34.8 bilion akan mewujudkan 11,000 lebih pekerjaan, banyak.

Ada lagi YB. Dato' Speaker, nipis saja, nipis. Tadi tebal, sekarang ni tinggal nipis dah. Tapi dengan ucapan ni nak buka muka surat pun jadi lambat.



YB. DATO' SPEAKER

Saya pun tengok buku tu habis dah tu.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Jangan duk kacau sangat, jangan duk kacau. Mengenai STEM saya nak sebut satu sahaja. Perancangan dan strategi pelaksanaan STEM amat penting untuk masa depan khususnya Kedah. Usaha ke arah menjayakan matlamat STEM perlu diteruskan dengan lebih gigih dan diperkasakan lagi. Perancangan dan pelaksanaan STEM di Kedah melalui FDI telah membuahkan hasih yang amat menggalakkan YB. Dato' Speaker. Pada awal Februari 2023, Sekolah Menengah Sains Sultan Muhamad Jiwa... Siapa alumni sekolah ni? YAB. Jeneri alumni... kira boleh tahan juga YAB. Jeneri, sekolah menengah sains ni. Sungai Petani telah mendapat keempat daripada 28 finalis dalam pertandingan Enovasi Sains dan Teknoli dan Kejuruteraan 2023 peringkat kebangsaan dan pelajar-pelajar ini akan mewakili negara di pertandingan Regeneron International Science and Engineering Fair di Dallas, United State. Jangan main dengan budak-budak Kedah ni, Sekolah Sains Muhamad Jiwa pulak. Ni kena penaik lagi lah sebab bos kita.

Dalam pertandingan pilampik, macam olampik orang lari tu la YB. Dato' Speaker pada tahun 2022 di peringkat kebangsaan pasukan pelajar-pelajar telah memenangi 13 hadiah daripada sejumlah 25 pertandingan, lebih separuh orang Kedah dapat YAB. Dato' Seri. Bukan kita buat ni tak dak hasil, kita buat ada hasil, tapi lepas ni siapa jaga teruskanlah jangan duk berhenti pulak. Tu nak habaq ni, kalau tidak kecewa kita duk Parlimen tengok-tengok, apa ni, tak dak apa berjalan.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, masa sebenar sudah tamat!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

5 minit saja!

YB. DATO' SPEAKER

2 minit!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Aish! Berkira sampai macam tu. Ni saya nak jawab yang KHTP.....(YB. Dato' Speaker mencelah)



YB. DATO' SPEAKER

Bertulis boleh?

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Siapa tanya KHTP? Saya boleh bagi kepada YB. Jitra kalau tambah 5 minit saya bagi.

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Takkan tak boleh, satu soalan saja.

YB. DATO' SPEAKER

2 minit!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

2 minit tak boleh lah. Pasal KHTP ni, pasala KHTP ni ya? Status sekarang Fasa IA 240 ekar. Sudah ada 513 syarikat, dia buat pajakan. Syarikat-syarikat itu ialah syarikat kilang luar, gudang 4, logistik 5, sewaan dan seterusnya. Nak habis dah, saya nak bagi ucapan terakhir....(YB. Jitra mencelah)

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya cuma nak menyokong saja YB. Dato' Speaker, bukan nak bagi nasihat.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Kita nak bangunkan lagi 'smart park', industry park di Gurun, YAB. Dato' Seri pun tahu, kita dah lulus perancangan untuk 'zoning' dan smart park Gurun ini memang tempat yang strategik, kita akan adakan industri solar komponen untuk solar farm dan panel dan lain-lain industri termasuk hi-tech, elektrik, elektronik dan juga green solar panel dalam group top semua kilang-kilang. Saya tak mau cerita, ada 8 ni.

'Moving forward' (dengan izin) YB. Dato' Speaker, Kedah berpotensi besar untuk cemerlang dalam bidang....(YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, tak pa saya tambah lagi masa. Bagi....

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Haaa.... Macam tu boleeehhh...Kalau tidak tak dak chance!



YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Saya nak membantu sebenarnya. Saya tekun mendengar penjelasan daripada YB. Guar Chempedak tadi berkenaan dengan jumlah pelaburan yang masuk di Taman Teknologi Tinggi Kulim. Angka yang saya berikan dulu agaknya silap lah kalau bila YB. Guar Chempedak menjelaskan tadi RM126 bilion, kalau tak silap yang telah dilaburkan, satu angka yang sangat membanggakan begitu tinggi. Jadi, soalan saya ialah adakah kita tahu berapa banyak cukai yang dibayar oleh pelabur-pelabur ini termasuklah yang makan gaji di KHTP ini yang dimanfaatkan oleh Kerajaan Persekutuan supaya kalau kita tahu angka itu bolehlah membantu untuk kita meyakinkan Kerajaan Persekutuan untuk melabur di Kedah. Nak beli tanah takkan tak boleh mohon, jadi dia nampak pulangan tu sebagai satu yang berbaloi untuk Kerajaan Pusat.

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

YB. Dato' Speaker, respon kepada persoalan Jitra. Pertama saya nak sebut kepada YB. Jitra, kita semualah cukup termakan budi dan cukup terima kasih kepada ayahanda YB. Jitra, orang yang bertanggungjawab menubuhkan Kulim Hi-Tech Park. Kalau tak kerana beliau tak jadi, beliau sendiri Pengerusi Jawatankuasa itu. Kalau negeri lain nak buat setakat menteri dia tak jadi. Mengenai 'income tax' semua sekala lah, 'everage' dia YB. Jitra 'RM1 billion a year' korporat dan individu yang kita berikan kepada Kerajaan Pusat. Jadi kalau setakat dua tiga juta patut mereka beri terus kepada kita, toksah duk fikir-fikir panjang, pasal banyak benda yang depa dapat daripada kita. Saya juga nak sebut tadi pasal YB. Pengkalan Kundor dia kata, GDP perkapita Perlis bagus daripada kita. Ish! Saya ada data ni, Kedah RM23,575, Perlis RM21,000. Tapi yang saya sebut ini ialah sebenarnya kita ni Kedah Perlis, Kelantan, Kedah ni Kerajaan Pusat kena bagi banyak peruntukan terutama pembangunan. Negeri-negeri lain seperti Sarawak duk bagi berbilion-bilion tu, dia dah masuk negeri maju, 'above national everage RM47,000, Sarawak ni RM65,971 perkapita 'income'. Tetapi oleh kerana negerinya besar, berselerak rata, pedalaman banyak yang perlu dibuat infrastuktur, dia dapat. Kita nak ke 'fight' habis-habisan untuk bawa peruntukan pembangunan Negeri Kedah. Kita ni negeri miskin, dah la bukanlah miskin, berada juga, orang lain pula ambil DGP kita. YB. Dato' Speaker tau sapadia? Pulau Pinang! Kita buat barang di Kedah Kulim Hi-Tech bilion-bilion kita hantar masuk pi kapal, Kastam duk situ dia masuk Penang punya 'figures'. Penang ni nampak banyak hal ni dengan kita ni.

YB. DATO' SPEAKER

YB. Guar Chempedak, sila buat penutup! Sat lagi dia kena macam YB. Tokai jugak.



YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Saya ni duduk sebelah YAB. Dato' Seri MB, dia pun tak kata apa pun, dia kata "tak pa, cakap lama mana pun asalkan itu benda baik untuk negeri".

YB. DATO' SPEAKER

Tolong buat penutup!

YB. DATO' WIRA DR. KU ABD. RAHMAN BIN KU ISMAIL

Ok. Ucapan penggulungan saya kali ini adalah terakhir bagi saya. Saya berkhidmat di Negeri Kedah sejak 2001 sebagai Pengarah Urusan Bina Darul Aman, selepas itu ke Taiwan sebagai di Head Omission di Factor Ambassador sehingga 2007. Selepas tu dengan izin Allah s.w.t saya amat bersyukur saya kembali di Kedah dan menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri pada 2008 tapi saya duk sbelah sana, majoriti duduk di sebelah sini dulu ni. Tapi tak apa, tak ada masalah kita kerja macam biasa kita berkawan macam biasa dan saya menjadi ADUN campur dengan Bina Darul Aman saya dah berkhidmat di Kedah ni dah 20 tahun. InsyaAllah jadi Ahli Parlimen Kubang Pasu saya akan terus memberi khidmat bakti saya yang terbaik untuk negeri yang saya cintai ini.

Di kesempatan yang amat berharga ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pertamanya YAB. Menteri Besar, Jeneri, bekas Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Bashah, Bekas Menteri Besar, YB. Jitra yang memberikan peluang kepada saya untuk menjadi Exco Kerajaan Negeri, 8 tahun sehingga hari ini dan saya amat berterima kasih dan mengenang budi semua yang memberikan peluang kepada saya untuk melaksanakan tugas.

Juga kepada semua pegawai-pegawai kerajaan negeri, state secretary yang ada sekarang dan bekas-bekas state secretary, SFO dan juga bekas SFO, PTG pun yang dulu dan sekarang, pegawai-pegawai daerah, Yang Dipertua Perbandaran dan daerah-daerah, semua ini tolong saya dalam pelaburan, Datuk Bandar Alor Setar, dan bekas-bekas Datuk Bandar dan semuanya yang telah secara langsung dan tidak langsung membantu saya melaksanakan tugas saya dengan baik. Ketua-ketua Jabatan Persekutuan, JKR, Pengarah JKR, Pengarah JAS, Pengarah Kesihatan, Pengarah Bomba, ICU. Pengarah Kesihatan ni penting semasa pandemik covid-19 banyak tolong saya, habis kilang kena tutup. Syarikat ni semua mai jumpa saya 'qeyau', bila nak buka depa tak habaq. Depa tutup, nak buka tak habaq. Minta tolonglah Pengarah Kesihatan, tolonglah PDRM, minta tolong semualah dan saya mendapat kerjasama dan pertolongan yang amat baik. Saya mohon maaf banyak-banyak kalau ada salah dan silap saya selama saya berkhidmat sebagai ADUN dan Exco Kerajaan Negeri.



Apa juga yang kita buat yang baik datang daripada Allah s.w.t yang tidak baik itu adalah tanggungjawab kita sendiri. Saya dengan ini menyokong titah ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih kepada YB. Guar Chempedak. Sekarang saya menjemput YAB. Jeneri.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. YB. Dato' Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli-ahli Exco, pegawai-pegawai tinggi kerajaan, ketua-ketua jabatan agensi negeri dan Persekutuan. Terima kasih kerana dijemput untuk turut terlibat dalam perbahasan dan giliran saya ini untuk buat penggulungan. Mungkin penggulungan ini pegunungan yang terakhir di Dewan bagi penggal ini, saya harap ada peluang lagi untuk berkhidmat di sini pada lepas PRN (Pilihan Raya Negeri) nanti lah. PRN nanti InsyaAllah akan diadakan sekitar bulan Julai atau Ogos. Jadi, pakat-pakat 'ready'lah siapa-siapa nak bertanding nak jadi ADUN lagi, siapa yang dah jadi Ahli Parlimen tu tak payahlah (sambil ketawa).

YB. Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, dalam urusan kerajaan sama dengan urusan perniagaan pun ada perkara yang menjadi rahsia kerajaan dirahsiakanlah, apa yang boleh diumumkan, diumumkanlah. Tidak bolehlah kita melayani semua permintaan orang ramai untuk mengetahui semua urusan. Kalau tidak tak guna ada Akta Rahsia, Akta Sulit Tak Sulit, semua kan, apa yang tak culik boleh disebutkan. Ada orang sebut saya membocorkan mesyuarat bersama Perdana Menteri. Saya pun tak tau apa yang dibocorkan, polis mai jumpa saya apa yang saya bocorkan tengok transkrip, dia kata, "tak dak apa pun". Tak dak apa macam mana kata saya bocor? Saya pun hairan. Lepas tu adalah orang mai sebut dalam Dewan ni saya membocorkan mesyuarat dengan Perdana Menteri. Apadia yang saya sebut, YB. Pengkalan Kundor kata saya bocorkan Mesyuarat dengan Perdana Menteri. Tak dak apa pun saya sebut, saya berceramah di Selangor saya kata, Perdana Menteri membentangkan sendiri yang sepatutnya dibentangkan oleh pegawai-pegawai. Biasanya SUB ataupun KKSU atau KSU yang akan membentangkan 'paper-paper' dalam mesyuarat PM dan Menteri-menteri Besar. Tapi hari itu oleh kerana KSU tak dak lagi, jadi PM bentang sendiri jadi saya cerita lah PM bentang sendiri. Takkan hat tu bocor? Itu bukan perkara sulit. Siapa yang bentang tidak di'classified', maklumat bukan 'classified'. Oleh kerana mereka tak dak modal, hat tu jadi modal jugaaakkk. Saya berasa sedihlah dengan depa ni.

Berkenaan dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan di sini dan di sana kebanyakannya telah digulung Ahli-ahli Yang Berhormat Exco-Exco. Saya diambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Exco yang telah berkhidmat dengan baik sepanjang kita jadi kerajaan ini, orang kata kita "tebuk atap" lah, masuk pintu belakang lah, macam-macam tapi ternyata mujur kita ambil alih kerajaan ni, kalau tidak, mampuih! YB. Suka Menanti, perangai dia apa yang baik semua diambil kat dia, semua dia buat, duk tengok dia habaq, migrasi dia selesai zaman dia, padahal 3 Mac 2021 baru selesai proses migrasi. 3 Mac 2021 dia duduk di sebelah sana.



Sepanjang dia duk sebelah sini jaga air, saya tanya dia tiga kali Sidang DUN berkenaan air, nak ambil alih dak AUI, dia tak berani jawab, sekali tak jawab soalan saya berkenaan bekalan air. Hari ni 'claim' kat dia semua, semua hat benda baik semua dia buat, semua benda buruk semua bagi kat orang. Semalam dia buat tiktok, oleh kerana banyaknya pelaburan masuk ke Kedah ini dia habaq, "terima kasih MIDA", kerajaan negeri dia tak iktiraf langsung. Bila hat elok longgok kat kita semua, bila hat buruk bagi kat orang lain, hat ni manusia... saya tak tahulah, nak sebut nama apa tapi mungkinlah karakter dia jenis.

Isu geran dan pinjaman LRA ini bermula sejak tahun 2010. Apabila dibuat Akta Wasia 2006, dibuat Enakmen Syarikat Pengganti ditubuhkan SADA pada 2010 maka bermulalah proses panjang ini sampai dah diselesaikan zaman kita. Tak bolehlah hat dulu pun ambil kat kita, hat kemudian pun ambil kat kita, dak! Saya ucap terima kasih kepada semua pemimpin-pemimpin yang berada dalam kerajaan ini yang telah bertungkus-lumus sejak 2010 untuk menyelesaikan isu bekalan air di Negeri Kedah. Saya tak ambil kat saya semua walaupun kebanyakannya berlaku di zaman saya, tapi saya tak kata saya seorang saja yang buat. Dak! Berlaku sejak 2010 termasuklah YB. Alor Mengkudu yang masa tu jadi 'board' juga dalam SADA, termasuk YB. Pengkalan Kundor pada masa itu ada dalam kerajaan. Semua tu terbabit dalam apa yang telah kita jalani sekarang ini. Jangan nafikan kerja orang, sebab itu kita tak boleh buat 'scrape off', YB. Anak Bukit pun banyak sampai teriak-teriak buat kerja. Saya ucapkan terima kasih, tak bolehlah ambil hak elok kita semua, kan? Bagus tak buat 'scrape off' dan kita tak lemparkan keburukan kepada orang untuk kita menjadi mulia.

Kita jadi mulia kerana kerja buat kita, bukan kerana orang buruk. Kalau ada usaha untuk memburukkan orang supaya kita menjadi mulia, itu tak 'genuine', akhirnya orang akan tau. Tarif air dinaikkan, dia buat soalan seolah-olah ada tarif air dinaikkan. Sekarang ni Kerajaan Persekutuan telah menetapkan satu mekanisme Penetapan Tarif Air Kebangsaan, hanya Kerajaan Pusat boleh menentukan satu mekanisme saja seluruh negara kalau berlaku kenaikan tarif air, sama dengan tarif TNB yang telah dinaikkan baru-baru ini dipilih sektor komersial untuk diletakkan beban lebih sikit kepada sektor domestik tapi saya telah bercakap mewakili operator-operator di seluruh negara apabila tarif TNB turut dikenakan kepada operator-operator air, SADA saja tanggung RM118 juta setahun untuk bil elektrik, tak dak diskaun langsung. Jadi bila dinaikkan lagi 20% kepada SADA, semua operator air seluruh negara ini akan 'bankrupt' kerana kena bayar tarif air yang mahal. Saya dah bercakap dengan menteri yang bertanggungjawab baru-baru ini dia kata, "dalam tempoh 6 bulan ni dia akan 'review' untuk mengecualikan syarikat-syarikat utiliti seperti SADA ini daripada kenaikan tarif".



Saya nak maklum juga di Dewan yang mulia ini apabila dia kata dia buat semua. Zaman YB. Suka Menanti jadi Exco Air, SADA telah mencatat kerugian RM36 juta 2019, akaun beraudit RM36 juta rugi! SADA ni dia kena 'generate' untung walaupun kita ada berlaku masalah air di sana sini. Tetapi SADA apa jadi sekali pun dia mesti catat untung pasal semua beban bekalan air, hutang bekalan air RM1.9 billion semua dilonggok ke atas SADA, dia yang kena bayar. Sekarang ini dah disusun 45 tahun dia kena bayar RM45 juta setahun. Kalau dia tak untung dia nak bayar dengan apa? Jadi, SADA kena untung. Tapi zaman YB. Suka Menanti jaga dia rugi RM36 juta. Bukan itu saja, akaun tetap kita ada simpanan tetap di bank, dicairkan daripada RM100 juta kita simpan dicairkan RM35 juta tinggal RM65 juta.

Sekarang kita kumpulkan balik simpanan tetap di bank naik balik RM80 juta, ini zaman kita. Kalau saya habaq semua jenuh lari. Pengambilalihan dua konsesi AUI di Pelubang dan juga di Langkawi, Taliwork, ini akan mati pada 2020. Itu yang saya ulang soalan tu dia tak berani menjawab tapi bila kita ambil alih kerajaan, kita buat keputusan yang tuntas kita akan ambil alih memang ada keuntungan daripada pengambilalihan AUI kita untung RM1.5 juta daripada pengambilalihan Taliwork kita untung RM250 ribu. Bukan kita ambil alih loji sahaja tetapi kita ambil sekali dengan kakitangan depa, semua tu boleh kerja balik di loji itu dan kita catat untung. Dengan keuntungan itulah kita mula catat balik tahun 2020 untung RM100 ribu lebih, RM149 ribu, tahun 2021 SADA mula catat untung semula melalui penjimatan sebanyak RM29 juta, tahun 2022 ni akan dibentangkan tidak lama lagi dalam Lembaga Pengarah dekat-dekat RM40 juta untung SADA. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, daripada angka-angka fakta-fakta ini kita dapat lihat dan kita dapat tunjukkan bahawa siapa yang lebih pentadbiran kalau nak ikut daripada fakta-fakta yang saya sebutkan tadi. Nak baca usul dulu ka macam mana?

Yang Berhormat Dato' Speaker saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 12(1)(a) dan dibaca dengan 'provisor' di bawah Peraturan 12 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya Sidang pada tengahari ini diteruskan sehingga selesai aturcara Dewan.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDIN

YB. Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan tersebut.

YB. DATO' SPEAKER

Usul diterima.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Tu agak-agak sampai pukul berapa?

YB. DATO' SPEAKER

Kita cubalah habis sebelum pukul 2.00!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Insyallah, saya akan pendekkan. Saya rasa hari ini orang nak dengar pasal KXp saja, pasal KXP agak panas, orang lain tak boleh jawab saya saja boleh jawab. Hubungan dengan Pulau Pinang pun saya ada kronologi yang panjang, satu fail saya kena baca. Boleh baca lah tapi saya rasa itu akan dijawab pada forum yang lain. Sungai Tiang tadi disebut sakit oleh YB. Tokai pasal dia pertikai kita bagi geran di Paya Serdang. Paya Serdang ni ada pemohon 500 orang lebih, semua kaum ada di situ, Melayu ada, Siam ada dan dikatakan tanah itu akan terlibat dengan Projek Jeniang Transfer. Kita pun tak tau laluan Jeniang Transfer ni sebab dia nak buat 'tunnel'. Jeniang Transfer ni. Fasa 1 dia buat belat di Kuala Ruman dalam DUN Jeneri, Fasa 2 buat 'tunnel'. 'tunnel'. ini akan memindahkan air Sungai Muda ke Pendang untuk masuk ke kawasan MADA. Bukan nak buat empangan pun Jeniang Transfer Fasa 2, 'tunnel'. inilah yang akan jadi 'stor' air. Jadi kalau kita nak tunggu Jeniang Transfer ni sampai dia jadi selesai, 500 orang yang usahakan tanah tu nak pi mana? Lebih baik kita bagi depa geran, depa tu rakyat kita.

Saya kata, keutamaan kita ialah rakyat, kalau siapa nak buat projek di Kedah ni lah, nak tanam padi, nak banyakkan hasil padi, orang Kedah bukan makan banyak tu, padi kita ni untuk negara. Kalau kepentingan negara, kepentingan rakyat Kedah perlu diutamakan, bagi depa geran dulu. Kalau berlaku pengambilan, depa dapat pampasan. Kalaupun depa tak ada geran, berlaku pengambilan di tapak tu, dia nak pi kerja tang mana, dia nak pi duk di mana, nak pi buat bendang tang mana? Saya duk fikir 500 orang ni kita nak pi letak di mana? Oleh kerana kita nak bagi laluan kepada Jeniang Transfer Fasa 2, projek besar, saya tak taulah projek tu siapa dapat, saya tak tau. Fasa 1 saya tak tau, Fasa 2 saya tak tau. Tapi bila nak lalu situ ada kepentingan orang duk buat bendang di situ bagi depa geran nanti depa boleh dapat pampasan, dengan pampasan itu depa pi cari tanah lain, boleh beli buat bendang balik. Kalau tak dapat pampasan? Saya rasa dasar ini dasar yang tak betul, kena utamakan rakyat dulu barulah beri laluan kepada projek. Projek pun boleh berjalan, orang sini pun selamat harta benda dia yang diusahakan berpuluh-puluh tahun lamanya. Ada 40 tahun kan YB. Merbau Pulas? 40 tahun lebih usaha, takkanlah kita tak bagi geran dekat dia kerana nak bagi laluan projek tu jadi murah. Projek murah pun penting tapi kehidupan rakyat lebih penting daripada itu.



KXP, mari aku ceritakan satu persatu. Saya duk ulang ayat tu kan na? Saya ucapkan terima kasih kepada semua para pemimpin, para pegawai kerajaan yang telah mengusahakan KXP ini pada 2013. Bukan zaman saya saja, daripada 2013, saya dah sebutkan sedikit tadi dalam jawapan soalan di sebelah pagi, sejak 2015 ada 5 kajian kebolehlaksanaan, ada 3 komponen Airport City Business Park, Sidam Logistics Alor Setar and Manufacturing akan dibangunkan oleh NCIA. Keutamaan kita ialah Terminal Kargo sekarang ini diubah konsep ini selepas kita dapat komen yang terlalu menyakitkan daripada Pulau Pinang. Semua yang kita nak buat dalam Kedah ni semua dia komen, hat ni tak boleh, hat tu tak boleh, Ulu Muda tak boleh, sungai tak boleh, dia kata hak ni pun tepi sungai esok air... Dia kacau semua. Negeri Kedah ni negeri berdaulat, ada kerajaan, ada sultan, ada rakyat, ada undang-undang. Hang kacau apa? Saya tak sebut pun pasal Pulau Pinang, tapi bila komen dia terlalu banyak tentang usaha-usaha kita untuk membangunkan negeri kita, saya pun sebut perkara yang sama lah, "hang tu negeri pajakan". Saya bukan mempertikaikan Perlembagaan Persekutuan, 167(7) ada orang cakap dalam Dewan ni bagi pihak Pulau Pinang, saya tahu siapa. Dia jadi ADUN di Kedah tapi bercakap bagi pihak Pulau Pinang. Terima kasihlah, bagi orang kenai saja.

1 hingga 29 September 2013, satu makmal Transformasi Kedah bagi sektor Kerja Raya diadakan di mana platform ini mendapati bahawa terdapat keperluan untuk membina sebuah Lapangan Terbang Antarabangsa di utara tanah air. 2013, masa tu saya pun muda lagi, tak kahwin lagi... yang kedua lah. Disember, surat daripada YAB. Menteri Besar kepada YAB. Perdana Menteri untuk cadangan pembinaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dan 2 projek lain dibentang dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi. Haaa... 2013 lagi ada dah, dah tak baca fail! Kata tak mohon. 2 September 2014 pembentangan cadangan pembinaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. 8 September 2014, pembentangan cadangan pembinaan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dalam Mesyuarat Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia. 11 Mei 2015, Mesyuarat 'Kickoff' mengenai kajian pembangunan bagi cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa baru di utara Malaysia diadakan di EPU, Jabatan Perdana Menteri. KPMG telah dilantik oleh JPM untuk melaksanakan kajian. 29 Mei 2015 Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bilangan 1/2015 mengenai kajian pembangunan bagi cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa baru di Utara Malaysia diadakan di EPU, Jabatan Perdana Menteri, KPMG telah membentangkan 'inception report'. 4 Jun 2015, Bengkel 'Introductory Briefing and Group Interviews' bagi Kajian Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia. 16 Jun 2015, pembentangan draf laporan akhir kajian komponen pelengkap kepada projek KXP kepada UPEN Kedah oleh KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd., KLIA Consultancy Services ini adalah perunding yang dilantik oleh kerajaan negeri.



Jun 2015, sesi pembentangan KXP kepada perunding KPMG dan sesi perkongsian maklumat oleh agensi di Kedah dan seterusnya lawatan ke tapak cadangan projek. Oktober 2015, Bengkel Strategik bersama pihak berkepentingan bagi kajian pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa baru di utara Semenanjung Malaysia diadakan di Hotel Marriott Putrajaya. Tujuan bengkel untuk menilai pilihan-pilihan atau 'option' di dalam kajian yang telah dikemukakan oleh KPMG. Bengkel tersebut merumuskan seperti berikut; lapangan terbang di Langkawi, Alor Setar dan Ipoh akan menjadi 'standalone airport' dengan perkembangan dan kemajuan yang tersendiri. Yang kedua, 'option' yang akan dikaji secara terperinci adalah 'option' 5, KXP akan menjadi hab bagi wilayah utara dan Penang akan dinaik taraf sehingga 10 juta penumpang setahun. Ni dah ada keputusan, 'option' 8 Penang Airport akan terus menjadi hab bagi wilayah utara dan KXP akan menjadi pelengkap kepada Penang Airport. Tahun 2015 dah sebut dah.

November 2015, Draf Laporan Akhir dibentang oleh pihak KPMG kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bilangan 3 mengenai kajian pembangunan bagi Cadangan Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia diadakan di EPU, Jabatan Perdana Menteri, Jawatankuasa bersetuju menerima draf laporan akhir berkenaan. Disember 2015, laporan akhir kajian pembangunan bagi Cadangan Pembangunan Lapangan Terbang Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia telah dibentang oleh KPMG kepada Majlis Ekonomi yang dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri Malaysia. 1 Mac 2016, kunjungan hormat Datuk Haji Tajul Urus Mat Zain, Exco Pengangkutan ke atas Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, Datuk Abdul Aziz Kaprawi. Dalam pertemuan tersebut, dimaklumkan beberapa mesyuarat susulan mengenai cadangan KXP telah diadakan melibatkan agensi berkaitan, EPU, MOT, MAHB dan NCIA selepas kajian dibentang kepada 'economic consul'.

10 Mac 2016, pembentangan kajian projek KXP KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd., perunding yang dilantik oleh kerajaan negeri kepada Datuk Seri Abdul Wahid Omar, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Datuk Seri Abdul Wahid Omar meminta pihak EPU, MOT dan lain-lain agensi berkaitan mengambil kira kajian yang dilaksanakan oleh Kerajaan Kedah dalam mesyuarat susulan di peringkat EU. Datuk Seri Abdul Wahid Omar turut memaklumkan bahawa cadangan pemindahan Pengkalan Tentera Udara Butterworth dan cadangan Projek KXP adalah dua cadangan yang berbeza dan tumpuan buat masa ni adalah cadangan projek KXP. Julai 2016, lawatan kunjungan rasmi ke atas YAB. Menteri Besar Kedah oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Othman Aziz, Menteri Besar mengutarakan hasrat kerajaan negeri agar KXP diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan YB. Timbalan Menteri Kewangan akan bawa perkara tersebut kepada YB. Menteri Kewangan dan Perdana Menteri.



Oktober 2016, surat daripada Menteri Besar Kedah kepada Perdana Menteri Malaysia memohon supaya cadangan projek Lapangan Terbang Antarabangsa KXP dan 5 projek lain dimasukkan di dalam Bajet 2017. Oktober 2016, tarikhnya 24 haribulan surat daripada Ketua Pengarah EPU, nombor fail, 'gedebuk gedebak', 'gedebuk gedebak'... (panjang) kepada YB. kepada SUK Kedah menyatakan projek KXP masih lagi di peringkat semakan kesesuaian berasaskan kajian yang dikemukakan oleh perunding dan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Januari 2017, surat Menteri Besar Kedah kepada Perdana Menteri Malaysia memohon supaya cadangan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dan 4 projek lain dipertimbangkan dan diluluskan oleh Persekutuan. 15 Jun 2017, sesi perbincangan antara NCIA, wakil kerajaan negeri, PBEN, KTPC dan pihak perunding KLIA Consultancy dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan bertemu di EPU, Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan KXP. Mesyuarat cadangan pembangunan KXP bersama Dato' Alaudin Bin Haji Anwar, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri di Bilik Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Sektor, EPU, Putrajaya dihadiri oleh NCIA, BPEN Kedah, MOT dan DCA, ni pada Julai 2017.

2017 lagi pada 5 Oktober taklimat teknikal cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Baru di Utara Malaysia kepada Ketua Pengarah DCA di bilik Mesyuarat KP DCA, Jabatan Penerbangan Malaysia, Putrajaya. November 2017, taklimat tertutup Kedah kepada Perdana Menteri Malaysia sempena lawatan kerja Perdana Menteri ke Kedah di Bilik Gerakan Negeri, Aras 6, Blok E, Wisma Darul Aman di mana kerajaan negeri meminta Perdana Menteri memberi keutamaan dan 5 projek lain termasuk KXP. Januari 2019, surat kepada Ketua Setiausaha Sulit Kepada YAB. Perdana Menteri kepada Menteri Besar Kedah mengenai cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa di Sidam. Menerusi surat tersebut, dinyatakan surat jawapan daripada Menteri Kewangan Malaysia bertarikh 19 Disember 2018 kepada YAB. Perdana Menteri bahawa tiada halangan dan menyokong cadangan pembangunan KXP yang akan dibiayai secara pembiayaan swasta. 19 March 2019, Menteri Hal Ehwal Ekonomi telah mengumumkan bahawa Kerajaan Persekutuan meluluskan 7 projek dan program impak tinggi di Kedah bernilai RM3.6 billion termasuk KXP. November 2019, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) mesyuarat kali ke-22 bersetuju agar Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan pengambilan balik tanah bagi pembangunan Aerotropolis dengan 'back to back agreement' di antara kerajaan negeri dan pelabur swasta.



Januari 2020, permohonan pengambilan balik tanah bagi projek KXP ini dan lain-lain pembangunan yang berkaitan di Mukim Sidam Kiri, Mukim Sungai Petani dan Bandar Sungai Petani, Daerah Kuala Muda, Negeri Kedah Darul Aman telah diwartakan di bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Balik Tanah 1960. Februari 2020, surat kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan (MOF) telah dikemukakan bagi memohon peruntukan pengambilan balik tanah berbentuk pinjaman RM2.5 billion bagi tanah 9,800 ekar bagi maksud Pembangunan Kedah Aerotropolis, tapi ini dijawab tidak dapat dipertimbangkan. April 2020, surat kepada Ketua Pengarah, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri mengenai status pelaksanaan Cadangan Pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim, Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman. 4 Jun, ni masuk zaman sayalah, surat kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kementerian Kewangan mengenai permohonan peruntukan RM2.5 billion bagi pengambilan tanah 9,841 ekar untuk maksud pengambilan balik tanah Daerah Kuala Muda, kita hantar pi.

6 Julai, surat kepada Kementerian Kewangan Malaysia memaklumkan permohonan peruntukan RM2.5 billion bagi maksud pengambilan tanah itu tidak dapat dipertimbangkan. Januari hingga Julai 2020, permohonan dan kelulusan telah diperolehi dalam Jawatankuasa Perancang Ekonomi Negeri SPC yang diurus selikan oleh Pelan Malaysia. Jawatankuasa Kawal Selia MPFN dan Jawatankuasa Kerja MPFN. 13 Ogos, Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara MPFM Ke 35 Bilangan 2/2020, Projek KXP tidak dibentangkan kerana MOT belum bersedia. 21 Ogos, sesi libat urus kerajaan negeri dengan Kementerian Pengangkutan yang masing-masing diketuai oleh YAB. Datuk Seri... Aih! Saya lah... yang diketuai oleh saya dan Datuk Dr. Wee Ka Siong bagi mendapatkan kelulusan pembangunan projek, libat urus di MOT kita pi, ramai...

27 Oktober 2020, Masyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara MPFN Ke-36 Bilangan 3/2020 dipengerusikan oleh YAB. Perdana Menteri memperolehi kelulusan dasar dengan 8 nasihat untuk dipatuhi bagi tujuan kelulusan akhir. 10 November 2020, surat keputusan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara MPFN yKe-36 tadi memaklumkan ulasan dan 8 nasihat yang perlu dipatuhi, surat menyatakan YB. Menteri MOT memaklumkan bahawa pihaknya MOT tidak pernah menghalang cadangan pembangunan ini dan tidak mahu dilihat sebagai menghalang pembangunan tersebut. MOT memberi jaminan bahawa kedua-dua cadangan lapangan terbang baharu iaitu di Negeri Pahang dan di Kedah akan diberi keutamaan di dalam kajian NASP (National Airport Strategic Plan) tersebut. 19 Januari 2021, dekat nak habis dah, surat Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan (MOT) kepada Setiausaha Kerajaan Negeri memaklumkan di item nombor 9, kementerian ini dimaklumkan bahawa pembangunan KXP akan dibiayai melalui inisiatif pembiayaan swasta dan tidak melibatkan sebarang peruntukan Kerajaan



Pusat dalam hubungan ini setelah dipertimbangkan dan diberikan kelulusan sepenuhnya oleh Kerajaan Pusat pihak kerajaan negeri perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pembinaan projek termasuk menanggung semua kos pembangunan tersebut.

7 hingga 8 April, bengkel untuk Sesi Pembentangan Draf Laporan Akhir Pelan Induk Utama Bengkel diadakan di Star City Alor Setar dihadiri oleh agensi-agensi kerajaan seperti MOT, CAAM, RMAF, NCIA dan lain-lain. 6 Julai 2021, ulasan Kementerian Pengangkutan berhubung pembangunan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dan Kedah Aerotropolis semasa pembentangan oleh ADPI pada 7 dan 8 April. 9 Julai, surat KXP Airport City kepada MOT bahagian utara mengemukakan laporan draf cadangan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim dan Kedah Aerotropolis untuk penilaian pandangan dan ulasan MOT.

30 September 2021, surat KXP Airport City kepada MOT bagian utara, ulasan untuk Draf Laporan Akhir Pelan Induk Utama oleh Perunding ADPI. 13 Oktober 2021, surat MOT kepada KXP Airport City ulasan untuk draf laporan akhir Pelan Induk utama oleh perunding ADPI. 21 November 2021, surat Menteri Besar Kedah kepada Perdana Menteri memohon supaya cadangan pembangunan Kedah Aerotropolis dipertimbang dan diluluskan oleh Persekutuan. 16 Disember 2021 libat urus bersama Unit Kerjasama Awam/Swasta Jabatan Perdana Menteri. 22 Disember libat urus bersama EPU Jabatan Perdana Menteri. 2 Januari 2022, surat daripada Menteri Besar Kedah kepada Perdana Menteri Malaysia mohon supaya cadangan pembangunan Kedah Aerotropolis dipertimbangkan dan diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan. Ni pasal Perdana Menteri bertukar, hantar sekali lagi. Tu saya kata saya hantar 2 dah surat kepada Perdana Menteri, takkan kedua-dua bawa balik ke rumah kedua-dua fail tu, mesti ada di Pejabat Perdana Menteri.... Dah tak baca! Bila tak baca, dia merawit rata lah.

29 hingga 30 Mac 2022, bengkel mendapatkan ulasan terhadap Draf Laporan Pelan Induk Utama Kedah Aerotropolis. Bengkel diadakan di Hotel Raia Alor Setar dihadiri oleh agensi seperti MOT, CAAM, RMAF, NCIA dan lain-lain. Nampak dak YB. Dato' Speaker? Agensi-agensi ni duk berjalan dari 2013, tapi bila menteri jadi menteri, tak tanya pegawai, tak tanya agensi, lepas tu buat ulasan ikut suka, nampak macam pegawai-pegawai tak buat kerja apa. Saya ada pegawai-pegawai kerajaan negeri ini, ada BPEN, ada SUK, ada KXP Airport City, ada PKNK, ada Lembaga Pengarah, buat macam-macam hari-hari, merah biji mata depa buat. Tapi jawapan menteri di Parlimen macam kita tak buat apa. Mana boleh bialq! Mesti dipertahankan kakitangan saya. Apa yang telah kita buat mesti kita tunjukkan. Jangan buat lebih kurang dekat kita... Mentang-mentang kita kerajaan negeri, orang miskin, depa buat lebih kurang, lepas tu depa kata kena "harmoni".



Nak harmoni apa hampa duk peluku kepala aku. Harmoni mesti mai daripada kedua-dua belah pihak. Mana boleh dia suruh kita tunduk kepada benda-benda yang tak betul! Saya takkan tunduk dekat sapa pun kalau dia tak betul! Hampa mai! Mai! Sapa pun, kalau hampa tak betul sorry! Saya tak akan tunduk, saya akan bercakap benda betul sampai hampa terima. Kalau nak lawan, kita lawan sampai saya menang! Takkan aku lawan nak bagi aku kalah! Lawan mesti sampai menang.

YB. DATO' SPEAKER

Lawan untuk kebaikan...

YB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Dak! Memang untuk kebenaran ditegakkan, jangan ditindas-tindas kita kerana kita halus, jangan! Tebuan pun 'ketit' ooo... kalau tecepat! Katak kobok kalau tercepat dalam kasut pun dia kembong, inikan orang. Betuk katak kobok, hang pi try pijak dia duk dalam kasut, kemboong... Katak kobok, inikan orang. KPH Synergy, perunding kepada MOT Transmittal pada 7 April menghantar Laporan Pembangunan Kedah Aerotropolis 'hardcopy'. Pembentangan Projek Pembangunan Kedah Aerotropolis kepada KXP Airport City oleh KXP dan konsultan kepada MOT Bahagian Utara. Mesyuarat diadakan di MOT Putrajaya dan dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian Udara MOT. Ni duk berjalan... Agensi, pegawai duk bertemu. Sesi-sesi yang melibatkan undang-undang berjalan, boleh menteri kata, "tak dak permohonan". Sapa tak sakit? Pedih kita! Takkan oleh kerana dia duk dalam parti kita, dia jadi pimpinan kita, dia cakap tak betul, kita kata betul. Tak boleeehhh!! Hat orang pedih ni lagi lah tak boleh, dia jawab balik la. Haa... aku jawab balik hang tunggulah! Hang nak lari mana? Hang jawab aku denga, aku jawab hang denga.

Kemudian 2 September 2022, pembentangan Projek Pembangunan Kedah Aerotropolis oleh KXP kepada perunding yang dilantik oleh MOT untuk National Airport Strategic Plan. Punya baiknya kita ni, kita lantik konsultan buat kajian untuk kita, EITA, macam-macam, konsultan peringkat antarabangsa punya kajian kita suruh depa buat, itu jadi 'intelektual right' kita, hak kita. Tapi oleh kerana kita nak tolong MOT, kita kata, "kami dah ada kajian, kami ada data, kami ada dapatan yang telah dihasilkan oleh konsultan yang kami dapat, kami nak kongsi dengan MOT supaya MOT tak payah buat banyak sangat kerja, NASP nanti boleh pakai data kami". Baiknya kita. Dia kata kita tak mohon, siapa tak marah! Parti apa tak tau...



18 Januari, awal tahun ni, surat KXP Airport City kepada MOT Bahagian Utara mengemukakan Laporan Pelan Induk Utama Kedah Aerotropolis bagi mendapatkan ulasan persetujuan dan sokongan MOT. MPT Bahagian Utara menerima laporan 'hardcopy' pada 31 Januari 2023. 25 Januari, lepas pilihan raya dah, tukar kerajaan, tukar Perdana Menteri dah pun, surat kepada Menteri Besar Kedah kepada Perdana Menteri Malaysia memohon untuk mengadakan sesi taklimat berkenaan Projek Kedah Aerotropolis. Saya hantar 25 Januari, dia jawab dia baru terima surat saya dua tiga hari yang lepas. Oooiii... tiga bulan hantar pergi Kuala Lumpur, takkan kut... Pasal apa lama sangat baru baca surat saya, apa salah saya? Kan Pos Laju la ni, "hantar hari semalam sudah sampai...." (sambil ketawa). Pasal apa Perdana Menteri baru baca? Melalui siri-siri kronologi ini, permohonan serta Laporan Pembangunan Kedah Aerotropolis termasuk KXP telah pun dikemukakan kepada Kerajaan Persekutuan. Selain itu, telah banyak sesi libat urus telah dijalankan bersama agensi Kerajaan Persekutuan seperti MOT, CAAM, RMAF, NCIA dan lain-lain termasuk sesi libat urus dengan perunding yang dilantik oleh MOT untuk melaksanakan NASP. Aerodrome Operator Licence (LOL) hat ni teknikal sikitlah, mengikut SOP, Aerodrome Operator Licence (LOL) mesti dipohon oleh Airport Operator. La ni airport tak siap lagi, operator pun tak dak, depa duk persoal kita tak mohon aerodrome. Aerodrome Licence ni kena dimohon oleh operator. Kita tak duduk lagi dia suruh bersila dah. Nak bersila lagu mana kita duk berdiri. Faham dak YB. Dato' Speaker?

YB. DATO' SPEAKER

Faham!

YB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Haaa...Kena duduk dulu baru boleh kita bersila. Nak habaq lagutu lah, hampa tafsirlah sendiri. Airport Operator akan ditentukan oleh kerajaan negeri melalui SPV yang akan ditubuhkan bersama dengan pelabur. Negeri berhasrat menawarkan 'first right of refusal' kepada Malaysia Airport Holding Berhad (MAHB) sebagai operator. Hasrat kita, baiknya kita. Kerajaan negeri akan memohon melalui airport operator yang akan dilantik kelak, Aerodrome Operator Licence (LOL) tadi secara formal hanya boleh dikemukakan setelah mendapat kelulusan awal pihak Kerajaan Persekutuan, baru boleh mohon lesen tu. Depa duk persoal kita tak mohon lesen tu. Nak mohon lagu mana hang tak lulus-lulus! Lulus lah dulu. Kabinet, kertas cadangan permohonan Kedah Aerotropolis telah diserahkan kepada Perdana Menteri Ke-9 oleh kerajaan negeri melalui Menteri Besar Kedah.



Saya, saya bawa pi, saya bawa pi pada 23 November 2021. Perdana Menteri menyokong penuh kerana ia dilaksanakan melalui PFI dan konsep pembangunan berteraskan kargo dan MRO. Perdana Menteri meminta kertas kerja ini diangkat melalui Menteri EPU untuk tujuan kelulusan di Kabinet, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Kerajaan negeri menyalurkan maklumat bagi tujuan penyediaan kertas kabinet kepada agensi-agensi Persekutuan khususnya di UKAS untuk penelitian Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) sebelum kerajaan negeri mengemukakan permohonan rasmi bagi tujuan memperoleh kelulusan penuh MPFN atau kabinet, kerajaan negeri telah menghantar surat rasmi kepada Perdana Menteri yang Ke-10 (PMX) sebanyak dua kali bagi tujuan pembentangan dan kelulusan. Dua kali bos, hantar surat, hari nak gulung tulah baru dia baca surat saya, hari nak gulung tulah barulah operator master developer baru telefon. Memerintah apa ni...? Dak! Saya hairan, lagu tu punya pemerintahan ada orang duk 'defense' dia, ada orang 'defense' atas alasan ni perpaduan la, Madani la apa semua. Ni kalau buat kerja tak betul tu bukan Madani, tu permaidani. Tak boleeehhh... Tuan-tuan sekalian, kalau salah dia boleh minta maaf. Tak dak minta maaf apa pun. Kita buat macam-macam dah seolah-olah Perdana Menteri menganggap Kedah ni 'ceroi', tak tau buat kerja. Dia kata swasta yang cadangkan tu SEK, dia kata SEK dah tarik diri SEK batalkan projek itu. Mana betul... Projek ni kerajaan negeri punya, SEK tu kita lantik pasal semasa RFP dia kemukakan keupayaan dia, kita terima dengan syarat sebelum tamat Akta Pengambilan Balik Tanah Seksyen 4 pada Januari hang mesti depositkan anggaran kos pengambilan balik tanah, kalau hang tak boleh, aku 'terminate' hang.

Saya cakap macam tu. Depa kata kasar! Kasar apa? Sampai hasrat saya dengan tegas. Sampai tempoh dia gagal depositkan 125%. 125% ini bukan permintaan saya. ia permintaan undang-undang, Akta Pengambilan Balik Tanah. Anggaran kos katalah RM100 juta, dia kena deposit RM125 juta, 125% kehendak Akta Pengambilan Balik Tanah, bukan saya reka. Saya kata, RM2.3 billion, depa kata pakai hentam, bukan boleh hentam lagutu, JPPH pi buat kerja. Seksyen 4 ini dia gazet area kawasan ini kita nak buat pengambilan untuk projek sekian-sekian, bawah Seksyen 3(1) a, b, c. Hat mana satu a, b ka c ka? Yang tu kita pilih a - untuk kepentingan awam. Bila Seksyen 4 gazet, kena keluar satu anggaran kos sebelum masuk ke Seksyen 8 Akta Pengambilan, dia kena deposit 125% ini. Kalau dia fail kita terminated dia! Dan dia fail, kita terminated bukan dia tarik diri. Kerajaan negeri terminated dia, dia bukan tarik diri. Dia cakap syarikat itu tarik diri kerana dia nak beri persepsi buruk kepada kita. Bukan saya tak tau tujuan dia. Tujuan dia saya tau untuk memberi persepsi buruk, syarikat itu pun tak mau kat hang, hang yang terhegeh-hegeh. Bukan! Kita tak pernah terhegeh-hegeh dalam urusan kerajaan, hang tak boleh, hang keluar! Kita cari orang lain, kita buka RFP baru, RFP baru berpuluh syarikat submit permohonan, nak terlibat dengan projek ini, orang confident dengan kerja ini, daripada pross 20 lebih itu kita panggil interview.



Yang mengarut kita tolak, senarai pendeklah 5 termasuklah Kumpulan Al-Bukhary, senarai pendek lagi 5, tinggal 2. Satu lagi saya tetap takkan sebut pasal PNC oleh kerana Perdana Menteri sebut di Parlimen, saya ulang sebut Kumpulan Al-Bukhary, tak PNC dah la pasal dia umum cuma secara formal surat tawaran kita kepada Kumpulan Al-Bukhary dia belum jawab, macam mana dia boleh umum. Kumpulan tu tak jawab lagi, tempoh dia ada lagi! Kita bagi macam-macam syarat kelulusan tawaran bersyarat, nak bangunkan secara separate antara terminal dengan kawasan industri ataupun nak SPB ditubuhkan dan bangunkan bersama dengan satu lagi syarikat. Masa interview dia setuju semua! Dia setuju semua kalau dia tak setuju saya tak bagi surat tawaran tu! surat tawaran bersyarat itu dikeluarkan kepada syarikat setelah dia bersetuju untuk terbahit dalam projek tu dia yang mai hantar RFP, dia yang mai interview tiba-tiba orang lain pi umum! Saya hairan ni! Fikir tak temuih ni! Orang Jeneri kata fikir tak temuih lagumana kawan ni boleh umum, orang lain punya kerja, orang lain pi umum? Memerintah lagumana ni? Pi duk cross lagu tu? Mana boleh dia pi terus kat syarikat tu, syarikat tu habaq kat kita, bukan habaq kat dia! Yang kita nak daripada kerajaan persekutuan ialah kelulusan-kelulusan daripada agensi-agensi persekutuan terutamanya MOT kerana bidang pengangkutan ini di dalam bidang tugas Menteri MOT, itu yang kita nak! Bukan kita suruh dia interfere dalam semua proses ini. Kalau nak interfere semua dalam proses orang lain, esok kita interfere proses dia pula! Berselerak habis kerajaan ini! Tak boleh macam tu, hang duduk di petak hang, aku duduk petak aku, baru boleh kerja dengan selamat dan harmoni. Ini harmoni dia suruh kita pi tunduk saja dekat kawan tu. Mana boleh macam tu, dunia tidak boleh dibentuk untuk kita jadi penunduk.

Kita mesti berdiri untuk perjuangkan hak kita. Harmoni! Harmoni! Hampa ingat kerajaan persekutuan kena bagi duit kepada kerajaan negeri kerana harmoni, dak! Ada undang-undang, kerajaan persekutuan bagi bayaran wajib kepada negeri berasaskan undang-undang harmoni ka tak harmoni ka dia ada undang-undang mengikat Persekutuan mengikat negeri. Depa kata kalau sebulu, jadi PRN ini undilah Pakatan Harapan pasal kami tubuh kerajaan persekutuan, esok kerajaan negeri Pakatan Harapan + BN juga baru dapat peruntukan persekutuan. Tak betul ayat politik tu sesat dan menyesatkan! Kerajaan persekutuan dia ada tanggungjawab untuk memberi peruntukan berdasarkan undang-undang, pemberian wajib kepada negeri, cari tak jumpa dah! Tau dah! Esok hampa kata bantuan kerajaan persekutuan kena undi PH, Undi PH+BN (UMDAP)! Baru dapat peruntukan persekutuan. Tak betul! Undilah parti apa pun rakyat Kedah sekalian. Kerajaan Negeri yang ditubuhkan kemudian daripada undi-undi tuan-tuan, seluruh rakyat negeri ini akan dapat bayaran Persatuan berdasarkan undang-undang! Tuan-tuan jangan takut! Undilah sapa pun yang penting undi kita lah! (YB. Jitra mencelah)



YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Boleh Dato' Speaker? Ini berkenaan dengan KXP. Bab politik tu saya tak sentuh lah! Pertamanya saya ucap terima kasih banyak-banyak kepada YAB. Jeneri kerana dengan panjang lebar menceritakan kronologi dari Oada tahun 2013 lagi tu. Maksudnya libat urus antara kerajaan negeri, agensi-agensinya dengan Kerajaan Persekutuan dan juga agensi sangat banyak. Maka dengan itu tak benarlah dakwaan daripada seorang YB. belah sana yang mai belah sini ini, katanya kami tak buat kerja daripada tahun 2013 itu. Saya juga berterima kasih kepada YAB. Jeneri kerana dengan jelas menerangkan kepada kita bahawa proses untuk memilih pelabur, proses untuk memilih consultant, ini adalah satu perkara yang sangat penting untuk dilakukan secara yang telus dan sistematik kerana ini bukannya projek biasa-biasa, ini projek untuk membuat lapangan terbang.

Jadi, pada tahun 2019, KXP Airport City ini telah buka satu tender. Tender ini bertujuan untuk memilih consultant untuk Pelan Induk Aerotropolis Antarabangsa. Dalam masa 4 bulan lebih 28 syarikat telah mohon, daripada 28 itu, 6 syarikat telah disenarai pendek dan akhirnya syarikat daripada Perancis yang diberi nama Aeroport de Paris Ingenierie (ADPI) telah dipilih dan Majlis Menandatangani Pelantikan itu telah berlangsung pada 9 Februari 2020. Siapa ADPI ini? Saya nak cerita sikit saja! ADPI ini adalah sebuah syarikat yang sangat berpengalaman dalam membangunkan 750 lapangan terbang di seluruh dunia dan merupakan pakar yang terulung dalam bidang rekabentuk, pembinaan dan kejuruteraan airport. Group ADP ini pula merupakan pemilik dan pengurus airport tersohor di dunia seperti Charles de Gaulle dan Orly di Perancis. Kebanyakan lapangan terbang di India, di Turkiye dan di Jordan malah lapangan terbang Madinah pun dia yang bangunkan dan dia yang menguruskan. Malangnya consultancy itu telah dibatalkan! Dibatalkan walhal syarikat ini adalah syarikat yang paling layak untuk menjadi consultant kita dan walaupun ADPI itu menang tender, ada proses yang sangat telus dan bukannya rundingan terus. Dia menang tender. Ada proses yang sangat telus tapi ianya dibatalkan. Dan akhirnya ECK telah dipilih untuk mengganti. Jadi, saya ingin faham lebih dalam lagi apa sebab pembatalan ADPI itu? Selain daripada consultant, kalau kita tengok laman web dia, dia juga merupakan pelabur! Ada beberapa lapangan terbang di dunia ini yang mana dia bukan setakat mengurus tapi dia jadi pemilik. Saya tahu dia sangat berminat dengan KXP. Dia sangat teruja dengan cadangan kita itu dan dia nak terlibat sama. Jadi, saya nak tahu sejarah di sebalik pembatalan.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Terima kasih. Baik, ringkas sahaja! Walaupun kita telah melantik ADPI, tempoh yang diberikan ruang untuk jadi ADPI melaksanakan kajian-kajiannya, masa tu dia tak boleh pi merata, masa tu covid, maka report yang disediakan oleh ADPI ketika itu tidak memberi unjuran kargo, dia failed, dia bagi kargo kat kita 300 tan sahaja setahun sebab dia tak boleh ke tapak untuk buat kajian, Berdasarkan itu, MOT telah mempertikaikan kalau consultant hag lantik pun 300 tan sahaja macam mana hang nak lantik untuk kargo. Jadi, kita pun terima, sehebat-hebat ADPI yang telah buat 750 airport pun kita teliti, kalau dia tak boleh comply dengan apa yang kita nak, maka kita tamatkan dan satu rundingan telah dibuat untuk menamatkan ini dan ganti dengan consultant lain anak -anak tempatan, yang terlibat dalam industri dan kajian barulah boleh dijalankan dengan terperinci, sekarang ini kita pakai consultant baru bukan lagi ADPI tetapi bayaran ADPI setakat yang dia buat kerja. Jadi, dia pun telah bersetuju untuk menamatkan lantikan dia dengan bayaran yang setakat dia buat lah. ECK ini kita lantik sebagai developer, dia bukan consultant tapi dia pelabur dan developer. Oleh kerana dia failed untuk deposit, kita tamatkan. Sekarang ini oleh kerana ada orang bercakap bagi pihak orang lain, maka saya anggap orang tu tak bersedia untuk melaksanakan maka kita ada lagi 'spare' 18 syarikat lain yang telah mengemukakan minat dan bukti-bukti keupayaan mereka maka kita akan pilih dari 18 itu satu dan akan interview untuk JV dengan satu syarikat yang telah pun menjawab mereka bersedia untuk melaksanakan ini.

Masalah syarikat, masalah ni tak dak timbul apa, kita perlu kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi, bertindak di atas petak masing-masing sudah, jangan qedah pi petak orang lain pi duk meqedak dalam tu, lepas tu pi duk habaq kata kelambu kawan tu carik, tilam tak boh cadar, macam-macam. Ikut suka aku bilik aku. Kan? Aku boleh tidoq situ, anak pun berbegeh-begeh keluaq. Hang kacau apa? Contoh! Contoh!

YB. DATO' SPEAKER

YAB. Jeneri nak buat 'landing' ka?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Nak landing dah! Nak landing dah! Saya nak jawab keharmonian. YB. Pengkalan Kundor bangkitkan saya kena saman, "satu-satunya Menteri Besar yang disaman oleh Perdana Menteri". Saya perlu maklumkan kepada tuan-tuan bahawa kita kena bezakan, pada waktu ucapan kita buat, apa-apa tindakan yang kita buat kita pakai topi apa? Pada masa itu kempen pilihan raya. Kawan hat saman saya pun dia duk menyanyi "hoi ya hoi" lagi, dia pun tak jadi PM lagi. Hoi ya hoi ni satu Malaysia duk menyanyi, last-last dia pakat dengan hoi ya hoi tubuh kerajaan.



Ha! Teruk daripada saman mahkamah lagi hat tu! Hang langgar prinsip, hang langgar semua hat hang menyanyi tu, hang pakat dengan kawan tu. Saya kata, “saman tak sampai teqa tu, saman tu tak tentu dia menang lagi, pi, mahkamah esok saya menang macam mana?”. Hai, mahkamah tu saya boleh kemuka semua benda, ceramah saya berkaitan dengan sejarah, apa yang saya sebutkan adalah kes mahkamah. Esok keluar balik semua tu. Aih! Takut sangat aku! Saya tak bimbang saman itu sebab saya sebut tentang fakta kes yang telah berlaku dalam mahkamah di negara ini. Saya ulang balik, ramai yang bersedia untuk menjadi saksi saya dan saya tidak ada sedikit pun rasa gentar kepada saman itu. Dia saman saya sebagai Sanusi Md Nor, bukan Menteri Besar Kedah dan saya tak mintaklah semua tuan-tuan ni malu bagi pihak saya kerana saya disaman. Saya tak malu pun, saya sebut tentang fakta! Tak payah dah duk malu bagi pihak saya, tak dialu-alukan langsung! Dia saman saya, semasa tu saya ceramah sebagai Ketua Pengarah Pilihan Raya, saya pakai topi Pengarah Pilihan Raya semasa ceramah tu, bukan topi Menteri Besar, baju saya tulis “Perikatan Nasional”. Jadi, apa masalahnya? Dia saman saya, dia bukan saman sebagai Perdana Menteri, dia saman sebagai penyanyi hoi ya hoi. Saya tak taulah sapa menyanyi lagu hoi ya hoi tu pun. Duk pakat sekali, ‘defense’ pulak tu la ni, tibai kita balik. Untuk keharmonian baru nak dapatkan duit ni tak betul, harmoni mesti datang dari kedua belah pihak. Nak suruh saya saja bersikap baik, depa tibai kita macam-macam benda hat tak betul nak suruh saya duk diam, mana betul.

Pemberian wajib Persekutuan kepada negeri diikat oleh Perlembagaan Persekutuan Perkara 109. (1) Pemberian mengikut ramai penduduk. Tahun 2021 kita dapat RM30.6 juta, 2022 kita dapat RM31.015 juta, tahun ni baru dia bagi RM15.6 juta, separuh. (2) Pemberian pertambahan hasil. 2021 tak dapat, 2022 dapat RM7.8 juta kerana federal kutip hasil yang banyak di Kedah ni, jadi dia kena bagi dekat kita berdasarkan undang-undang. (3) Pemberian 50% kos pengurusan jabatan negeri. Tahun 2021 RM39 juta, tahun 2022 RM4.16 juta. Ini ada dalam undang-undang, bukan dia boleh pilih nak bagi ka, tak bagi kerana parti tu parti lain, parti aku parti lain. Tak boleh, Perkara 109 Perlembagaan Persekutuan. (4) Pemberian kos perkhidmatan. Tahun 2021 dia bagi RM24.5 juta, 2022 RM22.1 juta. (5) Pemberian Khas Pulau Pinang. Ha! Nama saja tu pajakan, RM10 juta! RM10 juta! RM10 juta! Pemberian Khas Pulau Pinang, dua tajuk, RM10 ribu! RM10 ribu! RM10 ribu! 2021, 2022, 2023. 2023 bayar dah oooo... bayar awal ooo...pajakan, takut kita ambil balik. (6) Pemberian pelancongan. Tahun 2021, oleh kerana ramai orang masuk tahun 2020 kita dapat RM2.5 juta, tahun 2022 kerana covid kita dapat RM35,416.20. Tuan-tuan sekalian, kita nak main politik tak pa, mainlah tapi jangan kempen oleh kerana kita nak menang pilihan raya kita kata parti kena sama dengan Persekutuan baru boleh dapat duit ini semua, tak betul.



Kena mendidik masyarakat, kita ni diikat oleh undang-undang termasuklah saya, semua kita ini diikat oleh undang-undang negeri dan Persekutuan pun dibina di atas undang-undang, federalisme, bersikap profesionallah. Kalau kita tak ada Ahli Parlimen di Kedah ini nasiblah na, orang tak mau, macam mana nak buat? Dapat seoranglah kan? Saya harap kita terus memberikan khidmat yang baik kepada negeri dan peranan yang masih ada berbaki sebagai wakil rakyat sebelum DUN di bubarkan. Saya mencadangkan untuk membubarkan DUN ini minggu ketiga atau keempat bulan Jun. Punya 'gentlemen' habaq siap-siap untuk tuan-tuan semua buat persiapan, siapa yang kalah boleh bertanding DUN balik, boleh, bukan salah. Kalau nak dapat kerusi Bandar Baharu pun bodek depa ni kuat-kuat sikit, mungkin boleh dapat kerusi Bandar Baharu. Tu yang tibai kita pedih ni, saya pedih YB. Bandar Baharu, pasal kita lantik dia semasa dia duk dengan kita, lantik atas cadangan parti dia. Kita tamatkan dia sebagai Ahli Lembaga Pengarah atas parti dia pi pakat dengan depa ni (parti pembangkang). Bila parti dia tak pakat dengan kita dah, di peringkat Persekutuan parti dia tubuh kerajaan dengan Pakatan Harapan, takkan dia nak duduk situ lagi. Kita tak dak pilihan kerana bapa mu telah melarikan rumah ke kampung lain maka saya tak ada pilihan, terpaksa berpisah walaupun tak berapa sedih. Susahlah, bukan saya punya pilihan.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, peraturan mesyuarat. YB. Dato' Speaker, saya merujuk kepada peraturan mesyuarat Perkara 35(4) (5) (6), adalah salah pada peraturan mesyuarat bagi seseorang ahli menggunakan bahasa biadap, seseorang ahli tidak dibenarkan menyebut nama ahli lain, seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ada lain, Terima kasih.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ada yang jahat tu sapa tak tau? Sangkaan jahat tu apa?

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Yang kata lah.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Ha? Kata apa, yang saya kata tu semua betul. Bila BN pi pakat dengan PH, Bandar Baharu BN, nak duk dengan saya macam mana? Pak lari dah, anak terpaksa ikut lah. Jadi, bila anak ikut, takkan nak duduk dalam 'board' lagi, maka kita buat penamatan dengan sempurna dan mengikut undang-undang. Mana ada jahat!



YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Masa tu belum lagi, belum jadi pembangkang masa tu.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Disember! Bandar Baharu ditamatkan sebagai Ahli Lembaga Pengarah KTPC Disember 2022, pilihan raya November 2022.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

September!

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Berkuatkuasa sehingga Disember 2022, pi baca balik surat, saya 'sign' surat tu, saya tau! Haaa.... Mengelirukan Dewan ni, ada peraturan mesyuarat jugak! Tapi tak pa lah, biao pi lah.

YB. DATO' SPEAKER

YAB. Jeneri nak landing dah ka?

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Saya ucap terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sebelah sini dan sebelah sana yang memberi kerjasama yang baik sepanjang saya menjadi Menteri Besar, selepas ni tak tau di mana kita akan berada. Saya menghargai semua teguran. Bila tegur saya, saya 'reply' biasa saja, itu karektor saya, hati baik, mulut saja kasaq sikit.

Walaupun saya kena saman, kena macam-macam, saya tulis surat saya pi jumpa tau. Saya duk pi bisik di telinga, nak jumpa nak bentang apa-apa, dia saman saya, masa tu saman dah tapi saya tak dak masalah. Atas profesionalime saya sebagai Menteri Besar, saya pi jumpa sebab dia Perdana Menteri, saman itu isu lain. Jadi, janganlah lagi melaga-lagakan, saman tu kerana kami nak berjumpa dan selesaikan di mahkamah, urusan negeri terus berjalan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya turut merakamkan junjung kasih ke atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang telah merasmikan Persidangan Dewan pada kali ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberi perhatian. Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YB. DATO' SPEAKER

Tepat satu jam YAB. Jeneri menggulung. Ahli-ahli Yang Berhormat, agenda penggulungan oleh Exco telah pun tamat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah suatu usul yang berbunyi, “Patik-patik sekalian, Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman di dalam persidangan ini dengan penuh hormat dan takzimnya menjunjung kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah di atas perkenan Tuanku menyampaikan titah ucapan sempena Perasmian Pembukaan Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman bagi Mesyuarat Pertama Penggal Keenam Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman Yang Ke-14”.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan minta kata setuju yang tidak katakan tidak! Usul ini diluluskan.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha!



III. RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN KEDAH (PINDAAN) 2023.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2023.

TUAN SETIAUSAHA

Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2023 dibacakan bagi kali yang pertama

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali pertama.

Bacaan Kali Pertama

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Tuan Speaker, sebelum saya kemukakan cadangan saya berkenaan dengan rang undang-undang tersebut sukacita dimaklumkan ianya telah diwartakan untuk makluman umum pada 23 Februari 2023 menurut perkara 59 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama "Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah".

YB. DATO' WIRA DR KU ABDUL RAHMAN BIN KU ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Speaker saya pohon menyokong cadangan itu.

TUAN SETIAUSAHA

"Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah".

Bacaan Kali Pertama



YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar untuk menerangkan rang undang-undang tersebut.

Bacaan Kali Kedua

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon memberitahu bahawa saya hendak mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua pada persidangan ini juga.

YB. DATO' SPEAKER - SILAKAN

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan iaitu rang undang-undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan dengan ini sukalah saya menjelaskan sedikit sebanyak mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2023 seperti berikut :

Kerajaan Persekutuan telah membentangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) (No.3) 2022 [Akta A1663] pada 11 April 2022 dan telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 28 Julai 2022 bertujuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ("PP") berhubung dengan larangan lompat parti di kalangan Ahli Parti Politik. Sehubungan dengan pindaan tersebut, Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan ("PP") turut dipinda bagi tujuan penyelarasan.

Jadual Kelapan menyenaraikan peruntukan-peruntukan penting (*essential provisions*) yang perlu dimasukkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri. Selepas pindaan Seksyen 7A Jadual Kelapan, kekosongan luar jangka akan berlaku sekiranya terdapat pertukaran parti politik oleh mana-mana ahli Dewan Undangan Negeri.



Selain peruntukan berkenaan larangan pertukaran parti politik, pindaan seksyen 7A Jadual Kelapan turut memotong peruntukan yang melarang mana-mana Ahli Dewan Negeri yang meletakkan jawatan daripada bertanding semula sebagai Ahli Dewan Negeri dalam tempoh lima (5) tahun. Peruntukan tersebut terdapat dalam Fasal (3) Perkara 47 Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah. Melalui pindaan ini, maka mana-mana ahli yang meletakkan jawatannya layak bertanding semula di negeri tanpa terikat dengan larangan untuk bertanding semula dalam tempoh lima tahun itu.

Sehubungan dengan itu, Rang Undang-Undang yang saya bentangkan adalah bertujuan untuk meminda Perkara 47 dan memasukkan perkara baharu 48A Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah selaras dengan pindaan terhadap Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat bagi tujuan penyeragaman.

Rang undang-undang ini mengandungi 3 fasal.

Fasal 1 memperuntukkan tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen ini.

Fasal 2 bertujuan untuk memotong Fasal (3) Perkara 47. Pemotongan ini akan membolehkan mana-mana Ahli Dewan Undangan Negeri yang melepaskan keahliannya untuk bertanding semula dalam pilihan raya pada bila-bila masa selepas dia melepaskan keahliannya dalam Dewan Undangan Negeri dan dengan demikian kehilangan kelayakan untuk menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri bagi tempoh lima tahun tidak lagi terpakai.

Fasal 3 bertujuan untuk memasukkan Perkara baharu 48A ke dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah untuk memperuntukkan bahawa seseorang Ahli Dewan Undangan Negeri hendaklah berhenti menjadi Ahli Dewan itu dan kerusinya hendaklah menjadi kosong sebaik sahaja suatu tarikh kekosongan luar jangka dipastikan oleh Speaker Dewan Negeri di bawah Fasal (3) Perkara baharu 48A jika setelah dipilih ke Dewan Undangan Negeri sebagai anggota suatu parti politik, dia melepaskan keanggotaan atau berhenti menjadi anggota parti politik itu. Perkara yang sama juga terpakai bagi calon bebas yang setelah dipilih ke Dewan Undangan Negeri, menyertai suatu parti politik, Perkataan “anggota suatu parti politik” yang disebut di dalam Perkara baharu 48A hendaklah termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri yang bukan anggota mana-mana parti politik yang membentuk suatu gabungan parti politik tetapi ialah anggota gabungan itu.



Bagi memudahkan kefahaman Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang telah menyatakan misalan-misalan berkenaan pindaan yang berkenaan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya mohon mencadangkan agar Rang Undang-Undang ini diluluskan oleh Dewan Yang Mulia ini.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang Dewan dibuka untuk perbahasan.

(Perbahasan!)

YB. DATO' HAJI ZAMRI BIN YUSUF

Terima kasih YB. Dato' Speaker yang memberikan ruang untuk kita sama-sama terlibat sini saya ingin menyatakan sokongan saya kepada rang undang-undang ini yang merupakan enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Kedah kerana ia merupakan satu permulaan yang sangat bermakna dan bersejarah bagi kita kerana dengan kita menggubalkan undang-undang anti lompat ini ianya bukan sahaja kesannya dari segi undang-undang perlembagaan negeri. Kita tengok daripada kesan ini ia akan memberikan kesan kepada pengertian dalam bentuk moral dan juga integriti kepada Adun ataupun Ahli Dewan Undangan Negeri kerana tidak lagi dianggap boleh tolong melompat, menjual maruah dan khianat sesuka hati. Ini antara yang terbawa ataupun secara langsung di bawa dalam pindaan ini dan kita juga melihat pindaan ini secara langsung juga telah menyekat ataupun mengisi kelompongan kerana sebelum ini dia ada satu ruang memberikan kepada sesiapa yang agak berkuasa. Kekuasaan dan juga kekayaan boleh menentukan corak pentadbiran dan pemerintahan.

Dengan adanya undang-undang ini saya lihat maknanya dari segi politik itu kembali sebagai satu penghormatan dan ia merupakan satu lagi yang membolehkan ahli-ahli politik itu akan daripada menjadi bahan dagangan sebelum ini walaupun tidak secara langsung tetapi pindaan ini membantu untuk mengatasi persepsi itu. Jadi, keadaan sedia ada ini menyebabkan kadang-kadang terhakis sebelum ini keyakinan orang ramai khususnya anak muda dan juga working-class kepada ahli politik yang melompat ke sana ke mari atas pendirian sendiri.



Jadi, oleh itu YB. Dato' Speaker, saya yakin undang-undang sebegini telah mencipta satu sejarah untuk kita dan juga untuk negara. Saya yakin dengan ini generasi ke depan ataupun generasi seterusnya akan lebih percaya kepada sistem politik negara dan kita akan juruskan kepercayaan ini untuk kita pulihkan sistem demokrasi dan juga kita menangani secara langsung menangani gejala rasuah yang menjadi punca kepada beberapa perkara yang lain. Jadi, saya harap dengan kita menyokong undang-undanga ini kita dapat melaksanakan satu sistem demokrasi yang lebih baik.

YB. DATO' SPEAKER

Terima kasih. Silakan Jitra!

YB. DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ TUN MAHATHIR

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya juga menyumbang kepada perbahasan berkenaan dengan rang undang-undang ini. Saya juga bersetuju dan menyokong bahawa rang undang-undang ini perlu kita luluskan kerana ini sebahagian daripada proses penambahbaikan demokrasi yang kita amalkan dalam negara kita ini lebih-lebih lagi apabila amalan lompat-melompat ini makin menjadi-jadi bukan hanya di peringkat parlimen tetapi juga di beberapa negeri dan ianya membantu untuk meningkatkan keyakinan orang ramai khususnya anak-anak muda yang baru mengenali politik ini kepada sistem demokrasi yang kita amalkan tetapi selain daripada rang undang-undang anti-lompat parti, salah satu lagi rang undang-undang yang dianggap sebagai yang menyempurnakan sistem yang kita amalkan ini ialah soal pendanaan politik.

Jadi, sewaktu saya masih lagi Ahli Parlimen saya menyertai jawatankuasa apa ini rentas parti di Parlimen untuk bincang perkara ini. Yang saya dengar di Parlimen pun ianya masih lagi di peringkat perbincangan dan mungkin bakal dikemukakan usulnya di Dewan Rakyat tetapi saya ingin menyarankan agar di peringkat negeri ini pun kita mula fikirkan berkenaan dengan isu pendanaan politik kerana bila digandingkan dengan RUU yang hendak kita luluskan hari ini barulah dia lengkap. Kita ada rang undang-undang anti-lompat parti tetapi pada waktu sama ada rang undang-undang baru berkenaan dengan pendanaan politik. Terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Penggulungan daripada sebelah kanan!



YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABD. SAMAT

Terima kasih YB. Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong rang undang-undang yang telah dibentang ini dan saya yakin kita semua sedia maklum ia sebagai untuk menyelaraskan undang-undang yang telah pun sedia ada di peringkat Persekutuan dan ia juga sebenarnya dalam tempoh lima tahun ini perkara yang berlaku itu, huraian-huraian yang telah pun diceritakan, kita boleh nampak maknanya tak boleh lompat, beralih secara bersendirian tapi kalau blok sebagai satu parti walaupun tadi Suka Menanti kata supaya tak berlaku dagangan tapi bila dibuat keputusan itu dibuat di peringkat parti yang berada dalam gabungan. Sebagai contohlah, PH hari ini contoh BN dah buat keputusan sebagai parti tak nak sama-sama dengan PH untuk bersama-sama dengan PN, dibolehkan! Contoh! Itu sebagai perkara yang ada dalam perlembagaan macam Bandar Baharu hari ini beralih sebelah sana kalau menurut perlembagaan masih sah tidak terlucut.

Jadi, segala yang berlaku ini saya rasa telah memberi suatu kematangan kepada kita untuk menilai dan moga-moga apa yang kita pindahkan hari ini Insya Allah akan diberikan kestabilan supaya tak berlaku secara bersendirian yang boleh untuk merencatkan kepercayaan masyarakat kepada ahli-ahli politik.

Jadi, kita di peringkat 'backbenchers' menyokong rang undang-undang ini dan semoga diberikan kebaikan kepada perjalanan pentadbiran negara dan juga negeri Insyaallah pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

YB. Dato' Speaker, satu sahaja! Wakil Tunggal!

YB. DATO' SPEAKER

Kalau saya buka akan dilanjut Panjang ini!

YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Sikit saja YB. Dato' Speaker!

YB. DATO' SPEAKER

Semua orang rasa sikit! Ha..cakap! Apa nak cakap! Cakap!



YB. DATO' NORSABRINA BINTI MOHD NOOR

Terima kasih YB. Dato' Speaker yang semua kita sayangi. Inilah tak boleh dibeli sesuatu kesetiaan begitulah juga kepada saya, kesetiaan saya kepada parti dan saya menyokong RUU yang kita bawa ini kerana kesetiaan itu adalah lebih tinggi nilainya daripada apa juga cercaan, kejian dan apa juga yang dikenakan kepada seseorang. Jadi, untuk kita capai kestabilan politik, capai kestabilan ekonomi, capai kestabilan apapun yang kita perjuangkan kepada rakyat atau ini sangatlah penting, balik-balik pun kepada kesetiaan. Dulu BN juga bertiga di dalam Sidang DUN ini tapi kami tinggal berdua, dah tak dak pilihan bila ketua parti yang buat keputusan, kami pun beralih ke sini. Tetapi kawan-kawan kita tetap di sana, itu mungkin sebab sebelum kita adapt dan adopt untuk akta ini.

Jadi, saya yakin dan percaya kita semua menyokong akta ini pun dibawa dan dibahaskan di Parlimen oleh wakil daripada Barisan Nasional. Saya berterima kasih kepada Menteri Undang-Undang yang sekarang ini dan semoga mandat rakyat tidak kita nafikan, mandat rakyat tidak kita cabuli untuk kepentingan diri kita sendiri. Terima kasih saya menyokong Akta RUU Anti Lompat ini. Terima kasih.

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Jangan buat muka....(sambil ketawa)

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-ahli Yang Berhormat, dia ada satu implikasi yang Ahli-ahli Yang Berhormat tak sedar. Kita minta kebenaran sambung masa, kita terhad kepada pukul 2.00. Sekiranya selepas dari pukul 2.00, yang kita putus nanti tidak akan sah!

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Tidak! Tidak! 'Back to defer' Dato' Speaker. Dato' Speaker kata tadi usul kita sehingga selesai urusan mesyuarat. Bila YB. Jeneri tanya tadi kata pukul 2.00.

YB. DATO' SPEAKER

Silakan! Silakan!



YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ok, terima kasih. Tak banyak pun YB. Dato' Speaker, saya berdiri untuk turut menyokong pindaan Rang Undang-Undang kita ini. Cuma ada satu perkara yang saya rasa saya nak kena sebut supaya 'quition' kita ni 'clear'. Walaupun kita cuba nak buat dengan premisnya itu ialah supaya mana-mana wakil rakyat yang dipilih di peringkat DUN atau Parlimen, rakyat pilih dia kerana parti yang dia wakili waktu itu katalah waktu itu dia bersama parti dia dalam satu gabungan dan rakyat pilih dia kerana yakin dengan gabungan itu. Maka setelah dia dipilih sama ada secara individu yang berlaku sebelum ini ataupun selepas ini dikatakan boleh seperti YB. Sungai Limau sebutkan tadi, satu parti buat keputusan untuk membelakangi mandat yang rakyat berikan ketika mana waktu itu pun dalam hal ini sah! Dalam hal ini sah. Saya ingat ini suatu yang kita nak kena fikirilah walaupun mungkin duk cari macam mana nak selesaikan perkara itu tak dapat tapi masih lagi ada kemungkinan berlakunya suatu yang kita membelakangi mandat yang rakyat berikan kepada kita apabila keputusan parti membuat keputusan yang sedemikian walaupun ianya membelakangi mandat yang diberikan oleh rakyat.

Sebab itu di dalam ini dia kata, "akan hilang kelayakan seseorang itu jika dia setelah dipilih sebagai anggota satu parti politik dia melepaskan keanggotaan parti politik itu". Maknanya dia sendiri, "dengan ini saya mengisytiharkan keluar daripada parti saya", maka habis dah, dia kena kosongkan jawatan.

Ataupun yang keduanya disebut, "dia tidak lagi menjadi anggota parti politik itu". "He ceased to be a member of that political party" (dengan izin) dan ini hanya boleh berlaku apabila di dalam perlembagaan parti dia ada menyebut perkara-perkara yang menyebabkan dengan automatik dia tidak lagi menjadi anggota kepada parti itu. Contohnya, saya difahamkan dalam UMNO, "mana-mana ahlinya yang membawa urusan partinya itu ke mahkamah, secara automatik 'he or she ceased to be a member'". Habis! Dan dalam hal ini, dia dengan sendirinya kena hilang kelayakan dia sebagai seorang anggota DUN atau Parlimen. Jadi, dalam hal ini kalaulah contohnya saya sebutkan tadi tu parti dia semasa masuk bertanding yang dia minta mandat kepada rakyat untuk bersama dengan gabungan. Kemudiannya 'the hold party' itu buat keputusan, tidak! Tidak! Tidak! Kita payah pilih yang ni, kita buat yang baru maka tertubuhlah kerajaan baru, keseluruhan parti. Jadi, kalaulah ada seorang individu dalam parti tersebut tak bersetuju, dia kata, "mandat rakyat bagi kat kita untuk bersama dengan yang ini, kenapa kita tukar yang ni?". Jadi, kalau tidak ada 'provision' dalam perlembagaan parti dia yang kalau dia buat sesuatu perkara yang membelakangi keputusan parti dia, walaupun kita nampak macam tu teraniyalah dia.



Tapi kalau tak dak dalam tu masih lagi ada ruang untuk dia tidak bersama dengan keputusan parti dia dan kalau dia dipecat kerana tak ikut pun tak pa sebab pecat tak berlaku di situ, dia tak hilang tapi 'ceased to be a member' tidak berlaku kalau dalam perlembagaan parti dia tidak ada peruntukan yang sedemikian. Saya nak bangkit hat tu sajalah tapi secara keseluruhannya....(YB. Bakar Arang minta laluan)

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Saya nak mencelah sikit boleh?

YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ok, silakan!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Satu persoalan sajalah sebab..... (YB. Dato' Speaker mencelah)

YB. DATO' SPEAKER

Tengok, sampai dekat Speaker pun depa tak sebut dah!

YB. ENCIK OOI TZE MIN

Oh! Sorry. YB. Dato' Speaker.... Saya rasa satu persoalan juga untuk lebih stabil atau 'clear'kan apabila sesuatu berlaku. Seperkara lagi ialah apabila kita interpretasi anggota kepada sesuatu parti, sebagai contoh macam saya dari Parti Keadilan, tapi bila saya bertanding atas tiket Pakatan Harapan ataupun Parti Pas tapi bertanding atas tiket Perikatan Nasional, maka interpretasi anggota kepartian itu atas parti yang dia sendiri menyertai sendiri ataupun parti yang bertanding, gabungan itu atau parti yang bertandinglah. Itu akan berlaku sebab rakyat atau pengundi yang mengundi atas logo parti itu. Tapi nanti selepas pilihanraya contohnya Pas bergabung dengan parti lain, adakah ini dimasukkan walaupun meninggalkan parti itu? Itu persoalan saya.

YB. DATO' SPEAKER

Ini pun bukan.... (YB. Anak Bukit mencelah)



YB. DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAMZAH

Ya! Ya! Betul, saya pun tak mau jawab. Ia akan menjadi suatu yang mungkin kalau ada penggulunganlah selepas ini, mungkin perkara itu boleh disentuh. Jadi YB. Dato' Speaker, saya rasa itu saja yang saya nak bangkitkan supaya 'cuestion' kita sangat 'clear' apabila kita meluluskan ini walaupun harapan kita ialah untuk memastikan bahawa berlaku keadilan kepada mana-mana anggota itu yang setia kepada mandat yang rakyat berikan kepada dia pada ketika itu. Tapi ada kemungkinan dia dihukum dengan kesetiaan dia kepada mandat rakyat pada ketika itu, ketika mana parti membuat keputusan yang sebaliknya. Saya turut menyokong, terima kasih.

YB. DATO' SPEAKER

Semua sokonglah na?

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, persoalan di hadapan Dewan sekarang ialah satu Rang Undang-Undang yang berbunyi "Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah".

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan itu pinta kata "setuju" yang tidak kata "tidak".

(Dipertsetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

"Satu Enakmen untuk meminda Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah".

Bacaan Kali Kedua.

YB. DATO' SPEAKER

Dewan sekarang bersidang sebagai Jawatankuasa.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 1



YB. DATO' Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. DATO' Pengerusi

Fasal 1 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA - FASAL 2

YB. DATO' Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. DATO' Pengerusi

Fasal 2 ditetapkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN - FASAL 3

YB. DATO' Pengerusi

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang ini kata “setuju” yang tidak kata “tidak”.

[Dipersetujui]

YB. DATO' Pengerusi

Sekarang Dewan kembali kepada Persidangannya.

YB. DATO' Speaker

Dipersilakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk bacaan kali ketiga.



YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Bacaan Kali Ketiga

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon memaklumkan bahawa Rang Undang-Undang ini telah ditimbangkan oleh Jawatankuasa Dewan dan dipersetujui dengan tiada apa-apa pindaan. Dengan itu, saya pohon mencadangkan iaitu Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

YB. DATO' DR HAYATI BIN OTHMAN

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga sekarang dan diluluskan.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Kedah (Pindaan) 2023.

Adalah dengan ini diperbuat Undang-Undang oleh Majlis Undangan Negeri Kedah Darul Aman seperti berikut. Bacaan Kali Ketiga.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.



IV. PENYERAHAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI NEGERI KEDAH TAHUN 2021 KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI KEDAH DARUL AMAN.

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Penyerahan Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021. kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan YAB. Dato' Seri Menteri Besar untuk mencadangkan usul tersebut.

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon mencadangkan suatu Usul yang berbunyi:-

“Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021_ seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 2023 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini”.

Sekian, terima kasih.

YB. DATO' AZMAN BIN NASRUDDIN

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.



YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian persoalan di hadapan Dewan yang perlu diputuskan sekarang ialah satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021_seperti yang terkandung dalam Kertas Dewan Bil. 1 Tahun 2023 itu diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri untuk memeriksa dan menyampaikan penyata dan cadangan-cadangan berkenaan dengan kira-kira itu kepada Dewan ini”.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata “setuju”, yang tidak kata “tidak”.

(Dipersetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. DATO' SPEAKER

Urusan seterusnya Tuan Setiausaha.



V. USUL PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Pembentangan Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Oleh Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman.

YB. DATO' SPEAKER

Dipersilakan Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah Darul Aman untuk membentangkan laporan tersebut.

YB. PENERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGERI

Yang Berhormat Dato' Speaker, sebelum saya mencadangkan usul ini, terlebih dahulu saya ingin memberi sedikit penjelasan mengenainya.

[Laporan Akan dibentangkan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri]

[Selepas selesai Pembentangan Laporan]

Yang Berhormat Dato' Speaker, dengan ini saya pohon mencadangkan satu usul yang berbunyi :-

“Bahawa Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri Kedah di atas Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018 Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Kedah Siri 1 Dan Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Jabatan Negeri Kedah Siri 2 Tahun 2018 seperti yang terkandung di dalam Kertas Dewan Bil. 3 Tahun 2023 adalah dibentangkan”.

Sekian, terima kasih.

YB. USTAZ MOHD AZAM BIN ABDUL SAMAT

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan ini.



YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan ini pinta kata 'setuju', yang tidak kata 'tidak'.

(Dipersetujui)

YB. DATO' SPEAKER

Usul ini diluluskan.

YB. DATO' SPEAKER

Tuan Setiausaha urusan seterusnya



VI. TANGGUHAN SIDANG DEWAN

(Selepas semua urusan mesyuarat dijalankan bagi persidangan kali ini)

TUAN SETIAUSAHA DEWAN

Tangguhan Sidang Dewan

YAB. DATO' SERI MENTERI BESAR

Yang Berhormat Dato' Speaker, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Oleh kerana perkara-perkara di dalam Agenda Persidangan Dewan pada kali ini telah pun selesai dibincangkan, maka saya pohon mencadangkan di bawah Peraturan 16(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kedah Darul Aman supaya persidangan ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan ditetapkan kelak.

Terima kasih.

YB. DATO' USTAZAH SITI ASHAH BT GHAZALI

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya pohon menyokong cadangan itu.

YB. DATO' SPEAKER

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas kerjasama yang diberikan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat sehingga perjalanan urusan mesyuarat dapat berjalan dengan sempurna dan teratur. Kerjasama yang begini diharap dapat diteruskan dengan baik lagi di masa-masa yang akan datang.

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Sidang Dewan kali ini ditangguhkan sehingga ke suatu masa yang akan diberitahu kelak.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

[Sidang Dewan tamat pada jam 2.30 petang]